2. Menguruskan pelantikan jawatankuasa untuk kelulusan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan/Bahagian seperti berikut:

   i) Spesifikasi
   ii) Pembuka
   iii) Penilaian kewangan dan teknikal atau penilaian sahaja
   iv) Urus setia lembaga perolehan (jika perlu)

3. Menetapkan tarikh dan tempoh iklan serta jadual taklimat/ lawatan tapak (jika ada);

4. Memastikan kelulusan bagi perolehan barangan import/ ICT (yang berkaitan) telah diperolehi daripada Kementerian/Jabatan berkaitan;

5. Menguruskan dan menyediakan dokumen tender;

6. Menguruskan iklan atau notis pelawaan tender;

7. Menyediakan peti tender untuk perolehan secara manual. Sekiranya peti tender tidak sesuai untuk menampung dokumen tender, Agensi dibenarkan untuk menyediakan bilik tender; dan

8. Agensi hendaklah mengambil langkah keselamatanuntuk mengawal bilik tender tersebut termasuk menghadkan akses dan memasang Kamera Litar Tertutup. Satu rekod daftar hendaklah disediakan untuk semua penerimaan tawaran.

b. Semasa Pelawaan

1. Memastikan iklan tender dipaparkan di portal MyPROCUREMENT;

2. Menyemak pendaftaran petender dengan Sistem ePerolehan atau CIDB;

3. Menyediakan rekod penjualan dokumen tawaran dan mengatur lawatan tapak/premis (jika berkenaan);

4. Menjaga keselamatan peti tender/bilik tender dan dokumen tender;

5. Menutup peti tender/bilik tender pada tarikh dan masa tutup yang ditetapkan;

6. Mengatur pembukaan tawaran tender; dan

7. Menyerahkan Kertas Taklimat kepada Urus Setia Lembaga Perolehan (Pihak Berkuasa Melulus - PBM) untuk penyediaan ulasan dan perakuan ke atas kertas taklimat tersebut sebelum diangkat untuk pertimbangan PBM.

c. Selepas Pelawaan dan Mesyuarat PBM

1. Menyediakan Kertas Taklimat Tender untuk pertimbangan Lembaga Perolehan;

2. Memastikan keputusan petender yang berjaya dipaparkan di portal MyPROCUREMENT;

3. Memberi maklumbalas kepada petender yang gagal (*debriefing*) sekiranya dipohon secara bertulis;

4. Melaksanakan siasatan ke atas bantahan dan memaklumkan keputusan kepada Panel Semakan (jika berkaitan);

5. Memaklumkan kepada pihak yang berjaya dengan mengeluarkan SST;

6. Menerima SST yang lengkap dengan dokumen yang ditetapkan;

7. Memberi maklum balas/penjelasan kepada petender yang gagal sekiranya dipohon; dan

8. Memastikan kontrak ditandatangani dan disempurnakan dalam tempoh yang ditentukan.

(ii) Urus Setia yang menguruskan mesyuarat Lembaga Perolehan

a. Sebelum mesyuarat

1. Mengatur mesyuarat Lembaga Perolehan;

2. Memastikan kriteria kelayakan penyertaan syarikat kepada perolehan yang diiklankan sama ada tertakluk/ tidak tertakluk kepada FTA dalam mengemukakan tawaran. Tawaran daripada pembida dari kalangan negara FTA yang menyertai perolehan tidak tertakluk kepada FTA hendaklah disisihkan dan tidak disyorkan;

3. Menyediakan Kertas Taklimat Tender untuk pertimbangan Lembaga Perolehan;

4. Memastikan dokumen tender didaftarkan sebagai dokumen terperingkat di Daftar Am 492 dan 492A di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];

5. Memastikan Ahli Lembaga Perolehan menandatangani *Integrity Pact* sebelum mesyuarat;

6. Melengkapkan Kertas Taklimat dengan mengesyorkan kedudukan petender berdasarkan laporan penilaian dan memberi ulasan ke atas syor yang telah dibuat; dan

7. Mengemukakan kertas taklimat dan laporan penilaian kepada Lembaga Perolehan Agensi.

b. Semasa mesyuarat

1. Urus Setia boleh memberi nasihat berkaitan perolehan kepada Lembaga Perolehan Agensi sekiranya diperlukan;

2. Mencatatkan perbincangan, butiran keputusan seperti petender yang dipilih, harga tawaran, tempoh pembekalan/siap/kontrak, sebab-sebab pemilihan atau penolakan tawaran tertentu dan sebagainya;

3. Memastikan setiap Ahli Lembaga Perolehan menandatangani kertas keputusan sebaik sahaja keputusan tender telah dibuat.

c. Selepas mesyuarat

1. Memastikan Ahli Lembaga Perolehan menandatangani *Integrity Pact* selepas mesyuarat Lembaga Perolehan;

2. Menyediakan minit mesyuarat;

3. Memaklumkan keputusan LP kepada urus setia yang menguruskan perolehan; dan

4. Melaksanakan tugas sebagai Panel Semakan bagi aduan/bantahan yang diterima berdasarkan tatacara Prosedur Semakan Domestik (DRP) (jika berkaitan).

17. Penilaian Tender

17.1 Kaedah Penilaian Bekalan/Perkhidmatan

Agensi hendaklah menentukan kaedah penilaian semasa penyediaan dokumen tender sama ada penilaian satu (1) peringkat atau dua (2) peringkat berdasarkan kompleksiti perolehan.

(i) Penilaian satu (1) peringkat

a. Penilaian 1 peringkat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian merangkumi penilaian teknikal dan kewangan.

b. Penilaian 1 peringkat boleh dilaksanakan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang tidak kompleks mengikut kod bidang seperti berikut:

1. Pembekalan bekalan alat tulis (Kod Bidang : 020601);

2. Pembekalan makanan bermasak Islam/bukan Islam tidak melebihi RM500,000 (Kod Bidang : 040103 dan 040104);

3. Pembekalan dakwat pencetak (*toner*) (Kod Bidang : 020601);

4. Perkhidmatan kawalan keselamatan (Kod Bidang : 220801); atau

5. Perkhidmatan membersih dan mencuci bangunan (Kod Bidang : 221001, 221002 dan 221005).

(ii) Penilaian dua (2) peringkat

a. Penilaian 2 peringkat hendaklah dilaksanakan kepada semua perolehan bekalan dan perkhidmatan kecuali bagi perolehan yang dinyatakan dalam perenggan 17.1.(i)b di atas.

b. Penilaian 2 peringkat dilaksanakan oleh dua (2) jawatankuasa iaitu penilaian teknikal dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal manakala penilaian kewangan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian Kewangan.

c. Petender yang melepasi penilaian pematuhan ke atas dokumen mandatori akan dinilai di peringkat penilaian teknikal terlebih dahulu. Petender yang melepasi penilaian teknikal sahaja akan dinilai di peringkat penilaian kewangan.

17.2 Jawatankuasa Penilaian Tender, Keahlian dan Tugas Jawatankuasa

(i) Pelantikan ahli Jawatankuasa Penilaian Tender dan setiausaha hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan tender dan dinyatakan dengan jelas tempoh penilaian serta tarikh laporan penilaian perlu dikemukakan kepada Urus Setia perolehan.

(ii) Urus Setia Perolehan tidak boleh dilantik sebagai Pengerusi atau ahli dalam Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan.

(iii) Penilaian tender bekalan, perkhidmatan dan kerja berasaskan *Design and Build* hendaklah dibuat oleh dua (2) jawatankuasa yang berasingan seperti berikut:

a. Jawatankuasa Penilaian Teknikal

1. Keahlian jawatankuasa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang pegawai termasuk wakil daripada Agensi lain yang berkaitan sekiranya perlu. Pengerusi hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Seorang Setiausaha perlu dilantik bukan di kalangan ahli jawatankuasa bagi setiap jawatankuasa untuk membantu segala urusan penilaian.

2. Pengerusi Jawatankuasa Spesifikasi tidak boleh dilantik sebagai pengerusi Jawatankuasa Penilaian Teknikal. Walau bagaimanapun, pelantikan sebagai ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal adalah dibenarkan. Ini adalah bagi memastikan proses penilaian dilaksanakan secara teratur dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

3. Ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah terdiri daripada pegawai yang mahir, berpengalaman dan berkelayakan tentang barangan/perkhidmatan tersebut. Sekiranya Agensi tidak mempunyai kemahiran dalaman, maka pegawai awam dari Agensi lain boleh dilantik seperti dari Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kimia, Jabatan Veterinar, MAMPU, FRIM dan sebagainya.

4. Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah membuat penilaian secara terperinci bagi memastikan penilaian yang dibuat adalah berasaskan kepada spesifikasi perolehan yang ditetapkan dalam dokumen tender.

5. Penilaian hendaklah dibuat berdasarkan kehendak dan keperluan yang dinyatakan di dalam dokumen tender yang dikemukakan, pernyataan pematuhan (*statement of compliance*) dan/atau penilaian fizikal.

6. Penilaian teknikal hendaklah dilaksanakan secara bermesyuarat. Penilaian teknikal secara edaran adalah tidak dibenarkan.

7. Jawatankuasa Penilaian Teknikal boleh menilai semua tawaran Teknikal dahulu. Hanya tawaran petender yang melepasi penilaian Teknikal sahaja akan dinilai di peringkat Jawatankuasa Penilaian Kewangan.

8. Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian kewangan boleh juga menilai semua tawaran serentak.

b. Jawatankuasa Penilaian Kewangan

1. Keahlian Jawatankuasa Penilaian Kewangan hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang ahli termasuk wakil daripada Agensi lain sekiranya perlu. Pengerusi hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Seorang Setiausaha perlu dilantik bukan di kalangan ahli jawatankuasa bagi membantu segala urusan penilaian.

2. Pengerusi Jawatankuasa Spesifikasi tidak boleh dilantik sebagai pengerusi Jawatankuasa Penilaian Kewangan. Pengerusi Jawatankuasa Spesifikasi boleh menganggotai Jawatankuasa Penilaian Kewangan sebagai ahli.

3. Pengerusi atau ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal tidak boleh menganggotai Jawatankuasa Penilaian Kewangan.

4. Penilaian kewangan sesuatu tender secara umumnya hendaklah mengambil kira faktor-faktor seperti keupayaan kewangan petender, syarat pembayaran, kadar harga yang munasabah, tempoh siap/penghantaran, diskaun, harga pasaran semasa dan sebagainya. Perbandingan antara satu tawaran petender dengan tawaran petender yang lain hendaklah dibuat berasaskan kepada faktor atau unsur yang sama (*equal footing*).

5. Penilaian kewangan hendaklah dilaksanakan secara bermesyuarat. Penilaian kewangan secara edaran adalah tidak dibenarkan.

(iv) Penilaian tender hendaklah diselesaikan dalam tempoh seboleh-bolehnya tidak melebihi 30 hari dari tarikh dokumen tawaran tender dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilaian.

(v) Laporan penilaian teknikal dan kewangan hendaklah ditandatangani oleh semua ahli Jawatankuasa.

18. Penilaian Tender Kerja

18.1 Penilaian tender kerja kecuali tender yang berasaskan konsep *Design and Build* boleh dibuat oleh satu (1) Jawatankuasa Penilaian sahaja.

18.2 Jawatankuasa Penilaian hendaklah dianggotai oleh tidak kurang dari tiga (3) orang pegawai. Pengerusi dan sekurang-kurangnya seorang ahli hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Salah seorang ahli Jawatankuasa penilaian hendaklah seorang Juruukur Bahan atau pegawai teknikal dalam bidang berkaitan dengan kerja tersebut.

18.3 Penilaian tender hendaklah diselesaikan dalam tempoh seboleh-bolehnya tidak melebihi 30 hari dari tarikh dokumen tawaran tender dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilaian.

18.4 Laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh semua ahli Jawatankuasa.

19. Asas Penilaian Tender

19.1 Agensi hendaklah melaksanakan penilaian berdasarkan kaedah penilaian yang ditetapkan sama ada satu peringkat atau dua peringkat.

19.2 Asas penilaian tender oleh Jawatankuasa termasuklah perkara berikut:

(i) Memastikan petender memenuhi kesemua syarat dan arahan yang dinyatakan dalam dokumen tender.

(ii) Menilai kemampuan teknikal petender seperti kakitangan profesional dan teknikal, pengalaman kerja, rekod prestasi, projek yang sedang dilaksanakan/dalam tangan.

(iii) Menilai kemampuan kewangan petender dari segi modal pusingan, *nett worth*, kemudahan kredit, nilai baki kerja dalam tangan yang belum siap dan sebagainya.

(iv) Menganalisis harga tender dengan mengambil kira tempoh siap/ penghantaran yang ditawarkan berdasarkan tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan.

(v) Memastikan kontraktor Gred G4 hingga G7 mengemukakan laporan kewangan syarikat yang telah diaudit bagi tiga (3) tahun berturut-turut sebagai salah satu dokumen wajib yang perlu dikemukakan.

(vi) Memastikan kontraktor mengemukakan perkara berikut:

a. senarai kontrak kerja semasa (kerja dalam tangan);

b. laporan penyeliaan projek atas prestasi kerja semasa; dan/atau

c. Laporan Jurutera projek atas prestasi kerja.

20. Garis Panduan Penilaian Tender

20.1 Garis Panduan Penilaian Tender adalah seperti berikut:

(i) Garis Panduan Penilaian Tender Bekalan dan Perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran 9**;

(ii) Garis Panduan Penilaian Tender Kerja Kecil (RM 10 juta dan ke bawah) adalah seperti di **Lampiran 10**; dan

(iii) Garis Panduan Penilaian Tender Kerja Besar (Melebihi RM 10 juta) adalah seperti di **Lampiran 11**.

21. Perakuan Tender

21.1 Perakuan Kepada Lembaga Perolehan

(i) Ketua Jabatan/Bahagian (Urus Setia perolehan) hendaklah membuat perakuan kepada Lembaga Perolehan berdasarkan Laporan Penilaian Tender. Perakuan tersebut hendaklah berdasarkan tawaran yang terbaik dari segi harga, kualiti mengikut keperluan Agensi dan hendaklah mengambil kira semua prinsip perolehan dan dasar semasa Kerajaan. Perakuan tersebut juga hendaklah menyatakan dengan khusus tawaran petender yang dicadangkan untuk dipertimbangkan.

(ii) Bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan, di mana petender dibenarkan untuk menawarkan sebahagian tawaran mengikut item/ kawasan/zon, Ketua Jabatan juga boleh mengesyorkan lebih daripada satu petender.

22. Pertimbangan Dan Keputusan Lembaga Perolehan

22.1 Tatacara Pertimbangan Tender

(i) Panduan dan penjelasan berkenaan pelantikan, keahlian, pihak berkuasa melulus dan had nilai setuju terima tender Lembaga Perolehan Agensi hendaklah mengikut peraturan berkaitan yang berkuatkuasa.

(ii) Sekiranya sesuatu tender itu perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia untuk pertimbangan, Agensi hendaklah mengemukakan tender tersebut kepada Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh tujuh (7) hari selepas keputusan Lembaga Perolehan.

23. Pemakluman Keputusan Tender

23.1 Setelah mendapat keputusan Lembaga Perolehan/Perbendaharaan, Agensi hendaklah mengeluarkan SST dengan kadar segera sebaik sahaja mendapat keputusan Lembaga Perolehan/Perbendaharaan dalam tempoh sah laku tender. Setelah SST disempurnakan, Agensi hendaklah menyiarkan maklumat petender yang berjaya dalam portal MyPROCUREMENT, sistem ePerolehan dan/atau laman sesawang Agensi.

23.2 Bagi perolehan tertakluk FTA, setelah mendapat keputusan Lembaga Perolehan/Perbendaharaan, maklumat petender yang berjaya hendaklah disiarkan dalam portal MyPROCUREMENT, sistem ePerolehan dan/atau laman sesawang Agensi. Petender yang tidak berjaya adalah diberi tempoh masa sebanyak 10 hari daripada tarikh penyiaran keputusan untuk membuat sebarang bantahan atas keputusan. Selepas tempoh berkenaan, Agensi hendaklah mengeluarkan SST dengan kadar segera dalam tempoh sah laku tender.

24. Prosedur Semakan Domestik (*Domestic Review Procedure*)

24.1 Sebarang bantahan ke atas perolehan yang tertakluk kepada FTA boleh dibuat oleh petender dan hendaklah merujuk di PK2.1.

25. Penjelasan Berhubung Proses Perolehan Kerajaan (*Debriefing*) bagi Perolehan Tertakluk kepada FTA

25.1 Tatacara *debriefing* bagi perolehan yang tertakluk kepada FTA dinyatakan di PK2.1.

26. Rundingan

26.1 Agensi boleh mengadakan rundingan dengan syarikat bagi kaedah yang dipelawa secara tender terbuka dengan syarat berikut:

(i) Proses untuk melaksanakan rundingan telah mendapat kelulusan PBM

(ii) Syarat/opsyen rundingan akan diadakan telah dinyatakan dalam iklan/dokumen tender terlebih dahulu.

(iii) Setelah penilaian tender dibuat, Agensi mendapati tiada tawaran tender yang paling menguntungkan dari segi kriteria penilailan seperti mana yang dinyatakan dalam iklan tender dan dokumen tender. Sebagai contoh semua tawaran hampir sama dari segi markah lulus teknikal dan kewangan, harga tawaran dan sebagainya.

(iv) Agensi hendaklah melaksanakan rundingan hanya dengan petender yang telah lulus penilaian teknikal dan kewangan.

(v) Apabila rundingan selesai, Agensi perlu memberi tempoh masa yang sama kepada semua petender untuk mengemukakan tawaran baharu atau tawaran yang dipinda. Sekiranya rundingan melibatkan lebih daripada satu syarikat, tawaran yang baharu/dipinda perlu dikemukakan dalam tempoh/tarikh tutup yang sama.

26.2 Jawatankuasa Rundingan hendaklah dilantik oleh Ketua Jabatan secara bertulis untuk mengadakan rundingan.

27. Tarikh Kuat Kuasa

27.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.

LAMPIRAN

CONTOH
JADUAL PELAKSANAAN TENDER

BIL.	JENIS AKTIVITI	TEMPOH MASA	Jan 2006				Feb 2006				Mac 2006				Apr 2006				Mei 2006			
			1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
1.	Penyediaan Spesifikasi	30 hari																				
2.	Penyediaan Dokumen Tender	20 hari																				
3.	Iklan	min. 21 hari																				
4.	Pembukaan Peti Tender/Pamer Jadual Tender Di Papan Kenyataan	1 hari																				
5.	Semakan Ke Atas Tawaran Tender	14 hari																				
6.	Penilaian Tawaran Teknikal Penilaian Tawaran Kewangan	30 hari																				
7.	Penyediaan Kertas Taklimat Tender	21 hari																				
8.	Pertimbangan Lembaga Perolehan	1 hari																				
9.	Pengeluaran Surat Setuju Terima	2 hari																				

LAMPIRAN 2

KERAJAAN MALAYSIA

<MASUKKAN NAMA KEMENTERIAN/JABATAN>

DOKUMEN TENDER

UNTUK

<MASUKKAN TAJUK PEROLEHAN>

NO. TENDER: <MASUKKAN NO. TENDER>

<MASUKKAN ALAMAT PEJABAT MEMPELAWA TENDER>
<MASUKKAN TARIKH>

DOKUMEN TENDER UNTUK <MASUKKAN TAJUK PEROLEHAN>
NO. TENDER : <MASUKKAN NO. TENDER>

KANDUNGAN

1.	KENYATAAN TENDER	3
2.	SYARAT-SYARAT AM/ ARAHAN/ SYARAT-SYARAT KHAS BERHUBUNG DENGAN TENDER	5
3.	SPESIFIKASI (CONTOH)	33
4.	SENARAI SEMAK UNTUK PEMATUHAN TEKNIKAL (CONTOH)	37
5.	SENARAI SEMAK UNTUK PEMATUHAN KEWANGAN (CONTOH)	38

SENARAI LAMPIRAN

1.	LAMPIRAN 1: BON PELAKSANAAN	42
2.	LAMPIRAN 2: SURAT AKUAN PEMBIDA BAGI MELAKSANAKAN PROGRAM PROTÉGÉ-RTW	44
3.	LAMPIRAN 3: LOKASI PENEMPATAN MESIN PENYALIN MULTIFUNGSI	45
4.	LAMPIRAN 4: JADUAL SPESIFIKASI MESIN PENYALIN MULTIFUNGSI *35 COPIES PER MINUTE* KAPASITI RINGAN BERWARNA, HITAM DAN PUTIH (*LIGHT DUTY – COLOUR, BLACK & WHITE*)	46
5.	LAMPIRAN 5: SOKONGAN TEKNIKAL	49
6.	LAMPIRAN 6: JADUAL PELAKSANAAN	50
7.	LAMPIRAN 7: JADUAL PENYELENGGARAAN	51
8.	LAMPIRAN 8: CONTOH PENGISIAN HARGA TAWARAN DALAM SISTEM eP	56
9.	LAMPIRAN 9: MAKLUMAT ASET & LIABILITI	57
10.	LAMPIRAN 10: CONTOH PENGISIAN PENYATA BANK DALAM SISTEM eP	58
11.	LAMPIRAN 11: BORANG PENYATA BULANAN AKAUN BANK	59
12.	LAMPIRAN 12: LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT	60
13.	LAMPIRAN 13: CONTOH PENGISIAN PERAKUAN PEMBIDA DALAM SISTEM eP	61
14.	LAMPIRAN 14: PENGALAMAN SYARIKAT DENGAN BUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	62
15.	LAMPIRAN 15: SURAT SETUJU TERIMA	63
16.	LAMPIRAN 16: PERJANJIAN KONTRAK	73
17.	LAMPIRAN 17: SURAT AKUAN PEMBIDA	94

1. KENYATAAN TENDER

Semua pembida hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak Kerajaan.

1.1 Tujuan Tender

(a) Pelawaan tender ini adalah untuk mendapatkan <masukkan nama perolehan>

(b) Tawaran tender ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan tempoh pendaftarannya masih berkuatkuasa di bawah kod bidang:

<Masukkan Kod Bidang>: <Masukkan Nama Kod Bidang>

(c) Perolehan perkhidmatan ini dibuat secara Tender Terbuka melalui Sistem ePerolehan (eP).

1.2 Tempoh Tender

(i) Tempoh tender bagi perkhidmatan ini adalah selama 21 hari kalendar bermula pada <masukkan tarikh> dan tarikh tutup tender adalah pada <masukkan tarikh>. Dokumen tender boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Kementerian Kewangan Malaysia iaitu www.treasury.gov.my.

(ii) Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal hendaklah dikunci masuk (*key in*) ke dalam Sistem eP sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender. Cadangan Tender yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan.

(iii) Walau bagaimanapun, Kerajaan berhak untuk membatalkan tender ini pada bila-bila masa sekiranya perlu dan tidak terikat untuk memberi sebarang sebab atau penjelasan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak pembida kerana urusan tender ini adalah menjadi tanggungjawab pihak pembida dan Kementerian ini tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.

2. SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER

2.1 SYARAT-SYARAT AM

Pembida hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat di bawah ini apabila menyertai tawaran. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat boleh mengakibatkan tawaran tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak. Keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) adalah muktamad.

Pembida hendaklah memastikan kriteria kelayakan penyertaan syarikat kepada perolehan yang diiklankan sama ada tertakluk/ tidak tertakluk kepada FTA dalam mengemukakan tawaran. Tawaran daripada pembida dari kalangan negara FTA yang menyertai perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA tidak akan dipertimbangkan.

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah terpakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh Pembida.

(i) KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baharu dan belum digunakan.

(ii) PENGENALAN BARANG

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

(iii) PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Pembida dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

(iv) PENENTUAN KOD ITEM

(a) Pembida hendaklah mengenal pasti kod item bagi bekalan/perkhidmatan yang ditawarkan sebagai persediaan untuk penyediaan Surat Setuju Terima sekiranya berjaya.

(b) Sila rujuk garis panduan penentuan kod item yang boleh dicapai melalui Portal ePerolehanhttp://home.eperolehan.gov.my/ .

(c) Kod item wajib dikunci masuk oleh Pembida yang berjaya semasa menyetuju terima tawaran Kerajaan.

(v) BARANG-BARANG SETARA

Pembida boleh membuat tawaran bagi barang setara yang sesuai, dengan syarat butir-butir penuh diberi.

(vi) BARANG *EX-STOK* ATAU BARANG MALAYSIA

(a) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanjapembungkusan.

(b) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh pembida dan segala kos yang terlibat ditanggung oleh pembida.

(vii) PERATURAN TEMPASAL (*RULES OF ORIGIN*)

(a) Bagi perolehan tertakluk kepada FTA, perolehan barangan/perkhidmatan adalah menggunapakai *Rules of Origin* (ROO) iaitu peraturan tempasal bagi menentukan sesuatu produk itu berasal dari negara tertentu bagi penentuan Keutamaan Harga (*Margin of Preference-MOP*).

(b) Pengiktirafan ROO adalah berdasarkan Sijil Tempasal (*Certificate of Origin – COO*) yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa negara pengeksport bagi memperakui tempasal barangan.

(viii) BARANG DIPESAN DARI LUAR NEGARA

(a) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.

(b) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanjapembungkusan.

(c) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah digantikan oleh pembida dan segala kos yang terlibat ditanggung oleh pembida.

(ix) TAWARAN PEMBIDA

(a) Pembida dibenarkan untuk menawarkan harga untuk semua zon/negeri, sebahagian zon/negeriatau satu zon/negeri sahaja jika

pelawaan adalah mengikut zon/negeri. Setiap tawaran bagi setiap zon/negeri akan dianggap sebagai tawaran berasingan.

(b) Pembida perlu menawarkan harga untuk semua item yang tersenarai, termasuk bagi tawaran sebahagian zon/negeri.

(c) Tawaran harga hendaklah mengambilkira kenaan fi perkhidmatan bagi perolehan yangdilaksanakan melalui Sistem ePerolehan (Sistem eP).

(x) HARGA

(a) Bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA dan tidak melibatkan barangan import:

(1) Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun, kos tambahan yang berkaitan dan fi perkhidmatan Sistem eP. Sah laku tawaran adalah selama <masukkan tempoh sah laku tawaran> dari tarikh tutup. Sebarang tuntutan kenaikan harga dalam jangka masa sah laku tawaran tidak dipertimbangkan dan tawaran pembida boleh ditolak; atau

(b) Bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada FTA dan melibatkan barangan import:

(1) Bagi perolehan bernilai kurang daripada RM500 ribu, harga yang ditawarkan hendaklah berdasarkan kaedah *Cost, Insurance and Freight* (CIF) atau kaedah lain yang seumpamanya di dalam *Incoterms* oleh *International Chamber of Commerce* (ICC) di mana pembida bertanggungjawab menguruskan pengangkutan/ penghantaran daripada kilang terus kepada tempat penerimaan yang ditetapkan agensi (*door-to-door delivery*). Harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua diskaun, kos tambahan yang berkaitan, kos pengangkutan dan kos perlindungan insurans termasuk fi perkhidmatan Sistem eP.

(2) Bagi perolehan bernilai lebih daripada RM500 ribu, harga yang ditawarkan hendaklah berdasarkan kaedah *Free on Board* (FOB) atau kaedah lain seumpamanya di dalam *Incoterms* oleh *International Chamber of Commerce* (ICC) di mana agensi bertanggungjawab menguruskan perkara berkaitan pengangkutan dan insurans. Harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan, termasuk fi perkhidmatan Sistem eP.

(c) Bagi perolehan yang tertakluk kepada FTA:

(1) Harga yang ditawarkan hendaklah berdasarkan kaedah *Cost, Insurance and Freight* (CIF) atau kaedah lain seumpamanya di dalam *Incoterms* oleh *International Chamber of Commerce* (ICC) di mana pembida bertanggungjawab menguruskan pengangkutan/ penghantaran daripada kilang terus kepada tempat penerimaan yang ditetapkan agensi (*door-to-door delivery*). Harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua diskaun, kos tambahan yang berkaitan, fi perkhidmatan sistem eP, kos pengangkutan dan kos perlindungan insurans.

(d) Sah laku tawaran adalah selama <masukkan tempoh sah laku tawaran> dari tarikh tutup. Sebarang tuntutan kenaikan harga dalam jangka masa sah laku tawaran tidak dipertimbangkan dan tawaran pembida boleh ditolak.

(e) Harga yang ditawarkan pembida juga adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga (*Margin of Preference - MOP*) Syarikat Tempatan/Syarikat dari negara ahli FTA.

(xi) PERUBAHAN DAN PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK

Pelawaan sebutharga/tender ini boleh dipertimbangkan perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

(xii) FI PERKHIDMATAN SISTEM EPEROLEHAN

Fi perkhidmatan Sistem eP yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam terma dan syarat bagi pendaftaran di bawah Sistem eP. Kadar fi perkhidmatan perlu dinyatakan dengan jelas dalam dokumen pelawaan sebut harga/tender. Klausa piawai mengenai kenaan fi perkhidmatan perlu dimasukkan dalam perjanjian dan perjanjian tambahan (*supplementary agreement*). Kadar fi perkhidmatan adalah seperti berikut:

(a) Kadar Fi Perkhidmatan 0.8% Bagi Kontrak Bukan Bermasa (*one-off*)

Kadar fi perkhidmatan sebanyak 0.8% dikenakan bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (one-off payment).

(b) Kadar Fi Perkhidmatan 0.4% Bagi Kontrak Bermasa (*multiple payment*)

Kadar fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dikenakan bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800 bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali bayaran (*multiple payment*).

(xiii) CUKAI

(a) Semua tawaran harga oleh pembida hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan. Sekiranya bekalan atau perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan dan pembida yang berjaya adalah syarikat berdaftar Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), maka Agensi Kerajaan perlu menawarkan nilai perolehan termasuk kenaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan.

(b) Pembida hendaklah memaklumkan Agensi supaya Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan boleh dibayar oleh Kerajaan. Kegagalan atau kelewatan pembida untuk memaklumkan kepada Kerajaan mengenai status Pendaftaran CJCP dengan JKDM akan menyebabkanpembida perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apabayaran daripada Kerajaan melalui kontrak yang dimeterai.

(xiv) INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga/tender.

(xv) MATA WANG

Tawaran harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

(xvi) PERSETUJUAN PENERIMAAN TAWARAN

(a) Kerajaan tidak terikat untuk menyetuju terima tawaran sebut harga/tender yang terendah atau mana-mana tawaran. Kerajaan berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran sebut harga/tender daripada mana-mana pembida yang menyertai sebut harga/tender.

(b) Kerajaan berhak untuk mengadakan perbincangan/rundingan lanjut dengan pembida yang disenarai pendek berhubung dengan terma-terma tertentu untuk tawaran yang akan disetuju terima. Hak kerajaan

untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan.

(c) Kerajaan juga berhak untuk mengadakan bidaan di kalangan pembida yang disenarai pendek untuk tawaran yang akan disetuju terima.

(d) Kerajaan boleh mengemukakan penjelasan berhubung proses perolehan (*debriefing*) ke atas mana-mana permohonan daripada pembida secara rasmi melalui surat/ e-mel kepada agensi dalam tempoh lima (5) hari mulai tarikh keputusan Pihak Berkuasa Melulus dipaparkan di dalam portal MyPROCUREMENT.

(e) Keputusan Kerajaan adalah muktamad tertakluk kepada bantahan yang diterima.

(f) Tindakan tatatertib boleh diambil oleh Kerajaan terhadap pembida yang menarik balik tawaran sebelum tawaran dipertimbangkan atau pembida yang menolak tawaran setelah SST dikeluarkan oleh Kerajaan atau pembida tidak membekal atau memberi perkhidmatan setelah mengembalikan SST yang telah ditandatangani.

(xvii) IKLAN DAN PUBLISITI

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga/ tender boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu.

(xviii) BON PELAKSANAAN

(a) Bagi kontrak bekalan/perkhidmatan, pembida yang Berjaya hendaklah mengembalikan SST yang telah lengkap diisi dan ditandatangan beserta Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan yang nilainya adalah seperti berikut: -

(1) 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00; atau

(2) 5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00.

(3) Bagi kontrak bermasa yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Jika setelah dibahagikan mengikut

setahun, nilai harga kontrak adalah kurang daripada RM200,000.00, maka kadar 2.5% hendaklah dikenakan. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh Pembida hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.

(4) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan sama ada dalam bentuk:

(i) Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;

(ii) Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;

(iii) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;

(iv) Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau

(v) Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).

(6) Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

(7) Bon pelaksanaan perlu dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana yang dinyatakan dalam SST pembida.

(xix) PROGRAM KOLABORASI INDUSTRI (*INDUSTRIAL COLLABORATION PROGRAM* - ICP)

Pembida adalah tertakluk kepada pelaksanaan ICP dengan keperluan untuk memenuhi skop, kriteria serta syarat-syarat ICP sebagaimana yang dinyatakan melalui PK1.7: Dasar dan Garis Panduan ICP ke atas perolehan yang mencapai nilai ambang ditetapkan. Nilai ambang adalah berdasarkan

kepada nilai kontrak seperti berikut:

Jenis Kontrak	Nilai Kontrak Bagi Perolehan Tidak Tertakluk CPTPP (RM)	Nilai Kontrak Bagi Perolehan Tertakluk CPTPP (RM)
Kontrak Perolehan Utama kepada Syarikat Asing (termasuk syarikat yang majoriti ekuiti dimiliki oleh Syarikat Asing)	RM50 juta ke atas	RM50 juta ke atas.
Kontrak Perolehan Utama kepada Syarikat Tempatan Utama (**STU)**	RM100 juta ke atas	
Kontrak Perolehan Utama kepada **JV** atau Konsortium	a) ekuiti Syarikat Asing ≥ Syarikat Tempatan: RM50 juta ke atas. b) ekuiti Syarikat Asing < Syarikat Tempatan: RM100 juta ke atas.	

(xx) TAFSIRAN

Sebut Harga/Tender ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan pembida bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga/tender ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

(xxi) PEMERIKSAAN

(a) Kerajaan sentiasa berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut kepada pihak Kerajaan. Agensi adalah bertanggungjawab memastikan bekalan yang diterima adalah sama/lebih baik seperti spesifikasi pada kontrak/pesanan. Jika terdapat kerosakan/kekurangan, Pembida hendaklah menggantikan jumlah yang rosak/kurang itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak yang dimeterai tanpa sebarang tambahan kos.

(b) Pembida hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki oleh pihak Kerajaan.

(c) Semua perbelanjaan untuk memeriksa dan menguji ini hendaklah ditanggung oleh Pembida.

(xxii) PENOLAKAN BARANG/ PERKHIDMATAN

(a) Bekalan/perkhidmatan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan/ perkhidmatan yang telah dipersetujui dalam tawaran pembida boleh ditolak oleh pihak Kerajaan.

(b) Apabila diminta, Pembida hendaklah menyebabkan bekalan/perkhidmatan yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan/perkhidmatan yang ditolak itu.

(c) Perkara di perenggan (a) dan (b) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

(xxiii) KUANTITI TAWARAN/ KUANTITI TAMBAHAN

Kerajaan boleh memesan kuantiti tambahan dalam tempoh kontrak dari tarikh kontrak ditandatangani dan pembida hendaklah membekalkannya dengan harga yang sama.

2.2 ARAHAN KEPADA PEMBIDA

Arahan kepada pembida ini dalam mana mempengaruhi pelaksanaan kontrak hendaklah menjadisebahagian daripada kontrak.

(i) PENYEDIAAN DAN PENYERAHAN CADANGAN TAWARAN

(a) Pembida hendaklah mengisi dengan lengkap cadangan tawaran termasuk memuat naik semua dokumen sokongan dan lampiranwajib yang disenaraikan dalam Sistem eP serta menyerahkannya secara dalam talian sebelum tarikh dan waktu tutup pelawaan sebut harga/tender pada ruangan yang ditetapkan. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan tawaran ditolak.

(b) Pembida adalah dilarang menulis, mencatatkan dan meletakkan cop nama dan memuatnaik tanda syarikat di dalam dokumen sokongan/lampiran pada dokumen teknikal yang dikemukakan secara atas talian. Sekiranya berbuat demikian, cadangan tawaran tidak akan dipertimbangkan dan akan ditolak.

(c) Semua dokumen yang diserahkan oleh pembida termasuk manual teknikal hendaklah dalam Bahasa Malaysia. Pembetulan dan pindaan boleh dibuat ke atas cadangan tawaran dan dikemaskini sebelum

tarikh dan masa tutup pelawaan. pembida hanya dibenarkan menghantar SATU (1) tawaran sahaja bagi cadangan yang ditawarkan. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.

(d) Bagi tawaran yang memerlukan penghantaran sampel produk, pembida hendaklah memastikan ianya dihantar sebelum tarikh tutup . Setiap sampel fizikal yang dikemukakan wajib dilekatkan dengan label yang dijana dari Sistem eP. Sampel yang dihantar tanpa label eP tidak akan dipertimbangkan.

(e) Kerajaan akan membuat pemberitahuan kepada pembida sekiranya terdapat apa-apa notis atau pindaan (addendum) berkaitan pelawaan ini di dalam portal rasmi Sistem eP. Setiap notis atau pindaan (addendum) yang dilakukan akan diberi notifikasi oleh sistem kepada Pembida dan menjadi sebahagian daripada dokumen tawaran.

(f) Pembida bertanggungjawab memastikan penyerahan dokumen atas talian berjaya dibuat. Kerajaan tidak akan bertanggungjawabterhadap kegagalan Pembida dalam melaksanakan penyerahan dokumen atas talian. Sekiranya salah satu syarat tidak dipatuhi, maka cadangan tawaran tender tersebut tidak akan dipertimbangkan.

(ii) PERBELANJAAN PENYEDIAAN CADANGAN TAWARAN

Semua perbelanjaan bagi penyediaan cadangan tawaran ini hendaklah ditanggung oleh pembida sendiri.

(iii) TEMPOH SAH LAKU TAWARAN

Tempoh sah laku tawaran adalah selama <masukkan tempoh sah laku tawaran> hari daripada tarikh tutup sebut harga/tender sebagaimana yang ditetapkan dalam notis pelawaan. Pembida yang telah menyerahkan cadangan tawaran tidak dibenarkan menarik diri dalam tempoh tersebut.

(iv) TAWARAN PILIHAN

Setiap Pembida tidak dibenarkan membuat tawaran pilihan (*alternative offer*) bagi mana-mana butiranyang dikunci masuk. Jika terdapat tawaran pilihan, Kerajaan berhak menolak kesemua tawaran yang dikemukakan.

(v) PENJELASAN BERHUBUNG PROSES PEROLEHAN KERAJAAN (*DEBRIEFING*)

Pembida boleh mengemukakan permohonan *debriefing* secara rasmi melalui surat/ e-mel kepada agensi dalam tempoh lima (5) hari mulai tarikh keputusan PBM dipaparkan di dalam portal MyPROCUREMENT. Agensi hendaklah mengemukakan maklum balas kepada pembida secara rasmi

(e-mel, surat dan lain-lain) selewat-lewatnya lima (5) hari selepas menerima permohonan daripada pembida.

(vi) BANTAHAN KEPADA SPESIFIKASI ATAU PROSEDUR SEMAKAN DOMESTIK (*DOMESTIC REVIEW PROCEDURE*)

(a) Bagi perolehan **tidak tertakluk FTA**, bantahan rasmi secara bertulis yang disertai dengan butir-butir lengkap dan bukti-bukti yang kukuh berkaitan dengan penentuan Spesifikasi Teknikal yang menjurus kepada sesuatu jenama (jenis) tertentu boleh dibuat oleh pembida dalam tempoh 10 hari daripada tarikh iklan. Bantahan hendaklah dialamatkan kepada urusetia tender.

(b) Bagi perolehan yang **tertakluk kepada FTA**, aduan atau bantahan rasmi secara bertulis yang disertai dengan butir-butir lengkap dan bukti-bukti yang kukuh berkaitan proses perolehan Kerajaan boleh dibuat oleh pembida dalam tempoh 10 hari mulai tarikh iklan atau 10 hari mulai tarikh pemakluman keputusan tender dalam portal MyPROCUREMENT. Bantahan hendaklah dikemukakan menerusi saluran aduan yang ditetapkan oleh Panel Semakan Agensi. Tatacara mengemukakan bantahan boleh dicapai di portal ePerolehan atau mana-mana medium yang ditetapkan oleh Agensi.

(c) Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

(vii) PEMBATALAN PELAWAAN

Kerajaan berhak untuk membatalkan mana-mana pelawaan yang telah diiklankan pada bila-bila masa.Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak Pembida kerana pembatalan ini adalah menjadi tanggungjawab pihak pembida.

(viii) PEMBERITAHUAN PENERIMAAN

(a) Pemberitahuan kepada Pembida yang berjaya mendapat tawaran Kerajaan akan dibuat melaluipengeluaran Surat Setuju Terima (SST) di dalam Sistem eP.

(b) Surat berkenaan mungkin mengandungi apa-apa syarat atau pindaan tambahan kepada syarat yang disertakan pada dokumen ini dan jika demikian, tawaran ini tidak boleh dianggap sebagai telah dipersetujui melainkan pengesahan bertulis daripada Pembida tentang persetujuannya terhadap syarat/pindaan tambahan itu diterima.

(c) Apabila dipersetujui, kontrak dianggap sebagai telah dibuat antara Kerajaan dengan pembida itu menurut syarat yang disertakan (termasuk syarat tambahan dan pindaan) dan tiada perjanjian atau syarat lain dianggap sebagai telah dimasukkan ke dalam kontrak ini.

(ix) TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak adalah <masukkan tempoh kontrak> bulan.

(x) PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

(a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

(b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat SPRM atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

(c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Pembida atau Pembida boleh diambil tindakan sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah Akta SPRM 2009.

(d) Mana-mana Pembida atau Pembida yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini, walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi, dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

(xi) INTEGRITI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

(a) Perkara ini adalah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan melalui PP/PK 1.6: Integriti Dalam Perolehan Kerajaan.

(b) Kesemua pembida yang menghantar dokumen hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida(nama penandatangan akuan hendaklah seperti mana yang disenaraikan di Modul Pendaftaran Pembida Sistem eP) yang mengandungi pengakuan bahawa :

(1) Pembida tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.

(2) Kesemua maklumat tawaran dan lampiran yang dikemukakan

adalah benar dan tepat.

(3) Sekiranya Pembida didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (*withhold*) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, tawarannya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

(4) Pembida yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak Kerajaan juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak.

(xii) PERINGATAN MENGENAI PAKATAN HARGA

Sekiranya didapati pembida terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak, penamatan kontrak dan lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib boleh diambil mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

(xiii) PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENUER - READY TO WORK* (PROTÉGÉ-RTW) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

(a) Perkara ini adalah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaaan melalui PP/PK 1.12 Pelaksanaan Program PROTÉGÉ-RTW Dalam Perolehan Kerajaan.

(b) Pembida adalah dikehendaki melaksanakan program Kolaborasi Industri PROTÉGÉ dalam perolehan Kerajaan mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan sektor seperti berikut:

Kategori Perolehan	**Nilai Ambang bagi Perolehan Tertakluk**	**Nilai Ambang bagi Perolehan Tidak Tertakluk**
Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja	RM50 juta ke atas	Mengikut had nilai yang ditetapkan dalam PK1.12

<u>Kaedah Pengiraan:</u>

1% x Kos keseluruhan perolehan (bekalan/perkhidmatan)
RM24,000.00*

Nota:

* Elaun PROTÉGÉ-RTW sebanyak RM2,000 seorang X 12 bulan

(c) Pembida adalah wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ-RTW seperti di senarai semak untuk pematuhan kewangan bersama dengan Dokumen Tawaran sebut harga /tender.

(d) Surat Akuan Pembida untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ-RTW tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian bagi perolehan yang mencapai nilai ambang. Sekiranya pembida gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh penama di sijil *MoF/CIDB, pembida tersebut boleh dinilai sebagai gagal dalam penilaian (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.

(e) Pembida yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ-RTW berdasarkan nilai ambang (*threshold value*) beserta dengan SST yang telah ditandatangani di mana pembida bersetuju melaksanakan program PROTÉGÉ- RTW. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

(f) Surat Akuan Pembida Untuk Melaksanakan Program PROTÉGÉ-RTW seperti di **Lampiran 2.**

(xiv) PERTANYAAN

Pertanyaan Mengenai Pelawaan Sebut Harga/Tender

Semua pertanyaan mengenai pelawaan hendaklah disalurkan kepada Urus Setia Sebut Harga/Tender seperti berikut:

Nama PTJ	:	<Masukkan nama PTJ>
Alamat PTJ	:	<Masukkan alamat PTJ>
Nama Pegawai	:	<Masukkan nama pegawai>
No. Tel.	:	<Masukkan nombor telefon>
No. Faks	:	<Masukkan nombor faks>
E-mel	:	<Masukkan alamat e-mel>

Sebarang pertanyaan selepas tarikh tutup tender tidak akan dilayan.

Pertanyaan Mengenai Teknikal Sistem ePerolehan

Semua pertanyaan teknikal hendaklah disalurkan kepada:-

Nama Syarikat : Commerce Dot Com Sdn. Bhd.
Alamat Syarikat : Second Floor, Bangunan Amtek15, Jalan Tandang
46050 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan
No. Tel. : 03-7985 7777
No. Faks : 03-7985 7800
Emel : bantuan@ePerolehan.gov.my ATAU

Pembida boleh mengunjungi Kaunter Pusat ePerolehan (KPeP) berdekatan. Sila rujuk lokasi KPeP di portal rasmi Sistem eP.

2.3 SYARAT-SYARAT KHAS

TERMA KONTRAK (JIKA BERKAITAN)

(i) TAFSIRAN

Tawaran ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Pembida bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai tawaran ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

(ii) KONTRAK

Semua syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen atau di mana-mana Lampiran yang terdahulu bersama-sama dengan dokumen tawaran ini adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan Pembida yang berjaya. Pembida yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan Kerajaan dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak. Sebarang bantahan kepada syarat-syarat kontrak hendaklah dibuat semasa mengemukakan cadangan tawaran.

(iii) NILAI KONTRAK

(a) Nilai keseluruhan Kontrak ini adalah sebagaimana dalam Surat Setuju Terima (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Nilai Kontrak“) dan bagi maksud Kontrak ini dan tertakluk kepada pembida memenuhi semua terma-terma dan syarat-syarat dalam Kontrak ini, Kerajaan hendaklah sebagai ganjaran kepada pembekalan atau perkhidmatan yang dilaksanakan oleh pembida, membuat pembayaran kepada pembida mengikut Klausa Pembayaran yang telah dipersetujui.

(b) Pengiraan kepada Nilai Kontrak adalah berdasarkan kepada Jadual Harga yang dinyatakan. Nilai Kontrak yang dinyatakan adalah tetap dan tiada apa-apa kenaikan atau perubahan harga perkhidmatan boleh dibuat oleh Pembida kecuali jika telah dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan.

(c) Kerajaan tidak terikat untuk memenuhi/menggunakan sepenuhnya nilai kontrak (nilai/kuantiti) dalam tempoh kuat kuasa kontrak.

(vi) PENAMATAN KONTRAK OLEH KERAJAAN

(a) Keingkaran oleh Pembida - Dalam keadaan di mana Pembida, tanpa sebab-sebab yang munasabah:

(1) Menghentikan atau menggantung daripada pelaksanaan dan gagal meneruskan pelaksanaanobligasi-obligasinya di bawah kontrak ini secara tetap dan tekun;

(2) Gagal melaksanakan obligasi di bawah kontrak ini atau mengabaikan obligasi-obligasinya dibawah kontrak ini secara berterusan;

(3) Melanggar mana-mana obligasinya atau gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat kontrak ini,

maka Kerajaan hendaklah memberikan notis bertulis kepadaPembida dengan menyatakan butir-butir kegagalannya dan memintaPembida untuk membetulkan atau memperbaiki kegagalan tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak dari tarikh notis tersebut. Sekiranya pembida gagal membetulkan atau memperbaiki kegagalan tersebut dalam tempoh yang disebutkan atau tempoh lain yang ditentukan oleh Kerajaan, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Kontrak ini pada bila-bila masa selepas memberikan notis penamatan kepada pembida.

(b) Ingkar Am - Sekiranya pada bila-bila masa dalam tempoh Kontrak:

Jika Pembida itu sebagai:

(1) orang perseorangan (atau apabila Pembida itu adalah sebuah perkongsian, mana-mana pekongsi)pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak menjadi bankrap atau suatu perintah penerimaan atau perintah penghukuman dibuat terhadapnya atau Pembida telah membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang-pemiutang atau;

(2) sebuah syarikat, pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak;

(3) satu perintah telah dibuat atau satu resolusi telah diluluskan bagi penggulungan syarikat, kecuali bagi tujuan penyusunan semula atau penyatuan yang tidak melibatkan pencairan aset di mana kepentingan pemiutang adalah terjamin;

(4) syarikat dibubarkan atau seorang penerima, pengurus atau penyelesai sementara (*provisional liquidator*) telah dilantik ke atas aset syarikat atau syarikat membuat serah hak untuk manfaat pemiutang atau membuat penyelesaian atau perkiraan dengan pemiutang atau menghentikan pembayaran atau tidak berupaya untuk membayar hutangnya;

(5) pelaksanaan terhadap sebahagian besar aset syarikat dikenakan levi melainkan ia telah dengan sucihati memulakan prosiding untuk mengenepikan pelaksanaan tersebut,

maka Kerajaan berhak menamatkan kontrak ini serta-merta dengan memberi notis kepada Pembida bagi tujuan tersebut dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan kontrak ini tidak akan menjejaskan hak-hak lain Kerajaan untuk mendapatkan apa-apa gantirugi yang terakru dalam kontrak ini.

(c) Dalam keadaan di mana kebankrapan atau penggulungan syarikat akan berlaku, pembida mengakujanji untuk memaklumkan Kerajaan dalam masa <masukkan tempoh> hari mengenai niatnya untuk diisytiharkan bankrap atau menggulung syarikat. Dalam keadaan tersebut, Pembida hendaklah memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai punca-punca lain bagi mendapatkan pembekalan barangan berkenaan.

(d) Dalam keadaan di mana kontrak ini telah ditamatkan berdasarkan klausa di atas, Kerajaan hendaklah berhak menuntut daripada Pembida apa-apa kerugian atau gantirugi akibat daripada penamatan ini dengan tidak menjejaskan apa-apa hak lain yang ada pada Kerajaan di bawah kontrak ini.

(e) Penamatan tersebut hendaklah tidak menjejaskan atau memprejudiskan hak-hak pihak-pihak yang telah wujud sebelum penamatan kontrak ini dan obligasi-obligasi berkaitan dengan apa-apa tindakan, perkara atau perbuatan yang berlaku sebelum penamatan di bawah kontrak ini hendaklah berterusan walaupun selepas penamatan kontrak ini.

(vii) PENAMATAN KONTRAK ATAS KESALAHAN RASUAH, KEGIATAN-KEGIATAN TIDAKSAH ATAU MENYALAHI UNDANG-UNDANG

(a) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya pembekal, kakitangan pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan perjanjian ini atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada pembekal untuk menyatakan sedemikian kepada pembekal.

(b) Kerajaan berhak menuntut daripada pembekal apa-apa bentuk

pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.

(c) Pihak-pihak bersetuju bahwa pembekal tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

(viii) PENAMATAN KONTRAK ATAS KEPENTINGAN NEGARA

(a) Tidak tertakluk kepada mana-mana peruntukan dalam Kontrak ini, Kerajaan berhak menamatkan Kontrak ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kepada Pembida (tanpa perlu memberi apa-apa sebab) sekiranya Kerajaan berpendapat penamatan itu perlu dilaksanakan atas kepentingan negara, kepentingan keselamatan negara atau bagi tujuan polisi Kerajaan atau polisi awam.

(b) Bagi maksud klausa ini, perkara yang berjumlah kepada "kepentingan negara", "kepentingan keselamatan negara", "polisi Kerajaan" dan "polisi awam" hendaklah diputuskan oleh Kerajaan sahaja dan keputusan itu adalah muktamad dan tidak boleh dicabar.

(c) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pihak-Pihak bersetuju bahawa Pembida tidak berhak untuk menuntut sebarang kerugian termasuk kehilangan perolehan pendapatan, pampasan, tuntutan, gantirugi atau sebagainya atas penamatan Kontrak ini.

(ix) POTONGAN PEMBAYARAN

Tidak Berkenaan.

(x) TERMA PEMBAYARAN

Pembayaran bagi semua perkara dan skop kerja yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja. Harga ini mestilah sah laku dalam <masukkan tempoh sah laku tawaran> hari daripada Tarikh tutup tawaran.

(xi) FI PERKHIDMATAN SISTEM ePEROLEHAN

(a) Tambahan fi perkhidmatan untuk bermasa. Agensi boleh memotong fi yang tidak berkaitan

(1) Kontrak Bukan Bermasa *(One-Off)*

Kadar fi perkhidmatan sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM9,600.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (one-time payment).

(2) Kontrak Bermasa *(multiple payment)*

Kadar fi perkhidmatan yang dikenakan bagi pembida yang berjaya adalah sebanyak 0.4% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800.00 bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.

(b) perkhidmatan akan dikenakan ke atas nilai invois selepas ditolak amaun bayaran balik pendahuluan/terimaan royalti/potongan penalti/denda LAD /tolakan.

(xii) BON PELAKSANAAN

Bagi kontrak bekalan /perkhidmatan, Pembida yang berjaya hendaklah mengemukakan Surat Setuju Terima dan Bon Pelaksanaan yang nilainya adalah seperti berikut :

(i) Dua perpuluhan lima peratus (2.5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200 ribu hingga RM500 ribu.

(ii) Lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500 ribu.

(iii) Bagi kontrak bermasa yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Jika setelah dibahagikan mengikut setahun, nilai harga kontrak adalah kurang daripada RM200 ribu, maka kadar 2.5% hendaklah dikenakan. Walau bagaimanapun, bon pelaksanaan yang dikemukakan oleh pembekal hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.

(iv) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan sama ada dalam bentuk:

(1) Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/syarikat kewangan berlesen dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau

(2) Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia

(3) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikatsyarikat insurans yang berlesen di bawah AktaPerkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau

(4) Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia; atau

(5) Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).

(v) Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

(vi) Bon Pelaksanaan boleh dilepaskan setelah segala obligasi kontrak selesai dan dilaksanakan dengan memuaskan. Surat Pelepasan (*Letter of Discharge*) bagi Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Bank Islam/Jaminan Insurans/ Jaminan Takaful hendaklah dikemukakan kepada Bank/Syarikat Kewangan/Bank Islam/Syarikat Insurans/ Syarikat Takaful. Salinan asal atau satu salinan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan hendaklah disimpan oleh Agensi sebagai rekod.

(vii) Bon pelaksanaan perlu dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana yangdinyatakan dalam Surat Setuju Terima.

(viii) Contoh Bon Pelaksanaan adalah seperti di **Lampiran 1**.

(xiii) DENDA/TOLAKAN/ *LIQUIDATED ASCERTAINED DAMAGES* (LAD)

(a) Pembida dikehendaki melaksanakan pembekalan barang/perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti bekalan/ perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh Kerajaan. Sekiranya Pembida gagal melaksanakan pembekalan barang/ perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) mengikut kadar yang termaktub di dalam kontrak.

(b) Kadar bagi kenaan LAD untuk bekalan/ perkhidmatan (keseluruhan perolehan gagal disempurnakan) adalah seperti berikut :

(BLR + 1%) x (Nilai Kontrak / 365) x (bilangan hari lewat)

(c) Kadar bagi denda untuk bekalan/perkhidmatan (sebahagian perolehan gagal disempurnakan) adalah seperti berikut:

(d) Kadar bagi denda untuk perkhidmatan sewaan peralatan:

Perkhidmatan: A x B x C x 1% A : Nilai sewaan peralatan sebulan. B : Bilangan hari yang lewat. C : Bilangan peralatan.

(e) Kerajaan berhak untuk melantik mana-mana pihak ketiga bagi melaksanakan dan menyempurnakan apa-apa tugas atau tanggungjawab yang gagal disempurnakan oleh pembida dalam tempoh yang ditetapkan dengan apa-apa kos yang terlibat ditanggung sepenuhnya oleh pembida.

(f) Sekiranya Kerajaan mendapati pembida masih gagal meremedikan atau menyempurnakan perlaksanaan tugas dan tanggungjawab di bawah kontrak ini selepas tempoh yang ditetapkan, Kerajaan adalah berhak untuk menamatkan kontrak ini menerusi satu Notis Penamatan kepada pembida.

(xiv) TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak ini akan berkuatkuasa untuk tempoh selama bulan selama <masukkan tempoh kontrak> bulan iaitu bermula dari tarikh yang dinyatakan dalam SST.

(xv) ADDENDA/ PINDAAN

Apa-apa perkara dalam perjanjian ini boleh dipinda dan sebarang perubahan, modifikasi, penambahan,pembatalan atau pindaan hendaklah dipersetujui secara bertulis oleh kedua-dua pihak dan boleh dilakukan dari semasa ke semasa.

(xvi) KERAHSIAAN

(a) Kecuali dibenarkan secara bertulis oleh Kerajaan, Pembida dan kakitangan, pekerja atau ejennya hendaklah pada bila-bila masa tidak mendedahkan kepada mana-mana orang atau badan atau entiti, sebarang maklumat sulit yang dimaklumkan kepadanya bagi tujuan pelaksanaan Kontrak ini atau diketahui olehnya dalam pelaksanaan Kontrak ini. Pembida dan kakitangan, pekerja atau ejennya juga tidak boleh mendedahkan kepada umum sebarang maklumat berkenaan cadangan, penilaian dan pandangan yang timbul daripada pelaksanaan Kontrak ini. Pembida dan kakitangan, pekerja atau ejennya tidak boleh membuat atau menyebabkan sebarang kenyataan media dibuat berkaitan dengan Kontrak ini tanpa kelulusan Kerajaan.

(b) Semua maklumat termasuk maklumat terperingkat dan data-data berkaitan ketenteraan dan maklumat operasi (jika ada) yang dibekalkan oleh Kerajaan berhubung Kontrak ini tidak boleh didedahkan oleh Pembida kepada orang lain (pihak ketiga). Pembida adalah bertanggungjawab mematuhi peraturan-peraturan keselamatan yang berkaitan dengan maklumat terperingkat yang diuruskan olehnya dan memastikan pengendalian maklumat terperingkat tersebut adalah mengikutdarjah keselamatan yang diberi kepadanya.

(c) Klausa ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun setelah Kontrak ini luput atau ditamatkan atas apa-apa sebab.

(xvii) HARTA INTELEK

(a) Semua hak cipta dan hak harta intelek yang lain bagi barangan yang dibekalkan oleh Pembida di bawah Kontrak ini hendaklah menjadi hak Kerajaan dan Pembida tidak boleh pada bila-bila masa atau semasa tamat tempoh atau penamatan Kontrak ini dalam apa-apa jua cara sekalipun mempersoal atau mempertikai hak Kerajaan. Hak harta intelek di bawah klausa ini hendaklah terletak pada Kerajaan yang bebas daripada semua lien, tuntutan dan bebanan.

(b) Pembida hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa tuntutan jika barangan yang dibekalkan melanggar paten, hak cipta atau reka bentuk berdaftar.

(c) Pembida hendaklah melindung dan menanggung rugi Kerajaan terhadap apa-apa tuntutan bagi perlanggaran apa-apa paten, hak cipta atau reka bentuk berdaftar berkenaan barangan yang dibekalkan di bawah Kontrak ini dan terhadap semua kos di mana Kerajaan perlu menanggung bagi perlanggaranitu atau mana-mana tindakan yang berkaitan yang perlu bagi Kerajaan bertanggungjawab.

(d) Jika penggunaan atau pemilikan oleh Kerajaan berkemungkinan membawa kepada apa-apa perlanggaran hak harta intelektual, maka Pembida hendaklah secara serta-merta dan atas tanggungannya sendiri mendapatkan untuk Kerajaan hak untuk terus menggunakan atau memiliki barangan tersebut atau mengubahsuai atau menggantikan barangan tersebut untuk mengelakkan daripada perlanggaran hak harta intelektual (dalam keadaan ini, Pembida hendaklah mengganti rugikerugian langsung atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Kerajaan semasa pengubahsuaian atau penggantian itu).

(e) Jika alternatif-alternatif dalam klausa di atas tidak dapat disempurnakan atas sebab-sebab tertentu,maka Pembida hendaklah mengambil balik barangan dan membuat bayaran balik kepada Kerajaan.

(xviii) IKLAN

Pembida tidak boleh tanpa kelulusan bertulis Kerajaan terlebih dahulu mengiklankan atau memberi kuasa atau kebenaran kepada mana-mana orang untuk mengiklankan Kontrak ini dalam sebarang akhbar, majalah atau sebarang jenis pengiklanan lain.

(xix) PENEPIAN

(a) Kegagalan Kerajaan atau Pembida menguatkuasakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Kontrak ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu penepian, melainkan ia telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu kepada pihak yang satu lagi.

(b) Sebarang penepian oleh Kerajaan hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk, dipersetujui dan ditandatangani oleh Ketua Setiausaha atau pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis.

(c) Sebarang penepian oleh pembida hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk, dipersetujui dan ditandatangani oleh pembida atau wakil yang diberikuasa olehnya secara bertulis.

(xx) KONTRAK KECIL/SUBKONTRAK

(a) Pembida tidak boleh membuat kontrak kecil/mensubskontrakkan Kontrak ini atau apa-apabahagiannya kepada mana-mana pihak lain tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan.

(b) Jika Kontrak ini atau mana-mana bahagian daripadanya diberi

kontrak kecil/mensubkontrakkan kepada mana-mana pihak lain dengan persetujuan bertulis Kerajaan, pembida bersetuju tanpa syarat untuk terus bertanggungjawab secara berterusan dan secara sendiri dan peribadi bagi memastikan sub-kontraktor mematuhi terma dan syarat dalam Kontrak ini.

(c) Sebarang isu yang timbul antara pembida dan sub-kontraktor mengenai Kontrak ini atau hal-hal lain adalah di luar tanggungjawab Kerajaan.

(xxi) SERAH HAK ATAU NOVASI

Pembida tidak boleh, tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Kerajaan, menyerah hak, memindahkan, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungkan kepada pihak ketiga semua atau sebahagian daripada obligasi, manfaat atau liabiliti daripada atau yang mungkin terbit daripada Kontrak ini.

(xxii) PENYELESAIAN PERTIKAIAN

(a) Sebarang pertikaian antara pihak-pihak dengan apa-apa perkara di bawah Kontrak ini (kecualiberkaitan dengan Kerajaan menjalankan budi bicara mutlak di bawah Kontrak ini) boleh dirujuk kepada sebuah jawatankuasa penyelesaian pertikaian (dengan ini dirujuk sebagai "Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian") yang terdiri daripada:

(1) Ketua Setiausaha, KEMENTERIAN <masukkan nama Kementerian> sebagai Pengerusi atau mana-mana pegawai yang dilantik dan diberikuasa sewajarnya secara bertulis;

(2) seorang wakil yang dilantik oleh Kerajaan; dan

(3) seorang wakil yang dilantik oleh pembida

(b) Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian boleh melantik seorang pakar bebas dalam bidang yang berkaitan atau seorang pakar bebas untuk setiap bidang yang berkaitan (sekiranya terdapat lebih daripada satu bidang) untuk memberikan nasihat ke atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya dan segala kos, yuran dan perbelanjaan pakar bebas yang dilantik tersebut akan ditanggung secara sama rata antara kedua-dua Pihak.

(c) Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian akan menentukan prosedurnya sendiri. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah berusaha untuk mencapai suatu penyelesaian secara aman antara Pihak-Pihak apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya.

(d) Sekiranya sebarang perkara, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tidak boleh dipersetujui oleh Pihak-Pihak yang berkenaan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas tarikh rujukan dibuat, mana-mana Pihak boleh merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada timbangtara.

(e) Setiap ahli Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian termasuk Pengerusi, masing-masing akanmempunyai satu undi.

(f) Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian akan mengikat Pihak-Pihak.

(xxiii) TIMBANGTARA

(a) Dalam keadaan di mana Kerajaan dan Pembida gagal menyelesaikan apa-apa pertikaian secara aman, mana-mana pihak boleh merujuk pertikaian ini kepada timbangtara. Rujukan tersebut hendaklah dianggap sebagai persetujuan untuk ke timbangtara di bawah Akta Timbangtara 2005.

(b) Untuk tujuan timbangtara, klausa-klausa yang berikut hendaklah terpakai:

(1) Prosiding timbangtara hendaklah dikendalikan berdasarkan Peraturan-Peraturan Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Regional Arbitration Centre);

(2) Satu (1) Penimbangtara akan dilantik oleh Pengarah Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur;

(3) Tempat timbangtara dijalankan adalah di Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpurmenggunakan kemudahan dan sistem yang disediakan di pusat tersebut;

(4) Bahasa yang akan digunakan dalam prosiding timbangtaraialah Bahasa Melayu atau BahasaInggeris;

(5) Undang-undang yang terpakai untuk kontrak ini ialah Undang-undang Malaysia; dan

(6) Keputusan penimbangtara adalah muktamad dan mengikat kedua-dua pihak.

(c) Obligasi pihak-pihak di bawah Kontrak ini hendaklah terus berkuatkuasa walaupun rujukan dibuat kepada timbangtara atau

sepanjang tempoh prosiding timbangtara berlangsung.

(xxiv) FORCE MAJEURE

(i) Kerajaan dan Pembida tidak akan dikira sebagai memungkiri sebarang obligasi di bawah Kontrak ini sekiranya ia tidak dapat memenuhi obligasinya di bawah Kontrak ini (atau apa sahaja bahagian daripadanya) akibat daripada kejadian *Force Majeure* kecuali obligasi untuk membuat sebarang bayaran. Kejadian *Force Majeure* bermaksud:

(1) Peperangan (sama ada diisytihar atau tidak), pertempuran, penaklukan, tindakan musuh asing

(2) Pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;

(3) Bencana alam semulajadi termasuk, tetapi tidak terhad kepada, gempa bumi, banjir dan kebakaranspontan bawah tanah atau apa-apa kuasa semulajadi yang secara munasabahnya seseorang yang berpengalaman tidak dijangka dapat mengambil langkah berjaga-jaga.

(4) Letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;

(5) Gelombang tekanan disebabkan oleh pesawat atau apa-apa peranti aerial yang bergerak di udarapada kelajuan *sonik* atau *supersonic*;

(6) Rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam kecuali jika hanya melibatkan pekerja, kakitangan atau ejen Pembida; dan

(7) Sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain di luar kawalan pihak-pihak.

(ii) Jika kejadian *Force Majeure* tersebut menyebabkan salah satu pihak tidak mampu melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Kontrak ini (atau apa sahaja bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian *Force Majeure* tersebut, pihak tersebut hendaklah memaklumkan pihak yang satu lagi dengan segera dalam masa empat belas (14) hari secara bertulis dari tarikh mula berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut dengan butiran terperinci serta kesannya kepada Kontrak ini serta langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan sebarang kelewatan.

(iii) Sekiranya pembida ingin memohon sebarang perlanjutan masa, pembida dikehendaki mengemukakan kepada Kerajaan segala bukti

yang cukup dan diperlukan tentang kejadian tersebutdan kesannya ke atas tempoh pelaksanaan obligasi di bawah Kontrak ini. Kerajaan berhak untuk menjalankan penyiasatan terhadap kelewatan tersebut dan setelah berpuashati bahawa kelewatan tersebut adalah berpunca dari *Force Majeure* yang sah maka tempoh pelaksanaan obligasi di bawah Kontrak ini akan dilanjutkan selama tempoh yang sama kepada tempoh pelaksanaan obligasi yang diberi di bawah Kontrak ini telah terjejas.

(iv) Jika salah satu pihak mempertimbangkan bahawa kejadian *Force Majeure* tersebut akan bertambah teruk atau akan terus berlanjutan untuk satu tempoh yang akan memberi kesan kepadakegagalan niat asal Kontrak ini, maka pihak-pihak boleh bersetuju bahawa Kontrak ini akan ditamatkan atas persetujuan bersama.

(v) Jika Kontrak ini ditamatkan akibat kejadian *Force Majeure* berdasarkan klausa di atas, semua hak dan obligasi pihak-pihak di bawah Kontrak ini hendaklah terhenti dan tiada pihak boleh membuat sebarang tuntutan kepada pihak yang satu lagi dan masing-masing tidak bertanggungan terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.

(vi) Tiada pihak berhak menggunakan mana-mana peruntukan dalam klausa ini sekiranya pihak-pihak telah menentukan secara munasabah bahawa kejadian *Force Majeure* tidak berlaku.

(vii) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pihak-pihak akan terus melaksanakan mana-mana obligasiyang tidak terjejas, tertunda atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi tersebut hendaklah terus berkuatkuasa sepenuhnya sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.

(viii) Dengan syarat sentiasa, klausa ini tidak akan terpakai bagi mana-mana kerosakan jentera atau mesin, pembetulan apa-apa kecacatan atau kekurangan pada jentera atau mesin, kekurangan pekerja atau ejen pembida atau pembetulan proses pelaksanaan obligasi oleh pembida yang dilakukan bagi tujuan Kontrak ini.

3. SPESIFIKASI (CONTOH)

3.1 Skop Tender

Pembida yang berjaya hendaklah membekal, menghantar, memasang, menguji, menyelenggara dan mentauliahguna perkakasan mesin penyalin multifungsi dan caj bacaan meter kepada Perbendaharaan Malaysia. Perincian lanjut adalah seperti berikut:

(i) Pembekalan Mesin Penyalin Multifungsi dan Caj Bacaan Meter

(a) Senarai pembekalan mesin menyalin multifungsi dan caj bacaan meter yang terlibat dan lokasi adalah seperti di **Lampiran 3**.

(b) Kos sewaan dan caj sesalinan hendaklah merangkumi segala kos penghantaran mesin, alat ganti, servis dan kerja baik pulih (sekiranya perlu).

(c) Pembida hendaklah membekalkan mesin baharu dan masih belum digunakan lagi dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) minggu daripada tarikh Surat Setuju Terima yang ditandatangani.

(d) Pembida hendaklah memastikan mesin yang dibekalkan mematuhi piawaian cekap dan jimat tenaga selaras dengan inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement* – GGP).

(e) Pembida hendaklah mengemukakan bersama-sama tawaran tender ini surat sokongan/pelantikan pembida secara rasmi daripada agen utama/pengilang/prinsipal.

(f) Bagi memastikan peralatan tersebut berada dalam keadaan boleh digunakan dan berfungsi dengan baik, pembida hendaklah menjalankan ujian mutu ke atas peralatan tersebut di hadapan pegawai yang diberi kuasa selepas penghantaran dan pemasangan dan sebelum peralatan tersebut disewakan kepada Kerajaan.

(g) Semua peralatan yang dibekalkan untuk digunakan akan diuji mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Pembida hendaklah menyediakan sokongan kepakaran untuk ujian-ujian tersebut.

(h) Sekiranya peralatan tersebut gagal berfungsi dengan baik, pembida hendaklah menggantikan peralatan tersebut dengan peralatan yang baru menurut spesifikasi sebagaimana yang diperincikan di **Lampiran 4.** Sekiranya Kerajaan berpuas hati dengan ujian mutu yang dijalankan ke atas peralatan tersebut, Kerajaan bolehlah

mengeluarkan pengakuan penerimaan secara bertulis kepada pembida.

(ii) Khidmat Penyelenggaraan Dan Sokongan

(a) Pembida dihendaki bertanggungjawab dan bersedia memberikan khidmat penyelenggaraan dan sokongan yang diperlukan oleh Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran 5, 6 dan 7.**

(b) Kerja-kerja penyelenggaraan peralatan/mesin penyalin dilakukan di antara pukul 8.30 pagi hingga 5.30 petang pada hari Isnin hingga Jumaat kecuali pada Hari Cuti Am. Penyelenggaraan peralatan / mesin tersebut adalah merangkumi kerja-kerja yang berikut :

(1) Memeriksa, mengubah, membaiki dan membaik pulih peralatan/mesin sekurang-kurangnya sebulan sekali tanpa mengenakan apa-apa caj tambahan kepada Kerajaan; dan

(2) Menggantikan apa-apa bahagian yang rosak atau membekalkan apa-apa alat ganti tanpa mengenakan apa-apa caj tambahan kepada Kerajaan. Peralatan tersebut perlulah beroperasi dengan baik dan memuaskan hati.

(c) Sekiranya berlaku apa-apa kerosakan atau kegagalan peralatan tersebut untuk berfungsi, Kerajaan hendaklah melaporkan secara bertulis mengenai kerosakan atau kegagalan tersebut kepada pembekal dan pembekal hendaklah mengambil tindak balas terhadap laporan yang diterima.

(d) Tempoh tindak balas terhadap laporan yang diterima hendaklah dalam tempoh hari yang sama bagi aduan yang diterima sebelum jam 2.00 petang pada waktu bekerja. Tempoh tersebut adalah jangka masa yang diambil oleh juruteknik pembida untuk sampai ke tempat pemasangan bermula dari masa laporan dibuat oleh Kerajaan. Sekiranya tempoh tindak balas itu melewati jam 5.30 petang, juruteknik pembida hendaklah sampai di lokasi peralatan tersebut ditempatkan pada jam 9.00 pagi hari bekerja yang berikutnya.

(e) Pembida hendaklah bertanggungjawab untuk menyediakan kelengkapan dan peralatan yang diperlukan oleh pekerja-pekerjanya bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan peralatan tersebut.

(f) Pembida hendaklah menyediakan laporan penyelenggaraan ke atas setiap kerja-kerja penyelenggaraan yang diperlukan oleh pekerja-pekerjanya bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan peralatan tersebut.

(iii) **Item-item *Consumable***

Pembida hendaklah membekalkan item-item '*consumable*' seperti *drum, toner, silicon oil, corotron* dan sebagainya kecuali kertas secara percuma sepanjang tempoh sewaan ini ke atas setiap peralatan/mesin tersebut.

(iv) Buku Panduan Penggunaan

Pembida hendaklah membekalkan buku panduan penggunaan peralatan tersebut kepada Kerajaan semasa penghantaran dan pemasangan peralatan tersebut.

(v) Loaner Unit

Sekiranya berlaku apa-apa kerosakan yang memerlukan kerja pembaikan yang besar (*major repair*) atau Kerajaan memerlukan kerja pembaikan tambahan yang terlalu banyak (*additional major repair*), pembida hendaklah menyediakan mesin penyalin tambahan sebagai mesin gantian dan mesin penyalin tambahan in iakan dikenakan caj meter sahaja tanpa apa-apa bayaran sewa bulanan.

(vi) Keperluan Mesin Penyalin Multifungsi Tambahan

Pembida hendaklah bersedia untuk menghantar maksimum lima (5) unit tambahan Mesin Penyalin Multifungsi Hitam dan Putih iaitu empat (4) unit *Medium Duty Black & White* dan satu (1) unit *Heavy Duty Black & White* untuk kegunaan Perbendaharaan Malaysia bagi menampung keperluan penyediaan dan persiapan Bajet Tahunan. Ringkasan keperluan mesin tambahan ini adalah seperti berikut:

(1) Diperlukan mulai Jun sehingga November setiap tahun sepanjang tempoh kontrak dua (2) tahun.

(2) Lokasi muktamad bagi mesin penyalin akan ditentukan kelak oleh pegawai Perbendaharaan Malaysia.

(3) Kuantiti maksima yang akan diperlukan adalah sebanyak lima (5) unit. Kuantiti sebenar akan dimaklumkan bergantung kepada keperluan dan kegunaan sebenar.

(4) Caj Sewaan dan caj cetakan sesalinan adalah pada kadar yang sama dengan kontrak semasa.

(5) Perkhidmatan-perkhidmatan lain yang akan dibekalkan oleh syarikat untuk mesin tambahan ini adalah sama sebagaimana dalam kontrak semasa.

(vii) Latihan

Pembida dikehendaki menyediakan latihan yang menyeluruh mengenai penggunaan perkakasan dan peralatan yang dibekalkan kepada pegawai-pegawai di Perbendaharaan Malaysia seperti yang ditawarkan.

(viii) Katalog / Risalah / Brosur

Pembida mestilah mengemukakan bersama-sama tawaran mereka katalog/ risalah model yang dicadangkan, tanpa sebarang tanda/nama syarikat bagi tujuan penilaian dengan memuat naik katalog/ risalah / brosur tersebut ke dalam Sistem eP. Katalog/risalah yang lain daripada cadangan tidak diterima sama sekali. Butiran-butiran dalam dokumen tawaran tender hendaklah ditanda dalam katalog yang disertakan. Tender yang tidak disertakan dengan katalog/risalah akan menjejaskan penilaian tender.

(ix) Tempoh Perkhidmatan Penyewaan

Tempoh perkhidmatan penyewaan mesin penyalin multifungsi adalah selama dua (2) tahun mulai tarikh penerimaan peralatan oleh Kerajaan.

(x) Hak Milik Sewaan Mesin Penyalin Multifungsi

Mesin penyalin multifungsi yang disewa perlu diambil semula oleh pembida selepas tamat tempoh sewaan. *Hard disk* mesin penyalin multifungsi yang disewa hendaklah dipadamkan/dikosongkan oleh pembida dan disahkan oleh pegawai yang dilantik oleh Perbendaharaan Malaysia selepat tamat tempoh sewaan.

(xi) Insurans

Pembida yang berjaya hendaklah menginsurankan mesin penyalin multifungsi yang disewakan sepanjang tempoh kontrak dengan syarikat insurans di bawah polisi insurans yang komprehensif.

4. SENARAI SEMAK PEMATUHAN TEKNIKAL (CONTOH)

4.1 Pembida dikehendaki mengunci masuk (*key-in*) maklumat Cadangan Teknikal, memuat turun (*download*) contoh dokumen teknikal yang telah disediakan dan memuat naik dokumen teknikal yang lengkap ke dalam sistem e-perolehan.

4.2 Pembida hendaklah menyerahkan cadangan tersebut secara atas talian (*online*).

4.3 Maklumat yang perlu dilengkapkan oleh pembida di dalam Sistem eP adalah seperti berikut :

(i) Pembida dinasihatkan menyerahkan Cadangan Teknikal ke dalam sistem ePerolehan secara atas talian lebih awal bagi mengelakkan sebarang komplikasi. MOF tidak akan bertanggungjawab jika tawaran tender oleh Pembida tidak tersenarai di dalam sistem ePerolehan.

BIL.	MAKLUMAT/DOKUMEN	TINDAKAN OLEH PEMBIDA
1.	Jadual Spesifikasi Mesin Penyalin Multifungsi 35 Copies Per Minute Kapasiti Ringan Berwarna, Hitam dan Putih (Light Duty – Colour, Black & White) (Contoh seperti di **Lampiran 4**)	Key in ke dalam Sistem eP
2.	Sokongan Teknikal (Contoh seperti di **Lampiran 5**)	Upload ke dalam Sistem eP
3.	Jadual Pelaksanaan (Contoh seperti di **Lampiran 6**)	Key in ke dalam Sistem eP
4.	Jadual Penyelenggaraan (Contoh seperti di **Lampiran 7**)	Key in ke dalam Sistem eP
5.	Brosur/Risalah/Katalog	Upload ke dalam Sistem eP

5. SENARAI SEMAK PEMATUHAN KEWANGAN (CONTOH)

5.1 Petender dikehendaki mengunci masuk (*key-in*) maklumat Cadangan Kewangan, memuat turun (*download*) contoh dokumen kewangan yang telah disediakan dan memuat naik (*upload*) dokumen kewangan yang lengkap ke dalam sistem e-perolehan.

5.2 Pembida hendaklah menyerahkan cadangan tersebut secara atas talian (*online*).

5.3 Maklumat yang perlu dilengkapkan adalah seperti berikut :

BIL.	MAKLUMAT/DOKUMEN	TINDAKAN OLEH PEMBIDA
1.	Harga Tawaran (**Lampiran 8**)	*Key in* ke dalam Sistem eP
2.	Maklumat Aset dan Liabiliti (**Lampiran 9**)	*Key in* ke dalam Sistem eP Borang Dalam Talian
3.	Kunci Kira-kira Tahunan *(Untuk Syarikat ROC, ini mestilah salinan yang telah diaudit)*	*Upload* ke dalam Sistem eP
4.	Penyata Bank untuk tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender (**Lampiran 10**)	*Key in* ke dalam Sistem eP
5.	Pengesahan Dari Institusi Kewangan Untuk Penyata Bank Tiga (3) Bulan (Borang Penyata Bulanan Akaun Bank) (**Lampiran 11**)	*Download* dan *Upload* ke dalam Sistem eP
6.	Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit (**Lampiran 12**)	*Key in* ke dalam Sistem eP
7.	Perakuan dan Pengesahan Oleh Pembida (**Lampiran 13**)	Peraku di dalam Sistem eP
8.	Pengalaman Syarikat Dengan Bukan Kerajaan Persekutuan (Bilangan Kontrak yang pernah diikat) -Lengkapkan butiran pada bahagian Nama Agensi/Tajuk Kontrak/ No. SST/ Kontrak/ Tarikh Berkuat Kuasa/ Tarikh Tamat dan Catatan (**Lampiran 14**)	Key in ke dalam Sistem eP

5.4 Pembida dinasihatkan menyerahkan Cadangan Kewangan ke dalam sistem ePerolehan secara atas talian lebih awal bagi mengelakkan sebarang komplikasi. MOF tidak akan bertanggungjawab jika tawaran tender oleh Pembida tidak tersenarai di dalam sistem ePerolehan.

6. SURAT SETUJU TERIMA

6.1 Pembida yang berjaya akan dimaklumkan melalui Surat Setuju Terima (SST). Pembida yang berjaya adalah terikat dengan tempoh dan skop perkhidmatan yang telah ditetapkan di dalam Surat Setuju Terima yang akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

6.2 Tempoh penyerahan semula SST yang telah ditandatangani oleh pembida adalah tidak melebihi empat belas (14) hari kalendar selepas penerimaan SST oleh pembida. Kegagalan pembida menyerah kembali SST yang telah ditandatangani dalam tempoh empat belas (14) hari boleh mengakibatkan pembatalan SST oleh Kerajaan. SST adalah seperti di **Lampiran 15.**

7. SALINAN KONTRAK

7.1 SST adalah dianggap sebagai dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada dokumen perjanjian antara Kerajaan dan pembida yang berjaya sehingga Dokumen Perjanjian rasmi dimeterai oleh kedua-dua pihak.

7.2 Semua syarat yang terkandung di dalam dokumen tender adalah merupakan sebahagian daripada perjanjian yang akan ditandatangani di antara Kerajaan dan pembida yang berjaya. Pembida yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian dengan pihak Kerajaan dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat perjanjian.

7.3 Format perjanjian yang akan digunakan antara pihak Kerajaan dan pembida berjaya bagi tender ini adalah berdasarkan format perjanjian sebagaimana di **Lampiran 16** dokumen ini. Mana-mana pembida yang tidak bersetuju dengan mana-mana syarat dalam kontrak itu boleh membuat bantahan semasa membuat tawaran tender.

8. SURAT AKUAN PEMBIDA

5.1 Pembida hendaklah mengisi Surat Akuan Pembida secara atas talian (*online*) di dalam Sistem eP.

5.2 Surat Akuan Pembida adalahlamp seperti di **Lampiran 17**.

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN (KONTRAK BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sebagai balasan kepada Kontrak No. …….. yang dibuat antara Kerajaan Malaysia, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kerajaan") dan ……., (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi membekal/menyerah/melaksana/menyiap ....., (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan Kontraktor, mengaku janji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Kerajaan ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Kerajaan seperti berikut:

1. Apabila Kerajaan membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Kerajaan nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit …… (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM.....) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.

2. Kerajaan berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit ……. (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM.....) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.

3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan Kerajaan sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

4. Jaminan ini adalah jaminan yang berterusan dan tidak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga.....(kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Asal")*(Initial Expiry Date)* iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat Kontrak atau selepas penghantaran/penyiapan terakhir mengikut mana yang terkemudian atau di dalam keadaan di mana Kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh Kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal *(Initial Expiry Date)* jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal *(Initial Expiry Date)* (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Lanjutan")*(Extended Expiry Date)* apabila diminta oleh Kerajaan dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang

Kerajaan berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit …… (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM.....).

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asasl *(Initial Expiry Date)* atau Tarikh Mati Lanjutan *(Extended Expiry Date)* melainkan jika sebelumnya Kerajaan telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

6. SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK/SYARIKAT KEWANGAN/SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meterai mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk) ……....
dan bagi pihak Penjamin) Nama : ……..…..
dihadapan) Jawatan :
……

Cop Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans

……..
(Saksi)

Nama : ……..
Jawatan : ……..….
Cop Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans

LAMPIRAN

SURAT AKUAN PEMBIDA BAGI MELAKSANAKAN PROGRAM *PROFFESIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS – ROAD TO WORK* (PROTÉGÉ-RTW)

Kepada (Agensi)

.....
.....

*Sebut Harga/ Tender: (Tajuk)
.....
.....

Saya.....No. Kad Pengenalan ..... yang mewakili syarikat .....No. Pendaftaran ..... (*MOF/CIDB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya akan melaksanakan program PROTÉGÉ - RTW jika dipilih untuk *sebut harga/ Tender ini mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan bilangan minimum peserta program PROTÉGÉ - RTW seperti yang ditetapkan di dalam syarat sebut harga/ Tender.

2. Sekiranya saya tidak melaksanakan program PROTÉGÉ mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan bilangan minimum peserta setelah dipilih untuk *sebut harga/ Tender ini, maka Kerajaan boleh mengambil tindakan ke atas syarikat saya berdasarkan syarat/klausa kontrak dan syarikat saya mungkin tidak akan dipertimbangkan untuk sebut harga/ Tender perolehan Kerajaan pada masa akan datang.

Yang benar,

.....
Nama :
No. Kad Pengenalan :
Cop Syarikat :

Catatan :
i) *Potong mana yang tidak berkaitan
ii) Surat Akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB

LAMPIRAN

LOKASI PENEMPATAN MESIN PENYALIN MULTIFUNGSI DI PERBENDAHARAAN MALAYSIA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

BIL	JENIS MESIN PENYALIN	KUANTITI DIPERLUKAN DALAM TENDER	PENEMPATAN	
			PERBENDAHARAAN 1 (BLOK 2G2)	PERBENDAHARAAN 2 (BLOK 2G8)
1.	*LIGHT DUTY – COLOUR, BLACK & WHITE (35 Copies Per Minute)*	2	0	2
2.	*MEDIUM DUTY – BLACK & WHITE (65 Copies Per Minute)*	91	82	9
3.	*MEDIUM DUTY – COLOUR, BLACK & WHITE (55 Copies Per Minute)*	26	23	3
4.	*HEAVY DUTY – BLACK & WHITE (55 Copies Per Minute)*	10	10	0
5.	*HEAVY DUTY – COLOUR, BLACK & WHITE (75 Copies Per Minute)*	4	3	1
	JUMLAH	**133**	**118**	**15**

LAMPIRAN 4

JADUAL SPESIFIKASI
MESIN PENYALIN MULTIFUNGSI *35 COPIES PER MINUTE* KAPASITI RINGAN BERWARNA, HITAM DAN PUTIH (*LIGHT DUTY – COLOUR, BLACK & WHITE*)

Spesifikasi Teknikal

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI
A.	**SPESIFIKASI UMUM**	
1.	Kuantiti	2 unit
2.	Jenis mesin	Mesin adalah baharu dan tidak pernah digunakan
3.	Jenama	Sila nyatakan
4.	Model	Sila Nyatakan
5.	Fungsi Mesin	i. Sebagai mesin penyalin ii. Sebagai mesin pencetak iii. Sebagai mesin pengimbas *iv.* Mempunyai fungsi *stapler*
B.	**SPESIFIKASI MESIN PENCETAK DAN PENYALIN**	
6.	Kelajuan Penyalin	35 helaian seminit
7.	*Digital Copying* – Resolusi Penyalinan	Tidak kurang daripada 600 dpi
8.	Cetakan Pertama	Hitam Putih : Tidak melebihi 7 saat
9.	Kapasiti Memori	Tidak kurang dari 1.5 hingga 5GB
10.	Ruang Cakera Keras	Tidak kurang dari 160GB
11.	Saiz Kertas (minimum ke maksimum)	Tidak kurang daripada A5 – A3 (330 x 487mm)
12.	Mesin *Warm-up Time* (saat)	Tidak lebih daripada 30 hingga 120 saat
13.	Bilangan *Tray*	4 *Paper Tray* 1 *Bypass Tray*
14.	Kapasiti Kertas (80gsm *paper*)	Tidak kurang daripada 2,000 helaian
15.	Berat Kertas (*Paper Weights*)	55gsm – 300gsm
16.	*Backup Toner*	Minimum satu (1) set *toner*
C.	**SPESIFIKASI MESIN PENGIMBAS**	
17.	Kelajuan Pengimbas	i. Hitam Putih : Tidak kurang daripada 55 helaian seminit ii. Warna : Tidak kurang daripada 55 helaian seminit
18.	Resolusi	Tidak kurang daripada 600 x 600dpi
19.	Kapasiti Dulang Pengimbas	Tidak kurang daripada 110 helai A4. Mengimbas dua (2) belah dokumen pada satu masa yang sesuai (*Double sided*)
20.	Panel Skrin	*8.5 inc Colour Touch Screen, Flick, Drag & Tab or Double Tab.* Cetakan terus daripada pemacu USB.
21.	Protokol Rangkaian (*Network Protocol*)	*TCP/IP (with IP V4 & V6 Support), IPX/SPX (NDS), SMB, SNMP*
22.	Sistem Pemprosesan (Operating System)	*Windows 200 (SP4 or later) / XP (SP2 or Late) / Vista/ 7 Windows Server 2003, Mac OS X(10.2.4 or Later)*

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI
23.	*Network Interface*	*Ethernet (10BASE-T / 100BASE-TX/ 1000BASE-T, RJ-45)* Sekurang-kurangnya USB 2.0
D.	**SPESIFIKASI KESELAMATAN (*SECURITY*)**	
24.	*Hard Disk Overwrite*	Mesin akan memadam semua data dokumen yang diimbas, disalin ataupun dicetak secara automatik dari memori mesin dan *addressed book.* ***Sila kemukakan dokumen sokongan**
25.	*Hard Disk Encryption*	Didatangkan dengan teknologi untuk menyulitkan data yang disimpan di dalam hard disk bagi tujuan keselamatan dari akses yang tidak berautoriti. ***Sila kemukakan dokumen sokongan**
26.	*Common Criteria Certification*	Mesti ada *Common Criteria Certification* yang mengesahkan bahawa produk ini telah mematuhi syarat-syarat kawalan keselamatan
27.	Fungsi Kawalan Dokumen *(Document Control Function)*	Boleh mencegah pihak yang tidak dibenarkan daripada membuat salinan dan mengimbas oleh penyidratan (embedding) pencegahan salinan data ke atas dokumen yang telah dicetak atau disalin.
28.	Nyahkod *(Encrypted)*	Memadam memori data sementara di dalam HDD dengan menindih data nyahkod (*Encryption*)
29.	Penyekatan Akses *(Restrict Acces)*	Menghadkan laluan masuk ke mesin penyalin melalui rangkaian penyahkod *Secure Sockets Layer (SSL), Internet Protocol Version 6 (LPV6)* dan *Internet Protocol Security (LPSEC)*
E.	**SPESIFIKASI PENYELENGGARAAN**	
30.	Perkhidmatan Dan Penyelenggaraan	i. Penyelenggaraan mesin **mestilah** daripada ***Local Principal Company*** untuk sepanjang tempoh sewaan mesin *ii. Free Spare Parts Original* *iii. Free Toner & Staple Bullet*
31.	Katalog/ Brosur/ Risalah	Sila sertakan
32.	Persijilan My-Hijau dan ISO	Syarikat perlu mengemukakan sijil My-Hijau dan ISO Ciri-ciri Teknologi Hijau: Sila nyatakan. *Energy Star* : Sila nyatakan. *Sustainability Report*: Sila kemukakan dokumen sokongan.
33.	Ciri-ciri Tambahan	Sila nyatakan
34.	Surat Kuasa	Pembida perlu mengemukakan Surat Kuasa / *Letter of Authorization (LOA)* daripada *Local Principal Company* dan tawaran akan ditolak sekiranya tiada pengesahan tersebut.
35.	Latihan	Latihan akan diberikan secara percuma.
36.	Perkhidmatan Dan Penyelenggaraan	i. Penyelenggaraan mesin **mestilah** daripada ***Local Principal Company*** untuk sepanjang tempoh sewaan mesin *ii. Free Spare Parts Original* *iii. Free Toner & Staple Bullet*

LAMPIRAN 5

SOKONGAN TEKNIKAL

BIL	PERKARA	MAKLUM BALAS PEMBIDA (Khidmat Sokongan Yang Ditawarkan)
1.	Maklumat dan bilangan kakitangan syarikat yang akan terlibat dalam projek	Nyatakan secara terperinci beserta pengalaman.
2.	Perkhidmatan Hotline	Nyatakan dengan jelas perkhidmatan hotline yang disediakan.
3.	Perkhidmatan Helpdesk 1. Helpdesk di Ibu Pejabat (Sila nyatakan nombor talian) 2. Procedure Helpdesk	Nyatakan dengan jelas perkhidmatan Helpdesk yang disediakan.

BIL	PERKARA	MAKLUM BALAS PEMBIDA (Khidmat Sokongan Yang Ditawarkan)
	(Jika ada, sila berikan penerangan secara terperinci)	
4.	Status Pembekal	Sertakan lampiran surat
5.	Lain-lain	Sila nyatakan jika ada

LAMPIRAN 6

JADUAL PELAKSANAAN

Arahan Kepada Pembida:

1. Pembida dikehendaki untuk memberikan Jadual Pelaksanaan secara terperinci bagi segala perancangan dan aktiviti yang akan dijalankan untuk melaksanakan perkhidmatan sewaan mesin penyalin multifungsi ini sekiranya tawaran tender ini berjaya.
2. Pembida boleh menggunakan format sendiri bagi penyediaan Jadual Pelaksanaan ini, contohnya menggunakan kaedah *Gantt Chart* atau sebagainya yang bersesuaian dan mudah untuk difahami dan boleh dimuat naik dalam Sistem eP.
3. Pembida adalah dilarang menulis atau mencatatkan nama/ tanda syarikat di dalam dokumen cadangan teknikal.

BIL	SKOP KERJA	TEMPOH MASA (Hari)	CATATAN (Jika Ada)
1.			
2.			
3.			
4.			

LAMPIRAN 7

JADUAL PENYELENGGARAAN

Arahan Kepada Pembida:

Pembida **WAJIB** melengkapkan semua jawapan bagi spesifikasi yang dinyatakan di dalam Sistem eP.

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI MINIMUM	PEMATUHAN		ULASAN PEMBIDA (JIKA ADA)
			WAJIB	YA / TIDAK	
1.	Penyelenggaraan Mesin Penyalin	Kerja-kerja penyelenggaraan hendaklah dilakukan dariSyarikat Prinsipal. **(Sila lampirkan Surat Pengesahan Dari Prinsipal)**	**WAJIB**		
		Pembida hendaklah menyediakan khidmat penyelenggaraan berkala (Preventive Maintenance) sekurang-kurangnya satu (1) kali sebulan seperti memeriksa, servis dan membaiki tanpa mengenakan caj kepada Kerajaan dan dibuat dalam Waktu Perniagaan Biasa. **Sila nyatakan jenis-jenis penyelenggaraan berkala (Preventive Maintenance) berserta dengan Jadual Penyelenggaraan.**	**WAJIB**		
		Pegawai Penyelenggara perlu melaporkan diri kepada penyelia dari pihak Jabatan sebelum penyelenggaraan dilakukan.	**WAJIB**		
		Pembida bertanggungjawab untuk menyediakan kelengkapan dan peralatan yang diperlukan oleh pekerja-pekerja bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan peralatan tersebut.	**WAJIB**		

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI MINIMUM	PEMATUHAN		ULASAN PEMBIDA (JIKA ADA)
			WAJIB	YA / TIDAK	
		Pembida menyediakan laporan penyelenggaraan ke atas setiap kerja penyelenggaraan yang dilakukan bagi tujuan rekod dan setiap laporan penyelenggaraan tersebut hendaklah diperakukan oleh pihak Kerajaan.	**WAJIB**		
2.	Penggantian Mesin Baharu	Bersedia bekalkan mesin baru jika mesin tersebut kerap mengalami kerosakan (gagal berfungsi dengan baik melebihi tiga (3) kali dalam tempoh sebulan).	**WAJIB**		
3.	Alat Ganti	Alat ganti hendaklah baru danasli yang belum diguna pakai dengan mengemukakan pengesahan berlabel daripada pengeluar oleh pihak Jabatan sebelum dibuka dan dipasang.	**WAJIB**		
		Free Spare Parts Original *Free Toner & Staple Bullet*	**WAJIB**		
4.	Total Customer Replaceable Unit (TCRU)	Penukaran alat ganti berjadual perlu diganti oleh pembekal principal dalam tempoh sama ada 500,000 salinan atau satu (1) tahun penggunaan mengikut mana yang terdahulu secara percuma sepanjang tempoh sewaan.	**WAJIB**		
5.	Penghantaran, Pemasangan Dan Latihan	Penghantaran, pemasangan dan latihan diberi secara percuma.	**WAJIB**		
		Membekalkan latihan dan buku panduan cara penggunaan mesin secara percuma.	**WAJIB**		
		Latihan tambahan akan diberi secara percuma jika diperlukan.	**WAJIB**		
		Tempoh penghantaran bagi kesemua unit Mesin Penyalin Multifungsi ialah maksima tiga (3) minggu dari tarikh keluarnya **Surat Setuju Terima (SST).**	**WAJIB**		
6.	Jaminan Servis	Jaminan *Response Time* untuk panggilan kerosakan tidak melebihi dari 1-2 jam.	**WAJIB**		

BIL	PERKARA	SPESIFIKASI MINIMUM	PEMATUHAN		ULASAN PEMBIDA (JIKA ADA)
			WAJIB	YA / TIDAK	
		Menyelesaikan aduan kerosakan yang diterima sama ada secara panggilan telefon, e-mel atau surat bertulis dalam tempoh 24 jam dari aduan diterima.			
7.	Sistem Pemantauan Penggunaan	Mesti berkeupayaan untuk mengurus, memantau dan mengira penggunaan bagi setiap mesin untuk mengukur dan mengira secara tepat setiap kos dan boleh dipaparkan secara laporan yang dicetak.	**WAJIB**		
8.	Sistem Laporan *Remote*	Mampu untuk memberikan laporan melalui e-mel dari mesin penyalin kepada pusat servis pembekal jika berlaku masalah teknikal tanpa perlu pengguna menghubungi pihak pembekal.	**WAJIB**		
9.	*Loaner Unit*	Sekiranya berlaku apa-apa kerosakan yang memerlukan kerja pembaikan yang besar (*major repair*) atau kerosakan mengambil masa melebihi 24 jam atau Kerajaan memerlukan kerja pembaikan tambahan yang terlalu banyak (*additional major repair*), syarikat hendaklah menyediakan mesin penyalin tambahan (*loaner unit*) sebagai mesin gantian. Mesin penyalin tambahan ini akan dikenakan caj meter sahaja (kadar harga yang sama) tanpa apa-apa bayaran sewa bulanan.	**WAJIB**		
10.	Keperluan mesin penyalin multifungsi tambahan	Bersedia untuk menghantar sekurang-kurangnya lima (5) unit tambahan Mesin Penyalin Multifungsi Hitam Putih (4 unit *Medium Duty* dan 1 unit *Heavy Duty*) untuk kegunaan Perbendaharaan bagi menampung keperluan	**WAJIB**		


BIL	PERKARA	SPESIFIKASI MINIMUM	PEMATUHAN		ULASAN PEMBIDA (JIKA ADA)
			WAJIB	YA / TIDAK	
		penyediaan dan persiapan Bajet tahunan. • Diperlukan mulai Jun sehingga November setiap tahun sepanjang tempoh kontrak sepanjang lima tahun. • Lokasi akan ditentukan kelak oleh pegawai Perbendaharaan. • Kuantiti maksima yang akan diperlukan adalah sebanyak lima (5). Kuantiti sebenar akan dimaklumkan bergantung kepada keperluan dan kegunaan sebenar. • Caj sewaan dan caj cetakan sesalinan adalah pada kadar yang sama dengan kontrak semasa. • Perkhidmatan-perkhidmatan lain yang akan dibekalkan oleh syarikat untuk mesin tambahan ini adalah sama sebagaimana kontrak semasa.			
11.	Nama dan Nombor Telefon Bimbit	Sila sediakan maklumat berkenaan Jurutera Servis dan Penyelenggaraan.	**WAJIB**		

LAMPIRAN

CONTOH PENGISIAN HARGA TAWARAN DALAM SISTEM eP

LANGKAH 19

Skrin Penyediaan Kertas Cadangan / Harga Tawaran paparan seperti berikut.



ARAHAN:

1. Masukkan jumlah **Harga Seunit (RM)** untuk semua item.
2. Masukkan **Catatan** untuk menambah maklumat yang berkaitan.

LAMPIRAN

MAKLUMAT ASET DAN LIABILITI

Tajuk Perolehan **:** <Diisi oleh Agensi>
No. Sebut Harga/Tender **:** <Diisi oleh Agensi>
Nama Syarikat **:**

***Maklumat di dalam jadual hendaklah dilengkapkan oleh pembekal**

Aset Semasa	Liabiliti Semasa

Pengesahan Pembekal:

……
…
Tandatangan Pembekal

Nama Pegawai :
Jawatan :
No. Telefon :
Tarikh :

Nota:.

Aset Semasa & Liabiliti Semasa	:	Amaun yang diisi di atas hendaklah sama dengan kandungan yang dinyatakan di dalam Penyata Kewangan


Bagi pembekal yang tidak mempunyai maklumat Aset dan Liabiliti, sila nyatakan “TIADA” pada borang ini dan masih perlu dimuat naik semula ke dalam sistem eP.

LAMPIRAN 57

CONTOH PENGISIAN PENYATA BANK DALAM SISTEM eP

LANGKAH 23

Skrin Penyediaan Kertas Cadangan / Penyata Bank paparan seperti berikut.



ARAHAN:

1. Masukkan jumlah ketiga-tiga bulan dan jumlah keseluruhan dan Purata akan terpapar.

LAMPIRAN 58

SULIT

<No. Sebut Harga/Tender - Diisi oleh Agensi >

BORANG PENYATA BULANAN AKAUN BANK
(Disahkan oleh Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Maklumat di borang ini hendaklah disahkan oleh pihak Bank/Institusi Kewangan dan dikembalikan kepada Bahagian yang mengurus sebut harga/tender.

Kepada : <Nama Jabatan – diisi oleh Agensi>

Nama Syarikat	:<Diisi oleh syarikat>
Nama Bank	: <Diisi oleh syarikat>
Nombor Akaun	: <Diisi oleh syarikat>
Alamat Bank (Di mana akaun dibuka)	: <Diisi oleh syarikat>

Baki Bulanan*		
<Bulan/Tahun>	**<Bulan/Tahun>**	**<Bulan/Tahun>**

…… ……..
…

Tandatangan Pembekal

Nama Pegawai :
Jawatan :
No. Telefon :
Tarikh :

Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak Bank/Institusi Kewangan

Nama Pegawai :
Jawatan :
No. Telefon :
Tarikh :
Cop Bank/ Institusi Kewangan :

Nota:

1. Borang boleh disalinkan untuk pengesahan bank/institusi kewangan berbeza
2. Bagi pembekal yang tidak mempunyai Kemudahan Kredit, sila nyatakan TIADA pada borang ini dan masih perlu dimuat naik ke dalam sistem ePerolehan
3. Pembida/Agensi boleh mengunapakai/menerima format borang sedia ada oleh bank, tertakluk mempunyai maklumat lengkap sebagaimana yang dimohon dalam borang ini.

LAMPIRAN 12

<<No. Sebut Harga/Tender - Diisi oleh Agensi >>

SULIT

LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT

(Disahkan oleh Pihak Bank/Institusi Kewangan)

Maklumat di borang ini hendaklah disahkan oleh pihak Bank/Institusi Kewangan dan dikembalikan kepada Bahagian yang mengurus sebut harga/tender.

Kepada :
<<Diisi oleh Agensi>>

Nama Syarikat	:<<Diisi oleh syarikat>>
Nama Bank	:<<Diisi oleh syarikat>>
Nombor Akaun	:<< Diisi oleh syarikat >>
Alamat Bank (Di mana akaun dibuka)	:<< Diisi oleh syarikat >>

Kemudahan Kredit yang boleh digunakan untuk pelaksanaan bekalan/perkhidmatan (sekiranya pembida mempunyai Kemudahan Kredit dengan Bank/Institusi Kewangan)

Bentuk Kemudahan Kredit	Baki Kemudahan Kredit Yang Boleh Digunakan
Overdraf	**RM**
Overdraf Bercagar	**RM**
Talian Kredit *(Business Line Credit*) (Talian Kredit Yang Tidak Terikat Dengan Mana-Mana Projek)	**RM**
Kad Kredit (Untuk ROB Perseorangan Sahaja)	**RM**
Jumlah	**RM**

…… ……
Tandatangan Pembekal

Nama Pegawai :
Jawatan :
No. Telefon :
Tarikh :

Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak Bank/Institusi Kewangan

Nama Pegawai :
Jawatan :
No. Telefon :
Tarikh :
Cop Bank/ Institusi Kewangan :

Nota:


i. Borang boleh disalinkan untuk pengesahan bank/institusi kewangan yang berbeza.
ii. Bagi pembekal yang tidak mempunyai Kemudahan Kredit, sila nyatakan “TIADA” pada borang ini dan masih perlu dimuat naik semula ke dalam sistem eP.

LAMPIRAN 13

CONTOH PENGISIAN PERAKUAN PEMBIDA DALAM SISTEM eP

LANGKAH 27

Skrin Penyediaan Kertas Cadangan / Perakuan paparan seperti berikut.




ARAHAN:

1. Klik pada kotak semak untuk perakuan kenyataan.

LANGKAH 11

Skrin Penyediaan Kertas Cadangan/Pengalaman Syarikat (Selain Kerajaan Persekutuan) paparan seperti berikut.



LAMPIRAN 62

SURAT SETUJU TERIMA
(Bagi *Sebut Harga/Tender Perkhidmatan)

Rujukan Kami : ……<File Reference No.>……
Tarikh : <Date LOA Sign By Government>

*PENGARAH URUSAN/ PENGURUS / PENGERUSI
<Supplier Name>……
<Supplier Address>……
(No. Pen. Kew : <Generate MOF No>)……
(No. Pen. CJCP : <Generate SST No>)……

Tuan,

***Sebut Harga/Tender Untuk :** <Tajuk Sebut Harga/Tender>
No. *Sebut Harga/Tender/Kontrak : <QT No. / DL No.>

Dengan ini dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju menerima tawaran <sebut harga/tender> syarikat tuan dengan harga sebanyak Ringgit Malaysia ……<harga kontrak dalam perkataan>…..(RM..<harga kontrak dalam angka>…) yang merupakan harga kontrak bagi tempoh kontrak selama ……<Hari/Minggu/Bulan/Tahun>…… tertakluk kepada dokumen <sebut harga/tender> yang menjadi sebahagian daripada perolehan ini dan Surat Setuju Terima ini berserta dengan ***Lampiran A*** kepada Surat Setuju Terima iaitu maklumat terperinci kontrak (selepas ini disebut sebagai "Surat ini").

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara Kerajaan dengan syarikat tuan. *Satu dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dengan kadar segera dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen *sebut harga/tender serta semua terma dalam ***Lampiran A***. Sehingga dokumen kontrak tersebut ditandatangani, Surat ini hendaklah terus mengikat kedua-dua pihak.

*3. Harga kontrak adalah termasuk peruntukan Kerajaan sebanyak ……<Kadar peratusan berdasarkan Akta Cukai Perkhidmatan 2018>…… % cukai perkhidmatan memandangkan perkhidmatan ini dikenakan cukai dan syarikat tuan berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Pembayaran cukai perkhidmatan ini adalah dikira berdasarkan tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran syarikat tuan dengan JKDM.

Perenggan 3 di atas adalah terpakai untuk perolehan dengan syarikat yang berdaftar di bawah JKDM dan Perkhidmatan Dikenakan Cukai di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

*3. Harga kontrak adalah tidak termasuk peruntukan Kerajaan sebanyak ……<Kadar peratusan berdasarkan Akta Cukai Perkhidmatan 2018>…… % cukai perkhidmatan memandangkan syarikat tuan tidak berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Sekiranya syarikat tuan telah berdaftar dengan JKDM, tuan adalah dikehendaki untuk memaklumkan nombor pendaftaran dan tarikh kuat kuasanya kepada Kerajaan untuk pelarasan harga kontrak dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat kelulusan JKDM.

Pembayaran cukai perkhidmatan ini adalah dikira berdasarkan tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran syarikat tuan dengan JKDM.

Perenggan 3 di atas adalah terpakai untuk perolehan dengan syarikat yang tidak berdaftar di bawah JKDM bagi Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

4. Adalah dimaklumkan bahawa tiada perkhidmatan boleh dibuat **melainkan** jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen-dokumen berikut:

*(a) suatu bon pelaksanaan yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah Ringgit Malaysia <Nilai bon dalam perkataan> (RM <Nilai bon dalam angka>

Bon Pelaksanaan hanya dikenakan kepada perolehan yang bernilai RM200,000 dan ke atas sahaja.

*(b) suatu polisi insurans yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah Ringgit Malaysia <Nilai polisi dalam perkataan> (RM <Nilai polisi dalam angka>) dan resit premium;

(c) Nombor Kod Majikan di bawah Skim PERKESO dan/atau Polisi Pampasan Pekerja;

(d) Nombor Pendaftaran Kumpulan Simpanan Pekerja (KWSP).

seperti yang ditetapkan dalam ***Lampiran A*** tidak melebihi *14/30 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungan terhadap syarikat tuan **melainkan jika** penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

5. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh Kerajaan, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/ *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) seperti yang ditetapkan dalam ***Lampiran A***.

6. Syarikat tuan juga adalah digalakkan melaksanakan *program Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs-Ready To Work* (PROTÉGÉ-RTW) seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Perenggan ini terpakai sekiranya Harga Kontrak **di bawah nilai ambang** dan syarikat digalakkan untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ-RTW berdasarkan PP/PK 1.12.

7. Bagi tujuan program PROTÉGÉ-RTW ini, syarikat tuan adalah dikehendaki untuk:

(a) mengemukakan Jadual Pelaksanaan Program PROTÉGÉ-RTW berdasarkan tempoh kontrak kepada Sekretariat PROTÉGÉ untuk kelulusan dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan;
(b) melaksanakan program ini mengikut Jadual Pelaksanaan Program PROTÉGÉ-RTW yang diluluskan oleh Sekretariat PROTÉGÉ;
(c) mengemaskini maklumat berkaitan pengalaman syarikat melaksanakan program PROTÉGÉ-RTW dalam sistem ePerolehan di Kementerian Kewangan atau sistem di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), mengikut mana yang berkaitan;
(d) mengemukakan sijil atau surat pengesahan oleh Sekretariat PROTÉGÉ kepada Agensi

sebaik sahaja pelaksanaan program PROTÉGÉ-RTW selesai; dan

(e) mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaan program PROTÉGÉ-RTW kepada Sekretariat PROTÉGÉ.

8. Syarikat Tuan hendaklah merujuk dan mengadakan perbincangan lebih lanjut dengan pihak Technology Depository Agency (TDA)* sebagai agensi pelaksana bagi menentu dan memuktamadkan butiran projek-projek ICP untuk dimasukkan di dalam Perjanjian Utama ICP yang akan ditandatangani antara pihak Kerajaan dengan Syarikat Tuan secara bersama dengan Kontrak Perolehan Utama.

*Bahagian Industri Pertahanan untuk perolehan di Kementerian Pertahanan

9. Syarikat Tuan hendaklah melaksanakan dan menyempurnakan projek ICP dengan jumlah Nilai Kredit ICP Mandatori untuk projek ICP hendaklah bersamaan dengan sekurang-kurangnya seratus peratus (100%) daripada Nilai Kontrak Perolehan Utama.

10. Syarikat Tuan hendaklah mengemukakan kepada Kerajaan, suatu Bon Pelaksanaan yang tidak boleh dibatalkan dalam bentuk Jaminan Bank bagi pelaksanaan ICP yang bersamaan dengan lima peratus (5%) daripada Nilai Kontrak Perolehan Utama dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Perjanjian ICP Utama ditandatangani. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan tersebut hendaklah bermula dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga dua belas (12) bulan selepas pelaksanaan penuh Program ICP dan penyempumaan sepenuhnya jumlah Nilai Kredit ICP Mandatori.

11. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa Kerajaan berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

(a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 4 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
(b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
(c) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
(d) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
(e) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
(f) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu;
(g) syarikat tuan gagal * menyempurnakan perkhidmatan/ membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di ***Lampiran A***;
(h) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;
(i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
(j) syarikat tuan digulungkan;
(k) syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
(l) syarikat tuan gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
(m) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau

(n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

12. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 8, Kerajaan tidak akan bertanggungan terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

13. Bersama-bersama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di ***Lampiran B*** dan ***Lampiran C*** untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

14. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan tidak melebihi *3/7/14 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungan terhadap syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Tandatangan Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak

…….
<Nama Penuh Pegawai>
<Jawatan Pegawai>

Lampiran A

BUTIRAN KONTRAK

<Tajuk Sebut Harga/Tender>

……
….

1. Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi
Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)

1.1 No. Pendaftaran : <Nombor pendaftaran> …… ……

1.2 Tempoh Sah Laku : <Tempoh sah laku sijil pendaftaran> …… ……

2. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)

2.1 No. Pendaftaran : <MOF No> …… ……

2.2 Tempoh Sah Laku : <Tempoh sah laku sijil pendaftaran dengan Kementerian> …… ……

2.3 Kod Bidang : <Kod bidang yang berkaitan> …… ……

2.4 Taraf Syarikat : <Bumiputera/ Bukan Bumiputera> …… ……

2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera : <Tempoh sah laku taraf Bumiputera> …… ……

3. Pendaftaran Cukai Perkhidmatan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (jika berdaftar), sekiranya berkaitan

3.1 No. Pendaftaran : <Nombor pendaftaran cukai perkhidmatan> …… ……

3.2 Tarikh Kuat Kuasa : <Tarikh kontraktor boleh mula mengenakan CP ke atas perkhidmatan> …… ……

4. Harga dan Tempoh Kontrak

4.1 Harga *Sebut Harga/Tender (butiran harga : RM <Harga sebut harga/tender yang telah disetujui oleh> …… ……

seperti di
Lampiran A1)

4.2 Peruntukan Cukai Perkhidmatan (sekiranya berkaitan)	:	RM <Cukai Perkhidmatan dalam angka> ……..
4.3 Fi Perkhidmatan ePerolehan (sekiranya berkaitan)	:	<0.4% / 0.8%><Fi eP termasuk dalam harga tawaran>
4.4 Harga Kontrak	:	RM<Harga *Sebut Harga/Tender + Cukai perkhidmatan> ……
4.5 Tempoh Kontrak	:	<Hari/Minggu/Bulan/Tahun> …….
4.6 Tarikh Mula Kontrak	:	<DD/MM/YYYY> …….
4.7 Tarikh Tamat Kontrak	:	<DD/MM/YYYY> ……

5. Tempoh dan Jadual Penyempurnaan Perkhidmatan

*Senarai item, kuantiti, jenis perkhidmatan dan/atau tempoh serta jadual penyempurnaan perkhidmatan yang ditetapkan seperti di ***Lampiran A2***

Lampiran A2 *adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual perkhidmatan mengikut tawaran*
syarikat dan disediakan oleh Agensi

6. Skop Perkhidmatan/Service Level Agreement (SLA) *(sekiranya berkaitan)*

Skop Perkhidmatan/SLA yang ditetapkan seperti di ***Lampiran A3***

7. *Bon Pelaksanaan

7.1 Kadar Bon Pelaksanaan	:	<Peratusan>……..
7.2 Formula Bon Pelaksanaan	:	LOA Amount/duration (in year) = x. here x is being checked against the rate either 2.5% or 5%, if X >=RM 500,000, the rate being used is 5%

7.3 Nilai Bon Pelaksanaan : <Dalam angka>……

7.4 Bentuk Bon Pelaksanaan : Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau Jaminan Syarikat Kewangan; atau Jaminan Insurans/ Takaful

7.5 Tempoh Sah Laku : Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau tarikh obligasi terakhir mengikut mana yang terkemudian.

Mengikut format yang ditetapkan oleh Kerajaan seperti di ***Lampiran A4***

Lampiran A4 akan disediakan oleh Agensi berdasarkan format PP/PK4

8. No Kod Majikan PERKESO/No. Pendaftaran KWSP/*Polisi Insurans (jika berkaitan)

8.1 No. Kod Majikan PERKESO : …..(Diisi oleh syarikat)

8.2 No. Pendaftaran KWSP : (Diisi oleh syarikat)
……

Nilai dalam angka

*8.3 Nilai Polisi : RM
……

*8.4 Tempoh Perlindungan : Meliputi tempoh kontrak

9. Kenaan *Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages (LAD)*

(Lewat/Gagal bekal barang atau tidak menepati spesifikasi)

9.1 Formula : Formula ditentukan sendiri oleh Agensi. Tetapi hendaklah dinyatakan secara *upfront* kepada syarikat dalam dokumen pelawaan.……

9.2 Kadar Sehari : RM…… Nilai dalam angka

**potong mana yang tidak berkenaan*

Salinan Kepada :

Ketua Pegawai Eksekutif
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil
Aras 18, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 CYBERJAYA
(u.p.: Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai)

Ketua Pengarah Kastam
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Aras 3 -7, Blok A, Menara Tulus
No. 22, Persiaran Perdana , Presint 3
61200 PUTRAJAYA
(u.p.: Pengarah Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST))

Sekretariat
Majlis Perundingan Gaji Negara
Kementerian Sumber Manusia
Aras 7, Blok D3, Kompleks D
62530 PUTRAJAYA

Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ)
Aras 2, Blok E4/5, Parcel E
Kementerian Pembangunan Usahawan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 PUTRAJAYA
(u.p.: Ketua Sekretariat PROTÉGÉ)

Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
Jabatan Penguatkuasaan
Tingkat 13, Bangunan KWSP, Jalan Raja Laut
50350 KUALA LUMPUR
(u.p.: Ketua Unit Forensik Majikan dan Hubungan Luar, Seksyen Operasi)

LAMPIRAN B

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA
(Tajuk dan Nombor Rujukan *Sebut Harga/Tender)

Saya, ...nombor K.P. ..... yang mewakili ..... (nama syarikat) ..... nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) .....dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam ..... (nama kementerian/agensi)..... atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam *sebut harga/tender seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam ..... (nama kementerian/agensi) ..... atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; atau
2.2 penamatan kontrak bagi *sebut harga/tender di atas; dan
2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan *sebut harga/tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan:
i) * Potong mana yang tidak berkenaan
ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

LAMPIRAN C

SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT

Saya…… nombor kad pengenalan …….. yang mewakili syarikat.....nombor pendaftaran… .....(*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(a) syarikat **TIDAK** membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;

(b) syarikat **TIDAK** membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;

(c) syarikat **TIDAK** terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;

(d) syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah **TIDAK** disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;

(e) syarikat **TIDAK** digulungkan; dan

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan di atas adalah tidak benar, Kerajaan berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan)
sebenar-benarnya diakui oleh)
)
Tandatangan…….
……..)
di……..)
pada ……)

Di hadapan saya,

……
Pesuruhjaya Sumpah
Catatan:
i. *Potong mana yang tidak berkenaan.
ii. Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.

LAMPIRAN 16

(DRAF DOKUMEN PERJANJIAN)

BERTARIKH …….haribulan ……. Tahun ……

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA

DENGAN

SYARIKAT ……

(NO. SYARIKAT .....)

PERKHIDMATAN PENYEWAAN DAN PENYELENGGARAAN MESIN PENYALIN MULTIFUNGSI DAN CAJ BACAAN METER DI PERBENDAHARAAN MALAYSIA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN"

[NO. KONTRAK : XXXXXXXXX]

PERJANJIAN ini dibuat pada …… haribulan …… tahun …….

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA, yang bagi maksud Perjanjian ini diwakili oleh **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** yang beralamat di Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592, Putrajaya (kemudian daripada ini disebut sebagai "Kerajaan" di satu pihak;

DENGAN

SYARIKAT XXX (No. Syarikat.....) sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai pejabat berdaftar di ….....(kemudian daripada ini disebut sebagai "Syarikat") di pihak yang satu lagi.

Kerajaan dan Syarikat kemudian daripada ini secara bersesama dirujuk sebagai "kedua-dua pihak" dan secara individu dirujuk sebagai "pihak".

BAHAWASANYA:-

A. Melalui surat setuju terima bil. MOF.....bertarikh ……., Kerajaan berkehendakkan perkhidmatan penyewaan, pemasangan dan penyelenggaraan mesin penyalin (kemudian daripada ini disebut sebagai "Perkhidmatan") daripada Syarikat di Tempat Pemasangan seperti yang dinyatakan di Klausa 1 selepas ini.

B. Syarikat telah bersetuju untuk menyewakan, memasangkan dan menyelenggarakan mesin penyalin tersebut mengikut spesifikasi sebagaimana yang dinyatakan dalam JADUAL PERTAMA dalam Perjanjian ini (kemudian selepas ini disebut sebagai "Peralatan Tersebut") mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan kemudian daripada ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT:

BAHAGIAN A
AM

1. TAFSIRAN

Dalam Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

Kerajaan	Ertinya Kerajaan Malaysia yang bagi maksud Perjanjian ini diwakili oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Kerajaan Malaysia secara bertulis untuk mentadbir pelaksanaan Perjanjian ini;

Peralatan Tersebut	Ertinya mesin penyalin yang disewa, dipasang dan diselenggara kepada Kerajaan mengikut spesifikasi sebagaimana yang dinyatakan di bawah JADUAL PERTAMA dalam Perjanjian ini;
Perjanjian	Ertinya perjanjian ini dan hendaklah termasuk segala jadual dan lampiran dalam Perjanjian ini;
Perkhidmatan	Ertinya penyewaan, pemasangan dan penyelenggaraan Peralatan Tersebut oleh Syarikat kepada Kerajaan;
Syarikat	Ertinya ……. dan hendaklah termasuk pemegang serah hak, pentadbir, pengganti dan wakil yang diberi kuasa dengan sewajarnya; dan
Tempat Pemasangan	Ertinya tempat Peralatan Tersebut akan dihantar dan dipasang oleh Syarikat sebagaimana yang dinyatakan di bawah JADUAL PERTAMA dalam Perjanjian ini.

2. BALASAN

2.1. Bagi maksud Perjanjian ini dan tertakluk kepada kepatuhan Syarikat mengenai terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini, Kerajaan hendaklah, sebagai balasan kepada Perkhidmatan, membayar sebagai harga kontrak kepada Syarikat sejumlah wang sebanyak Ringgit Malaysia …..... sahaja.

2.2. Pecahan jumlah sewaan bagi setiap Peralatan Tersebut adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam JADUAL KEDUA dalam Perjanjian ini.

2.3. Balasan kepada Perkhidmatan dalam Klausa 2.1 tidak termasuk kos cetakan yang dinyatakan dalam Klausa 12.1.

2.4. Balasan kepada Perkhidmatan yang dinyatakan dalam Klausa 2.1 adalah tetap dan apa-apa permohonan bagi tujuan kenaikan harga kontrak oleh Syarikat tidak dibenarkan melainkan jika Syarikat berunding dan selepas mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan.

3. KESELURUHAN PERJANJIAN

Perjanjian ini merupakan keseluruhan persetujuan antara kedua-dua pihak dan mengatasi kesemua persetujuan, perundingan dan cadangan sama ada secara bertulis atau lisan.

4. TEMPOH PERJANJIAN

4.1. Tanpa mengambil kira tarikh Perjanjian ini ditandatangani, Perjanjian ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada..... dan hendaklah berterusan berkuat kuasa untuk tempoh selama DUA (2) TAHUN dan berakhir pada …… (kemudian ini dirujuk sebagai "Tempoh Perjanjian") melainkan sekiranya ditamatkan lebih awal mengikut Klausa 17.

4.2. Syarikat boleh memohon kepada Kerajaan untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian secara bertulis tidak kurang dari tiga (3) bulan sebelum Tempoh Perjanjian tamat jika Syarikat berniat untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian. Kerajaan mempunyai kuasa mutlak sama ada hendak mempertimbangkan permohonan itu atau sebaliknya. Sekiranya Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan Tempoh Perjanjian, Pihak-Pihak boleh berunding mengenai terma dan syarat pelanjutan Tempoh Perjanjian tidak lewat dari satu (1) bulan sebelum tamatnya Tempoh Perjanjian.

4.3. Sekiranya Pihak-pihak gagal mencapai persetujuan mengenai pelanjutan itu, Perjanjian ini akan dengan sendirinya tamat selepas tamatnya Tempoh Perjanjian.

5. RUANG LINGKUP PERJANJIAN

Kerajaan melantik Syarikat dan Syarikat menerima pelantikan menurut terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana diperuntukkan di bawah Perjanjian ini. Adalah dipersetujui dan diterima bahawa Syarikat hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya bagi pelaksanaan Perkhidmatan menurut peruntukan Perjanjian ini.

BAHAGIAN B
PELAKSANAAN PERKHIDMATAN

6. PENGHANTARAN DAN PEMASANGAN PERALATAN TERSEBUT

6.1. Syarikat hendaklah –

a) memastikan bahawa Peralatan Tersebut dihantar dan dipasang; dan
b) menanggung segala kos penghantaran dan pemasangan Peralatan Tersebut,

ke Tempat Pemasangan.

6.2. Syarikat hendaklah membekalkan peralatan pakai habis seperti *toner*, *drum* dan dawai kokot kecuali kertas secara percuma sepanjang tempoh Perjanjian ini ke atas setiap Peralatan Tersebut.

6.3. Bagi memastikan Peralatan Tersebut berada dalam keadaan boleh digunakan dan berfungsi dengan baik, Syarikat hendaklah menjalankan ujian mutu ke atas Peralatan Tersebut di hadapan pegawai yang diberi kuasa selepas penghantaran dan pemasangan dan sebelum Peralatan Tersebut disewakan kepada Kerajaan.

6.4. Sekiranya Peralatan Tersebut gagal berfungsi dengan baik, Syarikat hendaklah menggantikan Peralatan Tersebut dengan peralatan yang baru menurut spesifikasi sebagaimana yang diperincikan di bawah JADUAL PERTAMA dalam Perjanjian ini. Sekiranya Kerajaan berpuas hati dengan ujian mutu yang dijalankan ke atas Peralatan Tersebut, Kerajaan bolehlah mengeluarkan pengakuan penerimaan secara bertulis kepada Syarikat.

6.5. Syarikat hendaklah membekalkan buku panduan penggunaan Peralatan Tersebut kepada Kerajaan semasa penghantaran dan pemasangan Peralatan Tersebut.

7. TEMPAT PEMASANGAN

7.1. Peralatan Tersebut hendaklah dipasang di tempat sebagaimana yang dinyatakan di bawah JADUAL PERTAMA dalam Perjanjian ini.

7.2. Sekiranya berlaku apa-apa perubahan kepada Tempat Pemasangan Peralatan Tersebut semasa Tempoh Perjanjian ini, Kerajaan hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Syarikat dalam tempoh tujuh (7) hari berhubung perubahan Tempat Pemasangan dan segala kos pemindahan dan pemasangan semula Peralatan Tersebut di Tempat Pemasangan yang ditetapkan oleh Kerajaan hendaklah ditanggung oleh Syarikat.

8. PENYEDIAAN TEMPAT PEMASANGAN

8.1. Syarikat hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Kerajaan dua (2) hari sebelum Peralatan Tersebut dihantar dan dipasang.

8.2. Segala kos penyediaan Tempat Pemasangan hendaklah ditanggung oleh Kerajaan.

8.3. Sekiranya berlaku apa-apa kelewatan dalam menyediakan Tempat Pemasangan, Kerajaan hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Syarikat dalam tempoh tujuh (7) hari agar tarikh penghantaran dan pemasangan Peralatan Tersebut di Tempat Pemasangan dapat dipinda kepada tarikh yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

9. PENYELENGGARAAN PERALATAN TERSEBUT

9.1. Syarikat hendaklah memastikan segala kerja-kerja penyelenggaran Peralatan Tersebut dilakukan di antara pukul 8.30 pagi hingga 5.30 petang dari hari Isnin hingga Jumaat kecuali pada Hari Cuti Am. Penyelenggaraan Peralatan Tersebut adalah merangkumi kerja-kerja yang berikut:

a) memeriksa, mengubah, membaiki dan membaik pulih Peralatan Tersebut sekurang-kurangnya sebulan sekali tanpa mengenakan apa-apa caj tambahan kepada Kerajaan; dan

b) menggantikan apa-apa bahagian yang rosak atau membekalkan apa-apa alat ganti agar Peralatan Tersebut dapat beroperasi dengan baik dan memuaskan hari Kerajaan tanpa mengenakan apa-apa caj tambahan kepada Kerajaan.

9.2. Sekiranya berlaku apa-apa kerosakan atau kegagalan Peralatan Tersebut untuk berfungsi, Kerajaan hendaklah melaporkan secara bertulis mengenai kerosakan atau kegagalan tersebut kepada Syarikat dan Syarikat hendaklah mengambil tindak balas terhadap laporan yang diterima.

9.3. Tempoh tindak balas terhadap laporan yang diterima hendaklah dalam tempoh 1 hingga 2 jam pada waktu bekerja. Tempoh tersebut adalah jangka masa yang diambil oleh juruteknik Syarikat untuk sampai ke Tempat Pemasangan bermula dari masa laporan dibuat oleh Kerajaan. Sekiranya tempoh tindak balas itu melewati jam 5.30 petang, juruteknik Syarikat hendaklah sampai ke lokasi Peralatan Tersebut ditempatkan pada jam 9.00 pagi hari bekerja yang berikutnya.

9.4. Sekiranya Syarikat gagal untuk menepati syarat sebagaimana yang dinyatakan di bawah Klausa 9.3, Kerajaan mempunyai hak sentiasa untuk menolak bayaran sewa bulanan bagi bulan tersebut sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00) bagi setiap jam kelewatan.

9.5. Sekiranya berlaku apa-apa kerosakan yang memerlukan kerja pembaikan yang besar (major repair) atau Kerajaan memerlukan kerja pembaikan tambahan yang terlalu banyak (additional major repair), Syarikat hendaklah menyediakan mesin penyalin tambahan sebagai mesin gantian dan mesin penyalin tambahan ini akan dikenakan caj meter sahaja tanpa apa-apa bayaran sewa bulanan.

9.6. Syarikat hendaklah bertanggungjawab untuk menyediakan kelengkapan dan peralatan yang diperlukan oleh pekerja-pekerjanya bagi tujuan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan Peralatan Tersebut.

9.7. Syarikat hendaklah menyediakan laporan penyelenggaraan ke atas setiap kerja-kerja penyelenggaraan yang dilakukan dan setiap laporan penyelenggaraan tersebut hendaklah diperakukan oleh pihak Kerajaan.

9.8. Kerajaan hendaklah melantik dua (2) orang kakitangannya untuk menguruskan pengendalian operasi Peralatan Tersebut, di mana kakitangan tersebut hendaklah dilatih oleh Syarikat tentang cara-cara penggunaan dan pengendalian operasi Peralatan Tersebut dengan baik dan berkesan.

BAHAGIAN C
OBLIGASI, WARANTI DAN REPRESENTASI SYARIKAT

10. OBLIGASI SYARIKAT

10.1 Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini, Syarikat hendaklah –

a) melaksanakan Perkhidmatan dengan baik dan berkesan mengikut spesifikasi dan kekerapan sebagaimana yang ditetapkan dalam JADUAL PERTAMA dalam Perjanjian ini;

b) bertanggungjawab sepenuhnya di sisi undang-undang atas segala penyelewengan yang dilakukan oleh pekerja Syarikat sama ada dari segi penyelewengan kerja atau penipuan berkaitan dengan Perkhidmatan;

c) memastikan pengambilan pekerja yang cukup bagi melaksanakan Perkhidmatan dan pekerja tersebut hendaklah sihat tubuh badan dan berupaya untuk melaksanakan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini;

d) bertanggungjawab sepenuhnya terhadap apa-apa kenaikan kos Perkhidmatan yang melebihi jumlah yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak tanpa meletakkan apa-apa liabiliti atau tanggungan ke atas Kerajaan:

e) fi perkhidmatan bagi perolehan secara elektronik iaitu penggunaan sistem ePerolehan adalah sebanyak 0.8% akan dikenakan bagi setiap nilai pesanan Kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM9,600 bagi pesanan Kerajaan yang melebihi RM1.2 juta. Bagi tujuan ini, Syarikat perlu memperoleh taraf e-Perolehan *enabled* dan memuat naik katalog masing-masing ke dalam sistem ePerolehan;

f) memberi segala bentuk kerjasama kepada Kerajaan atau pegawai yang diberi kuasa dalam apa-apa perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan Perkhidmatan;

g) membenarkan Kerajaan pada setiap masa yang sesuai untuk membuat pemeriksaan dan pengauditan terhadap Perkhidmatan tanpa terlebih dahulu memberi apa-apa notis kepada Syarikat;

h) bertangguhjawab sepenuhnya ke atas keselamatan pekerja Syarikat yang menjalankan Perkhidmatan serta kemudahan dan peralatan yang digunakan dalam Perkhidmatan; dan

i) bertanggungjawab sepenuhnya atas segala liabiliti atau apa-apa tuntutan kerugian atau ganti rugi daripada mana-mana pihak termasuk pegawai-pegawai Kerajaan dan orang awam mengenai apa-apa kerosakan harta benda atau kecederaan kepada mana-mana pegawai Kerajaan atau orang awam yang disebabkan oleh kecuaian Syarikat atau pekerjanya semasa melaksanakan Perkhidmatan di Tempat Pemasangan.

11. REPRESENTASI DAN WARANTI

11.1 Syarikat dengan ini memberi representasi dan waranti kepada Kerajaan bahawa:

a) ia adalah sebuah syarikat yang sah ditubuhkan dan diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia;

b) ia diberi kuasa untuk memasuki dan melaksanakan obligasinya di bawah Perjanjian ini dan untuk menjalankan Perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Perjanjian ini;

c) ia telah mengambil segala langkah-langkah yang perlu bagi mengesahkan tindakannya untuk menjalankan segala transaksi di bawah Perjanjian ini;

d) pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani, tiada apa-apa pelaksanaan atau transaksi di bawah Perjanjian ini yang melanggar peruntukan-peruntukan Perjanjian ini terutamanya yang berkaitan dengan –

i) Memorandum dan Artikel Syarikat; atau

ii) apa-apa dokumen atau kontrak lain yang mengikat Syarikat atau asetnya;

e) tiada ligitasi, timbang tara, tuntutan cukai, pertikaian atau prosiding pentadbiran yang sedang atau masih tertangguh atau, dalam pengetahuan Syarikat, yang boleh mengakibatkan kesan buruk, yang berkemungkinan mempunyai kesan sebaliknya yang material (*material adverse effect*) ke atasnya atau keupayaannya untuk melaksanakan obligasi kewangan atau obligasi –obligasi lain di bawah Perjanjian ini;

f) Perjanjian ini menjadi satu obligasi di sisi undang-undang, sah dan mengikat Syarikat dan adalah berkuat kuasa menurut terma-terma dan syarat-syarat di bawah Perjanjian ini; dan

g) ia mempunyai keupayaan kewangan dan kemampuan teknikal untuk menjalankan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini,

dan Syarikat dengan ini mengakui bahawa Kerajaan telah memasuki Perjanjian ini berdasarkan kepada representasi dan waranti Syarikat seperti dinyatakan di bawah Klausa ini.

BAHAGIAN D
OBLIGASI KERAJAAN

12. KADAR CAJ CETAKAN

12.1. Kerajaan hendaklah bertanggungjawab untuk membayar kadar caj cetakan bagi setiap salinan adalah sebanyak RM….. sahaja bagi cetakan hitam dan putih, dan sebanyak RM….. sahaja bagi cetakan berwarna.

13. CARA BAYARAN

13.1. Cara Bayaran bagi Balasan kepada Perkhidmatan yang dinyatakan di bawah Klausa 2 hendaklah dibuat oleh Kerajaan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh invois diterima oleh Kerajaan, tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

a) Syarikat mengemukakan invois yang lengkap, teratur dan diterima oleh Kerajaan; dan

b) Syarikat mengemukakan dokumen-dokumen lain yang berkaitan termasuk laporan penyelenggaraan Peralatan Tersebut dan rekod mengenai jumlah cetakan bagi setiap salinan yang diminta oleh Kerajaan.

14. PENANGGUHAN BAYARAN

14.1. Tanpa prejudis kepada Hak Kerajaan untuk menamatkan Perjanjian ini di bawah Klausa 16, sekiranya mana-mana perkara yang berikut berlaku dan berterusan berlaku sehingga menjejaskan pelaksanaan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini, Kerajaan boleh, melalui notis bertulis kepada Syarikat, menahan sepenuh atau sebahagian apa-apa bayaran kepada Syarikat di bawah Perjanjian ini;

a) Syarikat ingkar atau gagal untuk melaksanakan Perkhidmatan mengikut terma-terma dan syarat-syarat di bawah Perjanjian ini; atau
b) apa-apa keadaan lain yang pada pandangan munasabah oleh Kerajaan mengganggu dan menyebabkan ketidaklancaran Perkhidmatan Syarikat di bawah Perjanjian ini.

15. OBLIGASI AM

15.1. Tertakluk kepada kepatuhan Syarikat di bawah Perjanjian ini, Kerajaan dengan ini bersetuju untuk:

a) membenarkan Syarikat dan pekerjanya untuk memasuki Tempat Pemasangan yang telah ditetapkan sepanjang pelaksanaan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini DENGAN SYARAT SENTIASA Syarikat dan pekerjanya hendaklah mematuhi segala peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa;

b) berunding dan memberitahu Syarikat sekiranya terdapat apa-apa perubahan keadaan yang boleh menjejaskan Perjanjian ini;

c) memastikan bahawa mana-mana orang yang dilantik oleh Kerajaan bagi pelaksanaan Perkhidmatan menyelaraskan kerja-kerjanya dengan Syarikat; dan

d) membenarkan Syarikat mengalih dan mengambil Peralatan Tersebut setelah Perjanjian ini tamat.

BAHAGIAN F
PENAMATAN PERJANJIAN

16. PENAMATAN PERJANJIAN

16.1. Sekiranya:

a) Syarikat ingkar, gagal atau enggan menyempurnakan atau mematuhi mana-mana terma dan syarat di bawah Perjanjian ini;

b) Syarikat muflis;

c) Jika berlaku apa-apa masalah seperti tahap operasi Peralatan Tersebut yang tidak memuaskan atau Syarikat tidak memberi servis yang memuaskan hati pihak Kerajaan seperti berikut:

i) pemeriksaan/penyelenggaraan berkala (setiap bulan);
ii) jaminan Tempoh Tindak Balas untuk panggilan kerosakan tidak melebihi 4 jam; dan
iii) Peralatan Tersebut rosak melebihi 5 kali dalam sebulan; atau

d) Syarikat tidak melaksanakan Perkhidmatan dengan sempurna dan memuaskan dan tidak mengikut mana-mana terma atau syarat Perjanjian ini,

Maka Kerajaan hendaklah memberi notis bertulis kepada Syarikat menyatakan pelanggaran dan menghendaki Syarikat untuk meremedikan pelanggaran itu dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh pemberian notis. Jika Syarikat gagal untuk meremedikan pelanggaran yang berkenaan dalam tempoh itu atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan, Kerajaan hendaklah mempunyai hak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa selepas itu dengan memberi notis untuk menyatakan demikian.

16.2. Sekiranya:

a) suatu proses tahanan atau pelaksanaan atau proses-proses lain mahkamah yang berbidang kuasa telah dikenakan ke atas atau dikeluarkan kepada Syarikat atau mana-mana aset Syarikat; atau

b) berlaku atau berterusan berlaku apa-apa perkara atau keadaan lain berdasarkan pandangan munasabah oleh Kerajaan akan menjejaskan keupayaan Syarikat atau menjadikan Syarikat tidak berupaya untuk melaksanakan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini,

Kerajaan hendaklah berhak jua untuk menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis bertulis mengenai penamatan kepada Syarikat dan dengan itu Perjanjian ini tamat dengan serta-merta.

16.3. Walau apa pun, apa-apa pun peruntukan dalam Perjanjian ini, Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini lebih awal daripada Tempoh Perjanjian di bawah Perjanjian ini atas apa jua sebab sekalipun dengan memberi sebulan notis bertulis kepada Syarikat.

17. PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, AKTIVITI TIDAK SAH ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHI UNDANG-UNDANG

17.1. PENAMATAN

a) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya Syarikat, kakitangan, pengkhidmat, ejen atau pekerjanya adalah disabitkan oleh Mahkamah undang-undang atas kesalahan rasuahatau aktiviti tidak sah atau aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian lain yang dimasuki oleh Syarikat dengan Kerajaan, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan serta-merta kepada Syarikat untuk menyatakan sedemikian kepada Syarikat.

17.2. AKIBAT PENAMATAN

a) Apabila berlaku penamatan, Kerajaan hendaklah berhak ke atas apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.

18. PENAMATAN ATAS KESELAMATAN NEGARA

18.1. Walau apa pun, apa-apa peruntukan Perjanjian ini, Kerajaan boleh menamatkan Perjanjian ini dengan memberi notis yang menyatakan sedemikian tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kepada Syarikat (tanpa apa-apa obligasi untuk memberi apa-apa alasan mengenainya) jika Kerajaan mempertimbangkan bahawa penamatan itu adalah perlu demi kepentingan negara, keselamatan negara atau bagi apa-apa maksud dasar Kerajaan atau dasar awam.

18.2. Bagi maksud Klausa ini, apa yang menjadikan "kepentingan negara", "keselamatan negara", "dasar Kerajaan" dan "dasar awam" hendaklah semata-matanya dibuat dan ditentukan oleh Kerajaan dan apa-apa penentuan hendaklah bagi segala tujuan dan maksud adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar atas apa-apa sebab jua.

19. FORCE MAJEURE

19.1. Tiada Kerajaan mahupun Syarikat adalah melanggar obligasi-obligasinya di bawah Perjanjian ini jika Kerajaan atau Syarikat tidak berupaya untuk melaksanakan obligasi-obligasinya di bawah Perjanjian ini (atau apa-apa bahagian daripadanya), selain daripada obligasi untuk membayar akibat daripada berlakunya suatu keadaan *Force Majeure*. Suatu keadaan *Force Majeure* hendaklah bererti –

a) peperangan (sama ada yang diisytiharkan atau tidak), mogok, halangan, perbuatan atau musuh umum, rusuhan,wabak, takdir Tuhan;

b) tanah runtuh, gempa bumi, kilat, kebakaran, ribut, banjir, taufan, bencana alam semula jadi, banjir besar;

c) letupan, kerosakan atau kemalangan terhadap mesin transformer, kabel elektrik, talian dan yang seumpamanya;

d) kerosakan pusat jana kuasa, stesen jana kuasa dan yang seumpamanya; atau

e) bahaya-bahaya lain yang tidak dapat dikawal oleh mana-mana pihak.

19.2. Dalam keadaan *Force Majeure* sedemikian, mana-mana pihak yang terlibat dengan keadaan *Force Majeure* tersebut hendaklah memaklumkan kepada pihak yang satu lagi secara bertulis pada kadar segera tentang keadaan *Force Majeure* dengan perincian penuh mengenainya dan akibatnya.

19.3. Jika keadaan *Force Majeure* tersebut berterusan berlaku selama tiga (3) bulan dan/atau pada pandangan munasabah oleh Kerajaan dan Syarikat keadaan

Force Majeure akan berterusan sehingga menjejaskan pelaksaan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini, Perjanjian ini boleh ditamatkan dengan persetujuan bersama oleh kedua-dua pihak.

19.4. Jika Perjanjian ini ditamatkan disebabkan keadaan *Force Majeure* menurut Klausa di atas, segala hak dan obligasi kedua-dua pihak di bawah Perjanjian ini hendaklah dengan serta-merta tamat dan tiada pihak bertanggungan terhadap satu sama lain kecuali bagi pihak satu lagi dan tiada pihak bertanggungan terhadap satu sama lain kecuali bagi apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya keadaan *Force Majeure*.

19.5. Kedua-dua pihak tidak berhak untuk bergantung kepada peruntukan-peruntukan di atas jika kedua-dua pihak secara munasabah menentukan bahawa suatu keadaan *Force Majeure* tidak terjadi.

19.6. Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak hendaklah meneruskan bahagian-bahagian obligasi yang tidak terjejas, tertangguh atau terganggu oleh suatu keadaan *Force Majeure* dan obligasi itu hendaklah, tertakluk kepada keputusan Klausa ini terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

19.7. Bagi maksud Klausa ini, pembetulan kecacatan atau kekurangan di bawah Perjanjian ini serta kegawatan ekonomi tidak boleh ditafsirkan sebagai suatu keadaan *Force Majeure*.

BAHAGIAN E
JAMINAN DAN TANGGUNG RUGI

20. JAMINAN

20.1. Syarikat hendaklah memberi jaminan bahawa Peralatan Tersebut yang dihantar dan dipasang adalah –

i) PRODUK KELUARAN SEMASA, BARU, TULEN DAN BELUM PERNAH digunakan kecuali bagi maksud ujian mutu;

ii) mengikut spesifikasi sebagaimana yang ditetapkan di bawah JADUAL PERTAMA dalam Perjanjian ini; dan

iii) berada dalam keadaan yang baik dan bebas daripada apa-apa kerosakan dan kecacatan dari segi pembuatan dan reka bentuk, dengan syarat bahawa Peralatan Tersebut tidak diubahsuai oleh Kerajaan tanpa memberi apa-apa notis kepada Syarikat.

20.2. Jika berlaku apa-apa kerosakan kepada Peralatan Tersebut, Syarikat hendaklah menggantikan Peralatan Tersebut yang rosak dan segala kos yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh Syarikat.

20.3. Syarikat hendaklah menggantikan Peralatan Tersebut yang rosak dengan mesin penyalin baru sekiranya sepanjang Tempoh Perjanjian ini Peralatan Tersebut kerap mengalami kerosakan. Segala kos yang berkaitan dengan penggantian Peralatan Tersebut hendaklah ditanggung oleh Syarikat tanpa mengenakan apa-apa caj tambahan kepada Kerajaan.

20.4. Bagi maksud Klausa 20.3, perkataan “kerap” bererti apa-apa kerosakan yang menyebabkan Peralatan Tersebut gagal berfungsi dengan baik melebihi lima (5) kali dalam tempoh sebulan setelah kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan menurut Klausa 9 Perjanjian ini.

21. TANGGUNG RUGI

21.1. Syarikat bersetuju dengan Kerajaan bahawa:

a) Syarikat hendaklah melaksanakan semua obligasinya di bawah Perjanjian ini atas risikonya sendiri dan hendaklah melepaskan, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Kerajaan daripada apa-apa tuntutan akibat daripada apa-apa kemalangan, kerosakan, atau kematian yang timbul daripada pelaksanaan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini dan Kerajaan tidak bertanggungjawab atau bertanggungan terhadap kemalangan, kerosakan atau kematian tersebut.

b) Syarikat akan menanggung rugi dan akan sentiasa menanggung rugi Kerajaan daripada dan terhadap apa-apa tindakan guaman, tuntutan, prosiding, kerugian, kerosakan, pampasan, kos (termasuk kos undang-undang), pembayaran dan apa sahaja perbelanjaan yang mana Kerajaan akan atau mungkin atau menjadi bertanggungan berkenaan dengan atau timbul daripada perkara berikut:

i) kecuaian Syarikat atau pekerjanya;

ii) apa-apa kerugian atau kerosakan kepada harta benda dalam apa sahaja sifat atau bentuk kerugian atau kerosakan tersebut dan walau bagaimana atau di mana sekalipun kerugian atau kerosakan tersebut dialami atau disebabkan oleh pelaksanaan Perkhidmatan oleh Syarikat kepada mana-mana individu dan tidak disebabkan oleh kecuaian atau tindakan sengaja, keingkaran atau ketinggalan Kerajaan;

iii) apa-apa kerugian, kerosakan atau kecederaan daripada apa-apa sebab sekalipun kepada harta benda atau individu yang terlibat dengan pelaksanaan Perkhidmatan di bawah Perjanjian ini sehingga setakat mana perkara yang sama adalah disebabkan atau disumbangkan oleh tindakan, ketinggalan, kecuaian, pelanggaran atau kemungkiran oleh Syarikat atau pekerjanya; dan

c) obligasi Syarikat di bawah Klausa ini hendaklah diteruskan sehingga Perjanjian ini tamat atau ditamatkan lebih awal berkenaan apa-apa tindakan, perbuatan, perkara atau hal yang berlaku sebelum Perjanjian ini ditamatkan sepertimana yang disebutkan sebelum ini.

Dokumen Tender hendaklah dilengkapkan dan dimasukkan di dalam sampul serta dilakrikan tanpa meletakkan tanda pengenalan Petender pada bahagian luar sampul surat tersebut. Sampul surat yang berlakri tersebut hendaklah dicatatkan dengan nama projek berikut di bahagian atas sebelah kanan iaitu:

…… (Masukkan Nama Projek) ….....
……
……

dan dihantar sendiri dengan tangan atau melalui perkhidmatan pos berdaftar kepada:

Alamat pejabat mempelawa tender
……
……
……
……

dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** tidak lewat atau pada pukul 12:00 tengah hari pada tarikh tutup tender. Mana-mana Tender yang sampai selepas masa dan Tarikh yang ditetapkan, atas sebarang sebab dan alasan tidak akan dipertimbangkan. Tanpa sebarang obligasi, Kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana Tender yang telah dihantar tetapi didapati hilang atau lewat diterima. Bukti pos tidak akan diterima sebagai bukti penghantaran mana-mana Tender.

10. INTERPRETASI SECARA LISAN

Interpretasi secara lisan kepada mana-mana bahagian Dokumen Tender atas permintaan dan/atau diterima Petender hendaklah tidak diambil kira sebagai membetulkan sebarang peruntukan dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Dokumen Tender. Sebarang pemberitahuan atau pembetulan kepada mana-mana bahagian di dalam Dokumen Tender akan dibuat secara bertulis oleh pejabat yang mengeluarkan tender di dalam bentuk Adendum seperti yang dinyatakan di perenggan 7 dan 8 di atas.

11. NOTIS KEPADA PETENDER

Setiap notis yang hendak diberi kepada Petender akan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) sama ada melalui pos atau pos berdaftar atau pos laju atau serahan tangan atau e-mel atau faksimili. Kaedah pemberitahuan ini hendaklah disifatkan sebagai Penyampaian Notis yang sempurna.

12. BANTAHAN OLEH PETENDER

Bantahan rasmi secara bertulis yang disertai dengan butir-butir lengkap berkaitan dengan Dokumen Tender, Spesifikasi, Lukisan dan/atau Senarai Kuantiti yang menjurus kepada sesuatu jenama (jenis) tertentu boleh dibuat oleh Petender dalam tempoh Empat Belas (14) hari dari tarikh dokumen tender mula dijual. Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan. Bantahan hendaklah dialamatkan kepada pejabat yang mengeluarkan tender.

…….
…….
…….
(u.p.: ……..……..)

* Isikan alamat pejabat yang mengeluarkan tender

Nota: * Perlu diisi oleh Pegawai Mengurus Tender.

13. PETENDER USAHASAMA

13.1 Perjanjian Usahasama

13.1.1. Petender yang berhasrat untuk memasuki tender secara usahasama hendaklah mengemukakan Perjanjian Usahasama semasa mengemukakan dokumen tender. Perjanjian tersebut hendaklah mengandungi pegangan ekuiti setiap rakan usahasama dan bertanggungjawab secara *'jointly & severally'* dan ditandatangani oleh kesemua rakan usahasama dan disetemkan.

13.1.2. Bagi tender kerja yang disertai oleh beberapa syarikat tempatan secara usahasama, kesemuanya hendaklah berdaftar dengan LPIPM dan mempunyai PPK dan SPKK, PUKONSA atau UPKJ dalam gred, kategori dan pengkhususan yang ditetapkan mengikut nilai tender.

13.1.3. Bagi perolehan yang dikhaskan kepada Bumiputera, syarikat usahasama yang menyertainya mestilah kesemuanya bertaraf Bumiputera dan mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah daripada PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK), Kementerian Pembangunan Usahawan. Manakala bagi perolehan yang tidak dikhaskan kepada Bumiputera maka syarikat usahasama yang dibenarkan menyertai perolehan boleh terdiri sama ada kesemuanya bertaraf Bumiputera atau salah satu bertaraf Bumiputera atau kesemuanya bukan Bumiputera.

13.2 Borang-Borang Maklumat Dan Dokumen Wajib/Sokongan

Petender dikehendaki mengisi borang-borang maklumat seperti di perenggan 1.2 Bahagian B: Tatacara Penilaian Tender Kerja Kecil secara berasingan. Petender juga hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti yang dinyatakan di perenggan 1.4 secara berasingan untuk menyokong maklumat-maklumat yang dinyatakan.

13.3 Kelayakan Asas Petender

Borang Tender/Surat Akuan Pembida (*Integrity Pact*) hendaklah ditandatangani oleh kesemua rakan usahasama sepertimana di dalam Surat Perjanjian Usahasama.

13.4 Pengiraan Kecukupan Modal Minimum

Penilaian Modal Minimum bagi petender usahasama/gabungan dianalisa secara berasingan dan digabungkan mengikut faktor ekuiti masing-masing.

13.5 Prestasi Kerja Semasa

Prestasi kerja semasa bagi petender usahasama/gabungan dianalisa berasaskan kerja-kerja semasa yang dilaksanakan oleh setiap ahli usahasama/gabungan. Status prestasi kerja semasa petender usahasama/gabungan adalah berdasarkan kepada prestasi terendah ahli usahasama/gabungan.

13.6 Beban Kerja Semasa

Beban kerja semasa bagi petender usahasama/gabungan dianalisa secara berasingan berasaskan jumlah nilai baki kerja dalam tangan oleh setiap ahli usahasama/gabungan. Penilaian beban adalah berdasarkan kepada nilai baki kerja tertinggi ahli usahasama/gabungan dan rujukan kepada Laporan Penyelia Projek mengenai kemajuan kerja petender usahasama/gabungan.

13.7 Pengalaman Kerja

Pengalaman kerja petender usahama/gabungan adalah berdasarkan pengalaman yang digabungkan.

14. TEMPOH SAH LAKU TENDER

Tender hendaklah terus sah selama tempoh **Sembilan Puluh (90)** hari dari Tarikh Tutup Tender dan Petender tidak dibenarkan sama sekali menarik diri dalam tempoh tersebut. Seandainya Petender menarik diri dalam Tempoh Sah Laku Tender atau sebarang tempoh yang dilanjutkan atau enggan menerima sesuatu tender setelah ditawarkan kepadanya, tindakan tatatertib akan diambil terhadapnya.

15. KEPUTUSAN TENDER ADALAH MUKTAMAD

Kerajaan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari petender-petender. Keputusan mengenai tender yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan tender tidak akan dilayan.

16. PENERIMAAN ATAU PENOLAKAN TENDER

16.1. Kerajaan berhak untuk menolak mana-mana atau keseluruhan tender. Mana-mana tender yang tidak lengkap, tidak jelas atau tidak mematuhi arahan, tidak akan dipertimbangkan.

16.2. Pihak Kerajaan tidak terikat untuk menyetuju terima tender terendah atau sebarang tender, dan juga tidak perlu memberikan sebarang alasan terhadap mana-mana tender yang ditolak.

17. IKLAN

Petender tidak dibenarkan menyiarkan apa-apa maklumat mengenai tender di dalam sebarang media.

18. KOS TENDER

Kerajaan tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar apa-apa kos atau perbelanjaan atau kerugian yang dialami oleh Petender di dalam penyediaan atau penghantaran tender beliau.

19. PELARASAN HARGA DAN KADAR HARGA

Ringkasan Tender dan/atau Jadual Kadar Harga atau Senarai Kuantiti akan diteliti dan diselaraskan oleh Kerajaan untuk memastikan kemunasabahannya sebelum tender disetujuterima sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 26 Syarat-Syarat Kontrak JKR 203/JKR 203A. Harga dan kadar harga yang diselaraskan hendaklah tidak mengubah jumlah harga di Borang Tender.

20. PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

20.1 Petender wajib mengemukakan **Surat Akuan Pembida** seperti di **Borang F** bersama-sama dengan Dokumen Tender di mana Petender berwaad untuk tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender tersebut. Surat Akuan Pembida ini hendaklah dilengkapkan dan ditandatangani oleh Pegawai Syarikat Yang Ditauliahkan.

20.2 Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen **WAJIB** dalam penilaian tender peringkat pertama. Sekiranya petender gagal mengemukakan Surat Akuan Pembida yang telah dilengkapkan dan ditandatangani, petender tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.

20.3 Petender yang berjaya wajib mengemukakan dan menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** seperti **Lampiran A** beserta dengan Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

21. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

21.1 Semua Petender adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu para petender diberi peringatan seperti berikut:

21.1.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

21.1.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

21.1.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

21.1.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi adalah melakukan kesalahan dibawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

22. ** PELAKSANAAN PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS* (PROTÉGÉ) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN.

22.1. Petender dikehendaki melaksanakan Program PROTÉGÉ dalam perolehan Kerajaan mengikut had nilai ambang *(threshold value)* dan sektor seperti berikut:

Bil.	Sektor	Nilai Ambang
1	Pembinaan	RM10 juta
2	Perkhidmatan Penyelenggaran Bangunan/Infrastruktur/Jalan	RM5 juta
3	Teknologi Informasi dan Komunikasi	RM10 juta
4	Perkhidmatan Perundingan	RM5 juta
5	Perubatan dan Farmasi	RM10 juta
6	Perkhidmatan Sokongan Kesihatan	RM10 juta
7	Perkhidmatan Penyenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih	RM10 juta
8	Pengangkutan dan Logistik	RM10 juta
9	Pertahanan Strategik	RM10 juta

Bil.	Sektor	Nilai Ambang
10	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	RM4 juta
11	Sektor Lain	RM10 juta

$$\frac{\text{1\% x Kos Keseluruhan Projek / Perolehan}}{\text{RM24,000*}}$$

* Elaun PROTÉGÉ sebanyak RM2,000 seorang X 12 bulan

22.2. Petender adalah wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Untuk Melaksanakan Program PROTÉGÉ seperti di **Lampiran B** bersama dengan Dokumen Tawaran Tender.

22.3. Surat Akuan Pembida Untuk Melaksanakan Program PROTÉGÉ tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian tender. Sekiranya pembida gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh penama di sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ, pembida tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan;

22.4. Sekiranya sesuatu kontrak yang menggunakan Wang Kos Prima atau Wang Peruntukan Sementara melebihi nilai ambang yang ditetapkan, Kontraktor Utama wajib memastikan klausa berkenaan pelaksanaan Program PROTÉGÉ dimasukkan di dalam kontrak dengan Sub-Kontraktor Yang Dinamakan (NSC) dan/atau Kontraktor Domestik.

Nota: ** Potong jika tidak berkenaan oleh Pegawai Mengurus Tender.

23. PELAKSANAAN REKA BENTUK *INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM* (IBS)

23.1 Sejajar dengan pematuhan kepada peraturan semasa reka bentuk projek hendaklah berdasarkan reka bentuk komponen IBS. Petender yang berjaya tidak akan dibenarkan menukarnya kepada reka bentuk konvensional dalam apa keadaan sekalipun.

23.2 Petender yang berjaya dikehendaki untuk menyemak dan memeriksa lukisan komponen IBS untuk memastikan kecukupan reka bentuk/perincian yang diperlukan bagi tujuan pembinaan/pemasangan di tapak bina. Sekiranya Petender yang berjaya perlu mengesyorkan sebarang reka bentuk, beliau hendaklah mengemukakan semua lukisan, spesifikasi, pengiraan dan maklumat yang berkaitan kepada Pegawai Penguasa untuk kelulusan.

24. PEMANSUHAN PERUNTUKAN SYARAT PERUBAHAN HARGA (VARIATION OF PRICE) DALAM KONTRAK

Petender-Petender adalah diberitahu bahawa Tender ini adalah berdasarkan harga tender tetap. Petender-petender juga diberitahu bahawa klausa 30 Syarat-Syarat Kontrak P.W.D Form 203/203A (Rev. 1/2010) berkaitan dengan Turun Naik Harga tidak lagi terpakai. Dengan ini, petender adalah dinasihatkan untuk mengambilkira kesemua risiko yang terlibat semasa tempoh kontrak berjalan dalam Harga Tendernya.

25. LARANGAN PEMINDAHAN EKUITI SYARIKAT SEPANJANG TEMPOH KONTRAK

Petender yang berjaya dipilih bagi perolehan ini tidak boleh memindahkan milik ekuiti syarikat sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa kecuali mendapat kelulusan bertulis **KERAJAAN MALAYSIA** terlebih dahulu.

26. BON PELAKSANAAN

26.1. Bon Pelaksanaan adalah suatu aku janji tidak bersyarat oleh sesuatu institusi kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan untuk membayar kepada Kerajaan suatu amaun tertentu atas tuntutan Kerajaan sekiranya syarikat tidak atau gagal mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak.

26.2. Petender yang berjaya hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak lima peratus (5%) daripada Jumlah Harga Kontrak sebelum memulakan kerja. Petender dikehendaki menggunakan format Bon Pelaksanaan seperti yang dilampirkan tanpa sebarang pindaan.

26.3. Sekiranya kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan dipilih/dikenakan, potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada bayaran kemajuan pertama dan seterusnya akan dikenakan sehingga ia mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada Jumlah Harga Kontrak.

26.4. Petender yang berjaya hendaklah memastikan Bon Pelaksanaan sentiasa sah dan berkuatkuasa dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan adalah berdasarkan nilai projek seperti berikut:

Nilai Projek	Tempoh Sah Laku Bon Pelaksanaan
Kos Projek sehingga RM10 Juta	• Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP). • Format dan kandungan seperti di **Lampiran F**

26.5. Petender diingatkan untuk mengambil kira tempoh sah laku Bon Pelaksanaan mengikut nilai projek semasa menghargakan tender. Sebarang rayuan akibat kegagalan kontraktor untuk mengambil kira tempoh sah laku bon pelaksanaan semasa menghargakan tender tidak akan dilayan.

27. SIJIL SCORE LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM)

Petender dikehendaki mengemukakan Salinan Sijil SCORE dari LPIPM yang masih sah pada Tarikh Tutup Tender (tidak lebih satu (1) tahun dari Tarikh sijil dikeluarkan) dengan minimum dua (2) bintang terutama kepada Petender yang menawarkan harga tender di bawah paras Harga *Cut-Off*.

28. MEMATUHI AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) 1994 (Akta 520)

Petender yang berjaya bagi semua tender yang bernilai melebihi RM 500,000.00 akan dikenakan levi sebanyak perpuluhan satu dua lima peratus (0.125%) daripada nilai harga kontrak seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 34(2) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) 1994 (Akta 520). Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Petender yang berjaya untuk membuat bayaran levi kepada pihak LPIPM.

29. PEMATUHAN AKTA 342 DAN NORMA BAHARU DALAM SEKTOR PEMBINAAN DAN DALAM MENANGANI EPIDEMIK DAN PANDEMIK COVID 19 (mengikut keadaan semasa)

30.1 Petender yang berjaya dikehendaki mematuhi Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan semua Garis Panduan dan Prosedur Operasi Piawai yang berkaitan dalam menangani Epidemik dan Pandemik seperti wabak Covid 19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, CIDB dan Jabatan Kerja Raya Malaysia.

30.2 Petender dikehendaki mengambilkira dalam harga tender untuk pematuhan perkara 30.1.

30.3 Kegagalan mematuhi Akta, Garis Panduan dan Prosedur Operasi Piawai yang telah ditetapkan menyebabkan tindakan boleh di ambil oleh agensi-agensi yang berkenaan dan sebarang tuntutan akibat tindakan ini tidak akan dipertimbangkan.

30. HARGA INDIKATIF JABATAN

30.1. Harga Indikatif Jabatan bagi tender ini adalah Ringgit Malaysia:
……...…...
…….....
(RM .....)

30.2. Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

30.3. Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

B) TATACARA PENILAIAN TENDER KERJA KECIL

1.0 MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN UNTUK PENILAIAN KEUPAYAAN PETENDER

1.1 Petender hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian tender ini akan mengambilkira dan mementingkan **keupayaan petender** untuk melaksanakan projek yang ditender, di samping kemunasabahan harga tender.

1.2 Penilaian akan dibuat berasaskan **kelayakan asas tender, keupayaan kewangan, dan keupayaan teknikal (prestasi, dan beban kerja semasa serta pengalaman kerja) petender dan penilaian teknikal (kerja Mekanikal & Elektrik) bagi komponen/peralatan.** Untuk membolehkan penilaian dibuat, petender dikehendaki melengkapkan borang-borang berikut yang disertakan bersama Dokumen Tender ini dengan sempurna dan mengembalikannya bersama-sama dengan tender masing-masing:

1.2.1	**Borang A**	Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen yang Dikemukakan oleh Petender
1.2.2	**Borang B**	Maklumat Am Latar Belakang Petender
1.2.3	**Borang C**	Data Kewangan Petender
1.2.4	**Borang CA**	Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit Petender
1.2.5	**Borang D**	Senarai Kerja/Kontrak Semasa Petender
1.2.6	**Borang DA**	Laporan Prestasi Kerja Semasa Petender
1.2.7	**Borang E**	Rekod Pengalaman Kerja Petender (Senarai Kerja Dalam Tempoh 5 Tahun Lepas)
1.2.8	**Borang F**	Surat Akuan Pembida *(Integrity Pact)*

1.3 Borang-borang ini hendaklah diisi dengan maklumat-maklumat yang benar dan data-data yang tepat. Setiap helaian tambahan yang dilampirkan kepada borang-borang lain hendaklah ditandatangani oleh petender.

1.4 Bagi memastikan kesahihan maklumat dan data yang diterima daripada petender seperti di perenggan 1.2, maklumat tersebut hendaklah disokong dengan dokumen-dokumen berikut untuk tujuan penilaian.

1.4.1 Perakuan/Sijil Pendaftaran

i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) CIDB;

ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB/ Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah

(PUKONSA)/ Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ).

iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) dari PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK) (jika berkaitan);

i) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (jika berkaitan)

1.4.2 Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen

Petender **WAJIB** mengisi dan menandatangani **Borang A**. Kegagalan mengemukakan **Borang A** yang lengkap akan menyebabkan petender tidak layak dinilai.

1.4.3 Maklumat Kewangan

i) Petender hendaklah mengisi **Borang C** (Data Kewangan Petender)

ii) Petender **WAJIB** mengemukakan **sekurang-kurangnya salah satu** dokumen kewangan berikut:

a. Salinan Penyata Kewangan Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender atau sekiranya tiada, bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut setahun sebelum tahun tutup tender yang **diaudit** dan **disahkan** dengan salinan diakui sah (*certified true copy*) oleh Juruaudit Bertauliah

b. Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang **disahkan** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan.

c. Laporan ASAL bank/institusi kewangan mengenai kemudahan kredit petender, atas format seperti di **Borang CA** yang **ditandatangani** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank/institusi kewangan berkenaan

iii) Deposit tetap (sekiranya ada) yang **disahkan** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan boleh dikemukakan sebagai tambahan kepada pengiraan keupayaan kewangan.

iv) Pihak Kerajaan akan membuat semakan dengan pihak syarikat audit/ bank/ institusi kewangan bagi mendapatkan pengesahan ke atas maklumat kewangan yang dikemukakan oleh petender. Petender hendaklah memastikan bahawa pihak syarikat audit/ bank/ institusi kewangan mengemukakan maklum balas dalam tempoh empat belas hari (14) hari dari tarikh surat dihantar

kepada mereka. Kegagalan pihak syarikat audit/ bank/ institusi kewangan untuk mengemukakan maklum balas dalam tempoh tersebut akan menyebabkan maklumat kewangan petender yang berkenaan tidak diambil kira dalam penilaian.

1.4.4 Maklumat Teknikal

i) Petender dikehendaki menyenaraikan kerja semasa di **Borang D.** Petender **WAJIB** mengisi **Borang DA** dengan lengkap dan dikemukakan bersama-sama dokumen-dokumen sokongan yang ditetapkan. Kegagalan petender untuk mengisytiharkan kerja semasa akan menyebabkan tendernya ditolak. Bagi petender yang tidak mempunyai kerja semasa, sila catatkan “Tiada Kerja Semasa” di **Borang D**.

ii) Petender dikehendaki menyenaraikan kerja-kerja yang telah dilaksanakan di **Borang E** berserta dokumen-dokumen sokongan sekiranya mempunyai pengalaman kerja. Bagi petender yang tidak mempunyai pengalaman kerja, sila catatkan “Tiada pengalaman” di **Borang E**. Kegagalan petender untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen sokongan di **Borang E** akan mengakibatkan maklumat tersebut tidak dapat disemak kerana ketidakcukupan dokumen. Hal ini boleh menyebabkan maklumat tersebut tidak diambil kira.

iii) Dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut:

a. Salinan Surat Setuju Terima dan Perakuan Bayaran Interim terkini bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di **Borang D**;

b. Laporan Asal Projek mengenai prestasi semasa petender, bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di Borang D, atas format seperti **Borang DA**. Laporan tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa/Pegawai Profesional yang menyelia projek tersebut; dan

c. Salinan Surat Setuju Terima dan Salinan Perakuan Siap Kerja/ Pengesahan Siap Kerja/Perakuan Muktamad setiap kerja yang telah disiapkan dan disenaraikan di **Borang E**.

1.4.5 Surat Akuan Pembida (*Integrity Pact*)

Petender **WAJIB** mengisi dan menandatangani **Borang F**. Kegagalan mengisi borang ini akan menyebabkan tendernya ditolak. Rujuk perenggan 5.0 untuk penerangan lanjut.

1.5 Dokumen Tambahan

Petender yang mempunyai dan mengemukakan salinan sijil-sijil berikut boleh diberi keutamaan dalam perakuan tender:

1.5.1 Sijil SCORE

Sijil SCORE dari CIDB yang masih sah semasa tender ditutup (tidak lebih satu tahun dari tarikh sijil dikeluarkan) dengan minimum dua (2) bintang terutama bagi petender yang menawarkan harga tender di bawah paras Harga *Cut-Off.*

1.5.2 Sijil/Perakuan Anugerah

Anugerah yang diperolehi oleh petender yang berkaitan dengan industri pembinaan dalam tempoh lima (5) tahun ke belakang, contohnya Anugerah Kontraktor Cemerlang, Anugerah Pengurusan Pembinaan Terbaik.

1.5.3 Sijil/Surat Pengesahan Pelaksanaan Program PROTEGE

Petender mengemukakan sijil atau surat pengesahan pelaksanaan Program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) daripada Sekretariat PROTÉGÉ.

1.6 Dokumen-dokumen wajib dan sokongan seperti di perenggan 1.4 dan 1.5 adalah penting untuk membolehkan penilaian keupayaan dibuat ke atas petender. Petender hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen ini dalam **satu (1) sampul berasingan** yang dilabelkan sebagai **`DOKUMEN WAJIB DAN SOKONGAN'**. Petender juga dikehendaki mengisi dan menyertakan **Senarai Semakan Dokumen (SSD)** bersama-sama sampul tersebut. Senarai Semakan ini akan menjadi panduan semakan semula dan bukti penerimaan dokumen-dokumen wajib dan sokongan.

1.7 Semua maklumat dan dokumen yang tersebut di atas hendaklah dikemukakan bersama-sama dokumen tender sebelum tarikh dan waktu tutup tender. Bagi memastikan Kerajaan bersikap adil dan saksama kepada petender-petender lain yang berjaya mematuhi arahan tersebut, **sebarang maklumat atau dokumen yang dikemukakan selepas daripada tarikh dan waktu tutup tender, TIDAK AKAN DITERIMA.**

1.8 Sekiranya Petender mengemukakan maklumat palsu, tidak memberikan maklumat yang dikehendaki dengan lengkap, dan/atau menyembunyikan atau sengaja tidak mengemukakan mana-mana maklumat yang memberi kesan negatif terhadap keupayaannya, tendernya akan ditolak dan tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kerajaan ke atas Petender.

2.0 KRITERIA PENILAIAN TENDER

Penilaian tender akan dijalankan dalam dua peringkat berdasarkan kepada kriteria-kriteria penilaian yang ditetapkan.

2.1 Kaedah Penilaian

2.1.1 Penilaian tender layak dilaksanakan ke atas petender-petender yang menawarkan harga tender dalam julat (-)15% sehingga (+)10% daripada Harga *Adjusted Mean* Kerja Pembina.

2.1.2 **Sekiranya bilangan petender yang berada dalam julat yang layak tersebut melebihi sepuluh (10) petender,** penilaian adalah dibuat ke atas sekurang-kurangnya sepuluh (10) petender bagi mendapatkan minimum tiga (3) petender yang lulus penilaian dan layak diperakukan. Bilangan petender yang diambil untuk dinilai adalah bermula dari harga tawaran petender yang paling hampir dan lebih rendah dari paras harga *cut-off* serta tidak melebihi (-)15% dari *Adjusted Mean* Kerja Pembina. Jika bilangan petender tidak cukup sepuluh (10), pemilihan baki petender untuk dinilai diteruskan dari paras Harga *Cut-Off* sehingga (+)10% Harga *Adjusted Mean* Kerja Pembina.

2.1.3 Sekiranya paras *Harga Cut-Off* melebihi (-)15% daripada *Adjusted Mean* Kerja Pembina, sekurang-kurangnya sepuluh (10) petender yang diambil untuk dinilai adalah bermula dari paras Harga *Cut-Off* sehingga (+)10% dari *Adjusted Mean* Kerja Pembina.

2.1.4 Keutamaan kepada petender adalah berdasarkan harga paling rendah (*lowest acceptable bidder*) yang berada dalam julat dan lulus semua peringkat penilaian.

2.2 Penilaian Peringkat Pertama (Kelayakan Asas Tender)

2.2.1 Hanya tender yang mematuhi kriteria penilaian peringkat pertama sahaja yang **LAYAK** dinilai ke peringkat kedua.

2.2.2 Tender yang diterima mestilah mematuhi kriteria kelayakan asas berikut:

i) Borang Tender ditandatangani, disaksikan dan diturunkan cap syarikat.

ii) Penandatangan Borang Tender adalah pihak yang diberi kuasa berdasarkan Sijil CIDB /Kementerian Kewangan.

iii) Harga Tender dan Tempoh Siap Kerja (kecuali jika tempoh siap kerja telah ditetapkan) tercatat di Borang Tender

iv) Pendaftaran petender masih sah semasa tarikh tutup tender

v) Kesemua dokumen asas tender seperti berikut dikembalikan:

a. Borang Tender

b. Senarai Kuantiti/ Ringkasan Tender

c. Adendum yang dikemukakan kepada petender selepas dokumen tender dijual kepada mereka

d. Perjanjian Usahasama/Gabungan (jika berkenaan)

e. Maklumat/ Dokumen lain yang dinyatakan di dalam Arahan Kepada Petender:

……. Senaraikan dokumen/maklumat yang berkenaan ……
……
……
……
……

vi) Tempoh Siap Kerja tidak melebihi tempoh siap maksimum (kecuali jika tempoh siap kerja telah ditetapkan)

vii) Borang A ditandatangani, disaksikan dan diturunkan cap syarikat

viii) Surat Akuan Pembida ditandatangani (*Integrity Pact*)

ix) Sekurang-kurangnya salah satu dokumen berikut dikemukakan:

a. Salinan Penyata Kewangan Syarikat dikemukakan, diaudit dan disahkan oleh juruaudit bertauliah;

b. Penyata Bulanan Bank yang disahkan oleh pegawai bank yang diberi kuasa;

c. Laporan Asal Bank/Institusi Kewangan mengenai kemudahan kredit petender atas format seperti di Borang CA yang ditandatangan oleh pegawai bank/institusi kewangan yang diberi kuasa.

2.3 Penilaian Peringkat Kedua

Penilaian di peringkat kedua adalah berasaskan kriteria berikut:

2.3.1 Keupayaan Kewangan

i) Kecukupan modal minimum petender dalam bentuk aset mudah cair dan Kemudahan Kredit tidak kurang daripada LIMA PERATUS (5%) daripada nilai Kerja Pembina Anggaran Jabatan.

ii) Modal dalam bentuk aset mudah cair ialah jumlah Modal Pusingan iaitu perbezaan antara Aset Semasa dan Liabiliti Semasa petender seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan **atau** nilai positif purata baki akhir bulan dalam Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir termasuk Deposit Tetap, yang mana lebih tinggi. Jumlah ini dicampur dengan jumlah Baki Nilai Kemudahan Kredit yang diperolehi oleh petender daripada Bank.

iii) Deposit Tetap yang tidak dicagarkan hendaklah mempunyai tarikh matang yang sekurang-kurangnya sehingga tiga (3) bulan selepas tarikh tutup tender.

iv) Kemudahan kredit bagi modal mudah cair yang boleh diambilkira **hanyalah** kemudahan kredit sedia ada seperti berikut:

a. Overdraf

b. Overdraf Bercagar

c. Talian Kredit

v) Selain daripada kemudahan kredit seperti senarai di atas, semua bentuk kemudahan kredit lain tidak boleh diambilkira termasuklah pinjaman tetap yang akan atau layak diperolehi untuk projek.

2.3.2 Keupayaan Teknikal

Keupayaan teknikal adalah berasaskan kepada kriteria berikut:

i) Prestasi Kerja Semasa

Kerja Semasa diertikan sebagai kerja kontrak yang masih dalam pelaksanaan dan belum disiapkan pada Tarikh Tutup Tender. Petender mestilah **TIDAK** mempunyai projek yang mana kemajuan pelaksanaan semasa mengalami kelewatan melebihi dua puluh peratus (20%) dari jadual **atau** kelewatan melebihi enam puluh (60) hari dari tarikh siap dibenarkan **atau** sedang menghadapi tindakan penamatan pengambilan kerja.

ii) Beban Kerja Semasa

Penilaian beban kerja semasa adalah berdasarkan nilai baki kerja dalam tangan yang belum siap untuk semua projek pada waktu petender memasuki tender.

iii) Pengalaman Kerja

a. Pengalaman kerja petender adalah pengalaman kerja serupa atau pengalaman kerja sebanding yang diperakukan siap dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh tutup tender.

b. Kerja serupa ertinya:
Kerja yang diliputi oleh kategori yang sama seperti kerja yang ditender.

c. Kerja sebanding ertinya:
Kerja yang diliputi oleh kategori yang berlainan daripada kerja yang ditender.

d. Sekiranya kategori kerja yang ditender ialah B, maka kerja sebanding adalah kerja dalam kategori CE dan ME. Sekiranya kategori kerja yang dipelawa ialah CE, maka kerja sebanding adalah kerja dalam kategori B dan ME. Kerja kategori F tidak boleh diambil sebagai pengalaman Kerja Bangunan, Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Elektrik. Sekiranya kerja yang ditender ialah F, maka kerja sebanding adalah kerja dalam kategori ME.

e. Kerja yang diambil kira adalah terhad kepada kerja yang dilaksanakan oleh petender sebagai kontraktor utama dan sub-kontraktor yang dinamakan sahaja. Kerja yang dilaksanakan sebagai sub-kontraktor biasa tidak boleh diambil kira melainkan ada pengesahan dari pihak Pegawai Penguasa dan Kontraktor Utama serta jenis dan skop kerja hendaklah bersesuaian dengan kerja yang ditender.

Lampiran A

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

.....(Tajuk dan Nombor Rujukan Perolehan).....

Saya, ……(Nama Wakil Syarikat)…… No. Kad Pengenalan..... yang mewakili …...(Nama Syarikat)…… nombor Pendaftaran ……(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)…… dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa- apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam ……(Nama Kementerian/Agensi)…… atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan- tindakan boleh berikut diambil:

2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi perolehan di atas; atau
2.2 Penamatan kontrak bagi perolehan di atas; dan
2.3 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa--

3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing•masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 *[Akta 712]* atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii). Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di

bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694],* apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan	:	.....
Nama	:	.....
No.KP	:	.....
Tarikh	:	.....
Cap Syarikat	:	.....

Catatan:

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

(ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

LAMPIRAN B

SURAT AKUAN PEMBIDA UNTUK MELAKSANAKAN

PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS* (PROTÉGÉ)

Kepada (Agensi)

……..
……..

Tender : (Tajuk)

……
……

Saya …… nombor kad pengenalan ……... yang mewakili syarikat …… nombor Pendaftaran ….....(*MOF/CIDB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya akan melaksanakan program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) jika terpilih untuk tender ini mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan bilangan minimum peserta program PROTÉGÉ seperti yang ditetapkan di dalam syarat tender.

2. Sekiranya, saya tidak melaksanakan program PROTÉGÉ mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan bilangan minimum peserta setelah dipilih untuk tender ini, maka Kerajaan boleh mengambil tindakan ke atas syarikat saya berdasarkan syarat / klausa kontrak dan syarikat saya mungkin tidak akan dipertimbangkan untuk tender perolehan kerajaan pada masa yang akan datang.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. Kad Pengenalan)

Cap Syarikat:

Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkaitan.
ii) Surat Akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran CIDB.

LAMPIRAN C

DEED OF ASSIGNMENT
(Security for direct payments to third party)

THIS DEED OF ASSIGNMENT is made the ……..... day of..... 20 ……... between....., a company incorporated under the laws of Malaysia and having its registered office at ……..…… ……..……., (hereinafter referred to as "the Assignor") of the one part and ..……..……, a company incorporated under the laws of Malaysia and having its registered office at ….....(hereinafter referred to as "the Assignee") of the other part.

WHEREAS –

1. The Assignor has been awarded by the Government of Malaysia (hereinafter referred to as "the Government") the contract with the reference numbered ……..……..…… ……(hereinafter referred to as "the Contract") for the ……..…..…… ……..... (hereinafter referred to as "the Works") for the sum of Ringgit Malaysia ……..… ……..….. (RM ……..) (hereinafter referred to as "the Contract Sum").

2. The Assignor has caused work to be executed and/or is desirous of causing *work / supply to be executed and the Assignee has agreed to execute certain *work / supply namely …….. (hereinafter referred to as *"the Subcontract Work" / "the Subcontract Supply") for the Assignor in the fulfillment of the Assignor's obligations under the Contract.

3. The Assignor is desirous of assigning to the Assignee moneys due and payable to the Assignor under the Contract as payment for the *Subcontract Work / Subcontract Supply, up to a maximum value of Ringgit Malaysia ……..… …..……(RM.....) (hereinafter referred to as the "Assigned Sum").

4. The Government through its authorized representative has given its consent in a letter dated..... to the Assignor to assign its rights, interest and title in the Assigned Sum to the Assignee. The said letter is attached hereto as Appendix A.

** Delete whichever is not applicable*

NOW THE DEED WITNESS as follows:

1. Restriction on this Deed

The terms of this Deed of Assignment shall be subject to the terms and conditions imposed by the Government or its authorized representative in granting its consent to this Assignment.

2. Assignment

In consideration of the Assignee having executed and/or agreeing to execute the *Subcontract Works / Subcontract Supply, the Assignor hereby absolutely assigns to the Assignee moneys payable now or hereinafter due and payable to the Assignor under the Contract, not exceeding the Assigned Sum.

3. Irrevocable Assignment

This assignment shall be irrevocable and shall remain in force for so long as the Assigned Sum is due and payable to the Assignor by the Government.

4. Exclusion of Nominated Sub-contractors/Suppliers

For the purposes of this Assignment, moneys due and payable to the Assignor under the Contract shall be deemed to exclude moneys due and payable to nominated subcontractors and nominated suppliers who, in accordance with the terms and conditions of the Contract shall be paid direct by the Government to the nominated subcontractors and nominated suppliers.

5. Payment

The Assignee shall be paid the value of the *Subcontract Work / Subcontract Supply executed out of moneys due and payable to the Assignor under the Contract in interim payments and the final payment shall be made in accordance with the terms andconditions of the Contract.

6. Interim Payment

The amount to be paid to the Assignee in each interim payment shall be ascertained based on claims certified by the Assignor or his authorized representative and submitted by the Assignee to the Superintending Officer named in the Contract or his authorized representative not later than three (3) days before the date of interim valuation.

** Delete whichever is not applicable*

7. Insufficient Payment

7.1. In the event of the money due and payable to the Assignor in an interim payment is insufficient to pay the amount due to the Assignee in respect of the *Subcontract Work / Subcontract Supply executed, the deficiency shall be paid to the Assignee in the next and subsequent interim payment(s).

7.2. If upon final payment under the Contract no money is received by the Assignee or the amount received by the Assignee is less than the total value of the *Sub-contract Work / Sub-contract Supply executed, the value of the *Sub-contract Work / Sub-contract Supply that remains unpaid shall be debt due from the Assignor to the Assignee.

8. Receipt Issued

The Assignor covenants that any receipt issued by the Assignee in respect of any payment made by the Government or its authorized representative shall be a sufficient and valid discharge of the assignment under Clause 2 to the extent of such payment.

9. Undertaking

The Assignor undertakes to do all things and acts necessary to ensure that the Government pays to the Assignee moneys otherwise due and payable to the Assignor under the Contract in respect of the *Subcontract Work / Subcontract Supply executed by the Assignee.

10. Notification of Assignment

The Assignor shall notify the Government of the execution of this Deed of Assignment by lodging a stamped copy thereof with the Government or its authorized representative.

11. Incidental Charges

Any incidental charges including legal fees for this Deed of Assignment and the stamp duty thereof shall be borne by the Assignor.

12. Successors-In-Title

This Deed of Assignment shall be binding upon the successors-in-title of the parties hereto and, if the party is an individual, upon his heirs, executors and personal representatives.

---

* *Delete whichever is not applicable*

IN WITNESS WHEREOF the Parties hereunto set their seal and hand respectively on the day and year first set out above.

SIGNED by)
)
Name:)
)
Capacity:)
)
For and on behalf of ……..……..
(Signature of Assignor)
)
……..……)
(Seal or chop of Assignor)

In the presence of

Name:)
)
NRIC No.:) ……..……..
) (Signature of Witness)
Address:)

SIGNED by)
)
Name:)
)
Capacity:)
)
For and on behalf of) ……..……..
(Signature of Assignee)

……
(Seal or chop of Assignee)

In the presence of

Name:)
)
NRIC No.:) ……..……..
) (Signature of Witness)
Address:)

LAMPIRAN D

KERAJAAN MALAYSIA

THE CONSENT OF THE GOVERNMENT OF MALAYSIA TO THE DEED OF ASSIGNMENT FOR DIRECT PAYMENT TO THIRD PARTY

Reference: …… Date: ……..…

……..
……..
……. } *Name and Address of the Ministry/Department*

To: (Contractor)
……..
……..
……..

CONTRACT NO.: …….
SUB-CONTRACT/ SUPPLY……..

WORK
……..…….

I refer to your letter ..... dated .....……. seeking the consent of the Government of Malaysia to your proposal to assign part of the Contract Sum by a Deed of Assignment to …..... , the Assignee.

2. This to convey the Government's consent to the said assignment as contained in the Deed of Assignment, subject to the terms as follows:

a. Any obligation imposed upon the Government by the Deed of Assignment shall not in any way prejudice or affect the rights of the Government or the powers of the Superintending Officer under the terms and conditions of the Contract, including those relating to direct payments to nominated sub-contractors and nominated suppliers and deductions from any money otherwise due to you under the Contract.

b. Any payment made to the Assignee shall be deemed to be a payment as if the same is paid to you under the terms and conditions of the Contract and shall constitute a sufficient and valid discharge of the obligations of the Government under the Contract to the extent of such payment.

c. No terms of payment including any term for the payment of interest for delayed payments which the Assignee may impose upon you shall be imposed upon the Government by the Deed of Assignment.

d. You shall be liable and shall indemnify and hold the Government harmless from all costs, claims, damages, expenses, liabilities, losses whatsoever incurred by the Assignee howsoever arising from the Deed of Assisgnment from the rights which have been assigned to the Assignee in accordance with the Deed of Assignmen, Government in the event of any claim or action taken by the Assignee arising from the Assignment.

3. Kindly acknowledge receipt of this letter and confirm acceptance by the Assignee and yourself of the terms stipulated above by appending your signature and returning the same to me.

Yours faithfully,

……
(Superintending Officer)

I/We acknowledge receipt of the above assent of the Government and confirm my/our acceptance of the terms imposed herein.

……	……...
Signature of Assignor	Signature of Assignee
Name :	Name :
Capacity :	Capacity :
for and on behalf of	for and on behalf of
……	…..……
(Seal or chop of Assignor)	(Seal or chop of Assignee)

LAMPIRAN E

SURAT JAMINAN TANGGUNG RUGI
DARI SUBKONTRAKTOR KEPADA KERAJAAN

Surat Tanggung Rugi ini diberi pada ……. haribulan …… 20.....oleh Kami,.....yang beralamat (atau pejabat berdaftar yang terletak di) ……..…….. ……..…… kepada Kerajaan …….…….... (kemudian dari ini disebut "Kerajaan").

(2) Kerajaan telah melalui Kontrak No.....yang diikat pada ..... haribulan ..... 20.....(kemudian dari ini disebut "Kontrak Utama") di antara Kerajaan bagi satu pihak dan .... kemudian dari ini disebut "Kontraktor") sebagai pihak yang satu lagi, mengambil kerja Kontraktor bagi melaksana dan menyiapkan .... (kemudian dari ini disebut "Kerja Kontrak Utama").

(3) Kami telah mengemukakan Sebut harga bagi .... (kemudian dari ini disebut "Kerja Subkontrak"), yang berkenaan dengan Wang peruntukan Sementara terdapat dalam dan menjadi sebahagian dari Kontrak Utama.

(4) Menurut peruntukan berkaitan dalam Kontrak Utama, kami telah dinamakan untuk menjalankan dan menyiapkan Kerja Subkontrak ini diatas terma dan Syarat-syarat Subkontrak (kemudian dari ini disebut "Kerja Subkontrak") yang akan diikat di antara Kontraktor dan Kami.

(5) Sebagai balasan ke atas pengakuanjanji Kerajaan untuk membayar terus kepada Kami amaun yang disahkan sebagai kena dibayar kepada Kami dalam Perakuan-perakuan Interim atau Perakuan Muktamad menurut dan tertakluk kepada peruntukan yang berkenaan dalam Kontrak Utama dan Subkontrak ini, Kami dengan ini membuat pengakuanjanji yang tidak boleh terbatal untuk melindungi dan menanggung rugi Kerajaan terhadap dan dari:

i. sebarang tanggungan Kerajaan kepada Kontraktor berpunca dari apa jua disebabkan oleh Kerajaan membuat bayaran terus kepada kami; dan

ii. sebarang tanggungan Kerajaan kepada Kontraktor berpunca dari apa jua disebabkan oleh sebarang tindakan, kecuaian atau ketinggalan, atau sebarang pecah kontrak, tidak mematuhi atau tidak melaksanakan peruntukan Syarat-syarat Subkontrak oleh Kami, pengkhidmat atau ejen Kami; dan

iii. sebarang kerugian dan/atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan berpunca dari apa jua disebabkan oleh sebarang tindakan, kecuaian atau ketinggalan, atau sebarang pecah kontrak, tidak mematuhi atau tidak melaksanakan peruntukan Syarat-syarat Subkontrak oleh Kami, pengkhidmat atau ejen Kami.

Ditandatangani oleh	Di hadapan
.....	.....
(Tandatangan Subkontrak)	(Tandatangan Saksi)
Nama Penuh	Nama Penuh .....
No. Kad Pengenalan	No. Kad Pengenalan .....
Atas Sifat	Pekerjaan .....
Yang diberi kuasa menandatangani untuk dan bagi pihak	Alamat ....

Meteri atau Cap Subkontraktor

LAMPIRAN F

BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/ JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN
(KONTRAK KERJA YANG BERNILAI SEHINGGA RM10 JUTA)

Sebagai balasan kepada Kontrak No. ..... yang dibuat antara Kerajaan Malaysia, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kerajaan") dan..... , (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi.....(namakan projek), (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan Kontraktor, mengaku janji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Kerajaan ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Kerajaan seperti berikut:

1. Apabila sahaja Kerajaan membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Kerajaan nilai yang ditentukan dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit ..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM .....) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.

2. Kerajaan berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit ..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.

3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan Kerajaan sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

2.14 Berdasarkan jenis maklum balas yang ditetapkan, Jawatankuasa Spesifikasiboleh menentukan kaedah pemarkahan dengan memilih jenis skor automatik atauskor pengguna (manual) dan menetapkan skema skor seperti berikut:

KAEDAH	JENIS MAKLUM BALAS	PENETAPAN JENIS SKOR	CONTOH SKEMA SKOR
(1)	Ya atau Tidak	Automatik	Ya = 10 Tidak = 0
(2)	Nilai Digit	Automatik	Julat Skor: 1-2=3 3-6=5

KAEDAH	JENIS MAKLUM BALAS	PENETAPAN JENIS SKOR	CONTOH SKEMA SKOR
			7-10=10
		Manual	Maksimum=10
(3)	Teks	Manual	Maksimum=10

2.15 Bagi kaedah 1 dan 2, Jawatankuasa Spesifikasi boleh menetapkan skor automatik atau skor pengguna (manual), manakala bagi kaedah 3, hanya skor pengguna (manual) sahaja dibenarkan.

2.16 Penilaian dibuat ke atas pembekal di peringkat penyediaan templat produk dan spesifikasi berdasarkan kaedah pemarkahan di perenggan 2.14.

2.17 Senarai semak teknikal beserta dokumen pematuhan adalah satu senarai yang telah disediakan di dalam sistem mengikut kategori perolehan untuk dipilih oleh Jawatankuasa Spesifikasi. Senarai semak teknikal yang disediakan oleh Jawatankuasa Spesifikasi perlu dipenuhi oleh pembekal bagi tujuan semakan pematuhan dan penilaian. Senarai semak teknikal terdiri daripada:

(i) Item beserta spesifikasi yang merupakan dokumen wajib dalam senarai semak teknikal. Setiap spesifikasi yang dikunci masuk wajib ditentukan jenis maklum balas yang dikehendaki dari pembekal, jenis skor dan skema skor. Item beserta spesifikasi di dalam senarai semak teknikal akan digunakan sebagai kriteria penilaian teknikal (pematuhan kepada spesifikasi wajib);

(ii) Elemen/kriteria lain yang diperlukan daripada pembekal untuk tujuan penilaian. Senarai elemen/kriteria lain ini boleh dipilih dari senarai semak standard yang telah disediakan mengikut kategori perolehan atau Jawatankuasa Spesifikasi boleh menambah apa-apa elemen/kriteria baharu mengikut keperluan. Contoh: Seperti keperluan pembekal mengemukakan dokumen sokongan atau melengkapkan dokumen yang telah dimuat naik oleh Agensi. Setiap elemen/kriteria yang dikunci masuk boleh ditentukan jenis tindakan yang perlu dibuat oleh pembekal, keperluan untuk dibuat penilaian atau tidak, atau memadai dengan pematuhan dokumen sokongan sahaja. Setiap elemen/kriteria yang dikunci masuk wajib ditentukan jenis maklum balas yang dikehendaki dari pembekal, jenis skor dan skema skor.

(iii) Elemen/kriteria lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Spesifikasi di dalam senarai semak teknikal akan digunakan sebagai kriteria penilaian teknikal (pematuhan kepada spesifikasi am).

(a) Hanya petender yang melepasi penilaian di peringkat senarai semak akan dinilai di peringkat seterusnya iaitu semasa penyediaan senarai semak kewangan.

(b) Contoh senarai semak teknikal seperti di **Lampiran 1.**

3. PENYEDIAAN KRITERIA PENILAIAN

3.1 Kriteria Penilaian merupakan asas yang digunakan dalam membuat pertimbangan/penilaian sebut harga/tender. Kriteria Penilaian termasuk markah lulus hendaklah disediakan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Spesifikasi di peringkat pra perolehan iaitu sebelum penyediaan dokumen tender/sebut harga bekalan dan perkhidmatan.

3.2 Kriteria penilaian adalah merupakan perkara penting di dalam proses penilaian memandangkan ia digunakan sebagai tanda aras dalam proses penilaian.

3.3 Terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira untuk menyediakan kriteria penilaian yang baik di antaranya adalah:

(i) Butiran kriteria penilaian yang jelas; dan

(ii) Bahasa yang digunakan hendaklah senang difahami, padat dan ringkas.

3.4 Kriteria penilaian perlu disediakan bagi dua (2) peringkat penilaian dengan peratus wajaran yang diberikan boleh ditetapkan seperti berikut atau mengikut kompleksiti dan pertimbangan Jawatankuasa Spesifikasi:

Bil	Peringkat Penilaian	Peratus Wajaran (%)
1.	Penilaian Teknikal	50
2.	Penilaian Kewangan	50
Jumlah		**100**

3.5 Kriteria penilaian teknikal boleh ditetapkan seperti berikut:

(i) Pematuhan ke atas spesifikasi wajib; dan

Kriteria penilaian teknikal terdiri daripada item beserta spesifikasi. Jawatankuasa Spesifikasi akan menilai keupayaan teknikal petender berdasarkan item dan spesifikasi untuk menentukan sama ada petender layak dipertimbangkan untuk peringkat penilaian seterusnya.

(ii) Pematuhan ke atas spesifikasi am

Selain item dan spesifikasi, elemen/kriteria lain akan dinilai untuk menentukan sama ada petender layak dipertimbangkan untuk peringkat penilaian seterusnya.

3.6 Perkara yang boleh dimasukkan di dalam sesuatu kriteria penilaian teknikal perkhidmatan adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Penerangan
1.	Spesifikasi	Sekiranya petender mematuhi spesifikasi teknikal yang ditetapkan, maka petender berkenaan hendaklah diberi pemarkahan yang tinggi
2.	Piawaian	Sekiranya peralatan yang dibekalkan mematuhi standard piawaian yang ditetapkan, maka petender berkenaan hendaklah diberi pemarkahan yang tinggi.
3.	Kemampuan Petender	• Mengenalpasti kemampuan petender berdasarkan bilangan kakitangan yang terlibat dalam melaksanakan sesuatu bekalan; • Sekiranya bilangan kakitangan adalah mematuhi seperti keperluan, maka pembekal berkenaan hendaklah diberi pemarkahan yang tinggi.
4.	Bahan Cetakan Komersil atau Cetakan	• Petender yang dapat mengemukakan semua katalog, risalah komersil dan risalah teknikal yang asal mengenai peralatan yang ditawarkan hendaklah diberi pemarkahan yang tinggi.
5.	Skop perkhidmatan	• Mematuhi ciri-ciri perkhidmatan yang diperlukan; • Sekiranya petender bersetuju mematuhi skop perkhidmatan yang diperlukan, maka petender berkenaan hendaklah diberi pemarkahan yang tinggi.
6.	Skop Peralatan	• Mematuhi skop/senarai peralatan yang diperlukan; • Sekiranya petender bersetuju mematuhi dan memiliki skop peralatan yang diperlukan, maka petender berkenaan hendaklah diberi pemarkahan yang tinggi.
7.	Waktu Pengoperasian	• Mematuhi waktu pengoperasian perkhidmatan yang ditetapkan. •
8.	Kekerapan Pengoperasian	• Mematuhi jadual kekerapan pengoperasian perkhidmatan yang ditetapkan
9.	Lokasi	• Sekiranya petender mempunyai ibu pejabat/cawangan berhampiran lokasi perkhidmatan yang ditetapkan, petender berkenaan hendaklah diberi pemarkahan yang lebih tinggi.

3.7 Harga indikatif setiap item dan elemen/kriteria lain yang ditetapkan dalam senarai semak kewangan adalah merupakan kriteria yang diguna pakai bagi tujuan penilaian kewangan untuk menentukan sama ada petender layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melulus.

3.8 Sebagai panduan dan rujukan kepada Agensi dalam menyediakan spesifikasi perolehan perkhidmatan, berikut merupakan contoh Spesifikasi Perolehan Perkhidmatan Penyewaan dan Penyelenggaraan Mesin Penyalin Multifungsi dan Caj Bacaan Meter Jabatan XXX.

3.9 Jawatankuasa Spesifikasi akan menyediakan butiran spesifikasi secara manual seperti berikut:

(i) <u>Tajuk</u>

Spesifikasi Perolehan Perkhidmatan Penyewaan dan Penyelenggaraan Mesin Penyalin Multifungsi dan Caj Bacaan Meter di Jabatan XXX.

(ii) <u>Tempoh Perkhidmatan</u>

(a) Tempoh perkhidmatan penyewaan dan penyelenggaraan mesin dan caj bacaan meter adalah selama dua (2) tahun sahaja.

(b) Walau bagaimanapun, Ketua JAbatan berhak untuk menamatkan kontrak ini lebih awal dari tempoh kontrak sekiranya prestasi syarikat tidak mencapai tahap yang memuaskan.

(iii) <u>Lokasi Perkhidmatan</u>

Alamat bangunan Jabatan XXX adalah seperti berikut:

Jabatan XXX
No. 002
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

(iv) <u>Skop Perkhidmatan</u>

(i) Skop Tender

Membekal, menghantar, memasang, menguji, menyelenggara dan mentauliahguna perkakasan mesin penyalin kepada jabatan xxx.

(ii) Pembekalan Mesin Penyalin Multifungsi

(1) Petender hendaklah membekalkan mesin baharu dan masih belum digunakan lagi dalam tempoh tidak melebihi tiga (3) minggu daripada tarikh Surat Setuju Terima yang ditandatangani;

(2) Kos sewaan dan caj sesalinan hendaklah merangkumi segala kos penghantaran mesin, alat ganti, servis dan kerja baik pulih (sekiranya perlu); dan

(3) Petender hendaklah memastikan mesin yang dibekalkan mematuhi piawaian cekap dan jimat tenaga selaras dengan inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement – GGP*).

(iii) Khidmat Penyenggaraan dan Sokongan

(1) Kerja-kerja penyelenggaraan peralatan/mesin penyalin dilakukan di antara pukul 8.30 pagi hingga 5.30 petang dari hari Isnin hingga Jumaat kecuali pada hari cuti am.

(2) Kerajaan hendaklah melaporkan secara bertulis mengenai kerosakan atau kegagalan tersebut kepada petender.

(3) Tempoh tindak balas terhadap laporan yang diterima hendaklah dalam tempoh hari yang sama bagi aduan yang diterima sebelum jam 2.00 petang pada waktu bekerja.

(iv) Buku Panduan Pengguna

Petender hendaklah membekalkan buku panduan penggunaan peralatan tersebut kepada Kerajaan semasa penghantaran dan pemasangan peralatan tersebut.

(v) Loaner Unit

Sekiranya berlaku apa-apa kerosakan yang memerlukan kerja pembaikan yang besar (*major repair*) atau Kerajaan memerlukan kerja pembaikan tambahan yang terlalu banyak, petender hendaklah menyediakan mesin penyalin tambahan sebagai mesin gantian dan mesin penyalin tambahan ini akan dikenakan caj meter sahaja tanpa apa-apa bayaran sewa bulanan.

(vi) Hak Milik Sewaan Mesin Penyalin Multifungsi

(1) Penyalin multifungsi yang disewa perlu diambil semula oleh petender selepas tamat tempoh sewaan; dan

(2) Hard disk mesin penyalin multifungsi yang disewa hendaklah dipadamkan/dikosongkan oleh petender dan disahkan oleh pegawai yang dilantik oleh Jabatan XXX selepas tamat tempoh sewaan.

(vii) Kekerapan Perkhidmatan

Tindakan pembaikan hendaklah dijalankan secara on call basis dalam tempoh 4 jam selepas kerosakan dilaporkan. Tiada had kepada Jabatan untuk memanggil syarikat pada bila-bila masa diperlukan.

3.10 Contoh Spesifikasi Teknikal Mesin Penyalin Multifungsi seperti di **Lampiran 2** dan **3.**

3.11 Contoh Jadual Penyediaan Spesifikasi yang telah dimuat naik di dalam sistem eP adalah seperti di **Lampiran 4** dan **5.**


4. CONTOH KRITERIA PENILAIAN TEKNIKAL

4.1 Item dan spesifikasi yang telah dikunci masuk dalam senarai semak teknikal akan dijadikan sebagai kriteria penilaian teknikal peringkat pertama (1) iaitu pematuhan kepada spesifikasi/syarat wajib.

4.2 Untuk tujuan ini, semakan boleh dilakukan dengan memastikan setiap item dan spesikasi dipenuhi dan dipatuhi oleh petender berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh petender. Pematuhan kepada item dan spesifikasi hendaklah ditandakan pada dua kedudukan sahaja sama ada mematuhi atau tidak mematuhi.

Contoh kriteria dan penilaian teknikal peringkat 1 iaitu pematuhan kepada Spesifikasi/syarat yang diwajibkan.

BIL	SPESIFIKASI WAJIB	Patuh	Tidak
1.	**Perkhidmatan Penyewaan dan Penyelenggaraan Mesin Penyalin Multifungsi dan Caj Bacaan Meter**		
2.	**Skop Perkhidmatan Penyewaan Mesin**		
	(a) Tempoh Sewaan	G	R
	(b) Jenis Mesin Fotostat	G	R
	(c) Kuantiti	G	R
	(d) Tempoh Penghantaran	G	R
3.	**Skop perkhidmatan Penyelenggaraan Mesin**		
	(a) Penyelenggaraan Pencegahan	G	R

BIL	SPESIFIKASI WAJIB	Patuh	Tidak
	(b) Bekalan toner		
	(c) Laporan penggunaan bulanan		
	(d) Waktu Penyelenggaraan		
4.	**Spesifikasi Teknikal Mesin**		
	4.1 Mesin Penyalin Multifungsi Kapasiti Tinggi Hitam dan Putih (Heavy Duty Black & White)		
	(a) Sistem pemprosesan		
	(b) Memori		
	(c) Hardisk		
	(d) Meter Reading		
	(e) Kapasiti dokumen		
	4.2 Mesin Penyalin Multifungsi Kapasiti Tinggi Berwarna, Hitam dan Putih (*Heavy Duty Colour, Black & White)*		
	a) Sistem pemprosesan		
	(b) Memori		
	(c) *Hardisk*		
	(d) *Meter Reading*		

BIL	SPESIFIKASI WAJIB	Patuh	Tidak
	(e) Kapasiti Dokumen		
	4.3 Mesin Penyalin Multifungsi Kapasiti Sederhana Hitam dan Putih (Medium Duty Black & White)		
	a) Sistem pemprosesan		
	(b) Memori		
	(c) *Hardisk*		
	(d) *Meter Reading*		
	(e) Kapasiti Dokumen		
	4.4 Mesin Penyalin Multifungsi Kapasiti Sederhana Berwarna, Hitam dan Putih (Medium Duty Colour, Black & White)		
	a) Sistem pemprosesan		
	(b) Memori		
	(c) *Hardisk*		
	(d) *Meter Reading*		
	(e) Kapasiti Dokumen		
	4.5 Mesin Penyalin Multifungsi Kapasiti Ringan Berwarna, Hitam dan Putih (Light Duty Colour, Black & White)		
	a) Sistem pemprosesan		

BIL	SPESIFIKASI WAJIB	Patuh	Tidak
	(b) Memori	G	R
	(c) *Hardisk*	G	R
	(d) *Meter Reading*	G	R
	(e) Kapasiti Dokumen	G	R

4.3 Kriteria Penilaian Teknikal Peringkat Kedua (2) – Pematuhan Kepada Spesifikasi AM

(i) Kriteria penilaian teknikal peringkat ke 2 adalah selain daripada item dan spesifikasi yang telah dikunci masuk dalam senarai semak teknikal. Penilaian akan dilaksanakan di kalangan petender yang melepasi penilaian teknikal peringkat pertama.

(ii) Untuk tujuan penilaian, Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah menentukan sama ada penilaian perlu dibuat berdasarkan wajaran kriteria penilaian atau tidak. Wajaran elemen penilaian ialah peratus pemberat yang ditentukan bagi setiap kriteria penilaian.

(iii) Jawatankuasa Spesifikasi juga hendaklah menetapkan peratusan markah lulus teknikal berdasarkan keperluan agensi. Sekiranya perolehan memerlukan sesi demonstrasi, hanya pembekal yang melepasi markah lulus teknikal layak untuk dijemput bagi sesi tersebut dan peratusan markah lulus teknikal dan markah lulus demonstrasi) hendaklah ditetapkan.

Contoh:
Wajaran Kriteria Penilaian : Ya

Bil.	Kriteria Penilaian	Skor Maksima
1.	Piawaian	50%
3.	Kemampuan Petender	30%
4.	Bahan Cetakan Komersil Atau Teknikal	20%
	Jumlah Skor	100%

PENETAPAN TANDA ARAS TAHAP LULUS

Penilaian Teknikal (%) 80%

(iv) <u>Contoh penilaian teknikal peringkat ke 2 iaitu pematuhan ke atas spesikasi am.</u>

	KRITERIA SPESIFIKASI AM	PERATUS	MARKAH PENUH	JULAT MARKAH
i.	**Piawaian**	**50%**		
	Menepati piawaian elektrik SIRIM		50	a. Ya = 50 b. Tidak = 0
ii.	**KEMAMPUAN PETENDER**	**30%**		
	a. Bil. Kakitangan		10	a. Melebihi 7 orang = 10 b. 4-6 orang =8 c. 1-3 orang = 4 d. Tiada = 0
	b. Bilangan Kakitangan Teknikal		20	a. Melebihi 5 orang = 20 b. 4-6 orang = 10 c. 1-3 orang = 8 d. Tiada = 0
iii.	**Bahan Cetakan komersil Atau Teknikal**	**20%**		
	Petender hendaklah mengemukakan semua katalog, risalah komersil dan risalah teknikal yang asal mengenai perlatan yang ditawarkan bagi menyokong kenyataan petender		20	a. Mengemukakan katalog, risalah komersil dan risalah teknikal = 20 b. Mengemukakan katalog dan risalah komersil = 10 c. Mengemukakan katalog dan risalah teknikal = 5 d. Tiada = 0
		100%	**100**	

5. PENYEDIAAN PENILAIAN KEWANGAN

5.1 Penyediaan Senarai Semak Dan Kriteria Penilaian Kewangan

(i) Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah menyediakan senarai semak kewangan untuk dipenuhi oleh pembekal bagi tujuan semakan pematuhan dan penilaian. Senarai semak kewangan terdiri daripada:

BIL	TAJUK/DOKUMEN	MEKANISME	TINDAKAN PEMBEKAL	SKOR
1.	Templat Produk	Spesifikasi	Kunci Masuk	√
2.	Templat Perkhidmatan	Spesifikasi	Kunci Masuk	√
3.	Maklumat Pembekal	Janaan Sistem	Lihat	√
4.	Penyata Bank Untuk 3 Bulan	Borang Atas Talian	Kunci Masuk	
5.	Pengesahan Dari Institusi Kewangan Untuk Penyata Bank 3 Bulan	PTJ Muat Naik	Muat Turun dan Muat Naik	
6.	Penyata Bank Untuk 3 Bulan	Pembekal Muat Naik	Muat Naik	
7.	Aset Dan Liabiliti (Dari Kunci Kira-Kira)	Borang Atas Talian	Kunci Masuk	
8.	Kunci Kira-Kira Tahunan (Nota –Untuk Syarikat ROC, ini mestilah Salinan yang telah diaudit)	Pembekal Muat Naik	Muat Naik	
9.	Kemudahan Kredit (Overdraf, Pinjaman Bank)	Borang Atas Talian	Kunci Masuk	
10.	Pengesahan dari Institusi Kewangan ke atas jumlah yang telah dibayar	Pembekal Muat Naik	Muat Naik	
11.	Sijil-sijil khusus	Pembekal Muat Naik	Muat Naik	
12.	Penyata Caruman Majikan	Pembekal Muat Naik	Muat Naik	
13.	Pengalaman Syarikat	Pembekal Muat Naik	Muat Naik	
14.	Lain-lain dokumen mengikut keperluan	Pembekal Muat Naik	Muat Naik	
15.	Maklumat Aset dan Liabiliti Semasa	PTJ Muat Naik	Muat Turun dan Muat Naik	

BIL	TAJUK/DOKUMEN	MEKANISME	TINDAKAN PEMBEKAL	SKOR
16.	Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai Kemudahan Kredit	PTJ Muat Naik	Muat Turun dan Muat Naik	
17.	Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai Maklumat Simpanan	PTJ Muat Naik	Muat Turun dan Muat Naik	
18.	Senarai Lain-Lain Item (*Slow Moving*)	PTJ Muat Naik	Muat Turun dan Muat Naik	

(ii) Bagi perolehan bekalan, Agensi hendaklah mengguna pakai tatacara seperti di Templat Produk, manakala bagi perolehan perkhidmatan, tatacaraseperti di Templat Perkhidmatan hendaklah diguna pakai. Sekiranya bekalan dan perkhidmatan dibuat dalam satu (1) perolehan, kedua-dua tatacara hendaklah diguna pakai.

5.2 Templat Produk dan Templat Perkhidmatan

(i) Selaras dengan konsep tawaran harga bukan lagi menjadi elemen penilaian kewangan, maka skor yang perlu ditetapkan ke atas tawaran harga pembekal hendaklah seragam, iaitu “1”.

(ii) Harga Indikatif Seunit bagi perkhidmatan dikunci masuk ke dalam templat sepertimana proses sedia ada dengan kaedah skor auto seperti berikut:

Dari Varian (%)	Hingga Varian (%)	Skor Di Bawah Varian	Skor Dalam Varian	Skor Melebihi Varian
100	100	0	1	0

5.3 Maklumat Pembekal

(i) Maklumat pembekal hendaklah ditanda skor untuk membolehkan Jawatankuasa Penilaian Kewangan mengunci masuk skor Analisis Kecukupan Modal.

(ii) Analisis Kecukupan Modal dikira dengan menggunapakai maklumat-maklumat berikut:

a. Wang Dalam Tangan Semasa (**WDTS**);
b. Modal Pusingan (**MP**);
c. Jumlah Baki Kemudahan Kredit (**JBKK**); dan
d. Jumlah Simpanan (**JS**).

5.4 Penyata Bank Untuk Tiga (3) Bulan

(i) Maklumat penyata bank tiga (3) bulan diperlukan untuk mendapatkan nilai **WDTS** syarikat.

Bil.	Tajuk/Dokumen	Mekanisme	Tindakan Pembekal
1.	Penyata Bank Untuk Tiga (3) Bulan	Borang Atas Talian	Kunci Masuk
2.	Pengesahan Dari Institusi Kewangan Untuk Tiga (3) Bulan Penyata Bank	PTJ Muat Naik	Muat Turun dan Muat Naik
3.	Penyata Bank Untuk Tiga (3) Bulan	Pembekal Muat Naik	Muat Naik

(iii) Pembekal boleh mengemukakan maklumat baki akhir penyata bank tiga (3) bulan lebih daripada satu (1) bank. Untuk tujuan ini, pembekal perlu mengunci masuk Jumlah Baki Akhir Penyata Bank setiap bulan bagi tiga (3) bulan yang dinyatakan oleh Agensi bagi kesemua bank di *webform.*

(iv) Dokumen “Pengesahan Dari Institusi Kewangan Untuk Tiga (3) Bulan Penyata Bank” seperti di **Lampiran 6** hendaklah dimuat naik oleh PTJ dan perlu dilengkapkan dan dimuatnaik semula oleh pembekal.

(v) Bagi tujuan pengiraan WDTS, Agensi perlu merujuk kepada baki akhir penyata bank tiga (3) bulan yang dikemukakan oleh pembekal di dalam dokumen “Pengesahan Dari Institusi Kewangan Untuk Tiga (3) Bulan Penyata Bank” dan dibuat pengiraan secara manual dengan menggunapakai format di **Lampiran 7**.

Nota*:

- baki akhir penyata bank tiga (3) bulan bagi setiap bank hendaklah dijumlahkan untuk mendapatkan Jumlah Baki Akhir Penyata Bank Tiga (3) Bulan (JBAPB3B);
- JBAPB3B hendaklah dibahagikan dengan 3 bagi mendapatkan Purata Baki Akhir Penyata Bank Tiga (3) Bulan (PBAPB3B);
- Sekiranya JBAPB3B bernilai negatif, maka PBAPB3B bernilai kosong (0); dan
- WDTS adalah jumlah PBAPB3B bagi kesemua bank yang dikemukakan oleh pembekal.

5.5 Aset dan Liabiliti (Nisbah Kecairan – *Acid Ratio* dan Nisbah Semasa – *Current Ratio*) dan Kunci Kira-Kira Tahunan

(i) Maklumat Aset dan Liabiliti diperlukan untuk mendapatkan nilai MP syarikat.

(ii) Maklumat Aset dan Liabiliti ini perlu dikemukakan oleh pembekal melalui tiga (3) dokumen berikut:

BIL.	TAJUK/DOKUMEN	MEKANISME	TINDAKAN PEMBEKAL	JENIS PERNIAGAAN/SYARIKAT	
				ROC	ROB
1.	Aset Dan Liabiliti (Dari Kunci Kira-Kira)	Borang Atas Talian	Kunci Masuk	Wajib	Opsyenal *Nota: Sila klik "SELESAI" tanpa mengisi apa-apa maklumat.
2.	Kunci Kira-Kira Tahunan (Nota – Untuk Syarikat ROC, ini mestilah Salinan yang telah diaudit	Pembekal Muat Naik	Muat Naik	Wajib	Opsyenal *Nota: Sila klik "SELESAI" tanpa mengisi apa-apa maklumat.
3.	Maklumat Aset dan Liabiliti Semasa	PTJ Muat Naik	Muat Turun dan Muat Naik	Wajib	Wajib *Nota: Jika tidak mempunyai apa-apa maklumat berkaitan dokumen ini, sila nyatakan "TIADA" pada borang ini dan perlu dimuat naik semula

(iii) Dokumen "Maklumat Aset dan Liabiliti" seperti di **Lampiran 8** hendaklah dimuat naik oleh PTJ dan perlu dilengkapkan dan dimuatnaik semula oleh pembekal.

(iv) Agensi perlu membuat semakan silang bagi maklumat di dokumen 5.5(ii)(2) dan dokumen 5.5(ii)(3) adalah selari.

(v) Pengiraan MP (Aset Semasa – Liabiliti Semasa) menggunapakai maklumat di dokumen 5.5(ii)(3) dibuat secara manual menggunapakai format **Lampiran 9.**

5.6 Kemudahan Kredit dan Pengesahan Institusi Kewangan Ke Atas Jumlah Yang Telah Dibayar

(i) Maklumat Kemudahan Kredit yang diperlukan untuk tujuan pengiraan Jumlah Baki Kemudahan Kredit (JBKK) pembekal adalah seperti berikut:

Bil.	Tajuk/Dokumen	Mekanisme	Tindakan Pembekal
1.	Kemudahan Kredit (Overdraf, Pinjaman Bank)	Borang Atas Talian	Kunci Masuk *Nota: Sila klik "SELESAI" tanpa mengisi apa-apa maklumat.
2.	Pengesahan dari Institusi Kewangan ke atas jumlah yang telah dibayar	Pembekal Muat Naik	Muat Naik *Nota: Sila klik "SELESAI" tanpa mengisi apa-apa maklumat.
3.	Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai Kemudahan Kredit	PTJ Muat Naik	Muat Turun dan Muat Naik *Nota: Jika tidak mempunyai apa-apa maklumat berkaitan dokumen ini, sila nyatakan "TIADA" pada borang ini dan perlu dimuat naik semula

(ii) Dokumen "Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai Kemudahan Kredit" seperti di **Lampiran 10** hendaklah dimuat naik oleh PTJ dan perlu dilengkapkan dan dimuatnaik semula oleh pembekal.

(iii) Pengiraan JBKK menggunapakai maklumat di perenggan 5.2 (ii) dibuat secara manual menggunapakai format **Lampiran 11.**

Nota*:
Baki Kemudahan Kredit (BKK) sedia ada yang boleh digunakan untuk melaksanakan bekalan / perkhidmatan adalah jumlah kasar kemudahan kredit ditolak nilai negatif baki akhir bagi bulan terakhir penyata bank tiga (3) bulan (jika ada) dari bank yang sama. Formula bagi pengiraan JBKK adalah seperti berikut:

JBKK = A + B + C + D + [Nilai Negatif Bulan Terakhir penyata bank tiga (3) bulan dari bank yang sama (jika ada)]

Petunjuk:

Jumlah Baki Overdraf (A)
Jumlah Baki Overdraf Bercagar (B)
Talian Kredit (*Business Line Credit*) (Talian Kredit Yang Tidak Terikat Dengan Mana-Mana Projek) (C)
Kad Kredit (Untuk ROB Perseorangan Sahaja) (D)

5.7 Maklumat Simpanan

(i) Maklumat simpanan diperlukan untuk tujuan pengiraan **JS** pembekal adalah seperti berikut:

Bil.	Tajuk/Dokumen	Mekanisme	Tindakan Pembekal
1.	Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai Maklumat Simpanan	PTJ Muat Naik	Muat Turun dan Muat Naik *Nota: Jika tidak mempunyai apa-apa maklumat berkaitan dokumen ini, sila nyatakan "TIADA" pada borang ini dan perlu dimuat naik semula

(ii) Dokumen "Laporan Bank/Institusi Kewangan mengenai Maklumat Simpanan" seperti di **Lampiran 12** hendaklah dimuat naik oleh PTJ dan perlu dilengkapkan dan dimuat naik semula oleh pembekal.

(iii) Pengiraan **JS** menggunapakai maklumat di dokumen 5.7(i)(1) dibuat secara manual menggunapakai format **Lampiran 13.**

(iv) Berikut adalah bentuk simpanan yang boleh diambil kira:

(a) Deposit Tetap;

(b) Amanah Saham; dan

(c) Tabung Haji.

(v) **Simpanan:** Tidak termasuk amaun yang dinyatakan dalam Penyata Bank 3 Bulan terkini bagi 3 bulan terakhir sebelum bulan tutup sebut harga/tender.

(vi) **Deposit Tetap** boleh diisytiharkan atas nama syarikat atau nama pemilik syarikat bagi jenis syarikat ROB (Perseorangan). Selain daripada jenis

syarikat **ROB** (Perseorangan), **Deposit Tetap** perlu diisytiharkan atas nama syarikat.

Nilai Perolehan	Jumlah Modal Mudah Cair
Sebut harga sehingga RM500 ribu	Sekurang-kurangnya 1.5 % dari Harga Indikatif tertakluk kepada minimum RM2,500
Melebihi RM 500 ribu hingga RM 10 juta	Sekurang-kurangnya **3 %** dari Harga Indikatif Sebenar
Melebihi RM 10 juta	Sekurang-kurangnya **5 %** dari Harga Indikatif Sebenar

(vii) **Amanah Saham** dan **Tabung Haji** hanya boleh diisytiharkan oleh syarikat **ROB** (Perseorangan) sahaja atas nama individu.

5.8 Analisis Kecukupan Modal

(i) **Analisis Kecukupan Modal** adalah untuk mengukur keupayaan kewangan pembekal berdasarkan ketetapan **Jumlah Modal Mudah Cair** dalam menyempurnakan obligasi sesuatu kontrak dalam tempoh yang ditetapkan.

(ii) Pengiraan **Jumlah Modal Mudah Cair** dan **Analisis Kecukupan Modal** dilaksanakan secara manual sepertimana format di **Lampiran 14** dengan menggunapakai maklumat di perenggan 5.3 (ii).

(iii) Formula pengiraan **Jumlah Modal Mudah Cair** adalah seperti berikut:

Jumlah Modal Mudah Cair = *Aset Cair (AC) + JBKK

***AC = MP ATAU AC = (WDTS + JS)**
***Mana nilai yang tertinggi.**

(iv) Analisis Kecukupan Modal ini akan menentukan keupayaan kewangan pembekal sama ada lulus atau gagal. Sekiranya “Gagal”, skor Analisis Kecukupan Modal perlu ditetapkan “0”. Penetapan skor “Lulus” perlu ditetapkan oleh Agensi mengikut kesesuaian sesuatu perolehan. Skor ini perlu dikunci masuk di “Senarai Semak Kewangan – Maklumat Pembekal” di peringkat penilaian kewangan. Dicadangkan skor “Lulus” adalah sekurang-kurangnya 60% daripada markah keseluruhan.

5.9 Elemen Kewangan Lain

(i) Agensi boleh menetapkan elemen-elemen lain untuk dinilai seperti:

(a) Sijil-sijil khusus;
(b) Penyata Caruman Majikan;
(c) Pengalaman syarikat;

(d) *Financial Ratio*; dan
(e) Lain-lain mengikut keperluan Agensi.

Bil	Tajuk/Dokumen	Mekanisme	Tindakan Pembekal
1.	Sijil-sijil khusus	Pembekal Muat Naik	Muat Naik
2.	Penyata Caruman Majikan	Pembekal Muat Naik	Muat Naik
3.	Pengalaman Syarikat	Pembekal Muat Naik	Muat Naik
4.	Lain-lain dokumen mengikut keperluan	Pembekal Muat Naik	Muat Naik

(ii) Elemen penilaian *Financial Ratio* akan dijadikan mandatori bagi perolehan bernilai RM10 juta ke atas. Pengiraan dibuat secara manual melibatkan formula dan maklumat seperti berikut:

(a) *Solvency ratio: Asset to Liabilities Ratio* dan *Debt to Equity Ratio*; dan
(b) *Positive shareholder's fund*.

(iii) Skor setiap elemen perlu ditetapkan oleh Jawatankuasa Spesifikasi. Dicadangkan skor bagi elemen ini ditetapkan sekurang-kurangnya 40% daripada markah keseluruhan.

5.10 Skor Kewangan

TAJUK/DOKUMEN	MEKANISME	TINDAKAN PEMBEKAL	SKOR
Templat Produk	Spesifikasi	Kunci Masuk	√
Templat Perkhidmatan	Spesifikasi	Kunci Masuk	√
Maklumat Pembekal	Janaan Sistem	Lihat	√

(i) Agensi perlu menetapkan markah lulus penilaian kewangan secara pakej dan secara item.

(ii) Secara Pakej

(a) Penetapan skor tawaran harga secara pakej hendaklah seperti berikut:

Dari Varian (%)	Hingga Varian (%)	Skor Di Bawah Varian	Skor Dalam Varian	Skor Melebihi Varian
100	100	0	<Jumlah Skor bagi Tawaran Harga>	0

(b) Jumlah skor bagi tawaran harga (pakej) dan maklumat pembekal (skor Analisis Kecukupan Modal) akan dijumlahkan menjadi jumlah skor kewangan.

(c) Agensi perlu menetapkan peratusan (%) markah lulus kewangan secara pakej.

(iii) Secara Item

(a) Penetapan nisbah peratusan (%) skor kewangan secara item hendaklah seperti berikut:

HARGA ITEM	LAIN-LAIN ELEMEN (MAKLUMAT PEMBEKAL - ANALISIS KECUKUPAN MODAL)	SKOR (%)
1	99	100

(b) Agensi perlu menetapkan peratusan (%) markah lulus kewangan secara item.

5.11 Tindakan Jawatankuasa Pembuka

(i) Jawatankuasa Pembuka hendaklah memuat turun dan merekodkan kesemua dokumen tawaran pembekal termasuk semua dokumen sokongan yang diserahkan oleh pembekal untuk rujukan semasa penilaian dilaksanakan.

(ii) Tiada halangan kepada Jawatankuasa Pembuka untuk mencetak dokumen-dokumen tersebut mengikut kesesuaian Jabatan.

5.12 Skor Keseluruhan

(i) Menetapkan wajaran minimum markah teknikal dan kewangan untuk diambilkira dalam pengiraan skor keseluruhan. Wajaran markah teknikal telah ditetapkan pada nilai 50% dan boleh dipinda kepada nilai yang lebih tinggi sekiranya perlu. Penetapan ini perlu dibuat bagi kedua-dua skor keseluruhan bagi penilaian secara pakej atau item.

(ii) Menetapkan peratusan markah lulus keseluruhan untuk tujuan pengesyoran kepada Lembaga Perolehan Agensi.

Contoh penetapan wajaran markah teknikal dan kewangan mengikut pakej dan item serta peratusan markah lulus adalah seperti berikut:

(1) Mengikut Pakej	
Penilaian Teknikal (%)	50%
Penilaian Kewangan (%)	50%
Jumlah Skor	**100%**
Markah Lulus	**70%**

(2) Mengikut Item			
	Item (Spesifikasi/ Harga) (%)	**Elemen Lain (%)**	**Skor (%)**
Penilaian Teknikal	20	30	50
Penilaian Kewangan	20	30	50
Jumlah Skor			**100**
Markah Lulus	**70%**		

5.13 Alamat dimana sesuatu perolehan itu akan dihantar dan dilaksanakan boleh dinyatakan sebagai panduan kepada pembekal untuk penyediaan tawaran. Walau bagaimanapun, alamat tersebut boleh dikemaskini di dalam Modul Pengurusan Kontrak atau Modul Pemenuhan.

5.14 Spesifikasi yang telah disediakan hendaklah disahkan oleh ahli dan diperakui oleh Pengerusi Jawatankuasa Spesifikasi.

5.15 Bagi spesifikasi yang telah diperakui, pindaan masih boleh dibuat dan ianya perlu disahkan dan diperkui semula oleh Jawatankuasa Spesifikasi tertakluk kepada perkara berikut sahaja:

(i) Pindaan ejaan dalam spesifikasi; dan

(ii) Pindaan kuantiti serta harga indikatif item tetapi masih di dalam kaedah perolehan yang telah ditetapkan pada peringkat awal.

5.16 Penambahan dan/atau pengguguran item/spesifikasi tidak dibenarkan. Sekiranya terdapat keperluan untuk menambah dan/atau menggugurkan item/spesifikasi, sebut harga/tender tersebut hendaklah dibatalkan.

LAMPIRAN

LAMPIRAN

Contoh Senarai Semak Teknikal

Tajuk Templat : Perkhidmatan Penyewaan dan Penyelenggaraan Mesin Penyalin Multifungsi dan Caj Bacaan Meter Jabatan Xxxxx
Jenis Item : Perkhidmatan
Jenis Barangan : Tempatan

Bil	Tajuk/ Dokumen	Mekanisma	Tindakan Pembekal	Penetapan Jenis Skor	Contoh Skema Skor
1.	Mesin Penyalin Multifungsi dan Caj Bacaan Meter	Spesifikasi	Kunci Masuk	Pengguna	Skor Pengguna Maksima = 10 Skor Automatik Julat Skor: 1-2=3 3-6=5 7-10=10
2.	Mematuhi piawaian yang ditetapkan	PTJ Muat Naik	Muat Turun dan Muat Naik		
3.	Pengalaman syarikat	Borang Atas Talian	Kunci Masuk	Automatik	
4.	Kemampuan petender -Bilangan Kakitangan	PTJ Muat Naik	Muat turun dan Muat Naik	Pengguna	
5.	Bahan Cetakan Komersil Atau Teknikal	PTJ Muat Naik	Muat turun dan Muat Naik	Pengguna	

LAMPIRAN

Jadual Spesifikasi Mesin Penyalin Multifungsi 35 *Copies Per Minute* Kapasiti Ringan Berwarna, Hitam dan Putih (*Light Duty – Colour, Black & White*)

Spesifikasi Teknikal

Bil.	Perkara	Spesifikasi
A. SPESIFIKASI UMUM		
1.	Kuantiti	2 unit
2.	Jenis Mesin	Mesin adalah baharu dan tidak pernah digunakan
3.	Jenama	Sila Nyatakan
4.	Model	Sila Nyatakan
5.	Fungsi Mesin	i. Sebagai mesin penyalin ii. Sebagai mesin pencetak iii. Sebagai mesin pengimbas
B. SPESIFIKASI MESIN PENCETAK DAN PENYALIN		
6.	Kelajuan Penyalin	35 helaian seminit
7.	*Digital Copying* – Resolusi Penyalinan	Tidak kurang daripada 600 dpi
8.	Cetakan Pertama	Hitam Putih : Tidak melebihi 7 saat
9.	Kapasiti Memori	Tidak kurang dari 1.5 hingga 5 GB
10.	Ruang Cakera Keras	Tidak kurang dari 160 GB
11.	Saiz Kertas (minimum ke maksimum)	Tidak kurang daripada A5 – A3
12.	Mesin *Warm-up Time* (saat)	Tidak lebih daripada 30 hingga 120 saat
13.	Bilangan Tray	4 paper tray 1 Bypass Tray
14.	Kapasiti Kertas (80gsm paper)	Tidak kurang daripada 2,000 helaian
15.	Berat Kertas	55gsm – 250gsm
16.	*Backup Toner*	Minimum satu (1) set toner
C. SPESIFIKASI MESIN PENGIMBAS		
17.	Kelajuan Pengimbas	i. Hitam Putih: Tidak kurang daripada 55 helaian seminit. ii. Warna: Tidak kurang daripada 55 helaian seminit.
18.	Resolusi	Tidak kurang daripada 600dpi x 600dpi
19.	Kapasiti Dulang Pengimbas	Tidak kurang dari 110 helai A4. Mengimbas dua belah dokumen pada satu masa yang sesuai (*double sided*)
20.	Panel Skrin	8.5 *inc Color Touch Screen, Flick, Drag & Tab or Double Tab*
21.	Protokol Rangkaian	*TCP/IP (with IP V4 & V6 Support), IPX/SPX (NDS), SMB, SNMP*

Bil.	Perkara	Spesifikasi
22.	Sistem Pemprosesan	*Windows 2000 (SP4 or later)/XP (SP2 or late)/Vista/7 Windows Server 2003, Mac)S X (10.2.4 or later)*
23.	*Network Interface*	*Ethernet (10BASE-T/100BASE-TX/1000BASE-T, RJ-45*
D. SPESIFIKASI KESELAMATAN		
24.	*Hard Disk Overwrite*	Mesin akan memadam semua data dokumen yang diimbas, disalin atau pun dicetak secara automatik dari memori mesin dan *addressed book.* (sila kemukakan dokumen sokongan)
25.	Hard Disk *Encryption*	Didatangkan dengan teknologi untuk menyulitkan data yang disimpan di dalam hard disk bagi tujuan keselamatan dari akses yang tidak berautoriti. (sila kemukakan dokumen sokongan)
26.	*Common Criteria Certification*	Mesti ada *Common Criteria Certification* yang mengesahkan bahawa produk ini telah mematuhi syarat-syarat kawalan keselamatan.
27.	Fungsi Kawalan Dokumen	Boleh mencegah pihak yang tidak dibenarkan daripada membuat salinan dan mengimbas oleh penyidratan (*embedding*) pencegahan salinan data ke atas dokumen yang telah dicetak atau disalin.
28.	Nyahkod (*Encrypted*)	Memadam memori data sementara di dalam HDD dengan menindih data nyahkod.
29.	Penyekatan akses	Mengadakan laluan masuk ke mesin penyalin melalui rangkaian penyahkod *Secure Sockets Layer* (SSL), *Internet Protocol Version 6* (LPV6) *dan Internet Protocol Security* (LPSEC)
E. PENYELENGGARAAN		
30.	Perkhidmatan dan Penyelenggaraan	i. Penyelenggaraan mesin mestilah daripada *Local Principal Company* untuk sepanjang tempoh sewaan mesin. *ii. Free Spare Parts Original* *iii. Free Toner & Staple Bullet*
31.	Katalog/Brosur/Risalah	Sila sertakan
32.	Persijilan My-Hijau dan ISO	Syarikat perlu mengemukakan sijil My-Hijau dan ISO Ciri teknologi hijau: Sila nyatakan *Energy Star*: Sila nyatakan *Sustainability Report*: (Sila kemukakan dokumen sokongan)
33.	Ciri-ciri tambahan	Sila nyatakan
34.	Surat Kuasa	Petender perlu mengemukakan Surat Kuasa/*Letter Of Authorization* (LOA) daripada *Local Principal Company* dan tawaran akan ditolak sekiranya tiada pengesahan tersebut
35.	Latihan	Latihan akan diberikan percuma

Bil.	Perkara	Spesifikasi
36.	*Back-to-back Support Agreement* dengan *Original Equipment Manufacturer* (OEM)	Syarikat perlu mengemukakan perjanjian dengan OEM

LAMPIRAN 3

Jadual Spesifikasi Mesin Penyalin Multifungsi 65 *Copies Per Minute* Kapasiti Sederhana Hitam dan Putih (Medium Duty – Black & White)

Spesifikasi Teknikal

Bil.	Perkara	Spesifikasi
A. SPESIFIKASI UMUM		
1.	Kuantiti	91 unit
2.	Jenis Mesin	Mesin adalah baharu dan tidak pernah digunakan
3.	Jenama	Sila Nyatakan
4.	Model	Sila Nyatakan
5.	Fungsi Mesin	i. Sebagai mesin penyalin ii. Sebagai mesin pencetak iii. Sebagai mesin pengimbas iv. Mempunyai fungsi stapler
B. SPESIFIKASI MESIN PENCETAK DAN PENYALIN		
6.	Kelajuan Penyalin	65 helaian seminit
7.	*Digital Copying* – Resolusi Penyalinan	Tidak kurang daripada 1,200 dpi
8.	Cetakan Pertama	Hitam Putih : Tidak melebihi 4 saat
9.	Kapasiti Memori	Tidak kurang dari 1.5 hingga 5 GB
10.	Ruang Cakera Keras	Tidak kurang dari 160 GB
11.	Saiz Kertas (minimum ke maksimum)	Tidak kurang daripada A5 – A3
12.	Mesin *Warm-up Time* (saat)	Tidak lebih daripada 30 hingga 120 saat
13.	Bilangan Tray	4 paper tray 1 Bypass Tray
14.	Kapasiti Kertas (80gsm paper)	Tidak kurang daripada 2,000 helaian
15.	Berat Kertas	55gsm – 300gsm
16.	*Backup Toner*	Minimum satu (1) set toner
C. SPESIFIKASI MESIN PENGIMBAS		
17.	Kelajuan Pengimbas	i. Hitam Putih: Tidak kurang daripada 100 helaian seminit. ii. Warna: Tidak kurang daripada 100 helaian seminit.
18.	Resolusi	Tidak kurang daripada 600dpi x 600dpi
19.	Kapasiti Dulang Pengimbas	Tidak kurang dari 250 helai A4. Mengimbas dua belah dokumen pada satu masa yang sesuai (*double sided*)
20.	Panel Skrin	8.5 *inc Color Touch Screen, Flick, Drag & Tab or Double Tab*
21.	Protokol Rangkaian	*TCP/IP (with IP V4 & V6 Support), IPX/SPX (NDS), SMB, SNMP*
22.	Sistem Pemprosesan	*Windows 2000 (SP4 or later)/XP (SP2 or late)/Vista/7 Windows Server 2003, Mac)S X (10.2.4 or later)*

Bil.	Perkara	Spesifikasi
23.	*Network Interface*	*Ethernet (10BASE-T/100BASE-TX/1000BASE-T, RJ-45*
D. SPESIFIKASI KESELAMATAN		
24.	*Hard Disk Overwrite*	Mesin akan memadam semua data dokumen yang diimbas, disalin atau pun dicetak secara automatik dari memori mesin dan *addressed book.* (sila kemukakan dokumen sokongan)
25.	Hard Disk *Encryption*	Didatangkan dengan teknologi untuk menyulitkan data yang disimpan di dalam hard disk bagi tujuan keselamatan dari akses yang tidak berautoriti. (sila kemukakan dokumen sokongan)
26.	*Common Criteria Certification*	Mesti ada *Common Criteria Certification* yang mengesahkan bahawa produk ini telah mematuhi syarat-syarat kawalan keselamatan.
27.	Fungsi Kawalan Dokumen	Boleh mencegah pihak yang tidak dibenarkan daripada membuat salinan dan mengimbas oleh penyidratan (*embedding*) pencegahan salinandata ke atas dokumen yang telah dicetak atau disalin.
28.	Nyahkod (*Encrypted*)	Memadam memori data sementara di dalam HDD dengan menindih data nyahkod.
29.	Penyekatan akses	Mengadakan laluan masuk ke mesin penyalin melalui rangkaian penyahkod *Secure Sockets Layer* (SSL), *Internet Protocol Version 6* (LPV6) *dan Internet Protocol Security* (LPSEC)
E. PENYELENGGARAAN		
30.	Perkhidmatan dan Penyelenggaraan	i. Penyelenggaraan mesin mestilah daripada *Local Principal Company* untuk sepanjang tempoh sewaan mesin. *ii. Free Spare Parts Original* *iii. Free Toner & Staple Bullet*
31.	Katalog/Brosur/Risalah	Sila sertakan
32.	Persijilan My-Hijau dan ISO	Syarikat perlu mengemukakan sijil My-Hijau dan ISO Ciri teknologi hijau: Sila nyatakan *Energy Star*: Sila nyatakan *Sustainability Report*: (Sila kemukakan dokumen sokongan)
33.	Ciri-ciri tambahan	Sila nyatakan
34.	Surat Kuasa	Petender perlu mengemukakan Surat Kuasa/*Letter Of Authorization* (LOA) daripada *Local Principal Company* dan tawaran akan ditolak sekiranya tiada pengesahan tersebut
35.	Latihan	Latihan akan diberikan percuma
36.	*Back-to-back Support Agreement* dengan *Original Equipment Manufacturer* (OEM)	Syarikat perlu mengemukakan perjanjian dengan OEM

LAMPIRAN 4

Contoh Templat Spesifikasi Yang Telah Dikunci Masuk Ke Dalam Sistem Dan Maklum Balas Pembekal Ke Atas Tawaran Spesifikasi

Tajuk Templat : Perkhidmatan Penyewaan dan Penyelenggaraan Mesin Penyalin Multifungsi dan Caj Bacaan Meter Jabatan XXX
Jenis Item : Perkhidmatan
Jenis Barangan : Tempatan

Bil	Item	UOM	Kekerapan / Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Maklum balas pembekal
		Spesifikasi					
1.	Sewaaan Mesin Penyalin Multifungsi 35 Copies Per Minute Kapasiti Ringan Berwarna, Hitam dan Putih (*Light Duty – Colour, Black & White*)	**Bulan**	1			**2**	
		Spesifikasi Umum					
		Keadaan Mesin: Mesin dalam keadaan baharu dan belum digunakan.					Ya
		Jenis: Mesin Penyalin Multifungsi 35 Copies Per Minute Kapasiti Ringan Berwarna, Hitam dan Putih *(Light Duty – Colour, Black & White*).					Ya
		Jenama: Sila nyatakan					Ya
		Model: Sila nyatakan					Ya
		Fungsi Mesin: i. Sebagai mesin penyalin. ii. Sebagai mesin pencetak. iii. Sebagai mesin pengimbas.					Ya
		Spesifikasi Mesin Pencetak dan Penyalin					
		Kelajuan Penyalin: 35 helaian seminit					Ya
		Digital Copying – Resolusi Penyalinan: Tidak kurang dari 600 dpi					Ya
		Cetakan Pertama: Hitam Putih: Tidak melebihi 7 saat					Ya
		Kapasiti Memori: Tidak kurang dari 1.5 hingga 5 GB					Ya
		Ruang Cakera Keras: Tidak kurang dari 160 GB					Ya
		Saiz Kertas (minimum ke maksimum): Tidak kurang daripada A5-A3					Ya
		Mesin *Warm-up Time* (saat): Tidak lebih daripada 30 hingga 120 saat					Ya
		Bilangan *Tray*: i. 4 *paper tray*. ii. 1 *Bypass tray*					Ya
		Kapasiti Kertas (80gsm paper): Tidak kurang daripada 2,000 helaian					Ya
		Berat Kertas: 55gsm – 250gsm					Ya
		Backup Toner: Minimum satu (1) set toner					Ya
		Spesifikasi Mesin Pengimbas					
		Kelajuan Pengimbas: i. Hitam Putih: Tidak kurang daripada 55 helaian seminit. ii. Warna: Tidak kurang daripada 55 helaian seminit.					Ya
		Resolusi: Tidak kurang daripada 600dpi x 600dpi					Ya
		Kapasiti Dulang Pengimbas: i. Tidak kurang dari 110 helai A4. ii. Mengimbas dua belah dokumen pada satu masa yang sesuai (*double sided*)					Ya
		Panel Skrin: *8.5 inc Color Touch Screen, Flick, Drag & Tab or Double Tab*					Ya
		Protokol Rangkaian: *TCP/IP (with IP V4 & V6 Support), IPX/SPX (NDS), SMB, SNMP*					Ya

Bil	Item	UOM	Kekerapan / Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Maklum balas pembekal
		Spesifikasi					
		Sistem Pemprosesan: *Windows 2000 (SP4 or later)/XP (SP2 or late)/Vista/7 Windows Server 2003, Mac)S X (10.2.4 or later)*					Ya
		Network Interface: *Ethernet (10BASE-T/100BASE-TX/1000BASE-T, RJ-45*					Ya
		Spesifikasi Keselamatan					
		Hard Disk Overwrite: Mesin akan memadam semua data dokumen yang diimbas, disalin atau pun dicetak secara automatik dari memori mesin dan *addressed book*. (sila kemukakan dokumen sokongan)					Ya
		Hard Disk Encryption: Didatangkan dengan teknologi untuk menyulitkan data yang disimpan di dalam hard disk bagi tujuan keselamatan dari akses yang tidak berautoriti. (sila kemukakan dokumen sokongan)					Ya
		Common Criteria Certification: Mesti ada *Common Criteria Certification* yang mengesahkan bahawa produk ini telah mematuhi syarat-syarat kawalan keselamatan.					Ya
		Fungsi Kawalan Dokumen: Boleh mencegah pihak yang tidak dibenarkan daripada membuat salinan dan mengimbas oleh penyidratan (*embedding*) pencegahan salinan data ke atas dokumen yang telah dicetak atau disalin.					Ya
		Nyahkod (*Encrypted*): Memadam memori data sementara di dalam HDD dengan menindih data nyahkod.					Ya
		Penyekatan akses: Mengadakan laluan masuk ke mesin penyalin melalui rangkaian penyahkod *Secure Sockets Layer* (SSL), *Internet Protocol Version* 6 (LPV6) dan *Internet Protocol Security* (LPSEC)					Ya
		Spesifikasi Penyelenggaraan					
		Perkhidmatan dan Penyelenggaraan: i. Penyelenggaraan mesin mestilah daripada *Local Principal Company* untuk sepanjang tempoh sewaan mesin. ii. *Free Spare Parts Original.* iii. *Free Toner & Staple Bullet.*					Ya
		Katalog/Brosur/Risalah: Sila sertakan					Ya
		Persijilan My-Hijau dan ISO: Syarikat perlu mengemukakan sijil My-Hijau dan ISO					Ya
		Ciri teknologi hijau: Sila nyatakan					Ya
		Energy Star: Sila nyatakan					Ya
		Sustainability Report: (Sila kemukakan dokumen sokongan)					Ya
		Ciri-ciri tambahan: Sila nyatakan					Ya
		Surat Kuasa: Petender perlu mengemukakan SuratKuasa/*Letter Of Authorization* (LOA) daripada *Local Principal Company* dan tawaran akan ditolak sekiranya tiada pengesahan tersebut.					Ya
		Latihan: Latihan akan diberikan percuma					Ya
		Back-to-back Support Agreement dengan Original Equipment Manufacturer (OEM) Syarikat perlu mengemukakan perjanjian dengan OEM.					Ya

LAMPIRAN 5

Contoh Templat Spesifikasi Yang Telah Dikunci Masuk Ke Dalam Sistem Dan Maklum Balas Pembekal Ke Atas Tawaran Spesifikasi

Tajuk Templat : Perkhidmatan Penyewaan dan Penyelenggaraan Mesin Penyalin Multifungsi dan Caj Bacaan Meter Jabatan XXX
Jenis Item : Perkhidmatan
Jenis Barangan : Tempatan

Bil	Item	UOM	Kekerapan / Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Maklum balas pembekal
		Spesifikasi					
2.	Sewaaan Mesin Penyalin Multifungsi 65 *Copies Per Minute* Kapasiti Sederhana Hitam dan Putih (Medium *Duty – Black & White*)	**Bulan**	1			**91**	
		Spesifikasi Umum					
		Keadaan Mesin: Mesin dalam keadaan baharu dan belum digunakan.					Ya
		Jenis: Mesin Penyalin Multifungsi 65 *Copies Per Minute* Kapasiti Ringan Sederhana Hitam dan Putih *(Medium Duty – Black & White*).					Ya
		Jenama: Sila nyatakan					Ya
		Model: Sila nyatakan					Ya
		Fungsi Mesin: i. Sebagai mesin penyalin. ii. Sebagai mesin pencetak. iii. Sebagai mesin pengimbas. iv. Mempunyai fungsi *stapler*					Ya
		Spesifikasi Mesin Pencetak dan Penyalin					
		Kelajuan Penyalin: 65 helaian seminit					Ya
		Digital Copying – Resolusi Penyalinan: Tidak kurang dari 1,200 dpi					Ya
		Cetakan Pertama: Hitam Putih: Tidak melebihi 4 saat					Ya
		Kapasiti Memori: Tidak kurang dari 1.5 hingga 5 GB					Ya
		Ruang Cakera Keras: Tidak kurang dari 160 GB					Ya
		Saiz Kertas (minimum ke maksimum): Tidak kurang daripada A5-A3					Ya
		Mesin *Warm-up Time* (saat): Tidak lebih daripada 30 hingga 120 saat					Ya
		Bilangan *Tray*: i. 4 *paper tray*. ii. 1 *Bypass tray*					Ya
		Kapasiti Kertas (80gsm paper): Tidak kurang daripada 2,000 helaian					Ya
		Berat Kertas: 55gsm – 300gsm					Ya
		Backup Toner: Minimum satu (1) set toner					Ya
		Spesifikasi Mesin Pengimbas					
		Kelajuan Pengimbas: i. Hitam Putih: Tidak kurang daripada 100 helaian seminit. ii. Warna: Tidak kurang daripada 100 helaian seminit.					Ya
		Resolusi: Tidak kurang daripada 600dpi x 600dpi					Ya
		Kapasiti Dulang Pengimbas: i. Tidak kurang dari 250 helai A4. ii. Mengimbas dua belah dokumen pada satu masa yang sesuai (*double sided*)					Ya
		Panel Skrin: *8.5 inc Color Touch Screen, Flick, Drag & Tab or Double Tab*					Ya

Bil	Item	UOM	Kekerapan / Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Maklum balas pembekal
		Spesifikasi					
2.	Sewaaan Mesin Penyalin Multifungsi 65 *Copies Per Minute* Kapasiti Sederhana Hitam dan Putih (Medium *Duty – Black & White*)	**Bulan**	1			**91**	
		Spesifikasi Umum					
		Keadaan Mesin: Mesin dalam keadaan baharu dan belum digunakan.					Ya
		Jenis: Mesin Penyalin Multifungsi 65 *Copies Per Minute* Kapasiti Ringan Sederhana Hitam dan Putih *(Medium Duty – Black & White*).					Ya
		Jenama: Sila nyatakan					Ya
		Model: Sila nyatakan					Ya
		Fungsi Mesin: i. Sebagai mesin penyalin. ii. Sebagai mesin pencetak. iii. Sebagai mesin pengimbas. iv. Mempunyai fungsi *stapler*					Ya
		Spesifikasi Mesin Pencetak dan Penyalin					
		Kelajuan Penyalin: 65 helaian seminit					Ya
		Digital Copying – Resolusi Penyalinan: Tidak kurang dari 1,200 dpi					Ya
		Cetakan Pertama: Hitam Putih: Tidak melebihi 4 saat					Ya
		Kapasiti Memori: Tidak kurang dari 1.5 hingga 5 GB					Ya
		Ruang Cakera Keras: Tidak kurang dari 160 GB					Ya
		Saiz Kertas (minimum ke maksimum): Tidak kurang daripada A5-A3					Ya
		Mesin *Warm-up Time* (saat): Tidak lebih daripada 30 hingga 120 saat					Ya
		Bilangan *Tray*: i. 4 *paper tray*. ii. 1 *Bypass tray*					Ya
		Kapasiti Kertas (80gsm paper): Tidak kurang daripada 2,000 helaian					Ya
		Berat Kertas: 55gsm – 300gsm					Ya
		Backup Toner: Minimum satu (1) set toner					Ya
		Spesifikasi Mesin Pengimbas					
		Kelajuan Pengimbas: i. Hitam Putih: Tidak kurang daripada 100 helaian seminit. ii. Warna: Tidak kurang daripada 100 helaian seminit.					Ya
		Resolusi: Tidak kurang daripada 600dpi x 600dpi					Ya
		Kapasiti Dulang Pengimbas: i. Tidak kurang dari 250 helai A4. ii. Mengimbas dua belah dokumen pada satu masa yang sesuai (*double sided*)					Ya
		Protokol Rangkaian: *TCP/IP (with IP V4 & V6 Support), IPX/SPX (NDS), SMB, SNMP*					Ya
		Sistem Pemprosesan: *Windows 2000 (SP4 or later)/XP (SP2 or late)/Vista/7 Windows Server 2003, Mac)S X (10.2.4 or later)*					Ya
		Network Interface: *Ethernet (10BASE-T/100BASE-T, RJ-45*					Ya
		Spesifikasi Keselamatan					
		Hard Disk Overwrite: Mesin akan memadam semua data dokumen yang diimbas, disalin atau pun dicetak secara automatik dari memori mesin dan *addressed book*. (sila kemukakan dokumen sokongan)					Ya
		Hard Disk Encryption: Didatangkan dengan teknologi untuk menyulitkan data yang disimpan di dalam hard disk bagi tujuan keselamatan dari akses yang tidak berautoriti.					Ya

Bil	Item	UOM	Kekerapan / Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Maklum balas pembekal
		Spesifikasi					
2.	Sewaaan Mesin Penyalin Multifungsi 65 *Copies Per Minute* Kapasiti Sederhana Hitam dan Putih (Medium *Duty – Black & White*)	**Bulan**	1			**91**	
		Spesifikasi Umum					
		Keadaan Mesin: Mesin dalam keadaan baharu dan belum digunakan.					Ya
		Jenis: Mesin Penyalin Multifungsi 65 *Copies Per Minute* Kapasiti Ringan Sederhana Hitam dan Putih *(Medium Duty – Black & White*).					Ya
		Jenama: Sila nyatakan					Ya
		Model: Sila nyatakan					Ya
		Fungsi Mesin: i. Sebagai mesin penyalin. ii. Sebagai mesin pencetak. iii. Sebagai mesin pengimbas. iv. Mempunyai fungsi *stapler*					Ya
		Spesifikasi Mesin Pencetak dan Penyalin					
		Kelajuan Penyalin: 65 helaian seminit					Ya
		Digital Copying – Resolusi Penyalinan: Tidak kurang dari 1,200 dpi					Ya
		Cetakan Pertama: Hitam Putih: Tidak melebihi 4 saat					Ya
		Kapasiti Memori: Tidak kurang dari 1.5 hingga 5 GB					Ya
		Ruang Cakera Keras: Tidak kurang dari 160 GB					Ya
		Saiz Kertas (minimum ke maksimum): Tidak kurang daripada A5-A3					Ya
		Mesin *Warm-up Time* (saat): Tidak lebih daripada 30 hingga 120 saat					Ya
		Bilangan *Tray*: i. 4 *paper tray*. ii. 1 *Bypass tray*					Ya
		Kapasiti Kertas (80gsm paper): Tidak kurang daripada 2,000 helaian					Ya
		Berat Kertas: 55gsm – 300gsm					Ya
		Backup Toner: Minimum satu (1) set toner					Ya
		Spesifikasi Mesin Pengimbas					
		Kelajuan Pengimbas: i. Hitam Putih: Tidak kurang daripada 100 helaian seminit. ii. Warna: Tidak kurang daripada 100 helaian seminit.					Ya
		Resolusi: Tidak kurang daripada 600dpi x 600dpi					Ya
		Kapasiti Dulang Pengimbas: i. Tidak kurang dari 250 helai A4. ii. Mengimbas dua belah dokumen pada satu masa yang sesuai (*double sided*)					Ya
		(sila kemukakan dokumen sokongan)					
		Common Criteria Certification: Mesti ada *Common Criteria Certification* yang mengesahkan bahawa produk ini telah mematuhi syarat-syarat kawalan keselamatan.					Ya
		Fungsi Kawalan Dokumen: Boleh mencegah pihak yang tidak dibenarkan daripada membuat salinan dan mengimbas oleh penyidratan (*embedding*) pencegahan salinan data ke atas dokumen yang telah dicetak atau disalin.					Ya
		Nyahkod (*Encrypted*): Memadam memori data sementara di dalam HDD dengan menindih data nyahkod.					Ya
		Penyekatan akses: Mengadakan laluan masuk ke mesin penyalin melalui rangkaian penyahkod *Secure Sockets Layer*					Ya

Bil	Item	UOM	Kekerapan / Unit Ukuran	Bil. Unit Ukuran Sehari	Bil. Unit Ukuran Sebulan	Kuantiti	Maklum balas pembekal
		Spesifikasi					
2.	Sewaaan Mesin Penyalin Multifungsi 65 *Copies Per Minute* Kapasiti Sederhana Hitam dan Putih (Medium *Duty – Black & White*)	**Bulan**	1			**91**	
		Spesifikasi Umum					
		Keadaan Mesin: Mesin dalam keadaan baharu dan belum digunakan.					Ya
31.1 Petender yang berjaya dikehendaki mematuhi Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan semua Garis Panduan dan Prosedur Operasi Piawai yang berkaitan dalam menangani Epidemik dan Pandemik seperti wabak Covid 19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, CIDB dan Jabatan Kerja Raya Malaysia.

31.2 Petender dikehendaki mengambilkira dalam harga tender untuk pematuhan perkara 30.1.

31.3 Kegagalan mematuhi Akta, Garis Panduan dan Prosedur Operasi Piawai yang telah ditetapkan menyebabkan tindakan boleh di ambil oleh agensi-agensi yang berkenaan dan sebarang tuntutan akibat tindakan ini tidak akan dipertimbangkan.

32. HARGA INDIKATIF JABATAN

32.1 Harga Indikatif Jabatan bagi tender ini adalah Ringgit Malaysia:
……..…..
…….....
(RM .....)

32.2 Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

32.3 Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

33. MATA WANG

33.1 Tawaran harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

34. PENJELASAN BERHUBUNG PROSES PEROLEHAN KERAJAAN (DEBRIEFING)

34.1 Petender boleh mengemukakan permohonan debriefing bagi perolehan tertakluk kepada FTA secara rasmi melalui surat/ e-mel kepada agensi dalam tempoh lima (5) hari mulai tarikh keputusan PBM dipaparkan di dalam portal MyPROCUREMENT.

34.2 Pihak Kerajaan boleh mengemukakan penjelasan berhubung proses perolehan (*debriefing*) bagi perolehan tertakluk kepada FTA ke atas mana-mana permohonan daripada pembida secara rasmi melalui surat/ e-mel kepada agensi dalam tempoh lima (5) hari mulai tarikh keputusan Pihak Berkuasa Melulus dipaparkan di dalam portal MyPROCUREMENT.

34.3 Keputusan Kerajaan adalah muktamad tertakluk kepada bantahan yang diterima.

34.4 Tindakan tatatertib boleh diambil oleh Kerajaan terhadap petender yang menarik balik tawaran sebelum tawaran dipertimbangkan atau petender yang menolak tawaran setelah SST dikeluarkan oleh Kerajaan atau petender tidak melaksanakan kerja setelah mengembalikan SST yang telah ditandatangani.

35. TAFSIRAN

35.1 Tender ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan petender bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga/tender ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

36. TAWARAN PILIHAN

36.1 Setiap Pembida tidak dibenarkan membuat tawaran pilihan (alternative offer) bagi mana-mana butiran yang dikunci masuk. Jika terdapat tawaran pilihan, Kerajaan berhak menolak kesemua tawaran yang dikemukakan.

37. PEMBATALAN PELAWAAN

37.1 Kerajaan berhak untuk membatalkan mana-mana pelawaan yang telah diiklankan pada bila-bila masa. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak petender kerana pembatalan ini adalah menjadi tanggungjawab pihak petender.

38. PERINGATAN MENGENAI PAKATAN HARGA

38.1 Sekiranya didapati petender terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak, penamatan kontrak dan lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib boleh diambil mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

B) TATACARA PENILAIAN TENDER KERJA BESAR

(BAGI PROJEK SECARA KONVENSIONAL BERNILAI MELEBIHI RM10 JUTA)

1. MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN UNTUK PENILAIAN KEUPAYAAN PETENDER

1.1 Petender-petender hendaklah mengambil maklum bahawa Penilaian Tender ini akan mengambilkira dan mementingkan keupayaan Petender untuk melaksanakan projek yang ditender, disamping kemunasabahan harga tender. Justeru itu keupayaan Petender-petender akan dinilai semasa penilaian Tender. Penilaian ini akan dibuat berasaskan kedudukan kewangan dan pengalaman kerja, kakitangan teknikal, dan prestasi kerja semasa Petender.

1.2 Untuk membolehkan penilaian ini dibuat, Petender-petender dikehendaki mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama tendernya:

1.2.1 Perakuan/Sijil Pendaftaran

i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) CIDB; **dan**

ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB/ Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA)/ Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ)

iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) Pusat Khidmat Kontraktor; **atau**

iv) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan

1.2.2 Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen

Petender WAJIB mengisi dan menandatangani Borang A. Kegagalan mengemukakan Borang A yang lengkap akan menyebabkan Petender tidak layak dinilai.

1.2.3 Maklumat Kewangan

i) Petender hendaklah mengisi Borang C (Data Kewangan).

ii) Petender WAJIB mengemukakan salinan Penyata Kewangan Syarikat bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut sebelum tahun tutup tender atau sekiranya tiada, bagi tiga (3) tahun kewangan terakhir secara berturut-turut setahun sebelum tahun tutup tender yang diaudit dan disahkan dengan salinan diakui sah (certified true copy) ASAL oleh Juruaudit Bertauliah.

iii) Dokumen-dokumen berikut boleh dikemukakan sebagai pilihan bagi pengiraan keupayaan kewangan:

a. Salinan Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum bulan tutup tender yang **disahkan** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan.

b. Laporan ASAL bank/institusi kewangan mengenai kemudahan kredit Petender, atas format seperti di **Borang CA** yang **ditandatangani** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank/institusi kewangan berkenaan.

c. Deposit tetap yang **disahkan** oleh pegawai yang diberi kuasa oleh bank berkenaan boleh dikemukakan sebagai tambahan kepada pengiraan keupayaan kewangan.

1.2.4 Maklumat Teknikal

i) Salinan Surat Setuju Terima Tender dan Salinan Perakuan/ Pengesahan Siap Kerja bagi setiap kerja yang telah disiap dan disenaraikan di **Borang D.**

ii) Salinan Penyata Caruman KWSP bagi bulan caruman terkini (bulan sebelum tarikh tutup tender atau sebulan sebelumnya) yang mengandungi nama setiap kakitangan teknikal atau salinan perjanjian perkhidmatan professional yang diambil berkhidmat secara Kontrak, yang disenaraikan di **Borang E.**

iii) Salinan sijil kelulusan/kelayakan setiap kakitangan teknikal Kategori A dan B yang disenaraikan di **Borang E.**

iv) Salinan Perakuan Bayaran Interim terakhir bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di **Borang G.** Bagi Petender yang tidak mempunyai kerja semasa, sila catatkan “Tiada Kerja Semasa” di **Borang G.**

v) Laporan asal dari Penyelia Projek mengenai prestasi semasa petender, bagi setiap kerja semasa yang disenaraikan di **Borang G,** atas format seperti **Borang GA**. Laporan tersebut hendaklah ditandatangani ASLI oleh Pegawai Penguasa/Wakil Pegawai Penguasa/Pegawai Profesional yang menyelia projek tersebut.

1.3 Dokumen-dokumen wajib dan sokongan seperti di perenggan 1.2 adalah penting untuk membolehkan penilaian keupayaan dibuat ke atas Petender. Petender hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen ini dalam **satu (1) sampul berasingan** yang dilabelkan sebagai **‘DOKUMEN WAJIB DAN SOKONGAN’**. Petender juga dikehendaki mengisi dan menyertakan **Senarai Semakan Dokumen (SSD)** bersama-sama sampul tersebut. Senarai Semakan ini akanmenjadi panduan semakan semula dan bukti penerimaan dokumen-dokumen wajibdan sokongan.

1.4 Sekiranya Petender gagal untuk mengemukakan salah satu atau sebahagian daripada dokumen-dokumen di bawah perenggan 1.2.4., maklumat dan data-data tidak dapat disemak kerana ketiadaan atau ketidakcukupan dokumen-dokumen tersebut adalah tidak sah dan tidak boleh diambil kira dalam penilaian keupayaan Petender yang berkenaan melainkan maklumat atau data-data tersebut membawa kesan negatif terhadap nilai keupayaannya. ini bermakna kriteria-kriteria yang mana penilaiannya memerlukan maklumat atau data-data ini, akan diberi markah nilaian sifar.

1.5 Pihak Kerajaan akan membuat semakan dengan pihak syarikat audit/bank/institusi kewangan bagi mendapatkan pengesahan ke atas maklumat kewangan yang dikemukakan oleh Petender. Petender hendaklah memastikan bahawa pihak syarikat audit/bank/institusi kewangan mengemukakan maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan.

1.6 Di samping mengemukakan dokumen-dokumen yang tersebut di atas Petender-petender dikehendaki melengkapkan borang-borang berikut yang disertakan bersama Dokumen Tender ini, dengan sempurna dan mengembalikannya bersama-sama dengan tender masing-masing.

a) **BORANG A** : Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat dan Kesahihan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender

b) **BORANG B** : Maklumat Am dan Latar Belakang Petender

c) **BORANG C** : Data Kewangan

d) **BORANG CA** : Laporan Bank/Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit

e) **BORANG D** : Rekod Pengalaman Kerja

f) **BORANG E** : Kakitangan Teknikal

g) **BORANG G** : Senarai Kontrak Kerja Semasa

h) **BORANG GA** : Laporan Penyelia Projek Atas Prestasi Kerja Semasa Petender

Borang-borang ini hendaklah diisi dengan maklumat-maklumat yang benar dan data-data yang tepat. Semua butiran perlu diisi dan jawapan yang jelas hendaklah diberikan terhadap semua pertanyaan di dalam borang-borang di atas. Jika perlu helaian tambahan boleh dilampirkan. **BORANG A** dan setiap helaian tambahan yang dilampirkan kepada borang-borang lain hendaklah ditandatangani oleh Petender.

1.7 Bagi Petender usahasama atau gabungan (seperti yang dibenarkan oleh LPIPM) antara dua atau lebih kontraktor, setiap ahli gabungan hendaklah masing-masing melengkapkan borang-borang dan menyertakan dokumen-dokumen yang tersebut di atas secara berasingan.

1.8 Semua maklumat dan dokumen-dokumen yang tersebut di atas hendaklah dikemukakan oleh Petender bersama-sama tendernya sebelum Tarikh Tutup Tender dan Petender tidak akan berpeluang lagi untuk mengemukakannya selepas itu. Sebarang maklumat atau mana-mana dokumen tersebut yang diterima selepas tender ditutup tidak akan diambil kira dalam penilaian keupayaan Petender.

1.9 Sekiranya Petender didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok *(withhold)* atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, tendernya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan dikenakan terhadapnya.

2. KRITERIA PENILAIAN TENDER BAGI TENDER KERJA BESAR

2.1 Penilaian akan dibuat dalam tiga (3) peringkat berdasarkan syarat dan kriteria-kriteria penilaian yang ditetapkan.

2.1.1 Penilaian Peringkat Pertama

2.1.1.1 Tender-tender yang diterima mestilah mematuhi beberapa syarat sebelum boleh dinilai di peringkat kedua. Syarat yang ditetapkan ialah:

i) Tender mestilah sempurna di mana Petender telah mematuhi syarat-syarat tender.

ii) Tender telah disertai dengan dokumen-dokumen wajib yang telah ditetapkan di perenggan 1.3.

iii) Petender mempunyai modal minima tidak kurang daripada tiga peratus (3%) daripada nilai kerja pembina (builder's work) Anggaran Jabatan.

iv) Petender mestilah tidak mempunyai projek-projek yang mana kemajuan perlaksanaan projek semasa Petender mengalami kelewatan melebihi dua (2) bulan atau dua puluh peratus (20%) daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan mengikut mana yang terdahulu atau sedang menghadapi tindakan penamatan pengambilan kerja.

2.1.1.2 Hanya tender-tender yang memenuhi pra-syarat di atas sahaja yang akan dinilai diperingkat kedua.

2.1.2 Penilaian Peringkat Kedua

2.1.2.1 Kriteria penilaian yang digunakan di peringkat kedua ialah Petender mestilah mempunyai Keupayaan Biayawan dan Keupayaan Teknikal melebihi nilai minima yang ditetapkan.

2.1.2.2 Keupayaan Biayawan Petender dikira berasaskan faktor berikut:

i) Bagi Petender Syarikat Sdn. Bhd. atau mana-mana Petender yang mengemukakan Lembaran Imbangan

KB = [(10 x MP) + {(5 x (NW-MP)) @ (9 x KK)}]
- (0.5 x NTBK)

Atau

ii) Bagi Petender bukan Syarikat Sdn. Bhd. dan tidak mengemukakan Lembaran Imbangan

KB = [(10 x WDTS) + (9 x KK)] - (0.5 x NTBK)
Dimana @ = yang mana lebih tinggi

MP = Modal Pusingan, iaitu perbezaan antara Asset Semasa dan Liabiliti Semasa Petender seperti dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan dan dicampur nilai positif perbezaan antara Wang Dalam Tangan Semasa denganWang Dalam Tangan Dalam Lembaran Imbangan.

NW = `Net Worth' iaitu perbezaan antara Jumlah Asset dan Jumlah Liabiliti Petender seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Imbangan.

WDTS = Wang Dalam Tangan Semasa iaitu nilai positif purata baki akhir bulan dalam Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir.

KK = Nilai Baki Kemudahan Kredit yang diperolehi atau layak diperolehi seperti yang dinyatakan dalam Laporan Bank atau Institusi Kewangan lain atas Borang CA, atau jumlah kasar nilai kemudahan kredit

seperti yang dinyatakan oleh Bank/Institusi Kewangan (dalam borang selain dari Borang CA) tolak nilai negatif baki purata akhir bulan dalam Penyata Bulanan Bank bagi tiga (3) bulan terakhir Syarikat Sdn. Bhd.

NTBK = Jumlah Nilai Tahunan Baki Kerja Dalam Tangan, iaitu jumlah baki nilai kerja dalam tangan bagi kerja-kerja yang belum mencapai tujuh puluh lima peratus (75%) kemajuan (termasuk kontrak baru yang diketahui akan diawardkan kepadanya yangperlu disiapkan oleh Pentender dalam tempoh satu tahun dari tarikh tutup tender) tidak termasuk Wang Kos Prima dan Wang Peruntukan Sementara.

2.1.2.3 Keupayaan Teknikal diasaskan kepada kriteria berikut:

(i) Pengalaman Kerja

Projek-projek yang disiapkan oleh Petender sebagai Kontraktor Utama ataupun Subkontraktor Dinamakan akan dikira berdasarkan jumlah nilai projek-projek yang telah disiapkan (termasuk bahagian kerja semasa yang telah disiap) dan nilai terbesar projek yang disiapkan.

(ii) Kakitangan Teknikal

Markah yang akan dikira berdasarkan bilangan dan pengalaman kakitangan teknikal Petender.

2.1.3 Penilaian Peringkat Ketiga

2.1.3.1 Faktor Pelarasan Baki Kerja (FRBK)

Faktor Pelarasan Baki Kerja (FRBK) dibuat bagi menyelaras Markah Keseluruhan Penilaian Keupayaan Petender yang mempunyai kos baki kerja yang tinggi. Kelayakan Petender adalah bergantung sama ada Markah Keseluruhan Terlaras melepasi Markah Keseluruhan Minimum yang telah ditetapkan.

FRBK ini dikenakan ke atas semua Petender yang dinilai serta lulus penilaian tidak kira sama ada berada di atas atau di bawah paras *cut-off*/anggaran jabatan.

LAMPIRAN A

SURAT AKUAN PEMBIDA

.....(Tajuk dan Nombor Rujukan Perolehan).....

Saya, ……(Nama Wakil Syarikat)…… No. Kad Pengenalan.....yang mewakili ……(Nama Syarikat)…… nombor Pendaftaran ……(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)…… dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan. [M1][h2]

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida [M3][h4]dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas [M5][h6]atau

menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam .....{Nama Kementerian/Agensi} .....atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan

2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa—

3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing•masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 *[Akta 712]* atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) [M7][h8]seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

~~Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :~~

~~Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing• masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau~~

~~tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 *[Akta 712]* atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada~~ pusing ganti (*turn over*) [M9][h10]~~seluruh dunia sepanjang~~

~~tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.~~

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694],* apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan	:	.....
Nama	:	.....
No.KP	:	.....
Tarikh	:	.....
Cap Syarikat	:	.....

Catatan:

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

(ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.
Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

LAMPIRAN B

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

.....(Tajuk dan Nombor Rujukan Perolehan).....

Saya, ……(Nama Wakil Syarikat)…… No. Kad Pengenalan .....yang mewakili …...(Nama Syarikat)…… nombor Pendaftaran ……(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)…… dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa- apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi* atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan [M11][h12] atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam ……(Nama Kementerian/Agensi)…… atau mana- mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan ~~tender/sebut harga*~~ seperti diatas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan boleh berikut diambil:

2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi perolehan di atas; atau
2.2 Penamatan kontrak bagi perolehan di atas; dan
2.3 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa--

3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan Kanun Keseksaan *[Akta 574]* serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing•masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 *[Akta*

712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii). Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

~~4.4 Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :~~diambil:

~~a. Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing• masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau~~

~~b. tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 *[Akta 712]* atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii). Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.~~

~~4.5~~4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segeramelaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) aktayang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

~~4.6~~5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat~~*~~** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694],* apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan	:	.....
Nama	:	.....
No.KP	:	.....
Tarikh	:	.....
C~~a~~ap Syarikat	:	.....

Catatan:

(i) ~~*~~**termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan")

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

(ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

LAMPIRAN C

SURAT AKUAN PEMBIDA UNTUK MELAKSANAKAN PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENEURS* (PROTÉGÉ)

Kepada (Agensi)

……..
……..

Tender : (Tajuk)

……
……

Saya …… nombor kad pengenalan ……... yang mewakili syarikat …… nombor Pendaftaran ……. (*MOF/CIDB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya akan melaksanakan program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) jika terpilih untuk tender ini mengikut had nilai ambang (*threshold*

value) dan bilangan minimum peserta program PROTÉGÉ seperti yang ditetapkan di dalam syarat tender.

2. Sekiranya, saya tidak melaksanakan program PROTÉGÉ mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan bilangan minimum peserta setelah dipilih untuk tender ini, maka Kerajaan boleh mengambil tindakan ke atas syarikat saya berdasarkan syarat / klausa kontrak dan syarikat saya mungkin tidak akan dipertimbangkan untuk tender perolehan kerajaan pada masayang akan datang.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. Kad Pengenalan)

Cap Syarikat:

Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkaitan.
ii) Surat Akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran CIDB.

LAMPIRAN D

DEED OF ASSIGNMENT

(Security for direct payments to third party)

THIS DEED OF ASSIGNMENT is made the …….... day of..... 20 …….. between....., a company incorporated under the laws of Malaysia and having its registered office at ……..…… ……..……., (hereinafter referred to as "the Assignor") of the one part and ..……..……, a company incorporated under the laws of Malaysia and having its registered office at ….....(hereinafter referred to as "the Assignee") of the other part.

WHEREAS –

1. The Assignor has been awarded by the Government of Malaysia (hereinafter referred to as "the Government") the contract with the reference number~~ed~~ ……..……..…… ……(hereinafter referred to as "the Contract") for the ……..…..…… … .....(hereinafter referred to as "the Works") for the sum of Ringgit Malaysia ……..…

… .....(RM … .....) (hereinafter referred to as “the Contract Sum”).

2. The Assignor has caused work to be executed and/or is desirous of causing *work / supply to be executed and the Assignee has agreed to execute certain *work / supply namely …….. (hereinafter referred to as *“the Subcontract Work” / “the Subcontract Supply”) for the Assignor in the fulfillment of the Assignor’s obligations under the Contract.

3. The Assignor is desirous of assigning to the Assignee moneys due and payable to the Assignor under the Contract as payment for the *Subcontract Work / Subcontract Supply, up to a maximum value of Ringgit Malaysia ……..… …..……(RM.....) (hereinafter referred to as the “Assigned Sum”).

4. The Government through its authorized representative has given its consent in a letter dated..... to the Assignor to assign its rights, interest and title in the Assigned Sum to the Assignee. The said letter is attached hereto as Appendix A.

** Delete whichever is not applicable*

NOW THE DEED WITNESS as follows:

1. Restriction on this Deed

The terms of this Deed of Assignment shall be subject to the terms and conditions imposed by the Government or its authorized representative in granting its consent to this Assignment.

2. Assignment

In consideration of the Assignee having executed and/or agreeing to execute the *Subcontract Works / Subcontract Supply, the Assignor hereby absolutely assigns to the Assignee moneys payable now or hereinafter due and payable to the Assignor under the Contract, not exceeding the Assigned Sum.

3. Irrevocable Assignment

This assignment shall be irrevocable and shall remain in force for so long as the Assigned Sum is due and payable to the Assignor by the Government.

4. Exclusion of Nominated Sub-contractors/Suppliers

For the purposes of this Assignment, moneys due and payable to the Assignor under the Contract shall be deemed to exclude moneys due and payable to nominated subcontractors and nominated suppliers who, in accordance with the terms and conditions of the Contract shall be paid direct by the Government to the nominated subcontractors and nominated suppliers.

5. Payment

The Assignee shall be paid the value of the *Subcontract Work / Subcontract Supply executed out of moneys due and payable to the Assignor under the Contract in interim payments and the final payment shall be made in accordance with the terms and conditions of the Contract.

6. Interim Payment

The amount to be paid to the Assignee in each interim payment shall be ascertained based on claims certified by the Assignor or his authorized representative and submitted by the Assignee to the Superintending Officer named in the Contract or his authorized representative not later than three (3) days before the date of interim valuation.

** Delete whichever is not applicable*

7. Insufficient Payment

7.1. In the event of the money due and payable to the Assignor in an interim payment is insufficient to pay the amount due to the Assignee in respect of the *Subcontract Work / Subcontract Supply executed, the deficiency shall be paid to the Assignee in the next and subsequent interim payment(s).

7.2. If upon final payment under the Contract no money is received by the Assignee or the amount received by the Assignee is less than the total value of the *Sub-contract Work / Sub-contract Supply executed, the value of the *Sub-contract Work / Sub-contract Supply that remains unpaid shall be debt due from the Assignor to the Assignee.

8. Receipt Issued

The Assignor covenants that any receipt issued by the Assignee in respect of any payment made by the Government or its authorized representative shall be a sufficient and valid discharge of the assignment under Clause 2 to the extent of such payment.

9. Undertaking

The Assignor undertakes to do all things and acts necessary to ensure that the Government pays to the Assignee moneys otherwise due and payable to the Assignor under the Contract in respect of the *Subcontract Work / Subcontract Supply executed by the Assignee.

10. Notification of Assignment

The Assignor shall notify the Government of the execution of this Deed of Assignment by lodging a stamped copy thereof with the Government or its authorized representative.

11. Incidental Charges

Any incidental charges including legal fees for this Deed of Assignment and the stamp duty thereof shall be borne by the Assignor.

12. Successors-In-Title

This Deed of Assignment shall be binding upon the successors-in-title of the parties hereto and, if the party is an individual, upon his heirs, executors and personal representatives.

** Delete whichever is not applicable*

IN WITNESS WHEREOF the Parties hereunto set their seal and hand respectively on the day and year first set out above.

SIGNED by)
)
Name:)
)
Capacity:)
)
For and on behalf of ……..……..
(Signature of Assignor)
)
……..……)
(Seal or chop of Assignor)

In the presence of

Name:)
)
NRIC No.:) ……..……..
) (Signature of Witness)
Address:)

SIGNED by)
)
Name:)
)
Capacity:)
)
For and on behalf of) ……..……..
(Signature of Assignee)

……
(Seal or chop of Assignee)

In the presence of

Name:)
)
NRIC No.:) ……..……..
) (Signature of Witness)
Address:)

LAMPIRAN E

KERAJAAN MALAYSIA

CONSENT BY GOVERNMENT FOR DIRECT PAYMENT TO THIRD PARTY

THROUGH DEED OF ASSIGNMENT

Reference: …… Date: ……..…

……..
……..
……. } *Name and Address of the Ministry/Department*

To: (Contractor)
……..
……..
……..

CONTRACT NO.: …….
SUB-CONTRACT/ SUPPLY……..

WORK
..……..…….

I refer to your letter..... dated .....seeking the consent of the Government of Malaysia to your proposal to assign part of the Contract Sum by a Deed of Assignment to …..... , the Assignee.

2. This to convey the Government's consent to the said assignment as contained in the Deed of Assignment, subject to the terms as follows:

a. Any obligation imposed upon the Government by the Deed of Assignment shall not in any way prejudice or affect the rights of the Government or the powers of the Superintending Officer under the terms and conditions of the Contract, including those relating to direct payments to nominated sub-contractors and nominated suppliers and deductions from any money otherwise due to you under the Contract.

b. Any payment made to the Assignee shall be deemed to be a payment as if the same is paid to you under the terms and conditions of the Contract and shall constitute a sufficient and valid discharge of the obligations of the Government under the Contract to the extent of such payment.

c. No terms of payment including any term for the payment of interest for delayed payments which the Assignee may impose upon you shall be imposed upon the

Government by the Deed of Assignment.

LAMPIRAN 1

ARAHAN KEPADA PETENDER – Tender Kerja Besar

d. You shall be liable and shall indemnify and hold the Government harmless from all costs, claims, damages, expenses, liabilities, losses whatsoever incurred by the Assignee howsoever arising from the Deed of Assisgnment from the rights which have been assigned to the Assignee in accordance with the Deed of Assignmen, Government in the event of any claim or action taken by the Assignee arising from the Assignment.

3. Kindly acknowledge receipt of this letter and confirm acceptance by the Assignee and yourself of the terms stipulated above by appending your signature and returning the same to me.

Yours faithfully,

……
(Superintending Officer)

I/We acknowledge receipt of the above assent of the Government and confirm my/our acceptance of the terms imposed herein.

……	……...
Signature of Assignor	Signature of Assignee
Name :	Name :
Capacity :	Capacity :
for and on behalf of	for and on behalf of
……	…..……
(Seal or chop of Assignor)	(Seal or chop of Assignee)

LAMPIRAN F

(JKR 203 Sub7 Pind. 2010)

SURAT JAMINAN TANGGUNG RUGI

DARI SUBKONTRAKTOR KEPADA KERAJAAN

Surat Tanggung Rugi ini diberi pada ……. haribulan …… 20 .....oleh Kami,..... yang beralamat (atau pejabat berdaftar yang terletak di) ……..…….. ……..…… kepada Kerajaan ……..……... (kemudian dari ini disebut "Kerajaan").

(2) Kerajaan telah melalui Kontrak No..... yang diikat pada ..... haribulan ..... 20 ..... (kemudian dari ini disebut "Kontrak Utama") di antara Kerajaan bagi satu pihak dan .... kemudian dari ini disebut "Kontraktor") sebagai pihak yang satu lagi, mengambil kerja Kontraktor bagi melaksana dan menyiapkan ....(kemudian dari ini disebut "Kerja Kontrak Utama").

(3) Kami telah mengemukakan Sebut harga bagi .... (kemudian dari ini disebut "Kerja Subkontrak"), yang berkenaan dengan Wang peruntukan Sementara terdapat dalam dan menjadi sebahagian dari Kontrak Utama.

(4) Menurut peruntukan berkaitan dalam Kontrak Utama, kami telah dinamakan untuk menjalankan dan menyiapkan Kerja Subkontrak ini diatas terma dan Syarat-syarat Subkontrak (kemudian dari ini disebut "Kerja Subkontrak") yang akan diikat di antara Kontraktor dan Kami.

(5) Sebagai balasan ke atas pengakuanjanji Kerajaan untuk membayar terus kepada Kami amaun yang disahkan sebagai kena dibayar kepada Kami dalam Perakuan-perakuan Interim atau Perakuan Muktamad menurut dan tertakluk kepada peruntukan yang berkenaan dalam Kontrak Utama dan Subkontrak ini, Kami dengan ini membuat pengakuanjanji yang tidak boleh terbatal untuk melindungi dan menanggung rugi Kerajaan terhadap dan dari:

i. sebarang tanggungan Kerajaan kepada Kontraktor berpunca dari apa jua disebabkan oleh Kerajaan membuat bayaran terus kepada kami; dan

ii. sebarang tanggungan Kerajaan kepada Kontraktor berpunca dari apa jua disebabkan oleh sebarang tindakan, kecuaian atau ketinggalan, atau sebarang pecah kontrak, tidak mematuhi atau tidak melaksanakan peruntukan Syarat-syarat Subkontrak oleh Kami, pengkhidmat atau ejen Kami; dan

iii. sebarang kerugian dan/atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan berpunca dari apa jua disebabkan oleh sebarang tindakan, kecuaian atau ketinggalan, atau sebarang pecah kontrak, tidak mematuhi atau tidak melaksanakan peruntukan Syarat-syarat Subkontrak oleh Kami, pengkhidmat atau ejen Kami.

Ditandatangani oleh	Di hadapan
.....	.....
(Tandatangan Subkontrak)	(Tandatangan Saksi)
Nama Penuh	Nama Penuh .....
No. Kad Pengenalan	No. Kad Pengenalan .....
Atas Sifat	Pekerjaan .....
Yang diberi kuasa menandatangani untuk dan bagi pihak	Alamat ....

Meteri atau Cap Subkontraktor

LAMPIRAN G

BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/ JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN

(KONTRAK KERJA YANG BERNILAI MELEBIHI RM10 JUTA)

Sebagai balasan kepada Kontrak No.....yang dibuat antara Kerajaan Malaysia, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kerajaan") dan ....., (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi ..... (namakan projek), (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan Kontraktor, mengaku janji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada Kerajaan ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Kerajaan seperti berikut:

1. Apabila sahaja Kerajaan membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Kerajaan nilai yang ditentukan dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit ..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM .....) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.

2. Kerajaan berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit ..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM .....) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.

3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan Kerajaan sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.

4. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga ..... (kemudian daripada ini disebut ("Tarikh Mati Asal") (*Initial Expiry Date*) iaitu dua puluh empat (24) bulan selepas tarikh tamat tempoh kecacatan atau dalam keadaan di mana kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) Jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal.

(*Initial Expiry Date*) (kemudian daripada ini disebut “Tarikh Mati Lanjutan”) (*Extended Expiry Date*) apabila diminta oleh Kerajaan dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang Kerajaan berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit..... (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM.....).

5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) atau Tarikh Mati Lanjutan (*Extended Expiry Date*) melainkan jika sebelumnya Kerajaan telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

6. SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK/SYARIKAT KEWANGAN/ SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak Penjamin di hadapan

) .....
) Nama: .....
) Jawatan: .....
) Cap Bank/Syarikat Kewangan/ Syarikat Insurans:

.....
(Saksi)

Nama: .....
Jawatan: .....
Cap Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans

LAMPIRAN IBS1

BORANG PENAMAAN PEMBEKAL SISTEM BINAAN BERINDUSTRI (*INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM*-IBS)

Saya bagi pihak ……Sila isikan nama petender.....yang beralamat di ……Sila isikan alamat berdaftar petender……... dengan ini menamakan ……Sila isikan nama pembekal IBS dari senarai yang diluluskan…… yang beralamat di ……Sila isikan alamat pembekal IBS…… sebagai Pembekal Sistem Binaan Berindustri (*Industrialised Building System*-IBS) bagi melaksanakan IBS untuk projek ini.

Tandatangan Petender Yang Diberikuasa	Nama Saksi
No. Kad Pengenalan	Tandatangan Saksi
Jawatan	No. Kad Pengenalan

Cap Rasmi Syarikat

BORANG 1

ANALISA KESEMPURNAAN TENDER

TENDER UNTUK:

Ruj. Petender	Kriteria Kesempurnaan Tender								
	Borang Tender Ditandatangani	**Penandatangan Diberi Kuasa**	**Harga Tender/ Tempoh Tender Tercatat di Borang Tender**	**Pendaftaran Masih Sah Semasa Tutup Tender**	**Mengembalikan Kesemua Dokumen Asas Tender**	**Tempoh Tidak Melebihi Tempoh Siap Maksimum**	**Surat Akuan Pembida Ditandatangani *(Integrity Pact)***	**Surat Akuan Pembida Ditandatangani *(Integrity Pact Protege)***	**Keputusan**

Legend: X=Tidak √ = Sempurna

BORANG 2

ANALISA KECUKUPAN DOKUMEN (WAJIB)

TENDER UNTUK:						
Ruj. Petender	**Kriteria Kecukupan Dokumen (Wajib)**				**Laporan Penyelia Projek Bagi Kerja Semasa (Borang GA)**	**Keputusan**
	Maklumat Kewangan					
	Lembaran Imbangan *		**Penyata Bulanan / Akaun Bank**	**Laporan Bank/Borang CA**		
	Dikemukakan	**Diaudit & Disahkan**	**Dikemukakan**	**Dikemukakan**	**Dikemukakan**	

Legend: X = Tidak ; _/ = Ya ; T.K.S. = Tiada Kerja Semasa; *Cukup = Cukup walaupun tidak kemukakan Borang GA
*Lembaran Imbangan seperti yang terdapat dalam Akaun Syarikat bagi tahun kewangan terakhir atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan sebelumnya

BORANG 3

ANALISA KECUKUPAN MODAL

TENDER UNTUK:

	ANALISA KECUKUPAN MODAL						Modal Minimum diperlukan: (3% dari nilai Kerja Pembina AJ)			
Ruj. Petender	**Lembaran Imbangan**			**Penyata Bulanan Bank**		**Wang Dalam Tangan Semasa (RM) Nilai positif (f)**	**Deposit Tetap/ Saham-saham (RM)**	**Aset Cair**	**Borang CA**	**Jumlah Modal**
	Aset Semasa (RM)	**Liabiliti Semasa (RM)**	**Modal Pusingan (RM)**	**Baki Bagi 3 Bulan Lepas (RM)**	**Purata Baki Bagi 3 Bulan Lepas (RM)**			**(d) atau (g)+(h) yang mana lebih tinggi (RM)**	**Baki dari Kemudahan Kredit (RM)**	**Mudah Cair yang boleh digunakan (RM)**
(a)	**(b)**	**(c)**	**(d) = (b) – (c)**	**(e)**	**(f) = (e)/3**	**(g)**	**(h)**	**(i)**	**(j)**	**(m) = (i) + (j)**

BORANG 4

ANALISA DATA-DATA PENILAIAN PRESTASI PETENDER

PRESTASI KERJA SEMASA PETENDER				
No.Ruj.Petender :				
Gred Pendaftaran :				
	Kerja 1	Kerja 2	Kerja 3	Kerja 4
Nama Ringkas Kerja Semasa				
No.Kontrak Kerja Semasa				
Harga Kontrak (RM)				
Tarikh Pemilikan Tapak				
Tempoh Kontrak (Hari) (P)				
Tarikh Siap Kontrak (termasuk EOT diluluskan)				
Tarikh Penilaian Kemajuan				
Luputan Tarikh Siap Kontrak (Hari) (D)				
Peratus Kemajuan Sebenar Dicapai (A)(%)				
Peratus Kemajuan Mengikut Jadual (S)(%)				
Prestasi Kerja Semasa (PKS) (A - S (P + D) /P)				
Status Prestasi				
Prestasi Kerja Semasa Terendah (%)		Status Prestasi :		
Semakan Projek Sakit Oleh Pegawai Penilai :		** Formula Perkiraan Nilai Baki Kerja Semasa Dalam Tangan : (100 - % Kerja Sebenar) x Harga Kontrak Kerja		

BORANG 5

JADUAL KEPUTUSAN PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA

TENDER UNTUK :					
Ruj. Petender	**Kesempurnaan Tender** **(Borang 1)**	**Kecukupan Dokumen** **(Borang 2)**	**Modal Minima** **(Borang 3)**	**Prestasi Kerja Semasa** **(Borang 4)**	**Keputusan**

Catatan: _/ = Sempurna / Cukup; X = Tidak Sempurna / Tidak Cukup; T.K.S. = Tiada Kerja Semasa

BORANG 6

SENARAI PETENDER YANG LULUS PENILAIAN PERINGKAT PERTAMA MENGIKUT TURUTAN HARGA TENDER

Bilangan	Ruj.	Ruj. Petender	Harga Tender Asal (RM)

BORANG 7a

ANALISA DATA-DATA PENILAIAN KEUPAYAAN PETENDER
NILAI BAKI KERJA DALAM TANGAN (SERUPA)

NO. RUJUKAN PETENDER :

Bil.	Nama Kontrak Semasa	Nilai Kontrak (RM)	Nilai Wang Kos Prima & Peruntukan Sementara	Nila Kerja Pembina	Peratus Siap (%)	Peratus Belum Siap (%)	Tarikh Jangka Siap Sebenar	Baki Tempoh Penyiapan (Bulan)	Nilai Kerja Yang Telah Disiapkan	Nilai Tahunan Baki Kerja Dalam Tangan (NTBK) (RM)	Nilai Baki Kerja Dalam Tangan (NBK) (RM)
a	b	c	d	e = c - d	f *	g = 100 - f	h	i ** = h - TT +	j = e x f%	++k = e (g-25)/75 x 12/i atau e(g-25)/75 jika (i) < 12 Bulan	l = e - j
	JUMLAH NILAI KERJA YANG TELAH DISIAPKAN bawa ke Butiran 3 Borang 9										
	JUMLAH NILAI TAHUNAN BAKI KERJA (NTBK) bawa ke Butiran 12 Borang 8										
	JUMLAH NILAI BAKI KERJA (NBK) bawa ke Borang 13										

* f = Kemajuan Kerja Sebenar

** i = Baki tempoh penyiapan (dalam 2 titik perpuluhan)

\+ TT = Tarikh Tutup tender

++ Nilai k = 0, jika g = 25 atau kurang

Borang 7b

ANALISA DATA-DATA PENILAIAN KEUPAYAAN PETENDER
NILAI BAKI KERJA DALAM TANGAN (SEBANDING)

NO. RUJUKAN PETENDER :

Bil.	Nama Kontrak Semasa	Nilai Kontrak (RM)	Nilai Wang Kos Prima & Peruntukan Sementara	Nila Kerja Pembina	Peratus Siap (%)	Peratus Belum Siap (%)	Tarikh Jangka Siap Sebenar	Baki Tempoh Penyiapan (Bulan)	Nilai Kerja Yang Telah Disiapkan	Nilai Tahunan Baki Kerja Dalam Tangan (NTBK) (RM)	Nilai Baki Kerja Dalam Tangan (NBK) (RM)
a	b	c	d	e = c - d	f *	g = 100 - f	h	i ** = h - TT +	j = e x f%	++k = e (g-25)/75 x 12/i atau e(g-25)/75 jika (i) < 12 Bulan	l = e - j
	JUMLAH NILAI KERJA YANG TELAH DISIAPKAN bawa ke Butiran 4 Borang 9										
	JUMLAH NILAI TAHUNAN BAKI KERJA (NTBK) bawa ke Butiran 12 Borang 8										
	JUMLAH NILAI BAKI KERJA (NBK) bawa ke Borang 13										

* f = Kemajuan Kerja Sebenar

** i = Baki tempoh penyiapan (dalam 2 titik perpuluhan)

\+ TT = Tarikh Tutup tender

++ Nilai k = 0, jika g = 25 atau kurang

BORANG 9

ANALISA DATA-DATA PENILAIAN KEUPAYAAN PETENDER

KEDUDUKAN KEWANGAN PETENDER					
	NO. RUJ. PETENDER :				
Bil.	Butir-butir				
1.	Modal Pusingan (MP) *				RM
2.	Jumlah Asset (JA) **				RM
3.	Jumlah Liabiliti (JL) **				RM
4.	Nett Worth (NW) = (JA - JL)				RM
5.	Jumlah Baki Nilai Kemudahan Kredit yang telah/akan diperolehi (KK)***				RM
6.	Wang Dalam Tangan Semasa (WDTS)				RM
7.	Harga Tender (T)				RM
8.	Harga Tender mengikut Anggaran Jabatan (AJ)	=	RM		
9.	Nilai Wang Kos Prima (WKP) dan Wang Peruntukan Sementara.(WPS)	=	RM		
10.	Tempoh Siap Penengah (TSP) :	=		Tahun	
11.	Tempoh Penyiapan yang di Tender (TS)	=		Tahun	
12.	Jumlah Nilai Tahunan Baki Kerja Dalam Tangan (NTBK di bawa dari Borang 7)				RM
13.	Nilai Keupayaan Biayawan (KB) +				RM
14.	Nilai Tahunan Projek (NTP) = [(AJ-(WKP+WPS)/TSP]	=	RM		
15.	Peratus Nilai Keupayaan Biayawan berbanding dengan Nilai Tahunan Projek, [(KB) x 100/(NTP)]				

Catatan : (Semua tempoh hendaklah dalam dua titik perpuluhan)

* Modal Pusingan (MP) adalah perbezaan antara Asset Semasa dan Liabiliti Semasa petender seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Imbangan dan dicampur nilai positif perbezaan antara WDTS (Penyata Akaun) dengan WDT (Lembaran Imbangan) {MP= (Aset Semasa - Liabiliti Semasa) + Nilai positif (WDTS - WDT)}

** Nilai ini hendaklah seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Imbangan seperti yang terdapat dalam Akaun Syarikat yang diaudit oleh Juru Audit bertauliah bagi tahun kewangan terakhir atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya.

*** Nilai-nilai ini hendaklah seperti yang dinyatakan dalam Laporan Bank mengenai kedudukan kewangan petender

\+ 1) (KB) = [(10 x MP)+ (5 x (NW -MP))] - [0.5 x NTBK]
2) (KB) = [(10 x MP)+ (9 x KK)] - [0.5 x NTBK]
3) (KB) = [(10 x WDTS) + (9 x KK)] - (0.5 x NTBK)

\+ 'Yang mana lebih tinggi'.

WDT dalam Lembaran Imbangan =

BORANG 9

ANALISA DATA-DATA PENILAIAN KEUPAYAAN TEKNIKAL PETENDER

B. KEUPAYAAN TEKNIKAL

B1. PENGALAMAN KERJA DALAM LIMA (5) TAHUN LEPAS
(termasuk kerja semasa yang telah siap)

NO. RUJ. PETENDER : Anggaran Jabatan (AJ):

Senarai Pengalaman Kerja:	**Pelarasan Nilai Kerja (RM)**
1. Kerja-kerja serupa yang disiapkan (Lampiran 9a) 2. Kerja-kerja sebanding yang disiapkan (Lampiran 9b) 3. Bahagian kerja semasa (serupa) yang telah siap (Borang 7a) 4. Bahagian kerja semasa (sebanding) yang telah siap (Borang 7b)	
Jumlah Keseluruhan Kerja	

B1.1 Keseluruhan Kerja

(i) Jumlah Keseluruhan Kerja = RM
No 16A, Jalan 3, Off Jalan Usahawan 5
Kawasan Perindustrian Setapak
53200 Kuala Lumpur
Tel: 03-4021 0299
E-mel: plwm_kp@pos.com.my
faisal.mohtar@poslaju.com.my

7. POS LAJU AMPANG
No 1 Jalan 8/91
Taman Perindustrian Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03–9202 1627
E-mel: plampang_kp@pos.com.my
khairudin.ismail@poslaju.com.my

SELANGOR

1. POS LAJU SHAH ALAM
No 4 , Jalan Paku 16/6
Seksyen 16
40200 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-55100 700 / 651 / 561
E-mel: poslajusha@poslaju.com.my
KPPoslajuShahAlam@pos.com.my
redza.radzuan@poslaju.com.my

2. POS LAJU PETALING JAYA
2, Jalan 51A/227
Seksyen 51A
46100 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-7960 3206 / 2806
E-mel: KPPoslajuPetalingJaya@poslaju.com.my
poslajupj@poslaju.com.my
ahmad.nazrie@poslaju.com.my

3. POS LAJU KELANA JAYA
Pejabat Pos Kelana Jaya
No. 2, Jalan SS 6/2
47301 Kelana Jaya, Selangor
Tel : 03-7803 0327 / 0209
E-mel: plkj_kp@pos.com.my
plkj_group@pos.com.my
asrul@poslaju.com.my

4. POS LAJU BANDAR BARU BANGI
No. 40, Jalan P10/21
Taman Industri Selaman
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
Tel: 03-8925 5226 / 03-8920 2681
E-mel: KPPoslajuBBBangi@poslaju.com.my
mohd.fahrizal@pos.com.my

5. POS LAJU PUTRAJAYA

2 Jalan P/9A
Seksyen 13
Kawasan Perindustrian Bangi
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
Tel : 03-8920 3617
E-mel: KPPoslaju_putrajaya@poslaju.com.my
poslajuputrajaya@poslaju.com.my
mohd_aizad@poslaju.com.my

6. POS LAJU BALAKONG

No 2 & 3A, Jalan KPB 16
Kawasan Perindustrian Balakong
43300 Seri Kembangan, Selangor
Tel: 03-8964 0581 / 0634
E-mel: KPPoslaju_balakong@poslaju.com.my
plbalakong@poslaju.com.my
najid@poslaju.com.my

7. POS LAJU KLANG

No. 4, Jalan Pelaburan 6/KU6
Kawasan Perindustrian Sungai Puloh
42100 Klang, Selangor
Tel: 03-3290 5092 / 5467
E-mel: KPPoslajuKelang@poslaju.com.my
nordin.isham@poslaju.com.my

8. POS LAJU RAWANG

No.2B-1-13 & 2B-1-13A
Jln Mutiara 3
Mutiara Business Centre
48000 Rawang, Selangor
Tel: 03-6093 4642
E-mel: KPPoslajuRawang@poslaju.com.my
rahman.husain@poslaju.com.my

9. POS LAJU BANTING

No 64 Jalan Emas 2
Bandar Sungai Emas
42700 Banting, Selangor
Tel: 03-3180 3748 / 3749
E-mel: KPPoslajuBanting@poslaju.com.my
azmer.ahmad@poslaju.com.my

10. POS LAJU KUALA SELANGOR

No 50 Jalan Melati 3/1
Bandar Melawati
45000 Kuala Selangor
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-3281 2653
Emel: KPPoslajuKualaSelangor@poslaju.com.my
azim.samanu@pos.com.my

11. POS LAJU SABAK BERNAM
PT 2757, KM 3
Jalan Besar, Teluk Pulai
45200 Sabak Bernam
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-3216 1257
E-mel: plsb_kp@pos.com.my
plsb_admin@pos.com.my
azrin.idris@pos.com.my

12. POS LAJU KOTA DAMANSARA
No. 10 & 12, Jalan TSB 4
Taman Industri Sungai Buloh
47000 Sungai Buloh
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-6140 2391
E-mel: KPPoslajuKotaDsara@poslaju.com.my
saufi@poslaju.com.my

13. POS LAJU PUCHONG
No 1 Jalan TPP 1/7
Taman Industri Puchong
47100 Puchong, Selangor
Tel : 03-8060 1226 / 1725
Emel: KPPoslajuPuchong@poslaju.com.my
asnisham.bakar@poslaju.com.my

MELAKA

1. POS LAJU MELAKA
Jalan Tun Fatimah
Pasir Putih
75350 Bachang
Melaka
Tel :06-336 3561 / 3560
E-mel: KPPoslajuMelaka@poslaju.com.my
anuar.samat@poslaju.com.my

2. POS LAJU ALOR GAJAH
RM57, RM58 & RM59
Jalan Rembia Hub 3
Taman IKS Rembia Hub
78000 Alor Gajah
Melaka
Tel: 06-316 1562
E-mel: pl_alorgajah@poslaju.com.my
zamzilah.ibrahim@poslaju.com.my
plalorgajah_pkkp@poslaju.com.my

NEGERI SEMBILAN

1. POS LAJU SEREMBAN
No. 148
Jalan Bandar Senawang 7
Pusat Bandar Senawang
70450 Seremban, Negeri Sembilan
Tel : 06-678 9500 / 8700
E-mel: KPPoslajuSeremban@poslaju.com.my
sharul.bariah@poslaju.com.my

2. POS LAJU NILAI
162&163, Jalan Nilai Square 2
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
Negeri Sembilan
Tel : 06-7994393 / 06-7999618
E-mel: KPPoslajuNilai@poslaju.com.my
razak.omar@poslaju.com.my

3. POS LAJU BAHAU
No.21, Jalan Masjid
Pusat Perniagaan Bahau
72100 Negeri Sembilan
Tel : 06-454 3182 / 3185 / 3179
E-mel: poslaju.bahau@poslaju.com.my
farahdilla.sharudin@pos.com.my

4. POS LAJU PORT DICKSON
No. 33 & 34 (Ground Floor)
Jalan DS 2/1, Bandar Dataran Segar Batu 3
Jalan Seremban 71010 Port Dickson
Negeri Sembilan
Tel : 06-651 6315
E-mel: poslaju.portdickson@poslaju.com.my
hafiz.hanapiah@poslaju.com.my

JOHOR

1. POS LAJU JOHOR BAHRU
No. 4, Jalan Bakti
Kawasan Perindustrian Larkin
80350 Johor Bahru
Tel :07-235 2143 / 7054
E-mel: KPPoslajuJB@poslaju.com.my
dalini@poslaju.com.my

2. POS LAJU BANDAR DATO' ONN
Lot 6948 & 6949
Jalan Perniagaan Setia 1/7
Taman Perniagaan Setia
81100 Johor Bahru, Johor
Tel: 07-511 3647
E-mel: pldo_kp@pos.com.my
isnin.ismail@poslaju.com.my

3. POS LAJU KLUANG
1439, Jalan Sultanah
86000 Kluang, Johor
Tel: 07-774 5166 / 772 0166
E-mel: KPPoslajuKluang@poslaju.com.my
jasmani@poslaju.com.my

4. POS LAJU BATU PAHAT
No. 69 & 70 Jalan Chengal
Taman Batu Pahat
83000 Batu Pahat, Johor
Tel: 07-432 0171 / 0181
E-mel: KPPoslajuBatuPahat@poslaju.com.my
lokman.annuar@poslaju.com.my

5. POS LAJU MUAR
No 217 Jalan Meriam
84000 Muar, Johor
Tel: 06-953 3135 / 3134
E-mel: KPPoslajuMuar@poslaju.com.my
zahana@poslaju.com.my

6. POS LAJU PASIR GUDANG
No 9, Jalan IHP 1/11 &
No 10, Jalan IHP 1/10
Iskandar Halal Park
81700 Pasir Gudang, Johor Darul Takzim
Tel : 07-262 1236 / 1235
Tel CS: 019-247 7409
E-mel: poslajupgu@poslaju.com.my
maulut@poslaju.com.my

7. POS LAJU SEGAMAT
No. 7 & 8, Tingkat Bawah
Jalan Emas, Taman Batu Hampar
85000 Segamat, Johor
Tel: 07-931 7894
E-mel: poslajusgt@poslaju.com.my
azizan.kamal@poslaju.com.my

8. POS LAJU PEKAN NENAS
No 29 Jalan Industri 9
Taman Perindustrian Pekan Nanas
81500, Pekan Nanas, Johor
Tel: 07-699 1662 / 1666
E-mel: poslaju.jpn@poslaju.com.my
hamidon@poslaju.com.my

9. POS LAJU KOTA TINGGI

PTD 2576 & PTD 2577
Jalan Kemakmuran
Taman Perindustrian Kota Tinggi
81900 Kota Tinggi
Johor Darul Takzim
Tel: 07-8821 953 / 090 / 934
E-mel: poslajukt@poslaju.com.my
rafiei.samad@poslaju.com.my

PAHANG

1. POS LAJU KUANTAN

Lot 2/1831
Jalan Bukit Ubi
25200 Kuantan
Pahang
Tel: 09-516 1809 / 3354
E-mel: KPPoslajuKuantan@poslaju.com.my
wnorzilawati@pos.com.my

2. POS LAJU TEMERLOH

No 1 , 3 & 5
Jalan Bukit Keramat Utama
Taman Bukit Keramat
28400 Mentakab, Pahang
Tel: 09-277 2119 / 161 / 215
E-mel: KPPoslajuTemerloh@poslaju.com.my
rafidah@poslaju.com.my

3. POS LAJU BENTONG

No T IP-2 & TBP-2
Pusat Perniagaan
Ketari Jalan Ketari
28700 Bentong, Pahang
Tel: 09-222 8236 / 37 / 42
E-mel: KPPoslajuBentong@poslaju.com.my
mohd.azizi@poslaju.com.my

4. POS LAJU PEKAN

No, 25 & 26
Lorong Ketapang Mualim 13
Taman Ketapang Mualim
26600 Pekan, Pahang
Tel: 09-422 1645
E-mel: plpekan@poslaju.com.my
noraida@poslaju.com.my

KELANTAN

1. POS LAJU KOTA BHARU
Blok E&F, Pt 4807
Jalan Pengkalan Chepa
Kawasan Perindustrian
Pengkalan Chepa, Kelantan
Tel: 09-7472 853 / 851 / 852
E-mel: KPPoslajuKotaBharu@poslaju.com.my
burhann@pos.com.my

2. POS LAJU MACHANG
Lot No. 601, No. 1
Terminal Bas Ekspres
Jalan Besar Bandar
Machang 18500 Machang
Kelantan Darul Naim
Tel: 09-975 4141 / 7077
E-mel: poslajumchg@poslaju.com.my
fauzi.shafie@poslaju.com.my

3. POS LAJU PASIR MAS
Lot 1369 A & B
Mukim Kasa Daerah
Kubang Gadong
17000 Pasir Mas
Kelantan
Tel: 09-7900 763 / 827
E-mel: plpasirmas@poslaju.com.my
wan.noor.azma@poslaju.com.my

TERENGGANU

1. POS LAJU KUALA TERENGGANU
No. 3043-C
Jalan Sultan Omar
20300 Kuala Terengganu, Terengganu
Tel: 09-631 7845 / 5214
E-mel: KhidmatPelanggan PoslajuKualaTerengganu@poslaju.com.my
zawawi.abdullah@poslaju.com.my

2. POS LAJU CHUKAI
Lot No. PT10715-10716
Taman Chukai
Utama, Fasa 4
24000 Kemaman
Terengganu
Tel: 09-858 9300 / 9211
E-mel: KPPoslajuChukai@poslaju.com.my
farahiyah.nazri@pos.com.my

3. POS LAJU JERTEH
Lot 146, Jalan Pasir
Akar 22000 Jerteh
Terengganu
Tel: 09-690 4232 / 3082 / 4220
E-mel: poslajujerteh@poslaju.com.my
kamarudin.nor@poslaju.com.my

4. POS LAJU DUNGUN
T.P 16968, Jalan Baru Pak
Sabah 23000 Dungun
Terengganu
Tel: 09-844 1953
E-mel: poslajudungun@poslaju.com.my
tgkamarudin@poslaju.com.my

PULAU PINANG

1. POS LAJU PULAU PINANG
245, Lebuh Victoria
10300 Pulau Pinang
Tel: 04-263 6798 / 04-262 4533
E-mel: KPPoslajuPulauPinang@poslaju.com.my
zamrims@pos.com.my

2. POS LAJU BUTTERWORTH
1445, Lorong Perusahaan Maju 4
Kawasan Perusahaan Perai
13600 Perai
Pulau Pinang
Tel: 04-501 2541 / 542
E-mel: KPPoslajuButterworth@poslaju.com.my
puteh.man@poslaju.com.my

3. POS LAJU BUKIT MERTAJAM
PMT 1117, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18
Taman Perindustrian Bukit Minyak
Penang Science Park
14100, Simpang Ampat
Pulau Pinang
Tel: 04-502 2586 / 04-502 3127
E-mel: KPPoslajuBukitMertajam@poslaju.com.my
ibrahim.ashkar@poslaju.com.my

4. POS LAJU BAYAN LEPAS
No. 25 & 27 Jalan Sungai Tiram 7
Mutiara Light Industrial Park
11950 Bayan Lepas
Pulau Pinang
Tel: 04-611 5486 / 9425
E-mel: plblepas_kp@pos.com.my
norizan_ramle@poslaju.com.my

PERLIS

1. POS LAJU KANGAR
No. 10, Rumah Kedai Dua Tingkat
Jalan Sena Indah 3
Taman Sena Indah
01000 Kangar, Perlis
Tel: 04-976 1418 / 977 1555
E-mel: KPPoslajuKangar@poslaju.com.my
embun@poslaju.com.my

KEDAH

1. POS LAJU ALOR SETAR
Pos Malaysia Berhad
Jalan Stadium
05670 Alor Star, Kedah
Tel: 04-730 5675 / 732 3689
E-mel: KPPoslajuAlorSetar@poslaju.com.my
mohd.fikri@poslaju.com.my

2. POS LAJU SUNGAI PETANI
Lot A148 Jalan 3
Kawasan Perusahaan Sg Lalang
08000, Sg Petani
Kedah Darulaman
Tel: 04-441 0751 / 57
E-mel: KPPoslajuSg.Petani@poslaju.com.my
munirah.lan@poslaju.com.my

3. POS LAJU KULIM
No. 206 & 207
Taman Seluang
Kelang Lama
09000 Kulim, Kedah
Tel: 04-490 6553 / 6554
E-mel: KPPoslajuKulim@poslaju.com.my
azimah.rahim@poslaju.com.my

4. POS LAJU LANGKAWI
No 27 & 28 Taman Sri Belian
Jalan Air Hangat
07000 Langkawi, Kedah
Tel: 04-966 0455
E-mel: pllangkawi.kp@poslaju.com.my
rosalmi@poslaju.com.my

5. POS LAJU JITRA
No 5 Jalan Industri Darulaman 1/2/2
Kawasan Perindustrian Bandar Darulaman
06000 Jitra, Kedah
Tel: 04-917 0386 / 0387
E-mel: pljitra_kp@poslaju.com.my
khaizam.sukri@poslaju.com.my

PERAK

1. POS LAJU IPOH
Bangunan Perniagaan Melayu Negeri Perak
11 Lot PT 138197
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh, Perak
Tel: 05-255 3155 / 254 4370
E-mel: KPPoslajuIpoh@poslaju.com.my
nursalzareena@pos.com.my

2. POS LAJU TAIPING
No.49 dan 51 Ground Floor
Jalan Stesen
34000 Taiping, Perak
Tel: 05-805 7153 / 808 7877
E-mel: KPPoslajuTaiping@poslaju.com.my
salwahana@poslaju.com.my

3. POS LAJU TELUK INTAN
Pejabat Pos Teluk Intan
Jalan Mahkamah
36000 Teluk Intan, Perak
Tel : 05-625 1202 / 1201 / 1200
E-mel: KPPoslajuTelukIntan@poslaju.com.my
latif.mnor@poslaju.com.my

4. POS LAJU SITIAWAN
No. 5 & 6, Tingkat Bawah
Wisma Tian Siang
Jalan Datuk Ahmad Yunus
32000 Sitiawan, Perak
Tel: 05-691 9755
E-mel: KPPoslajuSitiawan@poslaju.com.my
harlizah@poslaju.com.my

5. POS LAJU TAPAH
No 53 & 54, Tingkat Bawah
Jalan Baldwin 2
Pusat Perniagaan Baldwin
35000 Tapah, Perak
Tel: 05-401 1108
E-mel: poslajutph@poslaju.com.my
azahar_isa@poslaju.com.my

6. POS LAJU KUALA KANGSAR
No. 8H & 8I
Jalan Daeng Selili
33000 Kuala Kangsar
Perak
Tel: 05-776 1451 / 1615
E-mel: poslajukkangsar@poslaju.com.my
Zalina_Ibrahim@poslaju.com.my

7. POS LAJU TANJUNG MALIM
No.2A & No.6, Tkt. Bawah
Jalan Tanjung Utama
35900 Tanjung Malim, Perak
Tel : 05-458 2309 / 1140
E-mel: pltgmalim.kp@poslaju.com.my
ibrahim.abdullah@poslaju.com.my

8. POS LAJU PARIT BUNTAR
2 & 4 Persiaran Perwira
Pusat Bandar Baru
34200 Parit Buntar, Perak
Tel : 05-717 1175
E-mel: pl_paritbuntar@poslaju.com.my
mustakim.zahari@poslaju.com.my

SABAH

1. POS LAJU KOTA KINABALU
Jalan Chong Thein Vun
Off Jalan Abdul Razak
88670 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-231 297 / 212 419
E-mel: KPPoslajuKotaKinabalu@poslaju.com.my
jinam.amit@poslaju.com.my

2. POS LAJU SANDAKAN
Jalan Leila
90000 Sandakan,Sabah
Tel: 089-210 594 / 016-812 0175
E-mel: KPPoslajuSandakan@poslaju.com.my
sharif_omar@poslaju.com.my

3. POS LAJU TAWAU
Pos Malaysia Berhad
Jalan Tun Hamdan
91000 Tawau, Sabah
Tel: 089-772 414
E-mel: asniyah@poslaju.com.my
poslajutwu@poslaju.com.my
KPPoslajuTawau@poslaju.com.my

4. POS LAJU LAHAD DATU
Jln Teratai
91100 Lahad Datu, Sabah
Tel : 089-880 652 / 089-680 735
E-mel: poslajuldu@poslaju.com.my
noryati.salleh@poslaju.com.my

5. POS LAJU KENINGAU
Lot No. 2 & No. 3, Block F
Ground Floor, Keningau Plaza
Keningau 89008 Keningau, Sabah
Tel: 087-342 415 / 416
E-mel: poslaju.keningau@poslaju.com.my
anthony.clement@poslaju.com.my

SARAWAK

1. POS LAJU KUCHING
Lot 619, Blok 16 KCLD
Jalan Song
93350 Kuching, Sarawak
Tel: 082-461 612 / 100
E-mel: KPPoslajuKuching@poslaju.com.my
hamidi.ismail@poslaju.com.my

2. POS LAJU KUCHING UTARA
Lot 9165, 9166, 9167, 9168
Seksyen 65 KTLD
4th Mile Matang Road
93050 Kuching, Sarawak
Tel : 082–544 391 / 536 758
E-mel: plkutara_admin@pos.com.my
bahtiar@poslaju.com.my

3. POS LAJU BINTULU
KM 1 , Jalan Tun Razak
97000 Bintulu, Sarawak
Tel: 086-339 450 / 311 228
E-mel: KPPoslajuBintulu@poslaju.com.my
benya@poslaju.com.my

4. POS LAJU SIBU
Lot 234A
Jalan Tun Abang Haji Openg
96000 Sibu, Sarawak
Tel: 084-345 998 / 332 198
E-mel: KPPoslajuSibu@poslaju.com.my
betram.tomik@pos.com.my

5. POS LAJU SARIKEI
No. 83A & 83B
Jalan Masjid Lama
96100 Sarikei
Sarawak
Tel: 084-656 122
E-mel: KPPoslajuSarikei@poslaju.com.my
poslajusrk@poslaju.com.my
plsarikei_ra@poslaju.com.my
fariza.affandi@pos.com.my

6. POS LAJU MIRI
Lot 1713 & 1714, Blok 17
Jalan Miri By-Pass, Kuala Baram
98000 Miri, Sarawak
Tel : 085-422 388
E-mel: KPPoslajuMiri@poslaju.com.my
marzuki.morshidi@poslaju.com.my

7. POS LAJU SRI AMAN
D/A Pos Malaysia Sri Aman
Jalan Durian
95000 Sri Aman, Sarawak
Tel: 083-326 100 / 323 362
E-mel: KPPoslajuSriAman@poslaju.com.my
emmy.seli@pos.com.my

8. POS LAJU LIMBANG
D/A Pos Malaysia Limbang
Jalan Buang Siol
98700 Limbang, Sarawak
Tel: 085-212 039 / 030
E-mel: KPPoslajuLimbang@poslaju.com.my
noorlida.daud@poslaju.com.my

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

1. POS LAJU LABUAN
Lot 3 Lazenda Warehouse Phase II
Jalan Patau-Patau
87000 Wilayah Persekutuan Labuan
Tel : 087-412 349
E-mel: KPPoslajuLabuan@poslaju.com.my
salina@poslaju.com.my

Lampiran 2

KONTRAK PUSAT MEMBUAT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENYERAH SAMPUL SURAT KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

1. LATAR BELAKANG

1.1 Kementerian Kewangan telah bersetuju agar perolehan pembekalan sampul surat dilaksanakan secara Kontrak Pusat untuk tempoh **tiga (3) tahun mulai 1 Julai 2024 hingga 30 Jun 2027**. Agensi Kerajaan (Agensi) hendaklah memperoleh item berkenaan hanya di kalangan syarikat pembekal Kontrak Pusat (Kontraktor) yang telah dilantik sahaja.

2. MAKLUMAT SYARIKAT PEMBEKAL KONTRAK PUSAT (KONTRAKTOR)

2.1 Maklumat Kontraktor bagi Kontrak Pusat Sampul Surat adalah seperti di **Lampiran A**. Kerajaan berhak untuk menambah atau sebaliknya bilangan Kontraktor daripada semasa ke semasa mengikut prestasi syarikat pembekal.

3. AGENSI PENGGUNA

3.1 Agensi pengguna terdiri daripada Kementerian, Jabatan Kerajaan (Persekutuan dan Negeri), Badan Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia sahaja tidak termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

4. HARGA KONTRAK DAN SPESIFIKASI SAMPUL SURAT

4.1 Kadar harga dan spesifikasi item bagi Kontrak Pusat Sampul Surat adalah seperti di **Lampiran B**.

4.2 Harga di bawah kontrak pusat ini adalah harga bersih termasuk kos pembungkusan, kos pengangkutan, bayaran buruh bagi penghantaran/pengiriman ke tempat-tempat penghantaran.

4.3 Harga adalah dalam Ringgit Malaysia tidak termasuk semua jenis cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia. Manakala, Fi ePerolehan sebanyak 0.4% adalah termasuk dalam kadar harga sebagaimana penguatkuasaannya ke atas pelaksanaan perolehan semasa.

4.4 Pelaksanaan Cukai Jualan/Cukai Perkhidmatan di bawah kontrak pusat ini adalah berdasarkan peraturan semasa yang berkuat kuasa berkaitan pelaksanaan Cukai Jualan/Cukai Perkhidmatan.

5. ANGGARAN KEPERLUAN

5.1 Agensi dikehendaki membuat perancangan perolehan tahunan berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan serta mengemukakan anggaran keperluan dan jangka masa pembekalan yang diperlukan kepada Kontraktor yang dipilih untuk membolehkan pihak Kontraktor membuat perancangan pembekalan. Satu salinan jadual perancangan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti di **Lampiran C**.

6. PESANAN

6.1 Agensi boleh membuat pembelian dengan mana-mana Kontraktor yang dinyatakan di **Lampiran A** yang dikenal pasti boleh menawarkan bekalan berkualiti serta perkhidmatan yang cekap dan memuaskan.

6.2 Semua pesanan hendaklah dibuat terus secara rasmi kepada Kontraktor dengan menggunakan Borang Pesanan Tempatan/Pesanan Kerajaan melalui Sistem ePerolehan. Pesanan yang dibuat hendaklah merangkumi nombor kontrak, jenis, saiz sampul surat dan kuantiti keperluan.

6.3 Kontraktor tidak boleh menerima pesanan sampul surat yang tidak terdapat dalam **Lampiran B**. Pesanan akhir oleh Agensi kepada Kontraktor hendaklah dibuat sebelum tarikh Kontrak Pusat ini tamat.

6.4 Kuantiti pesanan bagi setiap penghantaran hendaklah bersesuaian dan munasabah. Keperluan yang terlalu besar hendaklah dipecah-pecahkan kepada beberapa pesanan dan tempoh masa penghantaran pula hendaklah dijarakkan mengikut jangka masa yang munasabah untuk membolehkan Kontraktor menguruskan bekalan mengikut setiap pesanan berkenaan.

6.5 Apabila membuat pesanan, Agensi hendaklah memberi alamat yang lengkap dan nama pegawai yang menguruskan bekalan serta nombor telefon, nombor faks dan e-mel supaya pembekalan dapat disempurnakan dengan teratur dan tepat di tempat yang dikehendaki.

6.6 Agensi dinasihatkan untuk mengemukakan salinan pesanan kepada Kontraktor pada tarikh ia ditandatangani bagi memastikan pembekalan dapat disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan.

7. PESANAN MINIMUM

7.1 Jumlah nilai minimum bagi setiap pesanan untuk satu lokasi/destinasi hendaklah tidak kurang dari RM500.00. Walau bagaimanapun, sekiranya Kontraktor bersetuju untuk membuat pembekalan yang kurang daripada nilai tersebut, Agensi boleh meneruskan pesanan dengan Kontraktor.

7.2 Agensi juga dibenarkan melaksanakan perolehan di luar Kontrak Pusat ini bagi mana-mana kombinasi item yang disenaraikan di **Lampiran B** dengan mana-mana pembekal Bumiputera atau bukan Bumiputera sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan di kawasan/daerah yang berkenaan secara pembelian terus dengan syarat nilai perolehan tersebut tidak melebihi RM500.00 setahun. Kelonggaran ini diberi untuk memudahkan Agensi yang jumlah keperluan tahunannya kurang daripada had minimum seperti mana yang ditetapkan di perenggan 7.1. Walau bagaimanapun, Agensi tidak dibenarkan memecah kecil pesanan dengan tujuan untuk membolehkan pembelian luar kontrak dilaksanakan.

7.3 Sebarang pengecualian hendaklah dipohon oleh Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan bagi mendapatkan pertimbangan Perbendaharaan Malaysia melalui sistem electronic Goverment Procurement Application (eGPA) atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut yang mana berkenaan.

8. TEMPOH PENYERAHAN

8.1 Tempoh penyerahan bekalan adalah dalam masa enam (6) minggu daripada tarikh pesanan rasmi dikeluarkan. Sekiranya perlu, Agensi dibenarkan untuk membuat pelanjutan kepada tempoh penyerahan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(i) Pelanjutan ini dibuat dengan persetujuan bertulis Pegawai Pengawal atau pegawai yang diturunkan kuasa dengan Kontraktor. Salinan persetujuan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan; dan

(ii) Agensi berkenaan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perubahan ini.

8.2 Bekalan yang diserahkan oleh Kontraktor pada masa dan tarikh yang ditetapkan di dalam Borang Pesanan tidak boleh ditolak tanpa arahan bertulis pegawai yang membuat pesanan. Jika penolakan dibuat secara *ad-hoc* tanpa memaklumkan Kontraktor terlebih dahulu, tindakan boleh diambil terhadap pegawai berkenaan seperti menanggung segala tuntutan ganti

rugi daripada Kontraktor berkenaan sekiranya ada.

9. HAK AGENSI JIKA BEKALAN TIDAK MENGIKUT KONTRAK

9.1 Sekiranya Kontraktor lewat membuat penyerahan sampul surat mengikut tempoh masa yang ditetapkan di perenggan 8, Agensi boleh:

(i) Menerima sampul surat tersebut dan menuntut daripada Kontraktor denda seperti formula berikut:

$$\frac{(V \times D) \times (BLR + 1\%)}{365}$$

V: Nilai Pesanan;
D: Bilangan hari lewat; dan
BLR: 'Base Lending Rate' yang dikeluarkan oleh mana-mana bank perdagangan.

atau;

(ii) Membatalkan pesanan sampul surat dan membeli sampul surat tersebut daripada punca lain. Dalam hal sedemikian, jika kos pembelian sampul surat daripada punca lain melebihi harga kontrak, Kontraktor hendaklah membayar amaun yang lebih itu; dan

(iii) Agensi hendaklah melaporkan serta merta kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan dengan menyertakan salinan Pesanan Tempatan dan invois/bil yang terlibat.

9.2 Sekiranya sampul surat yang dibekalkan tidak mengikut kontrak (tidak mengikut spesifikasi, rosak atau bukan keluaran semasa/baharu), Agensi boleh:

(i) Menolak sampul surat tersebut dan meminta Kontraktor menggantikan dengan sampul surat yang baharu dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh permintaan bertulis dibuat. Jika Kontraktor gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan, Agensi boleh membeli sampul surat yang dikehendaki dengan pihak ketiga (luar kontrak). Jika kos pembelian dengan pihak ketiga melebihi daripada harga kontrak yang ditetapkan, maka Kontraktor dikehendaki membayar amaun yang lebih itu; atau

(ii) Sekiranya Agensi tidak menolak sampul surat yang rosak/tidak menepati spesifikasi disebabkan ia telah dipakai/digunakan sebelum diketahui rosak/tidak menepati spesifikasi, maka Agensi bolehlah membuat tuntutan untuk mendapatkan ganti rugi daripada pihak Kontraktor yang bernilai sama banyak dengan sampul surat yang rosak/tidak menepati spesifikasi tersebut; atau

(iii) Jika selepas sampul surat diserahkan, Agensi mendapati bahawa sampul surat tersebut bukan keluaran semasa atau keluaran baharu, maka Agensi boleh menolak sampul tersebut dan Kontraktor dikehendaki untuk membayar kepada Agensi ganti rugi yang bernilai sama banyak dengan nilai sampul tersebut.

10. PEMERIKSAAN SEMASA MENERIMA BEKALAN

10.1 Agensi hendaklah memeriksa bekalan yang diterima untuk memastikan bahawa jenis, saiz dan jumlah sampul surat yang dibekalkan itu adalah sama seperti yang dipesan. Jika terdapat kerosakan atau kekurangan, Kontraktor hendaklah diminta mengganti jumlah yang rosak atau kurang itu dalam tempoh empat belas (14) hari tanpa sebarang tambahan kos.

10.2 Jika ada sebarang keraguan tentang kualiti, pihak Agensi boleh berhubung dengan pihak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) atau makmal-makmal yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi menentukan kesahihan kualiti sampul surat yang dibekalkan berbanding dengan spesifikasi yang telah ditetapkan mengikut kontrak. Segala perbelanjaan ke atas ujian sampul surat oleh mana-mana Agensi yang terlibat akan ditanggung oleh Kontraktor jika ia melanggar terma dan syarat kontrak.

10.3 Penolakan bagi sampul surat yang tidak mengikut spesifikasi hendaklah dibuat secara bertulis dan disalinkan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

11. TEMPOH JAMINAN SAMPUL SURAT

11.1 Jaminan hanya diberikan kepada pelekat sampul surat dan tempoh jaminan tersebut adalah enam (6) bulan daripada tarikh sampul surat diterima. Jaminan ini adalah bagi kegunaan biasa. Sekiranya dalam tempoh tersebut pelekat sampul surat tidak boleh digunakan lagi disebabkan oleh kualiti sampul surat itu sendiri dan bukan akibat kecuaian pengguna, Kontraktor hendaklah diminta menggantikannya dengan percuma.

12. PEMBAYARAN BIL

12.1 Pembayaran bil-bil yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah dibuat mengikut tatacara kewangan semasa yang ditetapkan dan masih berkuat kuasa. Bagi pesanan yang telah disempurnakan oleh Kontraktor, bil mengenainya hendaklah dijelaskan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bil itu diterima.

12.2 Walau apa pun peraturan penerimaan yang diamalkan oleh sesuatu Agensi, pengesahan penerimaan bekalan mestilah dibuat dengan segera pada hari bekalan disempurnakan untuk membolehkan Kontraktor mengemukakan bil pembayaran dengan segera. Dalam kes di mana sampul surat perlu dihantar untuk ujian spesifikasi, Agensi tidak perlu menunggu laporan ujian jabatan penguji untuk membuat bayaran.

13. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

13.1 Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan Agensi di bawah kawalannya mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan dalam menguruskan perolehan sampul surat. Agensi tidak dibenarkan memperoleh bekalan daripada punca lain tanpa kebenaran daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan terlebih dahulu atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan kecuali atas sebab yang dinyatakan di perenggan 9.1 dan perenggan 9.2.

13.2 Spesifikasi teknikal di dalam kontrak ini adalah spesifikasi guna sama pelbagai Agensi. Sekiranya spesifikasi itu tidak sesuai dengan keperluan Agensi, Agensi hendaklah mengemukakan spesifikasi yang diperlukan dengan menyatakan justifikasi perbezaan keperluan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

14. HAL-HAL LAIN

14.1 Agensi hendaklah memastikan perkara-perkara berikut:

(i) Spesifikasi item ditetapkan sebelum pesanan dibuat kepada Kontraktor yang dipilih;

(ii) Sampul surat yang dibekalkan memenuhi keperluan spesifikasi dan kualiti; dan

(iii) Kontraktor tidak dibenarkan mensubkan pembuatan sampul surat kepada pihak lain selain daripada pembekal Kontrak Pusat Sampul Surat yang dilantik oleh Kementerian Kewangan.

14.2 Agensi hendaklah memantau dan melaporkan sebarang aduan dengan serta-merta (jika ada), atau tidak lewat daripada tiga (3) bulan selepas tarikh Kontrak Pusat tamat ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan sekiranya mendapati Kontraktor tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kementerian Kewangan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang masalah yang berbangkit akibat kegagalan Agensi mematuhi arahan ini. Semua aduan hendaklah menggunakan **Lampiran D** yang disertakan. Kementerian Kewangan boleh menggugurkan atau menarik balik pelantikan Kontraktor daripada Kontrak Pusat sekiranya gagal mematuhi perkara yang ditetapkan di perenggan 14.1 (iii).

14.3 Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi Kontraktor yang kurang memuaskan, jika ada, dalam kadar segera atau selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh berlakunya perkara yang diadukan melalui borang aduan seperti di **Lampiran D** ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti di alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Perolehan Kerajaan
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
(u.p.: Ketua Seksyen Kontrak Pusat & Sistem Panel)

14.4 Sebarang pertanyaan mengenai kontrak ini boleh diajukan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui e-mel ke alamat **kontrakpusat@treasury.gov.my**.

LAMPIRAN A

SENARAI KONTRAKTOR DI BAWAH KONTRAK PUSAT MEMBUAT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENYERAH SAMPUL SURAT KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Bil.	Nama Syarikat/ No. Kontrak	Alamat/ No. Telefon/ No. Faks	Perincian Bank
1.	Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia, Cawangan Batu Pahat, Johor (PERB/PK/01/2024)	Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia Cawangan Batu Pahat, Johor KM 7, Batu 4, Jalan Kluang 83000 Batu Pahat Johor No. Tel: 07-431 2915 No. Faks: 07-431 2915 E-mel: mpksmcbp@yahoo.com	OCBC Bank Malaysia Berhad Cawangan Batu Pahat 108-2, Jalan Rahmat 83000 Batu Pahat Johor No. Akaun Bank: 7121032008
2.	Persatuan Pemulihan Orang Kurang Upaya Negeri Sembilan (PERB/PK/02/2024)	Persatuan Pemulihan Orang Kurang Upaya Negeri Sembilan (Bengkel Seri Sembilan) Batu 8, Mambau 70300 Seremban Negeri Sembilan No. Tel: 06-631 4232 No. Faks: 06-632 4153 E-mel: ppocns_bss@yahoo.com	CIMB Bank Berhad No. 1A, Wisma Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan, Jalan Dato' Bandar Tunggal 70000 Seremban Negeri Sembilan No. Akaun Bank: 8004413730

Bil.	Nama Syarikat/ No. Kontrak	Alamat/ No. Telefon/ No. Faks	Perincian Bank
3.	Persatuan Pemulihan Orang Cacat Perak (PERB/PK/03/2024)	Persatuan Pemulihan Orang Cacat Perak No. 17A, Jalan Ampang Baru 6A Ampang Baru, Kinta 31350 Ipoh (U) Perak No. Tel: 05-311 1509/5509 No. Faks: 05-313 1435 E-mel:ppocperak@yahoo.com	RHB Islamic Bank Bhd No. 57 & 59, Medan Gopeng 1 Jalan Gopeng, Gunung Rapat 31350 Ipoh Perak No. Akaun Bank: 25809310500044
4.	Majlis Pemulihan Negeri Kelantan (PERB/PK/04/2024)	Majlis Pemulihan Negeri Kelantan Wisma Insaniyah Tengku Anis Jalan Bayam 15200 Kota Bharu Kelantan No. Tel: 09-748 1715 No. Faks: - E-mel: mpnk72@gmail.com	Affin Islamic Bank Berhad Seksyen 13, Jalan Sultan Ibrahim 15050 Kota Bharu Kelantan No. Akaun Bank: 105180012237
5.	Persatuan Orang Kurang Upaya Negeri Pahang (PERB/PK/03/2025)	Bengkel Sampul Surat (PPOC) Sungai Lembing Sungai Lembing, Kuantan 26200 Kuantan Pahang No. Tel: 019-3720027 No. Faks: - E-mel: pokupahang@gmail.com	United Overseas Bank No 2, Jalan Besar 25000 Kuantan Pahang No. Akaun Bank: 2113010713

LAMPIRAN B

SENARAI SPESIFIKASI DAN KADAR HARGA BAGI KONTRAK PUSAT MEMBUAT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENYERAH SAMPUL SURAT KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

A. SAMPUL SURAT JENIS BIASA							
BIL.	**SAIZ SAMPUL**	**JENIS SAMPUL**	**WARNA**	**BERAT ASAS (GSM)**	**JENIS KERTAS**	**HARGA BERSIH 500 KEPING**	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	**HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)**
Sampul Umum (Dengan Cetakan 'Urusan Seri Paduka Baginda')							
1	C6(114 x 162mm)	Wallet	Putih	100	Woodfree	45.23	39.93
2	C6(114 x 162mm) - Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	50.37	42.83
3	DL(110 x 220mm)	Wallet	Putih	100	Woodfree	61.48	52.27
4	DL(110 x 220mm) - Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	69.07	56.63
5	4 ½" x 9 ½"	Saku	Putih	100	Woodfree	65.78	58.08
6	4 ½" x 9 ½" - Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	68.31	58.08
7	C5(165 x 229mm)	Wallet	Putih	100	Woodfree	74.28	63.16
8	C5(165 x 229mm) - Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	84.12	68.97

A. SAMPUL SURAT JENIS BIASA							
BIL.	SAIZ SAMPUL	JENIS SAMPUL	WARNA	BERAT ASAS (GSM)	JENIS KERTAS	HARGA BERSIH 500 KEPING	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)
Sampul Umum (Dengan Cetakan 'Urusan Seri Paduka Baginda')							
9	C4(229 x 324mm)	Saku	Putih	100	Woodfree	149.58	128.27
10	C4(229 x 324mm) - Bertingkap	Saku	Putih	100	Woodfree	180.00	175.00
11	X2(279 x 406mm)	Saku	Putih	100	Woodfree	195.60	180.64
12	C4(229 x 324mm)	Saku	Coklat	150	Kraft	266.40	215.62
13	X2(279 x 406mm)	Saku	Coklat	150	Kraft	346.17	280.17
14	140 mm x 196 mm	Wallet	Putih	100	Woodfree	142.31	122.52
15	5" x 7"	Wallet	Putih	100	Woodfree	148.01	127.41
16	3 1/2" x 6" - Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	39.85	34.31
17	4" x 6"	Wallet	Putih	100	Woodfree	56.93	49.01
18	6" x 6"	Wallet	Putih	100	Woodfree	68.31	58.81
19	6" x 9" (152 x 229 mm)	Wallet	Putih	100	Woodfree	87.66	75.47

A. SAMPUL SURAT JENIS BIASA							
BIL.	SAIZ SAMPUL	JENIS SAMPUL	WARNA	BERAT ASAS (GSM)	JENIS KERTAS	HARGA BERSIH 500 KEPING	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)
Sampul Umum (Dengan Cetakan 'Urusan Seri Paduka Baginda')							
20	7" x 10"	Wallet	Putih	100	Woodfree	91.08	78.41
21	8" x 11"	Wallet	Putih	100	Woodfree	193.55	166.62
22	9" x 14"	Wallet	Putih	100	Woodfree	182.16	156.82
23	250 mm x 330 mm	Kraft	Coklat	120	-	455.40	392.04
24	10" x 12"	Wallet	Putih	100	Woodfree	204.93	176.42
25	10" x 13"	Wallet	Putih	150	Woodfree	210.62	181.32
26	10" x 15"	Wallet	Putih	100	Woodfree	216.32	186.22
27	12" x 18"	Wallet	Putih	100	Woodfree	364.32	313.63
28	14 1/2" x 17 1/2"	Wallet	Putih	100	Woodfree	455.40	392.04
29	241 x 125mm - Opex/ Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	74.00	63.71
30	110 x 220 mm	Wallet	Coklat	100	Woodfree	74.00	63.71

A. SAMPUL SURAT JENIS BIASA							
BIL.	**SAIZ SAMPUL**	**JENIS SAMPUL**	**WARNA**	**BERAT ASAS (GSM)**	**JENIS KERTAS**	**HARGA BERSIH 500 KEPING**	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	**HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)**
Sampul Umum (Dengan Cetakan 'Urusan Seri Paduka Baginda')							
31	228 mm x 164 mm - Opex/ Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	96.77	83.31
32	10" x 12"	Saku/ Wallet	Putih	100	Woodfree	261.86	225.42
33	10" x 13"	Saku/ Wallet	Coklat	120	Woodfree	284.63	245.03
34	10" x 15"	Saku	Coklat	100	Woodfree	284.63	245.03
35	13" x 15"	Saku	Coklat	100	Woodfree	364.32	313.63
36	4" x 9"	Saku	Putih	100	Woodfree	62.62	53.91
37	4" x 9" - Bertingkap	Saku	Putih	100	Woodfree	68.31	58.81

A. SAMPUL SURAT JENIS BIASA							
BIL.	**SAIZ SAMPUL**	**JENIS SAMPUL**	**WARNA**	**BERAT ASAS (GSM)**	**JENIS KERTAS**	**HARGA BERSIH 500 KEPING**	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	**HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)**
Sampul Umum (Dengan Alamat/Logo Jabatan)							
38	C6(114 x 162mm)	Wallet	Putih	100	Woodfree	55.10	48.64
39	C6(114 x 162mm) - Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	62.33	53.00
40	DL(110 x 220mm)	Wallet	Putih	100	Woodfree	64.89	55.18
41	DL(110 x 220mm) - Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	78.81	64.61
42	4 ½" x 9 ½"	Saku	Putih	100	Woodfree	75.65	66.79
43	4 ½" x 9 ½" - Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	78.56	66.79
44	C5(165 x 229mm)	Wallet	Putih	100	Woodfree	81.11	68.97
45	C5(165 x 229mm) - Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	91.21	74.78
46	C4(229 x 324mm)	Saku	Putih	100	Woodfree	167.79	143.89
47	C4(229 x 324mm) - Bertingkap	Saku	Putih	100	Woodfree	195.00	185.00

A. SAMPUL SURAT JENIS BIASA							
BIL.	**SAIZ SAMPUL**	**JENIS SAMPUL**	**WARNA**	**BERAT ASAS (GSM)**	**JENIS KERTAS**	**HARGA BERSIH 500 KEPING**	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	**HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)**
Sampul Umum (Dengan Alamat/Logo Jabatan)							
48	X2(279 x 406mm)	Saku	Putih	100	Woodfree	232.99	215.18
49	C4(229 x 324mm)	Saku	Coklat	150	Kraft	266.40	215.62
50	X2(279 x 406mm)	Saku	Coklat	150	Kraft	346.17	280.17
51	140 mm x 196 mm	Wallet	Putih	100	Woodfree	153.70	132.32
52	5" x 7"	Wallet	Putih	100	Woodfree	165.08	147.02
53	3 1/2" x 6" - Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	51.23	44.11
54	4" x 6"	Wallet	Putih	100	Woodfree	68.31	58.81
55	6" x 6"	Wallet	Putih	100	Woodfree	79.70	68.61
56	6" x 9" (152 x 229 mm)	Wallet	Putih	100	Woodfree	100.19	86.25
57	7" x 10"	Wallet	Putih	100	Woodfree	108.16	93.12

A. SAMPUL SURAT JENIS BIASA							
BIL.	**SAIZ SAMPUL**	**JENIS SAMPUL**	**WARNA**	**BERAT ASAS (GSM)**	**JENIS KERTAS**	**HARGA BERSIH 500 KEPING**	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	**HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)**
Sampul Umum (Dengan Alamat/Logo Jabatan)							
58	8" x 11"	Wallet	Putih	100	Woodfree	204.93	176.42
59	9" x 14"	Wallet	Putih	100	Woodfree	193.55	166.62
60	250 mm x 330 mm	Kraft	Coklat	120	-	512.33	441.05
61	10" x 12"	Wallet	Putih	100	Woodfree	216.32	196.02
62	10" x 13"	Wallet	Putih	150	Woodfree	222.01	191.13
63	10" x 15"	Wallet	Putih	100	Woodfree	233.39	200.93
64	12" x 18"	Wallet	Putih	100	Woodfree	375.71	323.43
65	14 1/2" x 17 1/2"	Wallet	Putih	100	Woodfree	466.79	401.84
66	241 x 125mm - Opex/ Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	79.70	68.61
67	110 x 220 mm	Wallet	Coklat	100	Woodfree	85.39	73.51

A. SAMPUL SURAT JENIS BIASA							
BIL.	**SAIZ SAMPUL**	**JENIS SAMPUL**	**WARNA**	**BERAT ASAS (GSM)**	**JENIS KERTAS**	**HARGA BERSIH 500 KEPING**	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	**HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)**
Sampul Umum (Dengan Alamat/Logo Jabatan)							
68	228 mm x 164 mm - Opex/ Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	108.16	93.12
69	10" x 12"	Saku/ Wallet	Putih	100	Woodfree	273.24	235.22
70	10" x 13"	Saku/ Wallet	Coklat	120	Woodfree	296.01	254.83
71	10" x 15"	Saku	Coklat	100	Woodfree	296.01	254.83
72	13" x 15"	Saku	Coklat	100	Woodfree	375.71	323.43
73	4" x 9"	Saku	Putih	100	Woodfree	74.00	63.71
74	4" x 9" - Bertingkap	Saku	Putih	100	Woodfree	85.39	73.51

B. SAMPUL SURAT JENIS *EXPANDABLE*							
BIL.	**SAIZ SAMPUL**	**JENIS SAMPUL**	**WARNA**	**BERAT ASAS (GSM)**	**JENIS KERTAS**	**HARGA BERSIH SEKEPING**	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	**HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)**
75	Sampul 12.5” P x 9” T x 3.3” L	Expandable/ Peel & Seal	Coklat	150	Sack Kraft	4.28	4.20
76	Sampul 18” P X 11” T x 6” L	Expandable/ Peel & Seal	Coklat	150	Sack Kraft	4.49	4.41
77	Sampul 380 x 235 x 40 mm	Expandable	Coklat	150	Sack Kraft	2.23	2.18
78	Sampul 405 x 280 x 62 mm	Expandable	Kuning	150	Sack Kraft	3.47	3.40
79	Sampul 405 x 280 x 62 mm	Expandable	Merah	150	Sack Kraft	3.47	3.40
80	Sampul 405 x 280 x 62 mm	Expandable	Hijau	150	Sack Kraft	3.47	3.40
81	Sampul 405 x 280 x 62 mm	Expandable	Biru	150	Sack Kraft	3.47	3.40
82	Sampul 675 x 285 mm	Kertas Pembalut	Coklat	150	Sack Kraft	0.75	0.73
83	Sampul 710 x 456 mm	Kertas Pembalut	Coklat	150	Sack Kraft	0.49	0.48

B. SAMPUL SURAT JENIS *EXPANDABLE*							
BIL.	**SAIZ SAMPUL**	**JENIS SAMPUL**	**WARNA**	**BERAT ASAS (GSM)**	**JENIS KERTAS**	**HARGA BERSIH SEKEPING**	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	**HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)**
84	Sampul 255 x 330 mm	Kertas Pembalut	Coklat	150	Sack Kraft	0.74	0.72
Sampul Umum (Dengan Cetakan 'Urusan Seri Paduka Baginda')							
85	Sampul 12.5" P x 9" T x 3.3"L	Expandable/ Peel & Seal	Putih	150	Sack Kraft	6.76	6.63
86	Sampul 18" P x 11" T x 6"L	Expandable/ Peel & Seal	Putih	150	Sack Kraft	8.84	8.67
87	Sampul 14.5" P x " T x 1.5"L	Expandable/ Peel & Seal	Putih	150	Sack Kraft	4.68	4.59
88	Sampul 16" P x 12" T x 2"L	Expandable/ Peel & Seal	Putih	150	Sack Kraft	6.76	6.63
89	Sampul 14.5" P x " T x 1.5"L	Expandable/ Peel & Seal	Coklat	150	Sack Kraft	5.72	5.61
90	Sampul 16" P x 12" T x 2"L Kalis Air	Expandable/ Peel & Seal	Coklat	150	Sack Kraft	5.72	5.61
Sampul Umum (Dengan Alamat/Logo Jabatan)							
91	Sampul 12.5" P x 9" T x 3.3"L	Expandable/ Peel & Seal	Putih	150	Sack Kraft	7.28	7.14

B. SAMPUL SURAT JENIS *EXPANDABLE*							
BIL.	**SAIZ SAMPUL**	**JENIS SAMPUL**	**WARNA**	**BERAT ASAS (GSM)**	**JENIS KERTAS**	**HARGA BERSIH SEKEPING**	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	**HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)**
92	Sampul 18" P x 11" T x 6"L	Expandable/ Peel & Seal	Putih	150	Sack Kraft	9.36	9.18
93	Sampul 14.5" P x " T x 1.5"L	Expandable/ Peel & Seal	Putih	150	Sack Kraft	5.20	5.10
94	Sampul 16" P x 12" T x 2"L	Expandable/ Peel & Seal	Putih	150	Sack Kraft	7.28	7.14
95	Sampul 14.5" P x " T x 1.5"L	Expandable/ Peel & Seal	Coklat	150	Sack Kraft	6.76	6.63
96	Sampul 16" P x 12" T x 2"L Kalis Air	Expandable/ Peel & Seal	Coklat	150	Sack Kraft	6.76	6.63

C. SAMPUL SURAT JENIS BERTAPAK KERTAS PVC/TYVEK TIDAK MUDAH KOYAK							
BIL.	SAIZ SAMPUL	JENIS SAMPUL	WARNA	BERAT ASAS (GSM)	JENIS KERTAS	HARGA BERSIH SEKEPING	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)
97	Sampul 280mm P x 380mm T x 145mm L	Foldable/ Peel & Seal	Putih	108	TYVEK/PVC	13.67	13.41
98	Sampul 225mm P x 395mm T x 73mm L	Foldable/ Peel & Seal	Putih	108	TYVEK/PVC	11.41	11.20
99	Sampul 185mm P x 265mm T x 37.5mm L	Foldable/ Peel & Seal	Putih	108	TYVEK/PVC	9.70	9.52
100	Sampul 324mm P x 240mm T	Peel & Seal	Putih	108	TYVEK/PVC	6.85	6.72
101	Sampul 406mm P x 292mm T	Peel & Seal	Putih	108	TYVEK/PVC	8.56	8.39

D. SAMPUL SURAT JENIS BERWARNA DAN BERCETAK 5 WARNA							
BIL.	SAIZ SAMPUL	JENIS SAMPUL	WARNA	BERAT ASAS (GSM)	JENIS KERTAS	HARGA BERSIH 500 KEPING	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)
102	C6 (114 x 162 mm)	Wallet	Putih	100	Woodfree	154.00	110.00
103	C6 (114 x 162 mm) Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	154.00	110.00
104	4½ “ x 9½ “	Saku/Wallet	Putih	100	Woodfree	210.00	150.00
105	4½ “ x 9½ “ Bertingkap	Saku/Wallet	Putih	100	Woodfree	245.00	175.00
106	C5 (165 x 229 mm)	Saku/Wallet	Putih	100	Woodfree	287.00	205.00
107	C5 (165 x 229 mm) Bertingkap	Saku/Wallet	Putih	100	Woodfree	350.00	250.00
108	C4 (229 x 324 mm)	Saku	Putih	100	Woodfree	336.00	240.00
109	C4 (229 x 324 mm) Bertingkap	Saku	Putih	150	Kraft	392.00	280.00
110	X2 (279 x 406 mm)	Saku	Putih	150	Kraft	434.00	310.00

E. SAMPUL SURAT KEGUNAAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)							
BIL.	**SAIZ SAMPUL**	**JENIS SAMPUL**	**WARNA**	**BERAT ASAS (GSM)**	**JENIS KERTAS**	**HARGA BERSIH SEKEPING**	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	**HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)**
111	Sampul X-RAY/CT SCAN/MRI Bercetak Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pengimejan Diagnostik dan Alamat Hospital Ukuran 18” x 14.5 “ (460mm x 380mm)	Wallet	Coklat	150	Kraf	1.36	1.21
112	Sampul ULTRASOUND/ MAMOGRAFI Bercetak Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pengimejan Diagnostik dan Alamat Hospital Ukuran 10” x13”	Wallet	Coklat	150	Kraf	0.63	0.56
113	Sampul X-RAY PVC Tidak Mudah Koyak Bercetak Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pengimejan Diagnostik dan Alamat Hospital Ukuran 18” x 14.5” (460mm x 380mm)	Wallet	Putih	-	PVC/TYVEK	8.31	7.88
114	Sampul X-RAY/CT SCAN/MRI Bercetak Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pengimejan Diagnostik dan Alamat Hospital Ukuran 20” x 15” (510mm x 380mm)	Wallet	Putih, Biru, Kuning, Merah, Oren, Hijau	350	-	7.14	6.29

E. SAMPUL SURAT KEGUNAAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)							
BIL.	**SAIZ SAMPUL**	**JENIS SAMPUL**	**WARNA**	**BERAT ASAS (GSM)**	**JENIS KERTAS**	**HARGA BERSIH SEKEPING**	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	**HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)**
115	Sampul Bertingkap Bercetak Kementerian Kesihatan Malaysia dan Alamat Hospital Ukuran 125mm x 190mm, Ukuran Tingkap 90 mm x 70 mm	Wallet/Saku	Coklat	150	Kraf	2.18	1.93
116	Kad X-Ray Bercetak Kementerian Kesihatan Malaysia dan Alamat Hospital Ukuran 180mm x 90mm	Kad	Putih	120	Woodfree	0.42	0.39
117	Sampul CD X-RAY Bercetak Kementerian Kesihatan Malaysia dan Alamat Hospital Ukuran 165mm x 229mm	Saku	Putih	120	Woodfree	0.70	0.67
118	Sampul X-RAY/CT SCAN/MRI Bercetak Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pengimejan Diagnostik dan Alamat Hospital Ukuran 18” x 14.5 “ (460mm x 380mm)	Wallet	Putih, Coklat	210	-	3.21	2.86
119	Sampul X-RAY/CT SCAN/MRI Bercetak Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pengimejan Diagnostik dan Alamat Hospital Ukuran 18” x 14.5 “ (460mm x 380mm)	Wallet	Putih, Coklat	175	-	1.50	1.34

E. SAMPUL SURAT KEGUNAAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)							
BIL.	**SAIZ SAMPUL**	**JENIS SAMPUL**	**WARNA**	**BERAT ASAS (GSM)**	**JENIS KERTAS**	**HARGA BERSIH SEKEPING**	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	**HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)**
120	Sampul X-RAY/CT SCAN/MRI Bercetak Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pengimejan Diagnostik dan Alamat Hospital Ukuran 18” x 14.5 “ (460mm x 380mm)	Wallet	Putih, Coklat, Kuning, Merah	310	-	3.21	2.86
121	Sampul ULTRASOUND/ MAMOGRAFI Bercetak Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pengimejan Diagnostik dan Alamat Hospital Ukuran 10” x13” (255mm x 330mm)	Wallet	Coklat	210	Kraf	1.61	1.43
122	Kad X-Ray Bercetak Kementerian Kesihatan Malaysia dan Alamat Hospital Ukuran 9" x 12"	Kad Manila	Putih	250	Woodfree	3.21	2.86
123	Sampul CD X-RAY Bercetak Kementerian Kesihatan Malaysia dan Alamat Hospital Ukuran 165mm x 229mm	Saku	Putih	175	-	1.71	1.53
124	9 3/8" x 13 ½"	Saku	Putih, Coklat	250	Woodfree	2.68	2.39
125	15" x 18"	Wallet	Putih	100	Woodfree	1.92	1.71

E. SAMPUL SURAT KEGUNAAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)							
BIL.	**SAIZ SAMPUL**	**JENIS SAMPUL**	**WARNA**	**BERAT ASAS (GSM)**	**JENIS KERTAS**	**HARGA BERSIH SEKEPING**	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	**HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)**
126	165 X 229 mm Bertali	Saku/Wallet	Coklat	120	Woodfree	1.92	1.71
127	20" x 15"	Saku	Coklat	120	Woodfree	2.99	2.66
128	11 x 14"	Wallet	Putih, Coklat	275	-	1.71	1.53
129	Sampul X-RAY/CT SCAN/MRI Bercetak Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pengimejan Diagnostik dan Alamat Hospital Ukuran 18” x 14.5 “ (460mm x 380mm)	Wallet	Coklat	150	-	1.81	1.62

F. SAMPUL SURAT KEGUNAAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)							
BIL.	SAIZ SAMPUL	JENIS SAMPUL	WARNA	BERAT ASAS (GSM)	JENIS KERTAS	HARGA BERSIH 500 KEPING	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)
130	115mm x 235mm (4.5” x 9.5”)	Wallet	Putih	100	Woodfree	58.65	56.31
131	115mm x 235mm (4.5” x 9.5”) – Bertingkap	Wallet	Putih	100	Woodfree	66.08	63.44
132	165mm x 229mm (6” x 9”)	Saku/Wallet	Putih	100	Woodfree	67.72	64.89
133	165mm x 229mm (6” x 9”) – Bertingkap	Saku/Wallet	Putih	100	Woodfree	72.00	68.99
134	180mm x 257mm (7” x 10”)	Saku/Wallet	Putih	100	Woodfree	88.80	85.38
135	180mm x 257mm (7” x 10”) – Bertingkap	Saku/Wallet	Putih	100	Woodfree	91.89	88.35
136	230mm x 325mm (9” x 12.75”)	Saku	Putih	100	Woodfree	156.76	150.72
137	230mm x 325mm (9” x 12.75”) – Bertingkap	Saku	Putih	100	Woodfree	184.56	177.45
138	305mm x 46mm (12” x 16”)	Saku	Putih	100	Woodfree	226.94	218.22

F. SAMPUL SURAT KEGUNAAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)							
BIL.	SAIZ SAMPUL	JENIS SAMPUL	WARNA	BERAT ASAS (GSM)	JENIS KERTAS	HARGA BERSIH 500 KEPING	
						HARGA BAGI 5000 KEPING KE BAWAH (RM)	HARGA BAGI 5001 KEPING KE ATAS (RM)
139	245mm x 160mm A-222	Wallet	Putih	100	Woodfree	66.53	63.76
140	325mm x 230mm C4B-221	Saku	Putih	100	Woodfree	131.37	131.37
141	325mm x 230mm C4B-222	Saku	Putih	100	Woodfree	131.37	131.37
142	225mm x 150mm B9-206	Wallet	Putih	100	Woodfree	65.58	62.84
143	303 x 458 mm Peel & Seal (13'' x 18'')	Saku	Putih	100	Woodfree	399.17	382.54

LAMPIRAN C

PERANCANGAN PEROLEHAN KONTRAK PUSAT MEMBUAT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENYERAH SAMPUL SURAT KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

TAHUN : _____
KEMENTERIAN : _____
AGENSI : _____

JENIS SAMPUL	BULAN												JUMLAH
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	
JUMLAH													

Tandatangan Pegawai :
Jawatan :
Tarikh dan Cop Agensi :

Adalah disahkan bahawa perancangan perolehan yang dinyatakan di atas adalah benar bagi tahun _____.

LAMPIRAN D

BORANG ADUAN KONTRAK PUSAT MEMBUAT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MENYERAH SAMPUL SURAT KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Kepada :

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Perolehan Kerajaan
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
(u.p.: Ketua Seksyen Kontrak Pusat & Sistem Panel)

1. Aduan Lewat/Kurang/Gagal Bekal

Nama Kontraktor	No. Pesanan dan Tarikh	Jenis Sampul	Kuantiti Pesanan	Tarikh lanjutan bekalan (jika ada)	Kuantiti yang dibekalkan	Kuantiti yang belum dibekalkan	Tarikh akhir pembekalan

2. Perkara-perkara lain
(Perkara-perkara lain yang tidak terkandung dalam jadual di atas)

Tandatangan Pegawai :
Jawatan :
Tarikh dan Cop Agensi :

Lampiran 3

KONTRAK PUSAT BAGI BEKALAN KERTAS A4 PUTIH 80 GSM

1. TUJUAN

1.1 Peraturan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Kementerian, Jabatan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Persekutuan (Agensi) di Semenanjung Malaysia mengenai Kontrak Pusat bagi bekalan kertas A4 putih 80 *grams per square meter* (gsm).

1.2 Bagi perolehan kertas selain daripada kertas A4 putih 80 gsm, Agensi hendaklah menguruskan perolehannya mengikut tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa.

2. BUTIR-BUTIR KONTRAK

2.1 Kementerian Kewangan telah bersetuju memperbaharui Kontrak Pusat bagi pembekalan kertas A4 putih 80 gsm untuk kegunaan semua Agensi di Semenanjung Malaysia untuk tempoh selama tiga (3) tahun mulai **1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027**.

2.2 Butiran Kontraktor seperti berikut:

Syarikat/Kontraktor No. Kontrak	Alamat/Pegawai Perhubungan/ No.Tel & Faks/E-mel	Bank
Percetakan Nasional Malaysia Berhad (253940-X) No. Kontrak: PERB/PK/02/2025	Jalan Chan Sow Lin, 50554 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR. No. Tel. : 03 – 9236 6888 No. Faks : 03 – 9222 4773 Emel : cservice@printnasional.com.my *Person In Charge* (PIC) En Radin Hazar Bin Radin Harun *Hot Line* 1 : 019 - 332 3627 *Hot Line 2* : 019 - 223 4682	CIMB Bank Menara CIMB Sentral Ground Floor Menara CIMB Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral 50470 KUALA LUMPUR No. Akaun Bank: 8603390115

3. HARGA

3.1 Harga di bawah kontrak ini adalah harga bersih termasuk kos pembungkusan, kos penyimpanan, kos penghantaran dan fi ePerolehan iaitu RM11.25 bagi satu (1) rim bagi tempoh 1 Januari 2025 sehingga 31 Oktober 2025.

3.2 Harga baharu di bawah kontrak ini adalah RM12.04 bagi satu (1) rim bermula 1 November 2025.

4. ANGGARAN KEPERLUAN

4.1 Semua Agensi dikehendaki membuat perancangan perolehan tahunan bagi memastikan penghantaran dilaksanakan mengikut jadual. Agensi hendaklah mengemukakan jadual anggaran dan perancangan keperluan tahunan melalui e-mel kepada kontrakpusat@treasury.gov.my sebelum atau pada 15 Disember setiap tahun sepanjang tempoh kontrak.

4.2 Format jadual anggaran dan perancangan keperluan tahunan adalah seperti di **JADUAL I**.

5. SPESIFIKASI

5.1 Spesifikasi kertas A4 putih 80 gsm adalah seperti yang dinyatakan di dalam **JADUAL II**.

6. PEMBUNGKUSAN

6.1 Setiap rim kertas A4 putih 80 gsm dibalut dengan kertas *moist protected* dengan kandungan lima (5) rim dalam setiap kotak.

7. TEMPOH KONTRAK

7.1 Tempoh kontrak ini adalah selama tiga (3) tahun bermula 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2027.

8. TEMPOH PENGHANTARAN

8.1 Tempoh penghantaran ialah dalam tempoh **tujuh (7) hari kalendar** mulai dari tarikh Pesanan Tempatan (LO) dikeluarkan.

8.2 Agensi adalah dibenarkan untuk membuat perubahan tempoh penghantaran kepada sesuatu tempoh lain tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(i) Perubahan ini dibuat dengan persetujuan bertulis Ketua Jabatan atau wakilnya dengan Kontraktor. Salinan persetujuan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan dengan kadar segera.

(ii) Agensi berkenaan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perubahan ini.

8.3 Sekiranya Kontraktor gagal membuat bekalan dalam tempoh penghantaran yang ditetapkan, **Agensi dibenarkan:**

(i) membeli bekalan yang dikehendaki itu daripada punca-punca lain dan menolak bekalan yang dipesan daripada Kontraktor. Jika kos memperoleh bekalan itu daripada punca-punca lain melebihi harga dalam kontrak ini, Kontraktor adalah dikehendaki membayar perbezaan harga sebagai pampasan kepada Kerajaan; **atau**

(ii) setuju terima pembekalan itu dan mengenakan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (*Liquidated And Ascertained Damages - LAD*) seperti formula berikut:

$$\frac{\text{Nilai Pesanan Lewat}}{365 \text{ hari}} \times \textit{Base Rate}^{*} \times \text{Bilangan hari lewat}$$

Contoh :

Nilai Pesanan = RM10,000.00
Bilangan hari lewat = 5 hari

Kaedah pengiraan:

$$= \frac{\text{Nilai Pesanan} \times \textit{BR}}{365 \text{ hari}} \times \text{Bilangan hari lewat}$$

$$= \frac{\text{RM10,000} \times *3.9\%}{365 \text{ hari}} \times 5 \text{ hari}$$

$$= \text{RM5.34}$$

**Base rate* yang dirujuk adalah *base rate* institusi kewangan yang dinyatakan di Perenggan 8 di atas pada tarikh pesanan dibuat.

8.4 Agensi bertanggungjawab memastikan semua tolakan LAD dibuat sebelum bayaran muktamad kepada kontraktor atau memotong bayaran daripada pesanan-pesanan berikutnya. Agensi bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya gagal mengenakan LAD atau potongan bayaran ke atas Kontraktor. Satu (1) laporan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan untuk tindakan selanjutnya.

8.5 Sebarang pesanan yang tidak dapat dibekalkan atau lewat dihantar oleh Kontraktor sehingga tiga (3) kali pesanan, pihak Agensi hendaklah melaporkan dengan segera dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar daripada tarikh pesanan terakhir kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan untuk tindakan selanjutnya.

9. PESANAN

9.1 Semua pesanan hendaklah dibuat terus kepada Kontraktor dengan menggunakan Sistem ePerolehan (*eP*) bagi PTJ yang *eP onboard* atau mengeluarkan Pesanan Tempatan (LO) secara manual bagi PTJ yang belum *eP onboard*. Maklumat terperinci mengenai sesuatu Kontrak Pusat seperti nama pembekal, jenis barangan, spesifikasi, tempoh kontrak dan lain-lain boleh diperolehi secara elektronik melalui *eP*. Agensi yang menggunakan *eP* hanya perlu membuat carian dan maklumat tersebut akan dapat diakses secara automatik. **Pesanan akhir hendaklah dibuat oleh Agensi sebelum tarikh 31 Disember 2027**.

9.2 Apabila membuat pesanan, Agensi dikehendaki memberi alamat penghantaran yang lengkap serta nama pegawai yang menguruskan bekalan dan nombor telefon untuk dihubungi supaya pembekalan dapat disempurnakan.

10. PESANAN MINIMUM

10.1 Pesanan minimum bagi satu penghantaran adalah lima puluh (50) rim**.**

10.2 Bagi Agensi yang keperluan tahunannya kurang daripada jumlah pesanan minimum, pembelian di luar Kontrak Pusat hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui e-mel.

10.3 Agensi tidak dibenarkan memecah kecil pesanan untuk membolehkan pembelian di luar kontrak. Agensi yang melaksanakan perolehan di Perenggan 10.2 adalah bertanggungjawab sepenuhnya dan tertakluk kepada teguran Audit.

11. PEMERIKSAAN SEMASA MENERIMA BEKALAN

11.1 Agensi adalah bertanggungjawab memastikan bekalan yang diterima adalah sekurang-kurangnya sama seperti spesifikasi yang dipesan. Jika terdapat kerosakan/kekurangan, Kontraktor hendaklah menggantikan jumlah yang rosak/kurang itu dalam tempoh lima (5) hari kalendar dari tarikh penolakan bekalan oleh Agensi tanpa sebarang tambahan kos.

11.2 Jika ada sebarang keraguan tentang kualiti, Agensi boleh berhubung dengan pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM) atau Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi menentukan kesahihan kualiti kertas berbanding dengan spesifikasi mengikut kontrak. Agensi juga hendaklah meminta Kontraktor menggantikan jumlah (rim) kertas tersebut dengan bekalan baharu tanpa apa-apa kos tambahan dan tuntutan-tuntutan lain yang berkaitan sebagaimana dalam kontrak. Penolakan hendaklah dibuat secara bertulis dan disalinkan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan. Kontraktor mestilah menggantikan bekalan (rim) kertas tersebut dalam tempoh lima (5) hari kalendar daripada tarikh pemberitahuan dikeluarkan.

12. ADUAN

12.1 Agensi hendaklah mengemukakan sebarang aduan secara rasmi, jika ada, dalam kadar segera atau selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh berlakunya perkara yang diadukan ke alamat e-mel: aduan.kontrakpusat@treasury.gov.my. Kementerian Kewangan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang masalah yang berbangkit selepas tempoh tersebut akibat kegagalan Agensi mematuhi arahan ini.

12.2 Semua aduan hendaklah menggunakan format seperti di lampiran dan dihantar kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti berikut:

Bil.	Penerima Aduan	Salinan Aduan
(i)	Kontraktor : Percetakan Nasional Malaysia Berhad Jalan Chan Sow Lin, 50554 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR Format: **JADUAL III**	Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Alamat e-mel: aduan.kontrakpusat@treasury.gov.my
(ii)	Aduan berkaitan kualiti kertas: (i) Ketua Eksekutif SIRIM QAS International Sdn. Bhd. No. 1, Persiaran Dato' Menteri P.O.Box 7035, Section 2 40700 Shah Alam SELANGOR Atau (ii) Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Bahagian Keluaran Hutan 52109 Kepong SELANGOR (Agensi penguji untuk mendapatkan pengesahan spesifikasi) Format: Surat rasmi	(i) Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Alamat e-mel: aduan.kontrakpusat@treasury.gov.my (ii) Kontraktor Percetakan Nasional Malaysia Berhad Jalan Chan Sow Lin, 50554 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR Alamat e-mel : cservice@printnasional.com.my
(iii)	Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan (untuk memaklumkan prestasi Kontraktor dan aduan-aduan lain) Alamat e-mel: aduan.kontrakpusat@treasury.gov.my Format: **JADUAL IV**	-

12.3 Segala perbelanjaan ke atas ujian kertas oleh mana-mana Agensi yang terlibat akan ditanggung oleh Kontraktor, jika terbukti kertas yang dibekalkan tidak mematuhi spesifikasi dan syarat yang ditetapkan. Jika kertas yang diuji memenuhi spesifikasi kertas yang ditetapkan maka Agensi hendaklah menanggung perbelanjaan tersebut.

13. PEMBAYARAN BIL

13.1 Pembayaran bil-bil tuntutan yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah dibuat mengikut tatacara semasa yang ditetapkan.

13.2 Bagi dokumen tuntutan pembayaran yang telah lengkap dan penyerahan disempurnakan oleh Kontraktor, pembayaran bil mengenainya hendaklah dijelaskan dalam **tempoh empat belas (14) hari** dari tarikh dokumen lengkap diterima.

13.3 Pengesahan penerimaan bekalan kertas hendaklah dibuat dengan segera pada hari bekalan disempurnakan untuk membolehkan Kontraktor mengemukakan bil tuntutan dengan segera. Agensi tidak perlu menunggu laporan ujian kertas untuk membuat bayaran.

14. PEMAKAIAN KONTRAK

14.1 Semua Agensi hendaklah mematuhi peraturan Kontrak Pusat ini sepenuhnya dan tidak dibenarkan membeli dari punca lain tanpa kebenaran Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

14.2 Mana-mana Agensi yang masih mempunyai kontrak pembekalan kertas A4 putih 80 gsm yang sedang berkuatkuasa hendaklah meneruskan kontrak sehingga tamat. Perolehan kertas A4 putih 80 gsm baharu adalah tertakluk kepada pemakaian Kontrak Pusat ini.

14.3 Spesifikasi dalam kontrak ini adalah spesifikasi gunasama pelbagai Agensi. Sekiranya spesifikasi ini tidak sesuai dengan keperluan Agensi, Agensi adalah dipohon untuk mengemukakan spesifikasi yang diperlukan dengan menyatakan justifikasi bagi pertimbangan Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

15. HAL-HAL LAIN

15.1 Alamat perhubungan surat-menyurat adalah seperti berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Bahagian Perolehan Kerajaan
Seksyen Kontrak Pusat & Sistem Panel
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 2
62592 PUTRAJAYA

No. Tel : 03-8882 3278/4093/3231
E-mel : kontrakpusat@treasury.gov.my

JADUAL I

BORANG PERANCANGAN TAHUNAN DAN ANGGARAN KEPERLUAN
TAHUN : ……..

Agensi :……

Daerah : ……..…… Negeri : ……

Keperluan Setahun (rim)	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Contoh: 50,000 rim	10,000			10,000			10,000			10,000		10,000

Pegawai bertanggungjawab/perhubungan:

1) Nama : ……
No. Tel : ……
No. Faks : ……
E-mel : ……..

2) Nama : ……
No. Tel : ……
No. Faks : ……
E-mel : ……

JADUAL II

SPESIFIKASI

Syarikat hendaklah menawarkan spesifikasi yang sama atau lebih tinggi daripada spesifikasi minimum yang ditetapkan. Spesifikasi kertas A4 putih 80 gsm adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA	SPESIFIKASI MINIMUM
1.	Jenama	IK Yellow
2.	Saiz Kertas	210mm x 297mm (A4)
3.	Berat Kertas	80 gsm
4.	Jenis	Simili bond
5.	Kandungan Per Rim	500 helai
6.	Kesesuaian Kegunaan Kertas	*Two Sided Copying* Faks *Copier* *Ink-Jet* *Laser*
7.	Kertas Pembalut	*Moist Protected*
8.	Kandungan dalam 1 Kotak	Lima (5) rim
9.	Keputihan Kertas (Whiteness)	≥ 100 CIE
10.	Nilai pH Kertas	>7
11.	Kelembapan (%)	4 – 5
12.	Ketebalan Kertas (µm)	95 – 107
13.	Arah Gentian Kertas	*Machine Direction*
14.	Kecerahan Kertas (*Brightness*)	≥ 90%
15.	Kelegapan (*Opacity*)	≥ 92%
16.	Kadar Kekesatan Kertas (*Roughness*)	TS ml./min 0-400 BS ml./min 0-400
17.	Kandungan Debu	Tiada
18.	Memenuhi piawaian ISO 9001:2015/ISO 14001:2015 atau MS 1288:2012 atau pensijilan kualiti/pengiktirafan daripada mana-mana badan pensijilan yang setara dengannya	
19.	Pengiktirafan Produk Hijau	Ya
20.	Kertas sekurang-kurangnya *Elementary Chlorine Free* (ECF)	• Kertas adalah berdasarkan kepada penggunaan semula gentian kertas pasca-pengguna (kertas kitar semula); atau

		• Kertas yang dihasilkan adalah melalui penggunaan dan pelepasan tenaga yang rendah / penanaman semula; atau • Mengelakkan penggunaan bahan-bahan tertentu dalan kertas dan bahan peluntur
21.	Harga Bersih	Termasuk Kos Pembungkusan, Kos Penghantaran, Kos Penyimpanan dan fi Sistem ePerolehan
22.	Ilustrasi Bungkusan Kertas	 Nota: Cetakan "**HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA (TIDAK BOLEH DIJUAL BELI)**" pada bungkusan kertas dan kotak seperti mana persetujuan Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

JADUAL III

CONTOH
BORANG ADUAN KONTRAK PUSAT KERTAS A4 PUTIH 80GSM

Kepada:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad
(u.p.: Encik Radin Hazar Bin Radin Harun)
Alamat e-mel: cservice@printnasional.com.my

Salinan kepada: **aduan.kontrakpusat@treasury.gov.my**

BAHAGIAN 1: JENIS ADUAN (TANDAKAN [X] PADA KOTAK BERKENAAN)		
X	Aduan kelewatan penghantaran	Tarikh:
	Aduan kualiti kertas/ kertas rosak	Lokasi:
	Lain- lain aduan (nyatakan) …….	Nama Jabatan:

BAHAGIAN 2: PENERANGAN ADUAN (DIISI OLEH JABATAN PENGADU)

- Jabatan membuat pesanan kertas A4 Putih 80 gsm sebanyak 100 rim pada 4 Februari 2025 pada jam 11.30 pagi melalui pesanan kerajaan nombor PK000111333.
- Kertas diterima pada 15 Februari 2025 pada jam 3.00 petang.
- Pesanan sepatutnya diterima dalam tempoh 7 hari kalendar iaitu selewat-lewatnya pada 11 Februari 2025. Berlaku kelewatan pembekalan selama 4 hari.
- Denda akan dikenakan atas kelewatan/ pembelian dari sumber lain selaras dengan perenggan XX 1PP/PK.(jika berkenaan)
- Jumlah denda adalah RM xxx akan ditolak daripada nilai pembekalan yang dibuat
- Jabatan telah membeli dari punca lain dan perbezaan kos memperolehi lebih mahal RM xxx daripada pembekalan syarikat. Potongan bayaran disebabkan oleh perbezaan kos akan dibuat daripada pesanan akan datang.

Pegawai Yang Bertanggungjawab/ Pelapor	**Ketua Bahagian**
Tandatangan : Nama : Jawatan : Alamat e-mel : No. Tel. Pejabat :	Tandatangan : Nama : Jawatan : Alamat e-mel : No. Tel. Pejabat :

BAHAGIAN 3: PENGESAHAN TINDAKAN (DIISI OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD)

- Pengesahan kelewatan (jika berkenaan)
- Tindakan pembetulan yang telah diambil (jika berkenaan)

BAHAGIAN 4: CATATAN / TINDAKAN SUSULAN (DIISI OLEH BAHAGIAN PEROLEHAN KERAJAAN)

- Denda RM xx telah dikenakan pada tarikh xx/xx/xx (jika berkenaan)
- Potongan bayaran disebabkan oleh perbezaan kos telah dibuat daripada XX

Tandatangan :
Nama :
Jawatan :

JADUAL IV

BORANG PENILAIAN KEPUASAN PELANGGAN / ADUAN (KONTRAK PUSAT)

Nama Pembekal/ Nombor Pendaftaran Syarikat	Kategori/ item dibekalkan	Nilai perbelanjaan tahunan kategori (RM)	Kementerian / Agensi:

Bil.	Kriteria Penilaian	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
		1	2	3	4	5
1.	Bekalan/perkhidmatan **menepati spesifikasi dan kualiti** yang dipersetujui dalam perjanjian					
2.	Tempoh penghantaran/pelaksanaan dalam masa yang ditetapkan (***Delivery Timelines***)					
3.	**Kuantiti bekalan/perkhidmatan dan kebolehfungsian** seperti yang dipersetujui/dipohon agensi					
4.	Pembekal adalah **responsif** terhadap pertanyaan/ aduan/ teguran					
5.	**Adakah anda mahu pegawai Bahagian Perolehan Kerajaan menghubungi dan berbincang dengan anda dengan lebih lanjut mengenai perkara ini?** **Jika Ya:** **Pegawai untuk dihubungi:** **No. Telefon:** **Alamat e-mel:**	**Ya/Tidak**				

Petunjuk Prestasi

Amat Memuaskan	Gred A	90% – 100%
Sederhana	Gred B	70% – 89%
Memuaskan	Gred C	50% – 69%
Tidak Memuaskan	Gred D	< 50%

JUMLAH SKOR = $\frac{\text{Jumlah Markah}}{20}$ x 100

=---------- %

Lain-lain Aduan- Nyatakan (jika ada)

Tandatangan Pegawai Yang Bertanggungjawab	Tandatangan Ketua Bahagian
Tandatangan : _____	Tandatangan : _____
Nama : _____	Nama : _____
Jawatan : _____	Jawatan : _____
Tarikh : _____	Tarikh : _____

Lampiran 4

KONTRAK PUSAT BAGI MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH ALAT PEMADAM API MESRA ALAM AEROHUB® *AEROSOL FIRE SUPPRESSION SYSTEM* DAN FK5112 *CLEAN AGENT FIRE SUPPRESSION SYSTEM* DI BANGUNAN KERAJAAN DI SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA

1. LATAR BELAKANG

1.1 Kementerian Kewangan Malaysia telah bersetuju melantik syarikat Hub Technologies (M) Sdn Bhd sebagai syarikat pembekal Kontrak Pusat Kementerian Kewangan dan selepas ini disebut sebagai Kontraktor bagi Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Alat Pemadam Api Mesra Alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 1 November 2023 hingga 31 Oktober 2026.

1.2 Butiran lengkap Kontraktor adalah seperti berikut:

Syarikat/ No. Kontrak	Alamat/ No. Telefon/ No Faks	Perincian Bank
Hub Technologies (M) Sdn Bhd PERB/PK/1/2023	No. 10, Jalan Raja Bot 35/134 Alam Impian, Seksyen 35 40470 Shah Alam Selangor Tel: 03-5166 4477 Faks: 03-5166 4499	RHB Islamic Bank Berhad Cawangan Kota Kemuning No. 1, Ground Floor Jalan Anggerik Vanilla X31/X Kota Kemuning, Seksyen 31 40460 Shah Alam Selangor Darul Ehsan No Akaun: 26260700004448

2. AGENSI PENGGUNA

2.1 Agensi pengguna terdiri daripada Kementerian, Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia sahaja tidak termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

3. HARGA

3.1 Kadar harga bagi kontrak pusat di atas adalah seperti berikut:

Bil.	Item	Kadar Harga
a.	Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System*	Kadar harga bagi mereka bentuk, membekal, memasang, menguji dan mentauliah alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* adalah ditetapkan mengikut isi padu bilik/ kawasan '*normally unoccupied*' sebanyak **RM355.00 per meter padu bilik** termasuk aksesori dan perkhidmatan penyelenggaraan Peralatan dalam tempoh tanggungan kecacatan.
b.	FK5112 *Clean Agent Fire Suspression System*	Kadar harga bagi mereka bentuk, membekal, memasang, menguji dan mentauliah alat pemadam api mesra alam FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* adalah ditetapkan mengikut isi padu bilik/ kawasan '*normally occupied*' sebanyak **RM355.00 per meter padu bilik** termasuk aksesori dan perkhidmatan penyelenggaraan Peralatan dalam tempoh tanggungan kecacatan.

3.2 Harga adalah dalam Ringgit Malaysia tidak termasuk semua jenis cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia. Manakala, Fi ePerolehan sebanyak 0.4% adalah termasuk dalam kadar harga sebagaimana penguatkuasaannya ke atas pelaksanaan perolehan semasa.

3.3 Senarai peralatan/bahan yang termasuk dalam kadar harga adalah mengikut Spesifikasi Pembekalan dan Spesifikasi Teknikal seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

3.4 Kos-kos lain yang tidak termasuk di dalam kadar harga di atas, jika perlu, seperti berikut:

(i) Naik taraf bekalan elektrik (seperti kerja-kerja pendawaian termasuk *Galvanised Iron* (GI) *conduit* daripada sub-kotak agihan atau soket sedia ada). Kadar harga adalah tertakluk kepada Jadual Kadar Kerja Elektrik Jabatan Kerja Raya (JKR) yang terkini;

(ii) Integrasi dengan lain-lain sistem berkaitan (seperti *Main Fire Alarm Panel*). Kadar harga adalah tertakluk kepada keperluan;

(iii) Insurans. Kadar harga adalah berdasarkan nilai premium sebenar dan kos pengurusan menggunakan formula berikut:

Insuran = Nilai Premium Sebenar + Kos Pengurusan*

(*Kos Pengurusan = 30% daripada nilai premium sebenar)

(iv) Sampel bahan dan ketukangan;

(v) Sistem pembumian (*earthing*) tambahan; dan

(vi) Salinan manual *operation and maintenance* (O&M) yang melebihi tiga (3) salinan.

Walau bagaimanapun, Kementerian/Agensi hendaklah memastikan keperluan item-item di atas dibincangkan dan dipersetujui secara berasingan antara Kontraktor dan JKR atau Kontraktor dan Pegawai Teknikal Kementerian/Agensi. Perkara-perkara ini hendaklah diputuskan terlebih dahulu oleh Kementerian/Agensi sebelum perolehan dibuat sebagai kos awalan (*preliminaries*).

3.5 Bagi Cukai Jualan, Agensi hendaklah mematuhi pekeliling semasa yang berkuat kuasa.

4. SKOP KONTRAK

4.1 Sepanjang tempoh perjanjian, skop kontrak yang ditetapkan adalah seperti berikut:

(i) Mereka bentuk, membekal, memasang, menguji dan mentauliah alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System*;

(ii) Skop kontrak hanya terpakai untuk projek bangunan baharu Kerajaan yang ditawarkan secara konvensional. Projek baharu secara reka dan bina tidak tertakluk kepada kontrak pusat ini. Bagi bangunan Kerajaan sedia ada, penggantian sistem sedia ada adalah berdasarkan keperluan "*as and when required*"; dan

(iii) Perkhidmatan penyelenggaraan kepada alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* dalam tempoh tanggungan

kecacatan (12 bulan daripada tarikh penyerahan) adalah termasuk dalam skop kontrak ini.

5. SKOP KERJA

5.1 Sepanjang Tempoh Perjanjian, Kontraktor hendaklah melaksanakan dan mematuhi skop kerja seperti berikut:

(i) Bangunan Baharu

a. Mereka bentuk, membekal, memasang, menguji dan mentauliah alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System*; dan

b. Reka bentuk dan pemasangan alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* hendaklah memenuhi keperluan statut, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan diperakukan oleh Jurutera Perunding Mekanikal dan Elektrikal bertauliah.

c. Menyediakan lukisan rekabentuk kejuruteraan dan pengiraan bagi sistem alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* yang diperakukan oleh Jurutera Perunding Mekanikal dan Elektrikal bertauliah untuk tujuan pengemukaan kepada JBPM.

(ii) Bangunan Sedia Ada

a. Mereka bentuk, membekal, memasang, menguji dan mentauliah alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System*;

b. Reka bentuk dan pemasangan alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* hendaklah memenuhi keperluan statut, JBPM dan diperakukan oleh Jurutera Perunding Mekanikal dan Elektrikal bertauliah;

c. Menyediakan lukisan rekabentuk kejuruteraan dan pengiraan bagi alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* yang diperakukan oleh Jurutera Perunding Mekanikal dan Elektrikal bertauliah untuk tujuan pengemukaan kepada JBPM;

d. Membuka dan meletakkan sistem pencegah kebakaran sedia ada dalam kawasan/premis yang sama (sebelum kerja-kerja pelupusan dilaksanakan) adalah di bawah tanggungjawab Kontraktor; dan

e. Kaedah dan kerja-kerja pelupusan bagi sistem pencegah kebakaran yang lama setelah pemasangan sistem baharu adalah di bawah tanggungjawab Agensi mengikut peraturan pelupusan yang sedang berkuat kuasa. Agensi juga hendaklah mematuhi statut dan peraturan Jabatan Alam Sekitar/Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim yang sedang berkuatkuasa

(iii) Sistem

a. Alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* adalah untuk '*normally unoccupied*'. '*Normally unoccupied*' bermaksud bilik/kawasan yang tidak berpenghuni hanya dimasuki bagi tujuan penyelenggaraan seperti bilik jana kuasa, bilik elektrik, bilik bateri/*Uninterruptible Power Supply* (UPS) dan bilik suis; dan

b. Alat pemadam api mesra alam FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* adalah untuk '*normally occupie*d'. '*Normally occupied*' bermaksud bilik/kawasan yang ada penghuni atau yang kerap kali dimasuki seperti bilik stor, bilik fail, bilik server dan bilik kebal.

6. KAEDAH PELAKSANAAN

6.1 Kaedah pelaksanaan pemasangan/penggantian alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* ditetapkan seperti berikut:

(i) JKR akan menyelaras dan memantau pelaksanaan projek bangunan baharu/penggantian di bangunan sedia ada bagi Kementerian/Agensi yang dilaksanakan oleh JKR sahaja; dan

(ii) Projek bangunan baharu/penggantian di bangunan sedia ada yang dilaksanakan oleh Kementerian/Agensi masing-masing tanpa penglibatan JKR perlu diuruskan dan dipantau oleh Kementerian/Agensi tersebut.

7. PEMASANGAN PERALATAN

7.1 Peralatan yang dibekalkan dan diserahkan kepada Kerajaan hendaklah dipasang dengan sempurna/mematuhi kehendak kontrak yang memenuhi piawaian JBPM yang sedang berkuat kuasa.

7.2 Apa-apa kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh pemasangan yang tidak sempurna atau cacat atau tidak memenuhi piawaian JBPM yang sedang berkuat kuasa hendaklah diganti oleh Kontraktor atas perbelanjaan sendiri dalam tempoh tujuh (7) hari atau mengikut persetujuan Agensi berkenaan dari tarikh notis penolakan.

8. TEMPOH JAMINAN

8.1 Tempoh jaminan bagi alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* adalah dua belas (12) bulan dari tarikh penyerahan dan disah terima oleh Agensi/JKR.

8.2 Sekiranya terdapat aduan berkenaan pembekalan alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* oleh Agensi, Kontraktor hendaklah menjawab aduan tersebut dalam tempoh dua puluh empat (24) jam dari masa aduan diterima.

8.3 Kontraktor hendaklah menyiapkan penggantian atau penambahbaikan terhadap alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* dalam kadar segera tidak melebihi tempoh empat belas (14) hari dari tarikh aduan diterima.

8.4 Penyelenggaraan selepas tamat tempoh jaminan tidak termasuk di dalam skop kontrak pusat ini. Walau bagaimanapun, Agensi dengan peruntukan sendiri boleh menggunakan khidmat Kontraktor sekiranya sistem tersebut memerlukan penyelenggaraan.

9. ANGGARAN KEPERLUAN

9.1 Agensi dikehendaki membuat perancangan perolehan tahunan serta mengemukakan anggaran keperluan dan jangka masa pelaksanaan yang diperlukan kepada Kontraktor untuk membolehkan pihak Kontraktor membuat perancangan pelaksanaan. Satu salinan jadual perancangan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

9.2 Sekiranya agensi tidak mematuhi arahan pada perenggan 9.1, Kontraktor tidak boleh dipersalahkan jika berlaku kelewatan pelaksanaan kelak.

9.3 Setelah menerima anggaran keperluan, pihak Kontraktor hendaklah membuat penyiasatan tapak (jika perlu) dan menyediakan lukisan reka bentuk untuk diserahkan kepada Agensi/JKR/JBPM supaya perkara-perkara lain yang tidak termasuk dalam skop kontrak seperti keperluan elektrik, struktur dan sivil dapat disediakan.

9.4 Agensi akan membuat pesanan setelah urusan reka bentuk dan lain-lain perkara berkaitan selesai.

10. PESANAN DAN TEMPOH SIAP PROJEK

10.1 Semua pesanan hendaklah dikemukakan kepada Kontraktor tidak lewat daripada enam (6) minggu sebelum tarikh kontrak tamat menggunakan kaedah berikut:

(i) Pembelian terus dengan syarikat kontrak pusat yang dilantik bagi merekabentuk, membekal, memasang, menguji dan mentauliah alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* dan FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System* termasuk aksesori dan perkhidmatan penyelenggaraan Sistem dalam tempoh tanggungan kecacatan (*Defects Liability Period* - DLP); dan

(ii) Lantikan terus dengan syarikat kontrak pusat yang dilantik bagi kos-kos tambahan lain yang tidak termasuk dalam kadar harga untuk penggantian sistem di bangunan sedia ada (jika perlu).

10.2 Pembekalan barang adalah dalam tempoh enam (6) minggu dari tarikh pesanan diterima daripada Agensi tertakluk kepada kesediaan tapak di bawah pemantauan Pegawai Penguasa (*Superintenden Officer*) atau tempoh siap projek yang dipersetujui antara Kerajaan dan Kontraktor.

10.3 Pihak Kontraktor dikehendaki menyerahkan polisi insuran yang berkaitan kepada Agensi. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor dikecualikan menyerahkan Bon Pelaksanaan kepada Agensi.

11. DENDA/PENALTI

11.1 Sekiranya Kontraktor gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang telah dipersetujui bersama tanpa alasan yang munasabah, maka pihak Kontraktor boleh dikenakan Denda Atas Kelewatan (*Liquidated Ascertained Damages*) berdasarkan formula berikut:

$$\frac{\text{(Harga Perolehan} \times \text{*}\textit{Base Rate}\text{ (BR) Bank Negara)} \times \text{Bilangan Hari Lewat}}{\text{365 hari}}$$

(*BR pada hari Pesanan dikeluarkan)

12. PENERIMAAN PEMBEKALAN

12.1 Agensi hendaklah memeriksa peralatan yang dipasang untuk memastikan bahawa model dan jumlah alat pemadam api yang dibekalkan adalah sama seperti mana yang dipesan. Sekiranya, didapati jumlah peralatan tersebut kurang, Kontraktor hendaklah diminta menggantikan jumlah yang kurang dengan segera tanpa sebarang kos tambahan.

12.2 Semua peralatan yang dipasang mestilah baru, tulen, berada dalam keadaan baik dan memuaskan. Sekiranya peralatan tersebut didapati rosak atau cacat semasa penyerahan, peralatan tersebut hendaklah ditolak dengan serta- merta secara bertulis kepada Kontraktor. Pihak kontraktor hendaklah diminta menggantikannya dengan peralatan yang baru tanpa sebarang kos tambahan.

13. PEMERIKSAAN

13.1 Kontraktor hendaklah menguji dan mentauliah sistem pencegah kebakaran yang dipasang dan perlu disahkan oleh perunding bertauliah yang dilantik oleh Kontraktor serta disaksikan oleh Pegawai Teknikal Agensi/JKR.

13.2 Kontraktor hendaklah memberi latihan pengoperasian kepada Agensi. Kontraktor juga dikehendaki menyerahkan tiga (3) salinan manual O&M beserta *As Built Drawing*.

14. PEMBAYARAN BIL

14.1 Pembayaran bil yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah dibuat mengikut tatacara semasa yang ditetapkan dan masih berkuatkuasa. Bagi pesanan yang telah disempurnakan oleh Kontraktor dengan memuaskan beserta Perakuan Siap Kerja, bil mengenainya hendaklah dijelaskan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bil itu diterima.

14.2 Walau bagaimanapun, peraturan penerimaan yang diamalkan oleh sesuatu Agensi, pengesahan penerimaan perolehan mestilah dibuat dengan segera pada hari perolehan disempurnakan untuk membolehkan Kontraktor mengemukakan bil tuntutan seberapa segera. Bayaran hanya perlu dijelaskan setelah mendapat bil tuntutan daripada Kontraktor berserta Perakuan Siap Kerja. Walau bagaimanapun, bayaran mengikut kemajuan kerja boleh dibuat tertakluk kepada persetujuan bersama.

15. MODEL DAN SPESIFIKASI

15.1 Model alat pemadam api mesra alam Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System* yang dibenarkan adalah SS-10/SS-20 dan jenama *Clean Agent Fire Suppression System* adalah FK5112. Spesifikasi teknikal bagi peralatan yang berkaitan dan lukisan pemasangan adalah seperti di **Lampiran B**.

16. PENGGUNAAN KONTRAK

16.1 Semua Agensi hendaklah menggunakan Pekeliling Perbendaharaan ini sepenuhnya dan tidak dibenarkan memperoleh dari punca lain tanpa kelulusan Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan.

17. HAL-HAL LAIN

17.1 Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi Kontraktor yang kurang memuaskan, jika ada, dalam kadar segera atau selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh berlakunya perkara yang diadukan ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya
(u.p.: Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan
Sektor Pengurusan Kontrak)

17.2 Sebarang pertanyaan mengenai kontrak ini boleh dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui e-mel ke alamat **kontrakpusat@treasury.gov.my**.

17.3 Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa mulai 1 November 2023 sehingga 31 Oktober 2026.

Lampiran A

SPESIFIKASI PEMBEKALAN

1. Skop Dan Senarai Peralatan

a. Aerohub® *Aerosol Fire Suppression System*

Bil.	Skop dan Senarai Peralatan Pembekalan	
1.	*Aerohub Canisters*	SS20-20
		SS20-10
2.	Royalti FSA	
3.	Aksesori (*Accessories*)	*Control panel (includes but not limited to surge protection devices (SPD), isolate switch and components required to make the system fuctional)*
		Battery
		Smoke Detector
		Heat Detector
		Bell
		Twin Flashing Light
		Key Switch
		Signage set
		Relay 14-pin
		Fire Curtain
		Tripping Device
		Power Supply Wiring
		Body Cover
		Nozzle Cover
		Body Sticker
		Production Serial No Sticker
		Control Panel Sticker
		Bracket
4.	Logistik (*Logistics*)	*Project Management Costs*
		Transportation, Traveling & Accommodation
		Insurance
5.	Lukisan (*Drawing*)	*Key Plan (Size A1)*
		Floor Plan (Size A1)
		Room Plan (Size A1)
		Bomba
		Consultant

6.	Pemasangan (*Installations*)	*Contol Panel Fitting & Termination*
		Aerohub Canisters
		Battery
		Smoke Detector
		Heat Detector
		Twin Flashing Light
		Bell
		Key Switch
		Fire Curtain
		Signage set
		Make Good Paint
		Testing & Commissioning
7.	Percuma (*Add-On Value*)	*APC, New Control Panel, Data Logger*
		Penghantaran barang
		Pemeriksaan tapak
		Pengawasan dan mesyuarat tapak
		Gambar foto kemajuan kerja
		Awning

b. FK5112 *Clean Agent Fire Suppression System*

Bil.	**Skop dan Spesifikasi Peralatan Pembekalan**	
1.	FK5112 *System + Piping*	
2.	Aksesori (*Accessories*)	*Control panel (includes but not limited to surge protection devices (SPD), isolate switch and components required to make the system fuctional)*
		Battery
		Smoke Detector
		Heat Detector
		Bell
		Twin Flashing Light
		Key Switch
		Signage set
		Relay 14-pin
		Fire Curtain
		Tripping Device
		Power Supply Wiring
		Control Panel Sticker

3.	Logistik (*Logistics*)	*Project Management Costs*
		Transportation, Traveling & Accommodation
		Insurance
4.	Lukisan (*Drawing*)	*Key Plan (Size A1)*
		Floor Plan (Size A1)
		Room Plan (Size A1)
		Bomba
		Consultant
5.	Pemasangan (*Installations*)	*Contol Panel Fitting & Termination*
		Clean Agent Cylinder
		Battery
		Smoke Detector
		Heat Detector
		Twin Flashing Light
		Bell
		Key Switch
		Fire Curtain
		Signage set
		Make Good Paint
		Testing & Commissioning
6.	Percuma (*Add-On Value*)	*APC, New Control Panel, Data Logger*
		Penghantaran barang
		Pemeriksaan tapak
		Pengawasan dan mesyuarat tapak
		Gambar foto kemajuan kerja
		Awning

Lampiran B

1. TECHNICAL SPECIFICATION FOR AEROHUB® AEROSOL FIRE SUPPRESSION SYSTEM

1.1 GENERAL

The designated area shall be protected by an automatic alarm, fire detection and suppression system incorporating the total flooding fire extinguishing system. The fire extinguishing and detection system shall include but not limited to the following:

i. Fire extinguishing panel;
ii. Smoke detector;
iii. Heat detector;
iv. Alarm bell;
v. Twin Flashing Light; and
vi. Key Switch

1.2 DESIGN STANDARDS AND VERIFICATIONS

The agent shall be approved by Fire and Rescue Department Of Malaysia or tested according to National Fire Protection Association (NFPA) 2001 (Clean Agent Fire Extinguishing System) or NFPA 2010 (Aerosol System).

The extinguishing agent shall satisfy the following requirements:

i. Extinguishing fire class A, B and C;
ii. Aerosol fire extinguishing agent does not leave any residue upon evaporation;
iii. Aerosol fire extinguishing agent does not react, corrode and damage the apparatus, equipment and system in place and certified by manufacturer; and
iv. Electrically non-conductive.

The designed system components and the installed system shall be according to pre-tested limitations as approved or listed by a recognized testing laboratory/manufacturer.

1.3 SYSTEM DESIGN

1.3.1 General

Aerohub® Aerosol Fire Suppression System does not have any pressure at normal operating condition. The installer only needs to determine the volume of the protected enclosure and number of Aerohub® canisters required as well as their location within the enclosure.

1.3.2 Method of Design

The outline for design of Aerohub® Aerosol Fire Suppression total flooding system generally involves the following at a minimum:

i. Identify all possible hazards within the protected enclosure.
ii. Identify possible openings of agent loss within the protected enclosure;
iii. The volume of the protected enclosure is determined by taking into consideration exclusion of large inpermeable structures/machinery. In addition, if the required coverage extends to the ceiling void and/or raised floor, determine the protected volume for the ceiling void and raised floor;
iv. Calculate the quantity of agent required according to the hazard type within the enclosure. Factors such as non-closeable openings, forced ventilation and other conditions that may affect the quantity of agent required; and
v. Calculate the quantity of canisters required to achieve the minimum design concentration to extinguish fire.

1.3.3 Factors of Design

Aerohub® Aerosol Fire Suppression System design calculations refer not to the design concentration of actual extinguishing agent - aerosol, but to the design factor, which is the mass of condensed aerosol generating element per unit of enclosure volume required to extinguish a specific type of fire, including a safety factor.

i. Aerohub® Aerosol Fire Suppression System design factor is expressed in 100 g/m3;
ii. Aerohub® Aerosol Fire Suppression System minimum design factor for Class B fires, involving nonflammable liquids such as petrol, diesel, hydraulic oil and automotive distillate is 100 g/m3;
iii. Aerohub® Aerosol Fire Suppression System minimum design factor for Class A surface for involving non-smoldering combustible solids such as wood, textile and ordinary plastics is 100 g/m3;
iv. Aerohub® Aerosol Fire Suppression System minimum design factor for Class A non - surface involving dense cable is 100 g/m3; and
v. Advice from HUB or authorized Aerohub® Representative should be sought for any fire/fuel type not covered by the above minimum design factors.

The type of Aerohub® Aerosol Fire Suppression System canisters selected is typically based on several considerations as follows:

i. Distribution of Aerosol: Although Aerohub® aerosol has tree-dimensional distribution of a gas; the even and rapid attainment of the minimum extinguishing concentration throughout the protected enclosure would obviously be desirable. In applications such the

protection of cable ducts and trenches, which are typically long and narrow, it would be appropriate to select several smaller units and spread them out evenly along protected volume although one large unit may fullfill the agent quantity requirement;

ii. Mounting Locations: Certain protected enclosures may have specific permissible mounting locations. Mounting and orientation of the units shall follow the design approved by the manufacturer;

iii. Cost Factors: The best cost option without sacrificing technical requirements should be practiced. The contractor at design stage shall consider and address possible fire hazards within the protected area. The proposed total flooding system shall provide the highest degree of fire protection for designated areas. The installation shall be designed and installed for extinguishing of fire in accordance with approved standards. The quantity of extinguishing agent shall be sufficient to ensure rapid extinction of any fire in the protected areas and with adequate safety factor. The agent shall be discharged within a nominal discharge time of not exceeding 60 seconds upon activation.

1.4 ENCLOSURE

The enclosure shall have adequate integrity to retain the design concentration for a required minimum holding time. The area of unlosable openings shall be kept to a minimum.

To prevent loss of agent through openings to adjacent hazards or work areas, opening shall be permanently sealed or equipped with automatic closures. The false ceiling space, room and floor void (conceal space exceeding 800 mm) shall be protected with the total flooding fire suppression system.

1.5 SYSTEM EQUIPMENTS

1.5.1 Total Flooding Canisters

Each Aerohub® Aerosol Fire Suppression System canister is comprised of an insulated steel housing containing the aerosol forming compound, initiator, insulating medium and internal element for oxidation and cooling of the aerosol stream prior to its discharge from the unit. The initiator utilizes a secure two wire connector for electrical activation. Each canister is sealed with a non-permeable membrane to maintain the internal integrity of the unit and to ensure their reliability in the even the most severe operating environments. The Aerohub® Aerosol Fire Suppression System canisters are protected under the patent in Malaysia 2006-1308.

1.5.2 Smoke Detector

Smoke detector acceptable to the authority having jurisdiction may*be used to operate -the Aerohub® Aerosol Fire Suppression System.

1.5.3 Heat Detector

Heat detector acceptable to the authority having jurisdiction may be used to operate the Aerohub® Aerosol Fire Suppression System.

1.5.4 Alarm Bell

An alarm shall be used in conjunction with the Time Delay to provide an audio alert to personnel in the area that a system discharge is imminent and that the protected area must be evacuated.

1.5.5 Red & Green Twin Flashing Light

Red & Green twin flashing light acceptable to the authority having jurisdiction may be used to operate the Aerohub® Aerosol Fire Suppression System.

1.5.6 Manual Key Switch

Manual Key Switch acceptable to the authority having jurisdiction may be used to operate the Aerohub® Aerosol Fire Suppression System.

1.5.7 Isolate Switch

A system isolate switch (located inside control panel) shall be used in areas where personnel may present for further safety application. The operation of the system shall be manual only when personnel are present. While the system isolate is active the automatic activation of the system is inhibited, but fire detection and alarm system shall continue to function. The system returns to full automatic control when the switch is reactivated.

1.5.8 Fire Extinguishing Panel

The Contractor shall supply and install the Fire Extinguishing Panel as detailed in the requirements. This panel shall incorporate the followings:

i. Fire Detection and Manual Alarm System;
ii. Standby Power Supplies; and

The Fire Extinguishing Panel shall be constructed from mild steel sheets, adequately braced. The compartments for the storage of the batteries shall have adequate vents and corrosion resistant treatment.

Each alarm circuit shall incorporate distinctive audio (buzzer) and visual signals (indicating lights) for alarm indication and fault indication with four (4) functions: “ALARM TEST - NORMAL - ISOLATE - FAULT TEST)” switches incorporated. These control switches and indicating lights shall be as manufacturer’s specifications.

1.6 SYSTEM OPERATION

The system shall operate from an output voltage of 240V AC, 50Hz supplied to the power charger module within the fire extinguishing panel. This voltage is transformed and rectified within the panel to 24V DC. A 24V DC SLA standby battery need to be provided in case of mains voltage failure. This battery will automatically and instantaneously be switched into use as soon as the mains supply fails. Such a failure shall be indicated both visually and audibly at the panel. The battery shall be trickle-charged during normal operating conditions.

The system shall consist of two or more combination heat and smoke detectors. In order to discharge the extinguishing agent automatically, both smoke and heat detectors must be activated (double knock). This mode of operation obviates the possibility of false discharge due to one detector operating to conditions which are regarded as normal.

A disconnection to the detector circuit wiring will be indicated as a fault at the fire extinguishing panel both visually and audibly by a fault lamp and buzzer. Remote indication of alarm and fault conditions shall be provided at the master alarm and indicator panel.

1.7 BATTERY SUPPLY

The batteries shall be of Sealed Lead Acid (SLA). The battery capacity shall be capable of supplying a minimum alarm load for a period of at least an hour.

The Contractor shall submit calculations on the battery loadings to the Supervising Officer to ensure its capacity satisfies the conditions stated above.

The battery charger shall be capable of bringing the batteries to full charge within 8 hours operation on mains supply. It shall incorporate trickle charge rate, and fault warning devices shall be included to indicate any charging failure of mains failure.

1.8 WARNING AND INSTRUCTION SIGNS

The following Warning and Instruction Signs shall be firmly attached to the specified locations by the installer on the completion of Aerohub® installation in areas, where people may enter the enclosure.

i. Label to be displayed at entrance to enclosure (from outside):

THIS AREA IS FITTED WITH AEROHUB FIRE
SUPPRESSION SYSTEM
DO NOT ENTER UNLESS THE FIRE SUPPRESSION
SYSTEM IS ISOLATED
AFTER AEROSOL DISCHARGE DO NOT ENTER UNTIL
AREA HAS BEEN THOROUGHLY VENTILATED

ii. Label to be displayed at entrance to enclosure (from inside):

THIS AREA IS FITTED WITH AEROHUB FIRE
SUPPRESSION SYSTEM
EVACUATE AREA ON SOUND OF ALARM
AFTER AEROSOL DISCHARGE DO NOT ENTER UNTIL
AREA HAS BEEN THOROUGHLY VENTILATED

iii. Label to be displayed at Manual Key Switch

AEROHUB MANUAL KEYSWITCH
ENSURE THE AREA IS EVACUATED BEFORE RELEASING
OF AEROSOL

1.9 WIRING

The wiring from the equipment terminal strips to make up for the complete installation within each Fire Suppression System shall be done by the Contractor.

1.9.1 Above Ground

The wiring above ground shall be Polyvinyl Chloride (PVC) Insulated Cable and the size shall as specified in the Design Requirements. PVC insulated cable of 450/750 V grade to MS 136 and 600/1000 V grade to MS 274. The conductors shall be of stranded plain annealed copper to MS 69 and MS 280. The insulation shall be suitable for continuous operation at a maximum cable temperature of 70°C and comply with MS 138.

All fire detection and actuating circuit wiring shall be run in conduit. Minimum size of G.I. conduit shall be in 19 mm diameter.

1.9.2 Surge Protector

The surge protector shall be incorporated into extinguishing panel to protect from any transient voltage and lightning strike.

1.9.3 Incoming Power Supply

Incoming power supply from Distribution Box (DB) to control panel shall be provided by the client.

1.10 TESTING AND COMMISSIONING

The fire extinguishing and detection system shall be tested according to the related standard and shall be done in the presence of Supervising Officer or his representative, or a representative from the Main Contractor.

The power supply to the site shall be provided for by the Client. Otherwise, the

testing and commissioning of the fire extinguishing and detection system shall be conducted using a battery supply.

Testing and commissioning of the system shall be done by a way of a system discharge simulation method only.

TECHNICAL SPECIFICATION AEROHUB® AEROSOL FIRE SUPPRESSION AND FIRE DETECTION SYSTEM


No.	Items	Aerohub®'s Specification
1.0 General		
a	Agent Name	Aerohub®
b	Manufacturer	Hub Technologies (M) Sdn Bhd
c	Country Of Origin	Malaysia
d	Lowest Observable Adverse Effect Level	N/A
e	No Observed Adverse Effect Level	N/A
f	Safety Margin	< 30%
9	Oxygen Depletion	< 0.5%
h	Max. Exposure Time	N/A
i	Conforming Standard & Protocols	AS/NZS 4487:1997, NFPA 2010 UL1058&UL2775
2.0 Canister		
a	Manufacturer	Hub Technologies (M) Sdn Bhd
b	Type & Model	Steel / SS20
c	Filled Weight	<8 Kg
d	Filled Volume	100%
e	Test Pressure	< 75 psi
f	Pressure Gauge	N/A
g	Mounting Of Cylinder	Wall/Celling/Floor Mounting
h	Quantity Provided	As Requirement
3.0 Approval/Certificates Attached		
a	Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia	Bomba Cert: Sijil Pepasangan Keselamatan Kebakaran AK/Aerosol/764/2010(P12) Dated: 28/12/2021 - 27/12/2023
b	SIRIM	AS/NZS4487:1997, NFPA 2010 UL1058, UL2775
c	Universiti Kebangsaan Malaysia	Acute Toxicity - Certification (Dermal)
d	Universiti Kebangsaan Malaysia	Primary Skin Irritation ~ Certification
e	TUV	Acute Inhalation Toxicity - Certificate
4.0 Fire Extinguishing Panel		
a	Manufacturer / Brand	Hub Technologies
b	Type & Model	Fire Extinguishing Panel / HDL-036
c	Construction Material	Mild Steel
d	Finish	Red Color
e	Power 'On' Indicator	Yes

f	Normal, Fault & Fire Condition Indicator	Yes
g	Reset Indicator	Yes
h	Fault Buzzer	Yes
i	Fault Buzzer Cancel Button	Yes
j	Bell Silence Switch	Yes
k	Isolate Switch	Yes
l	Quantity Provided	As Requirement
5.0 Battery		
a	Manufacturer / Brand	1. MSB 2. Master 3. Hub 4. CSB 5. Powerup 6. Enersys 7. Or Equivalent
b	Rated Voltage $_K$	12v
c	Ampere Hour (Fully Charged)	7 Ah
d	Quantity Provided	As Requirement
6.0 Smoke Detector		
a	Manufacturer / Brand	1. Apollo 2. Context Plus 3. Hub 4. Demco 5. Everyday 6. Or Equivalent
b	Model Of Operation	Photo-Electric Detection
c	Operating Voltage	Nominal: 12/24 Vdc Minimum: 8.5 Vdc Maximum: 35 Vdc
d	Alarm Indication	Red L.E.D
e	Effective Coverage Area	9m(L) X 9m(W) X 7m(H)
f	Quantity Provided	As Requirement
7.0 Heat Detector		
a	Manufacturer/ Brand	1. Apollo 2. Context Plus 3. Hub 4. Demco 5. Everyday 6. Or Equivalent
b	Model Of Operation	Thermistor
c	Operating Voltage	Nominal: 12/24 Vdc Minimum: 8.5 Vdc Maximum: 35 Vdc
d	Alarm Indication	Red L.E.D


e	Effective Coverage Area	7m(L) X 7m(W) X 6m(H)
f	Quantity Provided	As Requirement
8.0 Alarm Bell		
a	Manufacturer / Brand	1. Apollo 2. Context Plus 3. Hub 4. Demco 5. Kawapi 6. Or Equivalent
b	Operating Voltage	Nominal: 24 Vdc
c	Sound Output	95db
d	Quantity Provided	As Requirement
9.0 Twins Flashing Light		
a	Manufacturer / Brand	1. Sri 2. Demco 3. Hub 4. Kawapi 5. Industronic 6. Or Equivalent
b	Operating Voltage	Nominal: 24 Vdc
c	Type	L.E.D
d	Quantity Provided	As Requirement
10.0 Manual Key Switch		
a	Manufacturer / Brand	1. SRI 2. Demco 3. Hub 4. Kawapi 5. Industronic 6. Or Equivalent
b	Contact Load	0.5 Amp Max.
c	Quantity Provided	As Requirement
11.0 Curtain Device		
a	Manufacturer / Brand	1. SRI 2. Demco 3. Hub 4. Kawapi 5. Or Equivalent
b	Operating Voltage	Nominal: 24 Vdc
c	Quantity Provided	As Requirement

AEROHUB INSTALLATION PROGRAM


1. INSTALLATION FOR SINGLE AEROHUB CANISTER (WALL MOUNTED)




Note : This is base installation for cabin size 3m x 3m x 2.5m (H)

Legend :-		
1		AEROHUB Control Panel
2		Smoke Detector
3		Heat Detector
4		Alarm Bell
5		Twin Flashing Light
6		Manual Key Switch
7		AEROHUB SS20 - Series
8		Warning Signages


2. INSTALLATION FOR MULTIPLE AEROHUB CANISTER (WALL MOUNTED)




Note : This is base installation for cabin size 3m x 3m x 2.5m (H)

Legend :-		
1		AEROHUB Control Panel
2		Smoke Detector
3		Heat Detector
4		Alarm Bell
5		Twin Flashing Light
6		Manual Key Switch
7		AEROHUB SS20 - Series
8		Warning Signages


3. INSTALLATION FOR SINGLE AEROHUB CANISTER (CEILING MOUNTED)




Note : This is base installation for cabin size 3m x 3m x 2.5m (H)

Legend :-		
1		AEROHUB Control Panel
2		Smoke Detector
3		Heat Detector
4		Alarm Bell
5		Twin Flashing Light
6		Manual Key Switch
7		AEROHUB SS20 - Series
8		Warning Signages

4. INSTALLATION FOR MULTIPLE AEROHUB CANISTER (CEILING MOUNTED)



Note : This is base installation for cabin size 3m x 3m x 2.5m (H)

Legend :-		
1		AEROHUB Control Panel
2		Smoke Detector
3		Heat Detector
4		Alarm Bell
5		Twin Flashing Light
6		Manual Key Switch
7		AEROHUB SS20 - Series
8		Warning Signages

2. TECHNICAL SPECIFICATION FOR FK5112 CLEAN AGENT FIRE SUPPRESSION SYSTEM

2.1 GENERAL

The work specified in this Section consists of furnishing, installing and testing of a complete conventional fire alarm, smoke detection and Clean Agent FK 5112 Total Flooding Fire Extinguishing System, including all components and accessories required for a complete and functioning system.

2.2 DESIGN STANDARDS AND VERIFICATIONS

The agent shall be approved by Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia or listed by Underwriters Laboratories.

The extinguishing agent shall satisfy the following requirements:

i. Extinguishing fire class A, B and C;
ii. Gaseous fire extinguishing agent does not leave any residue upon evaporation;
iii. Gaseous fire extinguishing agent does not react, corrode and damage the apparatus, equipment and system in place and certified by manufacturer; and
iv. Electrically non-conductive.

The designed system components and the installed system shall be according to pre-tested limitations as approved or listed by a recognized testing laboratory/manufacturer.

2.3 SYSTEM DESIGN

The contractor at design stage shall consider and address possible fire hazards within the protected area. The proposed total flooding system shall provide the highest degree of fire protection for designated areas. The installation shall be designed and installed for extinguishing of fire in accordance with approved standards. The quantity of extinguishing agent shall be sufficient to ensure rapid extinction of any fire in the protected areas and with adequate spare capacity. The agent shall be discharged within a nominal discharge time of not exceeding 60 seconds upon activation of the cylinders valve.

All devices shall have designed for the service encountered and shall not be readily rendered inoperative or susceptible to accidental operation. They shall be located, installed or suitably protected against mechanical, chemical or other damage, which may render them inoperative.

All devices for shutting down supplementary equipment shall be considered integral parts of the system and shall function with system operation. The cylinders shall be mounted in rows and installed in a suitable location as shown in the

drawings.

The suppression agent shall be filled in to the storage cylinders according to the manufacturer's filling instruction. If the protected volume has a floor or ceiling void, the spaces shall be included in the protected volume, employing a minimum design concentration not below that of the main room compartment. The protected volume shall be of adequate tightness to retain the design concentration according to the requirements of the relevant authority.

2.4 ENCLOSURE

The enclosure shall be adequate integrity to retain the design concentration for a required minimum holding time. The area of unclosable openings shall be kept to a minimum.

To prevent loss of agent through openings to adjacent hazards or work areas, opening shall be permanently sealed or equipped with automatic closures. The false ceiling space, room and floor void (conceal space exceeding 800 mm) shall be protected with the total flooding fire suppression system.

2.5 SYSTEM EQUIPMENTS

2.9.1 Total Flooding Cylinders

Agent shall be stored in cylinders designed to hold that specific agent at ambient temperature. The design pressure shall be suitable for the maximum pressure developed at the maximum controlled temperature limit.

Storage cylinders and accessories shall be located and arranged so that inspection, testing, recharging and other maintenance activities are facilitated and interruption of protection is held to a minimum.

Each cylinders shall have a permanent name plate specifying the number, filling weight and the pressurization level.

2.9.2 Smoke Detector

Smoke detector acceptable to the authority having jurisdiction may be used to operate the Fire Suppression System.

2.9.3 Heat Detector

Heat detector acceptable to the authority having jurisdiction may be used to operate the Fire Suppression System.

2.9.4 Alarm Bell

An alarm shall be used in conjunction with the Time Delay to provide an

audio alert to personnel in the area that a system discharge is imminent and that the protected area must be evacuated.

2.9.5 Red & Green Twin Flashing Light

Red & Green twin flashing light acceptable to the authority having jurisdiction may be used to operate the Fire Suppression System.

2.9.6 Manual Key Switch

Manual Key Switch acceptable to the authority having jurisdiction may be used to operate the Fire Suppression System.

2.9.7 Isolate Switch

A system isolate switch (located inside control panel) shall be used in areas where personnel may present for further safety application. The operation of the system shall be manual only when personnel are present. While the system isolate is active the automatic activation of the system is inhibited, but fire detection and alarm system shall continue to function. The system returns to full automatic control when the switch is reactivated.

2.9.8 Fire Extinguishing Panel

The Contractor shall supply and install the Fire Extinguishing Panel as detailed in the requirements. This panel shall incorporate the following:

i. Fire Detection and Manual Alarm System;
ii. Standby Power Supplies; and

The Fire Extinguishing Panel shall be constructed from mild steel sheets, adequately braced. The compartments for the storage of the batteries shall have adequate vents and corrosion resistant treatment.

Each alarm circuit shall include distinctive audio (buzzer) and visual signals (indicating lights) for alarm indication and fault indication with four (4) functions: “ALARM TEST - NORMAL - ISOLATE - FAULT TEST)” switches incorporated. These control switches and indicating lights shall be mounted as per manufacturer’s specifications.

2.6 SYSTEM OPERATION

The system shall operate from an output voltage of 240V AC, 50Hz supplied to the power charger module within the fire extinguishing panel. This voltage is transformed and rectified within the panel to 24V DC. A 24V DC SLA standby battery need to be provided in case of mains voltage failure. This battery will automatically and instantaneously be switched into use as soon as the mains supply fails. Such a failure shall be indicated both visually and audibly at the panel.

The battery shall be trickle charged during normal operating conditions.

The system shall consist of two or more combination heat and smoke detectors. In order to discharge the extinguishing agent automatically, both smoke and heat detectors must be activated (double knock). This mode of operation obviates the possibility of false discharge due to one detector operating to conditions which are regarded as normal.

A disconnection to the detector circuit wiring will be indicated as a fault at the fire extinguishing panel both visually and audibly by a fault lamp and buzzer.

Each system shall have a permanent name plate specifying the agent, number, gross weight/filling weight/nominal agent volume and the pressurization level of the cylinders. All cylinders supplying the same manifold outlet for distribution of agent shall be interchangeable and of one selected size and charge where applicable.

2.7 BATTERY SUPPLY

The batteries shall be of Sealed Lead Acid (SLA). The battery capacity shall be capable of supplying a minimum alarm load for a period of at least an hour.

The Contractor shall submit calculations on the battery loadings to the Supervising Officer to ensure its capacity satisfies the conditions stated above.

The battery charger shall be capable of bringing the batteries to full charge within 8 hours operation on mains supply. It shall incorporate trickle charge rate, and fault warning devices shall be included to indicate any charging failure of mains failure.

2.8 WARNING AND INSTRUCTION SIGNS

The following Warning and Instruction Signs shall be firmly attached to the specified locations by the installer on the completion of system installation in areas, where people may enter the enclosure.

i. Label to be displayed at entrance to enclosure (from outside):

THIS AREA IS FITTED WITH FK 5112 FIRE SUPPRESSION SYSTEM
DO NOT ENTER UNLESS THE FIRE SUPPRESSION
SYSTEM IS ISOLATED
AFTER FK 5112 DISCHARGE DO NOT ENTER UNTIL
AREA HAS BEEN THOROUGHLY VENTILATED

ii. Label to be displayed at entrance to enclosure (from inside):

THIS AREA IS FITTED WITH FK 5112 FIRE SUPPRESSION SYSTEM
EVACUATE AREA ON SOUND OF ALARM
AFTER FK 5112 DISCHARGE DO NOT ENTER UNTIL

AREA HAS BEEN THOROUGHLY VENTILATED

iii. Label to be displayed at Manual Key Switch

FK 5112 MANUAL KEYSWITCH
ENSURE THE AREA IS EVACUATED BEFORE
RELEASING OF FK 5112

2.9 WIRING

The wiring from the equipment terminal strips to make up for the complete installation within each Fire Suppression System shall be done by the Contractor.

2.9.1 Above Ground

The wiring above ground shall be Polyvinyl Chloride (PVC) Insulated Cable and the size shall as specified in the Design Requirements. PVC insulated cable of 450/750 V grade to MS 136 and 600/1000 V grade to MS 274. The conductors shall be of stranded plain annealed copper to MS 69 and MS 280. The insulation shall be suitable for continuous operation at a maximum cable temperature of 70°C and comply with MS 138.

All fire detection and actuating circuit wiring shall be run in conduit Minimum size of G.I. conduit shall be in 19 mm diameter.

2.9.2 Surge Protector

The surge protector shall be incorporated in the extinguishing panel to protect from any transient voltage and lightning strike.

2.9.3 Incoming Power Supply

Incoming power supply from Distribution Box (DB) to control panel shall be provided by client.

2.10 TESTING AND COMMISSIONING

The fire extinguishing and detection system shall be tested according to the related standard and shall be done in the presence of Supervising Officer or his representative, or a representative from the Main Contractor.

The power supply to the site shall be provided for by the Client. Otherwise, the testing and commissioning of the fire extinguishing and detection system shall be conducted using a battery supply.

Testing and commissioning of the system shall be done by a way of a system discharge simulation method only.

TECHNICAL SPECIFICATION FK 5112 CLEAN AGENT FIRE SUPPRESSION AND FIRE DETECTION SYSTEM


No.	Items	FK 5112 Specification
1.0 General		
a	Agent Name	FK 5112
b	Manufacturer	Hub Technologies (M) Sdn Bhd
c	Country Of Origin	Malaysia
d	IUPAC Name	1,1,1,2,2,4,5,5,5,-Nonafluoro-4-(trifluoromethyl)-3-pentanone
e	ASHRAE Designation	FK-5-1-12
f	CAS Registry Number	756-13-8
g	Synonym	Dodecafluoro-2-methylpentan-3-one
h	Chemical Formula	CF3CF2C(O)CF(CF3)2
i	Molecular Weight	316.04
j	Boiling Point at 760 mmHg	49°C/120.0°F
k	Freezing Point	-108°C/-162.4°F
l	Critical Pressure	270.44 psi (1,865kPa)
m	Critical Temperature	168.66°C/335.6°F
n	Critical Density	39.91 lbm/ft3 (639.1 kg/m3)
o	Critical Volume	0.0251 ft3/lbm (494.5 cc/mole)
p	Viscosity, Liquid at 25°C/77°F	1.27 lb/ft-hr (0.524 cP)
q	Water Solubility at 21.1°C/70°F)	<0.001% by weight
r	Purity	99.0% (minimum)
s	Water Content by Weight	0.001%
t	Non-Volatile Residue	(g/100 ml) 0.05
u	Ozone Depletion Potential	0
v	Global Warming Potential	<1
w	Atmospheric Lifetime (Years)	0.014
x	US EPA SNAP	Yes
2.0 Cylinder		
a	Brand	FK 5112
b	Type/Size	Steel 3lb - 520lb
c	Operating Pressure	240psi (16.9kgf/cm2) to 360psi (25.3kgf/cm_2) at 70^/21.1°C)
d	Manufacturing Standard	UL299 or DOT 4BW500
e	Quantity Provided	As Requirement
3.0 Approval/Certificates Attached		
a	Fire and Rescue Department Of Malaysia	Bomba Cert: Sijil Pepasangan Keselamatan Kebakaran

		2023/S6/5666/FSS Dated: 06/09/2023 – 05/09/2025
b	Underwriters Laboratories (Clean Agents Components)	UL File EX27990
4.0 Fire Extinguishing Panel		
a	Manufacturer / Brand	Hub Technologies
b	Type & Model	Fire Extinguishing Panel / HDL-036
c	Construction Material	Mild Steel
d	Finish	Red Color
e	Power 'On' Indicator	Yes
f	Normal, Fault & Fire Condition Indicator	Yes
g	Reset Indicator	Yes
h	Fault Buzzer	Yes
i	Fault Buzzer Cancel Button	Yes
j	Bell Silence Switch	Yes
k	Isolate Switch	Yes
l	Quantity Provided	As Requirement
5.0 Battery		
a	Manufacturer / Brand	1. MSB 2. Master 3. Hub 4. CSB 5. Powerup 6. Enersys 7. Or Equivalent
b	Rated Voltage$_K$	12v
c	Ampere Hour (Fully Charged)	7 Ah
d	Quantity Provided	As Requirement
6.0 Smoke Detector		
a	Manufacturer / Brand	1. Apollo 2. Context Plus 3. Hub 4. Demco 5. Everyday 6. Or Equivalent
b	Model Of Operation	Photo-Electric Detection
c	Operating Voltage	Nominal: 12/24 Vdc Minimum: 8.5 Vdc Maximum: 35 Vdc
d	Alarm Indication	Red L.E.D •
e	Effective Coverage Area	9m(L) X 9m(W) X 7m(H)
f	Quantity Provided	As Requirement


7.0 Heat Detector		
a	Manufacturer/ Brand	1. Apollo 2. Context Plus 3. Hub 4. Demco 5. Everyday 6. Or Equivalent
b	Model Of Operation	Thermistor
c	Operating Voltage	Nominal: 12/24 Vdc Minimum: 8.5 Vdc Maximum: 35 Vdc
d	Alarm Indication	Red L.E.D
e	Effective Coverage Area	7m(L) X 7m(W) X 6m(H)
f	Quantity Provided	As Requirement
8.0 Alarm Bell		
a	Manufacturer / Brand	1. Apollo 2. Context Plus 3. Hub 4. Demco 5. Kawapi 6. Or Equivalent
b	Operating Voltage	Nominal: 24 Vdc
c	Sound Output	95db
d	Quantity Provided	As Requirement
9.0 Twins Flashing Light		
a	Manufacturer / Brand	1. Sri 2. Demco 3. Hub 4. Kawapi 5. Industronic 6. Or Equivalent
b	Operating Voltage	Nominal: 24 Vdc
c	Type	L.E.D
d	Quantity Provided	As Requirement
10.0 Manual Key Switch		
a	Manufacturer / Brand	1. SRI 2. Demco 3. Hub 4. Kawapi 5. Industronic 6. Or Equivalent
b	Contact Load	0.5 Amp Max.
c	Quantity Provided	As Requirement

11.0 Curtain Device		
a	Manufacturer / Brand	1. SRI 2. Demco 3. Hub 4. Kawapi 5. Or Equivalent
b	Operating Voltage	Nominal: 24 Vdc
c	Quantity Provided	As Requirement

TYPICAL INSTALLATION FOR FK5112



Note : This is base installation for cabin size 3m x 3m x 2.5m (H)

Legend :-		
1		AEROHUB Control Panel
2		Smoke Detector
3		Heat Detector
4		Alarm Bell
5		Twin Flashing Light
6		Manual Key Switch
7		AEROHUB SS20 - Series
8		Warning Signages

Lampiran 5

KONTRAK PUSAT BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS PELURU SENJATA LARAS KECIL KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SELURUH MALAYSIA

1. LATAR BELAKANG

1.1 Kementerian Kewangan telah bersetuju agar perolehan pembekalan dan penghantaran pelbagai jenis peluru senjata laras kecil kepada semua Agensi Kerajaan di seluruh Malaysia dilaksanakan secara Kontrak Pusat untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 1 Julai 2026 hingga 30 Jun 2029.

1.2 Agensi Kerajaan hendaklah memperoleh item berkenaan hanya daripada syarikat Kontrak Pusat yang telah dilantik.

2. MAKLUMAT SYARIKAT KONTRAK PUSAT

2.2 Butiran lengkap Syarikat Pembekal seperti berikut:;

NAMA SYARIKAT	ALAMAT/NO. TELEFON/NO. FAKS	PERINCIAN BANK
Ketech Asia Sdn. Bhd. (KETECH)	18-03-02, Block 18, Corporate Park, Star Central, 63000 Cyberjaya, SELANGOR DARUL EHSAN No. Tel: 03 – 8800 7737 No. Faks: 03 – 88007711	CIMB Islamic Bank Berhad Prima, 5-A, Jalan Teknokrat 5, Sepang, 63000 Cyberjaya, Selangor No. Akaun: 8604585206

3. SENARAI HARGA PELBAGAI JENIS PELURU SENJATA LARAS KECIL

3.1 Kadar harga pelbagai jenis peluru senjata laras kecil adalah seperti di Jadual I dan tetap sepanjang tempoh kontrak. Kadar harga item tersebut adalah termasuk semua cukai, kos pembungkusan, dan kos penghantaran ke seluruh Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, tambahan kos sebanyak RM0.40 bagi setiap butir peluru akan dikenakan bagi penghantaran ke Sabah, Sarawak, dan WP Labuan.

3.2 Bagi perolehan peluru senjata laras kecil selain daripada jenis yang disenaraikan di bawah Jadual 1, Agensi adalah tertakluk kepada pelaksanaan tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa.

4. ANGGARAN KEPERLUAN

4.1 Agensi hendaklah menyediakan perancangan perolehan bagi tahun berikutnya dan mengemukakannya kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan selewat-lewatnya pada 30 November tahun semasa.

4.2 Kementerian Kewangan akan menyelaras semula anggaran keperluan dan jadual pembekalan berdasarkan peruntukan kewangan semasa Agensi yang diluluskan. Penyelarasan tersebut akan dilaksanakan bagi memastikan syarikat pembekal (KETECH) dapat membuat penyerahan pelbagai jenis peluru senjata laras kecil mengikut tempoh yang telah ditetapkan pada Perenggan 6.

4.3 Laporan perolehan peluru senjata laras kecil hendaklah dikemukakan oleh Agensi kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan setiap suku tahun menggunakan Lampiran 5A yang disediakan.

5. PESANAN

5.1 Agensi hendaklah melaksanakan perolehan bagi empat (4) item peluru yang disenaraikan dalam Jadual 1 secara terus daripada syarikat pembekal (KETECH) dengan menggunakan Pesanan Rasmi Kerajaan; manakala perolehan bagi item selain daripada empat (4) peluru tersebut adalah tertakluk kepada kaedah perolehan semasa yang berkuat kuasa.

5.2 Semua pesanan hendaklah dikemukakan secara terus kepada syarikat pembekal (KETECH) dengan menyatakan nombor kontrak, jenis atau saiz item, serta kuantiti keperluan secara jelas.

5.3 Semasa mengemukakan pesanan, Agensi hendaklah menyatakan alamat lengkap, nama pegawai pelulus yang bertanggungjawab, serta maklumat perhubungan (nombor telefon, nombor faks, dan e-mel) bagi memastikan penyampaian bekalan dapat disempurnakan dengan teratur dan tepat di lokasi yang ditetapkan.

6. TEMPOH PENYERAHAN

6.1 Tempoh Penyerahan Bekalan (TPB) bagi Agensi Pengguna adalah berdasarkan lokasi serahan yang ditetapkan, iaitu dalam tempoh 150 hari dari tarikh Pesanan Kerajaan (PK) bagi Semenanjung Malaysia, dan 180 hari bagi Sabah, Sarawak, serta WP Labuan. Walau bagaimanapun, bagi kuantiti bekalan tertentu, TPB hendaklah ditentukan melalui persetujuan bersama kedua-dua pihak tertakluk kepada ketetapan dalam Jadual 2.

6.2 Bekalan yang diserahkan oleh syarikat pembekal (KETECH) mengikut masa dan tarikh yang telah ditetapkan di dalam PK tidak boleh ditolak, melainkan terdapat arahan bertulis daripada Pegawai Pelulus. Sekiranya penolakan dibuat tanpa sebarang notis atau pemakluman awal kepada syarikat pembekal (KETECH), pegawai berkenaan boleh dikenakan

tindakan termasuk menanggung segala tuntutan ganti rugi yang dikemukakan oleh syarikat pembekal (KETECH), jika ada.

7. LOKASI PENYERAHAN

7.1 Penyerahan bekalan di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak, dan WP Labuan hendaklah dibuat secara terus kepada Agensi, mengikut lokasi serahan yang dinyatakan dalam PK berkenaan.

8. *PRE DELIVERY INSPECTION* (PDI) DAN *FINAL INSPECTION AND ACCEPTANCE* (FA)

8.1 Urusan Pemeriksaan Sebelum Penghantaran (*Pre-Delivery Inspection* - PDI) dan Kelulusan Akhir (*Final Acceptance* - FA) bagi pihak Kerajaan hendaklah dilaksanakan oleh Pasukan PDI dan FA yang dianggotai oleh pihak-pihak berikut:

Ketua Pasukan	:	Ketua Jabatan/ Pegawai dilantik;
Ahli	:	(i) Pegawai yang Dilantik: Sehingga dua (2) orang pegawai,dengan keutamaan kepada pegawai yang berkaitan dengan perolehan peluru (pengguna); dan (ii) Pakar Teknikal: Pegawai Teknikal Peluru (*Ammunition Technical Officer* - ATO) dan/atau wakil daripada Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE).

8.2 Sekiranya Pasukan PDI atau FA gagal melaksanakan tugasan pemeriksaan dalam tempoh tujuh (7) hari, syarikat pembekal (KETECH) adalah diberi kuasa untuk melaksanakan PDI atau FA tersebut bagi pihak Kerajaan serta mengeluarkan Sijil PDI atau FA yang berkaitan.

8.3 Pelaksanaan proses pemeriksaan dan penerimaan bekalan adalah tertakluk kepada ketetapan tempoh berikut:

(a) Tempoh pelaksanaan PDI hendaklah tidak melebihi tujuh (7) hari; dan

(b) Tempoh Kelulusan Akhir / Pemeriksaan dan Penerimaan (*Final Acceptance* / *Inspection & Acceptance* - FA/IA) hendaklah disempurnakan dalam tempoh lima (5) hari selepas bekalan diterima di depoh peluru atau lokasi penghantaran yang ditetapkan

8.4 Sijil PDI, Sijil FA, atau Sijil Penolakan hendaklah disediakan oleh Pasukan PDI atau Pasukan FA dalam tempoh proses PDI atau FA dilaksanakan.

9. PENERIMAAN

9.1 Agensi hendaklah memeriksa bekalan yang diterima bagi memastikan jenis, saiz, fungsi, dan kuantiti pelbagai jenis peluru senjata laras kecil yang dibekalkan adalah menepati pesanan serta mematuhi spesifikasi kontrak.

9.2 Sekiranya terdapat kerosakan, kekurangan atau bukan keluaran semasa, syarikat pembekal (KETECH) wajib menggantikan item berkenaan tanpa sebarang kos tambahan dalam Tempoh Penggantian Penolakan Bekalan (TPPB), iaitu dalam tempoh tiga puluh (30) hari bagi Semenanjung Malaysia dan enam puluh (60) hari bagi Sabah, Sarawak, serta WP Labuan, dikira dari tarikh akhir Penerimaan Muktamad / Pemeriksaan dan Penerimaan (*Final Acceptance* / *Inspection & Acceptance* - FA/IA).

10. PENETAPAN KLAUSA KENAAN DENDA PADA KONTRAK AGENSI

10.1 Agensi hendaklah memastikan klausa kenaan denda seperti di perenggan berikut dimasukkan pada klausa kontrak iaitu:

(a) Sekiranya syarikat pembekal (KETECH) lewat membuat penyerahan pelbagai jenis peluru senjata laras kecil mengikut tempoh masa yang ditetapkan di perenggan 6, Agensi boleh mengenakan Denda Atas Kelewatan ke atas nilai keseluruhan pesanan semasa yang lewat dan Agensi hendaklah menolak jumlah denda ini terus ke atas nilai pesanan tersebut, semasa membuat bayaran kepada pihak syarikat pembekal (KETECH). Pengiraan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{(Nilai Pesanan X } \textit{Base Rate}\text{)}}{365} \quad \text{X} \quad \text{Jumlah Hari Lewat}$$

(**Base Rate yang dirujuk adalah base rate institusi kewangan yang dinyatakan di Perenggan 2 di atas pada tarikh pesanan dibuat*)

(b) Sekiranya penyerahan bekalan tidak memenuhi kuantiti yang dipesan, Agensi boleh menerima bekalan dan mengenakan Denda Atas Kelewatan ke atas kuantiti yang belum dibekal berdasarkan formula seperti berikut:

$$\frac{\text{(Nilai Kuantiti Belum Dibekal X } \textit{Base Rate}\text{)}}{365} \quad \text{X} \quad \text{Jumlah Hari Lewat}$$

(**Base Rate yang dirujuk adalah base rate institusi kewangan yang dinyatakan di Perenggan 2 di atas pada tarikh pesanan dibuat*)

(c) Agensi hendaklah melaporkan perkara seperti di situasi perenggan 10.1 (a) dan (b) dengan serta-merta kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan dengan menyertakan salinan PK dan invois atau bil yang berkaitan.

10.2 Sekiranya pelbagai peluru senjata laras kecil yang dibekalkan tidak mematuhi syarat kontrak (tidak menepati spesifikasi, rosak, atau bukan keluaran semasa), agensi boleh:

(a) Menolak item tersebut dan meminta syarikat pembekal (KETECH) menggantikannya dengan item yang baharu dalam tempoh yang ditetapkan di bawah Perenggan 9 dari tarikh permintaan bertulis dibuat. Jika syarikat pembekal (KETECH) gagal berbuat demikian dalam tempoh tersebut berserta notis bertulis, Agensi boleh membeli item yang dikehendaki daripada pihak ketiga (luar kontrak). Jika kos pembelian melebihi harga kontrak yang ditetapkan, maka syarikat pembekal (KETECH) dikehendaki membayar amaun lebihan tersebut; atau

(b) Jika selepas penyerahan dibuat Agensi mendapati bekalan tersebut bukan keluaran semasa, maka Agensi hendaklah menolak item tersebut dan syarikat pembekal (KETECH) dikehendaki menggantikannya dengan item baharu dalam tempoh yang ditetapkan di bawah Perenggan 9 dari tarikh permintaan bertulis dibuat.

10.3 Penolakan bagi item yang tidak menepati spesifikasi hendaklah dibuat secara bertulis kepada syarikat pembekal (KETECH) dan mengemukakan salinan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

11. ADUAN PRESTASI SYARIKAT PEMBEKAL

11.1 Agensi hendaklah mengemukakan sebarang aduan dengan serta-merta atau tidak lewat daripada tiga (3) bulan sebelum tarikh kontrak tamat kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang masalah berbangkit akibat kegagalan Agensi mematuhi arahan ini. Semua aduan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan Lampiran 5B yang disertakan.

12. KAEDAH PEMBAYARAN

12.1 Pembayaran bil yang dikemukakan oleh syarikat pembekal (KETECH) hendaklah mematuhi tatacara kewangan yang sedang berkuat kuasa. Pembayaran penuh (100%) bagi sesuatu PK hanya akan dibuat setelah pembekalan diselesaikan sepenuhnya, tertakluk kepada potongan pelarasan dan denda kelewatan (sekiranya ada) seperti yang dinyatakan di Perenggan 10.

12.2 Bagi urusan pembayaran (100%), Pejabat Pembayar setiap Agensi

hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut dalam tiga (3) salinan (satu (1) set asal dan dua (2) set salinan yang ditandatangani):

(a) Salinan Surat Setuju Terima (SST);
(b) Pesanan Kerajaan (PK);
(c) Invois yang ditandatangani;
(d) Sijil Pemeriksaan (PDI) sebelum penghantaran yang ditandatangani;
(e) Sijil Penerimaan (FA) yang ditandatangani; dan
(f) Nota Hantaran / Nota Serahan (Delivery Order) yang ditandatangani.

12.3 Walau apa pun peraturan penerimaan yang diamalkan oleh sesuatu Agensi, pengesahan penerimaan bekalan hendaklah dibuat dengan segera dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bekalan disempurnakan bagi membolehkan syarikat pembekal (KETECH) mengemukakan bil pembayaran.

13. PENGELUARAN SEMASA, TEMPOH JAMINAN DAN JANGKA HAYAT PELBAGAI JENIS PELURU SENJATA LARAS KECIL

13.1 Syarikat pembekal (KETECH) hendaklah memastikan pelbagai jenis peluru senjata laras kecil yang dibekalkan adalah merupakan keluaran semasa. Tarikh pengilangan (*Date of Manufacture*) bagi peluru yang dibekalkan mestilah tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh penyerahan bekalan dibuat kepada Agensi.

13.2 Tempoh jaminan (*warranty*) daripada syarikat pembekal (KETECH) bagi mutu peluru senjata laras kecil adalah selama dua (2) tahun dari tarikh bekalan diterima oleh Agensi.

13.3 Jangka hayat (*shelf life*) bagi peluru senjata laras kecil yang dibekalkan oleh syarikat pembekal (KETECH) adalah sepuluh (10) tahun bermula dari tarikh pengeluaran/pembuatan peluru tersebut.

14. PENGGUNAAN KONTRAK PUSAT PELURU SENJATA LARAS KECIL

14.1 Semua Agensi hendaklah menggunakan kontrak pusat peluru senjata laras kecil ini sepenuhnya dan tidak dibenarkan mendapatkan bekalan peluru senjata laras kecil seperti di Jadual I daripada punca lain. Mana-mana pengecualian hendaklah dimohon melalui Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan dan mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri (mengikut mana-mana yang berkenaan), kecuali atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam perenggan 3.2 dan perenggan 10.

14.2 Spesifikasi teknikal dalam Kontrak ini merupakan spesifikasi guna sama bagi pelbagai Agensi. Sekiranya spesifikasi tersebut tidak menepati keperluan, Agensi boleh mengemukakan cadangan spesifikasi item yang baharu tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

(a) Item tersebut bersifat guna sama;

(b) Syarikat pembekal (KETECH) mempunyai keupayaan pengeluaran tempatan; dan

(c) Penambahan spesifikasi item dibuat jika terdapat keperluan.

15. HAL-HAL LAIN

15.1 Agensi hendaklah mengemukakan aduan rasmi mengenai prestasi syarikat pembekal yang kurang memuaskan, jika ada, kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan di alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Perolehan Kerajaan
(Seksyen Kontrak Pusat dan Sistem Panel)
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

15.2 Sebarang pertanyaan mengenai kontrak ini boleh dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui e-mel di kontrakpusat@treasury.gov.my.

SENARAI HARGA PELBAGAI JENIS PELURU SENJATA LARAS KECIL

JADUAL 1

BIL	ITEM	HARGA SEUNIT (RM)
	PELURU LARAS KECIL	
1	Rds 9 X 19mm Ball 115gr	2.05
2	Rds 9 X 19mm 124gr NATO	2.10
3	Rds 5.56 X 45mm Ball M193	2.50
4	Rds 5.56 X 45mm Ball SS109/M855	2.70

**Harga item termasuk kos penghantaran di seluruh Semenanjung Malaysia kecuali Sabah, Sarawak dan WP Labuan dikenakan RM0.40 bagi sebutir peluru.

TEMPOH MENYIAPKAN BEKALAN DAN PENYERAHAN BEKALAN

JADUAL 2

Kuantiti Peluru (x)	Semenanjung Malaysia (Hari)	Sabah, Sarawak & WP Labuan (Hari)
$x < 1,000,000$	60	90
$1,000,000 < x \leq 5,000,000$	90	120
$5,000,000 < x \leq 20,000,000$	150	180
$x \geq 20,000,000$	Persetujuan kedua-dua pihak	

*x adalah kuantiti peluru senjata laras kecil yang dipesan oleh Agensi

Lampiran 5A

LAPORAN PEROLEHAN PELURU SENJATA LARAS KECIL

LAPORAN BAGI SUKU _____ TAHUN 20_____

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	JENIS PELURU	KUANTITI PESANAN (round)	KUANTITI YANG DIBEKALKAN (round)	TARIKH PEMBEKALAN	NILAI (RM)

**Ruangan ini boleh ditambah mengikut keperluan.

Adalah disahkan bahawa penyata yang dinyatakan di atas adalah benar.

Tandatangan Pegawai :

Nama dan Jawatan :

Tarikh dan Cop :

Kementerian/Jabatan/Agensi

Nota: Laporan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan setiap suku tahun.

LAMPIRAN 5B

BORANG ADUAN KONTRAK PUSAT BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PELBAGAI JENIS PELURU SENJATA LARAS KECIL KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SELURUH MALAYSIA

Kepada:

.....

.....

1. Aduan Lewat Bekal/ Kurang Bekal/ Gagal Bekal

Item dan Nama kontraktor	No. Pesanan dan tarikh	Kuantiti Pesanan		Tarikh lanjutan bekalan (jika ada)	Kuantiti yang dibekalkan		Kuantiti yang belum dibekalkan		Tarikh sebenar dibekalkan
		Kuantiti	(RM)		Kuantiti	(RM)	Kuantiti	(RM)	

2. Perkara-perkara lain
(Perkara-perkara lain yang tidak terkandung dalam jadual di atas)

Nama Pegawai Pelapor :

Bahagian dan No. Telefon :

LAMPIRAN 6

KONTRAK PUSAT PEROLEHAN AYAM DAGING KEPADA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

1. LATAR BELAKANG

1.1 Kementerian Kewangan bersetuju melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pembekal ayam daging kepada Agensi Kerajaan di Semenanjung Malaysia selama dua (2) tahun mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Disember 2026.

1.2 Agensi pengguna terdiri daripada Kementerian, Jabatan Kerajaan (Persekutuan dan Negeri), Badan Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia sahaja tidak termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

1.3 Walau bagaimanapun, Kontrak Pusat Perolehan Ayam Daging Kepada Agensi Kerajaan di Semenanjung Malaysia adalah **dikecualikan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Agensi di bawahnya**. Agensi di bawah KKM hendaklah merujuk kepada Bahagian Perolehan dan Penswastaan, KKM bagi mendapatkan maklumat lanjut pelaksanaan perolehan ayam daging mulai 1 Januari 2025 dan seterusnya.

2. MAKLUMAT SYARIKAT KONTRAK PUSAT

BIL.	NAMA SYARIKAT	ALAMAT	PERINCIAN BANK
1.	Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)	Lot 1, Jalan Teknologi 3/5 Taman Sains Selangor 1 Kota Damansara Petaling Jaya 47810 SELANGOR No. Tel : 03-6144 1200 No. Faks : 03-6144 1399 Emel : info@nafas.com.my Aduan SMS : NAFAS ADUAN **[aduan anda] hantar ke 15888**	Nama Bank: Malayan Banking Berhad Cawangan Bukit Bintang 14th Floor Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, W.P. Kuala Lumpur, 50050 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Akaun No: **0-14084-30657-7**

3. KADAR HARGA DAN SPESIFIKASI AYAM DAGING

3.1 Pembekalan ayam daging adalah terbahagi kepada tiga (3) jenis iaitu Ayam Hidup, Ayam Bersih *Super* dan Ayam Potong Sembilan (9).

3.2 Kadar harga dan spesifikasi ayam daging bagi KP Ayam adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS AYAM	KADAR HARGA* (RM) / KG	RUJUKAN SPESIFIKASI
1.	Ayam Hidup	7.10	**Lampiran A1**
2.	Ayam Bersih *Super*	12.50	**Lampiran A2**
3.	Ayam Potong Sembilan (9)	13.40	**Lampiran A3**
* Kadar harga adalah tetap sepanjang tempoh kontrak. Kadar harga ini adalah termasuk kos penghantaran, kos penyimpanan dan fi ePerolehan.			

3.3 Spesifikasi ayam daging ini adalah spesifikasi guna sama pelbagai Agensi. Sekiranya spesifikasi tersebut tidak menepati keperluan Agensi, Agensi hendaklah mengemukakan e-mel kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan berserta spesifikasi yang diperlukan dengan menyatakan justifikasi yang berkenaan.

4. PESANAN MINIMUM

4.1 Had minimum bagi setiap pesanan adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS AYAM	Pesanan Minimum
1.	Ayam Hidup	30 kg
2.	Ayam Bersih *Super*	20 kg - dengan berat anggaran bersih seekor ayam ialah antara 1.3 kg – 1.8 kg
3.	Ayam Potong Sembilan (9)	90 keping

4.2 Sekiranya Agensi ingin membuat pesanan di bawah had minimum yang telah ditetapkan, Agensi hendaklah mengadakan perbincangan dengan pihak NAFAS untuk mendapatkan persetujuan pembekalan.

4.3 Jika tiada persetujuan dicapai, Agensi dibenarkan untuk membuat perolehan di bawah had minimum tersebut daripada pihak luar selain NAFAS mengikut tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa dan perlu memaklumkan kepada pihak Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

5. ANGGARAN KEPERLUAN

Agensi dikehendaki membuat perancangan perolehan tahunan berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan serta mengemukakan anggaran keperluan dan jangka masa pembekalan yang diperlukan kepada NAFAS untuk membolehkan pihak NAFAS membuat perancangan

pembekalan. Satu salinan jadual perancangan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti di **Lampiran B**.

6. PESANAN

6.1 Semua pesanan hendaklah dibuat terus secara rasmi kepada NAFAS dengan menggunakan Borang Pesanan Tempatan/Pesanan Kerajaan melalui Sistem ePerolehan bagi PTJ yang eP *enabled* atau mengeluarkan Pesanan Tempatan (LO) secara manual bagi PTJ yang belum eP *enabled*.

6.2 Pesanan yang dibuat hendaklah merangkumi jenis, kuantiti keperluan dan tempoh penghantaran yang terperinci yang dipersetujui serta mendapat pengesahan oleh NAFAS.

6.3 Kuantiti pesanan bagi setiap penghantaran hendaklah bersesuaian dan munasabah untuk membolehkan NAFAS menguruskan bekalan mengikut setiap pesanan berkenaan.

6.4 Apabila membuat pesanan, Agensi hendaklah memberi alamat yang lengkap dan nama pegawai yang menguruskan bekalan serta nombor telefon, nombor faks dan e-mel supaya pembekalan dapat disempurnakan dengan teratur dan tepat di tempat yang dikehendaki.

6.5 Pesanan yang telah dibuat oleh Agensi kepada NAFAS tidak boleh ditolak/dibatalkan oleh Agensi tanpa alasan munasabah. Penolakan/pembatalan pesanan hendaklah melalui arahan bertulis pegawai yang membuat pesanan. Jika penolakan/pembatalan dibuat secara *ad-hoc* tanpa memaklumkan NAFAS terlebih dahulu, tindakan boleh diambil terhadap pegawai berkenaan seperti menanggung segala tuntutan ganti rugi yang berkenaan daripada NAFAS, sekiranya ada.

6.6 Pesanan akhir oleh Agensi kepada NAFAS hendaklah dibuat sebelum tarikh Kontrak Pusat ini tamat.

7. TEMPOH PENYERAHAN

Tempoh serahan dan jadual pembekalan adalah tertakluk kepada pesanan Kerajaan yang dibuat oleh Agensi Kerajaan. NAFAS hendaklah memastikan bekalan sampai pada waktu serahan yang ditetapkan/dipersetujui melalui pengedar yang telah dilantik oleh NAFAS.

8. KUALITI BEKALAN

8.1 Agensi hendaklah memastikan kualiti bekalan ayam daging yang dibekalkan oleh NAFAS mematuhi spesifikasi yang ditetapkan seperti:

a. Mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan yang tertakluk di bawahnya oleh Kementerian Kesihatan;

b. Sijil pengesahan kesihatan ayam untuk dimakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV); dan

c. Mematuhi sijil halal mengikut spesifikasi yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)/Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

9. TERMA BAYARAN

Pembayaran bil-bil yang dikemukakan oleh NAFAS hendaklah dibuat mengikut tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa.

10. DENDA / PENALTI

10.1 Bagi penghantaran lewat atau tidak mengikut spesifikasi, NAFAS hendaklah mengemukakan alasan bertulis kepada Agensi sebelum masa penghantaran yang dipersetujui. Sekiranya alasan yang diberikan tidak diterima oleh Agensi, Agensi boleh mengenakan denda/penalti ke atas NAFAS bagi penghantaran lewat dan penghantaran yang tidak mengikut spesifikasi. Pengiraan denda/penalti dan tindakan Agensi adalah seperti berikut:

BIL.	KEADAAN	KADAR DENDA/TINDAKAN
1.	Kelewatan kurang daripada tiga (3) jam daripada waktu penyerahan yang dipersetujui.	• Lewat 30 minit pertama: 2% daripada nilai pesanan. • Lewat 31 minit dan ke atas: 5% daripada nilai pesanan.
2.	Kelewatan melebihi tiga (3) jam dan kurang dari enam (6) jam daripada waktu penyerahan yang dipersetujui.	• 10% daripada nilai pesanan.
3.	Kelewatan melebih enam (6) jam daripada waktu penyerahan yang dipersetujui.	• 10% daripada nilai pesanan. • Agensi berhak menolak bekalan tersebut dan mendapatkan bekalan ayam daging daripada sumber luar. • Semua kos termasuk kos pentadbiran ditanggung sepenuhnya oleh NAFAS.

Simulasi senario bagi perkara 1 – 3 diatas:
Waktu maksimum dipersetujui untuk penghantaran adalah pada 8.30 Pagi:

Senario	Waktu Penyerahan Penghantaran	Kadar Denda (%)
i.	sebelum 8.30 Pagi	0
ii.	8.30 Pagi	0
iii.	9.00 Pagi	2
iv.	9.01 Pagi	5
v.	≤11.30 Pagi	5
vi.	≥11.31 Pagi	10
vii.	>2.30 Petang	10 dan boleh ditolak pembekalan.

4.	Bekalan ayam daging yang diterima tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan.	• 10% daripada nilai pesanan. • Agensi berhak menolak bekalan tersebut dan mendapatkan bekalan ayam daging daripada sumber luar. • Semua kos termasuk kos pentadbiran ditanggung sepenuhnya oleh NAFAS.

5.	Ayam hidup yang dibekalkan tidak menepati spesifikasi di Lampiran A1 dan/atau didapati telah diberi makan dengan makanan ayam bercampur pasir dengan niat untuk menaikkan berat timbangan.	• Agensi berhak menolak bekalan tersebut dan mendapatkan bekalan ayam daging daripada sumber luar. • Semua kos termasuk kos pentadbiran ditanggung sepenuhnya oleh NAFAS. • Agensi hendaklah mengemukakan laporan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk diambil tindakan.

10.2 Sekiranya NAFAS dikenakan denda, Agensi mempunyai dua (2) pilihan seperti berikut:

a. Pihak NAFAS terus membayar denda tersebut kepada Agensi; atau

b. Bayaran denda dipotong daripada bayaran penghantaran bekalan berikutnya.

10.3 Agensi hendaklah mengemukakan laporan kepada Kementerian Kewangan setiap tiga (3) bulan mengenai kadar denda yang telah dikenakan kepada NAFAS bagi tujuan pemantauan seperti di **Lampiran D**.

11. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

11.1 Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan Agensi di bawah kawalannya mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan dalam menguruskan perolehan ayam daging. Agensi tidak dibenarkan memperoleh bekalan daripada punca lain tanpa kebenaran daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan terlebih dahulu.

11.2 Semua perolehan KP Ayam oleh Agensi hendaklah dilaporkan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan setiap tiga (3) bulan seperti di **Lampiran C**.

12. HAL-HAL LAIN

12.1 Agensi hendaklah memantau dan melaporkan sebarang aduan dengan serta-merta (jika ada), atau tidak lewat daripada tiga (3) bulan selepas tarikh Kontrak Pusat tamat ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan sekiranya mendapati NAFAS tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kementerian Kewangan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang masalah yang berbangkit akibat kegagalan Agensi mematuhi arahan ini. Semua aduan hendaklah menggunakan **Lampiran D** yang disertakan.

12.2 Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi NAFAS yang kurang memuaskan, jika ada, dalam kadar segera atau selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh berlakunya perkara yang diadukan melalui borang aduan seperti di **Lampiran D** ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti di alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Perolehan Kerajaan
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
(u.p.: Ketua Seksyen Kontrak Pusat & Sistem Panel)

atau

e-mel : aduan.kontrakpusat@treasury.gov.my.

12.3 Sebarang pertanyaan mengenai kontrak ini boleh diajukan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui e-mel ke alamat kontrakpusat@treasury.gov.my.

Lampiran A1

SPESIFIKASI AYAM HIDUP

1. Ayam-ayam hidup yang dibekalkan hendaklah ayam daging yang berumur tidak lebih daripada 60 hari. Berat tiap-tiap seekor ayam hendaklah tidak kurang daripada 1.5 kg dan tidak lebih daripada 2.2 kg berat semasa hidup.

2. Ayam-ayam yang dibekalkan hendaklah ayam-ayam sihat dan bebas daripada penyakit.

3. Kaki ayam hendaklah licin. Mata ayam tersebut hendaklah bersih dan bercahaya. Hidung hendaklah bebas daripada hingus dan nanah. Kepak-kepak ayam hendaklah tidak terkulai. Ayam-ayam yang dibekalkan hendaklah berbulu kering semasa timbangan di ladang.

4. Ayam-ayam yang dibekalkan hendaklah gemuk dan dada hendaklah berisi.

5. Dalam masa 6 jam sebelum masa penghantaran ayam-ayam tersebut hendaklah jangan diberi makan. Jika didapati ayam-ayam itu telah diberi makan, Agensi yang berkenaan berhak menolak bekalan tersebut.

6. Ayam-ayam hendaklah dibekalkan di dalam sangkar/bakul-bakul plastik yang besar supaya ayam-ayam itu bebas bergerak.

7. Ayam-ayam yang dibekalkan tidak boleh/jangan disuntik dengan hormon.

Lampiran A2

SPESIFIKASI AYAM BERSIH *SUPER*

1. Semua Ayam Bersih *Super* dibekalkan hendaklah daripada jenis-jenis seperti berikut:

    a. Ayam Sejuk (*Chilled*): ayam yang telah sedia dibersihkan dan boleh terus dimasak. Ayam tersebut mempunyai suhu badan di antara 0°C hingga 4°C tetapi ayam-ayam tersebut tidak dibekukan (*frozen*) atau ayam beku yang dicairkan semula (*thawed*).

    b. Ayam Beku (*Frozen*): ayam telah sedia dibersihkan dan boleh terus dimasak. Ayam tersebut mempunyai suhu badan tidak melebihi (-)18°C tetapi ayam tersebut tidak merupakan ayam yang dibekukan semula (*refreezing*).

2. Ayam-ayam yang telah diproses akan dibungkus di dalam beg plastik. Berat setiap bungkusan adalah di antara 10 kg hingga 15 kg. Bungkusan-bungkusan ini akan dimasukkan ke dalam bakul plastik.

3. Ayam-ayam hendaklah dibekalkan tanpa kepala, kaki, bulu, usus dan organ dalaman. Ayam-ayam tersebut hendaklah termasuk leher, gemuk dan berat bersih hendaklah tidak kurang daripada 1.3 kg dan tidak lebih daripada 1.8 kg. Ayam tersebut juga hendaklah dicuci bersih, tanpa darah. Kualiti ayam-ayam yang dibekalkan hendaklah menepati penentuan seperti di **Lampiran A1**.

4. Pembekal hendaklah mengesahkan bahawa ayam-ayam tersebut telah disembelih dan diproses dengan cara yang bersih dan mengikut peraturan Halal yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Pembekal hendaklah mengemukakan Sijil Halal yang dikeluarkan oleh JAKIM atau MAIN.

Lampiran A3

SPESIFIKASI AYAM POTONG SEMBILAN (9)

1. Semua Ayam Potong Sembilan (9) dibekalkan hendaklah daripada jenis-jenis seperti berikut:

    a. Ayam Sejuk (*Chilled*): ayam yang telah sedia dibersihkan dan boleh terus dimasak. Ayam tersebut mempunyai suhu badan di antara 0°C hingga 4°C tetapi ayam-ayam tersebut tidak dibekukan (*frozen*) atau ayam beku yang dicairkan semula (*thawed*).

    b. Ayam Beku (*Frozen*): ayam telah sedia dibersihkan dan boleh terus dimasak. Ayam tersebut mempunyai suhu badan tidak melebihi (-)18°C tetapi ayam tersebut tidak merupakan ayam yang dibekukan semula (*refreezing*).

2. Berat seekor ayam yang hendak dipotong sembilan mestilah tidak kurang dari 1.3 kg dan tidak lebih dari 2.0 kg. Pengagihan (*portion*) ketul ayam bagi orang dewasa adalah di antara 150-180 gram. Manakala bagi *portion* kanak-kanak, Agensi hendaklah berunding secara terus dengan pihak NAFAS.

3. Ayam Potong Sembilan (9) terdiri daripada seekor ayam daging tanpa kepala, leher, kaki, hempedal, hati, tongking dan lemak yang dipotong kepada sembilan (9) bahagian seperti berikut:

    a. 2 ketul kepak;

    b. 2 ketul peha atas (*thigh*);

    c. 2 ketul *drumstick*; dan

    d. 3 ketul bahagian dada.

4. Setiap bekalan hendaklah diisi di dalam satu bungkusan yang tidak melebihi 10 kg hingga 15 kg untuk setiap bungkusan plastik. Setiap bungkusan pula hendaklah mengandungi 80% daripada sembilan (9) bahagian bagi seekor ayam dan 20% lagi bolehlah terdiri daripada mana-mana bahagian ayam yang telah dipotong sembilan seperti di perenggan 2 di atas iaitu untuk tujuan menggenapkan timbangan dalam pesanan.

Lampiran B

PERANCANGAN PEROLEHAN
KONTRAK PUSAT PEROLEHAN AYAM DAGING KEPADA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Tahun : _____

Kementerian : _____

Agensi : _____

JENIS AYAM	BULAN (KG)												JUMLAH (KG)	NILAI PEROLEHAN (RM)
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS		
JUMLAH														

Adalah disahkan bahawa perancangan perolehan yang dinyatakan di atas adalah benar bagi tahun _____.

Tandatangan Pegawai :

Jawatan :

Tarikh dan Cop Agensi :

Lampiran C

LAPORAN PENYATA PESANAN
KONTRAK PUSAT PEROLEHAN AYAM DAGING KEPADA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

SUKU *1/2/3/4 BAGI TAHUN 20____
**Sila potong yang tidak berkenaan*

BIL.	KEMENTERIAN / AGENSI	JENIS	BULAN		BULAN		BULAN		JUMLAH TERKUMPUL	
			KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)

***Ruangan ini boleh ditambah mengikut keperluan.*

Adalah disahkan bahawa penyata yang dinyatakan di atas adalah benar.

Tandatangan Pegawai :

Nama dan Jawatan :

Tarikh dan Cop Kementerian/Agensi :

Nota: Laporan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan setiap suku tahun.

Lampiran D

BORANG ADUAN
KONTRAK PUSAT PEROLEHAN AYAM DAGING KEPADA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Kepada :

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Perolehan Kerajaan
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
(u.p.: Ketua Seksyen Kontrak Pusat & Sistem Panel)

1. Aduan Lewat/Kurang/Gagal Bekal

NAMA SYARIKAT	NO. PESANAN DAN TARIKH	JENIS AYAM	KUANTITI PESANAN	TARIKH LANJUTAN BEKALAN (JIKA ADA)	KUANTITI YANG DIBEKALKAN	KUANTITI YANG BELUM DIBEKALKAN	TARIKH AKHIR PEMBEKALAN	KENAAN DENDA (JIKA ADA)

2. Perkara-perkara lain
(Perkara-perkara lain yang tidak terkandung dalam jadual di atas)

Tandatangan Pegawai :

Jawatan :

Tarikh dan Cop Agensi :

PK 2.4



KERAJAAN MALAYSIA

Rundingan Terus

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2.4 RUNDINGAN TERUS..... 1

1. Pendahuluan 1

2. Kriteria dan Kaedah Permohonan Rundingan Terus Bagi Perolehan Yang Tidak Tertakluk FTA 1

3. Kriteria Tambahan Bagi Kaedah Rundingan Terus..... 2

4. Tatacara permohonan Rundingan Terus 4

5. Kaedah Melaksanakan Rundingan Harga..... 5

6. Memuktamadkan Harga dan Pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) 7

7. Prosedur Semakan Domestik (*Domestic Review Procedure*) 8

8. Penjelasan Berhubung Proses Perolehan Kerajaan (*Debriefing*) bagi Perolehan Tertakluk kepada FTA 8

9. Tarikh Kuat Kuasa 8

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Laporan Perbandingan Anggaran Jabatan, Harga Tawaran Dan Harga Dipersetujui

Lampiran 2 : Pengesahan Pegawai Pengawal Ke Atas Rundingan Harga Untuk Dimuktamadkan

PK 2.4 RUNDINGAN TERUS

1. Pendahuluan

1.1. Rundingan Terus yang juga dikenali sebagai *limited tendering* merupakan kaedah perolehan ke atas pelaksanaan perolehan/projek sedia ada. Perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang tidak dapat dilaksanakan secara sebut harga dan tender boleh dilaksanakan secara rundingan terus tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu atau peraturan khusus dalam pekeliling yang berkuat kuasa.

1.2. Agensi hendaklah memastikan bahawa kaedah rundingan terus tidak digunakan untuk tujuan mengelak daripada melaksanakan sebut harga/tender terbuka.

2. Kriteria dan Kaedah Permohonan Rundingan Terus Bagi Perolehan Yang Tidak Tertakluk FTA

2.1 Rundingan terus bagi bekalan/perkhidmatan/kerja dengan kelulusan Kementerian Kewangan hendaklah berasaskan kriteria seperti berikut:

(i) Kesegeraan Atas Kepentingan Awam

Perolehan yang perlu disegerakan supaya tidak menjejaskan kepentingan awam, penyampaian Kerajaan dan sekiranya perolehan tersebut tidak dibuat dengan segera akan memberi impak negatif kepada perkhidmatan awam.

(ii) Bagi Maksud Penyeragaman

Bagi memastikan kesesuaian penggunaan antara barangan yang sedia ada dengan barangan baru yang akan dibeli,maka permohonan untuk membeli barangan yang sama dan daripada pembekal yang sama secara rundingan terus boleh dipertimbangkan.

(iii) Satu Punca Bekalan/Perkhidmatan (Pembuat/Pemegang *Francais*)

Pembelian khusus yang mana hanya satu syarikat sahaja yang dapat membekalkan barangan atau perkhidmatan yang dikehendaki seperti membeli alat ganti dan lain-lain.

(iv) Melibatkan Keselamatan/Strategik

Perolehan yang melibatkan alat keselamatan atau projek tertentu yang strategik yang perlu dirahsiakan demi kepentingan negara.

(v) Kontrak Dengan Syarikat Pembuat Bumiputera

Dalam usaha untuk memupuk pertumbuhan syarikat Bumiputera yang bertaraf pembuat, Kerajaan telah mengadakan tender khusus yang dibuka kepada pembuat berkenaan sahaja. Bagi barangan tertentu yang mana terdapat satu atau dua pembuat Bumiputera sahaja, perolehan secara rundingan terus bolehlah dipertimbangkan bagi membantu mewujudkan pembuat Bumiputera yang berdaya saing.

2.2 Permohonan secara rundingan terus berdasarkan kriteria di atas hendaklah diperakukan oleh Pegawai Pengawal sebelum dikemukakan kepada Kementerian Kewangan.

3. Kriteria Tambahan Bagi Kaedah Rundingan Terus

3.1 Kaedah perolehan secara rundingan terus boleh digunakan bagi perolehan yang tertakluk dengan FTA atau tidak dengan kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Rundingan terus dibenarkan asalkan kaedah ini tidak digunakan untuk mengelak persaingan antara syarikat, melindungi syarikat tempatan atau menghalang penyertaan syarikat dari negara ahli FTA.

3.2 **Keadaan Tambahan Rundingan Terus Yang Dibenarkan**

i. Setelah pelawaan secara tender terbuka dilaksanakan, terdapat keadaan seperti berikut:

a. Tiada tawaran tender dikemukakan/tiada sambutan/tiada pihak membeli dokumen tender selepas tamat tempoh iklan tender;

b. Tiada tawaran tender yang memenuhi kriteria penilaian yang penting/wajib yang dinyatakan di dalam dokumen tender;

c. Tiada syarikat/tawaran yang memenuhi syarat penyertaan tender; dan

d. Didapati berlaku pakatan harga dalam tender yang dikemukakan.

ii. Walau bagaimanapun, Agensi tidak sama sekali dibenarkan untuk mengubah/meminda syarat atau kelayakan penyertaan tender semasa/selepas pelawaan/iklan tender dan dalam dokumen tender.

iii. Bekalan/perkhidmatan hanya boleh dibekalkan oleh pembekal tertentu (tunggal) dalam keadaan seperti berikut:

a. melibatkan karya seni;

b. perlindungan paten, hak cipta terpelihara atau hak eksklusif yang lain; atau

c. tiada persaingan disebabkan faktor teknikal.

iv. Rundingan terus dengan pembekal asal atau agennya yang sah bagi bekalan/perkhidmatan tambahan yang tidak dimasukkan dalam perolehan asal, sekiranya pertukaran pembekal bagi bekalan/perkhidmatan tambahan tersebut:

a. Tidak boleh dibuat disebabkan alasan teknikal seperti, tidak boleh tukar ganti (*interchangeability)* atau tidak saling kendali *(interoperability)* dengan peralatan sedia ada, *software*, perkhidmatan atau pemasangan (*installations)* di bawah perolehan asal atau kerana keadaan di bawah waranti pembekal asal; dan

b. mengakibatkan kesulitan atau implikasi kos yang tinggi kepada agensi.

v. Untuk barang-barang yang dibeli dari pasaran komoditi sebagai bahan mentah seperti minyak sawit, getah, lada hitam, kayu balak dan sebagainya.

vi. Prototaip yang dibuat terhad untuk satu tempoh percubaan atau berdasarkan permintaan oleh agensi khususnya untuk kontrak berkaitan penyelidikan, uji kaji, kajian atau pembangunan barangan tersebut. Namun, perolehan bekalan atau perkhidmatan yang seterusnya tidak lagi boleh dilaksanakan secara rundingan terus.

vii. Untuk perolehan kerja, pertambahan skop kerja yang tidak dimasukkan di bawah kontrak asal tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal tertakluk kepada kesediaan peruntukan;

viii. Berlakunya keadaan yang paling menguntungkan Kerajaan bagi satu tempoh yang singkat contohnya daripada pelupusan luar biasa,

likuidasi, bankrap atau pembubaran syarikat dan ianya bukanlah satu perolehan rutin daripada pembekal biasa.

ix. Pemenang pertandingan reka bentuk. Namun, pertandingan tersebut hendaklah dianjurkan selaras dengan obligasi Bab Perolehan Kerajaan, contohnya pertandingan turut dipelawa di kalangan negara ahli FTA.

x. Perolehan dalam keadaan darurat yang tidak membolehkan agensi mempelawa tender tersebut secara terbuka atau tender pra kelayakan. Agensi hendaklah mematuhi tatacara perolehan/perbelanjaan darurat mengikut pekeliling yang berkuat kuasa.

3.3 Permohonan rundingan terus di bawah keadaan tambahan di atas hendaklah diperakukan oleh Lembaga Perolehan Agensi/Jawatankuasa Sebut Harga dan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Pegawai Pengawal untuk pertimbangan.

4. Tatacara permohonan Rundingan Terus

4.1 Permohonan rasmi kepada Kementerian Kewangan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sahaja.

4.2 Format permohonan yang ditetapkan seperti di dalam pautan https://egpa.treasury.gov.my telah diisikan dengan lengkap berserta butiran maklumat dan dokumen sokongan yang diperakukan serta ditandatangani oleh Pegawai Pengawal dan pegawai Agensi.

4.3 Profil syarikat yang diperakukan, skop projek, penilaian keupayaan syarikat dan dokumen sokongan lain yang berkaitan hendaklah juga disertakan.

4.4 Pegawai Pengawal perlu memastikan kajian pasaran dan penilaian dilaksanakan terhadap keupayaan syarikat/kontraktor yang dicadangkan.

4.5 Agensi perlu menyatakan dengan jelas proses penilaian keupayaan syarikat melalui pelantikan ahli jawatankuasa sekiranya perlu, kelayakan ahli jawatankuasa, kaedah penilaian dan laporan yang perlu disediakan.

4.6 Laporan Penilaian teknikal dan kewangan hendaklah disertakan semasa permohonan kepada Kementerian Kewangan/Pihak Berkuasa Melulus. Jika Agensi masih memperakukan syarikat yang tidak disyorkan oleh

Jawatankuasa Penilaian, perkara tersebut hendaklah juga dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus.

4.7 Bagi perolehan ICT, Agensi adalah bertanggungjawab untuk menyemak dan mendapat kelulusan teknikal ICT berdasarkan peraturan dan tatacara semasa yang dikeluarkan oleh MAMPU. Bagi perolehan yang memerlukan proses pengurusan nilai, Agensi hendaklah melaksanakan Makmal Pengurusan Nilai (VM) berdasarkan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

4.8 Bagi perolehan/perbelanjaan darurat, Agensi hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan melalui pekeliling yang berkuat kuasa.

4.9 Permohonan yang tidak memenuhi kriteria di perenggan 2 dan 3 tidak akan dipertimbangkan. Kegagalan mematuhi perancangan perolehan dan pelaksanaan perolehan pada saat akhir tidak boleh dijadikan justifikasi dan asas permohonan rundingan terus oleh Agensi.

5. Kaedah Melaksanakan Rundingan Harga

5.1 Kaedah melaksanakan rundingan harga bagi rundingan terus yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan adalah seperti berikut:

i. Surat Niat (*Letter of Intent*) hendaklah dikeluarkan kepada syarikat setelah syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dipenuhi;

ii. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Surat Niat ditandatangani oleh Ketua Jabatan tanpa tertakluk kepada had nilai mengikut penurunan kuasa selaras dengan Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120].

iii. Terma dalam Surat Niat hendaklah tidak mengikat Kerajaan (*non-binding*);

iv. Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Pegawai Pengawal atau pegawai yang dilantik oleh Pegawai Pengawal secara bertulis;

v. Pelantikan Ahli Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal;

vi. Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai yang berkelayakan atau mempunyai pengalaman dan kemahiran teknikal mengenai perolehan yang berkenaan. Pegawai awam dari agensi lain boleh dilantik bagi maksud ini;

vii. Bagi memastikan harga yang dirundingkan adalah munasabah, berpatutan dan mendapat nilai faedah terbaik (*best value for money*), kajian pasaran hendaklah dibuat bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan sebelum sesuatu rundingan dijalankan. *Trend* Harga pembelian dalam urusan perolehan hendaklah diambil kira serta dijadikan sebagai panduan. Harga pembelian bagi perolehan yang sama yang diuruskan oleh agensi/institusi lain juga hendaklah diambil kira. Bagi perolehan kerja, anggaran Jabatan hendaklah dijadikan asas rundingan. Agensi perlu mengambil kira angka tunjuk harga/indeks kos bahan binaan bangunan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan semasa menyediakan anggaran jabatan;

viii. Minit Mesyuarat hendaklah disediakan untuk setiap mesyuarat rundingan harga dengan dicatatkan para hadirin dan perkara yang telah atau pun tidak dipersetujui dan seterusnya hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan wakil syarikat yang sah iaitu seperti penama dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan dan CIDB;

ix. Agensi hendaklah mendapat pengesahan bertulis daripada syarikat ke atas harga rundingan yang telah dipersetujui;

x. Anggaran Harga Jabatan, harga tawaran asal syarikat dan harga dipersetujui hendaklah disenaraikan secara terperinci mengikut item atau komponen perolehan seperti contoh di **Lampiran 1 (Laporan Hasil Rundingan Harga)** atau lain-lain format mengikut kesesuaian;

xi. Laporan Hasil Rundingan Harga hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Rundingan Harga dalam tempoh tiga (3) hari selepas tamat rundingan harga dan seterusnya dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan bagi meluluskan harga tersebut;

xii. Pegawai Pengawal dan Jawatankuasa Rundingan Harga adalah bertanggungjawab untuk memastikan harga yang diperakukan untuk persetujuan adalah munasabah, berpatutan dan mencapai matlamat nilai faedah terbaik. Bagi maksud ini, Pegawai Pengawal hendaklah membuat pengesahan ke atas harga yang telah dirunding untuk dimuktamadkan dengan mengisi contoh format seperti di **Lampiran 2** dan mengemukakannya bersama **Lampiran 1** serta dokumen/maklumat lain yang berkaitan untuk kelulusan;

xiii. Sekiranya harga rundingan tidak dapat dipersetujui, Pengerusi Jawatankuasa Rundingan Harga hendaklah memaklumkan kepada Pegawai PengawaI. Laporan Hasil Rundingan Harga tersebut hendaklah juga dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan sewajarnya;

xiv. Agensi hendaklah memastikan proses rundingan harga dapat diselesaikan seboleh-bolehnya dalam tempoh tidak lebih dua (2) minggu dari tarikh mesyuarat pertama rundingan harga supaya syarikat tidak melengahkan persetujuan harga. Tempoh rundingan hendaklah ditentukan dan dimaklumkan kepada syarikat di awal rundingan.

6. Memuktamadkan Harga dan Pengeluaran Surat Setuju Terima (SST)

6.1 Setelah proses rundingan selesai, harga rundingan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan/Pihak Berkuasa Melulus yang ditetapkan.

6.2 Surat Setuju Terima (SST) hendaklah dikeluarkan kepada syarikat secepat mungkin tetapi tidak lewat daripada tujuh (7) hari selepas kelulusan Kementerian Kewangan/Pihak Berkuasa Melulus.

6.3 Keseluruhan proses rundingan harga setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan termasuk mengeluarkan SST hendaklah diselesaikan dalam tempoh seperti berikut:

Bil.	Nilai	Tempoh Selesai Rundingan Sehingga Dikeluarkan SST
(i)	Tidak Melebihi RM50 juta	3 bulan
(ii)	Melebihi RM50 juta	6 bulan

6.4 Sekiranya SST tidak dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan di atas, maka kelulusan Kementerian Kewangan terbatal dengan sendirinya.

7. Prosedur Semakan Domestik (*Domestic Review Procedure*)

7.1. Sebarang bantahan ke atas perolehan yang tertakluk kepada FTA boleh dibuat oleh petender dan hendaklah merujuk di PK2.1.

8. Penjelasan Berhubung Proses Perolehan Kerajaan (*Debriefing*) bagi Perolehan Tertakluk kepada FTA

8.1. Tatacara *debriefing* bagi perolehan yang tertakluk kepada FTA dinyatakan di PK2.1.

9. Tarikh Kuat Kuasa

9.1 Peraturan ini adalah berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

LAPORAN HASIL RUNDINGAN HARGA

Tajuk Perolehan/Projek:

Nama Syarikat:

Bil	**Butiran Item/Kapasiti /Bill of Quantity (BQ)**	**Anggaran Jabatan**	**Harga Tawaran Asal**	**Harga Dipersetujui**	**Perbezaan Harga**	
		(A)	**(B)**	**(C)**	**(D)** **D = C - A**	**(E)** **E= D x 100 A**
		(RM)	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(%)**
	Jumlah					

Keputusan Hasil Rundingan: _____

_____

Perakuan	Pengerusi	Ahli	Ahli	Wakil Syarikat
	Setuju/Tidak Setuju	Setuju/Tidak Setuju	Setuju/Tidak Setuju	Setuju/Tidak Setuju
Tandatangan				
Nama				
Jawatan				
Tarikh				

Catatan: Format hendaklah diubahsuai mengikut keperluan dan kesesuaian perolehan

LAMPIRAN 2

PENGESAHAN PEGAWAI PENGAWAL KE ATAS RUNDINGAN HARGA UNTUK DIMUKTAMADKAN

Saya mengesahkan bahawa harga rundingan yang dipersetujui di antara _____ (nama agensi) dan _____ (nama syarikat) seperti di bawah adalah munasabah dan paling menguntungkan Kerajaan:

Tajuk perolehan: _____

Harga dipersetujui: _____

Tempoh siap/penghantaran:_____

Dengan ini saya memperakukan supaya harga di atas dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan.

_____

(Nama dan Tandatangan Pegawai Pengawal)

Kementerian : _____

Tarikh : _____

Cop Kementerian :

PK 2.6



KERAJAAN MALAYSIA

Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (*Cloud*) Sektor Awam

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2.6 Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (*Cloud*) Sektor Awam

1. Latar Belakang 3
2. Butir-Butir Kontrak 3
3. Senarai Perkhidmatan *Cloud* 8
4. Senarai dan Harga Produk *Cloud* 9
5. Tatacara dan Pelaksanaan Perolehan 10
6. Kaedah, Had Nilai Perolehan Dan Pihak Berkuasa Melulus 12
7. Jawatankuasa Penilaian 13
8. Surat Setuju Terima dan Dokumen Perjanjian 13
9. Kaedah Pengeluaran Pesanan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan (eP) 14
10. Carta Alir Pelaksanaan Perolehan Perkhidmatan *Cloud* Sektor Awam dan Soalan Lazim (FAQ) 15
11. Agensi Yang Boleh Dihubungi 15
12. Pemakaian 16
13. Tarikh Kuat kuasa 16

LAMPIRAN 17

PK 2.6 Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (*Cloud*) Sektor Awam

1. Latar Belakang

1.1 Kerajaan melalui Jabatan Digital Negara (JDN) telah menguatkuasakan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 1/2021 - Dasar Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam. Pekeliling tersebut bertujuan untuk menyokong inisiatif MyDigital bagi mewujudkan Kerajaan digital yang menyediakan perkhidmatan dalam talian bersepadu secara *end-to-end* yang lebih efisien, efektif dan telus. Antara strategi MyDigital adalah menyasarkan 80% penggunaan storan pengkomputeran awan (*cloud*) merentas Sektor Awam pada tahun 2022.

1.2 Dasar Pengkomputeran Awan Sektor Awam oleh JDN menetapkan model pelaksanaan *cloud* sama ada penggunaan *private cloud* iaitu MyGovCloud@PDSA atau *public cloud* yang dilaksanakan melalui *framework agreement*.

1.3 *Framework agreement* bagi perkhidmatan *cloud (Cloud Framework Agreement* – CFA) merupakan dokumen kontrak antara Kerajaan melalui JDN dengan *Cloud Service Provider* (CSP) dan *Managed Service Provider* (MSP) yang dilantik oleh Kerajaan bagi menyediakan perkhidmatan *cloud* kepada semua Agensi Kerajaan (Agensi). CFA akan dikawal selia oleh JDN sebagai agensi teknikal yang bertanggungjawab ke atas Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam. Pelaksanaan obligasi di bawah CFA akan dipantau oleh JDN sebagai pentadbir kontrak.

1.4 Berikutan itu, Pekeliling Perbendaharaan (PP) ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Agensi mengenai pelaksanaan CFA untuk Sektor Awam. Agensi hendaklah memastikan sebarang perolehan perkhidmatan *cloud* yang hendak dilaksanakan mematuhi prosedur ditetapkan.

2. Butir-Butir Kontrak

2.1 Kerajaan bersetuju agar perolehan perkhidmatan *cloud* kepada semua Agensi diuruskan melalui CFA yang telah ditandatangani antara Kerajaan dan CSP/MSP untuk tempoh seperti berikut:

Bil.	CSP	MSP	TEMPOH KONTRAK
1.	Amazon Web Services Sdn. Bhd. (357-0002339442) Tel: 03-2779 0508 / 019-307 0543 Faks: n/a Emel:csp-malaysia@amazon.com	Radmik Solutions Sdn. Bhd. (357-02054095) Tel: 03-61500156 / 012-317 2092 Faks: 03-6142 4440 Emel:msp@radmik.com.my	Asal: 1/1/2022 hingga 31/12/2024 Pelanjutan: 1/1/2025 hingga 31/12/2025 Pelanjutan: 1/1/2026 hingga 30/6/2026 Pelanjutan: 1/7/2026 hingga 30/6/2027
2.	Microsoft (Malaysia) Sdn. Bhd. (357-0002344519) Tel: 012-3938063 / 012-233 2871 Faks: 03-2710 6500 Emel:csp-ms@microsoft.com	Enfrasys Solutions Sdn. Bhd. (357-02100847) Tel: 019-2253997/ 03-7498 1525 Faks: n/a Emel:mydigital.msp@enfrasys.com	Asal: 1/3/2022 hingga 28/2/2025 Pelanjutan: 1/3/2025 hingga 31/12/2025 Pelanjutan: 1/1/2026 hingga 30/6/2026 Pelanjutan: 1/7/2026 hingga 30/6/2027

3.	Google Cloud Malaysia Sdn. Bhd. (357-0002343792) Tel: 03-2261 6400 Faks: 03-2178 4734 Emel:csp-malaysia@google.com	Awantec Systems Sdn. Bhd (357-02022936) Tel:03-8689 7000 Faks: 03-8689 7009 Emel:msp@awantec.my	Asal: 1/2/2022 hingga 31/12/2024 Pelanjutan: 1/1/2025 hingga 31/12/2025 Pelanjutan: 1/1/2026 hingga 30/6/2026 Pelanjutan: 1/7/2026 hingga 30/6/2027
4.	TM Technology Services Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Telekom Malaysia Berhad (357-00036277) Tel: 012-289 7915 Faks: 03-7731 3346 Emel:csp@tm.com.my	Cloud Connect Sdn. Bhd. (357-0002336833) Tel: 03-5033 4848 Faks: 03-5033 4848 Emel:msp@cloud-connect.asia	Asal: 1/1/2022 hingga 31/12/2024 Pelanjutan: 1/1/2025 hingga 31/12/2025 Pelanjutan: 1/1/2026 hingga 30/6/2026 Pelanjutan: 1/7/2026 hingga 30/6/2027

Nota : Nombor telefon, faks dan emel akan berubah dari masa ke semasa. Agensi dipohon untuk menghubungi pihak CSP/MSP atau JDN untuk mendapatkan maklumat terkini.

2.2 Peranan terperinci CSP dan MSP adalah seperti berikut:

2.2.1 Peranan CSP

(a) menyediakan pengurusan pelaksanaan perkhidmatan;

(b) menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) jenis akaun atau peringkat akaun perkhidmatan iaitu:

(i) Akaun JDN (*master account*) sebagai pentadbir CFA, boleh melanggan, memantau penggunaan *cloud*, maklumat bil/caj pembayaran perkhidmatan bagi semua agensi Kerajaan dan fungsi-fungsi lain yang berkaitan; dan

(ii) Akaun Agensi Kerajaan (*sub-account*) sebagai pengguna perkhidmatan yang boleh melanggan, mengkonfigurasi, memantau penggunaan *cloud*, melakukan optimasi perkhidmatan, bil/caj dan pembayaran bagi agensi masing-masing dan fungsi-fungsi lain yang berkaitan.

(c) menyediakan perkhidmatan *Infrastructure-as-a-Service* (IaaS), *Platform-as-a-Service* (PaaS), *Software-as-a-Service* (SaaS), *Anything-as-a-Service* (XaaS) dan lain-lain yang berkaitan dengan perkhidmatan *cloud* yang selamat kepada Kerajaan;

(d) menyediakan *Service Level Agreement* (SLA) bagi setiap perkhidmatan berkenaan;

(e) menyediakan perkhidmatan profesional (*professional services*) termasuk cadangan dan perancangan teknikal, konfigurasi, migrasi dan lain-lain yang berkaitan dengan perkhidmatan;

(f) menyediakan *trial period*/akaun demo bagi setiap *service catalogue* yang terpilih tanpa obligasi bayaran;

(g) menyediakan meja bantuan dan khidmat sokongan:

(i) beroperasi dengan lancar;

(ii) mempunyai perkhidmatan profesional dan *local support* bagi perkhidmatan yang ditawarkan;

(iii) memaklumkan insiden serta status insiden melalui emel dan/atau SMS;

(iv) memastikan insiden diselesaikan mengikut tempoh penyelesaian insiden yang ditawarkan mengikut SLA yang dicadangkan;

(v) menyediakan bilangan kakitangan meja bantuan dan

khidmat sokongan;

(vi) menyediakan *response time* dan *resolution time* berdasarkan *severity level*;

(h) menyediakan perkhidmatan seperti termaktub dalam kontrak dan memastikan perkhidmatan tersebut dilaksanakan secara teratur dan memuaskan;

(i) memberikan kerjasama kepada Agensi dan/atau wakil Agensi yang dilantik oleh Agensi (seperti *System Integrator* -SI) yang melanggan perkhidmatan; dan

(j) Agensi akan membuat bayaran melalui MSP bagi perkhidmatan yang digunakan.

2.2.2 Peranan MSP

(a) memantau SLA bagi setiap perkhidmatan yang disediakan;

(b) menyediakan *Cloud Management Platform* (CMP);

(c) konsolidasi katalog, memberi cadangan pelaksanaan sumber dan *metering/billing* bagi status bayaran;

(d) menyediakan perkhidmatan profesional, konsultasi dan latihan *cloud*;

(e) mewujudkan pusat khidmat sokongan;

(f) membekalkan lesen perisian secara *on-premises* (jika berkaitan);

(g) mewujud dan menyelenggara sistem pemantauan perolehan aset lesen perisian oleh setiap kementerian/agensi;

(h) mewujudkan pusat khidmat pelanggan/panggilan setempat;

(i) memastikan perisian adalah tulen;

(j) bekerjasama dengan SI yang dilantik oleh Agensi sebagai subkontraktor dinamakan;

(k) memberi latihan pemasangan, penggunaan dan penyelenggaraan perisian;

(l) menyediakan perkhidmatan profesional bermula

perancangan, migrasi ke *cloud*, konfigurasi dan pengujian perkhidmatan (jika perlu);

(m) menyediakan dokumentasi dan laporan secara berkala bagi setiap langganan dan melalui *dashboard*;

(n) pelan perancangan bagi kedua-dua program penggalakan penggunaan perkhidmatan kepada agensi sektor awam dan memberikan kursus *certified/non-certified* secara percuma kepada pegawai Kerajaan yang bersesuaian;

(o) menyediakan bilangan kakitangan yang cukup serta berkemampuan bagi memberi khidmat sokongan 24X7;

(p) menyediakan pasukan projek yang berupaya melaksanakan perkhidmatan; dan

(q) Agensi yang memerlukan perkhidmatan akan membuat sebut harga dan akan mengikat kontrak dengan MSP yang mengandungi jenis perkhidmatan, nilai perolehan serta SLA yang ditawarkan.

3. Senarai Perkhidmatan *Cloud*

3.1 Senarai perkhidmatan *cloud* yang ditawarkan oleh CSP/MSP yang merangkumi IaaS, PaaS, SaaS dan lain-lain perkhidmatan *cloud* selamat boleh didapati melalui katalog di platform bersepadu kelolaan JDN melalui *hyperlink* https://mygovcloudcfa.jdn.gov.my/.

3.2 Agensi yang ingin mendapatkan perkhidmatan *cloud* selain daripada yang dinyatakan di platform https://mygovcloudcfa.jdn.gov.my/ atau tidak dapat ditawarkan oleh panel CSP/MSP atau melibatkan elemen keselamatan/perundangan, hendaklah melaksanakan perkhidmatan *cloud* tersebut secara kaedah perolehan sedia ada yang berkuat kuasa dengan mendapat kelulusan pengecualian penggunaan CFA daripada JDN.

3.3 Agensi yang mempunyai kontrak perkhidmatan *cloud* sedia ada dengan mana-mana CSP/MSP boleh meneruskan kontrak sedia ada dan mengguna pakai peraturan ini sebaik tempoh kontrak tersebut tamat.

3.4 Agensi yang mempunyai kontrak perkhidmatan perisian berasaskan *cloud* atau kontrak lesen perisian secara *on-premises* sedia ada dengan mana-mana CSP/MSP adalah tertakluk kepada tatacara Perolehan Perkhidmatan Perisian Berasaskan *Cloud* atau Kontrak Lesen Perisian Secara *On-Premises* (tempoh interim).

4. Senarai dan Harga Perkhidmatan *Cloud*

4.1 Senarai dan harga perkhidmatan *cloud* beserta diskaun yang ditawarkan oleh CSP adalah berdasarkan katalog yang diuruskan oleh MSP melalui https://mygovcloudcfa.jdn.gov.my/. Harga perkhidmatan yang dinyatakan di katalog boleh dijadikan panduan oleh Agensi dalam menyediakan spesifikasi keperluan serta Anggaran Jabatan.

4.2 Harga yang dinyatakan di katalog adalah dalam mata wang Dolar Amerika (USD) kecuali Telekom Malaysia Sdn. Bhd. dalam Ringgit Malaysia (RM) atau jika dinyatakan sebaliknya. Agensi hendaklah memastikan harga yang diperolehi adalah tidak melebihi kadar harga yang telah ditetapkan di dalam katalog perkhidmatan beserta harga diskaun.

4.3 Walau bagaimanapun, tawaran harga oleh MSP dan pembayaran hendaklah dibuat dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM). Kadar pertukaran 1USD kepada RM yang telah dipersetujui oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

Jadual 1

Kadar	Ketetapan
< RM4.00	Mengikut kadar pertukaran semasa Bank Negara Malaysia (BNM)
≥ RM4.00 – RM4.30	Mengikut kadar maksimum RM4.30
> RM4.30	a) Jika kadar pertukaran semasa BNM melebihi RM4.30 tetapi kenaikan tidak melebihi lima peratus (5%), kadar pertukaran adalah berdasarkan RM4.30. b) Jika kadar pertukaran semasa BNM melebihi RM4.30 tetapi kenaikan melebihi lima peratus (5%), kadar pertukaran adalah berdasarkan kadar pertukaran semasa BNM.

4.4 Tempoh sah tawaran harga oleh MSP adalah selama 90 hari. Agensi bertanggungjawab untuk membuat semakan ke atas tawaran harga yang dikemukakan oleh MSP agar selaras dengan kadar harga di katalog dan CFA serta mata wang asing berdasarkan ketetapan di Jadual 1.

4.5 Kadar tukaran matawang asing bagi tujuan pembayaran hendaklah dirujuk kepada kadar yang dikeluarkan oleh portal Jabatan Akauntan Negara di https://www.anm.gov.my.

5. Tatacara dan Pelaksanaan Perolehan

5.1 Agensi yang berhasrat melaksanakan perolehan perkhidmatan *cloud* hendaklah terlebih dahulu memahami Dasar Pengkomputeran Awan Sektor Awam melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2021 yang dikeluarkan oleh JDN.

5.2 Agensi hendaklah memastikan perkhidmatan *cloud* yang melibatkan penyimpanan dokumen atau maklumat rahsia rasmi diurus berdasarkan peraturan keselamatan yang berkuat kuasa dan tertakluk kepada pematuhan Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*) Dalam Perkhidmatan Awam atau arahan lain yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).

5.3 Terdapat tiga (3) kategori perolehan perkhidmatan *cloud* seperti berikut:

5.3.1 **Perolehan Perkhidmatan *Cloud* yang Bukan Sebahagian daripada Projek**

(a) Agensi hendaklah menyediakan spesifikasi keperluan teknikal dan memohon sebut harga (*quotation*) perkhidmatan *cloud* yang ditawarkan oleh CSP melalui MSP berdasarkan nasihat teknikal oleh JDN.

(b) Sebut harga oleh MSP tersebut hendaklah dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian dan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Melulus untuk pertimbangan.

(c) Sekiranya teknologi *cloud* yang diperlukan adalah spesifik dan hanya dapat dibekalkan oleh satu CSP sahaja (*sole provider*) dari kalangan panel CSP, JDN hendaklah mengesahkan perkara tersebut dan memutuskan kesesuaian perolehan berkenaan dilaksanakan secara rundingan terus berdasarkan had nilai dan diputuskan oleh Pihak Berkuasa Melulus seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2. Agensi hendaklah melaksanakan rundingan harga berdasarkan tatacara yang berkuatkuasa sebelum dimuktamadkan di peringkat PBM.

(d) Bagi perolehan perkhidmatan *cloud* yang disediakan oleh syarikat selain panel CSP dan perkhidmatan tersebut tidak disediakan oleh panel CSP yang dilantik oleh Kerajaan, Agensi adalah tertakluk kepada tatacara biasa perolehan Kerajaan.

(e) Tatacara ini juga terpakai bagi perolehan lesen perisian

secara *on-premises* yang dibekalkan oleh CSP melalui MSP berkaitan sahaja.

5.3.2 **Perolehan Perkhidmatan *Cloud* yang Merupakan Sebahagian daripada Projek**

(a) Agensi hendaklah memastikan perolehan projek yang memerlukan perisian/platform/infrastruktur dilaksanakan mengikut tatacara semasa yang berkuat kuasa.

(b) Syarikat atau SI yang mengambil bahagian dalam perolehan perkakasan/pembangunan sistem aplikasi hendaklah mendapatkan sebut harga (*quotation*) perisian/platform/infrastruktur daripada MSP dan seterusnya mengemukakan sebut harga bagi produk *cloud* tersebut bersama tawaran perkakasan/pembangunan sistem aplikasi masing-masing. Sebut harga (*quotation*) yang dikemukakan untuk perisian/platform/infrastruktur hendaklah mematuhi jadual harga yang telah ditetapkan dalam katalog dan CFA. Ketetapan ini hendaklah dimasukkan dalam dokumen tender/sebut harga.

(c) Agensi disarankan supaya memasukkan dalam klausa kontrak projek (kontrak utama) bagi pelantikan MSP sebagai Sub Kontraktor Dinamakan (*Nominated Sub Contractor* - NSC) dan penyediaan *Deed of Assignment* untuk MSP serta kontrak langganan (sekiranya berkaitan secara berasingan) bagi memudahkan pelaksanaan kontrak projek di peringkat Agensi masing-masing. Tempoh kontrak langganan boleh melepasi tempoh kontrak utama.

(d) Tatacara ini juga terpakai bagi perolehan lesen perisian secara *on-premises* yang dibekalkan oleh CSP melalui MSP berkaitan sahaja.

5.3.3 **Perolehan Perkhidmatan Perisian Berasaskan *Cloud* atau Perolehan Perisian Secara *On-Premises* (Tempoh Interim)**

(a) Agensi yang mempunyai kontrak perkhidmatan perisian berasaskan *cloud* atau kontrak lesen perisian secara *on-premises* yang akan tamat pada atau sebelum 30 September 2022 sahaja dibenarkan untuk dilanjutkan sehingga tempoh maksimum satu (1) tahun (tempoh interim), tanpa tertakluk kepada peraturan di bawah PK2.6

ini. Pelaksanaan pelanjutan tempoh kontrak adalah tertakluk kepada PK4.1.

(b) Agensi yang telah melaksanakan perolehan baharu perkhidmatan lesen perisian berasaskan *cloud* atau perisian secara *on-premises* sebelum tarikh pekeliling ini berkuat kuasa boleh meneruskan proses perolehan dan memuktamadkan perolehan berkaitan.

(c) Agensi digalakkan supaya merancang dan melaksanakan perolehan baharu dalam tempoh interim untuk menggantikan kontrak perkhidmatan berasaskan *cloud* atau kontrak perisian secara *on-premises* bagi memastikan kontrak berkaitan tidak terputus dan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas.

(d) Pengecualian tatacara bagi perenggan 5.3.3 (a) dan (b) hanya dibenarkan dalam tempoh interim sahaja dan perolehan baharu setelah tempoh kontrak berkenaan tamat hendaklah dilaksanakan berdasarkan peraturan yang ditetapkan melalui PK2.6 ini.

5.4 Pelanjutan tempoh kontrak bagi mana-mana perkhidmatan *cloud* adalah berdasarkan PK4.1.

6. Kaedah, Had Nilai Perolehan Dan Pihak Berkuasa Melulus

6.1 Kaedah perolehan, had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus bagi kategori perolehan Perolehan Perkhidmatan *Cloud* yang Bukan Sebahagian daripada Projek adalah seperti berikut:

Jadual 2

Had Nilai	Kaedah Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
Sehingga RM50 ribu setahun atau dalam satu kontrak	Pembelian terus dengan mana-mana panel MSP.	Pegawai Pengawal/ Pegawai Yang Diturunkan Kuasa oleh Pegawai Pengawal
Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga dalam kalangan panel MSP/ Rundingan Terus [khusus bagi perenggan 5.3.1 (c)]	Jawatankuasa Sebut Harga

Melebihi RM500 ribu setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga dalam kalangan panel MSP/ Rundingan Terus [khusus bagi perenggan 5.3.1 (c)]	Lembaga Perolehan Agensi

6.2 Pihak Berkuasa Melulus boleh melantik lebih daripada satu MSP bergantung kepada keperluan agensi bagi sesuatu projek dan perlu menyediakan kontrak berasingan bagi setiap MSP.

7. Jawatankuasa Penilaian

7.1 Agensi hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian bagi menilai perolehan melebihi RM50 ribu dengan keahlian hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnnya tiga (3) orang iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang ahli, di mana salah seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

7.2 Penilaian hendaklah dibuat ke atas tawaran teknologi *cloud* berdasarkan keperluan agensi dan tawaran harga berdasarkan katalog perkhidmatan. Penilaian kemampuan kewangan syarikat adalah tidak diperlukan.

7.3 Perolehan yang dilaksanakan secara rundingan terus berdasarkan perenggan 5.3.1 (c) adalah dikecualikan daripada proses penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian.

8. Surat Setuju Terima dan Dokumen Perjanjian

8.1 Agensi hendaklah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) secara manual bagi perolehan bermasa tanpa tertakluk sebarang had nilai atau perolehan secara *one-off* yang melebihi RM50 ribu. SST tersebut hendaklah disalinkan kepada JDN bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan.

8.2 Agensi hendaklah mengadakan dokumen perjanjian bagi perolehan bermasa tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai atau perolehan secara *one-off* yang melebihi RM500 ribu. Senario keperluan dokumen perjanjian adalah seperti berikut:

8.2.1 Dokumen perjanjian melibatkan Agensi dan MSP hendaklah menyatakan peranan CSP. MSP dan CSP hendaklah mematuhi perjanjian kerjasama (*partner agreement*) yang telah ditandatangani serta perlu menyatakan tanggungjawab MSP untuk membuat pembayaran kepada CSP berdasarkan obligasi kontrak; dan

8.2.2 Dokumen perjanjian melibatkan Agensi dan SI/kontraktor projek hendaklah menyatakan peranan MSP. SI dan MSP hendaklah mematuhi perjanjian yang telah ditandatangani serta perlu menyatakan tanggungjawab SI/kontraktor projek untuk membuat pembayaran kepada MSP berdasarkan obligasi kontrak. Agensi adalah dinasihatkan untuk melaksanakan tatacara seperti di perenggan 5.3.2 (c).

8.3 Dokumen perjanjian yang disediakan hendaklah mempunyai klausa-klausa penting bagi menjaga kepentingan Kerajaan seperti bon pelaksanaan, SLA, cukai perkhidmatan, dasar *Protege-Ready To Work (PROTEGE-RTW)* dan lain-lain sepertimana yang telah ditetapkan di bawah PK4.

9. Kaedah Pengeluaran Pesanan Kerajaan Melalui Sistem ePerolehan (eP)

9.1 Pengeluaran Pesanan Kerajaan bagi Perolehan Perkhidmatan *Cloud* Sektor Awam hendaklah dilaksanakan menggunakan Sistem eP di bawah kategori Perolehan Item Khas/PK7 dengan tajuk 'PK2.6: Perkhidmatan *Cloud* Secara *Framework Agreement*'.

9.2 Kaedah pelaksanaan adalah seperti berikut:

9.2.1 Pengeluaran Pesanan Kerajaan bagi perolehan Perkhidmatan *Cloud Secara Framework Agreement* melalui Sistem eP dilaksanakan melalui modul Pembelian Terus secara "Pelawaan Tawaran Harga (*Simple Quote)"*.

9.2.2 Pelaksanaan (*Simple Quote)*, Agensi dikehendaki memilih "Jenis Perolehan" sebagai "Item Khas/PK7" dan memilih "Sebab" sebagai "PK2.6: Perkhidmatan *Cloud* Secara *Framework Agreement*".

9.2.3 Agensi seterusnya perlu mengunci masuk "Perkhidmatan *Cloud* Secara *Framework Agreement*" di ruangan "Justifikasi".

9.2.4 Agensi melaksanakan carian dan memilih MSP yang telah dilantik melalui kontrak antara Agensi dengan MSP untuk diserahkan pelawaan tawaran harga.

9.2.5 MSP hendaklah mengemukakan maklum balas pelawaan tawaran harga selaras dengan harga sebenar perkhidmatan yang digunakan, sebagaimana kadar harga yang dinyatakan melalui kontrak yang telah dipersetujui oleh Agensi dengan pembekal.

9.2.6 Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya dalam tempoh tujuh (7) hari selepas sesuatu perkhidmatan disempurnakan.

9.2.7 Proses Pembelian Terus selanjutnya hendaklah diteruskan sehingga selesai peringkat "Padanan Bayaran" pada modul Pemenuhan.

9.3 Kaedah pengeluaran Pesanan Kerajaan ini hanya terpakai untuk perkhidmatan *cloud* seperti berikut:

a) bayaran bil kepada MSP bagi kategori Perolehan Perkhidmatan *Cloud* yang Bukan Sebahagian daripada Projek;

b) bayaran secara terus kepada MSP untuk kontrak yang melibatkan *Deed of Assignment* seperti kategori Perolehan Perkhidmatan *Cloud* yang Merupakan Sebahagian daripada Projek; dan

c) bayaran bagi kontrak langganan kepada MSP selepas tempoh kontrak utama tamat bagi kategori Perolehan Perkhidmatan *Cloud* yang Merupakan Sebahagian daripada Projek.

9.4 Pembayaran bil masih tertakluk kepada tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa dari segi kesempurnaan perkhidmatan dan pembayaran dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bil tersebut diterima dengan lengkap.

10. Carta Alir Pelaksanaan Perolehan, Pengeluaran Pesanan Kerajaan dan Soalan- Soalan Lazim (FAQ) Perkhidmatan Cloud Sektor Awam

Carta alir bagi pelaksanaan perolehan Perkhidmatan *Cloud* Sektor Awam adalah seperti berikut :

a) **Lampiran 1** - Carta Alir Pelaksanaan Perolehan;
b) **Lampiran 2** - Carta Alir Pengeluaran Pesanan Kerajaan; dan
c) **Lampiran 3** - Soalan- Soalan Lazim (FAQ) Perkhidmatan Cloud Sektor Awam.

11. Agensi Yang Boleh Dihubungi

Agensi yang memerlukan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan *cloud* boleh menghubungi agensi berkaitan seperti berikut:

Nasihat Berkaitan Pekeliling Perbendaharaan

Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan
Telefon : 03 - 8882 4093/ 4025/ 3278

Maklumat Berkaitan Perkhidmatan *Cloud*

Perolehan/Pindahan Peruntukan:
Cawangan Kewangan,
Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP),
Jabatan Digital Negara (JDN)
Emel: kewanganbkp@jdn.gov.my
Telefon: 03-9078 5988 Samb: 208/ 212

Permohonan dan Peruntukan Cloud:
Cloud Management Office (CMO),
Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama
Infrastruktur dan Keselamatan Digital (BPG),
Jabatan Digital Negara (JDN).
Emel: mygovcloud@jdn.gov.my
Telefon: 03-9078 5988 Samb: 756

Perundingan Cloud:
Bahagian Perundingan Digital (BPD),
Jabatan Digital Negara (JDN)
Emel: dcmubpd@jdn.gov.my
Telefon: 03-9078 5988 Samb: 401/ 413/ 433

12. Pemakaian


Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, PK2.6 ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

13. Tarikh Kuat kuasa

13.1 **Peraturan ini berkuat kuasa mulai 15 April 2022.**
13.2 **Pindaan pelanjutan berkuat kuasa mulai 1 Mac 2025.**
13.3 **Pindaan pelanjutan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.**
13.4 **Pindaan pelanjutan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2026.**

Lampiran 1


Carta Alir Pelaksanaan Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (*Cloud)* Sektor Awam



Lampiran 2

KAEDAH PENGELUARAN PESANAN KERAJAAN MELALUI SISTEM ePEROLEHAN (eP)

Agensi hendaklah melaksanakan langkah-langkah pengeluaran Pesanan Kerajaan di Sistem eP bagi penggunaan 'Item Khas/PK7' seperti berikut:



i	Log masuk ke dalam Sistem eP sebagai *'Peminta Nota Minta'*.
ii	Di *Menu Pembelian Terus*, klik '*Carian Katalog'.*
iii	Agensi dikehendaki untuk membuat carian katalog (sebagaimana keperluan yang dinyatakan pada PK2.6) mengikut kriteria carian yang diperlukan.
iv	a. Klik '*Tambah ke Pelawaan Tawaran Harga*' pada item berkenaan (sekiranya item ada dalam katalog Sistem eP) dan seterusnya klik butang '*Pelawaan Tawaran Harga*'. b. Klik '*Pelawaan Tawaran Harga'* (sekiranya item tiada dalam katalog).
v	Kunci masuk/melengkapkan semua perincian item dan seterusnya pilih Jenis Perolehan: '*Item Khas/PK7'.*
vi	Pilih '*Sebab'* : *PK2.6: Perkhidmatan Cloud Secara Framework Agreement.*
vii	Di ruangan '*Justifikasi'*, kunci masuk justifikasi berikut: "*Perkhidmatan Cloud Secara Framework Agreement*".
viii	Pilih MSP yang telah dilantik melalui kontrak antara Agensi dengan MSP untuk diserahkan pelawaan tawaran harga.
ix	Teruskan proses selanjutnya di dalam Sistem eP sehingga selesai.

*Nota : Proses di atas merujuk kepada perolehan berdasarkan item (Perkhidmatan *Cloud Secara Framework Agreement*) yang diperlukan tiada dalam katalog Sistem eP

Lampiran 3

SOALAN LAZIM BERKAITAN PK 2.6 : PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENGKOMPUTERAN AWAN (*CLOUD)* SEKTOR AWAM

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bagaimana dasar perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (C*loud)* Sektor Awam dilaksanakan?	Dasar perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (C*loud)* Sektor Awam adalah merujuk kepada PKPA 1/2021 yang dilaksanakan melalui MyGovCloud@PDSA atau *public cloud* yang dilaksanakan melalui *framework agreement* bersama panel CSP/MSP yang telah dilantik.
2.	Bilakah PK2.6: Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (C*loud)* Sektor Awam berkuat kuasa?	Rujuk Jadual pada perenggan 2.1.
3.	Siapakah senarai CSP dan MSP yang dilantik sebagai panel perkhidmatan *cloud*?	Rujuk Jadual pada perenggan 2.1.
4.	Dimanakah senarai perkhidmatan *cloud* yang disediakan oleh CSP/MSP boleh didapati oleh agensi?	Rujuk katalog di platform bersepadu kelolaan JDN melalui *hyperlink* https://mygovcloudcfa.jdn.gov.my/
5.	Bagaimanakah tatacara perolehan bagi perkhidmatan *cloud* selain daripada yang dinyatakan di platform (https://mygovcloudcfa.jdn.gov.my/) atau yang tidak ditawarkan oleh panel CSP/MSP melalui PK2.6 ini dilaksanakan?	Agensi boleh melaksanakan perkhidmatan *cloud* tersebut secara kaedah perolehan sedia ada yang berkuat kuasa dengan mendapat kelulusan pengecualian penggunaan CFA daripada JDN. Perolehan boleh dilaksanakan menggunakan peraturan di bawah PK2.1 atau PK7.6 setelah kelulusan JDN diperolehi.
6.	Adakah kontrak perkhidmatan *cloud* sedia ada boleh diteruskan setelah PK2.6 ini berkuat kuasa?	Agensi boleh meneruskan kontrak sedia ada dan mengguna pakai peraturan ini sebaik tempoh kontrak tersebut tamat. Perolehan baharu hendaklah dilaksanakan berdasarkan PK2.6.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
7.	Apakah contoh perkhidmatan perisian berasaskan *cloud* atau lesen perisian secara *on-premises*?	Perkhidmatan perisian berasaskan *cloud* adalah seperti *O365 Office Pro* dan *Microsoft Team,* manakala lesen perisian secara *on-premises* adalah seperti Microsoft Office Standard 2019.
8.	Apakah mata wang yang diguna pakai bagi penyediaan tawaran harga perkhidmatan *cloud* oleh MSP?	Tawaran harga perkhidmatan *cloud* oleh MSP hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM). Agensi hendaklah membuat penyelarasan tukaran mata wang asing bagi harga produk yang ditawarkan dalam mata wang USD kepada RM berdasarkan kadar seperti di Jadual pada perenggan 4.3.
9.	Apakah tempoh sah laku tawaran harga perkhidmatan *cloud* oleh MSP?	Tempoh sah laku tawaran harga adalah selama 90 hari.
10.	Apakah yang ditakrifkan sebagai "projek" di bawah PK2.6?	Takrifan "projek" adalah merangkumi perkara-perkara berikut: i) Projek ICT termasuk perolehan pembangunan sistem/ perkakasan/ perisian/ perlesenan ICT/perkhidmatan ICT ii) Projek fizikal yang mempunyai elemen perkhidmatan *cloud*/ICT
11.	Bagaimanakah mekanisme pelaksanaan perolehan perkhidmatan *cloud* dilaksanakan?	i) Perolehan perkhidmatan *cloud* bagi kategori yang dinyatakan melalui perenggan 5.3.1 - pelawaan tawaran harga daripada kalangan empat (4) panel MSP hendaklah dibuat secara manual. ii) Perolehan perkhidmatan *cloud* bagi kategori yang dinyatakan melalui perenggan 5.3.2 - perolehan perkhidmatan *cloud* adalah merupakan salah satu skop di bawah perolehan utama iaitu perolehan projek. Oleh itu, mekanisme pelaksanaan perolehan adalah bergantung kepada mekanisme perolehan utama tersebut menggunakan tatacara perolehan sedia ada.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
12.	Adakah SI wajib melantik MSP sebagai Sub Kontraktor Dinamakan (*Nominated Sub Contractor* - NSC) bagi perkhidmatan *cloud* yang merupakan sebahagian daripada projek yang dilaksanakan oleh *System Integrator/*kontraktor projek?	Ya. SI hendaklah mendapatkan tawaran harga bagi skop berkaitan perkhidmatan *cloud* daripada MSP yang disenaraikan melalui PK2.6 sahaja, tertakluk kepada perkhidmatan yang ditawarkan. Agensi disarankan supaya memasukkan dalam klausa kontrak projek (kontrak utama) bagi pelantikan MSP sebagai Sub Kontraktor Dinamakan (*Nominated Sub Contractor* - NSC) dan penyediaan *Deed of Assignment* untuk MSP serta kontrak langganan (sekiranya berkaitan secara berasingan) bagi memudahkan pelaksanaan kontrak projek di peringkat Agensi masing-masing. Tempoh kontrak langganan boleh melepasi tempoh kontrak utama.
13.	Adakah perolehan projek/perkhidmatan ICT yang mempunyai ciri-ciri berasaskan cloud perlu mengguna pakai PK2.6?	Ya. Syarikat yang ingin menyertai perolehan hendaklah mendapatkan skop perkhidmatan *cloud* daripada MSP yang disenaraikan.
14.	Adakah Agensi dibenarkan untuk meneruskan proses perolehan yang sedang dilaksanakan setelah PK2.6 ini berkuat kuasa?	Agensi yang sedang melaksanakan perolehan baharu perkhidmatan *cloud* boleh meneruskan proses perolehan dan memuktamadkan perolehan berkaitan. Perolehan baharu seterusnya selepas tempoh kontrak tamat hendaklah dilaksanakan berdasarkan peraturan di bawah PK2.6 ini.
15.	Bagaimanakah sekiranya pihak Agensi masih tidak melaksanakan atau menghadapi kekangan masa atau faktor lain ke atas proses permohonan untuk melanjutkan lesen perkhidmatan *cloud* sedia ada?	Agensi perlu mengemukakan permohonan pengecualian beserta justifikasi yang kukuh kepada JDN dan kelulusan mengenai tatacara perolehan adalah tertakluk kepada JDN.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
16.	Bagaimanakah mekanisme pengeluaran Pesanan Kerajaan (LO) bagi kontrak perkhidmatan *cloud* dilaksanakan?	Pengeluaran LO hendaklah dilaksanakan menggunakan Sistem eP di bawah kategori Perolehan Item Khas/PK7 dengan tajuk PK2.6: Perkhidmatan *cloud* secara *framework agreement*', melalui modul Pembelian Terus secara "Pelawaan Tawaran Harga (*Simple Quote).* Kaedah pengeluaran Pesanan Kerajaan ini hanya terpakai untuk perkhidmatan *cloud* seperti berikut: a. bayaran bil kepada MSP bagi kategori perolehan di perenggan 5.3.1; b. bayaran secara terus kepada MSP untuk kontrak yang melibatkan DOA seperti kategori perolehan di perenggan 5.3.2; dan c. bayaran bagi kontrak langganan kepada MSP selepas tempoh kontrak pembangunan sistem tamat seperti kategori perolehan di perenggan 5.3.2.
17.	Adakah Agensi boleh membuat pembayaran secara terus kepada MSP yang dilantik sebagai NSC bagi perkhidmatan *cloud* yang merupakan sebahagian daripada projek?	Boleh. Walau bagaimanapun, kebenaran pembayaran adalah tertakluk jika Agensi memasukkan di dalam klausa kontrak utama bagi pelantikan MSP sebagai NSC dan menyediakan DOA untuk MSP. Sekiranya DOA merupakan sebahagian daripada perjanjian antara Agensi dengan SI/kontraktor projek, maka kandungan DOA ini perlu juga dimuat naik ke dalam sistem eP sebagai kandungan perjanjian bagi perolehan utama yang dilaksanakan melalui sistem eP. Ini bagi membolehkan rujukan untuk urusan pentadbiran kontrak dan rujukan siling kontrak.
18.	Berapa lama tempoh pengeluaran LO perlu dibuat?	LO hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya dalam tempoh tujuh (7) hari selepas sesuatu perkhidmatan disempurnakan dan pembayaran adalah tertakluk kepada tatacara semasa yang berkuat kuasa.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
19.	Adakah perkhidmatan cloud yang mengandungi maklumat rahsia rasmi Kerajaan boleh mendapatkan perkhidmatan cloud daripada MSP/CSP di bawah PK2.6 ini?	Agensi hendaklah membuat penilaian kategori data yang akan terlibat dengan merujuk kepada CGSO terlebih dahulu dan mendapatkan keputusan JDN untuk kesesuaian penggunaan kaedah perolehan perkhidmatan *cloud.*
20.	Fi Perkhidmatan Sistem eP	Fi perkhidmatan bagi kaedah pelaksanaan pengeluaran Pesanan Kerajaan di perenggan 9/PK2.6 perlu ditetapkan sebagai 0.8% disebabkan ia menggunapakai modul Pembelian Terus. Fi perkhidmatan bagi kaedah perolehan mengikut tatacara perolehan sedia ada yang dinyatakan pada perenggan 5.3.2 adalah mengikut fi perkhidmatan yang dinyatakan di PK5.1 iaitu 0.8% untuk kontrak bukan bermasa/*one-off* dan 0.4% untuk kontrak bermasa.
21.	Apakah kaedah perolehan untuk penambahan lesen/*true-up* untuk kontrak langganan *cloud*/*on-premises* yang disediakan oleh panel CSP sedia ada?	Agensi adalah tertakluk kepada tatacara perolehan yang ditetapkan di bawah PK4.1.
22.	Apakah takrifan “tempoh interim” di bawah PK2.6?	“Tempoh interim” merujuk kepada tempoh kuatkuasa kontrak perkhidmatan *cloud*/*on-premises* sedia ada agensi yang akan tamat pada atau sebelum 30 September 2022, yang mana Agensi dibenarkan untuk melanjutkan kontrak sehingga tempoh maksimum selama satu (1) tahun sahaja.

PK 2.7



KERAJAAN MALAYSIA

Kontrak Panel Berpusat

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2.7 KONTRAK PANEL BERPUSAT.....1

1. Pelaksanaan Kontrak Panel Berpusat.....1

1.1. Pendahuluan 1

1.2. Senarai Item Dan Syarikat Di Bawah KPB 1

1.3. Tatacara Pelaksanaan Perolehan Item KPB.....2

1.4. Tanggungjawab Agensi.....5

1.5. Tanggungjawab Pegawai Pengawal 5

2. Tarikh Kuat Kuasa 5

3. Pertanyaan.....6

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Penentuan Syarikat Panel Bagi Kontrak Panel Berpusat (KPB) Secara *Multi-Use List* (MUL)

Lampiran 2 : Perolehan Perabot Pelbagai Jenis Melalui Kontrak Panel Berpusat (KPB) Oleh Semua Agensi Kerajaan Di Semenanjung Malaysia

PK 2.7 KONTRAK PANEL BERPUSAT

1. Pelaksanaan Kontrak Panel Berpusat

1.1. Pendahuluan

(i) Kontrak Panel Berpusat (KPB) bermaksud kontrak antara Agensi dengan syarikat panel yang disenaraikan oleh Kementerian Kewangan bagi perolehan bekalan/perkhidmatan guna sama untuk sesuatu tempoh tertentu. Agensi hendaklah memperoleh bekalan/perkhidmatan daripada syarikat panel mengikut spesifikasi/keperluan masing-masing melalui kaedah perolehan yang ditetapkan. Harga adalah berdasarkan harga tawaran syarikat panel yang dilantik.

(ii) Senarai item dan syarikat panel KPB yang ditentukan oleh Kementerian Kewangan adalah terpakai untuk perolehan Agensi di Semenanjung Malaysia sahaja.

(iii) Kementerian Kewangan berhak untuk mengemas kini senarai item dan syarikat panel KPB mengikut keperluan.

(iv) Di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement* - FTA), pelaksanaan KPB bagi item sedia ada akan terus berkuat kuasa mengikut tempoh kontrak sedia ada. Walau bagaimanapun, senarai panel baharu bagi KPB yang berkuat kuasa dan KPB baharu akan ditentukan secara *Multi-Use List* (MUL) iaitu seperti di **Lampiran 1**.

1.2. Senarai Item Dan Syarikat Di Bawah KPB

(i) Pelaksanaan KPB adalah berasaskan penjimatan di dalam Perolehan Kerajaan dengan berpandukan kepada lima (5) prinsip perolehan iaitu akauntabiliti awam, ketelusan, persaingan terbuka, nilai faedah terbaik dan adil dan saksama termasuk dasar-dasar semasa Kerajaan.

(ii) Senarai item KPB yang berkuat kuasa adalah di **Jadual 1** seperti berikut:

Jadual 1

Bil.	Item	Tempoh Kontrak	Rujukan	Senarai Syarikat Panel	Spesifikasi
1.	Perabot Berasaskan Kayu	15 Januari 2026 hingga 14 Januari 2028	Lampiran 2	Lampiran 2A	Tiada
2.	Perabot Berasaskan Panel				
3.	Perabot Berasaskan Logam				
4.	Katil Besi Setingkat dan Dua Tingkat (Tidak Termasuk Katil Pesakit)				
5.	Perabot Berasaskan Plastik (*Polypropylene)*				
6.	Perabot Berasaskan Upholsteri				

(iii) Maklumat syarikat panel KPB di **Lampiran 2A** akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Oleh itu, Agensi hendaklah sentiasa menyemak maklumat terkini senarai item dan syarikat panel KPB di dalam pekeliling yang berkuat kuasa sebelum melaksanakan perolehan.

(iv) Bermula **1 Januari 2025,** Kontrak Panel Berpusat Perolehan Ayam Daging Kepada Agensi Kerajaan Di Semenanjung Malaysia (KPB Ayam) akan dilaksanakan secara **Kontrak Pusat**. Agensi hendaklah merujuk PK 2.5 Kontrak Pusat untuk maklumat lanjut.

1.3. Tatacara Pelaksanaan Perolehan Item KPB

(i) Agensi hendaklah melaksanakan perolehan item KPB di kalangan syarikat panel dengan mengambil kira perkara seperti berikut:

a. Perancangan Perolehan Item KPB

(i) Agensi hendaklah menetapkan spesifikasi mengikut keperluan sebelum pelawaan dibuat bagi mana-mana item yang tidak ditetapkan spesifikasi.

(ii) Tempoh kontrak yang ingin diikat dengan syarikat panel KPB hendaklah tidak melebihi tempoh kontrak seperti di Perenggan 1.2 di atas.

(iii) Pendaftaran syarikat panel dengan Kementerian Kewangan adalah masih sah dan syarikat bebas daripada apa-apa tindakan/hukuman tatatertib/tindakan mahkamah.

b. Kajian Pasaran

Kajian pasaran yang berpatutan hendaklah dibuat di kalangan syarikat panel KPB supaya perolehan yang hendak dilaksanakan adalah paling sesuai dan menguntungkan dengan mengambil kira aspek kualiti dan harga.

c. Kaedah Dan Had Nilai Perolehan Item KPB

Kaedah dan had nilai perolehan yang ditetapkan bagi item KPB adalah seperti berikut:

(i) Perolehan bagi item KPB di **Jadual 1** hendaklah diuruskan sendiri oleh Agensi di kalangan syarikat panel yang disenaraikan dengan mematuhi tatacara perolehan di **Jadual 2** seperti berikut:

Jadual 2

Bil.	Had Nilai Perolehan	Kaedah Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
1.	Sehingga RM50,000 setahun atau dalam satu kontrak	Pembelian terus dengan mana-mana syarikat panel	Pegawai Pengawal/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa oleh Pegawai Pengawal
2.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga di kalangan syarikat panel	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi

3.	Melebihi RM500,000 sehingga di bawah nilai ambang FTA setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga di kalangan syarikat panel	Lembaga Perolehan Agensi
4.	Mencapai nilai ambang FTA setahun atau dalam satu kontrak	Tender terbuka berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa.	Lembaga Perolehan Agensi

d. Kontrak Formal

Kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM500,000 atau kontrak bermasa tanpa mengira had nilai selaras dengan PK4.2. Bagi perolehan di bawah RM500,000 pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan kepada syarikat.

e. Laporan Penyata Pesanan

Syarikat panel KPB hendaklah mengemukakan Laporan Penyata Pesanan dan Pembekalan seperti format yang ditetapkan ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan bagi setiap suku tahun.

f. Aduan Mengenai Pembekal/Syarikat Panel

Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi syarikat panel KPB yang kurang memuaskan seperti kelewatan penghantaran dan isu kualiti item KPB ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan dalam kadar segera atau selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh berlakunya perkara yang diadukan.

g. Penggunaan KPB

Semua Agensi hendaklah menggunakan KPB sepenuhnya dan tidak dibenarkan mendapatkan bekalan/perkhidmatan item KPB daripada punca lain. Mana-mana pengecualian hendaklah dipohon melalui Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan dan mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut yang mana berkenaan sebelum melaksanakan perolehan berkenaan.

1.4. Tanggungjawab Agensi

(i) Bagi mana-mana kontrak yang diwujudkan dengan syarikat panel KPB di peringkat Agensi, Agensi hendaklah melaksanakan pentadbiran kontrak seperti berikut:

a. Agensi hendaklah memastikan pendaftaran syarikat panel KPB dengan Kementerian Kewangan adalah sah berkuatkuasa di sepanjang tempoh kontrak dan syarikat bebas daripada apa-apa tindakan/hukuman tatatertib/tindakan mahkamah.

b. Agensi hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya terlebih dahulu berdasarkan terma/syarat perjanjian yang telah ditandatangani terhadap ketidakpatuhan syarikat panel KPB kepada obligasi kontrak dan diputuskan mengikut peraturan semasa berkaitan pengurusan isu pentadbiran/pertikaian kontrak. Seterusnya, Agensi perlu melaporkan kepada Kementerian Kewangan berkenaan pengesyoran tatatertib (jika ada) seperti yang dijelaskan dalam PP/PK 8 – Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan. Borang aduan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Perolehan Kerajaan
(Seksyen Kontrak Pusat dan Sistem Panel)
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

1.5. Tanggungjawab Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan

Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan memastikan Agensi di bawah kawalannya mematuhi peraturan perolehan dan tatacara kewangan yang ditetapkan dalam menguruskan perolehan ini.

2. Tarikh Kuat Kuasa

2.1 Peraturan ini adalah berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.

2.2 Pindaan berkuat kuasa pada **15 Januari 2026**.

3. Pertanyaan

Sebarang pertanyaan mengenai pekeliling ini boleh dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui emel kontrakpusat@treasury.gov.my dan/atau ke alamat seperti berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Perolehan Kerajaan
(Seksyen Kontrak Pusat dan Sistem Panel)
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

LAMPIRAN

Lampiran 1

PENENTUAN SYARIKAT PANEL BAGI KONTRAK PANEL BERPUSAT (KPB) SECARA *MULTI-USE LIST* (MUL)

1. Pendahuluan

1.1. *Multi-Use List* (MUL) adalah senarai syarikat yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan berdasarkan kriteria kelayakan awal yang ditetapkan dan mempunyai keupayaan/kapasiti khusus untuk melaksanakan bekalan/perkhidmatan item tertentu di mana harga dan spesifikasi item tidak ditetapkan.

1.2. Senarai syarikat MUL dikemaskini secara tahunan atau mengikut keperluan di mana Kementerian Kewangan tidak mempunyai sebarang ikatan kontrak atau hubungan undang-undang antara syarikat di dalam MUL.

1.3. Senarai syarikat MUL boleh digunakan lebih daripada sekali oleh Agensi yang membuat perolehan item berkenaan dan syarikat di dalam MUL hendaklah memenuhi kriteria penilaian lain yang ditetapkan oleh Agensi semasa proses perolehan item dilaksanakan.

2. Pelaksanaan Kontrak Panel Berpusat secara MUL

2.1. Pelaksanaan Kontrak Panel Berpusat (KPB) secara MUL melibatkan dua (2) peringkat utama, iaitu seperti berikut:

(i) Peringkat 1 - Proses Penentuan Syarikat untuk Penyertaan MUL; dan

(ii) Peringkat 2 - Perolehan Item oleh Agensi dan Pelaksanaan Bekalan/Perkhidmatan.

2.2. Peringkat 1 – Proses Penentuan Syarikat Untuk Penyertaan MUL

(i) Pelaksanaan KPB secara MUL adalah melibatkan perancangan dalam aspek sama ada item bekalan/perkhidmatan yang diperlukan tertakluk di bawah Perjanjian FTA atau tidak.

(ii) Seterusnya, iklan pelawaan bagi penyertaan MUL ditentukan seperti berikut:

a. Sekiranya item bekalan/perkhidmatan yang diperlukan adalah tidak tertakluk di bawah Perjanjian FTA, pelawaan perlu dibuat di kalangan syarikat tempatan sahaja; dan

b. Sekiranya item bekalan/perkhidmatan yang diperlukan adalah tertakluk di bawah Perjanjian FTA, pelawaan perlu dibuat di kalangan syarikat tempatan dan daripada negara PerjanjianFTA.

(iii) Iklan bagi penyertaan MUL akan dipelawa secara tahunan melalui portal MyPROCUREMENT (www.myprocurement.gov.my) dan mengandungi maklumat pengiklanan seperti yang dinyatakan di dalam pekeliling yang berkuat kuasa.

(iv) Dokumen pelawaan MUL yang disediakan akan mengandungi maklumat seperti perihal perolehan, syarat penyertaan, kaedah dan tempoh penilaian, kaedah pembaharuan atau penamatan syarikat serta tarikh akhir permohonan pelawaan syarikat.

(v) Pemilihan senarai syarikat MUL adalah berdasarkan penilaian bagi menentukan syarikat yang menepati kriteria yang ditetapkan.

(vi) Setelah senarai syarikat MUL dimuktamadkan, semua syarikat yang telah memohon untuk menyertai MUL akan dimaklumkan secara bertulis dengan kadar segera.

(vii) Syarikat akan dimaklumkan dan sekiranya diminta, justifikasi secara bertulis akan diberikan bagi keputusan seperti berikut:

a. syarikat tidak berjaya untuk disenaraikan ke dalam MUL;

b. syarikat tidak layak untuk dikekalkan dalam MUL; dan

c. syarikat dikeluarkan daripada MUL.

(viii) Syarikat yang tidak tersenarai di dalam MUL juga dibenarkan untuk menyertai perolehan item semasa pelawaan perolehan item tersebut diiklankan. Bagi tujuan ini, syarikat perlu mengemukakan permohonan dan dokumen yang ditetapkan untuk menyertai MUL kepada Kementerian Kewangan dalam tempoh iklan perolehan item tersebut. Seterusnya, Kementerian Kewangan akan menilai permohonan

tersebut dan memaklumkan keputusan kepada syarikat setelah hasil penilaian dimuktamadkan dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.

(ix) Proses kerja dan carta aliran bagi proses penentuan syarikat untuk penyertaan MUL adalah seperti di **Lampiran 1A**.

2.3. Peringkat 2 – Perolehan Item oleh Agensi dan Pelaksanaan Bekalan/Perkhidmatan

(i) Dalam merancang perolehan item bekalan/perkhidmatan di kalangan syarikat MUL, Agensi hendaklah terlebih dahulu mengenalpasti sama ada anggaran nilai perolehan bagi item berkenaan mencapai had nilai perolehan Perjanjian FTA atau tidak. Agensi hendaklah mematuhi pelaksanaan perolehan sama ada tertakluk kepada FTA atau tidak mengikut tatacara perolehan yang berkuat kuasa.

(ii) Agensi hendaklah melaksanakan pelawaan perolehan di kalangan syarikat MUL tempatan sahaja sekiranya nilai perolehan tidak mencapai had nilai perolehan yang tertakluk FTA. Agensi yang tidak tertakluk kepada FTA boleh melaksanakan perolehan di kalangan syarikat MUL tempatan sahaja.

(iii) Agensi hendaklah melaksanakan pelawaan perolehan di kalangan syarikat MUL tempatan dan negara Perjanjian FTA jika mencapai had nilai perolehan yang tertakluk FTA.

(iv) Agensi hendaklah memastikan iklan bagi pelawaan perolehan item bekalan/perkhidmatan yang dibuat mengandungi maklumat pengiklanan seperti yang dinyatakan di dalam pekeliling yang berkuat kuasa.

(v) Setelah Agensi memuktamadkan syarikat yang dilantik, Agensi hendaklah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada syarikat dengan menyatakan secara jelas nilai kontrak, tempoh kontrak, kadar harga dan spesifikasi item serta terma dan syarat bekalan/perkhidmatan yang perlu dipatuhi oleh syarikat yang dilantik.

(vi) Agensi perlu menetapkan nilai Bon Pelaksanaan dengan syarikat berdasarkan anggaran nilai kontrak yang telah ditetapkan di dalam SST, mengikut peraturan semasa yang berkuat kuasa.

(vii) Setelah Agensi selesai melantik syarikat, Agensi hendaklah mewujudkan kontrak formal dengan syarikat berkenaan mengikut peraturan semasa yang berkuat kuasa.

(viii) Kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang bernilai melebihi RM500,000 atau kontrak bermasa tanpa mengira had nilai selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa.


(ix) Agensi boleh membuat pembelian dengan syarikat yang dilantik bagi mendapatkan item bekalan/perkhidmatan yang diperlukan. Semua pesanan hendaklah dibuat terus kepada syarikat yang dilantik melalui Pesanan Kerajaan mengikut keperluan. Agensi hendaklah memastikan semua pesanan dibuat dalam tempoh kontrak.

(x) Pentadbiran terhadap kontrak yang diwujudkan dengan syarikat berkenaan hendaklah dilaksanakan mengikut peraturan semasa yang berkuatkuasa selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa.

(xi) Proses kerja dan carta aliran bagi perolehan item oleh Agensi dan pelaksanaan bekalan/perkhidmatan adalah seperti di **Lampiran 1B**.

Lampiran 1A


Proses Kerja Dan Carta Aliran
Peringkat 1
Proses Penentuan Syarikat untuk Penyertaan MUL




NOTA : - Perancangan pelaksanaan MUL

Lampiran 2A

Proses Kerja Dan Carta Aliran
Peringkat 2
Perolehan Item oleh Agensi dan Pelaksanaan Bekalan/Perkhidmatan





NOTA : - Perancangan pelaksanaan perolehan mengikut tatacara perolehan yang berkuat kuasa

Lampiran 2

PEROLEHAN PERABOT PELBAGAI JENIS MELALUI KONTRAK PANEL BERPUSAT (KPB) OLEH SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

1. PENDAHULUAN

1.1 Kementerian Kewangan telah bersetuju agar item perabot diperoleh melalui Kontrak Panel Berpusat (KPB) oleh semua Agensi Kerajaan di Semenanjung Malaysia.

1.2 Tempoh pelanjutan KPB adalah selama dua (2) tahun iaitu mulai **15 Januari 2026 sehingga 14 Januari 2028.** Selepas tempoh tersebut, Kerajaan berhak untuk mengekalkan atau menggugurkan item ini daripada KPB.

1.3 Perabot bagi maksud KPB ini didefinisikan sebagai semua perabot mudah alih (*loose furniture*) baharu sahaja. Ia merangkumi perabot yang berasaskan kayu, panel, logam, katil besi setingkat dan dua tingkat (tidak termasuk katil pesakit), plastik *(polypropylene)* dan upholsteri yang digunakan oleh Agensi Kerajaan sama ada di dalam atau di luar premis Kerajaan.

1.4 Sehubungan itu, semua perolehan perabot seperti yang didefinisikan di perenggan 1.3 adalah tertakluk di bawah pekeliling ini. Ia termasuk bagi tujuan pembelian aset baharu di bawah projek pembangunan, projek penyelenggaraan, projek menaik taraf, projek membaik pulih, projek pengubahsuaian dan pembelian secara *one-off*. Agensi Kerajaan hendaklah memperoleh item perabot tersebut hanya di kalangan Syarikat Panel yang telah dilantik.

2. AGENSI PENGAWAL SELIA KUALITI PERABOT

2.1 Kementerian Kewangan telah melantik **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)** selaku Agensi yang mengawal selia (*regulator*) dan Badan Pensijilan & Pengujian kualiti produk perabot di bawah KPB.

2.2 Semua perolehan yang dilaksanakan oleh Agensi Kerajaan dengan Syarikat Panel akan dipantau oleh FRIM bagi memastikan kualiti perabot yang dibekalkan memenuhi keperluan standard dan spesifikasi reka bentuk yang telah ditetapkan.

2.3 FRIM juga akan menguatkuasakan pensijilan ***Product Certification Services* (PCS)** ke atas semua pembekalan perabot oleh Syarikat Panel.

2.4 Semua pembekalan *loose furniture* kepada Agensi Kerajaan hendaklah memiliki pensijilan PCS daripada FRIM terlebih dahulu. Oleh itu, Agensi hendaklah membuat semakan terhadap pengesahan kualiti produk daripada FRIM sebelum perolehan dilaksanakan. Setiap perabot yang dibekalkan akan mempunyai pelekat kualiti QR Code FRIM PCS.

2.5 Walau bagaimanapun, perolehan bagi item perabot yang belum mendapat FRIM PCS boleh diteruskan melalui pelaksanaan program jangka pendek validasi dan verifikasi oleh FRIM dengan pemberian status "*fit for used at minimum requirement*"

(FFU) secara interim sebagai alternatif untuk memenuhi keperluan Agensi Kerajaan.

2.6 Sebarang maklumat mengenai pensijilan FRIM PCS dan Garis Panduan FFU boleh dirujuk di laman sesawang http://pcs.frim.gov.my/. Pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh dikemukakan kepada Bahagian Perkhidmatan Pensijilan Produk, FRIM di talian telefon 03-6279 7730/7746 atau emel pcs@frim.gov.my.

3. PEROLEHAN PERABOT BAGI PROJEK PEMBANGUNAN

3.1 Semua perolehan *loose furniture* bagi projek pembangunan hendaklah dilaksanakan melalui KPB selaras dengan peraturan dan tatacara yang berkuatkuasa.

3.2 Agensi hendaklah melaksanakan perancangan dan penyelarasan perolehan pembekalan bagi memastikan projek yang telah disiapkan dapat beroperasi pada masa yang ditetapkan.

4. MAKLUMAT SYARIKAT KONTRAK PANEL BERPUSAT

Maklumat senarai Syarikat Panel mengikut kategori item adalah seperti di **Lampiran 2A**. Agensi hendaklah menyemak dari semasa ke semasa senarai Syarikat Panel bagi item perabot terkini yang dikemas kini di laman sesawang http://ppp.treasury.gov.my/ .

5. KAEDAH DAN HAD NILAI PEROLEHAN

5.1 Tatacara perolehan KPB perabot yang ditetapkan adalah di **Jadual 1** seperti berikut:

Jadual 1

Bil.	Had Nilai Perolehan	Kaedah Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
1.	Sehingga RM50,000 setahun atau dalam satu kontrak	Pembelian terus dengan mana-mana Syarikat Panel	Pegawai Pengawal/ Pegawai Yang Diturunkan Kuasa oleh Pegawai Pengawal
2.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga di kalangan Syarikat Panel	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi
3.	Melebihi RM500,000 sehingga di bawah nilai ambang FTA setahun atau dalam satu kontrak	Sebut harga di kalangan Syarikat Panel	Lembaga Perolehan Agensi
4.	Mencapai nilai ambang FTA setahun atau dalam satu kontrak	Tender terbuka berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa.	Lembaga Perolehan Agensi

5.2 Bagi perolehan di bawah nilai ambang FTA, Agensi hendaklah memastikan perolehan KPB Perabot dilaksanakan dengan Syarikat Panel seperti berikut:

(i) Pelawaan dibuat kepada Syarikat Panel yang dilantik dengan kod bidang 020199 sahaja. Penggunaan kod bidang selain daripada yang dinyatakan adalah tidak dibenarkan;

(ii) Kajian pasaran hendaklah dibuat di kalangan Syarikat Panel bagi perolehan secara pembelian terus supaya Agensi mendapat tawaran yang paling munasabah dan menguntungkan dengan mengambil kira aspek kualiti dan harga;

(iii) Agensi disarankan supaya tidak tertumpu kepada satu-satu Syarikat Panel sahaja bagi perolehan secara pembelian terus seperti di perenggan 5.1;

(iv) Agensi hendaklah memastikan perolehan perabot dibuat dengan Syarikat Panel mengikut segmen yang bersesuaian. Pengelasan segmen perabot adalah berdasarkan bahan dominan yang digunakan bagi memenuhi keperluan fungsi utama perabot tersebut. Contohnya, perolehan perabot kayu hanya boleh dibuat dengan Syarikat Panel pembuat perabot berasaskan kayu sahaja;

(v) Walau bagaimanapun, bagi perolehan yang melibatkan pelbagai jenis segmen (contoh: kayu, logam dan upholsteri) yang bernilai sehingga RM50,000, pembekalan item daripada pihak ketiga (*subcontracting*) di kalangan Syarikat Panel adalah dibenarkan dengan mengambil kira segmen yang mendominasi sesuatu perolehan.

Contoh:

Segmen Perabot	**Nilai Perolehan**
Kayu	RM23,000
Logam	RM17,000
Upholsteri	RM10,000
Perolehan Keseluruhan	**RM50,000**

Di dalam situasi seperti ini, Agensi hendaklah melaksanakan pembelian terus dengan Syarikat Panel perabot kayu yang telah disenaraikan dan syarikat tersebut boleh melantik pihak ketiga (*subcontracting*) daripada senarai Syarikat Panel yang lain bagi segmen logam dan upholsteri.

(vi) Perkara di perenggan (v) adalah tidak terpakai bagi perolehan yang bernilai melebihi RM50,000.

5.3 Bagi perolehan yang mencapai nilai ambang FTA, Agensi hendaklah melaksanakan perolehan untuk item perabot secara tender terbuka mengikut tatacara perolehan semasa seperti yang ditetapkan di dalam PP/PK 2.2 - Tender Terbuka. Dalam hal ini, peraturan seperti di Perenggan 2, 3 dan 5.2 adalah tidak terpakai.

6. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

6.1 Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan Agensi di bawah kawalannya mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan dalam menguruskan perolehan perabot ini. Bagi perolehan KPB Perabot di bawah nilai ambang FTA, Agensi tidak dibenarkan memperoleh perabot daripada punca lain tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan.

6.2 Sebarang pengecualian bagi peraturan di Perenggan 6.1 hendaklah dipohon oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bagi mendapatkan pertimbangan Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui sistem *Electronic Government Procurement Application* (eGPA) atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut mana yang berkenaan.

7. KONTRAK FORMAL

Kontrak formal hendaklah ditandatangani bagi perolehan bukan bermasa yang bernilai melebihi RM500,000 dan semua perolehan bermasa. Perolehan bukan bermasa bernilai di bawah RM500,000 dikecualikan kontrak formal selaras dengan PK 4.2.

8. TEMPOH PENYERAHAN/PENGHANTARAN

Agensi hendaklah menetapkan tempoh penyerahan perabot mengikut kesesuaian perolehan yang dibuat.

9. HAK AGENSI JIKA BEKALAN TIDAK MENGIKUT KONTRAK

9.1 Sekiranya Syarikat Panel lewat membuat penyerahan perabot mengikut tempoh masa yang ditetapkan, Agensi boleh:

i. Menerima perabot tersebut dan Syarikat Panel dikenakan denda lewat bekal berdasarkan formula berikut:

$$\frac{(V \times D)}{365} \times (BLR + 1\%)$$

V: Nilai Kontrak;

D: Bilangan hari yang lewat; dan

BLR: *'Base Lending Rate'* yang dikeluarkan oleh mana-mana bank perdagangan.

Contoh:

Nilai Perolehan= RM10,000.00

Bilangan hari yang lewat= 5 hari

BLR= 3.75%

Kaedah pengiraan:

$$= \frac{(RM10{,}000.00 \times 5)}{365} \times (3.75\% + 1\%))$$

=RM6.51

ii. Membatalkan pesanan perabot dan membeli perabot tersebut daripada Syarikat Panel lain. Dalam hal sedemikian, sekiranya Agensi terpaksa membeli daripada Syarikat Panel lain, perbezaan harga boleh dituntut daripada Syarikat Panel yang gagal membekal perabot; dan

iii. Agensi hendaklah melaporkan serta-merta kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan dengan menyertakan salinan Pesanan Kerajaan dan invois/bil yang terlibat.

9.2 Sekiranya perabot yang dibekalkan tidak mengikut Pesanan Kerajaan/kontrak (tidak mengikut spesifikasi, rosak atau bukan keluaran semasa/baharu), Agensi boleh:

i. Menolak perabot tersebut dan meminta syarikat menggantikan dengan perabot yang baharu dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh permintaan bertulis dibuat. Jika syarikat gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan, Agensi boleh membeli perabot yang dikehendaki dengan pihak ketiga (di kalangan Syarikat Panel). Jika kos pembeliandengan pihak ketiga tersebut melebihi daripada harga yang ditetapkan, maka syarikat yang gagal mematuhi kontrak dikehendaki membayar lebihanamaun tersebut; atau

ii. Sekiranya Agensi tidak menolak perabot yang rosak/tidak menepati spesifikasi disebabkan ia telah dipakai/digunakan sebelum diketahui rosak/tidak menepati spesifikasi, maka Agensi bolehlah membuat tuntutan untuk mendapatkan ganti rugi daripada pihak syarikat yang bernilai setara dengan nilai perabot yang rosak/tidak menepati spesifikasi tersebut; atau

iii. Jika selepas perabot diserahkan, Agensi mendapati bahawa perabot tersebut bukan keluaran semasa atau keluaran baharu, maka Agensi boleh menolak perabot tersebut dan meminta syarikat untuk menggantikan dengan perabot yang baharu atau syarikat dikehendaki untuk membayar kepada Agensi ganti rugi yang bernilai setara dengan nilai perabot tersebut.

10. PEMERIKSAAN SEMASA MENERIMA BEKALAN

10.1 Agensi hendaklah memeriksa bekalan yang diterima untuk memastikan bahawa perabot yang dibekalkan itu adalah sama seperti yang dipesan. Jika terdapat kerosakan atau kekurangan, syarikat hendaklah diminta menggantikan jumlah perabot yang rosak atau kurang itu dalam tempoh empat belas (14) hari tanpa sebarang tambahan kos.

10.2 Jika ada sebarang keraguan tentang kualiti perabot yang dibekalkan oleh Syarikat Panel, pihak Agensi boleh berhubung dengan pihak FRIM bagi menentukan kualiti perabot yang dibekalkan berbanding dengan spesifikasi yang telah ditetapkan mengikut perolehan yang dibuat oleh Agensi. Sebarang isu yang dirujuk kepada FRIM hendaklah disalinkan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan. Segala perbelanjaan ke atas ujian perabot oleh mana-mana Agensi yang terlibat akan ditanggung oleh syarikat jika ia melanggar terma dan syarat kontrak.

10.3 Penolakan bagi perabot yang tidak mengikut spesifikasi hendaklah dibuat secara bertulis dan disalinkan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan.

11. TEMPOH JAMINAN PERABOT

Tempoh jaminan perabot yang dibekalkan ialah selama **dua (2) tahun** daripada tarikh bekalan diterima. Jaminan ini adalah bagi kegunaan biasa (*normal usage*) dan sekiranya dalam tempoh tersebut perabot itu rosak bukan akibat kecuaian pengguna, syarikat hendaklah mengganti atau memperbaikinya dengan percuma.

12. HAL-HAL LAIN

12.1 Agensi hendaklah memastikan perkara-perkara berikut:

i. Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Syarikat Panel adalah masih sah dan bebas daripada apa-apa tindakan/hukuman tatatertib/tindakan mahkamah;

ii. Sentiasa menyemak maklumat terkini senarai item dan senarai Syarikat Panel di laman sesawang http://ppp.treasury.gov.my/;

iii. Menetapkan spesifikasi item mengikut keperluan sebelum pelawaan dibuat;

iv. Keluaran/produk Syarikat Panel hendaklah memenuhi keperluan spesifikasi dan kualiti;

v. Bagi perolehan yang bernilai sehingga RM50,000, Syarikat Panel adalah dibenarkan untuk menyerahkan sepenuhnya atau sebahagian daripada skop pembuatan/pembekalan item kepada pihak ketiga (*subcontracting*) yang terdiri di kalangan Syarikat Panel yang dilantik; dan

vi. Perkara di perenggan 12.1(v) adalah tidak terpakai bagi perolehan yang bernilai melebihi RM50,000.

12.2 Agensi hendaklah memantau dan melaporkan ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan sekiranya mendapati Syarikat Panel tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kementerian Kewangan boleh menggugurkan atau menarik balik pelantikan syarikat daripada KPB sekiranya gagal mematuhi perkara yang ditetapkan di perenggan 12.1(v-vi).

12.3 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan PPP/WP2.1 - Peraturan dan Had Harga Perabot/Kelengkapan Bagi Pejabat Anggota-anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan (Termasuk Anggota Polis Diraja Malaysia).

12.4 Agensi hendaklah memastikan bahawa syarikat yang dilantik melaksanakan program PROTÉGÉ - *READY TO WORK* (PROTÉGÉ-RTW) berdasarkan peraturan semasa yang berkuatkuasa.

12.5 Agensi hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya terlebih dahulu berdasarkan perjanjian kontrak yang telah dipersetujui mengenai prestasi Syarikat Panel yang kurang memuaskan.

12.6 Sebarang tindakan yang diambil oleh Agensi hendaklah diputuskan di peringkat Pihak Berkuasa Melulus asal yang memutuskan perolehan tersebut dan melaporkan kepada Kementerian Kewangan pengesyoran tatatertib (jika ada) seperti yang dijelaskan dalam PP/PK8 - Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan. Borang aduan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Bahagian Perolehan Kerajaan
Sektor Pengurusan Kontrak
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

12.7 Sebarang pertanyaan mengenai pekeliling ini boleh dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan di talian telefon 03-8882 3278/ 3231/ 3237 atau e-mel: kontrakpusat@treasury.gov.my.

13. TARIKH KUAT KUASA

13.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022.**

13.2 Pindaan berkuat kuasa pada **8 Mei 2026.**

LAMPIRAN 2A

SENARAI 75 SYARIKAT DI BAWAH KONTRAK PANEL BERPUSAT (KPB) BAGI BEKALAN DAN PENGHANTARAN PERABOT PELBAGAI JENIS KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN KAYU			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
1.	A.M.A.B BINA ENTERPRISE SDN. BHD.	No. 4, Kawasan Perindustrian Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09-667 2502/ 019-980 2957 No. Faks: 09-623 9759 E-mel: amabbina@yahoo.com
2.	ADUNAN KOMERSIL SDN. BHD.	Plot 8, Fasa 4C, Jalan PBR 33, Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, 75250 Melaka	No. Tel: 06-351 9367 No. Faks: 06-351 0118 E-mel: adunan_88@yahoo.com
3.	ALWY DEVELOPMENT SDN. BHD.	Lot 4491, Kampong Bukit Berangan, Tepoh 21030 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09-662 3555/4555/4992 No. Faks: 09-662 2555 E-mel: alwydev@yahoo.com.my
4.	AMIZU INDUSTRIES SDN. BHD.	No. 9&10, Kawasan Perindustrian Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09-667 4422/ 019-915 4677 No. Faks: 09-667 4499 E-mel: aisb@amizu.com.my
5.	BIDIN BIN JASIN SDN. BHD.	Batu 2, Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis Indera Kayangan	No. Tel: 04-976 1858/ 017-474 5740 No. Faks: 04-976 1858 E-mel: bidinjasin@gmail.com
6.	CAMAR KREATIF SDN. BHD.	No. 92 & 93, Jalan Villaraya 1/3a, Villaraya Industrial Park, Jalan Sg. Lalang 43500 Semenyih, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-8724 5235/ 012-210 3110 No. Faks: 03-8724 7348 E-mel: camar_cksb@yahoo.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN KAYU			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
7.	CANTUMAN ANGGERIK SDN. BHD.	T1&T2, Kawasan Industri M.I.E.L, Telok Kalong, Fasa 1, 24007 Kemaman, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09-862 3110/ 0199314786 0199324786 No. Faks: 09-862 3112 E-mel: cantumananggerik@gmail.com
8.	CITARASA TERAJU SDN. BHD.	Lot 1080 A, Kg. Jias, Beta Hulu, Kadok, 16450 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim	No. Tel: 09-743 4833/ 014-834 4795/ 018-394 4795 No. Faks: 09-743 4833 E-mel : cteraju@yahoo.com.my
9.	FUZI DREAM FURNITURE INDUSTRIES	Lot 4 & 6 Jalan Perusahaan 4 Kawasan Perindustrian PKNS Batu 17, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-6091 4848/ 012-3461162/3 013-200 0866 E-mel: fuzidream1@gmail.com
10.	HASHIM BAKAR SDN. BHD.	1503 Jalan Datuk Haji Ahmad Badawi, 13200 Kepala Batas Seberang Perai, Pulau Pinang	No. Tel: 012-490 6797 / 012-470 6797 No. Faks: 04-575 2632 E-mel: hashimbakar@hotmail.com admin@hashimbakar.com.my
11.	HASRO FURNITURE GALLERY (M) SDN. BHD.	Lot 5, Jalan PBR 33, Fasa 4c, Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, 75250 Melaka.	No. Tel: 06-3531801 No. Faks: 06-3531802 E-mel: hasrofg@gmail.com
12.	H2NK EMPIRE SDN. BHD.	No. 16G & 16A, Jalan Utarid, D U5/D, Seksyen U5 (Panasuria) Petaling 40150 Shah Alam Selangor	No. Tel: 03-7840 0384/ 019-284 8668 E-mel: jjunn.empire@gmail.com
13.	H.L. BROTHERS INDUSTRIES SDN. BHD.	Lot 1071, Jalan Rantau Panjang, 42100 Klang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-3291 7581/ 016-267 8091 No. Faks: 03-3291 9548 E-mel: hlbisb@gmail.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN KAYU			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
14.	HOMESTEAD WOOD INDUSTRIES SDN. BHD.	Lot 906, Jalan Gemas, 73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus	No. Tel: 06-443 3027/ 019-656 7265 No. Faks: 06-441 7822 E-mel: homesteadwoodind@gmail.com
15.	IMPRESSIVE TRANSFORMS SDN. BHD.	Lot 1 & 2, Fasa 4C Jalan PBR 33 Kawasan Perindustrian Bukit Rambai 75250 Bukit Rambai, Melaka	No. Tel: 016-220 4995 E-mel: itsbmlk@gmail.com
16.	M.S. ZABKI (M) SDN. BHD.	No.58, Jalan Besar,33600 Enggor, Karai, Perak Darul Ridzuan	No. Tel: 05-757 6062/ 012-507 6598/ 012-553 8117 No. Faks: 05-776 6460 E-mel: azalina@mszabki.com
17.	MAJLIS PEMULIHAN NEGERI KELANTAN	Wisma Insaniyah Tengku Anis, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim	No. Tel: 09-748 1715 No. Faks: 09-748 1715 E-mel: mpnk72@yahoo.com.my
18.	MAZARUL ENTERPRISE SDN. BHD.	Lot 3778, Kampong Belat Raja Jalan Tambun Tualang, 02600 Arau, Perlis Indera Kayangan	No. Tel: 019-221 4836/ 01158872771 04-986 0945 No. Faks: 04-986 0945 E-mel: mazarul1@yahoo.com
19.	MERANTI MARSHAL SDN. BHD.	302A,B Kompleks Diamond Bangi Business Park, Jalan Medan Bangi Off Persiaran Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-8926 3779/80/ 2487/ 03-8925 9319 No. Faks: 03-8925 9379 E-mel: merantifurnitures@gmail.com
20.	MIROTRAD SDN. BHD.	No. 307, Kg Padang Landak, 22000 Jerteh, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09-690 2445 019-9822308 016-6730762 E-mel: manmirotrad@yahoo.com manmirotrad@gmail.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN KAYU			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
21.	MOHD ABIDIN YAHAYA (PERLIS) SDN. BHD.	W2020, Kubang Paya, Jalan Guar Ipoh, 02600,Arau Perlis Perlis Indera Kayangan	No. Tel: 04-986 5244/ 019-554 6363 No. Faks: 04-986 3760 E-mel: mayperlis10@gmail.com
22.	MYR CONSTRUCTION SDN. BHD.	Lot 1808, Kg. Wakaf Delima Wakaf Baru, 16250 Tumpat, Kelantan Darul Naim	No. Tel: 09-719 6929/ 011-1296 2970 E-mel: myrcsb@gmail.com
23.	NADYA PROPERTIES SDN. BHD.	Lot 1003 Kg Teluk Kemunting, Beris Kubur Besar, 16050 Bachok, Kelantan	No. Tel: 09-776 2242 012-981 2242 No. Faks: 09-765 5242 E-mel: nadyaproperties@yahoo.com
24.	NIK LAH SDN. BHD.	1066 Batu 8, Jalan Sabak Pengkalan Chepa 16100 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim	No. Tel: 09-774 2859/ 012-928 9859 No. Faks: 09-774 5859 E-mel: niklahsb@gmail.com
25.	ONE-TECH (M) SDN. BHD.	No. 1A, Jalan Wawasan 2/1 Bandar Baru Ampang 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-4296 2004/ 019-339 4061 No. Faks: 03-4296 2004 E-mel: sales@onetech.com.my huda@onetech.com.my
26.	PAHARUDIN INDUSTRIES SDN. BHD.	F-1, Kampong Melayu, 36700 Langkap, Perak Darul Ridzuan	No. Tel: 05-6597420/05-6597400/ 0197672545 E-mel: paharudin.industries@gmail.com
27.	POINTRAY (MALAYSIA) SDN. BHD.	No. 6-2, Jalan 8/23E, Taman Danau Kota, Off Jalan Genting Klang, 53100 Setapak, Kuala Lumpur	No. Tel: 03-4142 0035/ 52 019-224 4084/ 019-224 4231/ 016-332 0808 No. Faks: 03-4148 1720 E-mel: info.pointray@gmail.com maziahmusa8@gmail.com yatie.pointray@gmail.com
28.	PRISMA TEGAS SDN. BHD.	No. 2, Jalan Seri Emas 29, Taman Seri Telok Mas, 75460 Melaka	No. Tel: 06-261 7164/ 012-700 3243 E-mel: prismategas@gmail.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN KAYU			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
29.	PT WOOD INDUSTRY (M) SDN. BHD.	9-1 Jalan Excella 2, Taman Ampang Hilir, 55100 Kuala Lumpur	No. Tel: 03-4270 0075/ 0084 No. Faks: 09-787 8878 E-mel: business@ptwood.com.my admin@ptwood.com.my
30.	PUNCAK BUMI UTAMA SDN. BHD.	S4 & S10, Lorong Kendi 1, Jalan Kendi, Kawasan Industri Mara 14100 Simpang Ampat Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	No. Tel: 04-588 3073/ 04-587 3073 No. Faks: 04-587 4540 E-mel: puncakbumi@yahoo.com
31.	PURNAMA BERSATU SDN. BHD.	Lot 11, Kawasan Industri Kecil & Sederhana (IKS), Pusat Pertumbuhan Desa Kg. Soi, 25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur	No. Tel: 09-534 2382/ 016-921 3157 No. Faks: 09-534 2384 E-mel: purnamabersatu@gmail.com
32.	PURPLESTAR INDUSTRIES SDN. BHD.	No.43 Jalan PP 11/4, Alam Perdana Industrial Park, Taman Putra Perdana, 47130 Puchong Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 012-704 8567/ 017-357 8567 No. Faks: 03 - 5880 4724 E-mel: purplestar7818@gmail.com purplestar.ind@gmail.com
33.	RAMACO BENA SDN. BHD.	Lot 27927, Kawasan Perindustrian Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09- 666 0582 No. Faks: 09-667 1934 E-mel: rbsb636@yahoo.com
34.	REGAL BONUS (M) SDN. BHD.	No. 2, Jalan Anggerik Vanilla W 31/ W, Kota Kemuning Seksyen 31, 40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-5122 4982/ 019-222 5984/ 011-5880 7441/ 019-663 5983 No. Faks: 03-5122 5982 E-mel: regalbonus1@gmail.com
35.	SETIA MERANTI SDN. BHD.	Lot 2, Taman Perindustrian Perabot Negeri Perak, Jalan Lahat 31550 Pusing, Perak	No. Tel: 05-323 3025/ 012-598 6888 No. Faks: 05-323 3125 E-mel: setia.meranti@yahoo.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN KAYU			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
36.	SUBKY SDN. BHD.	3876 A, Kg. Gemuroh Lama, Tepoh, 21060 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 014-828 7722/ 011-2780 7881/ 014-508 7986 E-mel: subkytaju@yahoo.com
37.	TERAS KREATIF SDN. BHD.	Kampong Baru Batu 3 ½ , Jalan Changloon, 06100 Kodiang, Kedah Darul Aman	No. Tel: 04-925 2321/ 019-562 1239 No. Faks: 04-925 4315 E-mel: teraskreatif_939@yahoo.com
38.	TIMBER DYNAMICS CORPORATION SDN. BHD.	34-C, Tingkat 2, Jalan BRP 6/11, Bukit Rahman Putra, 47000 Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-6156 5467/ 03-6143 6354 No. Faks: 03-6156 4467 E-mel: tdc_timdyco@yahoo.com
39.	TIRAI INNOVATIF SDN. BHD.	No.3, Jalan Industri Semambu 9/5, Kawasan Perindustrian Semambu, 25350 Kuantan, Pahang Darul Makmur	No. Tel: 09-568 142/ 0754 No. Faks: 09-568 1810 E-mel: tiraisb@yahoo.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN PANEL			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
1.	A.M.A.B BINA ENTERPRISE SDN. BHD.	No. 4, Kawasan Perindustrian Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09-667 2502/ 019-980 2957 No. Faks: 09-623 9759 E-mel: amabbina@yahoo.com
2.	ABM TWO SDN. BHD.	No. 24-A, Kg Lengkuas, 06200 Bukit Pinang, Alor Setar, Kedah Darul Aman	No. Tel: 04-714 1489/ 019-578 8972 012-473 8972 No. Faks: 04-714 4189 E-mel: abm2sdnbhd@gmail.com
3.	ADUNAN KOMERSIL SDN. BHD.	Plot 8, Fasa 4C, Jalan PBR 33, Kawasan Perindustrian Bukit Rambai,75250 Melaka	No. Tel: 06-351 9367 No. Faks: 06-351 0118 E-mel: adunan_88@yahoo.com
4.	ALWY DEVELOPMENT SDN. BHD.	Lot 4491, Kampong Bukit Berangan, Tepoh 21030 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09-662 3555/4555/4992 No. Faks: 09-662 2555 E-mel: alwydev@yahoo.com.my
5.	AMIZU INDUSTRIES SDN. BHD.	No. 9 & 10, Kawasan Perindustrian Gong Badak, 21300 KualaTerengganu, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09-667 4422/ 019-915 4677 No. Faks: 09-667 4499 E-mel: aisb@amizu.com.my
6.	BIDIN BIN JASIN SDN. BHD.	Batu 2, Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis Indera Kayangan	No. Tel: 04-976 1858/ 017-474 5740 No. Faks: 04-976 1858 E-mel: bidinjasin@gmail.com
7.	BIZMART RESOURCES SDN. BHD.	No. 71, Jalan SP 8/5 Bandar Saujana Putra, Lebuh Raya Elite Kuala Langat 42610 Jenjarom, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-3319 8566 E-mel: bizmartresources@gmail.com
8.	BPNP KONSORTIUM SDN. BHD.	No.21 & 21-1, Jalan Sentosa, Kawasan Perindustrian Seri Cheeding 42700 Sungai Sedu, Banting, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-3191 4128/ 012-393 8734 No. Faks: 03-3191 5128 E-mel: enquiry@bpnpkon.com.my

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN PANEL			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
9.	CAMAR KREATIF SDN. BHD.	No. 92 & 93, Jalan Villaraya 1/3a, Villaraya Industrial Park, Jalan Sg. Lalang 43500 Semenyih, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-8724 5235/ 012-210 3110 No. Faks: 03-8724 7348 E-mel: camar_cksb@yahoo.com
10.	CANTUMAN ANGGERIK SDN. BHD.	T1&T2, Kawasan Industri M.I.E.L, Telok Kalong, Fasa 1, 24007 Kemaman, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09-862 3110/ 0199314786 0199324786 No. Faks: 09-862 3112 E-mel: cantumananggerik@gmail.com
11.	CITARASA TERAJU SDN. BHD.	Lot 1080 A, Kg. Jias, Beta Hulu, Kadok, 16450 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim	No. Tel: 09-743 4833/ 014-834 4795/ 018-394 4795 No. Faks: 09-743 4833 E-mel : cteraju@yahoo.com.my
12.	DPM SDN. BHD.	No.17 & 19, Jalan PJU 3/41 Sunway Damansara, Seksyen 12 Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-7885 0864/ 65 No. Faks: 03-7885 0965 E-mel: dpm_bhd@yahoo.com
13.	FAIR TOUCH SDN. BHD.	No. 92, Jalan Selat Selatan 12, Taman Perindustrian Pandamaran, Klang 42000, Pekan Pandamaran Selangor	No. Tel: 03-3323 7344/ 019-345 3366 No. Faks: 03-3324 7446 E-mel: fairtouch_id@hotmail.com
14.	FUZI DREAM FURNITURE INDUSTRIES	Lot 4 & 6 Jalan Perusahaan 4 Kawasan Perindustrian PKNS Batu 17, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-6091 4848/ 012-3461162/3 013-200 0866 E-mel: fuzidream1@gmail.com
15.	GHAJ ENTERPRISE	F.24, Kg. Pengkalan Semeling, Kuala Muda, 08100 Bedong, Kedah Darul Aman	No.Tel: 018-290 4077/ 011-2163 7721 E-mel: mija@f24kitchen.com.my

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN PANEL			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
16.	HASHIM BAKAR SDN. BHD.	1503 Jalan Datuk Haji Ahmad Badawi, 13200 Kepala Batas Seberang Perai, Pulau Pinang	No. Tel: 012-490 6797 / 012-470 6797 No. Faks: 04-575 2632 E-mel: hashimbakar@hotmail.com admin@hashimbakar.com.my
17.	HASRO FURNITURE GALLERY (M) SDN. BHD.	Lot 5, Jalan PBR 33, Fasa 4c, Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, 75250 Melaka.	No. Tel: 06-3531801 No. Faks: 06-3531802 E-mel: hasrofg@gmail.com
18.	H2NK EMPIRE SDN. BHD.	No. 16G & 16A, Jalan Utarid, D U5/D, Seksyen U5 (Panasuria) Petaling 40150 Shah Alam Selangor	No. Tel: 03-7840 0384/ 019-284 8668 E-mel: jjunn.empire@gmail.com
19.	H.L. BROTHERS INDUSTRIES SDN. BHD.	Lot 1071, Jalan Rantau Panjang, 42100 Klang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-3291 7581/ 016-267 8091 No. Faks: 03-3291 9548 E-mel: hlbisb@gmail.com
20.	HOMESTEAD WOOD INDUSTRIES SDN. BHD.	Lot 906, Jalan Gemas, 73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus	No. Tel: 06-443 3027/ 019-656 7265 No. Faks: 06-441 7822 E-mel: homesteadwoodind@gmail.com
21.	IMPRESSIVE TRANSFORMS SDN. BHD.	Lot 1 & 2, Fasa 4C Jalan PBR 33 Kawasan Perindustrian Bukit Rambai 75250 Bukit Rambai, Melaka	No. Tel: 016-220 4995 E-mel: itsbmlk@gmail.com
22.	KERIS SEPAKAT SDN. BHD.	No.7, Tingkat 1, Jalan 4/4C, Desa Melawati (Fasa 5) 53100, Setapak Kuala Lumpur	No. Tel: 03-4149 2033 No. Faks: 03-4162 9333 E-mel: keris.sepakat@gmail.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN PANEL			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
23.	KILASAN VENTURE (M) SDN. BHD.	Lot 1964, Batu 46 Kg. Sepakat 45600 Bestari Jaya, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-3289 5730 No. Faks : 03-3289 5730 E-mel: kilasanventure@yahoo.com.my
24.	KNS CREATIVE SDN. BHD.	No. 6, Jalan 9/3 Taman Industri Kecil Sederhana (IKS) Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 012-3139755 03-89267727 012-4121420 No. Faks: 03-8926 7727 E-mel: knscreative@yahoo.com
25.	M.S. ZABKI (M) SDN. BHD.	No.58, Jalan Besar,33600 Enggor, Karai, Perak Darul Ridzuan	No. Tel: 05-757 6062/ 012-507 6598/ 012-553 8117 No. Faks: 05-776 6460 E-mel: azalina@mszabki.com
26.	MAJLIS PEMULIHAN NEGERI KELANTAN	Wisma Insaniyah Tengku Anis, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim	No. Tel: 09-748 1715 No. Faks: 09-748 1715 E-mel: mpnk72@yahoo.com.my
27.	MAZARUL ENTERPRISE SDN. BHD.	Lot 3778, Kampong Belat Raja Jalan Tambun Tualang, 02600 Arau, Perlis Indera Kayangan	No. Tel: 019-221 4836/ 01158872771 04-986 0945 No. Faks: 04-986 0945 E-mel: mazarul1@yahoo.com
28.	MERANTI MARSHAL SDN. BHD.	302A,B Kompleks Diamond Bangi Business Park, Jalan Medan Bangi Off Persiaran Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-8926 3779/80/ 2487/ 03-8925 9319 No. Faks: 03-8925 9379 E-mel : merantifurnitures@gmail.com
29.	MFL INDUSTRY (M) SDN. BHD.	Lot 7153 GM 11982, Kg. Banggol Tuan Muda, Mukim Manir, 21200 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 013-922 7504/ 014-282 8531 E-mel: industrymfl@yahoo.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN PANEL			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
30.	MIROTRAD SDN. BHD.	No. 307, Padang Landak, 22000 Jerteh, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09-690 2445/ 09-697 1998/ 019-982 2308 No. Faks: 09-697 3448 E-mel:manmirotrad@yahoo.com
31.	MOHD ABIDIN YAHAYA (PERLIS) SDN. BHD.	W2020, Kubang Paya, Jalan Guar Ipoh, 02600,Arau Perlis Perlis Indera Kayangan	No. Tel: 04-986 5244/ 019-554 6363 No. Faks: 04-986 3760 E-mel: mayperlis10@gmail.com
32.	MUSTAJAB IKHLAS SDN. BHD.	78E, 78F, Bangunan Koperasi, Kampong Wakaf Mempelam, 20050 Kuala Terengganu,Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09-624 6803 No. Faks: 09-620 3356 E-mel: mustklas@yahoo.com.my
33.	MYR CONSTRUCTION SDN. BHD.	Lot 1808, Kg. Wakaf Delima Wakaf Baru, 16250 Tumpat, Kelantan Darul Naim	No. Tel: 09-719 6929/ 011-1296 2970 E-mel: myrcsb@gmail.com
34.	NADYA PROPERTIES SDN. BHD.	Lot 1003 Kg Teluk Kemunting, Beris Kubur Besar, 16050 Bachok, Kelantan	No. Tel: 09-776 2242 012-981 2242 No. Faks: 09-765 5242 E-mel: nadyaproperties@yahoo.com
35.	NIK LAH SDN. BHD.	1066 Batu 8, Jalan Sabak Pengkalan Chepa 16100 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim	No. Tel: 09-774 2859/ 012-928 9859 No. Faks: 09-774 5859 E-mel: niklahsb@gmail.com
36.	ONE-TECH (M) SDN. BHD.	No. 1A, Jalan Wawasan 2/1 Bandar Baru Ampang 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-4296 2004/ 019-339 4061 No. Faks: 03-4296 2004 E-mel: sales@onetech.com.my huda@onetech.com.my
37.	PAHARUDIN INDUSTRIES SDN. BHD.	F-1, Kampong Melayu, 36700 Langkap, Perak Darul Ridzuan	No. Tel: 05-6597420/05-6597400/ 0197672545 E-mel: paharudin.industries@gmail.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN PANEL			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
38.	PERNIAGAAN HUSSIN CHE LAD SDN. BHD.	No.193, KM 10, Batas Lintang 02700 Simpang Empat, Perlis Indera Kayangan	No. Tel: 04-980 5340/ 013-480 7449 No. Faks: 04-980 5340 E-mel: phcl11@yahoo.com
39.	POINTRAY (MALAYSIA) SDN. BHD.	No. 6-2, Jalan 8/23E, Taman Danau Kota, Off Jalan Genting Klang, 53100 Setapak, Kuala Lumpur	No. Tel: 03-4142 0035/ 52 019-224 4084/ 019-224 4231/ 016-332 0808 No. Faks: 03-4148 1720 E-mel: info.pointray@gmail.com maziahmusa8@gmail.com yatie.pointray@gmail.com
40.	PRISMA TEGAS SDN. BHD.	No. 2, Jalan Seri Emas 29, Taman Seri Telok Mas, 75460 Melaka	No. Tel: 06-261 7164/ 012-700 3243 E-mel: prismategas@gmail.com
41.	PSB DECORATION SDN. BHD.	No.19, Jalan Mega 1/5, Taman Perindustrian Nusa Cemerlang, 79200 Iskandar Puteri, Johor Darul Takzim	No. Tel: 019-699 6755 No. Pejabat : 07-558 6766 No. Faks : 07-558 6755 E-mel: psbdeco1996@gmail.com
42.	PT WOOD INDUSTRY (M) SDN. BHD.	9-1 Jalan Excella 2, Taman Ampang Hilir, 55100 Kuala Lumpur	No. Tel: 03-4270 0075/ 0084 No. Faks: 09-787 8878 E-mel: business@ptwood.com.my admin@ptwood.com.my
43.	PUNCAK BUMI UTAMA SDN. BHD.	S4 & S10, Lorong Kendi 1, Jalan Kendi, Kawasan Industri Mara 14100 Simpang Ampat Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	No. Tel: 04-588 3073/ 04-587 3073 No. Faks: 04-587 4540 E-mel: puncakbumi@yahoo.com
44.	PURNAMA BERSATU SDN. BHD.	Lot 11, Kawasan Industri Kecil & Sederhana (IKS), Pusat Pertumbuhan Desa Kg. Soi, 25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur	No. Tel: 09-534 2382/ 016-921 3157 No. Faks: 09-534 2384 E-mel: purnamabersatu@gmail.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN PANEL			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
45.	PURPLESTAR INDUSTRIES SDN. BHD.	No.43 Jalan PP 11/4, Alam Perdana Industrial Park, Taman Putra Perdana, 47130 Puchong Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 012-704 8567/ 017-357 8567 No. Faks: 03 - 5880 4724 E-mel: purplestar7818@gmail.com purplestar.ind@gmail.com
46.	RABVOLKS HOMES SDN. BHD.	Lot 873, Jalan Padang Benggali, Teluk Air Tawar, 13050 Butterworth, Pulau Pinang	No.Tel: 04-351 5179/ 012-483 6179 No. Faks: 04-351 5179 E-mel: admin@rabvolks.com.my
47.	RAMACO BENA SDN. BHD.	Lot 27927, Kawasan Perindustrian Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09- 666 0582 No. Faks: 09-667 1934 E-mel: rbsb636@yahoo.com
48.	RAUDAH MARKETING & SUPPLIES SDN. BHD.	No. 15, Jalan Perusahaan 3/2, Pusat Perindustrian PKNS Batu 20 Rawang, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-92029511 012-3191075 013-2290056 E-mel: raudahmarketingsb@gmail.com raudahmarketing@yahoo.com
49.	REGAL BONUS (M) SDN. BHD.	No. 2, Jalan Anggerik Vanilla W 31/ W, Kota Kemuning Seksyen 31, 40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-5122 4982/ 019-222 5984/ 011-5880 7441/ 019-663 5983 No. Faks: 03-5122 5982 E-mel: regalbonus1@gmail.com
50.	RUFFNTUFF SDN. BHD.	Lot 3848, Jalan Perusahaan 4/1, Kawasan Perindustrian Chembong 71309 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus	No.Tel: 06-685 5166/ 3801 019-754 3132/ 012-357 0957 No. Faks: 06-685 5396 E-mel: sales@ruffntuff.com.my nurhana@ruffntuff.com.my
51.	SAS TEKNIK SDN BHD	No.12 Jalan PBI 3, Kawasan Perindustrian Bukit Indah, Gombak 47000, Sungai Buloh, Selangor	No. Tel: 03-61445235 019-4203884 E-mel: shafie@sasgroup.my shafie.sasgroup@gmail.com projects@sasgroup.my

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN PANEL			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
52.	SEMERU KABINET SDN. BHD.	Lot 2403 Jalan Teratai Off Jalan Meru Batu 5½ Kawasan Perindustrian Meru 41050 Klang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 010-200 0155 E-mel: semerukabinet@gmail.com
53.	SETIA MERANTI SDN. BHD.	Lot 2, Taman Perindustrian Perabot Negeri Perak, Jalan Lahat 31550 Pusing, Perak	No. Tel: 05-323 3025/ 012-598 6888 No. Faks: 05-323 3125 E-mel: setia.meranti@yahoo.com
54.	SUBKY SDN. BHD.	3876 A, Kg. Gemuroh Lama, Tepoh, 21060 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 014-828 7722/ 011-2780 7881/ 014-508 7986 E-mel: subkytaju@yahoo.com
55.	TALNOOR ENTERPRISE SDN. BHD.	Lot 869-1, Zon Industri Sg. Sop, Jalan Sg. Sop, Batu 14, 43100 Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-9021 3535 No. Faks: 03-9021 3737 E-mel: mnoorah@talnoor.com info@talnoor.com
56.	TERAS KREATIF SDN. BHD.	Kampong Baru Batu 3 ½ , Jalan Changloon, 06100 Kodiang, Kedah Darul Aman	No. Tel: 04-925 2321/ 019-562 1239 No. Faks: 04-925 4315 E-mel: teraskreatif_939@yahoo.com
57.	TIMBER DYNAMICS CORPORATION SDN. BHD.	34-C, Tingkat 2, Jalan BRP 6/11, Bukit Rahman Putra, 47000 Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-6156 5467/ 03-6143 6354 No. Faks: 03-6156 4467 E-mel: tdc_timdyco@yahoo.com
58.	TIRAI INNOVATIF SDN. BHD.	No.3, Jalan Industri Semambu 9/5, Kawasan Perindustrian Semambu, 25350 Kuantan, Pahang Darul Makmur	No. Tel: 09-568 142/ 0754 No. Faks: 09-568 1810 E-mel: tiraisb@yahoo.com
59.	TRIUMPHANT GALLERY SDN. BHD.	Suite D-0-2, Setiawangsa Business Suite, Jalan Setiawangsa 11, 54200 Kuala Lumpur	No. Tel: 03-4256 7171/ 8171 No. Faks: 03-4256 5171 E-mel: info@tgsb.com.my tgsbzain@gmail.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN LOGAM			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
1.	ALWY DEVELOPMENT SDN. BHD.	Lot 4491, Kampong Bukit Berangan, Tepoh 21030 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09-662 3555/4555/4992 No. Faks: 09-662 2555 E-mel: alwydev@yahoo.com.my
2.	ASTONBINA SDN. BHD.	No. 13, Jalan 3, Taman Greatyear, Capital Industrial Park, Batu 17, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-6092 3911 No. Faks: 03-6092 9113 E-mel: sto21@ymail.com stosales@hotmail.com
3.	AXEC SERVICES & TRADING SDN. BHD.	No. 150-A, Jalan TUDM, Kg Baru Subang, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-7847 2181/ 012-377 7976/ 016-205 9976 No. Faks: 03-7847 3181 E-mel: axec_astsb@yahoo.com axec_servtrdg@yahoo.com.my
4.	AZAS REKALOGAM SDN. BHD.	Lot 1019B, Jalan 4/32A Mukim Batu, Batu 6½ Off Jalan Kepong, 52000 Kuala Lumpur	No. Tel: 03-6257 9066/ 013-234 7926 No. Faks: 03-6251 2625 E-mel: plant@azasrl.com azasrekalogamfinance@gmail.com
5.	B.TIS MANUFACTURER SDN. BHD.	Lot 1404, Batu 8 1/2 Jalan Pahang Lama 53100, Gombak Utara Selangor	No. Tel: 03-6186 1925/ 012-250 3718 No. Faks: 03-6186 1912 E-mel: b.tismyeg@gmail.com
6.	FELAB ENGINEERING SDN. BHD.	Lot 113, JalanTimur 4/2, Kawasan Perusahaan Mergong Barrage, Fasa 2B, 05150 Alor Setar, Kedah Darul Aman	No. Tel: 04-733 8300 No. Faks: 04-733 7200 E-mel: felabengineering@gmail.com
7.	FUZI DREAM FURNITURE INDUSTRIES	Lot 4 & 6 Jalan Perusahaan 4 Kawasan Perindustrian PKNS Batu 17, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-6091 4848/ 012-3461162/3 013-200 0866 E-mel: fuzidream1@gmail.com
8.	HOMESTEAD WOOD INDUSTRIES SDN. BHD.	Lot 906, Jalan Gemas, 73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus	No. Tel: 06-443 3027/ 019-656 7265 No. Faks: 06-441 7822 E-mel: homesteadwoodind@gmail.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN LOGAM			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
9.	K.U.S INDUSTRIES (M) SDN. BHD.	Lot 3.22 & 3.23, Tingkat 3, Pertama Kompleks,Jalan Tuanku, Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur	No. Tel: 03-2691 9288/ 5288/ 03-2698 8586 No. Faks: 03-2694 0107 E-mel: kusindustries@yahoo.com
10.	KABIMAS MANUFACTURING SDN. BHD.	No.1, Jalan Semenyih Integrated 1, Semenyih Integrated Industrial Park, 43500 Semenyih, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-8724 2011 No. Faks: 03-8724 3011 E-mel: info@kabimas.com.my
11.	KUMPULAN NOVALAB (M) SDN BHD	NO.60, 60A & 60B Jalan Anggerik Vanilla Z31/Z Kota Kemuning, Seksyen 31, 40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-5122 5718/ 5719/ 5853 No. Faks: 03- 5122 5852 E-mel: hrmnovalab@gmail.com smdnovalab@gmail.com
12.	MERANTI MARSHAL SDN. BHD.	302A,B Kompleks Diamond Bangi Business Park, Jalan Medan Bangi Off Persiaran Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi,	No. Tel: 03-8926 3779/80/ 2487/ 03-8925 9319 No. Faks: 03-8925 9379 E-mel : merantifurnitures@gmail.com
13.	NADYA PROPERTIES SDN. BHD.	Lot 1003 Kg Teluk Kemunting, Beris Kubur Besar, 16050 Bachok, Kelantan	No. Tel: 09-776 2242 012-981 2242 No. Faks: 09-765 5242 E-mel: nadyaproperties@yahoo.com
14.	NAGASTEEL EQUIPMENT SDN. BHD.	23, Jalan 3/4C Desa Melawati, 53100 Kuala Lumpur	No. Tel: 03-4105 6791/ 012-330 2880 No. Faks: 03-4105 6790 E-mel: nagasteel@gmail.com
15.	POINTRAY (MALAYSIA) SDN. BHD.	No. 6-2, Jalan 8/23E, Taman Danau Kota, Off Jalan Genting Klang, 53100 Setapak, Kuala Lumpur	No. Tel: 03-4142 0035/ 52 019-224 4084/ 019-224 4231/ 016-332 0808 No. Faks: 03-4148 1720 E-mel: info.pointray@gmail.com maziahmusa8@gmail.com yatie.pointray@gmail.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN LOGAM			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
16.	PUNCAK BUMI UTAMA SDN. BHD.	S4 & S10, Lorong Kendi 1, Jalan Kendi, Kawasan Industri Mara 14100 Simpang Ampat Seberang Perai Selatan,Pulau Pinang	No. Tel: 04-588 3073/ 04-587 3073 No. Faks: 04-587 4540 E-mel: puncakbumi@yahoo.com
17.	RAUDAH MARKETING & SUPPLIES SDN. BHD.	No. 15, Jalan Perusahaan 3/2, Pusat Perindustrian PKNS Batu 20 Rawang, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-92029511 012-3191075 013-2290056 E-mel: raudahmarketingsb@gmail.com raudahmarketing@yahoo.com
18.	REGAL BONUS (M) SDN. BHD.	No. 2, Jalan Anggerik Vanilla W 31/ W, Kota Kemuning Seksyen 31, 40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-5122 4982/ 019-222 5984/ 011-5880 7441/ 019-663 5983 No. Faks: 03-5122 5982 E-mel: regalbonus1@gmail.com
19.	RUFFNTUFF SDN. BHD.	Lot 3848, Jalan Perusahaan 4/1, Kawasan Perindustrian Chembong 71309 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus	No.Tel: 06-685 5166/ 3801 019-754 3132/ 012-357 0957 No. Faks: 06-685 5396 E-mel: sales@ruffntuff.com.my nurhana@ruffntuff.com.my

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN BESI (KATIL BESI SETINGKAT DAN DUA TINGKAT TIDAK TERMASUK KATIL PESAKIT)			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
1.	ALWY DEVELOPMENT SDN. BHD.	Lot 4491, Kampong Bukit Berangan, Tepoh 21030 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09-662 3555/4555/4992 No. Faks: 09-662 2555 E-mel: alwydev@yahoo.com.my
2.	AMIZU INDUSTRIES SDN. BHD.	No. 9&10, Kawasan Perindustrian Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09-667 4422/ 019-915 4677 No. Faks: 09-667 4499 E-mel: aisb@amizu.com.my
3.	AXEC SERVICES & TRADING SDN. BHD.	No. 150-A, Jalan TUDM, Kg Baru Subang, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-7847 2181/ 012-377 7976/ 016-205 9976 No. Faks: 03-7847 3181 E-mel: axec_astsb@yahoo.com axec_servtrdg@yahoo.com.my
4.	AZAS REKALOGAM SDN. BHD.	Lot 1019B, Jalan 4/32A Mukim Batu, Batu 6½ Off Jalan Kepong, 52000 Kuala Lumpur	No. Tel: 03-6257 9066/ 013-234 7926 No. Faks: 03-6251 2625 E-mel: plant@azasrl.com azasrekalogamfinance@gmail.com
5.	DPM SDN. BHD.	No.17 & 19, Jalan PJU 3/41 Sunway Damansara, Seksyen 12 Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-7885 0864/ 65 No. Faks: 03-7885 0965 E-mel: dpm_bhd@yahoo.com
6.	FIRUS SINAR INDUSTRY SDN. BHD.	No.18, Jalan Jelapang Maju 3, Taman Perindustrian Jelapang Maju, Kinta, 30020 Ipoh Perak Darul Ridzuan	No.Tel: 05-528 1300/ 017-520 4380 No. Faks: 05-2560020 E-mel: firus_sinar@yahoo.com
7.	FELAB ENGINEERING SDN. BHD.	Lot 113, JalanTimur 4/2, Kawasan Perusahaan Mergong Barrage, Fasa 2B, 05150 Alor Setar, Kedah Darul Aman	No. Tel: 04-733 8300 No. Faks: 04-733 7200 E-mel: felabengineering@gmail.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN BESI (KATIL BESI SETINGKAT DAN DUA TINGKAT TIDAK TERMASUK KATIL PESAKIT)			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
8.	FUZI DREAM FURNITURE INDUSTRIES	Lot 4 & 6 Jalan Perusahaan 4 Kawasan Perindustrian PKNS Batu 17, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-6091 4848/ 012-3461162/3 013-200 0866 E-mel: fuzidream1@gmail.com
9.	HASRO FURNITURE GALLERY (M) SDN. BHD.	Lot 5, Jalan PBR 33, Fasa 4c, Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, 75250 Melaka.	No. Tel: 06-3531801 No. Faks: 06-3531802 E-mel: hasrofg@gmail.com
10.	HOMESTEAD WOOD INDUSTRIES SDN. BHD.	Lot 906, Jalan Gemas, 73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus	No. Tel: 06-443 3027/ 019-656 7265 No. Faks: 06-441 7822 E-mel: homesteadwoodind@gmail.com
11.	IMPRESSIVE TRANSFORMS SDN. BHD.	Lot 1 & 2, Fasa 4C Jalan PBR 33 Kawasan Perindustrian Bukit Rambai 75250 Bukit Rambai, Melaka	No. Tel: 016-220 4995 E-mel: itsbmlk@gmail.com
12.	K.U.S INDUSTRIES (M) SDN. BHD.	Lot 3.22 & 3.23, Tingkat 3, Pertama Kompleks, Jalan Tuanku, Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur	No. Tel: 03-2691 9288/ 5288/ 03-2698 8586 No. Faks: 03-2694 0107 E-mel: kusindustries@yahoo.com
13.	KABIMAS MANUFACTURING SDN. BHD.	No.1, Jalan Semenyih Integrated 1, Semenyih Integrated Industrial Park, 43500 Semenyih, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-8724 2011 No. Faks: 03-8724 3011 E-mel: info@kabimas.com.my
14.	MALPRO INDUSTRI SDN. BHD.	Wisma Malpro Lot 1042, Batu Satu, Jalan Sg. Buaya Sg. Choh, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-6092 9030/ 1232/ 4258/ 019-224 8883 No. Faks: 03-6092 8020 E-mel: allmalpro@yahoo.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN BESI (KATIL BESI SETINGKAT DAN DUA TINGKAT TIDAK TERMASUK KATIL PESAKIT)			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
15.	MERANTI MARSHAL SDN. BHD.	302A,B Kompleks Diamond Bangi Business Park, Jalan Medan Bangi Off Persiaran Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-8926 3779/80/ 2487/ 03-8925 9319 No. Faks: 03-8925 9379 E-mel : merantifurnitures@gmail.com
16.	MIROTRAD SDN. BHD.	No. 307, Padang Landak, 22000 Jerteh, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 09-690 2445/ 09-697 1998/ 019-982 2308 No. Faks: 09-697 3448 E-mel:manmirotrad@yahoo.com
17.	NADYA PROPERTIES SDN. BHD.	Lot 1003 Kg Teluk Kemunting, Beris Kubur Besar, 16050 Bachok, Kelantan	No. Tel: 09-776 2242 012-981 2242 No. Faks: 09-765 5242 E-mel: nadyaproperties@yahoo.com
18.	NAGASTEEL EQUIPMENT SDN. BHD.	23, Jalan 3/4C Desa Melawati, 53100 Kuala Lumpur	No. Tel: 03-4105 6791/ 012-330 2880 No. Faks: 03-4105 6790 E-mel: nagasteel@gmail.com
19.	POINTRAY (MALAYSIA) SDN. BHD.	No. 6-2, Jalan 8/23E, Taman Danau Kota, Off Jalan Genting Klang, 53100 Setapak, Kuala Lumpur	No. Tel: 03-4142 0035/ 52 019-224 4084/ 019-224 4231/ 016-332 0808 No. Faks: 03-4148 1720 E-mel: info.pointray@gmail.com maziahmusa8@gmail.com yatie.pointray@gmail.com
20.	PUNCAK BUMI UTAMA SDN. BHD.	S4 & S10, Lorong Kendi 1, Jalan Kendi, Kawasan Industri Mara 14100 Simpang Ampat Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	No. Tel: 04-588 3073/ 04-587 3073 No. Faks: 04-587 4540 E-mel: puncakbumi@yahoo.com
21.	RAUDAH MARKETING & SUPPLIES SDN. BHD.	No. 15, Jalan Perusahaan 3/2, Pusat Perindustrian PKNS Batu 20 Rawang, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-92029511 012-3191075 013-2290056 E-mel: raudahmarketingsb@gmail.com raudahmarketing@yahoo.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN BESI (KATIL BESI SETINGKAT DAN DUA TINGKAT TIDAK TERMASUK KATIL PESAKIT)			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
22.	REGAL BONUS (M) SDN. BHD.	No. 2, Jalan Anggerik Vanilla W 31/ W, Kota Kemuning Seksyen 31, 40460 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-5122 4982/ 019-222 5984/ 011-5880 7441/ 019-663 5983 No. Faks: 03-5122 5982 E-mel: regalbonus1@gmail.com
23.	RUFFNTUFF SDN. BHD.	Lot 3848, Jalan Perusahaan 4/1, Kawasan Perindustrian Chembong 71309 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus	No.Tel: 06-685 5166/ 3801 019-754 3132/ 012-357 0957 No. Faks: 06-685 5396 E-mel: sales@ruffntuff.com.my nurhana@ruffntuff.com.my

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN PLASTIK			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
SELANGOR & WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR			
1.	B.TIS MANUFACTURER SDN. BHD.	Lot 1404, Batu 8 1/2 Jalan Pahang Lama 53100, Gombak Utara Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-6186 1925/ 012-250 3718 No. Faks: 03-6186 1912 E-mel: b.tismyeg@gmail.com
2.	MALPRO INDUSTRI SDN. BHD.	Wisma Malpro Lot 1042, Batu Satu, Jalan Sg. Buaya Sg. Choh, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-6092 9030/ 1232/ 4258/ 019-224 8883 No. Faks: 03-6092 8020 E-mel: allmalpro@yahoo.com
3.	POINTRAY (MALAYSIA) SDN. BHD.	No. 6-2, Jalan 8/23E, Taman Danau Kota, Off Jalan Genting Klang, 53100 Setapak, Kuala Lumpur	No. Tel: 03-4142 0035/ 52 019-224 4084/ 019-224 4231/ 016-332 0808 No. Faks: 03-4148 1720 E-mel: info.pointray@gmail.com maziahmusa8@gmail.com yatie.pointray@gmail.com
4.	S.M. PLASTICS SDN. BHD.	Lot 2792 Ulu Rening, Mukim Batang Kali, Hulu Selangor, 44300 Batang Kali, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-6091 2757/ 012-675 4573 No. Faks: 03-6057 369 E-mel: smiperabot@yahoo.com/ sahkina7000@gmail.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN UPHOLSTERI			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
1.	B.TIS MANUFACTURER SDN. BHD.	Lot 1404, Batu 8 1/2 Jalan Pahang Lama 53100, Gombak Utara Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-6186 1925/ 012-250 3718 No. Faks: 03-6186 1912 E-mel: b.tismyeg@gmail.com
2.	BIZMART RESOURCES SDN. BHD.	No. 71, Jalan SP 8/5 Bandar Saujana Putra, Lebuh Raya Elite Kuala Langat 42610 Jenjarom, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-3319 8566 E-mel: bizmartresources@gmail.com
3.	DPM SDN. BHD.	No.17 & 19, Jalan PJU 3/41 Sunway Damansara, Seksyen 12 Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-7885 0864/ 65 No. Faks: 03-7885 0965 E-mel: dpm_bhd@yahoo.com
4.	FAIR TOUCH SDN. BHD.	No. 92, Jalan Selat Selatan 12, Taman Perindustrian Pandamaran, Klang 42000, Pekan Pandamaran Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-3323 7344/ 019-345 3366 No. Faks: 03-3324 7446 E-mel: fairtouch_id@hotmail.com
5.	FIRUS SINAR INDUSTRY SDN. BHD.	No.18, Jalan Jelapang Maju 3, Taman Perindustrian Jelapang Maju, Kinta, 30020 Ipoh Perak Darul Ridzuan	No.Tel: 05-528 1300/ 017-520 4380 No. Faks: 05-2560020 E-mel: firus_sinar@yahoo.com
6.	FURNITECH INDUSTRIES (M) SDN. BHD.	Lot A5 Kawasan Industri Mara (KIM), Off KM13, Jalan Batu Caves, 68100 Kuala Lumpur	No. Tel: 017-659 9758 No. Faks: 03-6178 1099 E-mel: nikfurnitech@gmail.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN UPHOLSTERI			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
7.	FUZI DREAM FURNITURE INDUSTRIES	Lot 4 & 6 Jalan Perusahaan 4 Kawasan Perindustrian PKNS Batu 17, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-6091 4848/ 012-3461162/3 013-200 0866 E-mel: fuzidream1@gmail.com
8.	H2NK EMPIRE SDN. BHD.	No. 16G & 16A, Jalan Utarid, D U5/D, Seksyen U5 (Panasuria) Petaling 40150 Shah Alam Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-7840 0384/ 019-284 8668 E-mel: jjunn.empire@gmail.com
9.	HOMESTEAD WOOD INDUSTRIES SDN. BHD.	Lot 906, Jalan Gemas, 73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus	No. Tel: 06-443 3027/ 019-656 7265 No. Faks: 06-441 7822 E-mel: homesteadwoodind@gmail.com
10.	IMPRESSIVE TRANSFORMS SDN. BHD.	Lot 1 & 2, Fasa 4C Jalan PBR 33 Kawasan Perindustrian Bukit Rambai 75250 Bukit Rambai, Melaka	No. Tel: 016-220 4995 E-mel: itsbmlk@gmail.com
11.	KABIMAS MANUFACTURING SDN. BHD.	No.1, Jalan Semenyih Integrated 1, Semenyih Integrated Industrial Park, 43500 Semenyih, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-8724 2011 No. Faks: 03-8724 3011 E-mel: info@kabimas.com.my
12.	KERIS SEPAKAT SDN. BHD.	No.7, Tingkat 1, Jalan 4/4C, Desa Melawati (Fasa 5) 53100, Setapak Kuala Lumpur	No. Tel: 03-4149 2033 No. Faks: 03-4162 9333 E-mel: keris.sepakat@gmail.com
13.	KNS CREATIVE SDN. BHD.	No. 6, Jalan 9/3 Taman Industri Kecil Sederhana (IKS) Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 012-3139755 03-89267727 012-4121420 No. Faks: 03-8926 7727 E-mel: knscreative@yahoo.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN UPHOLSTERI			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
14.	MALPRO INDUSTRI SDN. BHD.	Wisma Malpro Lot 1042, Batu Satu, Jalan Sg. Buaya Sg. Choh, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-6092 9030/ 1232/ 4258/ 019-224 8883 No. Faks: 03-6092 8020 E-mel: allmalpro@yahoo.com
15.	MERANTI MARSHAL SDN. BHD.	302A,B Kompleks Diamond Bangi Business Park, Jalan Medan Bangi Off Persiaran Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-8926 3779/80/ 2487/ 03-8925 9319 No. Faks: 03-8925 9379 E-mel : merantifurnitures@gmail.com
16.	METRO MANUFACTURING SDN. BHD.	No. 49, Jalan Bulan U5/167 Seksyen U5, Subang 2 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-7840 0514/ 03-7842 5622/ 012-264 5908 No. Faks: 03-78424459
17.	MOHD ABIDIN YAHAYA (PERLIS) SDN. BHD.	W2020, Kubang Paya, Jalan Guar Ipoh, 02600,Arau Perlis Perlis Indera Kayangan	No. Tel: 04-986 5244/ 019-554 6363 No. Faks: 04-986 3760 E-mel: mayperlis10@gmail.com
18.	NADYA PROPERTIES SDN. BHD.	Lot 1003 Kg Teluk Kemunting, Beris Kubur Besar, 16050 Bachok, Kelantan	No. Tel: 09-776 2242 012-981 2242 No. Faks: 09-765 5242 E-mel: nadyaproperties@yahoo.com
19.	NIK LAH SDN. BHD.	1066 Batu 8, Jalan Sabak Pengkalan Chepa 16100 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim	No. Tel: 09-774 2859/ 012-928 9859 No. Faks: 09-774 5859 E-mel: niklahsb@gmail.com
20.	ONE-TECH (M) SDN. BHD.	No. 1A, Jalan Wawasan 2/1 Bandar Baru Ampang 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-4296 2004/ 019-339 4061 No. Faks: 03-4296 2004 E-mel: sales@onetech.com.my huda@onetech.com.my
21.	POINTRAY (MALAYSIA) SDN. BHD.	No. 6-2, Jalan 8/23E, Taman Danau Kota, Off Jalan Genting Klang, 53100 Setapak, Kuala Lumpur	No. Tel: 03-4142 0035/ 52 019-224 4084/ 019-224 4231/ 016-332 0808 No. Faks: 03-4148 1720 E-mel: info.pointray@gmail.com maziahmusa8@gmail.com yatie.pointray@gmail.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN UPHOLSTERI			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
22.	PT WOOD INDUSTRY (M) SDN. BHD.	9-1 Jalan Excella 2, Taman Ampang Hilir, 55100 Kuala Lumpur	No. Tel: 03-4270 0075/ 0084 No. Faks: 09-787 8878 E-mel: business@ptwood.com.my admin@ptwood.com.my
23.	PUNCAK BUMI UTAMA SDN. BHD.	S4 & S10, Lorong Kendi 1, Jalan Kendi, Kawasan Industri Mara, 14100 Simpang Ampat Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang	No. Tel: 04-588 3073/ 04-587 3073 No. Faks: 04-587 4540 E-mel: puncakbumi@yahoo.com
24.	PURPLESTAR INDUSTRIES SDN. BHD.	No.43 Jalan PP 11/4, Alam Perdana Industrial Park, Taman Putra Perdana, 47130 Puchong Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 012-704 8567/ 017-357 8567 No. Faks: 03 - 5880 4724 E-mel: purplestar7818@gmail.com purplestar.ind@gmail.com
25.	RAUDAH MARKETING & SUPPLIES SDN. BHD.	No. 15, Jalan Perusahaan 3/2, Pusat Perindustrian PKNS Batu 20 Rawang, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-92029511 012-3191075 013-2290056 E-mel: raudahmarketingsb@gmail.com raudahmarketing@yahoo.com
26.	S.M. INDUSTRIES (M) SDN. BHD.	Lot 83 BT 23, Jalan Batu Arang Kawasan Industri Kecil, Sg. Bakau Bandar Country Homes 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-6091 2757/ 012-6754573 No. Faks: 03-60915849 E-mel: smiperabot@yahoo.com
27.	SAS TEKNIK SDN BHD	No.12 Jalan PBI 3, Kawasan Perindustrian Bukit Indah, Gombak 47000, Sungai Buloh, Selangor	No. Tel: 03-61445235 019-4203884 E-mel: shafie@sasgroup.my shafie.sasgroup@gmail.com projects@sasgroup.my
28.	SENADA PERKASA SDN BHD	Lot 3714B 3B Jalan Industri 5, Kampung Baru 47000 Sungai Buloh, Selangor Darul Ehsan	No. Tel: 03-3051 1588/ 019-221 3578/ 010-654 0576 Email : senadaperkasa.info@gmail.com

SEGMEN: PERABOT BERASASKAN UPHOLSTERI			
BIL	**NAMA SYARIKAT**	**ALAMAT**	**NO TELEFON DAN EMEL**
29.	SUBKY SDN. BHD.	3876 A, Kg. Gemuroh Lama, Tepoh, 21060 Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman	No. Tel: 014-828 7722/ 011-2780 7881/ 014-508 7986 E-mel: subkytaju@yahoo.com

PK 2.8

KERAJAAN MALAYSIA

Tatacara Perolehan Secara *Request For Proposal* (RFP)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2.6 TATACARA PEROLEHAN SECARA *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP) 1

1. Pendahuluan 1
2. Mekanisme Pelaksanaan Secara RFP 1
3. Punca Kuasa / Had Nilai RFP 2
4. Syarat-syarat RFP 3
5. Jenis Pelawaan RFP 4
6. Penyediaan RFP 4
7. Pengiklanan 8
8. Penjualan Dokumen RFP 8
9. Penerimaan dan pembukaan cadangan RFP 8
10. Penilaian RFP 9
11. Pertimbangan Dan Keputusan Lembaga Perolehan Agensi 13
12. Tarikh Kuat Kuasa 13

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Dokumen TOR
Lampiran 2 : Contoh Kriteria Penilaian
Lampiran 3 : Contoh Cadangan Kewangan

PK 2.8 TATACARA PEROLEHAN SECARA *REQUEST FOR PROPOSAL* (RFP)

1. Pendahuluan

1.1 *Request For Proposal* (RFP) adalah kaedah pelawaan secara terbuka untuk mendapatkan cadangan bagi menghasilkan *output* yang dikehendaki oleh agensi di mana agensi tiada kepakaran dan tidak dapat menentukan skop perkhidmatan/spesifikasi secara terperinci dan komprehensif bagi sesuatu perolehan.

1.2 Pelawaan secara RFP ini dikhususkan untuk perolehan perkhidmatan dan ICT sahaja bertujuan untuk mencari penyelesaian (*solutions*) yang paling sesuai, inovatif dan tepat yang memenuhi keperluan sesuatu perkhidmatan/program.

1.3 Bagi melaksanakan RFP, agensi perlu mengetahui dengan jelas mengenai matlamat, fungsi dan tujuan perkhidmatan/program yang hendak dilaksanakan bagi membantu syarikat menyediakan cadangan penyelesaian.

2. Mekanisme Pelaksanaan Secara RFP

2.1 RFP hanya boleh dilaksanakan bagi perolehan perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00.

2.2 Agensi hendaklah menyediakan jadual pelaksanaan (*timeline*) perolehan agar pelaksanaan perolehan dapat dibuat dengan teratur dan sempurna.

2.3 Agensi hendaklah menyediakan anggaran nilai perolehan keseluruhan dengan mengambil kira keperluan agensi dan kos luar jangka seperti pertambahan kuantiti, pelanjutan tempoh kontrak, perubahan kerja dan lain-lain.

2.4 Agensi hendaklah memastikan syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan.

2.5 Pelawaan secara terbuka bagi agensi mendapat keberhasilan (*output*) bagi skop perkhidmatan dan ICT.

2.6 Asas penentuan bagi pelaksanaan secara RFP ditetapkan seperti berikut:

(i) Skop perkhidmatan dan ICT yang memerlukan cadangan idea kreatif, inovatif dan memerlukan cadangan penyelesaian terbaik untuk Kerajaan;

(ii) Agensi tiada kepakaran dan tidak dapat menyediakan spesifikasi;

(iii) Perkhidmatan yang dikehendaki tidak dapat diperolehi di pasaran terbuka;

(iv) Cadangan untuk mengurangkan kos operasi dan mengurangkan perbelanjaan awam;

(v) Cadangan untuk mengambil alih fasiliti/kemudahan Kerajaan yang merugikan untuk menjana pendapatan/keuntungan;

(vi) Cadangan untuk mengambil alih bangunan/fasiliti Kerajaan yang tidak digunakan atau digunakan sepenuhnya untuk menjana hasil; dan

(vii) Reka bentuk atau sistem yang kompleks.

3. Punca Kuasa / Had Nilai RFP

3.1 Semua RFP hendaklah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) terlebih dahulu tertakluk kepada had nilai yang ditetapkan.

Bil.	Had Nilai	Pihak Berkuasa Melulus	Tanggungjawab
1.	Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan Agensi	Memastikan semua urusan berkaitan RFP mematuhi dasar dan prinsip-prinsip perolehan Kerajaan serta amalan tadbir urus baik *(good governance).*

4. Syarat-syarat RFP

4.1 Pelaksanaan RFP hendaklah dibuat dengan mematuhi syarat seperti berikut:

(i) **Tanggungjawab Agensi**

a. Agensi hendaklah menyediakan dokumen pelawaan RFP.

b. Dokumen pelawaan tersebut hendaklah mengandungi Terma Rujukan (TOR)/Penyata Kehendak *(Needs Statement)* berkaitan perkhidmatan yang diperlukan untuk pertimbangan Lembaga Perolehan Agensi.

c. Agensi hendaklah memasukkan dalam dokumen pelawaan RFP mengenai kriteria syarikat sekurang-kurangnya kriteria seperti berikut:

1. Kelayakan keupayaan/kriteria syarikat;

2. Pengalaman syarikat dalam melaksanakan perolehan yang serupa; dan

3. Syarikat mempunyai prestasi yang memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun terkini.

d. Agensi hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Penilaian untuk menilai cadangan RFP.

e. TOR/*Needs Statement*, kriteria syarikat, kriteria/kaedah penilaian RFP dan keperluan untuk mengadakan sesi taklimat/*pitching* hendaklah dimuktamadkan di Lembaga Perolehan Agensi.

5. Jenis Pelawaan RFP

5.1 Pelaksanaan RFP boleh dibuat seperti berikut:

(i) **RFP dipelawa dengan harga tawaran**

a. Pelawaan RFP boleh dibuat dengan memaklumkan kepada syarikat agar cadangan dikemukakan bersekali dengan harga.

b. Syarikat perlu mengemukakan dua (2) sampul yang berasingan iaitu sampul bagi cadangan teknikal dan sampul bagi cadangan harga.

(ii) **RFP dipelawa tanpa harga tawaran**

a. Pelawaan RFP boleh dibuat dengan memaklumkan kepada syarikat agar cadangan dikemukakan tanpa harga.

b. Syarikat mengemukakan cadangan tanpa harga dan akan dinilai berdasarkan cadangan/idea terlebih dahulu.

c. Pelawaan semula RFP dibuat di kalangan syarikat yang lulus penilaian peringkat awal sahaja.

d. Bagi pelawaan semula tersebut, syarikat perlu mengemukakan cadangan mengikut spesfikasi/skop yang telah ditetapkan dengan harga.

6. Penyediaan RFP

6.1 Pelantikan Jawatankuasa Penyediaan RFP

(i) Agensi hendaklah melantik Jawatankuasa Penyediaan Skop Spesifikasi RFP yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai yang mahir dan berkelayakan di dalam bidang berkenaan termasuk wakil-wakil daripada agensi lain yang berkaitan jika perlu. Pengerusi Jawatankuasa RFP hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf.

(ii) Pelantikan Jawatankuasa Penyediaan RFP hendaklah dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Agensi dan tempoh penyediaan RFP hendaklah ditetapkan.

6.2 Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Penyediaan RFP adalah seperti berikut :

(i) Menyediakan TOR/*Needs Statement* RFP. Contoh TOR adalah seperti di **Lampiran 1**.

(ii) Menyediakan kriteria kelayakan, kaedah penilaian dan skema pemarkahan bagi tujuan penilaian RFP.

(iii) Meletakkan harga indikatif Jabatan.

(iv) Menyediakan skop/spesifikasi baharu atau gabungan cadangan daripada semua syarikat dan mempelawa semula kepada semua syarikat bagi kaedah RFP yang dipelawa tanpa harga. Skop/spesifikasi yang disediakan hendaklah tidak terlalu spesifik atau menjurus kepada satu syarikat sahaja. Skop/spesifikasi baru hendaklah membolehkan semua syarikat yang disenarai pendek untuk mengemukakan tawaran.

6.3 Tempoh Masa Penyediaan RFP

(i) Jawatankuasa Penyediaan RFP hendaklah diberi masa yang cukup untuk menyediakan TOR/*Needs Statement*.

(ii) Tempoh masa untuk menyediakan TOR/*Needs Statement* hendaklah dinyatakan di dalam surat pelantikan Jawatankuasa Penyediaan RFP.

6.4 Etika Jawatankuasa Penyediaan RFP

(i) Semua ahli Jawatankuasa Penyediaan RFP hendaklah menandatangani *Integrity Pact* semasa pelantikan dan selepas selesai tugas.

(ii) Agensi dilarang menyediakan RFP dengan pihak yang berkepentingan atau mendapat nasihat daripada pihak yang berkepentingan.

(iii) Mana-mana ahli Jawatankuasa Penyediaan RFP yang mempunyai kepentingan peribadi, kepentingan terletak hak atau percanggahan kepentingan hendaklah mengisytiharkan kepentingan secara bertulis dan menarik diri daripada Jawatankuasa Penyediaan RFP.

6.5 Penyediaan Dokumen RFP

(i) Dokumen RFP mengandungi perkara yang tidak terhad seperti berikut:

a. Arahan kepada petender;

b. Kriteria penilaian teknikal dan kriteria penilaian kewangan;

c. TOR/*Needs Statement* yang mengandungi komponen latar belakang, objektif dan skop kerja;

d. *Expected outputs and deliverables*, tempoh masa kerja, lokasi kerja dan cadangan jadual pembayaran dan lain-lain;

e. Keperluan kelayakan dan pengalaman;

f. Templat cadangan tawaran oleh petender yang merangkumi:

1. Kelayakan petender (petender untuk mengemukakan profail syarikat, sijil pendaftaran, penyata kewangan yang diaudit, pengalaman (*track record,* persijilan akreditasi dan lain-lain).

2. Cadangan metodologi (pendekatan (*approach*) pelaksanaan program, strategi, pelan perancangan, pemantauan projek dan lain-lain).

3. Cadangan struktur pengurusan dan kakitangan utama (nama dan kelayakan, *curriculum vitae* dan sebagainya)

4. Cadangan tawaran kewangan.

(ii) Agensi hendaklah menjelaskan syarat-syarat khusus kepada semua syarikat yang menyertai RFP dan memasukkannya di dalam dokumen RFP seperti berikut:

a. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan dokumen cadangan akibat kecuaian dalam penyerahan dokumen berkenaan.

b. Dokumen cadangan yang lewat tidak akan dipertimbangkan. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab ke atas dokumen cadangan yang dihantar melalui kiriman pos sekiranya berlaku sebarang kelewatan, kehilangan atau lain-lain lagi.

c. Kerajaan berhak pada bila-bila masa sebelum tarikh tutup penghantaran cadangan, meminda dokumen RFP dengan menyediakan dokumen tambahan (*addendum)* kerana sebab-sebab tertentu atas inisiatif Kerajaan. Sebarang makluman pindaan akan dimaklumkan melalui e-mel Pembida yang didaftarkan ketika taklimat.

d. Sekiranya diperlukan, Agensi berhak memilih satu cadangan RFP atau kombinasi RFP untuk dijadikan satu spesifikasi baru Agensi tanpa melibatkan sebarang bayaran atau pampasan kepada syarikat;

e. Kerajaan tidak terikat untuk melantik mana-mana syarikat berdasarkan cadangan RFP yang dikemukakan;

f. Syarikat bertanggungjawab (*accountable*) terhadap apa-apa representasi;

g. Syarikat boleh diminta memberi taklimat/persembahan dan kos yang terlibat hendaklah ditanggung oleh syarikat;

h. Syarikat boleh dibenarkan untuk mengemukakan cadangan dalam bentuk dokumen, video, model, *prototype* dan lain-lain;

i. Syarikat boleh dibenarkan untuk mengemukakan cadangan RFP dalam bentuk *hard copy* atau *soft copy* atau kedua-duanya mengikut keperluan agensi;

j. Sebarang kos yang terlibat dalam penyediaan cadangan RFP hendaklah ditanggung oleh syarikat;

k. Agensi berhak menggunakan cadangan daripada syarikat sama ada syarikat tersebut berjaya atau tidak; dan

l. Dokumen RFP yang dikemukakan adalah SULIT.

7. Pengiklanan

Pengiklanan pelawaan RFP hendaklah dilaksanakan seperti mana pengiklanan tender yang dinyatakan di PP/PK2.1.

8. Penjualan Dokumen RFP

8.1 Penjualan dokumen hendaklah berasaskan syarat-syarat yang dinyatakan dalam iklan RFP.

8.2 Agensi hendaklah meletakkan contoh dokumen RFP untuk membolehkan syarikat menyemak dokumen RFP tersebut sebelum membuat pembelian.

8.3 Setiap dokumen RFP hendaklah diberi nombor siri. Dokumen RFP boleh dijual dalam bentuk *hard copy* atau *soft copy* atau kedua-duanya.

8.4 Satu rekod/daftar penjualan dokumen hendaklah disediakan untuk merekodkan nombor siri dokumen RFP, nama syarikat dan tarikh dokumen dijual.

9. Penerimaan dan pembukaan cadangan RFP

9.1 Agensi hendaklah menerima, menutup dan membuka tawaran seperti kaedah tender terbuka di PP/PK2.2.

10. Penilaian RFP

10.1 Agensi hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian RFP yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai yang mahir dan berkelayakan di dalam bidang berkenaan termasuk wakil-wakil daripada agensi lain yang berkaitan jika perlu.

10.2 Pengerusi Jawatankuasa Penilaian RFP hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Pelantikan Jawatankuasa Penilaian RFP hendaklah secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Agensi dan tempoh penilaian RFP hendaklah ditetapkan.

10.3 Bagi pelaksanaan kriteria kelayakan penilaian, agensi boleh memberi wajaran markah mengikut keperluan agensi masing-masing seperti jadual di bawah. Cadangan wajaran kriteria penilaian teknikal adalah seperti berikut:

i. Penilaian Teknikal (70%)

Penilaian Teknikal (PT):

$$\frac{\text{Jumlah skor diperolehi oleh pembida}}{\text{Skor maksimum untuk PT}} \times 100$$

Bil.	Kriteria	Wajaran Markah
1.	Kelayakan pembida, kapasiti dan pengalaman	40%
2.	Cadangan metodologi, pendekatan (*approach*) dan pelan pelaksanaan.	30%
3.	Struktur Pengurusan dan kakitangan utama (*key personnel*)	30%
Jumlah Keseluruhan		100%

Contoh kriteria penilaian teknikal adalah seperti di **Lampiran 2**

ii. Penilaian Kewangan (30%)

Penilaian Kewangan akan dinilai berdasarkan tawaran kewangan yang dikemukakan seperti di **Lampiran 3**. Penilaian Kewangan adalah seperti berikut:

Penilaian Kewangan (PK):

$$\frac{\text{Tawaran harga terendah}}{\text{Tawaran harga syarikat yang dinilai}} \text{ X } 100$$

iii. Kombinasi skor: (PT x 70%) + (PK x 30%)

10.4 Jawatankuasa Penilaian hendaklah menilai cadangan yang diterima berdasarkan kriteria penilaian dan kaedah RFP yang telah dipilih dan ditetapkan.

10.5 Sekiranya kaedah mendapatkan maklumat/*pitching* diperlukan, penilaian hendaklah dibuat selepas sesi taklimat/*pitching*.

10.6 Dalam keadaan di mana semua RFP yang ditawarkan oleh syarikat tidak memenuhi keperluan Agensi, Jawatankuasa Penilaian boleh membuat syor kepada Lembaga Perolehan Agensi untuk menerima pakai beberapa gabungan RFP untuk dijadikan sebagai keperluan baru Agensi.

10.7 Sekiranya Lembaga Perolehan Agensi bersetuju, penyediaan spesifikasi baharu yang meliputi maklumat teknikal dan kewangan (harga dan keupayaan kewangan syarikat) hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa Penyediaan RFP. Pelawaan semula hendaklah dibuat kepada syarikat yang mengemukakan RFP yang telah disenarai pendek.

10.8 Jawatankuasa Penilaian hendaklah mengemukakan cadangan syor kepada Lembaga Perolehan Agensi. Jawatankuasa Penilaian boleh membuat perakuan kepada Lembaga Perolehan Agensi berkaitan kaedah RFP yang dipilh.

10.9 Laporan hasil penilaian hendaklah dibentangkan kepada Lembaga Perolehan Agensi untuk keputusan.

10.10 **Pelaksanaan Penilaian RFP**

(i) Agensi boleh melaksanakan penilaian RFP mengikut dua (2) peringkat pelawaan iaitu Peringkat Pertama (P1) bagi RFP dipelawa dengan harga tawaran atau tanpa harga tawaran. Pelaksanaan RFP bagi Peringkat Kedua (P2) hendaklah dipelawa dengan harga tawaran. Hanya syarikat yang melepasi penilaian P1 dipelawa bagi P2. Pelaksanaan RFP adalah seperti berikut:

a. **Pelawaan Peringkat Pertama (P1)**

1. **RFP dipelawa dengan harga tawaran**

i. Agensi hendaklah menubuhkan dua (2) jawatankuasa berasingan iaitu Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan. Jawatankuasa Penilaian Teknikal akan menilai cadangan idea/konsep dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan akan menilai cadangan kewangan.

ii. Penilaian Teknikal dan Penilaian Kewangan boleh dibuat secara serentak. Pada peringkat ini kriteria penilaian teknikal amat penting dan hendaklah diuruskan secara berintegriti.

iii. Jawatankuasa penilaian/urus setia tender boleh memperakukan satu syarikat berserta harga untuk diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi.

iv. Hasil penilaian tersebut akan dibentangkan kepada Lembaga Perolehan Agensi untuk kelulusan. Jawatankuasa Penilaian juga boleh mengemukakan cadangan/syor untuk menyediakan spesifikasi baharu atau gabungan cadangan daripada semua syarikat dan mempelawa semula kepada semua syarikat dengan tawaran harga.

v. Wajaran markah dilaksanakan seperti cadangan di perenggan 10(a) dan mengikut harga indikatif.

2. **RFP dipelawa tanpa harga tawaran**

i. Agensi hendaklah menubuhkan satu (1) jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Penilaian RFP untuk menilai pematuhan syarat-syarat, *needs statement* dan terma rujukan serta cadangan idea/konsep yang dikemukakan.

ii. Pada peringkat ini kriteria penilaian teknikal amat penting dan hendaklah diuruskan secara berintegriti.

iii. Jawatankuasa penilaian/urus setia tender boleh memperakukan satu syarikat tanpa tawaran harga untuk diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi.

iv. Hasil penilaian tersebut akan dibentangkan kepada Lembaga Perolehan Agensi untuk kelulusan. Jawatankuasa Penilaian juga boleh mengemukakan cadangan/syor untuk menyediakan spesifikasi baharu atau gabungan cadangan daripada semua syarikat dan mempelawa semula kepada semua syarikat dengan tawaran harga.

b. **Pelawaan Peringkat Kedua (P2)**

i. Jika keputusan Lembaga Perolehan Agensi adalah memilih spesifikasi/skop baharu atau gabungan cadangan daripada semua syarikat dan mempelawa semula semua syarikat dengan harga, pelawaan hendaklah dibuat di kalangan semua syarikat yang telah melepasi penilaian peringkat 1. Pelawaan ini tidak perlu

diiklankan dan syarikat hendaklah dipelawa melalui surat pelawaan.

ii. Tempoh pelawaan hendaklah sekurang-kurangnya 21 hari berturut-turut.

iii. Agensi hendaklah membuat penilaian teknikal dan penilaian kewangan semula.

iv. Laporan penilaian hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh semua ahli Jawatankuasa Penilaian.

v. Jawatankuasa penilaian/urus setia tender boleh memperakukan satu syarikat berserta harga untuk diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi.

11. Pertimbangan Dan Keputusan Lembaga Perolehan Agensi

11.1 Pemilihan terus syarikat yang berjaya bagi pelawaan RFP dengan harga;

11.2 Memutuskan pelawaan semula syarikat yang telah lulus penilaian teknikal untuk cadangan harga bagi RFP tanpa tawaran harga (P1); dan

11.3 Memutuskan keperluan penyediaan spesifikasi/skop baharu atau gabungan cadangan daripada semua syarikat dan mempelawa semula semua syarikat dengan tawaran harga.

12. Tarikh Kuat Kuasa

12.1 Peraturan ini adalah berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.

LAMPIRAN

Lampiran 1

TERMA RUJUKAN (TOR)

1. Latar Belakang

i. Huraikan rasional/latar belakang projek dan objektif projek.

ii. Huraikan secara ringkas konteks perkhidmatan yang diperlukan. Penekanan kepada perkara yang relevan/tujuan kerja yang diperlukan dan bagaimana ianya dapat dihubungkan dengan hasil projek

iii. Jika perlu, nyatakan dengan terperinci ciri-ciri khusus penetapan projek atau kerja yang diperlukan, jika ada (contoh., risiko keselamatan yang terlibat dalam menjalankan kerja dalam komuniti tertentu, budaya dan amalan tertentu yang unik kepada pihak berkepentingan, dan sebagainya)

2. Objektif Spesifik

Nyatakan dengan terperinci objektif projek dan sasaran yang ingin dicapai.

3. Skop Kerja

Skop kerja harus realistik berdasarkan tempoh masa dan sumber yang tersedia untuk melaksanakan keperluan dalam terma rujukan.

i. Senaraikan aktiviti utama yang akan dijalankan oleh syarikat.

ii. Terangkan secara ringkas aktiviti yang diperlukan (skop, lokasi, subjek dan lain-lain) dan maklumat lain yang akan membantu bakal pembida memahami keperluan kerja.

iii. Jika boleh dan jika perlu, sebaiknya menyenaraikan data/maklumat/rangka kerja dasar sedia ada sebagai rujukan/input kepada aktiviti tersebut.

4. Pendekatan dan Metodologi

Jika boleh, sediakan panduan atau jangkaan dari segi pendekatan dan metodologi dan berikan ruang kepada pembida untuk mencadangkan metodologi yang lebih terperinci selaras dengan skop dan objektif yang ditetapkan.

5. *Deliverables* dan Jadual/Jangkaan Output

i. Senaraikan output mengikut jadual kerja dan sasaran penyiapan/penghantaran.

ii. Jika tarikh spesifik tidak boleh ditentukan, jangka masa dari permulaan kerja boleh ditunjukkan (contoh, minggu ke-2 dari menandatangani kontrak, dalam tempoh 2-3 bulan dari menandatangani kontrak dan sebagainya).

6. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan *Service Level*

i. Senaraikan perkhidmatan utama yang diperlukan, kekerapan keperluannya, dan standard perkhidmatan minimum yang boleh diterima;

ii. Huraikan, apakah tindakan yang akan diambil sekiranya tahap perkhidmatan yang diperlukan tidak dipenuhi oleh syarikat

7. Struktur Tadbir Urus dan Akauntabiliti

i. Kenal pasti pihak berkuasa khusus yang akan menyelia secara langsung syarikat dan kepada siapa syarikat perlu bertanggungjawab secara langsung, melaporkan, mendapatkan kelulusan/penerimaan output (contoh, Pengurus Projek, atau Pengarah Projek Nasional dan sebagainya).

ii. Tentukan kekerapan pelaporan kemajuan, jika diperlukan (contoh, mingguan, bulanan, dua minggu dan sebagainya.), serta sebarang keperluan untuk membentangkan hasil/output laporan kepada mana-mana pihak.

iii. Mengenalpasti institusi/organisasi/individu yang syarikat perlu berhubung/ berinteraksi/bekerjasama semasa melaksanakan kerja (contoh, agensi lain, pelaksana bersama projek, penderma, komuniti, unit kerajaan tempatan dan sebagainya).

iv. Menentukan peranan/tahap penyertaan entiti yang terlibat dalam pengurusan/pelaksanaan kontrak (contoh, sebagai responden untuk tinjauan, sebagai *resource person* untuk perundingan, pihak berkuasa melulus, menilai prestasi dan sebagainya).

8. Tempoh Kerja

i. Nyatakan jangkaan tempoh kerja/ jumlah hari/minggu/bulan perkhidmatan, Penekanan terhadap tarikh jangkaan bermula dan siap sepenuhnya, jika masa adalah penting.

ii. Jika boleh, berikan anggaran masa utama untuk Agensi atau Rakan Pelaksana Projek untuk menyemak output, memberi ulasan, meluluskan atau mengesahkan penerimaan output dan sebagainya.

iii. Jelaskan sebab jika ada keperluan perkhidmatan diperlukan segera dan akibat/kesan serius darpadai sebarang bentuk kelewatan dalam menyiapkan kerja (contoh, penangguhan ke fasa seterusnya atau ke tahun berikutnya, pembatalan peruntukan belanjawan untuk projek dan sebagainya)

9. Lokasi Kerja (jika bersesuaian)

i. Menyatakan lokasi yang dijangkakan perkhidmatan diperlukan, lokasi perjalanan atau kerja lapangan yang diperlukan, serta keadaan keselamatan, jika ada.

ii. Nyatakan sama ada pembekal perkhidmatan dikehendaki melaporkan secara tetap atau hadir di pejabat tertentu semasa kerja, termasuk kekerapan pelaporan.

10. Kelayakan Profesional Syarikat yang Berjaya dan kakitangan utamanya

i. Mengenalpasti kemahiran/pengalaman khas dan kelayakan lain yang diperlukan dan penting untuk kejayaan pelaksanaan kerja, terutamanya jika konteks/situasi projek adalah unik (contoh, pengalaman bekerja dengan orang asli, biasa dengan isu utama dalam wilayah tertentu, pemahaman dan keupayaan untuk berhubung dengan budaya/agama tertentu, pengetahuan tentang dialek tempatan dan lain-lain).

ii. Jika pasukan pakar perlu dibentuk, nyatakan bilangan maksimum ahli pasukan dan nyatakan kelayakan yang disyorkan bagi setiap ahli pasukan, jika satu set yang berbeza diperlukan (contoh, pasukan sekurang-kurangnya 3 ahli yang terdiri daripada pakar dalam analisis dasar, pembangunan komuniti dan pertanian).

11. Cadangan Jadual Pembayaran

i. Nyatakan sama ada harga kontrak adalah harga tetap (*fixed*) tanpa mengira sebarang pelanjutan tempoh, atau jika ianya berdasarkan kadar harian/mingguan/bulanan boleh laras mengikut sebarang lanjutan atau pengurangan dalam tempoh penglibatan.

ii. Nyatakan komponen kos yang pembida perlu masukkan dalam pengiraan harga kontrak (contoh, yuran profesional semata-mata, atau termasuk perjalanan, elaun sara hidup, cukai dan sebagainya)

iii. Nyatakan output utama atau aktiviti penting yang mana pembayaran akan dibuat, peratusan yang sepadan dengan harga kontrak yang akan dibayar bagi setiap pencapaian/output, termasuk semua syarat/dokumentasi yang diperlukan sebelum pengeluaran mana-mana peringkat pembayaran.

12. Rujukan atau Sumber Tambahan

Sebarang maklumat atau dokumen yang membantu pembida memahami situasi projek dan kerja yang diperlukan hendaklah disediakan sebagai lampiran kepada terma rujukan, terutamanya jika maklumat atau dokumen tersebut tidak sulit.

Lampiran 2

CONTOH KRITERIA PENILAIAN

Ringkasan Pernilaian Teknikal		**Markah**
1	Kelayakan pembida, kapasiti dan pengalaman	300
2	Cadangan metodologi, pendekatan (*approach*) dan pelan pelaksanaan.	400
3	Struktur Pengurusan dan kakitangan utama (*key personnel*)	300
	JUMLAH	1000

Seksyen 1: Kelayakan Pembida, Kapasiti dan Pengalaman		**Markah**
1	Reputasi Organisasi dan Kakitangan Kredibiliti / Kebolehpercayaan / Kedudukan Industri	50
2	Keupayaan Umum Organisasi berkemungkinan menjejaskan pelaksanaan: struktur pengurusan, kestabilan kewangan dan kapasiti pembiayaan projek, kawalan pengurusan projek, sejauh mana kerja akan disubkontrakkan.	80
3	Kemampuan kewangan (net worth atau modal pusingan atau modal mudah cair)	70
4	Pengalaman syarikat dalam melaksanakan perolehan yang serupa.	60
5	Syarikat mempunyai prestasi kerja/perkhidmatan/ pembekalan yang memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun terkini	40
	JUMLAH	300

Seksyen 2: Cadangan metodologi, pendekatan (*approach*) dan pelan pelaksanaan		**Markah**
1	Memahami keperluan: Adakah aspek penting tugas telah ditangani dengan terperinci yang mencukupi? Adakah komponen-komponen projek yang berbeza dipertimbangkan dengan secukupnya berbanding satu sama lain?	80
2	Penerangan mengenai pendekatan dan metodologi untuk memenuhi atau melebihi keperluan Terma Rujukan.	100
3	Butiran tentang cara dan elemen perkhidmatan yang berbeza harus disusun, dikawal dan dihantar *(delivered).*	50
4	Penerangan mengenai mekanisme dan kaedah pemantauan serta penilaian prestasi yang ada; bagaimana ianya akan diterima pakai dan digunakan untuk keperluan tertentu.	50
5	Penilaian pelan pelaksanaan yang dicadangkan termasuk sama ada	70

	aktiviti disusun dengan betul dan jika ia logik dan realistik	
6	Menunjukkan keupayaan untuk merancang, mengintegrasikan dan melaksanakan langkah-langkah kemampanan secara berkesan dalam pelaksanaan kontrak	50
	JUMLAH	400

Seksyen 3: Struktur Pengurusan dan kakitangan utama (*key personnel*)		**Markah**
1	Komposisi dan struktur pasukan yang dicadangkan. Adakah cadangan peranan pengurusan dan pasukan kakitangan utama sesuai untuk penyediaan perkhidmatan yang diperlukan?	100
2	Kelayakan kakitangan utama yang dicadangkan.	200
	JUMLAH	300

***** Markah lulus penilaian teknikal adalah 70%

Lampiran 3

CONTOH CADANGAN KEWANGAN

Pencadang dikehendaki menyediakan Cadangan Kewangan dalam sampul yang berasingan daripada RFP yang lain seperti yang ditunjukkan dalam Arahan kepada Pencadang.

Cadangan Kewangan mesti menyediakan pecahan kos terperinci. Sediakan angka berasingan untuk setiap kumpulan atau kategori berfungsi.

Sebarang anggaran untuk item yang boleh dibayar balik kos, seperti perbelanjaan perjalanan dan keluar dari poket, hendaklah disenaraikan secara berasingan.

Dalam kes komponen peralatan kepada pembekal perkhidmatan, Jadual Harga hendaklah memasukkan angka untuk kedua-dua pilihan pembelian dan pajakan/sewa. UNDP mempunyai pilihan untuk sama ada memajak/menyewa atau membeli terus peralatan tersebut melalui Kontraktor.

Format yang ditunjukkan pada halaman berikut dicadangkan untuk digunakan sebagai panduan dalam menyediakan Cadangan Kewangan. Format ini termasuk perbelanjaan khusus, yang mungkin diperlukan atau tidak boleh digunakan tetapi ditunjukkan sebagai contoh.

A. Pecahan Kos setiap Penghantaran*

No.	*Deliverables* *[senarai mereka seperti yang dirujuk dalam TOR]*	Peratusan Jumlah Harga (Berat untuk pembayaran)	Harga (Jumlah Sekaligus *(Lump Sum)*, Semua Termasuk)
1	*Deliverable 1*	[UNDP untuk memberikan peratusan (berat) setiap penghantaran ke atas jumlah harga untuk tujuan pembayaran, mengikut TOR)	
2	*Deliverable 2*		
3	….		
	Jumlah	100%	USD ……

**Asas untuk bahagian pembayaran*

B. Pecahan Kos Mengikut Komponen Kos:

Pencadang diminta untuk memberikan pecahan kos untuk harga yang diberikan di atas untuk setiap penghantaran berdasarkan format berikut. UNDP hendaklah menggunakan pecahan kos untuk tujuan penilaian munasabah harga serta pengiraan harga sekiranya kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menambah penghantaran baharu kepada skop Perkhidmatan.

Penerangan Aktiviti	Ganjaran setiap Unit Masa (cth., hari, bulan, dsb.)	Jumlah Tempoh perundingan	Bilangan Kakitangan	Jumlah Kadar untuk Tempoh
I. Perkhidmatan Kakitangan				
1. Perkhidmatan dari Pejabat Rumah				
a. Pakar 1				
b. Pakar 2				
2. Perkhidmatan daripada Pejabat Lapangan				
a . Pakar 1				
b. Pakar 2				
3. Perkhidmatan dari Luar Negara				
a. Pakar 1				
b. Pakar 2				
II. Keluar dari Perbelanjaan Poket				
1. Kos Pelancongan				
2. Elaun Harian				
3. Komunikasi				
4. Reproduction				
5. Pajakan Peralatan				
6. Lain-lain				
III. Lain-lain berkaitan kos				

KERAJAAN MALAYSIA

Sebut Harga

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

1. Pengenalan 1
2. Pelawaan Sebut Harga 2
2.1 Syarat Am 2
2.2 Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan 3
2.3 Perolehan Kerja 4
3. Urus Setia Sebut Harga 5
4. Penyediaan Dokumen Sebut Harga 7
5. Penjualan Dokumen Sebut Harga 8
6. Pemberitahuan/Notis Sebut Harga 8
7. Penerimaan Sebut Harga 10
8. Tempoh Sah Laku Sebut Harga 10
9. Pembukaan Tawaran Sebut Harga 10
9.1 Pelantikan dan Keahlian Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga 10
9.2 Tugas Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga 11
10. Merahsiakan Maklumat dan Peringkat Sesuatu Sebut Harga 12
10.1 Dokumen Sebut Harga Diklasifikasikan Sebagai Sulit 12
11. Larangan Mengubah Maklumat Dokumen Penyebut Harga 13
12. Penilaian Sebut Harga Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan 13
13. Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga, Keahlian dan Tugas Jawatankuasa 15
14. Penilaian Sebut Harga Kerja 18
15. Asas Penilaian Sebut Harga 18
16. Perakuan Sebut Harga 19
17. Penyediaan Kertas Taklimat Sebut Harga 20
18. Jawatankuasa Sebut Harga 20
18.1 Penubuhan dan Keahlian Jawatankuasa Sebut Harga 20
18.2 Tugas Jawatankuasa Sebut Harga 21
19. Pertimbangan/Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga 23
20. Tatacara Pertimbangan Sebut Harga 24
21. Rundingan 24
22. Tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan 25
23. Tarikh Kuat Kuasa 25

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Lampiran Q

Lampiran 2 : Dokumen Sebut Harga (Bekalan/Perkhidmatan)

Lampiran 3 : Arahan Kepada Penyebut Harga (Bekalan/Perkhidmatan)

Lampiran 4 : Syarat-Syarat Sebut Harga Untuk Kerja

Lampiran 5 : Borang Sebut Harga Kerja

Lampiran 6 : Ringkasan Sebut Harga (Kuantiti)

Lampiran 7 : Ringkasan Sebut Harga (Pukal)

Lampiran 8 : Contoh Senarai Semakan

Lampiran 9 : Format Laporan Perolehan Secara Sebut Harga

PK2.9 KAEDAH SEBUT HARGA

1. Pengenalan

1.1 Agensi adalah bertanggungjawab mengenal pasti nilai perolehan tahunan atau nilai sesuatu kontrak bagi menentukan kaedah perolehan secara sebut harga. Agensi dilarang memecah kecil perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja secara pembelian terus atau lantikan terus bagi mengelakkan pelawaan sebut harga.

1.2 Agensi hendaklah memastikan semua dokumen perolehan berkaitan sebut harga direkodkan dan disimpan dengan baik dan teratur.

1.3 Pelawaan sebut harga bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan hendaklah dilaksanakan seperti berikut;

(i) Jika terdapat pembuat, sebut harga dipelawa dalam pembuat tempatan sahaja;

(ii) Jika bilangan pembuat adalah kurang daripada lima (5) syarikat iaitu bilangan minimum yang disyaratkan, agensi hendaklah mempelawa sebut harga dalam kalangan pembuat yang berkenaan sahaja;

(iii) Jika tiada pembuat tempatan, sebut harga hendaklah dipelawa dalam kalangan pembekal tempatan. Agensi hanya boleh mempelawa sebut harga dalam kalangan pembuat atau pembekal; dan

(iv) Sebut harga tidak boleh dipelawa bersekali dalam kalangan pembuat tempatan dan pembekal.

1.4 Definisi pembuat/pembekal tempatan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah seperti berikut:

(i) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan beralamat di negeri berkaitan; dan

(ii) Sekiranya bilangan di negeri berkenaan tidak mencukupi, pembuat/pembekal di negeri berhampiran/sempadan boleh dipelawa.

1.5 Agensi dibenar untuk melaksanakan perolehan secara pakej merangkumi kerja induk dan kerja melibatkan Wang Kos Prima bagi perolehan kerja. Walau bagaimanapun, agensi hendaklah mensyaratkan bahawa kontraktor induk hendaklah melantik subkontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkenaan dan kontraktor induk bertanggungjawab sepenuhnya atas kerja yang dilaksanakan.

1.6 Maksud definisi kontraktor tempatan bagi perolehan kerja adalah seperti berikut:

(i) Gred G1 - berdaftar dengan CIDB di daerah berkenaan. Sekiranya tidak mencukupi, kontraktor di daerah berhampiran/sempadan boleh dipelawa.

(ii) Gred G2 - berdaftar dengan CIDB di negeri berkenaan. Sekiranya tidak mencukupi, kontraktor di negeri berhampiran/sempadan boleh dipelawa.

1.7 Perolehan melalui kaedah sebut harga tidak tertakluk kepada obligasi perjanjian antarabangsa.

2. Pelawaan Sebut Harga

2.1 Syarat Am

(i) Dalam menguruskan perolehan secara sebut harga, agensi bertanggungjawab memastikan sebut harga dilaksanakan dalam tempoh masa yang munasabah dan bersesuaian dengan mengambil kira kepentingan program/projek Kerajaan kepada rakyat.

(ii) Semua agensi yang melaksanakan perolehan bekalan dan perkhidmatan bukan perunding hendaklah melaksanakan perolehan melalui Sistem ePerolehan (eP) secara dalam talian sepenuhnya termasuk item Kontrak Panel Berpusat (KPB). Bagi perolehan kerja, perolehan hendaklah dilaksanakan secara manual.

(iii) Perolehan yang melibatkan jumlah nilai melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu setahun atau suatu kontrak hendaklah dilaksanakan secara sebut harga dalam kalangan pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan.

2.2 Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan

(i) Ringkasan had nilai bagi perolehan secara sebut harga untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah seperti berikut:

Bil.	Had Nilai	Kaedah dan Syarat Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
1.	Melebihi RM50 ribu hingga RM100 ribu setahun atau sesuatu kontrak.	Dilaksanakan secara sebut harga mengikut tatacara seperti berikut:- a) Pelawaan kepada pembuat/pembekal tempatan (di negeri berkenaan) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, menepati kriteria kelayakan dan bertaraf Bumiputera; b) Tempoh notis adalah sekurang-kurangnya tujuh (7) hari berturut-turut; dan c) Penilaian sebut harga boleh dibuat secara satu (1) peringkat ATAU dua (2) peringkat.	Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) yang dilantik oleh Pegawai Pengawal.
2.	Melebihi RM100 ribu hingga RM500 ribu setahun atau sesuatu kontrak	Dilaksanakan secara sebut harga mengikut tatacara seperti berikut:- a) Pelawaan kepada pembuat/pembekal tempatan (di negeri berkenaan) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan menepati kriteria kelayakan; b) Tempoh notis adalah sekurang-kurangnya tujuh (7) hari berturut-turut; dan c) Penilaian sebut harga boleh dibuat secara satu (1) peringkat ATAU dua (2) peringkat, tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa.	Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) yang dilantik oleh Pegawai Pengawal.

(ii) Agensi hendaklah memastikan bahawa etika pegawai perolehan dan semua ahli Jawatankuasa hendaklah menandatangani *Integrity Pact* semasa pelantikan dan selepas selesai tugas.

(iii) Agensi dilarang menyediakan spesifikasi dengan pihak yang berkepentingan/mendapat nasihat daripada pihak yang berkepentingan.

(iv) Mana-mana ahli Jawatankuasa yang mempunyai kepentingan peribadi, kepentingan terletak hak atau percanggahan kepentingan hendaklah mengisytiharkan kepentingan secara bertulis dan menarik diri daripada Jawatankuasa tersebut.

(v) Borang sebut harga sedia ada atau yang diubahsuai mengikut keperluan agensi boleh digunakan. Sebut harga boleh dipelawa melalui kaedah pos dan serahan tangan atau kaedah lain yang sesuai (platform dalam talian yang selamat).

2.3 Perolehan Kerja

(i) Perolehan kerja bernilai melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu hendaklah dipelawa secara sebut harga dengan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mengikut kategori dan pengkhususan yang berkenaan seperti berikut:

(a) Perolehan yang bernilai melebihi RM50 ribu hingga RM200 ribu hendaklah dipelawa dalam kalangan sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor tempatan/daerah Gred G1;

(b) Perolehan yang bernilai melebihi RM200 ribu hingga RM500 ribu hendaklah dipelawa dalam kalangan sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor tempatan Gred G2; dan

(c) Semua perolehan kerja elektrik yang bernilai melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu hendaklah dipelawa secara sebut harga dalam kalangan sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor elektrik tempatan.

(ii) Kerja-kerja kecil seperti menebuk lubang, mengubahsuai tandas, kerja-kerja pendawaian dan kerja-kerja lain yang melibatkan struktur bangunan hendaklah dirujuk dan mendapat persetujuan Jabatan Kerja Raya terlebih dahulu.

(iii) Bagi kerja-kerja kecil yang hendak dijalankan oleh agensi di bangunan guna sama (bangunan yang digunakan oleh pelbagai Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun) kelulusan hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri; dan

(iv) Untuk kerja-kerja tambahan atau pengubahsuaian yang melibatkan bangunan yang disewa, kebenaran tuan punya bangunan hendaklah

diperolehi terlebih dahulu. Kementerian/Jabatan bolehlah menggunakan perkhidmatan perunding yang bertanggungjawab ke atas bangunan tersebut dan jika perunding berkenaan enggan, Kementerian/Jabatan bolehlah melantik perunding sendiri dengan mengikut peraturan semasa yang berkuat kuasa.

3. Urus Setia Sebut Harga

3.1 Agensi memastikan bahawa Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah menentukan urus setia sebut harga dan mengeluarkan surat pelantikan. Tugas urus setia sebut harga adalah seperti berikut:

(i) Menguruskan perancangan awal dan jadual pelaksanaan sebut harga;

(ii) Menguruskan dan menyediakan dokumen sebut harga;

(iii) Menyelenggara satu daftar berkaitan dengan semua sebut harga yang dilaksanakan;

(iv) Menguruskan dan menyemak notis pelawaan sebut harga dan memastikan notis pelawaan sebut harga dipaparkan di dalam Portal MyPROCUREMENT, Sistem eP dan boleh juga diiklankan di laman sesawang agensi dan papan kenyataan Jabatan;

(v) Menyemak status pendaftaran penyebut harga dan memastikan peraturan perolehan yang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya;

(vi) Memeriksa dan menyemak dokumen berikut:

(a) Sijil Akuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);

(b) Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK);

(c) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkaitan). Sijil-sijil berkenaan hendaklah masih berkuat kuasa; dan

(d) Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ) dan bagi negeri Sabah, Pusat Pendaftaran Kontraktor-Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang ditetapkan mengikut nilai sebut harga.

(vii) Menyemak spesifikasi sebut harga, dokumen sebut harga, jadual sebut harga yang disediakan oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga, laporan penilaian teknikal dan laporan penilaian kewangan (jika berkenaan) dan lain-lain;

(viii) Memuktamadkan kaedah penilaian sama ada secara satu (1) peringkat atau dua (2) peringkat *(1 tier or 2 tier)* mengikut syarat dan jenis perolehan yang telah ditetapkan;

(ix) Menetapkan tarikh dan tempoh iklan serta mengatur jadual taklimat/ lawatan tapak (jika ada);

(x) Memastikan kelulusan bagi perolehan barangan import/ICT (yang berkaitan) telah diperolehi sebelum perolehan dilaksanakan;

(xi) Agensi hendaklah memastikan sebarang ketidakpatuhan daripada peraturan seperti memendekkan tempoh iklan atau pelanjutan tempoh sah laku sebut harga yang telah tamat hendaklah mendapat kelulusan MOF terlebih dahulu;

(xii) Dokumen tawaran yang telah lengkap hendaklah diluluskan oleh Pelulus Iklan sebelum pelawaan sebut harga;

(xiii) Memastikan Harga Indikatif Jabatan bagi setiap sebut harga dan memasukkannya ke dalam peti tawaran sebelum tarikh tutup sebut harga serta memastikan kertas taklimat sebut harga disediakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Sebut Harga;

(xiv) Menyediakan peti tawaran sebut harga bagi perolehan yang dilaksanakan secara manual. Sekiranya peti tawaran sebut harga tidak sesuai untuk menampung dokumen sebut harga, agensi dibenarkan untuk menyediakan bilik sebut harga. Walau bagaimanapun, agensi hendaklah mengambil langkah-langkah untuk mengawal keselamatan bilik sebut harga tersebut seperti kawalan akses atau memasang kamera litar tertutup. Daftar hendaklah disediakan untuk merekodkan semua penerimaan tawaran;

(xv) Menjaga keselamatan peti tawaran sebut harga dan dokumen sebut harga;

(xvi) Menutup peti sebut harga pada tarikh dan masa tutup yang ditetapkan;

(xvii) Membuka tawaran sebut harga bagi sebut harga bernilai RM50 ribu ke bawah;

(xviii) Memastikan dokumen tawaran (Syarat-syarat Am/Arahan/ Syarat-syarat Khas/Terma Kontrak) adalah lengkap dengan memberi perhatian kepada perkara yang ditetapkan di dalam peraturan perolehan semasa berkuat kuasa;

(xix) Menguruskan pelantikan Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga;

(xx) Mengatur pembukaan sebut harga, mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga dan penilaian sebut harga;

(xxi) Memastikan Ahli Jawatankuasa Sebut Harga menandatangani kertas keputusan sebut harga secepat mungkin;

(xxii) Memastikan semua pegawai yang terlibat dalam proses sebut harga menandatangani Akuan Sumpah di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];

(xxiii) Mencatatkan perbincangan, butiran keputusan seperti penyebut harga yang dipilih, harga tawaran, tempoh pembekalan/siap/ kontrak, sebab-sebab pemilihan atau penolakan tawaran tertentu dan sebagainya;

(xxiv) Memaklumkan keputusan kepada pihak yang terlibat; dan

(xxv) Memastikan maklumat penyebut harga yang berjaya dipaparkan dalam Portal MyPROCUREMENT, Sistem eP serta laman sesawang agensi dan papan kenyataan Jabatan (jika perlu).

4. Penyediaan Dokumen Sebut Harga

4.1 Bagi pelawaan sebut harga bekalan dan perkhidmatan dokumen sebut harga iaitu Borang Q (**Lampiran 1**) hendaklah digunapakai. Borang Q boleh diubah suai mengikut keperluan agensi. Dokumen sebut harga merupakan sebahagian daripada kontrak dan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

(i) Arahan kepada penyebut harga;

(ii) Syarat-syarat am/syarat-syarat khas yang jelas;

(iii) Format kontrak jika berkaitan;

(iv) Spesifikasi; dan

(v) Pengalaman/Senarai Pesanan bekalan/perkhidmatan yang sedang dan telah dibuat (jika perlu).

4.2 Bagi perolehan kerja, agensi hendaklah menggunakan borang/format Jabatan Kerja Raya (JKR)/ Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Walau bagaimanapun, borang-borang tersebut boleh diubah suai mengikut keperluan agensi. Dokumen sebut harga hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

(i) Arahan kepada penyebut harga (contoh di **Lampiran 2**);

(ii) Syarat-syarat sebut harga (contoh di **Lampiran 3**);

(iii) Borang sebut harga termasuk Ringkasan Sebut Harga/Senarai Kuantiti (tetap atau sementara)(contoh di **Lampiran 4, Lampiran 5 dan Lampiran 6**);

(iv) Spesifikasi;

(v) Pelan Tapak Bina dan Lukisan Teknikal (jika ada);

(vi) Pengalaman dan Senarai Kerja Dalam Tangan;

(vii) Sekiranya sebut harga melibatkan taklimat/lawatan tapak/premis tarikh tutup tujuh (7) hari hendaklah dikira mulai tarikh taklimat/lawatan tapak/premis yang mana terkemudian. Agensi hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), PUKONSA, UPKJ yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai lain; dan

(viii) Senarai semakan hendaklah disediakan dan disertakan bersama dokumen sebut harga bagi memastikan pembuat/ pembekal/kontraktor mengemukakan tawaran sebut harga yang lengkap berserta semua dokumen yang diperlukan. Senarai semakan seperti contoh di **Lampiran 7**.

(ix) Agensi hendaklah memasukkan **peruntukan berkenaan larangan pengiklanan dan publisiti** dalam syarat pelawaan sebut harga dan dokumen kontrak. Contoh peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

> **"IKLAN & PUBLISITI**
> Tiada maklumat berkenaan sebut harga boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu."

5. Penjualan Dokumen Sebut Harga

5.1 Agensi tidak digalakkan menjual dokumen sebut harga. Walau bagaimanapun, sekiranya agensi mengenakan bayaran, kadar harga dokumen hendaklah mengikut kadar yang ditetapkan bagi dokumen pelawaan yang berkuat kuasa, tertakluk kepada bayaran maksimum RM50.00 bagi satu (1) set dokumen sebut harga.

6. Pemberitahuan/Notis Sebut Harga

6.1 Agensi hendaklah membuat pelawaan dengan mengemukakan notis/dokumen sebut harga kepada pembuat/pembekal/kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau CIDB, yang mana berkenaan.

6.2 Agensi hendaklah mempamerkan pemberitahuan/notis sebut harga di papan kenyataan awam agensi masing-masing, selain daripada mempelawa sebut harga kepada penyebut harga yang telah dikenal pasti.

6.3 Tempoh pemberitahuan/notis sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya tujuh (7) hari berturut-turut dan hendaklah sentiasa dipamerkan pada medium pengiklanan sepanjang tempoh tersebut.

6.4 Sekiranya sebut harga melibatkan taklimat/lawatan tapak/premis, tempoh tujuh (7) hari hendaklah dikira mulai tarikh taklimat/lawatan tapak/premis.

6.5 Kaedah pelawaan sebut harga hendaklah dilaksanakan sama ada secara elektronik atau melalui pos berdaftar, pos laju, serahan tangan, faksimili atau e-mel.

6.6 Satu (1) daftar hendaklah diselenggarakan untuk mencatatkan senarai edaran sebut harga kepada pembuat/pembekal/kontraktor.

6.7 Semua borang sebut harga hendaklah diberi nombor siri untuk pengawalan.

6.8 Satu (1) penyebut harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan. Sekiranya sebut harga mempunyai tawaran alternatif, sebut harga tersebut hendaklah ditolak.

6.9 Agensi hendaklah mensyaratkan kepada penyebut harga supaya mengemukakan tawaran kewangan dan tawaran teknikal dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri/*seal* bagi bekalan dan perkhidmatan. Bagi sebut harga kerja memadai tawaran dikemukakan dalam satu (1) sampul surat berlakri/*seal* sahaja.

6.10 Pemberitahuan/Notis Sebut Harga di papan kenyataan awam agensi hendaklah menyatakan seperti berikut:

(i) Agensi yang memanggil sebut harga;

(ii) Tajuk sebut harga;

(iii) Syarat kelayakan penyebut harga;

(iv) Kod bidang/gred/kategori/pengkhususan;

(v) Tarikh, masa, tempat dan harga jualan dokumen sebut harga serta syarat-syarat pembelian dokumen (jika berkaitan);

(vi) Tempat sebut harga perlu dihantar, tarikh dan waktu tutup; dan

(vii) Tarikh, masa dan tempat taklimat/lawatan tapak/premis (jika berkaitan).

7. Penerimaan Sebut Harga

7.1 Peti Tawaran

(i) Peti tawaran hendaklah disediakan dengan dilabelkan tajuk, rujukan sebut harga, tarikh dan waktu tawaran ditutup.

(ii) Peti tawaran hendaklah dikunci dengan dua (2) kunci yang berbeza dan anak kuncinya hendaklah dipegang secara berasingan oleh dua (2) orang pegawai yang diberi tanggungjawab oleh agensi.

(iii) Agensi hendaklah menyediakan Harga Indikatif Jabatan bagi setiap sebut harga dan memasukkannya ke dalam peti tawaran sebelum tarikh tutup sebut harga.

(iv) Peti tawaran hendaklah ditutup pada tarikh dan waktu yang ditetapkan iaitu pada jam 12.00 tengah hari pada hari bekerja. Agensi hendaklah memastikan langkah-langkah diambil supaya tawaran yang diterima melalui pos dimasukkan ke dalam peti tawaran sebaik sahaja tawaran diterima dan hendaklah dimasukkan sebelum tarikh dan waktu tutup. Dokumen sebut harga yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan hendaklah dicop ‘TAWARAN LEWAT’ dan tidak boleh dibuka, dinilai atau dipertimbangkan.

(v) Peti tawaran hendaklah dibuka secepat mungkin selepas sebut harga ditutup.

8. Tempoh Sah Laku Sebut Harga

8.1 Tempoh sah laku tawaran sebut harga hendaklah tidak melebihi 90 hari dari tarikh tutup sebut harga.

8.2 Tempoh sah laku tawaran sebut harga tidak boleh dilanjutkan. Jika tempoh sah laku tawaran telah tamat atau keputusan tidak dibuat dalam tempoh sah laku tawaran atau Pesanan Kerajaan/Inden Kerajaan/SST tidak dikeluarkan dalam tempoh tersebut, sebut harga hendaklah dipelawa semula.

8.3 Sebarang pembatalan Sebut Harga hendaklah mendapat kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga yang berkenaan dan dimaklumkan kepada Jawatankuasa Sebut Harga dengan menyatakan sebab-sebab pembatalan.

9. Pembukaan Tawaran Sebut Harga

9.1 Pelantikan dan Keahlian Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga

(i) Ketua Jabatan/Bahagian hendaklah melantik ahli Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga secara bertulis. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya

dua (2) pegawai yang mana pengerusi hendaklah daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Sekiranya bahagian/unit berkenaan kekurangan pegawai, pelantikan boleh dibuat dalam kalangan pegawai daripada Bahagian/Unit lain dalam agensi tersebut.

(ii) Ketua Jabatan/Bahagian hendaklah memastikan sebut harga dibuka secepat mungkin.

(iii) Ketua Jabatan/Bahagian hendaklah menyatakan tugas-tugas Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga.

9.2 Tugas Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga

(i) Jawatankuasa Pembuka sebut harga hendaklah memastikan perkara-perkara yang dinyatakan di bawah dilaksanakan dengan sempurna:

(a) Membuka peti tawaran secepat mungkin;

(b) Menyemak nombor siri dokumen sebut harga dengan daftar edaran sebut harga;

(c) Memberi nombor kod untuk setiap dokumen dan senarai harga, dokumen spesifikasi teknikal dan katalog/brosur penyebut harga serta ditandatangan ringkas;

(d) Menyemak dan mengesahkan penyebut harga telah mengemukakan dokumen seperti dalam Senarai Semakan;

(e) Mencatatkan apa-apa syarat yang tidak dipatuhi jika berkaitan seperti tawaran alternatif dan lain-lain;

(f) Merekodkan dokumen sebut harga yang lengkap dan tidak lengkap di dalam borang Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga termasuk menyisihkan tawaran sebut harga yang tidak memenuhi syarat/arahan di dalam dokumen sebut harga;

(g) Menandatangan ringkas pada lembaran yang menyatakan harga tawaran dan pada apa-apa pindaan tulisan atau taipan bertindih dalam tawaran sebut harga;

(h) Merekod dalam borang jadual sebut harga sekiranya nama/tanda pengenalan penyebut harga tercatat dalam dokumen tawaran teknikal bagi sebut harga bekalan dan perkhidmatan;

(i) Merekod pada borang Jadual Sebut Harga dengan mencatatkan nama penyebut harga, kod penyebut harga, harga yang ditawarkan, tempoh siap/tempoh

penyerahan/waranti dan menandatangani borang tersebut. Nama dan jawatan semua ahli pembuka sebut harga hendaklah dicatatkan;

(j) Memastikan bahawa tawaran kewangan dan tawaran teknikal telah dikemukakan dalam dua (2) sampul surat yang berasingan dan berlakri bagi bekalan dan perkhidmatan (jika berkaitan). Bagi sebut harga kerja memadai tawaran dikemukakan dalam satu (1) sampul surat berlakri sahaja; dan

(k) Lain-lain tugas Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga yang sesuai mengikut keperluan agensi.

10. Merahsiakan Maklumat dan Peringkat Sesuatu Sebut Harga

10.1 Dokumen Sebut Harga Diklasifikasikan Sebagai Sulit

(i) Semua maklumat berkenaan sesuatu sebut harga termasuk dokumen sebut harga, tawaran sebut harga dan penilaian sebut harga hendaklah diklasifikasikan sebagai SULIT dan tidak boleh disebarkan kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat dengan pengurusan sebut harga sebelum keputusan muktamad dibuat.

(ii) Pegawai yang menguruskan perolehan hendaklah mematuhi perkara ini selaras dengan *Integrity Pact* yang telah ditandatangani.

(iii) Ketua agensi adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan tentang keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan sesuatu sebut harga kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya.

(iv) Ketua agensi hendaklah memastikan semua pegawai yang terlibat dalam proses sebut harga menandatangani Perakuan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 [Akta 694].

(v) Mana-mana pegawai awam yang didapati membocorkan rahsia berkenaan sesuatu sebut harga adalah dianggap telah melanggar peruntukan dalam akta-akta tersebut dan tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pegawai awam yang terlibat.

(vi) Maklumat sebut harga hanya boleh diberikan setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang atau dengan kebenaran secara bertulis daripada penyebut harga.

(vii) Agensi adalah dikehendaki mendaftar dokumen sebut harga yang diklasifikasikan sebagai dokumen terperingkat bagi perolehan strategik/keselamatan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].

11. Larangan Mengubah Maklumat Dokumen Penyebut Harga

11.1 Semua pihak yang terlibat dalam sesuatu urusan sebut harga dilarang mengubah apa-apa maklumat yang dikemukakan penyebut harga di dalam dokumen sebut harga.

11.2 Sekiranya terdapat kesilapan pengiraan oleh penyebut harga dan berlaku perbezaan harga di antara harga di dalam *Bill of Quantities* (BQ)/Jadual Tawaran Harga dan Borang Sebut Harga yang telah ditandatangani, maka harga di dalam Borang Sebut Harga hendaklah diguna pakai dalam mempertimbangkan sesuatu perolehan.

11.3 Sekiranya dokumen sebut harga dipinda, sebut harga hendaklah dibatalkan dan dipelawa semula. Semua syarikat yang telah mengambil atau membeli dokumen sebut harga hendaklah dimaklumkan secara bertulis atau secara elektronik. Syarikat boleh diberi dokumen sebut harga baharu tanpa dikenakan sebarang bayaran.

12. Penilaian Sebut Harga Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan

12.1 Kebenaran bertulis hendaklah diperolehi daripada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga sekiranya Jawatankuasa Penilaian memerlukan penjelasan lanjut daripada penyebut harga semasa proses penilaian sebut harga. Penjelasan ini tidak melibatkan penyebut harga mengemukakan tawaran baharu. Walau bagaimanapun, sebarang perundingan tidak dibenarkan. Penjelasan tersebut hendaklah diuruskan oleh urus setia sebut harga secara bertulis.

12.2 Semua sebut harga yang diterima hendaklah diteliti dan dinilai sebelum syor dibuat kepada Jawatankuasa Sebut Harga. Sebut harga yang paling menguntungkan Kerajaan hendaklah disyorkan.

12.3 Dalam penilaian sebut harga, perkara-perkara seperti jangka masa siap, kadar harga, kekerapan perkhidmatan, kawasan pelaksanaan, kos penyelenggaraan untuk tempoh tertentu dan sebagainya perlu diambil kira.

12.4 Bagi sebut harga yang memerlukan kepakaran khusus, agensi hendaklah merujuk serta mendapatkan nasihat daripada Jabatan Teknik iaitu JKR dan JPS atau Jabatan yang mempunyai kepakaran khusus seperti Jabatan Digital Negara (JDN), Jabatan Kimia dan sebagainya.

12.5 Penilaian sebut harga hendaklah seboleh-bolehnya disiapkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh dokumen diterima daripada urus setia perolehan. Tempoh hendaklah dinyatakan dalam surat pelantikan.

12.6 Agensi boleh melaksanakan penilaian dua (2) peringkat bagi perolehan sebut harga. Namun, agensi dibenar untuk melaksanakan penilaian satu (1) peringkat, khusus bagi perolehan mengikut kod bidang seperti berikut:

(i) Pembekalan bekalan alat tulis (Kod Bidang: 020601);

(ii) Pembekalan makanan bermasak Islam/bukan Islam tidak melebihi RM500 ribu (Kod Bidang: 040103 dan 040104);

(iii) Pembekalan dakwat pencetak (*toner*) (Kod Bidang: 020601);

(iv) Perkhidmatan kawalan keselamatan (Kod Bidang: 220801);

(v) Perkhidmatan membersih dan mencuci bangunan (Kod Bidang: 221001, 221002 dan 221005); dan

(vi) Lain-lain perolehan yang tidak rumit dan kompleks yang ditentukan oleh agensi. Contoh seperti, pembelian peralatan pejabat seperti jam, tong sampah, papan putih, pakaian seragam untuk bukan anggota keselamatan/penguatkuasa dan lain-lain.

12.7 Penentuan penilaian sebut harga satu (1) peringkat (1-*tier*) atau dua (2) peringkat (2- *tier*) adalah diputuskan oleh urus setia sebut harga. Maksud satu (1) peringkat adalah penilaian teknikal dan penilaian kewangan dibuat secara serentak. Manakala maksud dua (2) peringkat adalah hanya tawaran penyebut harga yang melepasi penilaian teknikal sahaja akan dinilai di peringkat penilaian kewangan.

12.8 Pelantikan keahlian Jawatankuasa mengikut kaedah penilaian seperti jadual berikut:

Jawatankuasa (JK)	**Kaedah Penilaian**	
	1 Peringkat	**2 Peringkat**
JK Spesifikasi	√	√
JK Pembuka	-	√
JK Penilaian Teknikal	-	√
JK Penilaian Kewangan	-	√
JK Penilaian (Kombinasi Pembuka, Teknikal dan Kewangan)	√	-

13. Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga, Keahlian dan Tugas Jawatankuasa

13.1 Pelantikan ahli Jawatankuasa Penilaian sebut harga hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan sebut harga dan dinyatakan dengan jelas tempoh penilaian serta tarikh laporan penilaian perlu dikemukakan kepada urus setia sebut harga.

13.2 Penilaian sebut harga bekalan dan perkhidmatan hendaklah dibuat mengikut kaedah satu (1) peringkat (*1-tier*) atau dua (2) peringkat (*2-tier*) seperti berikut:

(i) **Jawatankuasa Penilaian (*1-tier*)**

(a) Keahlian jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang, iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang ahli, di mana pengerusi hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Seorang setiausaha Jawatankuasa Penilaian Teknikal perlu dilantik bukan dalam kalangan ahli jawatankuasa bagi membantu Jawatankuasa Penilaian Teknikal;

(b) Jawatankuasa Penilaian hendaklah membuka sebut harga serta membuat penilaian teknikal dan kewangan bagi perolehan berkenaan;

(c) Menilai cadangan tawaran teknikal berasaskan spesifikasi dan skema skor yang disediakan oleh Jawatankuasa Spesifikasi, penyataan pematuhan (*statement of compliance*) dan/atau penilaian fizikal (sampel). Walau bagaimanapun, maklumat dan teknologi semasa mengenai barang/perkhidmatan tersebut boleh diambil kira;

(d) Penilaian hendaklah juga mengambil kira faktor-faktor seperti syarat pembayaran, kadar pembayaran, tempoh, diskaun, harga pasaran terbuka, keupayaan pembekal dan sebagainya. Perbandingan antara satu tawaran dengan tawaran yang lain hendaklah dibuat berasaskan kepada faktor atau unsur yang sama (*equal footing*);

(e) Penilaian hendaklah dilaksanakan secara bermesyuarat dan penilaian secara edaran adalah tidak dibenarkan; dan

(f) Menyedia dan memperaku laporan penilaian. Laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh semua ahli jawatankuasa dengan dinyatakan nama dan jawatan.

(ii) **Jawatankuasa Penilaian (*2-tier*)**

(a) **Jawatankuasa Penilaian Teknikal**

1. Keahlian jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang, iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang ahli, di mana pengerusi hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Seorang setiausaha Jawatankuasa Penilaian Teknikal perlu dilantik bukan dalam kalangan ahli jawatankuasa bagi membantu Jawatankuasa Penilaian Teknikal.

2. Pengerusi Jawatankuasa Spesifikasi tidak boleh dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Teknikal. Walau bagaimanapun, pelantikan sebagai ahli Jawatankuasa Penilaian adalah dibenarkan.

3. Ahli-ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah terdiri daripada pegawai yang mahir, berpengalaman dan berkelayakan tentang barangan/perkhidmatan tersebut. Sekiranya agensi tidak mempunyai kemahiran dalaman, maka pakar dari jabatan-jabatan teknik/pakar yang lain boleh digunakan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kimia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Digital Negara (JDN) dan sebagainya.

4. Jawatankuasa Penilaian Teknikal hendaklah membuat penilaian secara terperinci bagi memastikan penilaian yang dibuat adalah berasaskan kepada spesifikasi perolehan yang ditetapkan dalam dokumen sebut harga. Penilaian hendaklah dibuat berdasarkan dokumen-dokumen yang dikemukakan, pernyataan pematuhan (*statement of compliance*) dan/atau penilaian fizikal. Walau bagaimanapun, maklumat dan teknologi semasa mengenai barang/perkhidmatan tersebut boleh diambil kira.

5. Penilaian teknikal hendaklah dilaksanakan secara bermesyuarat. Penilaian teknikal secara edaran adalah tidak dibenarkan.

6. Menyedia dan memperaku laporan penilaian. Laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh semua ahli jawatankuasa dengan dinyatakan nama dan jawatan.

(b) **Jawatankuasa Penilaian Kewangan**

1. Keahlian jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang, iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang ahli, di mana pengerusi hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Seorang Setiausaha Jawatankuasa Penilaian perlu dilantik bukan dalam kalangan ahli jawatankuasa bagi membantu segala urusan pembukaan cadangan.

2. Penilaian kewangan sesuatu sebut harga hendaklah mengambil kira faktor-faktor seperti syarat pembayaran, kadar pembayaran, tempoh, diskaun (seperti diskaun percetakan kad jemputan berdasarkan kuantiti, pendaftaran awal kursus/*early bird registration* dan sebagainya), harga pasaran semasa, keupayaan Penyebut Harga dan sebagainya. Perbandingan antara satu tawaran Penyebut Harga dengan tawaran Penyebut Harga yang lain hendaklah dibuat berasaskan kepada faktor atau unsur yang sama (*equal footing*).

3. Penilaian bagi pembelian harta modal seperti kenderaan, jentera berat, sistem maklumat dan lain-lain hendaklah berdasarkan kepada prinsip tawaran harga menyeluruh (*total cost bid*), yang bermaksud mengambil kira harga barangan, alat ganti, latihan, pentauliahan/pemasangan, jaminan, penyenggaraan dan lain-lain.

4. Penilaian kewangan hendaklah dilaksanakan secara bermesyuarat. Penilaian kewangan secara edaran adalah tidak dibenarkan.

5. Menyedia dan memperaku laporan penilaian. Laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh semua ahli jawatankuasa dengan dinyatakan nama dan jawatan.

14. Penilaian Sebut Harga Kerja

14.1 Penilaian sebut harga kerja, boleh dibuat oleh satu (1) jawatankuasa penilaian sahaja.

14.2 Jawatankuasa penilaian hendaklah dianggotai oleh tidak kurang dari tiga (3) orang pegawai di mana pengerusi hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Salah seorang ahli jawatankuasa hendaklah seorang Juruukur Bahan atau pegawai teknikal dalam bidang berkaitan dengan perolehan kerja tersebut.

14.3 Proses penilaian sebut harga hendaklah seboleh-bolehnya disiapkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh dokumen tawaran sebut harga dikemukakan kepada jawatankuasa penilaian.

14.4 Menyedia dan memperaku laporan penilaian. Laporan penilaian hendaklah ditandatangani oleh semua ahli jawatankuasa dengan dinyatakan nama dan jawatan.

15. Asas Penilaian Sebut Harga

15.1 Asas-asas penilaian sebut harga oleh jawatankuasa termasuklah perkara-perkara berikut:

(i) Memastikan penyebut harga memenuhi semua arahan dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga.

(ii) Menilai kemampuan teknikal penyebut harga seperti kakitangan profesional dan teknikal, pengalaman kerja, rekod prestasi dan projek yang sedang dilaksanakan/dalam tangan.

(iii) Menilai kemampuan kewangan penyebut harga dari segi modal pusingan, kemudahan kredit, nilai baki kerja dalam tangan yang belum siap dan sebagainya.

(iv) Menganalisis harga tawaran penyebut harga dengan mengambil kira tempoh siap/penghantaran berdasarkan tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan.

(v) Memastikan penyebut harga mengemukakan perkara-perkara berikut (jika perlu):

(a) Senarai kontrak kerja semasa (kerja dalam tangan);

(b) Laporan penyeliaan projek atas prestasi kerja semasa; dan

(c) Laporan Jurutera projek atas prestasi kerja.

(vi) Penilaian kewangan bagi sebut harga berkaitan kemampuan kewangan hendaklah dinilai dengan tatacara berikut:

(a) Pengiraan modal minimum sekurang-kurangnya 1.5% daripada Harga Indikatif, tertakluk kepada minimum RM2,500;

(b) Modal minimum hendaklah dalam bentuk aset mudah cair iaitu:

1. campuran nilai positif purata baki akhir bulan dalam penyata bulanan bank bagi tiga (3) bulan terakhir;

2. jumlah simpanan yang terdiri daripada deposit tetap, Amanah Saham, Tabung Haji (bagi perniagaan jenis milikan tunggal) (jika berkaitan);

3. baki nilai kemudahan kredit (jika berkaitan), dengan pengesahan daripada institusi kewangan; dan

4. nilai kemudahan kredit tambahan yang layak/akan diperolehi dengan pengesahan daripada bank atau institusi kewangan (jika berkaitan).

(c) Atau kriteria-kriteria kewangan lain mengikut keperluan.

16. Perakuan Sebut Harga

16.1 Perakuan Kepada Jawatankuasa Sebut Harga

(i) Ketua Jabatan/Bahagian hendaklah membuat perakuan kepada Jawatankuasa Sebut Harga berdasarkan kepada laporan penilaian sebut harga. Perakuan tersebut hendaklah berdasarkan tawaran yang terbaik dari segi harga, kualiti mengikut keperluan agensi dan mengambil kira prinsip-prinsip perolehan serta dasar-dasar semasa Kerajaan. Perakuan tersebut juga hendaklah menyatakan dengan khusus tawaran penyebut harga yang dicadangkan untuk dipertimbangkan.

(ii) Ketua Jabatan/Bahagian juga boleh mengesyorkan lebih daripada satu penyebut harga bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan, di mana penyebut harga dibenarkan untuk menawarkan sebahagian tawaran mengikut item/kawasan/zon.

(iii) Agensi/Ketua Jabatan hendaklah menentukan urus setia (sama ada urus setia sebut harga yang menguruskan sebut harga atau pegawai tertentu) untuk menyediakan Kertas Taklimat sebut harga bagi pertimbangan Jawatankuasa Sebut Harga.

17. Penyediaan Kertas Taklimat Sebut Harga

17.1 Setelah laporan penilaian sebut harga diterima oleh urus setia sebut harga, Kertas Taklimat sebut harga hendaklah disediakan dengan maklumat-maklumat seperti berikut:

(i) Salinan borang notis sebut harga;

(ii) Salinan spesifikasi sebut harga;

(iii) Jadual sebut harga;

(iv) Senarai syarikat yang telah dijemput dan syarikat yang mengemukakan tawaran/tidak mengemukakan tawaran;

(v) Salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan/ClDB;

(vi) Laporan Penilaian sebut harga;

(vii) Kertas perakuan sebut harga; dan

(viii) Maklumat berkaitan yang mungkin dikehendaki atau yang disyaratkan oleh Jawatankuasa Sebut Harga.

18. Jawatankuasa Sebut Harga

18.1 Penubuhan Dan Keahlian Jawatankuasa Sebut Harga

(i) Pegawai Pengawal hendaklah melantik semua ahli Jawatankuasa Sebut Harga secara bertulis bagi Kementerian/Jabatan Persekutuan atau Pegawai Kewangan Negeri untuk Jabatan-Jabatan Negeri bagi Sebut Harga yang bernilai melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu.

(ii) Pegawai Pengawal atau Pegawai Kewangan Negeri boleh melantik Pemegang Waran Peruntukan atau mana-mana pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebagai Pengerusi.

(iii) Keahlian jawatankuasa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai di mana pengerusi hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Ketua Jabatan boleh melantik secara bertulis pegawai lain sekiranya Jabatan tidak mempunyai pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi melaksanakan tugas tersebut. Bagi perolehan kerja, seorang daripada ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah terdiri daripada pegawai teknikal yang sesuai.

(iv) Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah dilantik atas nama jawatan secara tahunan/dua tahun sekali.

(v) Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah bersidang secepat mungkin supaya keputusan dapat dibuat dengan segera. Jawatankuasa Sebut Harga seboleh-bolehnya bersidang dalam tempoh dua (2) minggu selepas penilaian.

(vi) Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Sebut Harga tidak boleh menganggotai Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga atau mana-mana Jawatankuasa Penilaian.

18.2 Tugas Jawatankuasa Sebut Harga

(i) Jawatankuasa Sebut Harga adalah bertanggungjawab mempertimbang dan menyetuju terima sebut harga yang paling menguntungkan Kerajaan berasaskan prinsip dan dasar perolehan Kerajaan, syarat-syarat sebut harga, dan tertakluk kepada had kuasa yang ditetapkan. Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah berpuas hati semua penyebut harga telah diberi peluang yang saksama.

(ii) Tugas Jawatankuasa Sebut Harga adalah seperti berikut:

(a) Memeriksa dan meneliti salinan pendaftaran dengan Kementerian Kewangan atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) iaitu Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkaitan), notis pelawaan sebut harga, spesifikasi sebut harga, dokumen sebut harga, jadual sebut harga yang disediakan oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga, laporan penilaian teknikal dan laporan penilaian kewangan (jika berkenaan) dan lain-lain;

(b) Memastikan semua pelawaan sebut harga mematuhi tatacara pengurusan sebut harga yang berkuat kuasa;

(c) Bagi sebut harga bekalan, pelawaan hendaklah di kalangan pembuat sahaja dan jika tiada pembuat tempatan, sebut harga hendaklah dipelawa dalam kalangan pembekal. Sebut harga tidak boleh dipelawa bersekali dalam kalangan pembuat tempatan dan pembekal;

(d) Menyemak keupayaan teknikal dan kewangan penyebut harga;

(e) Mempertimbang dan memutuskan sebut harga yang paling menguntungkan dengan mengambil kira harga,

perkhidmatan atau kegunaan barangan, kuantiti, kualiti, tempoh penyerahan atau penyiapan, kos penyenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan;

(f) Memilih lebih dari satu penyebut harga untuk bekalan (mengikut item), perkhidmatan (mengikut zon) atau kerja (mengikut pakej) (jika perlu);

(g) Bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan, di mana penyebut harga dibenarkan untuk menawarkan sebahagian tawaran mengikut item/kawasan/zon, Jawatankuasa Sebut Harga juga boleh mengesyorkan lebih daripada satu penyebut harga;

(h) Memutuskan untuk membatalkan/mempelawa semula sebut harga atau mengesyorkan kaedah perolehan yang lain, jika Jawatankuasa Sebut Harga mendapati tatacara perolehan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan atau mendapati perkara luar aturan berlaku;

(i) Mempertimbang dan menyetuju terima sebut harga dengan syarat keputusan adalah sebulat suara dan selaras dengan had nilai yang ditetapkan;

(j) Merujuk keputusan sebut harga yang tidak sebulat suara dan/atau melebihi had nilai kepada Lembaga Perolehan agensi untuk keputusan;

(k) Mana-mana ahli Jawatankuasa Sebut Harga yang mempunyai apa-apa kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak mengenai sesuatu sebut harga itu, ahli tersebut hendaklah mengisytiharkan kepentingannya secara bertulis serta menarik diri daripada mesyuarat tersebut dan perkara ini hendaklah diminitkan;

(l) Ahli Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah bersikap neutral dan profesional dalam mempertimbangkan sesuatu sebut harga serta bebas dari pengaruh luar;

(m) Memastikan ahli Jawatankuasa Sebut Harga berserta urus setia mesyuarat sahaja berada dalam bilik mesyuarat semasa keputusan sebut harga hendak dibuat. Mana-mana pihak yang bukan ahli

Jawatankuasa Sebut Harga tidak dibenarkan berada dalam bilik mesyuarat semasa keputusan dibuat dan Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah memastikan peraturan ini dipatuhi;

(n) Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga adalah bertanggungjawab memastikan Agenda Mesyuarat turut merangkumi pengesahan minit mesyuarat, perancangan sebut harga, laporan kemajuan sebut harga sebelum membincangkan kertas pertimbangan sebut harga. Kesemua perkara tersebut hendaklah diminitkan dengan jelas dan dikemaskini bagi memudahkan rujukan. Perkara yang dibincangkan dalam kertas pertimbangan sebut harga, termasuk alasan penolakan dan pemilihan penyebut harga yang berjaya hendaklah diminitkan; dan

(o) Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga adalah bertanggungjawab memastikan Laporan Perolehan Sebut Harga yang mengandungi maklumat tajuk dan nilai perolehan, tarikh keputusan, tarikh Pesanan Kerajaan/Inden Kerajaan/Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan, tarikh kontrak ditandatangani (jika berkaitan), pelanjutan kontrak dan Laporan Kemajuan dibentangkan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.

19. Pertimbangan/Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga

19.1 Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah bersidang/bermesyuarat untuk memutuskan sebut harga. Pertimbangan sebut harga secara edaran tidak dibenarkan.

19.2 Perbincangan dan keputusan Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah dicatatkan dalam minit dan ditandatangani oleh pengerusi dan ahli Jawatankuasa Sebut Harga secepat mungkin. Asas-asas pemilihan sebut harga hendaklah dicatatkan dengan jelas.

19.3 Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah sebulat suara.

19.4 Keputusan yang tidak sebulat suara dan/atau melebihi had nilai hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Perolehan agensi yang berkenaan untuk keputusan.

19.5 Keputusan sebut harga hendaklah dibuat dalam tempoh sah laku sebut harga.

19.6 Pesanan Kerajaan/Inden Kerajaan/SST hendaklah dengan segera dikeluarkan dalam tempoh sah laku sebut harga kepada pembuat/pembekal/kontraktor yang berjaya setelah menerima keputusan Jawatankuasa Sebut Harga mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

19.7 Pesanan Kerajaan/Inden Kerajaan/SST adalah memadai dikeluarkan bagi bekalan/perkhidmatan/kerja di mana kontrak formal tidak sesuai. Walau bagaimanapun, dokumen sebut harga hendaklah disertakan bersama Pesanan Kerajaan atau Inden Kerajaan supaya kontraktor jelas mengenai obligasinya.

19.8 Agensi hendaklah mengadakan satu kontrak formal bagi perolehan bekalan/perkhidmatan bermasa atau perolehan kerja, yang mana berkenaan.

19.9 Keputusan muktamad Jawatankuasa Sebut Harga hendaklah dipamerkan di Portal MyPROCUREMENT/laman sesawang agensi/Sistem eP dan papan kenyataan Jabatan dengan menyatakan nama penyebut harga yang berjaya, harga tawaran dan tempoh siap/penghantaran secepat mungkin selepas Pesanan Kerajaan/Inden Kerajaan/SST dikeluarkan.

20. Tatacara Pertimbangan Sebut Harga

20.1 Agensi hendaklah menyatakan dalam dokumen sebut harga bahawa keputusan muktamad sebut harga akan disiarkan di Portal MyPROCUREMENT dan/atau Sistem eP, laman sesawang agensi, papan kenyataan Jabatan.

20.2 Sekiranya sesuatu sebut harga itu perlu dikemukakan kepada Lembaga Perolehan untuk pertimbangan, agensi hendaklah mengemukakan sebut harga tersebut kepada Lembaga Perolehan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas keputusan Jawatankuasa Sebut Harga.

21. Rundingan

21.1 Agensi boleh mengadakan rundingan dengan penyebut harga bagi kaedah yang dipelawa secara sebut harga dengan syarat berikut:

(i) Proses untuk melaksanakan rundingan telah mendapat kelulusan PBM.

(ii) Syarat/opsyen rundingan akan diadakan telah dinyatakan dalam iklan/dokumen sebut harga terlebih dahulu.

(iii) Setelah penilaian dibuat, agensi mendapati tiada tawaran yang paling menguntungkan dari segi kriteria penilaian seperti mana yang dinyatakan dalam iklan dan dokumen pelawaan. Sebagai contoh semua tawaran hampir sama dari segi markah lulus teknikal dan kewangan, harga tawaran dan sebagainya.

(iv) Agensi hendaklah melaksanakan rundingan hanya dengan penyebut harga yang telah lulus penilaian teknikal dan kewangan.

(v) Apabila rundingan selesai, agensi perlu memberi tempoh masa yang sama kepada semua penyebut harga untuk mengemukakan tawaran baharu atau tawaran yang dipinda. Sekiranya rundingan melibatkan lebih daripada satu syarikat, tawaran yang baharu/dipinda perlu dikemukakan dalam tempoh/tarikh tutup yang sama.

21.2 Jawatankuasa Rundingan hendaklah dilantik oleh Ketua Jabatan secara bertulis untuk mengadakan rundingan.

22. Tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan

22.1 Agensi hendaklah menyediakan laporan perolehan secara sebut harga iaitu rekod lengkap sebut harga yang mengandungi maklumat antaranya tajuk perolehan, nama pembuat/pembekal/kontraktor, nilai perolehan dan sebagainya seperti format di **Lampiran 8**.

23. Tarikh Kuat Kuasa

23.1 Peraturan ini adalah berkuat kuasa mulai **29 November 2022.**

23.2 Pindaan peraturan ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2025**.

LAMPIRAN

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga .....

(Kew. 284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI.....

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat)	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap)
.....	.....
No.Telefon:	.....
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:	No. Telefon: .....
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini	Tarikh: .....

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

   1.1. Syarat penyerahan/penyempurna .....

   1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki .....

   1.3 Arahan pengiriman .....

   1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan dan bertanda nombor sebut harga .....

   1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari ..... hb .....

   1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah..... hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: .....

Tandatangan: .....

Nama Pegawai: .....

Jawatan: .....

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
	Tarikh penyerahan/ penyempurnaan ditawarkan ..... * Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.			JUMLAH	____

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah .....

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut Harga : .....

Nama dan K/P : .....

Alamat Syarikat : .....

Tarikh : .....

Mustahak - Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang



KERAJAAN MALAYSIA

<MASUKKAN NAMA KEMENTERIAN/JABATAN>

DOKUMEN SEBUT HARGA UNTUK

<MASUKKAN TAJUK PEROLEHAN>

NO. TENDER: <MASUKKAN NO. SEBUT HARGA >

<MASUKKAN ALAMAT PEJABAT MEMPELAWA SEBUT HARGA >
<MASUKKAN TARIKH>

DOKUMEN SEBUT HARGA UNTUK <MASUKKAN TAJUK PEROLEHAN>

NO. SEBUT HARGA: <MASUKKAN NO. SEBUT HARGA >

KANDUNGAN

1.	KENYATAAN SEBUT HARGA	3
2.	SYARAT-SYARAT AM/ ARAHAN/ SYARAT-SYARAT KHAS BERHUBUNG DENGAN SEBUT HARGA	3-24

1. KENYATAAN SEBUT HARGA

Semua penyebut harga hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak Kerajaan.

1.1 TUJUAN SEBUT HARGA

(a) Pelawaan sebut harga ini adalah untuk mendapatkan <masukkan nama perolehan>

(b) Tawaran sebut harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan tempoh pendaftarannya masih berkuat kuasa di bawah kod bidang:

<Masukkan Kod Bidang>: <Masukkan Nama Kod Bidang>

(c) Perolehan perkhidmatan ini dibuat secara Sebut Harga.

1.2 TEMPOH SEBUT HARGA

(a) Tempoh sebut harga bagi perkhidmatan ini adalah selama 21 hari kalendar bermula pada <masukkan tarikh> dan tarikh tutup sebut harga adalah pada <masukkan tarikh>. Dokumen sebut harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Kementerian Kewangan Malaysia iaitu www.treasury.gov.my.

(b) Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal hendaklah dikunci masuk (*key in*) ke dalam Sistem eP sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga. Cadangan Sebut Harga yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan.

(c) Walau bagaimanapun, Kerajaan berhak untuk membatalkan sebut harga ini pada bila-bila masa sekiranya perlu dan tidak terikat untuk memberi sebarang sebab atau penjelasan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak penyebut harga kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab pihak penyebut harga dan Kementerian ini tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.

2. SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN SEBUT HARGA

2.1 SYARAT-SYARAT AM

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat di bawah ini apabila menyertai tawaran. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat boleh mengakibatkan tawaran tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak. Keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) adalah muktamad.

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah terpakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

(i) KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baharu dan belum digunakan.

(ii) PENGENALAN BARANG

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

(iii) PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

(iv) PENENTUAN KOD ITEM

(a) Penyebut harga hendaklah mengenal pasti kod item bagi bekalan/perkhidmatan yang ditawarkan sebagai persediaan untuk penyediaan Surat Setuju Terima sekiranya berjaya.

(b) Sila rujuk garis panduan penentuan kod item yang boleh dicapai melalui Portal ePerolehan http://www.eperolehan.gov.my

(c) Kod item wajib dikunci masuk oleh penyebut harga yang berjaya semasa menyetuju terima tawaran Kerajaan.

(v) BARANG-BARANG SETARA

Penyebut harga boleh membuat tawaran bagi barang setara yang sesuai, dengan syarat butir-butir penuh diberi.

(vi) BARANG *EX-STOCK* ATAU BARANG MALAYSIA

(a) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.

(b) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penyebut harga dan segala kos yang terlibat ditanggung oleh penyebut harga.

(vii) PEMBUNGKUSAN BARANG DIPESAN DARI LUAR NEGARA

(a) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang- barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.

(b) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.

(c) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah digantikan oleh penyebut harga dan segala kos yang terlibat ditanggung oleh penyebut harga.

(viii) TAWARAN PENYEBUT HARGA

(a) Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

(b) Penyebut harga dibenarkan untuk menawarkan harga untuk semua zon/negeri, sebahagian zon/negeri atau satu zon/negeri sahaja jika pelawaan adalah mengikut zon/negeri. Setiap tawaran bagi setiap zon/negeri akan dianggap sebagai tawaran berasingan.

(ix) HARGA

(a) Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan; atau

(b) Bagi perolehan yang melibatkan barangan import:

1) Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos/fi tambahan yang berkaitan Sah laku tawaran adalah selama <masukkan tempoh sah laku tawaran> dari tarikh tutup. Sebarang tuntutan kenaikan harga dalam jangka masa sah laku tawaran tidak dipertimbangkan dan tawaran penyebut harga boleh ditolak; dan

2) Bagi perolehan bernilai kurang daripada RM500 ribu, harga yang ditawarkan hendaklah berdasarkan kaedah *Cost, Insurance and Freight* (CIF) atau kaedah lain yang seumpamanya di dalam *Incoterms* oleh *International Chamber of Commerce* (ICC) di mana penyebut harga bertanggungjawab menguruskan pengangkutan/ penghantaran daripada kilang terus kepada tempat penerimaan yang ditetapkan agensi (*door- to-door delivery*). Harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua diskaun, kos tambahan yang berkaitan, kos pengangkutan dan kos perlindungan insurans termasuk fi berkaitan.

(x) PERUBAHAN DAN PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK (JIKA BERKAITAN)

Pelawaan sebut harga ini boleh dipertimbangkan perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

(xi) CUKAI

(a) Semua tawaran harga oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan (CJCP). Sekiranya bekalan atau perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan CJCP dan penyebut harga yang berjaya adalah syarikat berdaftar CJCP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), maka Agensi Kerajaan perlu menawarkan nilai kontrak termasuk kenaan CJCP.

(b) Penyebut harga hendaklah memaklumkan Agensi supaya CJCP boleh dibayar oleh Kerajaan. Kegagalan atau kelewatan penyebut harga untuk memaklumkan kepada Kerajaan mengenai status Pendaftaran CJCP dengan JKDM akan menyebabkan penyebut harga perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa-apa bayaran daripada Kerajaan melalui kontrak yang dimeterai.

(xii) INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

(xiii) MATA WANG

Tawaran harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

(xiv) PERSETUJUAN PENERIMAAN TAWARAN

(a) Kerajaan tidak terikat untuk menyetuju terima tawaran sebut harga yang terendah atau mana-mana tawaran sebut harga. Kerajaan berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran sebut harga daripada mana-mana penyebut harga yang menyertai sebut harga.

(b) Kerajaan berhak untuk mengadakan perbincangan/rundingan lanjut dengan penyebut harga yang disenarai pendek berhubung dengan terma-terma tertentu untuk tawaran yang akan disetuju terima. Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan.

(c) Kerajaan juga berhak untuk mengadakan bidaan di kalangan penyebut harga yang disenarai pendek untuk tawaran yang akan disetuju terima.

(d) Kerajaan boleh, pada bila-bila masa, meminta penyebut harga untuk mengemukakan maklumat lanjut/dokumen tambahan yang diperlukan/berkaitan dengan dokumen tawaran sebut harga yang dikemukakan (sekiranya perlu).

(e) Tindakan tatatertib boleh diambil oleh Kerajaan terhadap penyebut harga yang menarik balik tawaran sebelum tawaran dipertimbangkan atau penyebut harga yang menolak tawaran setelah SST dikeluarkan oleh Kerajaan atau penyebut harga tidak membekal atau memberi perkhidmatan setelah mengembalikan SST yang telah ditandatangani atau kesalahan lain seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan (PP/PK) 8: Tindakan Tatatertib Ke Atas Syarikat Dalam Perolehan Kerajaan pada perenggan 1(i)(b).

(xv) PENGIKLANAN DAN PUBLISITI

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu.

(xvi) BON PELAKSANAAN

(a) Bagi kontrak bekalan/perkhidmatan, penyebut harga yang Berjaya hendaklah mengembalikan SST yang telah lengkap diisi dan ditandatangan beserta Bon Pelaksanaan dalam tempoh yang ditetapkan yang nilainya adalah seperti berikut: -

(1) 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00; atau

(2) 5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00.

(3) Bagi kontrak bermasa yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Jika setelah dibahagikan mengikut setahun, nilai harga kontrak adalah kurang daripada RM200,000.00, maka kadar 2.5% hendaklah dikenakan. Walau bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh penyebut harga hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.

(4) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan sama ada dalam bentuk:

(i) Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/syarikat kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;

(ii) Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;

(iii) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia;

(iv) Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau

(v) Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).

(5) Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

(6) Bon pelaksanaan perlu dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana yang dinyatakan dalam SST.

(xvii) TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

(xviii) PEMERIKSAAN

(a) Kerajaan sentiasa berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut kepada pihak Kerajaan. Agensi adalah bertanggungjawab memastikan bekalan yang diterima adalah sama/lebih baik seperti spesifikasi pada kontrak/pesanan. Jika terdapat kerosakan/kekurangan, penyebut harga

hendaklah menggantikan jumlah yang rosak/kurang itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak yang dimeterai tanpa sebarang tambahan kos.

(b) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki oleh pihak Kerajaan.

(c) Semua perbelanjaan untuk memeriksa dan menguji ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga.

(xix) PENOLAKAN BARANG/ PERKHIDMATAN

(a) Bekalan/perkhidmatan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan/ perkhidmatan yang telah dipersetujui dalam tawaran penyebut harga boleh ditolak oleh pihak Kerajaan.

(b) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan bekalan/perkhidmatan yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan/perkhidmatan yang ditolak itu.

(c) Perkara di perenggan (a) dan (b) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

(xxiii) KUANTITI TAWARAN/ KUANTITI TAMBAHAN

Kerajaan boleh memesan kuantiti tambahan dalam tempoh kontrak dari tarikh kontrak ditandatangani dan penyebut harga hendaklah membekalkannya dengan harga yang sama.

2.2 ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

Arahan kepada penyebut harga ini dalam mana mempengaruhi pelaksanaan kontrak hendaklah menjadi sebahagian daripada kontrak.

(i) PENYEDIAAN DAN PENYERAHAN CADANGAN TAWARAN

(a) Penyebut harga hendaklah mengisi dengan lengkap cadangan tawaran dan menyerahkan semua dokumen sokongan serta lampiran wajib yang disenaraikan dalam dokumen tawaran. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga ……..serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga sebelum tarikh dan waktu tutup pelawaan sebut harga. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan tawaran ditolak.

(b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, penyebut harga hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

(c) Penyebut harga adalah dilarang menulis, mencatatkan dan meletakkan cop nama/tanda syarikat di dalam dokumen sokongan/lampiran pada dokumen teknikal yang dikemukakan. Sekiranya berbuat demikian, cadangan tawaran tidak akan dipertimbangkan dan akan ditolak.

(d) Semua dokumen yang diserahkan oleh penyebut harga termasuk manual teknikal hendaklah dalam Bahasa Malaysia. Pembetulan dan pindaan boleh dibuat ke atas cadangan tawaran dan dikemaskini sebelum tarikh dan masa tutup pelawaan. Penyebut harga hanya dibenarkan menghantar SATU (1) tawaran sahaja bagi cadangan yang ditawarkan. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.

(e) Bagi tawaran yang memerlukan penghantaran sampel produk, penyebut harga hendaklah memastikan ianya dihantar sebelum tarikh tutup.

(f) Kerajaan akan membuat pemberitahuan kepada penyebut harga sekiranya terdapat apa-apa notis atau pindaan (addendum) berkaitan pelawaan ini melalui medium pengiklanan asal. Setiap notis atau pindaan (addendum) yang dilakukan akan diberi notis kepada penyebut harga dan menjadi sebahagian daripada dokumen tawaran.

(ii) PERBELANJAAN PENYEDIAAN CADANGAN TAWARAN

Semua perbelanjaan bagi penyediaan cadangan tawaran ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.

(iii) TEMPOH SAH LAKU TAWARAN

Tempoh sah laku tawaran adalah selama ….(masukkan tempoh sah laku tawaran)…. hari daripada tarikh tutup sebut harga sebagaimana yang ditetapkan dalam notis pelawaan. Penyebut harga yang telah menyerahkan cadangan tawaran tidak dibenarkan menarik diri dalam tempoh tersebut.

(iv) TAWARAN PILIHAN

Setiap penyebut harga tidak dibenarkan membuat tawaran pilihan (*alternative offer*) bagi mana-mana butiran yang telah dihantar. Jika terdapat tawaran pilihan, Kerajaan berhak menolak kesemua tawaran yang dikemukakan.

(v) PEMBATALAN PELAWAAN

Kerajaan berhak untuk membatalkan mana-mana pelawaan yang telah diiklankan pada bila-bila masa. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak penyebut harga kerana pembatalan ini adalah menjadi tanggungjawab pihak penyebut harga.

(vi) PEMBERITAHUAN PENERIMAAN

(a) Pemberitahuan kepada penyebut harga yang berjaya mendapat tawaran Kerajaan akan dibuat melalui pengeluaran Surat Setuju Terima (SST).

(b) Surat berkenaan mungkin mengandungi apa-apa syarat atau pindaan tambahan kepada syarat yang disertakan pada dokumen ini dan jika demikian, tawaran ini tidak boleh dianggap sebagai telah dipersetujui melainkan pengesahan bertulis daripada penyebut harga tentang persetujuannya terhadap syarat/pindaan tambahan itu diterima.

(c) Apabila dipersetujui, kontrak dianggap sebagai telah dibuat antara Kerajaan dengan penyebut harga itu menurut syarat yang disertakan (termasuk syarat tambahan dan pindaan) dan tiada perjanjian atau syarat lain dianggap sebagai telah dimasukkan ke dalam kontrak ini.

(vii) TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak adalah ….(masukkan tempoh kontrak)… bulan.

(viii) PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

(a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

(b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat SPRM atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

(c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan penyebut harga atau penyebut harga boleh diambil tindakan sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah Akta SPRM 2009.

(d) Mana-mana penyebut harga atau penyebut harga yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini, walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi, dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

(ix) INTEGRITI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

(a) Perkara ini adalah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan melalui PP/PK 1.6: Integriti Dalam Perolehan Kerajaan.

(b) Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida (nama penandatangan akuan hendaklah seperti mana yang disenaraikan dalam Modul Pendaftaran Pembida Kementerian Kewangan) yang mengandungi pengakuan bahawa:

(1) Penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.

(2) Kesemua maklumat tawaran dan lampiran yang dikemukakan adalah benar dan tepat.

(c) Sekiranya penyebut harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (*withhold*) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, tawarannya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

(d) Penyebut harga yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak Kerajaan juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak.

(x) PERINGATAN MENGENAI PAKATAN HARGA

Sekiranya didapati penyebut harga terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak, penamatan kontrak dan lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib boleh diambil mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

(xi) PROGRAM *PROFESSIONAL TRAINING AND EDUCATION FOR GROWING ENTREPRENUER - READY TO WORK* (PROTÉGÉ- RTW) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

(a) Perkara ini adalah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaaan melalui PP/PK 1.12 Pelaksanaan Program PROTÉGÉ RTW Dalam Perolehan Kerajaan.

(b) Penyebut harga adalah dikehendaki melaksanakan program Kolaborasi Industri PROTÉGÉ dalam perolehan Kerajaan mengikut had nilai ambang (*threshold value*) dan sektor seperti berikut:

Kategori Perolehan	**Nilai Ambang bagi Perolehan Tertakluk**	**Nilai Ambang bagi Perolehan Tidak Tertakluk**
Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja	RM50 juta ke atas	Mengikut had nilai yang ditetapkan dalam PK1.12

Kaedah Pengiraan:

1% x Kos keseluruhan perolehan (bekalan/perkhidmatan)
RM24,000.00*

Nota:

* Elaun PROTÉGÉ-RTW sebanyak RM2,000 seorang X 12 bulan

(c) Penyebut harga adalah wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ-RTW seperti di senarai semak untuk pematuhan kewangan bersama dengan Dokumen Tawaran sebut harga /tender.

(d) Surat Akuan Pembida untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ-RTW tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian bagi perolehan yang mencapai nilai ambang. Sekiranya pembida gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh penama di sijil

* MoF/CIDB, pembida tersebut boleh dinilai sebagai gagal dalam penilaian (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.

(e) Penyebut harga yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida untuk melaksanakan Program PROTÉGÉ-RTW berdasarkan nilai ambang (*threshold value*) beserta dengan SST yang telah ditandatangani di mana pembida bersetuju melaksanakan program PROTÉGÉ- RTW. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

(xii) PERTANYAAN

Pertanyaan Mengenai Pelawaan Sebut Harga

Semua pertanyaan mengenai pelawaan hendaklah disalurkan kepada Urus Setia Sebut Harga seperti berikut:

Nama PTJ	: <Masukkan nama PTJ>
Alamat PTJ	: <Masukkan nama Bahagian & alamat PTJ>
Nama Pegawai	: <Masukkan nama pegawai>
No. Tel.	: <Masukkan nombor telefon>
No. Faks	: <Masukkan nombor faks>
E-mel	: <Masukkan alamat e-mel>

Sebarang pertanyaan selepas tarikh tutup tender tidak akan dilayan.

2.3 SYARAT-SYARAT KHAS

TERMA KONTRAK (JIKA BERKAITAN)

(i) TAFSIRAN

Tawaran ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai tawaran ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

(ii) KONTRAK

Semua syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen atau di mana- mana Lampiran yang terdahulu bersama-sama dengan dokumen tawaran ini adalah merupakan sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara Kerajaan Malaysia dan penyebut harga yang berjaya. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan Kerajaan dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat- syarat kontrak. Sebarang bantahan kepada syarat-syarat kontrak hendaklah dibuat semasa mengemukakan cadangan tawaran.

(iii) NILAI KONTRAK

(a) Nilai keseluruhan Kontrak ini adalah sebagaimana dalam Surat Setuju Terima (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Nilai Kontrak”) dan bagi maksud Kontrak ini dan tertakluk kepada penyebut harga memenuhi semua terma-terma dan syarat-syarat dalam Kontrak ini, Kerajaan hendaklah sebagai ganjaran kepada pembekalan atau perkhidmatan yang dilaksanakan oleh penyebut harga, membuat pembayaran kepada penyebut harga mengikut Klausa Pembayaran yang telah dipersetujui.

(b) Pengiraan kepada Nilai Kontrak adalah berdasarkan kepada Jadual Harga yang dinyatakan. Nilai Kontrak yang dinyatakan adalah tetap dan tiada apa-apa kenaikan atau perubahan harga perkhidmatan boleh dibuat oleh penyebut harga kecuali jika telah dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan.

(c) Kerajaan tidak terikat untuk memenuhi/menggunakan sepenuhnya nilai kontrak (nilai/kuantiti) dalam tempoh kuat kuasa kontrak.

(iv) PENAMATAN KONTRAK OLEH KERAJAAN

(a) Keingkaran oleh penyebut harga - Dalam keadaan di mana penyebut harga, tanpa sebab-sebab yang munasabah:

(1) Menghentikan atau menggantung daripada pelaksanaan dan gagal meneruskan pelaksanaan obligasi-obligasinya di bawah kontrak ini secara tetap dan tekun;

(2) Gagal melaksanakan obligasi di bawah kontrak ini atau mengabaikan obligasi-obligasinya di bawah kontrak ini secara berterusan;

(3) Melanggar mana-mana obligasinya atau gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat kontrak ini,

maka Kerajaan hendaklah memberikan notis bertulis kepada penyebut harga dengan menyatakan butir-butir kegagalannya dan meminta penyebut harga untuk membetulkan atau memperbaiki kegagalan tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan dalam kontrak dari tarikh notis tersebut. Sekiranya penyebut harga gagal membetulkan atau memperbaiki kegagalan tersebut dalam tempoh yang disebutkan atau tempoh lain yang ditentukan oleh Kerajaan, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Kontrak ini pada bila-bila masa selepas memberikan notis penamatan kepada penyebut harga.

(b) Ingkar Am - Sekiranya pada bila-bila masa dalam tempoh Kontrak:

Jika penyebut harga itu sebagai:

(1) orang perseorangan (atau apabila penyebut harga itu adalah sebuah perkongsian, mana-mana pekongsi) pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak menjadi bankrap atau suatu perintah penerimaan atau perintah penghukuman dibuat terhadapnya atau penyebut harga telah membuat sesuatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah pemiutang-pemiutang; atau

(2) sebuah syarikat, pada bila-bila masa dalam tempoh kontrak;

(i) satu perintah telah dibuat atau satu resolusi telah diluluskan bagi penggulungan syarikat, kecuali bagi tujuan penyusunan semula atau penyatuan yang tidak melibatkan pencairan aset di mana kepentingan pemiutang adalah terjamin;

(ii) syarikat dibubarkan atau seorang penerima, pengurus atau penyelesai sementara (*provisional liquidator*) telah dilantik ke atas aset syarikat atau syarikat membuat serah hak untuk manfaat pemiutang atau membuat penyelesaian atau perkiraan dengan pemiutang atau menghentikan pembayaran atau tidak berupaya untuk membayar hutangnya;

(iii) pelaksanaan terhadap sebahagian besar aset syarikat dikenakan levi melainkan ia telah dengan suci hati memulakan prosiding untuk mengenepikan pelaksanaan tersebut,

maka Kerajaan berhak menamatkan kontrak ini serta-merta dengan memberi notis kepada penyebut harga bagi tujuan tersebut dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan kontrak ini tidak akan menjejaskan hak- hak lain Kerajaan untuk mendapatkan apa-apa ganti rugi yang terakru dalam kontrak ini.

Dalam keadaan di mana kebankrapan atau penggulungan syarikat akan berlaku, penyebut harga mengaku janji untuk memaklumkan Kerajaan dalam masa <masukkan tempoh> hari mengenai niatnya untuk diisytiharkan bankrap atau menggulung syarikat. Dalam keadaan tersebut, Pembida hendaklah memberi nasihat kepada Kerajaan mengenai punca-punca lain bagi mendapatkan pembekalan barangan berkenaan.

(c) Dalam keadaan di mana kontrak ini telah ditamatkan berdasarkan klausa di atas, Kerajaan hendaklah berhak menuntut daripada penyebut harga apa-apa kerugian atau gantirugi akibat daripada penamatan ini dengan tidak menjejaskan apa-apa hak lain yang ada pada Kerajaan di bawah kontrak ini.

(d) Penamatan tersebut hendaklah tidak menjejaskan atau memprejudiskan hak-hak pihak-pihak yang telah wujud sebelum penamatan kontrak ini dan obligasi-obligasi berkaitan dengan apa-apa tindakan, perkara atau perbuatan yang berlaku sebelum penamatan di bawah kontrak ini hendaklah berterusan walaupun selepas penamatan kontrak ini.

(v) PENAMATAN KONTRAK ATAS KESALAHAN RASUAH, KEGIATAN KEGIATAN TIDAKSAH ATAU MENYALAHI UNDANG-UNDANG

(a) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya pembekal, kakitangan pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berkaitan dengan perjanjian ini atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada pembekal untuk menyatakan sedemikian kepada pembekal.

(b) Kerajaan berhak menuntut daripada pembekal apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.

(c) Pihak-pihak bersetuju bahawa pembekal tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

(vi) PENAMATAN KONTRAK ATAS KEPENTINGAN NEGARA

(a) Tidak tertakluk kepada mana-mana peruntukan dalam Kontrak ini, Kerajaan berhak menamatkan Kontrak ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kepada penyebut harga (tanpa perlu memberi apa-apa sebab) sekiranya Kerajaan berpendapat penamatan itu perlu dilaksanakan atas kepentingan negara, kepentingan keselamatan negara atau bagi tujuan polisi Kerajaan atau polisi awam.

(b) Bagi maksud klausa ini, perkara yang berjumlah kepada "kepentingan negara", "kepentingan keselamatan negara", "polisi Kerajaan" dan "polisi awam" hendaklah diputuskan oleh Kerajaan sahaja dan keputusan itu adalah muktamad dan tidak boleh dicabar.

(c) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pihak-Pihak bersetuju bahawa penyebut harga tidak berhak untuk menuntut sebarang kerugian termasuk kehilangan perolehan pendapatan, pampasan, tuntutan, gantirugi atau sebagainya atas penamatan Kontrak ini.

(vii) POTONGAN PEMBAYARAN

Tidak Berkenaan.

(viii) TERMA PEMBAYARAN

Pembayaran bagi semua perkara dan skop kerja yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja. Harga ini mestilah sah laku dalam <masukkan tempoh sah laku tawaran> hari daripada Tarikh tutup tawaran.

(ix) FI PERKHIDMATAN SISTEM ePEROLEHAN

(a) Tambahan fi perkhidmatan untuk bermasa. Agensi boleh memotong fi yang tidak berkaitan.

(1) Kontrak Bukan Bermasa *(One-Off)*

Kadar fi perkhidmatan adalah sebanyak 0.8% bagi setiap transaksi tertakluk kepada kepada had maksimum berjumlah RM9,600.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*).

(2) Kontrak Bermasa *(multiple payment)*

Kadar fi perkhidmatan yang dikenakan bagi penyebut harga yang berjaya adalah sebanyak 0.4% bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum berjumlah RM4,800.00 bagi setiap transaksi bayaran yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.

(b) Perkhidmatan akan dikenakan ke atas nilai invois selepas ditolak amaun bayaran balik pendahuluan/terimaan royalti/potongan penalti/denda LAD/tolakan.

(x) BON PELAKSANAAN

(a) Bagi kontrak bekalan /perkhidmatan, penyebut harga yang berjaya hendaklah mengemukakan Surat Setuju Terima dan Bon Pelaksanaan yang nilainya adalah seperti berikut:

(1) 2.5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200 ribu hingga RM500 ribu.

(2) 5% daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500 ribu.

(3) Bagi kontrak bermasa yang berkuat kuasa dalam tempoh dua (2) tahun atau lebih, peratus dan pengiraan nilai Bon Pelaksanaan hendaklah dikira mengikut anggaran harga kontrak setahun sahaja. Jika setelah dibahagikan mengikut setahun, nilai harga kontrak adalah kurang daripada RM200 ribu, maka kadar 2.5% hendaklah dikenakan. Walau bagaimanapun, bon pelaksanaan yang dikemukakan oleh pembekal hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.

(4) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Kementerian Kewangan sama ada dalam bentuk:

(i) Jaminan Bank/Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank- bank/syarikat kewangan berlesen dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau

(ii) Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia;

(iii) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikatsyarikat insurans yang berlesen di bawah AktaPerkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] yang beroperasi di Malaysia; atau

(iv) Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] yang beroperasi di Malaysia; atau

(v) Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).

(5) Tempoh sah laku jaminan tersebut hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

(6) Bon Pelaksanaan boleh dilepaskan setelah segala obligasi kontrak selesai dan dilaksanakan dengan memuaskan. Surat Pelepasan (*Letter of Discharge*) bagi Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Bank Islam/Jaminan Insurans/ Jaminan Takaful hendaklah dikemukakan kepada Bank/Syarikat Kewangan/Bank Islam/Syarikat Insurans/ Syarikat Takaful. Salinan asal atau satu salinan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan hendaklah disimpan oleh Agensi sebagai rekod.

(7) Bon pelaksanaan perlu dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana yangdinyatakan dalam Surat Setuju Terima.

(xi) DENDA/TOLAKAN/ *LIQUIDATED ASCERTAINED DAMAGES* (LAD)

(a) Penyebut harga dikehendaki melaksanakan pembekalan barang/perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti bekalan/ perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh Kerajaan. Sekiranya penyebut harga gagal melaksanakan pembekalan barang/perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) mengikut kadar yang termaktub di dalam kontrak.

(b) Kadar bagi kenaan LAD untuk bekalan/perkhidmatan (keseluruhan perolehan gagal disempurnakan) adalah seperti berikut:

(BLR + 1%) x (Nilai Kontrak / 365) x (bilangan hari lewat)

(c) Kadar bagi denda untuk bekalan/perkhidmatan (sebahagian perolehan gagal disempurnakan) adalah seperti berikut:

(d) Kadar bagi denda untuk perkhidmatan sewaan peralatan:

Perkhidmatan: A x B x C x 1% A : Nilai sewaan peralatan sebulan. B : Bilangan hari yang lewat. C : Bilangan peralata

(e) Kerajaan berhak untuk melantik mana-mana pihak ketiga bagi melaksanakan dan menyempurnakan apa-apa tugas atau tanggungjawab yang gagal disempurnakan oleh penyebut harga dalam tempoh yang ditetapkan dengan apa-apa kos yang terlibat ditanggung sepenuhnya oleh penyebut harga.

(f) Sekiranya Kerajaan mendapati penyebut harga masih gagal meremedikan atau menyempurnakan perlaksanaan tugas dan tanggungjawab di bawah kontrak ini selepas tempoh yang ditetapkan, Kerajaan adalah berhak untuk menamatkan kontrak ini menerusi satu Notis Penamatan kepada penyebut harga.

(xii) TEMPOH KONTRAK

Tempoh kontrak ini akan berkuatkuasa untuk tempoh selama bulan selama <masukkan tempoh kontrak> bulan iaitu bermula dari tarikh yang dinyatakan dalam SST.

(xiii) ADDENDA/ PINDAAN

Apa-apa perkara dalam perjanjian ini boleh dipinda dan sebarang perubahan, modifikasi, penambahan,pembatalan atau pindaan hendaklah dipersetujui secara bertulis oleh kedua-dua pihak dan boleh dilakukan dari semasa ke semasa.

(xiv) KERAHSIAAN

(a) Kecuali dibenarkan secara bertulis oleh Kerajaan, penyebut harga dan kakitangan, pekerja atau ejennya hendaklah pada bila-bila masa tidak mendedahkan kepada mana-mana orang atau badan atau entiti, sebarang maklumat sulit yang dimaklumkan kepadanya bagi tujuan pelaksanaan Kontrak ini atau diketahui olehnya dalam pelaksanaan Kontrak ini. Penyebut harga dan kakitangan, pekerja atau ejennya juga tidak boleh mendedahkan kepada umum sebarang maklumat berkenaan cadangan, penilaian dan pandangan yang timbul daripada pelaksanaan Kontrak ini. Penyebut harga dan kakitangan, pekerja atau ejennya tidak boleh membuat atau menyebabkan sebarang kenyataan media dibuat berkaitan dengan Kontrak ini tanpa kelulusan Kerajaan.

(b) Semua maklumat termasuk maklumat terperingkat dan data-data berkaitan ketenteraan dan maklumat operasi (jika ada) yang dibekalkan oleh Kerajaan berhubung Kontrak ini tidak boleh didedahkan oleh penyebut harga kepada orang lain (pihak ketiga). Penyebut harga adalah bertanggungjawab mematuhi peraturan-peraturan keselamatan yang berkaitan dengan maklumat terperingkat yang diuruskan olehnya dan memastikan pengendalian maklumat terperingkat tersebut adalah mengikutdarjah keselamatan yang diberi kepadanya.

(c) Klausa ini hendaklah terus berkuat kuasa walaupun setelah Kontrak ini luput atau ditamatkan atas apa-apa sebab.

(xv) HARTA INTELEK

(a) Semua hak cipta dan hak harta intelek yang lain bagi barangan yang dibekalkan oleh penyebut harga di bawah Kontrak ini hendaklah menjadi hak Kerajaan dan penyebut harga tidak boleh pada bila-bila masa atau semasa tamat tempoh atau penamatan Kontrak ini dalam apa-apa jua cara sekalipun mempersoal atau mempertikai hak Kerajaan. Hak harta intelek di bawah klausa ini hendaklah terletak pada Kerajaan yang bebas daripada semua lien, tuntutan dan bebanan.

(b) Penyebut harga hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa tuntutan jika barangan yang dibekalkan melanggar paten, hak cipta atau reka bentuk berdaftar.

(c) Penyebut harga hendaklah melindung dan menanggung rugi Kerajaan terhadap apa-apa tuntutan bagi perlanggaran apa-apa paten, hak cipta atau reka bentuk berdaftar berkenaan barangan yang dibekalkan di bawah Kontrak ini dan terhadap semua kos di mana Kerajaan perlu menanggung bagi perlanggaranitu atau mana-mana tindakan yang berkaitan yang perlu bagi Kerajaan bertanggungjawab.

(d) Jika penggunaan atau pemilikan oleh Kerajaan berkemungkinan membawa kepada apa-apa perlanggaran hak harta intelektual, maka Pembida hendaklah secara serta-merta dan atas tanggungannya sendiri mendapatkan untuk Kerajaan hak untuk terus menggunakan atau memiliki barangan tersebut atau mengubahsuai atau menggantikan barangan tersebut untuk mengelakkan daripada perlanggaran hak harta intelektual (dalam keadaan ini, penyebut harga hendaklah mengganti rugikerugian langsung atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Kerajaan semasa pengubahsuaian atau penggantian itu).

(e) Jika alternatif-alternatif dalam klausa di atas tidak dapat disempurnakan atas sebab-sebab tertentu,maka penyebut harga hendaklah mengambil balik barangan dan membuat bayaran balik kepada Kerajaa

(xvi) IKLAN

Penyebut harga tidak boleh tanpa kelulusan bertulis Kerajaan terlebih dahulu mengiklankan atau memberi kuasa atau kebenaran kepada mana- mana orang untuk mengiklankan Kontrak ini dalam sebarang akhbar, majalah atau sebarang jenis pengiklanan lain.

(xvii) PENEPIAN

(a) Kegagalan Kerajaan atau penyebut harga menguatkuasakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah Kontrak ini pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu penepian, melainkan ia telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu kepada pihak yang satu lagi.

(b) Sebarang penepian oleh Kerajaan hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk, dipersetujui dan ditandatangani oleh Ketua Setiausaha atau pegawai yang diberi kuasa olehnya secara bertulis.

(c) Sebarang penepian oleh penyebut harga hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk, dipersetujui dan ditandatangani oleh penyebut harga atau wakil yang diberikuasa olehnya secara bertulis.

(xviii) KONTRAK KECIL/SUBKONTRAK

(a) Penyebut harga tidak boleh membuat kontrak kecil/mensubskontrakkan Kontrak ini atau apa-apabahagiannya kepada mana-mana pihak lain tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan.

(b) Jika Kontrak ini atau mana-mana bahagian daripadanya diberi kontrak kecil/mensubkontrakkan kepada mana-mana pihak lain dengan persetujuan bertulis Kerajaan, penyebut harga bersetuju tanpa syarat untuk terus bertanggungjawab secara berterusan dan secara sendiri dan peribadi bagi memastikan sub-kontraktor mematuhi terma dan syarat dalam Kontrak ini.

(c) Sebarang isu yang timbul antara penyebut harga dan sub-kontraktor mengenai Kontrak ini atau hal-hal lain adalah di luar tanggungjawab Kerajaan.

(xix) SERAH HAK ATAU NOVASI

Penyebut harga tidak boleh, tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Kerajaan, menyerah hak, memindahkan, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungkan kepada pihak ketiga semua atau sebahagian daripada obligasi, manfaat atau liabiliti daripada atau yang mungkin terbit daripada Kontrak ini.

(xx) PENYELESAIAN PERTIKAIAN

(a) Sebarang pertikaian antara pihak-pihak dengan apa-apa perkara di bawah Kontrak ini (kecualiberkaitan dengan Kerajaan menjalankan budi bicara mutlak di bawah Kontrak ini) boleh dirujuk kepada sebuah jawatankuasa penyelesaian pertikaian (dengan ini dirujuk sebagai "Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian") yang terdiri daripada:

(1) Ketua Setiausaha, KEMENTERIAN <masukkan nama Kementerian> sebagai Pengerusi atau mana-mana pegawai yang dilantik dan diberikuasa sewajarnya secara bertulis;

(2) seorang wakil yang dilantik oleh Kerajaan; dan

(3) seorang wakil yang dilantik oleh penyebut harga

(b) Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian boleh melantik seorang pakar bebas dalam bidang yang berkaitan atau seorang pakar bebas untuk setiap bidang yang berkaitan (sekiranya terdapat lebih daripada satu bidang) untuk memberikan nasihat ke atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya dan segala kos, yuran dan perbelanjaan pakar bebas yang dilantik tersebut akan ditanggung secara sama rata antara kedua-dua Pihak.

(c) Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian akan menentukan prosedurnya sendiri. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian hendaklah berusaha untuk mencapai suatu penyelesaian secara aman antara Pihak-Pihak apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya.

(d) Sekiranya sebarang perkara, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tidak boleh dipersetujui oleh Pihak-Pihak yang berkenaan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas tarikh rujukan dibuat, mana-mana Pihak boleh merujuk perkara, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada timbangtara.

(e) Setiap ahli Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian termasuk Pengerusi, masing-masing akanmempunyai satu undi.

(f) Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian akan mengikat Pihak-Pihak.

(xxi) TIMBANGTARA

(a) Dalam keadaan di mana Kerajaan dan penyebut harga gagal menyelesaikan apa-apa pertikaian secara aman, mana-mana pihak boleh merujuk pertikaian ini kepada timbangtara. Rujukan tersebut hendaklah dianggap sebagai persetujuan untuk ke timbangtara di bawah Akta Timbangtara 2005.

(b) Untuk tujuan timbangtara, klausa-klausa yang berikut hendaklah terpakai:

(1) Prosiding timbangtara hendaklah dikendalikan berdasarkan Peraturan-Peraturan Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Regional Arbitration Centre);

(2) Satu (1) Penimbangtara akan dilantik oleh Pengarah Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur;

(3) Tempat timbangtara dijalankan adalah di Pusat Timbangtara Serantau Kuala Lumpur menggunakan kemudahan dan sistem yang disediakan di pusat tersebut;

(4) Bahasa yang akan digunakan dalam prosiding timbangtara ialah Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris;

(5) Undang-undang yang terpakai untuk kontrak ini ialah Undang-undang Malaysia; dan

(6) Keputusan penimbangtara adalah muktamad dan mengikat kedua-dua pihak.

(c) Obligasi pihak-pihak di bawah Kontrak ini hendaklah terus berkuatkuasa walaupun rujukan dibuat kepada timbangtara atau sepanjang tempoh prosiding timbangtara berlangsung.

(xxii) *FORCE MAJEURE*

(a) Kerajaan dan penyebut harga tidak akan dikira sebagai memungkiri sebarang obligasi di bawah Kontrak ini sekiranya ia tidak dapat memenuhi obligasinya di bawah Kontrak ini (atau apa sahaja bahagian daripadanya) akibat daripada kejadian *Force Majeure* kecuali obligasi untuk membuat sebarang bayaran. Kejadian *Force Majeure* bermaksud:

(1) Peperangan (sama ada diisytihar atau tidak), pertempuran, penaklukan, tindakan musuh asing;

(2) Pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa, perang saudara atau tindakan pengganas;

(3) Bencana alam semulajadi termasuk, tetapi tidak terhad kepada, gempa bumi, banjir dan kebakaranspontan bawah tanah atau apa-apa kuasa semulajadi yang secara munasabahnya seseorang yang berpengalaman tidak dijangka dapat mengambil langkah berjaga-jaga;

(4) Letupan nuklear, pencemaran radioaktif atau bahan kimia atau radiasi;

(5) Gelombang tekanan disebabkan oleh pesawat atau apa-apa peranti aerial yang bergerak di udarapada kelajuan *sonik* atau *supersonic*;

(6) Rusuhan, kekecohan atau kekacauan awam kecuali jika hanya melibatkan pekerja, kakitangan atau ejen penyebut harga; dan

(7) Sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang lain di luar kawalan pihak-pihak.

(b) Jika kejadian *Force Majeure* tersebut menyebabkan salah satu pihak tidak mampu melaksanakan apa-apa obligasinya di bawah Kontrak ini (atau apa sahaja bahagian daripadanya) yang terjejas akibat daripada kejadian *Force Majeure* tersebut, pihak tersebut hendaklah memaklumkan pihak yang satu lagi dengan segera dalam masa empat belas (14) hari secara bertulis dari tarikh mula berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut dengan butiran terperinci serta kesannya kepada Kontrak ini serta langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan sebarang kelewatan.

(c) Sekiranya penyebut harga ingin memohon sebarang perlanjutan masa, penyebut harga dikehendaki mengemukakan kepada Kerajaan segala bukti yang cukup dan diperlukan tentang kejadian tersebutdan kesannya ke atas tempoh pelaksanaan obligasi di bawah Kontrak ini. Kerajaan berhak untuk menjalankan penyiasatan terhadap kelewatan tersebut dan setelah berpuashati bahawa kelewatan tersebut adalah berpunca dari *Force Majeure* yang sah maka tempoh pelaksanaan obligasi di bawah Kontrak ini akan dilanjutkan selama tempoh yang sama kepada tempoh pelaksanaan obligasi yang diberi di bawah Kontrak ini telah terjejas.

(d) Jika salah satu pihak mempertimbangkan bahawa kejadian *Force Majeure* tersebut akan bertambah teruk atau akan terus berlanjutan untuk satu tempoh yang akan memberi kesan kepadakegagalan niat asal Kontrak ini, maka pihak-pihak boleh bersetuju bahawa Kontrak ini akan ditamatkan atas persetujuan bersama.

(e) Jika Kontrak ini ditamatkan akibat kejadian *Force Majeure* berdasarkan klausa di atas, semua hak dan obligasi pihak-pihak di bawah Kontrak ini hendaklah terhenti dan tiada pihak boleh membuat sebarang tuntutan kepada pihak yang satu lagi dan masing-masing tidak bertanggungan terhadap satu sama lain melainkan berkaitan apa-apa hak dan liabiliti yang terakru sebelum berlakunya kejadian *Force Majeure* tersebut.

(f) Tiada pihak berhak menggunakan mana-mana peruntukan dalam klausa ini sekiranya pihak-pihak telah menentukan secara munasabah bahawa kejadian *Force Majeure* tidak berlaku.

(g) Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pihak-pihak akan terus melaksanakan mana-mana obligasiyang tidak terjejas, tertunda atau terganggu oleh kejadian *Force Majeure* dan obligasi tersebut hendaklah terus berkuatkuasa sepenuhnya sementara menunggu pelaksanaan peruntukan klausa ini.

(h) Dengan syarat sentiasa, klausa ini tidak akan terpakai bagi mana-mana kerosakan jentera atau mesin, pembetulan apa-apa kecacatan atau kekurangan pada jentera atau mesin, kekurangan pekerja atau ejen penyebut harga atau pembetulan proses pelaksanaan obligasi oleh penyebut harga yang dilakukan bagi tujuan Kontrak ini.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

(a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,

(b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,

(c) Senarai Kerja Dalam Tangan,

(d) Jadual Kadar Harga (jika ada),

(e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

(a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga ..... serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

(b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.

(c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA *

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihi.....minggu.

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA +

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga RM.....(Ringgit Malaysia .....sahaja).

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

---

* Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

\+ Pengiraan harga dokumen sebut harga hendaklah dbuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen menerusi PP yang terkini.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejas sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. INSURANS

2.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja* (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

2.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 9(d)**.**

3. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan- pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Inden atau Wakilnya.

*3.2 Kerja-kerja elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

(i) Suruhanjaya Tenaga
(ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
(iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
(iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
(v) Pihak Berkuasa Tempatan

---

* *Potong jika tidak diperlukan*

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

5. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor- kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

6.1 Pegawai Inden atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Inden, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

6.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

6.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Inden secara bertulis.

7. RINGKASAN SEBUT HARGA

7.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

7.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.

7.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.

7.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

7.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 7.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

7.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

8. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

8.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.

8.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden:

(a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;

(b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

(c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa- apa sebab yang munasabah;

(d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan

(e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

10. BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Inden dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan**.**

11. KERJA PERUBAHAN

11.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan- arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.

11.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

12. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

12.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja- kerja mekanikal dan elektrikal dimana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.

12.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Inden dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.

12.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Inden berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan- salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Bagi kerja-kerja elektrik/mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Inden.

14. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

15. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Inden hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan**,** kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

16. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga Bil.....

……..
……..
……..
……..

Tuan,

Sebut harga untuk .....

.....
Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia: ....(RM) .....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa..... minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh pada .....haribulan.....20....

……. . ……..
Tandatangan Kontraktor Tandatangan Saksi

Nama Penuh:..... Nama Penuh:…….….....

No. K/P:..... No. K/P:.....

Alamat:..... Alamat:.....

....

....

Atas sifat:.....

.....
Meterai atau Cap Kontraktor

Sebut harga .....

.....

RINGKASAN SEBUT HARGA (KUANTITI)

Bil.	Huraian Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah (RM)
	Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga				

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....
Tandatangan Kontraktor

Tarikh.....

Sebut harga .....

.....

RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)

Bil.	Huraian Kerja	Jumlah Harga Pukal (RM)
	Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga	

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....
Tandatangan Kontraktor

Tarikh.....

CONTOH SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

Sila tandakan [/] Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)		
3.	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)		
4.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)		
5.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)		
6.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB		
7.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani		
8.	Borang Maklumat Penyebut Harga		
9.	Pematuhan Kepada Spesifikasi		
10.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)		
11.	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu)		
12.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)		

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
13.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir	☐	☐
14.	Lain-lain Sekiranya Ada	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	**UNTUK KEGUNAAN JABATAN**
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. …..(jika ada).
Tandatangan:	Tandatangan:
Nama:	Nama:
Jawatan:	Jawatan:
Tarikh:	Tarikh:
	Tandatangan:
	Nama:
	Jawatan:
	Tarikh:

FORMAT LAPORAN PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA

***NAMA AGENSI:**

LAPORAN BULAN:

BIL	TAJUK PEROLEHAN	KATEGORI PEROLEHAN [Bekalan(B)/ Perkhidmatan(P)/ Kerja(K)]	NAMA SYARIKAT	TARAF SYARIKAT [Bumiputera(B)/ Bukan Bumiputera (BB)] [Pembuat (P)]	NILAI PEROLEHAN [RM]	TEMPOH PENGHANTARAN/ TEMPOH SIAP	BARANGAN BUATAN TEMPATAN/ BARANGAN IMPORT

*** Sila isi**

Kementerian/Jabatan/Pejabat/PTJ

Catatan:
Laporan hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan setiap bulan

PK 2.10

KERAJAAN MALAYSIA

Pembelian Terus (Bekalan dan Perkhidmatan)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2.10 Pembelian Terus (Bekalan Dan Perkhidmatan).....1

1. Pendahuluan.....1

2. Had Nilai, Kaedah Dan Syarat Pembelian Terus Bagi Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan Sehingga RM50,000.....1

3. Pembelian Terus Secara Panjar Wang Runcit.....3

4. Tarikh Kuat Kuasa.....3

PK 2.10 Pembelian Terus (Bekalan Dan Perkhidmatan)

1. Pendahuluan

1.1 Semua perolehan perlu dirancang termasuk perolehan secara pembelian terus. Agensi adalah dilarang memecah kecil perolehan untuk mengelakkan pelawaan sebut harga atau tender.

1.2 Pembelian Terus ditafsirkan sebagai perolehan bekalan/perkhidmatan yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga RM50 ribu setiap jenis item/perkhidmatan atau sesuatu kontrak.

1.3 Setiap jenis item ditafsirkan sebagai satu atau lebih barangan yang mempunyai fungsi/kategori/kegunaan yang sama dan/atau boleh diperolehi daripada satu punca bekalan.

1.4 Setiap jenis perkhidmatan ditafsirkan sebagai satu atau lebih perkhidmatan yang mempunyai fungsi/kategori/kegunaan yang sama dan/atau boleh diperolehi daripada satu punca perkhidmatan.

2. Had Nilai, Kaedah Dan Syarat Pembelian Terus Bagi Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan Sehingga RM50 ribu

2.1 Had nilai pembelian terus bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah sehingga RM50 ribu setiap jenis item/ perkhidmatan atau sesuatu kontrak tertakluk kepada syarat seperti berikut:

(i) Perolehan dengan had nilai sehingga RM20 ribu setahun atau sesuatu kontrak dilaksanakan secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan;

(ii) Perolehan melebihi RM20 ribu hingga RM50 ribu setahun atau sesuatu kontrak dilaksanakan secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan;

(iii) Kajian pasaran seboleh-bolehnya dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal

tempatan supaya harga bekalan atau perkhidmatan yang hendak diperolehi adalah berpatutan dan menguntungkan Kerajaan. Pembekal tempatan berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan beralamat di negeri berkaitan. Sekiranya bilangan di negeri berkenaan tidak mencukupi, pembuat/pembekal di negeri berhampiran/ sempadan boleh dipelawa;

(iv) Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan yang sukar ditentukan harga pasaran, harga pembelian lampau boleh digunakan untuk perbandingan;

(v) Kajian pasaran boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga yang diubahsuai, dengan melayari sistem ePerolehan, faksimili, internet atau kaedah lain yang sesuai;

(vi) Sekiranya tidak praktikal atau tidak sesuai untuk mendapat tiga (3) tawaran, pegawai yang meluluskan perolehan hendaklah berpuas hati perolehan tersebut tidak memerlukan tiga (3) tawaran harga;

(vii) Kajian pasaran tidak perlu jika harga barangan/perkhidmatan mempunyai harga kawalan atau telah ditetapkan seperti gula, tepung, minyak masak dan sebagainya. Bagi barangan yang tidak boleh ditawar menawar seperti barangan di pasaraya juga tidak memerlukan kajian pasaran;

(viii) Perolehan hendaklah tidak tertumpu kepada syarikat tertentu. Syarikat lain juga hendaklah diberi peluang untuk menyertai perolehan; dan

(ix) Agensi hendaklah memastikan bahawa pembekal yang dipilih memiliki lesen/permit berkaitan bagi bidang khusus yang memerlukan lesen/permit mengikut peruntukan undang-undang seperti lesen daripada Kementerian Dalam Negeri untuk perkhidmatan kawalan keselamatan, lesen farmasi daripada Kementerian Kesihatan bagi bekalan ubat dan sebagainya.

2.2 Agensi boleh menggunakan Pesanan Kerajaan sebagai dokumen untuk membuat pesanan. Sekiranya perlu Surat Setuju Terima (SST) boleh digunakan.

2.3 Pesanan Kerajaan/SST hendaklah dikeluarkan sebelum atau pada tarikh bekalan/perkhidmatan dipesan.

2.4 Agensi hendaklah menentukan pegawai pelulus bagi permohonan perolehan secara pembelian terus melalui arahan dalaman Agensi secara bertulis.

2.5 Agensi juga dikehendaki menyediakan borang permohonan Pesanan Kerajaan (Nota Minta) dalaman Agensi untuk kegunaan pegawai di Agensi masing-masing.

3. Pembelian Terus Secara Panjar Wang Runcit

3.1 Pembelian melalui panjar wang runcit bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan dibenarkan sehingga RM500 bagi satu resit.

4. Tarikh Kuat Kuasa

4.1 Peraturan ini adalah berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.

PK 2.11



KERAJAAN MALAYSIA

Lantikan Terus dan Kerja-kerja *Requisition*

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2.11 Lantikan Terus (Kerja) dan Kerja-Kerja Requisition 1

1. Pendahuluan..... 1

2. Lantikan Terus 1

3. Kerja-Kerja *Requisition*..... 1

4. Tarikh Kuat Kuasa 4

PK 2.11 Lantikan Terus (Kerja) dan Kerja-Kerja Requisition

1. Pendahuluan

1.1 Perbendaharaan telah menetapkan peraturan bagi tatacara perolehan secara Lantikan Terus dan Kerja-Kerja Requisition untuk dipatuhi oleh Agensi Kerajaan.

2. Lantikan Terus

2.1 Kaedah lantikan terus hanya ditetapkan bagi perolehan kerja. Kerja-kerja yang bernilai tidak melebihi RM50,000 boleh dilaksanakan secara lantikan terus tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(i) Di kalangan kontraktor Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) atau mempunyai PPK dan sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) (di Sabah) atau sijil PPK dan sijil Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) (di Sarawak) dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

(ii) Maksud Kontraktor Tempatan bagi perolehan kerja, Gred G1 adalah kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di daerah berkenaan. Sekiranya bilangan kontraktor di daerah berkenaan tidak mencukupi, kontraktor di daerah berhampiran/sempadan boleh dipelawa.

(iii) Agensi adalah dilarang memecah kecilkan lantikan terus untuk mengelak pelawaan sebut harga atau tender.

(iv) Agensi boleh menggunakan Inden Kerajaan sebagai dokumen untuk pelantikan kontraktor.

3. Kerja-Kerja *Requisition*

3.1. Kerja *Requisition* ditafsirkan sebagai kerja-kerja kecil dan pembaikan yang tidak mengubah struktur asal. Kerja-kerja requisition boleh dilaksanakan secara lantikan terus, undian, penggiliran atau pusingan dengan menggunakan Jadual Kadar Kerja.

3.2. Agensi hendaklah merujuk kepada Jadual Kadar Kerja yang diluluskan oleh Perbendaharaan yang mengandungi jenis kerja-kerja kecil dan pembaikan dan kadar harga berkaitan.

3.3. Had nilai kerja-kerja requisition adalah sehingga RM50,000 sahaja tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(i) Di kalangan kontraktor Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) atau mempunyai PPK dan sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) (di Sabah) atau sijil PPK dan sijil Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ) (di Sarawak) dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

(ii) Maksud Kontraktor Tempatan bagi perolehan kerja, Gred G1 adalah kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di daerah berkenaan. Sekiranya bilangan kontraktor di daerah berkenaan tidak mencukupi, kontraktor di daerah berhampiran/sempadan boleh dipelawa.

(iii) Agensi hendaklah mempelawa secara terbuka kontraktor Gred G1 untuk menyertai projek kecil secara undian melalui media rasmi Kerajaan iaitu portal MyProcurement dan laman web Jabatan atau papan kenyataan.

(iv) Bagi taklimat, lawatan tapak atau kerja undian Agensi hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ sahaja boleh memohon atau berdaftar untuk menghadiri taklimat, lawatan tapak atau proses undian dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dinamakan dalam sijil.

(v) Proses undian boleh dilaksanakan secara terbuka atau dalam talian (jika perlu). Proses dalam talian hendaklah dibuat seperti berikut:

(a) Penetapan tarikh pendaftaran hendaklah dimaklumkan sekurang- kurangnya 48 jam sebelum proses pendaftaran dibuka;

(b) Bagi proses pendaftaran, Agensi hendaklah membenarkan tempoh pendaftaran selama sekurang-kurangnya 24 jam secara manual iaitu melalui telefon atau secara dalam talian bagi tujuan memberikan nombor pendaftaran untuk kontraktor yang berkelayakan di daerah berkenaan sebelum proses undian bermula; dan

(c) Proses undian adalah dibuat secara tertutup di pejabat Agensi Pelaksana dengan hebahan umum secara langsung (*video live/media sosial live*) semasa proses undian berjalan. Kehadiran pegawai yang bertanggungjawab termasuk Ketua Jabatan yang dikenalpasti adalah diwajibkan.

(vi) Agensi boleh memilih untuk tidak melaksanakan kerja *requisition* dengan menggunakan jadual kadar kerja dan boleh memilih untuk melaksanakan sebut harga mengikut peraturan sebut harga yang berkuatkuasa.

(vii) Agensi yang telah dikenalpasti hendaklah melantik Pegawai Pemerhati seperti berikut:

(a) Sekurang-kurangnya satu (1) orang wakil dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) sebagai saksi bagi setiap undian dalam memastikan penglibatan Bumiputera di kalangan syarikat G1;dan

(b) Dua (2) orang wakil dari persatuan kontraktor sebagai saksi bagi setiap undian yang dilaksanakan selaras dengan prinsip ketelusan dalam perolehan Kerajaan.

(viii) Bagi kerja-kerja requisition yang melebihi RM50,000 sebut harga hendaklah dipelawa di kalangan kontraktor bangunan/awam/elektrik yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai PPK serta SPKK dan STB (jika berkaitan) atau mempunyai PPK serta sijil PUKONSA atau PPK serta UPKJ dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

(ix) Agensi boleh menggunakan Inden Kerajaan sebagai dokumen untuk pelantikan kontraktor.

4. Tarikh Kuat Kuasa

4.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.

PK 2.12



KERAJAAN MALAYSIA

Pelaksanaan Projek-Projek Kecil Secara Gotong Royong

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2 .12 Pelaksanaan Projek-Projek Kecil Secara Gotong Royong 1

1. Kriteria Penentuan 1

2. Syarat Pelaksanaan 2

3. Kawalan Dan Pengurusan 2

4. Elaun Sagu Hati 3

5. Laporan Pelaksanaan Projek 3

6. Tarikh Kuat Kuasa 3

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Laporan Pelaksanaan Projek-Projek Kecil Secara Gotong Royong

PK 2 .12 Pelaksanaan Projek-Projek Kecil Secara Gotong Royong

1. Kriteria Penentuan

Kriteria bagi menentukan projek-projek kecil yang boleh dilaksanakan secara gotong royong adalah seperti berikut:

1.1 Had maksimum kewangan sebanyak RM100,000 dan disediakan secara pemberian terus kepada pihak yang menerajui projek gotong royong.

1.2 Projek kecil yang tidak memerlukan kepakaran khusus seperti mekanikal dan elektrikal. Namun sekiranya perlu, kerja-kerja seperti elektrikal dan mekanikal tersebut hendaklah dilaksanakan oleh syarikat/kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan.

1.3 Boleh dilaksanakan sendiri oleh Pihak Peneraju Projek yang terdiri daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau Jawatankuasa Kemajuan Mukim, Badan Pertubuhan/Persatuan lain yang melibatkan masyarakat setempat atau Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dengan diawasi oleh Pegawai Penyelia.

1.4 Mestilah bebas daripada semua halangan (*free from encumbrances*) seperti pemilikan tapak projek dan sebagainya.

1.5 Melibatkan tenaga penduduk tempatan dan bercorak kemasyarakatan seperti kerja-kerja pembinaan, pembersihan atau lain-lain kerja bercorak fizikal. termasuk rumah untuk Program Bantuan Rumah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat atau Program Perumahan Rakyat Termiskin.

1.6 Tempoh pelaksanaan tidak melebihi empat belas (14) hari kerja berturut-turut atau 14 hari dalam tempoh maksimum tiga (3) bulan. Sebarang pelanjutan tempoh perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal/Pegawai Pemegang Waran/Pemegang Waran Kecil terlebih dahulu.

2. Syarat Pelaksanaan

Pelaksanaan projek-projek kecil secara gotong royong hendaklah tertakluk kepada syarat dan peraturan seperti berikut:

2.1 Senarai projek yang akan dilaksanakan secara gotong royong hendaklah dikenal pasti terlebih dahulu dan dipersetujui oleh Pegawai Pengawal.

2.2 Pegawai Pemegang Waran/Pemegang Waran Kecil hendaklah melantik Pegawai Penyelia yang bertanggungjawab memastikan hal-hal kewangan diuruskan dengan telus dan teratur, menyelia pelaksanaan projek dan bertanggungjawab mengesahkan projek berkenaan siap.

2.3 Pihak Peneraju Projek bertanggungjawab memastikan keselamatan bahan-bahan dan peralatan projek sepanjang tempoh pelaksanaan.

2.4 Jika perlu, Pegawai Penyelia bolehlah mendapat kerjasama Jabatan Teknik seperti Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran bagi pelaksanaan projek tersebut.

3. Kawalan Dan Pengurusan

Dalam mengendalikan projek kecil secara gotong royong, tatacara kewangan seperti berikut hendaklah dipatuhi sepenuhnya:

3.1 Pihak Peneraju Projek hendaklah membuka/mempunyai satu akaun di bank tempatan.

3.2 Sumbangan kewangan daripada swasta dan dermawan/orang perseorangan boleh juga diterima oleh Pihak Peneraju Projek dengan syarat resit dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam akaun gotong royong berkenaan.

3.3 Satu penyata kewangan berasingan hendaklah disediakan dan disimpan oleh Pihak Peneraju Projek bagi setiap projek dan boleh diperiksa oleh mana-mana pihak pada bila-bila masa.

4. Elaun Sagu Hati

4.1 Bayaran bagi urusan gotong royong seperti elaun sagu hati dan makan minum peserta adalah dihadkan sehingga 20% daripada peruntukan pemberian Kerajaan. Jumlah bayaran sagu hati kepada peserta hendaklah mengikut kemahiran dan tahap penglibatan peserta yang ditetapkan oleh Pihak Peneraju Projek.

5. Laporan Pelaksanaan Projek

5.1 Semua Pegawai Pemegang Waran/Pemegang Waran Kecil dikehendaki mengemukakan laporan pelaksanaan projek gotong royong secara berkala bagi setiap separuh tahun pertama dan kedua kepada Pegawai Pengawal masing-masing seperti format di Lampiran 1. Laporan juga hendaklah dikemukakan oleh setiap Kementerian yang berkenaan kepada Kementerian Kewangan bagi setiap separuh tahun pertama dan kedua (sebelum 31 Julai dan 31 Januari tahun berikutnya).

6. Tarikh Kuat Kuasa

6.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

LAPORAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KECIL SECARA GOTONG ROYONG BAGI TEMPOH …… HINGGA …… TAHUN 20 …..

***SEPARUH TAHUN PERTAMA/SEPARUH TAHUN KEDUA**

NAMA AGENSI :

MAKSUD BEKALAN/PEMBANGUNAN :

BIL	NAMA PROJEK	LOKASI	PENERAJU PROJEK**	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KOS PROJEK (RM)
JUMLAH						

CATATAN :

Laporan ini hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pengawal bagi separuh tahun pertama (Januari hingga Jun) sebelum 31 Julai dan separuh tahun kedua (Julai hingga Disember) sebelum 31 Januari bagi tahun berikutnya.

*Potong yang mana tidak berkaitan.
**Nyatakan Pihak Peneraju Projek sama ada JKKK atau Jawatankuasa Kemajuan Mukim/Badan/Pertubuhan/Persatuan/Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO).

PK 2.13



KERAJAAN MALAYSIA

Tatacara Pembelian Tanah Daripada Orang Perseorangan, Syarikat Dan Perbadanan

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2.13 Tatacara Pembelian Tanah Daripada Orang Perseorangan, Syarikat Dan Perbadanan 1

1. Pendahuluan.....1

2. Kategori Pembelian Tanah 1

3. Kaedah Perolehan Tanah.....1

4. Kaedah Pembayaran 3

5. Tarikh Kuat Kuasa.....5

PK 2.13 Tatacara Pembelian Tanah Daripada Orang Perseorangan, Syarikat Dan Perbadanan

1. Pendahuluan

1.1 Tatacara ini terpakai bagi semua Kementerian/Agensi yang diberi peruntukan/pembiayaan Kerajaan Persekutuan sama ada melalui geran peruntukan atau pinjaman dan sama ada pembiayaan sepenuhnya atau sebahagian daripada kos projek/perbelanjaan.

2. Kategori Pembelian Tanah

2.1 Pembelian tanah berbentuk:

(a) Tanah kosong mengikut peraturan berkaitan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian; atau

(b) Tanah beserta dengan bangunan sama ada bangunan telah siap atau sedang dalam pembinaan (termasuk pembelian di dalam sesuatu skim strata).

3. Kaedah Perolehan Tanah

3.1 Pembelian adalah tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi dan hendaklah dibuat melalui Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (**PTP**) dan dipindah milik serta didaftarkan di atas nama **PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN**. Tanah yang dibeli dengan peruntukan Agensi sendiri dan tidak melibatkan Kerajaan Persekutuan boleh dipindah milik dan didaftarkan atas nama Agensi dengan kelulusan **PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN.**

3.2 Pembelian tanah milik orang perseorangan, syarikat dan perbadanan dibenarkan sekiranya pemilik berkenaan telah mempunyai hak milik bagi tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun serta bebas daripada sebarang bebanan dan syarat kegunaan yang akan menghalang daripada sebarang pembangunan yang dicadangkan. Apa-apa pengecualian hendaklah dipertimbangkan oleh **PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN.** Pembelian tanah di bawah perenggan 2.1(a) beserta cadangan membina infrastruktur atau cadangan membina bangunan oleh pemilik tanah tidak dibenarkan.

3.3 Pegawai Pengawal diberi kuasa meluluskan pembelian sesuatu tanah secara terus melalui rundingan dengan pemilik yang berdaftar/pemaju tanpa perlu merujuk kepada Kementerian Kewangan. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan setiap permohonan dikemukakan bersekali dengan perakuan daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) dan penilaian daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

3.4 Bagi pembelian tanah di bawah perenggan 2.1(a), Kementerian/Agensi hendaklah mematuhi semua peraturan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pengawas Ke Atas Harta-harta Kerajaan (JPHK), Jabatan Perdana Menteri. Satu senarai semak bagi pematuhan ke atas semua arahan JPHK hendaklah disertakan semasa memohon kelulusan Pegawai Pengawal bersekali dengan perakuan JKPTG dan JPPH.

3.5 Satu Jawatankuasa Rundingan Harga di peringkat Kementerian/Agensi hendaklah ditubuhkan dan wajib dianggotai oleh wakil-wakil daripada JKPTG, JPPH dan dipengerusikan oleh pegawai di Kementerian/Agensi yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan. Pelaksanaan rundingan harga hanya dibenarkan selepas semua peraturan di perenggan 3.1 hingga 3.4 di atas dipatuhi.Tugas-tugas Jawatankuasa Rundingan Harga ini adalah seperti berikut:

(a) mendapatkan maklumat-maklumat tanah yang lengkap;

(b) memastikan tapak yang hendak dibeli bebas daripada sebarang bebanan (*encumbrances*) dan syarat kegunaan tanah hendaklah bersesuaian dengan cadangan pembangunan yang akan dilaksanakan;

(c) mengadakan rundingan harga dengan pemaju/pemilik bagi mendapatkan harga yang berpatutan dengan memastikan harga pembelian hendaklah tidak melebihi harga penilaian yang ditentukan oleh JPPH dan mencatatkan keputusan rundingan tersebut;

(d) memaklumkan dan merundingkan terma-terma bagi Perjanjian Jual Beli; dan

(e) memperakukan harga yang telah dirunding kepada Pegawai Pengawal untuk keputusan muktamad.

3.6 Sekiranya Jawatankuasa gagal mendapatkan persetujuan harga dan terma perjanjian yang muktamad, Jawatankuasa boleh memperakukan kepada Pegawai Pengawal untuk membatalkan pembelian tersebut.

4. Kaedah Pembayaran

4.1 Bagi pembelian tanah di bawah 2.1(a):

(a) 10% daripada harga pembelian yang dipersetuji selepas perjanjian ditandatangani;

(b) 85% setelah Borang Pindah Milik atau Memorandum of Transfer (Sabah dan Sarawak) iaitu Borang 14A KTN (Semenanjung), Borang G (Sarawak) dan Borang LSE 18 Schedule XIII (Sabah) diserahkan untuk didaftarkan di Pejabat Tanah yang berkenaan; dan

(c) baki 5% dibayar setelah hak milik didaftarkan di atas nama PTP/Agensi.

4.2 Bagi pembelian tanah berserta bangunan yang telah disiapkan di bawah perenggan 2.1(b):

(a) 10% daripada harga pembelian yang dipersetujui selepas perjanjian ditandatangani;

(b) 85% setelah Borang Pindah Milik atau Memorandum of Transfer (Sabah dan Sarawak) iaitu Borang 14A KTN (Semenanjung), Borang G (Sarawak) dan Borang LSE 18 Schedule XIII (Sabah) diserahkan untuk didaftarkan di Pejabat Tanah yang berkenaan; dan

(c) baki 5% dibayar setelah hak milik didaftarkan di atas nama PTP/Agensi.

4.3 Bagi pembelian tanah berserta bangunan yang sedang dalam proses pembinaan di bawah perenggan 2.1(b):

(a) 10% daripada harga pembelian yang dipersetujui selepas perjanjian ditandatangani;

(b) 20% setelah Borang Pindah Milik atau Memorandum of Transfer (Sabah dan Sarawak) iaitu Borang 14A KTN (Semenanjung), Borang G (Sarawak) dan Borang LSE 18 Schedule XIII (Sabah) diserahkan untuk didaftarkan di Pejabat Tanah yang berkenaan serta setelah hak milik didaftarkan di atas nama PTP/Agensi; dan

(c) baki 70% untuk bayaran seterusnya hendaklah dibuat mengikut kaedah bayaran kemajuan projek-projek Kerajaan yang berkuat kuasa.

4.4 Bagi pembelian di bawah perenggan 2.1(b) yang melibatkan bangunan di dalam sesuatu skim strata:

(a) 10% daripada harga pembelian yang dipersetujui selepas perjanjian ditandatangani;

(b) 85% mengikut kemajuan pembinaan bangunan; dan

(c) baki 5% dibayar setelah hak milik didaftarkan di atas nama PTP/Agensi.

4.5 Bagi pembelian yang melibatkan pembinaan, pemilik/pemaju hendaklah dikenakan syarat supaya mengemukakan bon pelaksanaan sebanyak 5% daripada keseluruhan harga pembelian. Tempoh sah laku bon pelaksanaan hendaklah meliputi 12 bulan selepas tamat tempoh tanggungan kecacatan.

4.6 Kementerian/Agensi hendaklah melantik pegawai yang sesuai untuk mengesahkan semua bayaran dan memantau pelaksanaan sepenuhnya syarat-syarat jual beli tanah sehingga sempurna didaftarkan di atas nama PTP/Agensi. Walaupun Perjanjian Jual Beli ditandatangani oleh PTP, Kementerian/Agensi boleh memasukkan nama pengurus/pentadbir kontrak di dalam perjanjian tersebut di atas

nama jawatan pegawai di Kementerian/Agensi yang membiayai pembelian tanah bagi memudahkan pengurusan dan pemantauan kontrak.

4.7 Sekiranya perjanjian ditamatkan atas sebab kegagalan pemilik/pemaju menyempurnakan obligasinya, Kementerian/Agensi hendaklah memastikan bayaran tertentu yang telah dibuat kepada pemilik/pemaju dikutip balik dengan dikenakan kadar faedah tidak kurang daripada 8% setahun dan terma ini hendaklah dimasukkan dalam Perjanjian Jual Beli.

5. Tarikh Kuat Kuasa

5.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.

PK 2.14



KERAJAAN MALAYSIA

Tugasan Ke Luar Negara Berkaitan Perolehan Kerajaan

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2.14 Tugasan Ke Luar Negara Berkaitan Perolehan Kerajaan..... 1

1. Pendahuluan..... 1

2. Skop Tugasan..... 1

3. Syarat- syarat tugasan ke luar Negara berkaitan Perolehan Kerajaan..... 2

4. Permohonan Tugasan..... 5

5. Kuasa Melulus..... 5

6. Laporan Tugasan..... 6

7. Tarikh Kuat Kuasa..... 6

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Borang Permohonan Untuk Tugasan Ke Luar Negara Berkaitan Perolehan Kerajaan

PK 2.14 Tugasan Ke Luar Negara Berkaitan Perolehan Kerajaan

1. Pendahuluan

1.1 Kementerian Kewangan telah menetapkan tatacara tugasan ke luar negara berkaitan perolehan Kerajaan untuk dipatuhi oleh Agensi Kerajaan.

1.2 Amalan menerima lawatan/latihan yang dibiayai oleh pembekal/kontraktor adalah dilarang sama sekali dan pegawai Kerajaan boleh dikenakan tindakan tatatertib. Pembekal/kontraktor yang menawarkan lawatan/latihan ke luar negara boleh diambil tindakan termasuk disenaraihitamkan dan tidak dipertimbangkan untuk perolehan lain.

2. Skop Tugasan

2.1 Agensi hendaklah terlebih dahulu menentukan jika sesuatu perolehan akan melibatkan lawatan/latihan ke luar negara. Jika perolehan itu akan melibatkan lawatan/latihan ke luar negara, Agensi hendaklah menyatakan sedemikian di dalam dokumen pelawaan tender dan menyatakan dengan jelas bahawa pembekal/kontraktor hendaklah menyatakan anggaran kos berkaitan secara berasingan dan jelas dalam tawaran tender.

2.2 Jika tender telah dipelawa tanpa menyatakan kos lawatan/latihan yang terlibat, maka Agensi tidak dibenarkan untuk membuat sebarang lawatan/latihan berkaitan perolehan tersebut.

2.3 Tugasan ke luar negara berkaitan perolehan Kerajaan hanya dibenarkan bagi tugasan selepas pelawaan tender sahaja tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

2.4 Skop tugasan yang dilakukan selepas pelawaan tender ditetapkan seperti berikut:

(i) **Tugasan Penilaian Spesifikasi/Penilaian Tender**

Tugasan yang dibuat ke atas petender yang telah disenarai pendek untuk menilai keupayaan produk yang ditawarkan serta pematuhan kepada spesifikasi yang ditetapkan.

(ii) **Tugasan Pemeriksaan Sebelum Penerimaan**

Tugasan yang dibuat untuk mengesahkan produk yang dibuat di luar negara memenuhi spesifikasi yang ditetapkan sebelum penghantaran dibuat seperti tugasan *Pre Delivery Inspection* (PDI), *Final Acceptence Test* (FAT) dan *Transfer of Title* (TOT).

(iii) **Program Pemantauan Pengurusan Projek**

Program Pemantauan Pengurusan Projek adalah program yang bertujuan mengesahkan status pembuatan produk, pemantauan dan perbincangan isu-isu berkaitan projek/produk tersebut di antara Agensi dan pembekal/kontraktor seperti tugasan *Project Monitoring Report* (PMR) dan *Executive Reporting Meeting* (ERM) bagi kontrak yang sedang berkuat kuasa.

(iv) **Latihan**

Program latihan berkaitan perolehan yang telah dilaksanakan seperti pemindahan teknologi, kaedah/cara penggunaan serta penyelenggaraan peralatan dan kelengkapan yang diperoleh bagi meningkatkan kemahiran pegawai Agensi.

3. Syarat-syarat Tugasan Ke Luar Negara Berkaitan Perolehan Kerajaan

3.1 Syarat-syarat tugasan ke luar negara adalah seperti berikut:

(i) Hanya dibenarkan **sekali sahaja secara fizikal di luar negara bagi tugasan selepas pelawaan tender (selain latihan)** untuk satu kontrak perolehan sama ada bagi pelaksanaan tugasan penilaian spesifikasi/penilaian tender, tugasan pemeriksaan sebelum penerimaan atau program pemantauan pengurusan projek. Agensi hendaklah mengenalpasti keutamaan untuk keperluan kehadiran wakil Kerajaan secara fizikal di luar negara adalah hanya bagi sesi penting sahaja dan lain-lain sesi hendaklah dibuat menggunakan medium dalam talian (*video conference*) atau menggunakan perkhidmatan pihak ketiga/pihak syarikat yang mempunyai badan pengujian/akreditasi/kalibrasi ke atas barangan yang dibeli untuk melaksanakan pengujian/akreditasi/kalibrasi bagi pihak Kerajaan.

Kerajaan berhak menolak barangan tersebut sekiranya terdapat sebarang kecacatan atau ketidakpatuhan kepada spesifikasi/ obligasi kontrak semasa penghantaran sebenar berlaku;

(ii) Hanya dibenarkan **sekali sahaja secara fizikal di luar negara bagi tugasan selepas pelawaan tender berkaitan latihan**, tertakluk kepada obligasi kontrak. Pelaksanaan latihan secara dalam talian (*video conference*) atau secara fizikal di Malaysia oleh pihak wakil syarikat *Original Equipment Manufacturer* (OEM) adalah digalakkan agar lebih ramai pengguna (*user*) dapat menghadiri sesi latihan tersebut. Penetapan kos bagi latihan dalam kontrak perolehan hanya boleh dibuat untuk satu medium pelaksanaan latihan sahaja sama ada secara fizikal di luar negara atau dilaksanakan oleh wakil syarikat OEM secara fizikal di Malaysia. Perbelanjaan bagi skop latihan tidak boleh diubah kepada skop tugasan selain latihan atau seumpamanya;

(iii) Nilai perolehan bagi tugasan ke luar negara selepas pelawaan tender hendaklah melebihi RM10 juta;

(iv) Kelulusan tugasan ke luar negara adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan (PP) mengenai Tugas Rasmi Ke Luar Negara yang berkuat kuasa;

(v) Tempoh tugasan yang dibenarkan adalah tidak melebihi tujuh (7) hari (tidak termasuk hari perjalanan) kecuali bagi program latihan yang perlu ditentukan berdasarkan syarat-syarat kontrak;

(vi) Bilangan wakil Kerajaan bagi tugasan selepas pelawaan tender (selain latihan) secara fizikal di luar negara hendaklah tidak lebih daripada tiga (3) orang pegawai sahaja bagi satu kontrak, terdiri daripada seorang pegawai yang terlibat dengan perolehan dan sekurang-kurangnya seorang pegawai teknikal/pakar bagi perolehan berkaitan.

(vii) Bilangan pegawai yang dibenarkan bagi tugasan selepas pelawaan tender berkaitan latihan secara fizikal di luar negara hendaklah tidak melebihi lapan (8) orang sahaja bagi satu kontrak perolehan. Pegawai yang menyertai latihan tersebut hendaklah ditauliahkan sebagai jurulatih bagi pelaksanaan latihan secara *Training of Trainers* kepada pegawai lain yang perlu diberi latihan, di dalam negara;

(viii) Tugasan ke luar negara berkaitan perolehan Kerajaan adalah dikhususkan untuk tujuan pemeriksaan dan latihan oleh pegawai teknikal/perolehan sahaja dan tidak boleh digunakan untuk tujuan membiayai pegawai pengurusan atau pentadbiran bagi menghadiri latihan/persidangan, lawatan tanda aras atau justifikasi lawatan yang lain. Tujuan **selain pemeriksaan dan/atau latihan** seperti dinyatakan di perenggan 3.1 (i) dan (ii) di atas tidak dibenarkan dimasukkan sebagai skop kontrak;

(ix) Keperluan dan bilangan wakil Kerajaan untuk mengadakan tugasan ke luar negara telah dinyatakan dengan jelas di dalam dokumen kontrak dan berdasarkan kelayakan rasmi mengikut gred pegawai sebagaimana kelayakan tuntutan bertugas rasmi ke luar negara yang berkuat kuasa. Agensi hendaklah memastikan bahawa harga tawaran syarikat termasuk kos tugasan untuk wakil Kerajaan;

(x) Pembiayaan bagi tugasan hendaklah dibiayai di bawah obligasi kontrak dan bukan dibiayai oleh syarikat swasta tertakluk kepada perkara berikut:

(a) Pembiayaan melalui skop kontrak terhad kepada senarai berikut atau seumpamnya:

i. PMR;
ii. ERM;
iii. PDI;
iv. FAT;
v. TOT; dan
vi. Latihan.

(b) Jika kos untuk tugasan telah ditanggung oleh obligasi kontrak maka pegawai tidak dibenarkan untuk membuat sebarang tuntutan bertugas rasmi;

(c) Kos tugasan ke luar negara hendaklah berdasarkan kos yang diluluskan dan tidak melebihi daripada amaun yang telah dinyatakan dalam klausa kontrak; dan

(d) Sekiranya kesemua atau sebahagian tugasan ke luar negara tidak dilaksanakan maka Agensi dikehendaki untuk membuat potongan/penyelarasan kos kontrak daripada pembayaran kepada pembekal/kontraktor.

(xi) Pemakaian peraturan ini perlu dilaksanakan untuk semua kontrak perolehan semasa dan perolehan baharu. Sekiranya pelaksanaan tugasan selepas pelawaan tender yang dihadkan hanya sekali secara fizikal di luar negara telah dilaksanakan bagi kontrak perolehan semasa, tiada lagi tugasan ke luar negara dibenarkan.

4. Permohonan Tugasan

4.1 Borang permohonan untuk tugasan ke luar negara berkaitan perolehan Kerajaan perlu dikemukakan kepada Pegawai Pengawal seperti di **Lampiran 1**.

4.2 Permohonan kelulusan ke luar negara hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pengawal sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh tugasan.

4.3 Agensi hendaklah dalam tempoh 15 hari sebelum tarikh tugasan, mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan cadangan penyertaan wakil Kementerian Kewangan sekiranya berkaitan.

5. Kuasa Melulus

5.1 Pegawai Pengawal diberi kuasa untuk meluluskan permohonan tugasan ke luar negara selepas pelawaan tender.

5.2 Pegawai Pengawal dikehendaki memastikan kuasa yang diberikan untuk meluluskan tugasan ke luar negara ini tidak disalahgunakan dan memastikan pegawai yang berkelayakan sahaja menghadiri tugasan tersebut. Pegawai Pengawal juga hendaklah memastikan tiada tugasan berkaitan perolehan yang berulang dibuat kepada perolehan yang sama walaupun kontrak yang berbeza.

5.3 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa sebarang tugasan ke luar negara berkaitan perolehan Kerajaan dibiayai sepenuhnya melalui obligasi kontrak dan bukan dibiayai oleh syarikat swasta. Syarikat yang menawarkan pembiayaaan untuk sebarang tugasan ke luar negara berkaitan perolehan Kerajaan boleh diambil tindakan tatatertib ke atas pendaftaran syarikat.

6. Laporan Tugasan

6.1 Pegawai-pegawai yang membuat tugasan perlu menyediakan laporan penuh mengenai tugasan. Satu salinan laporan ini perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan melalui Pegawai Pengawal selewat-lewatnya sebulan selepas tarikh tugasan selesai.

7. Tarikh Kuat Kuasa

7.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022.**

7.2 Pindaan berkuat kuasa mulai **20 Disember 2022.**

7.3 Pindaan berkuat kuasa mulai **2 Mei 2025.**

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

PERMOHONAN UNTUK TUGASAN KE LUAR NEGARA BERKAITAN PEROLEHAN KERAJAAN

No Rujukan (Agensi):.....
Tarikh:.....

<table>
<tr><th colspan="3">BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERMOHONAN</th></tr>
<tr><td>PERKARA
(TAJUK PERMOHONAN)</td><td>:</td><td></td></tr>
<tr><td>KATEGORI</td><td>:</td><td>TUGASAN LUAR NEGARA</td></tr>
<tr><td>JENIS TUGASAN</td><td>:</td><td>
<table>
<tr><th>Jenis</th><th>Tandakan (x)</th></tr>
<tr><td>TUGASAN SELAIN LATIHAN</td><td></td></tr>
<tr><td>TUGASAN LATIHAN</td><td></td></tr>
<tr><td>PROGRAM PEMANTAUAN PENGURUSAN PROJEK</td><td></td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

BAHAGIAN B: MAKLUMAT KONTRAK

BIL.	PERKARA
1.	**TUJUAN PERMOHONAN:** Permohonan ini bertujuan ……
2.	**MAKLUMAT PEROLEHAN:**

Bil.	Perkara		Keterangan
i.	Kementerian/ Agensi Pelaksana	:	
ii.	Tajuk Kontrak	:	
iii.	No. Kontrak	:	
iv.	Nama Kontraktor	:	
v.	Alamat Kontraktor	:	
vi.	Nilai Kontrak	:	
vii.	Tempoh Kuat Kuasa Kontrak	:	
viii.	Kaedah perolehan	:	<table><tr><th>Jenis</th><th>Tandakan (x)</th></tr><tr><td>Tender Terbuka Antarabangsa</td><td></td></tr><tr><td>Tender Terbuka</td><td></td></tr><tr><td>Rundingan Terus</td><td></td></tr><tr><td>Kontrak Panel</td><td></td></tr></table>
ix.	Klausa Tugasan Ke Luar Negara Yang Diperuntukkan Dalam Kontrak	:	**Klausa:** **Salinan klausa kontrak di Lampiran.**

BAHAGIAN C: MAKLUMAT TUGASAN KE LUAR NEGARA

BIL. | **PERKARA**

1. **PERIHAL TUGASAN:**

Bil.	Perkara		Keterangan
i.	Tempat Tugasan	:	
ii.	Tarikh & Tempoh Tugasan	:	
iii.	Tarikh Perjalanan Pergi	:	
iv.	Tarikh Perjalanan Balik	:	
v.	Program Tugasan	:	
vi.	Bilangan Wakil Kerajaan	:	Bil. / Nama / Jawatan / Tugas Semasa Lawatan 1. 2. 3. Perincian di Lampiran
vii.	Implikasi Kewangan Tugasan	:	RM Perincian di Lampiran
viii.	Sumber Peruntukan		

Belanja Pembangunan		Belanja Mengurus	
RMK		Program	
Kod Projek		Pusat Tanggung jawab	
Kod Setia		Objek Sebagai	

2.	**JUSTIFIKASI KEPERLUAN TUGASAN:**
3.	**FAEDAH KEPADA JABATAN/NEGARA:**

BAHAGIAN D: SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG PERLU DI LAMPIRKAN		
BIL.	**DOKUMEN**	**SENARAI SEMAK**
1.	**Surat Permohonan yang ditandatangani oleh Pegawai Pengawal/ Timbalannya/ Ketua Agensi**	
2.	**Salinan klausa kontrak yang berkaitan dengan tugasan ke luar Negara (sekiranya berkaitan)**	
3.	**Program Tugasan ke luar Negara**	
4.	**Pengiraan terperinci kos tugasan ke luar Negara**	
5.	**Dokumen lain yang berkaitan (sekiranya perlu)**	

BAHAGIAN E: MAKLUMAT PEGAWAI PROSES	
PERKARA	**MAKLUMAT**
Nama	
Jawatan	
Unit/ Jabatan	
No. Telefon Pejabat (DL/Ext)	
No. Telefon Bimbit	
E-mel	
No. Faksimili	

BAHAGIAN F: PERAKUAN/ ULASAN BAHAGIAN PEROLEHAN/ KEWANGAN AGENSI	
PERKARA	**PERAKUAN**
ULASAN (sila guna ruangan yang disediakan)	
TANDATANGAN	
NAMA	
JAWATAN	
TARIKH	
BAHAGIAN G: PERAKUAN/ ULASAN PEGAWAI PENGAWAL/ TIMBALAN/ KETUA AGENSI	
PERKARA	**KETERANGAN**
ULASAN (sila guna ruangan yang disediakan)	
SYOR (sila guna ruangan yang disediakan)	
KEPUTUSAN PENGAWAI PENGAWAL	**Bersetuju/ Tidak Bersetuju Dengan Syor**
TANDATANGAN	
TARIKH	

PK 2.15

KERAJAAN MALAYSIA

Peraturan Perolehan Bagi Jabatan/Agensi Kerajaan Yang Bertempat Di Luar Negara

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK2.15 Peraturan Perolehan Bagi Agensi Kerajaan Yang Bertempat Di Luar Negara 3
1. Latar Belakang 3
2. Peraturan Umum 3
2.1. Pihak Yang Melaksanakan Perolehan 3
2.2. Penggunaan Mata Wang Bagi Perolehan di Luar Negara 3
2.3. Had Nilai 3
2.4. Pendaftaran Syarikat 4
2.5. Pengiklanan 4
2.6. Pelantikan Perunding 4
3. Pihak Berkuasa Melulus 4
3.1 Lembaga Perolehan 4
3.2 Had Nilai Setuju Terima 5
3.3 Kuasa Untuk Menandatangani Kontrak 6
4. Peraturan-Peraturan Lain 6
5. Tarikh Kuatkuasa 6

Lampiran 1:
GARIS PANDUAN PEROLEHAN PROJEK PEMBANGUNAN DI LUAR NEGARA

PK2.15 Peraturan Perolehan Bagi Agensi Kerajaan Yang Bertempat Di Luar Negara

1. Latar Belakang

1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada Agensi yang bertempat di luar negara dalam melaksanakan perolehan Kerajaan.

2. Peraturan Umum

2.1. Pihak Yang Melaksanakan Perolehan

(i) Semua perolehan hendaklah diuruskan sendiri oleh Agensi dengan perbincangan dan perundingan bersama-sama Ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia di negara berkenaan terlebih dahulu.

2.2. Penggunaan Mata Wang Bagi Perolehan di Luar Negara

(i) Tawaran harga daripada syarikat tempatan di negara perolehan dilaksanakan dan bayaran oleh Agensi kepada syarikat hendaklah dibuat dalam mata wang negara berkenaan. Namun, tawaran harga bagi perolehan yang dilaksanakan dengan syarikat Malaysia hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia sahaja.

(ii) Bagi tujuan penilaian harga, kadar pertukaran mata wang yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara (JANM) berdasarkan rujukan kepada Bank Negara Malaysia pada bulan/tarikh tutup tender hendaklah diguna pakai.

(iii) Sebarang penyelarasan harga yang menyebabkan peningkatan kos perolehan akibat kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia hendaklah mendapat kelulusan pindaan peruntukan terlebih dahulu, jika berkenaan.

2.3. Had Nilai

(i) Had nilai bagi penentuan kaedah perolehan adalah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan bagi Perolehan Kerajaan (PK) yang berkuat kuasa.

2.4. Pendaftaran Syarikat

(i) Perolehan dipelawa dalam kalangan syarikat tempatan di negara perolehan dilaksanakan tertakluk kepada pematuhan syarat pendaftaran syarikat dengan badan kawalselia yang diiktiraf oleh undang-undang/pihak berkuasa dan badan profesional yang berkaitan di negara berkenaan.

2.5. Pengiklanan

(i) Tempoh pengiklanan tempatan dipatuhi bagi iklan yang dibuka hanya kepada syarikat tempatan negara di mana perolehan dilaksanakan.

(ii) Tempoh pengiklanan antarabangsa dipatuhi bagi iklan yang dibuka kepada syarikat daripada negara-negara lain tidak terhad kepada negara di mana perolehan dilaksanakan.

(iii) Sekiranya tempoh pengiklanan dikurangkan, Pegawai Pengawal diturunkan kuasa untuk mengurangkan tempoh iklan dengan pelawaan tidak kurang daripada sepuluh (10) hari.

2.6. Pelantikan Perunding

(i) Sekiranya diperlukan, pelantikan hendaklah dibuat oleh Ketua Perwakilan mengikut kaedah perolehan yang bersesuaian serta berdasarkan kadar bayaran mengikut pengiraan yang sewajarnya dan kompetitif di negara yang berkenaan.

(ii) Perunding yang dilantik hendaklah syarikat atau individu yang berdaftar bagi perkhidmatan tersebut dengan pihak berkuasa di negara yang berkenaan.

3. Pihak Berkuasa Melulus

3.1 Lembaga Perolehan

(i) Lembaga Perolehan di Peringkat Perwakilan

a. Lembaga Perolehan hendaklah terdiri dari sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang bertugas di negara perolehan dilaksanakan dan di pengerusikan oleh Ketua Perwakilan.

b. Ahli-ahli Lembaga Perolehan yang lain hendaklah dilantik oleh Ketua Perwakilan dan pelantikan ini hendaklah diwartakan selaras dengan peruntukan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 192.

c. Kuorum bagi Lembaga Perolehan bersidang hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang termasuk Pengerusi.

d. Tangungjawab Lembaga Perolehan adalah seperti yang dinyatakan dalam PK yang berkuat kuasa.

(ii) Keahlian dan tanggungjawab Lembaga Perolehan di peringkat Kementerian atau Jabatan Teknik adalah seperti mana yang dinyatakan dalam PK yang berkuat kuasa.

3.2 Had Nilai Setuju Terima

(i) Lembaga Perolehan di peringkat Perwakilan diberi kuasa menimbang serta menyetuju terima semua tender sehingga RM7 juta (perolehan bekalan/perkhidmatan) dan RM20 juta (perolehan kerja), iaitu nilai yang dikira berasaskan kadar pertukaran mata wang pada tarikh tender ditutup. Walau bagaimanapun, bagi tender kerja yang mempunyai aspek teknikal hendaklah dirujuk dan mendapat persetujuan daripada Kementerian Luar Negeri atau Jabatan Teknik terlebih dahulu, mana yang berkenaan.

(ii) Semua keputusan yang dibuat oleh Lembaga Perolehan di peringkat Perwakilan adalah muktamad dengan syarat keputusan yang dibuat adalah secara sebulat suara. Jika keputusan tidak dibuat secara sebulat suara, satu laporan lengkap hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Perolehan Kementerian Luar Negeri dan/atau Kementerian Kewangan (mana yang berkenaan) dengan kadar segera tidak lewat daripada tujuh (7) hari selepas keputusan dibuat oleh Lembaga Perolehan Perwakilan, untuk keputusan seterusnya.

(iii) Bagi tender yang bernilai melebihi had nilai Lembaga Perolehan di peringkat Perwakilan atau tender di bawah had tersebut yang tidak dapat dipertimbang oleh Lembaga Perolehan di Perwakilan, hendaklah diangkat untuk pertimbangan di Lembaga Perolehan Kementerian Luar Negeri, atau Jabatan Teknik, atau Kementerian Kewangan (mana yang berkenaan) berdasarkan had nilai yang ditetapkan dalam PK yang berkuat kuasa, dengan kadar segera tidak lewat daripada tujuh (7) hari selepas keputusan dibuat oleh Lembaga Perolehan Perwakilan,

(iv) Bagi perolehan secara sebut harga dan pesanan tempatan, kuasa adalah terletak kepada Ketua Perwakilan atau Ketua Jabatan/Agensi masing-masing selaras dengan peraturan di dalam PK yang berkuat kuasa.

3.3 Kuasa Untuk Menandatangani Kontrak

(i) Semua kontrak hendaklah ditandatangani oleh Ketua Perwakilan bagi negara yang berkenaan, dalam mata wang negara yang berkenaan, tertakluk kepada pematuhan penurunan kuasa yang dibuat di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120].

4. Peraturan-Peraturan Lain

4.1 Bagi perkara-perkara lain yang tidak dinyatakan, peraturan-peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa hendaklah diguna pakai.

4.2. Bagi pelaksanaan perolehan kerja, Garis Panduan Perolehan Projek Pembangunan Di Luar Negara seperti di **Lampiran 1** adalah dirujuk.

5. Tarikh Kuatkuasa

5.1 Peraturan ini adalah berkuatkuasa mulai **29 November 2022**.

5.2 Peraturan dikemaskini dan berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2025**.

Lampiran 1

GARIS PANDUAN PEROLEHAN PROJEK PEMBANGUNAN DI LUAR NEGARA

GARIS PANDUAN PEROLEHAN PROJEK PEMBANGUNAN DI LUAR NEGARA

1. Pendahuluan

1.1. Garis Panduan ini merupakan tatacara asas berkaitan perolehan Kerajaan yang melibatkan pelaksanaan projek pembangunan di luar negara. Bagi mana-mana tatacara yang tidak dinyatakan di dalam Garis Panduan ini, peraturan sedia ada yang berkuat kuasa adalah dirujuk dan terpakai.

1.2. Semua perancangan projek pembangunan hendaklah dibincang dan dirunding bersama-sama dengan Ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia (Ketua Perwakilan) di negara projek dilaksanakan.

2. Garis Panduan Penilaian Tender Kerja

2.1. Panduan penilaian tender adalah merujuk kepada Garis Panduan Penilaian Tender Kerja Kecil dan Garis Panduan Penilaian Tender Besar yang dinyatakan dalam PK yang berkuat kuasa. Agensi dibenarkan untuk menyesuaikan kedua-dua Garis Panduan ini mengikut prosedur negara di mana perolehan dilaksanakan tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal/Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR).

2.2. Proses perolehan atau penggunaan dokumen di peringkat tawaran dan kontrak boleh disesuaikan mengikut prosedur di negara projek dilaksanakan tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal/ KPKR.

3. Pelaksanaan Taklimat/Lawatan Tapak dan Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan

3.1. Taklimat/ Lawatan tapak dan Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa perolehan dibenarkan untuk dilaksanakan secara fizikal atau *video conferencing* (VC) atau hibrid.

3.2. Pelaksanaan secara VC adalah tertakluk kepada Garis Panduan Mesyuarat Pihak Berkuasa Melulus Berkaitan Perolehan Secara Dalam Talian yang dinyatakan dalam PK yang berkuat kuasa.

3.3. Agensi hendaklah memastikan aplikasi yang digunakan mematuhi atau selaras dengan garis panduan keselamatan yang berkuat kuasa yang

dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) atau Jabatan Digital Negara (JDN).

4. Pengiklanan

4.1. Semua pelawaan perolehan kerajaan adalah wajib diiklankan/ disiarkan di portal MyPROCUREMENT dan dibenarkan untuk menyiarkan iklan di laman sesawang Agensi yang membuat pelawaan.

4.2. Bagi memberi masa yang mencukupi untuk syarikat mengkaji tawaran dan membuat persediaan mengemukakan tawaran, tempoh pengiklanan berikut ditetapkan:

4.2.1. Tempoh pengiklanan tempatan tidak kurang daripada 21 hari bagi iklan yang dibuka hanya kepada syarikat tempatan di negara projek pembangunan akan dilaksanakan.

4.2.2. Tempoh pengiklanan antarabangsa tidak kurang daripada 40 hari bagi iklan yang dibuka kepada syarikat daripada negara-negara lain tidak terhad kepada syarikat di negara projek pembangunan akan dilaksanakan.

4.2.3. Sekiranya tempoh pengiklanan perlu dikurangkan, Pegawai Pengawal/ Ketua Pengarah Kerja Raya mempunyai kuasa untuk mengurangkan tempoh iklan dengan pelawaan tidak kurang daripada 10 hari.

5. Kuasa Untuk Menimbang Serta Menyetujui Terima di Peringkat Perwakilan

5.1. Lembaga Perolehan:

5.1.1 Hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang bertugas di negara projek dilaksanakan dan dipengerusikan oleh Ketua Perwakilan Diplomatik Malaysia di negara tersebut.

5.1.2 Ahli-ahli Lembaga Perolehan hendaklah dilantik oleh Ketua Perwakilan dan pelantikan ini hendaklah diwartakan selaras dengan peruntukan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 192.

5.1.3 Kuorum bagi Lembaga Perolehan bersidang hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang termasuk Pengerusi.

5.2. Had Nilai Setuju Terima Tender

5.2.1 Lembaga Perolehan di peringkat Perwakilan diberi kuasa untuk menimbang dan menyetujui terima tender hingga nilai RM20 juta sahaja, iaitu nilai yang dikira berasaskan kadar pertukaran mata wang asing pada tarikh tender ditutup.

5.2.2 Tender yang mempunyai aspek teknikal hendaklah dirujuk dan mendapat persetujuan daripada Kementerian Luar Negeri atau Jabatan Teknik terlebih dahulu, mengikut mana yang berkenaan.

5.2.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Lembaga Perolehan di peringkat Perwakilan adalah muktamad dengan syarat keputusan yang dibuat adalah secara sebulat suara. Jika keputusan tidak secara sebulat suara, satu laporan lengkap hendaklah dikemukakan oleh Urus Setia Lembaga Perolehan Perwakilan kepada Lembaga Perolehan Kementerian Luar Negeri atau Kementerian Kewangan, mana yang berkenaan, untuk keputusan selanjutnya.

5.2.4 Bagi tender bernilai melebihi RM20 juta atau tender di bawah had nilai ini yang tidak dapat dipertimbangkan oleh Lembaga Perolehan di peringkat Perwakilan, hendaklah diangkat untuk pertimbangan di Lembaga Perolehan Kementerian Luar Negeri, atau Jabatan Teknik, atau Kementerian Kewangan, mana yang berkenaan, berdasarkan had nilai yang ditetapkan dalam PK yang berkuat kuasa.

5.2.5 Bagi perolehan secara sebut harga dan lantikan terus, kuasa adalah terletak kepada Ketua Perwakilan masing-masing selaras dengan peraturan di dalam PK yang berkuat kuasa.

5.3. Semua kontrak hendaklah ditandatangani oleh Ketua Perwakilan bagi negara yang berkenaan, tertakluk pematuhan kepada Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120].

5.4. Kuasa Melulus Arahan Perubahan Kerja

5.4.1. Sebelum arahan perubahan diluluskan, Ketua Perwakilan hendaklah memastikan bahawa perubahan kerja yang dicadangkan adalah benar-benar diperlukan dan ada peruntukan yang mencukupi bagi menampung tambahan tersebut.

5.4.2. Pihak berkuasa bagi melulus perubahan kerja adalah seperti berikut:

Bil.	Nilai Perubahan	Pihak Berkuasa
1.	Jika harga asal kontrak tidak melebihi RM20 juta dan perubahan terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi 30%, ATAU jika harga asal kontrak melebihi RM20 juta tetapi perubahan terkumpul yang dicadangkan tidak melebihi RM6 juta.	Ketua Perwakilan di negara yang berkenaan atau mana-mana pegawai yang tidak rendah dari Gred 12 atau yang setaraf dengannya yang di beri kuasa secara bertulis oleh Ketua Perwakilan.
2.	Dalam hal-hal lain.	Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

6. Kuasa Untuk Menimbang Serta Menyetujui Terima di Peringkat Jabatan Teknik

6.1. Keahlian Lembaga Perolehan di peringkat Jabatan Teknik dan had nilai setuju terima tender adalah berdasarkan PK yang berkuat kuasa.

7. Penggunaan Borang-Borang Kontrak Piawai Kerajaan Malaysia

7.1. Agensi pelaksana projek adalah tidak terikat kepada penggunaan borang-borang kontrak piawai Kerajaan Malaysia. Agensi diberikan kelonggaran untuk menggunakan borang-borang kontrak piawai mengikut kesesuaian di negara lokasi projek atau mengguna pakai borang-borang kontrak di negara berkenaan.

7.2. Namun, AP 169G hendaklah dipenuhi, sebarang tambahan atau penggunaan borang kontrak asing akan dimuktamadkan mengikut kesesuaian atau keperluan di negara berkenaan dan tertakluk kepada kelulusan Penasihat Undang-undang di peringkat Kementerian atau Jabatan Teknik bagi menjamin kepentingan Kerajaan terpelihara.

8. Pengecualian AP182

8.1. Kementerian/ Pejabat Perwakilan diberikan pengecualian AP182 hingga had nilai RM20 juta, tertakluk kepada pematuhan syarat berikut:

8.1.1. Skop projek tidak kompleks untuk dilaksanakan; dan

8.1.2. Kementerian/ Pejabat Perwakilan mempunyai keupayaan untuk mentadbir kontrak

8.2. Kementerian/ Pejabat Perwakilan adalah digalakkan bekerjasama dengan Jabatan Teknik untuk membantu pelaksanaan projek di luar negara.

9. Pelantikan Perunding

9.1. Sekiranya diperlukan, pelantikan perunding hendaklah dibuat oleh Ketua Perwakilan atau Jabatan Teknik mengikut mana-mana kaedah perolehan yang bersesuaian dan berdasarkan kadar bayaran di negara yang berkenaan.

9.2. Perunding yang dilantik hendaklah syarikat yang berdaftar bagi perkhidmatan tersebut dengan pihak berkuasa di negara yang berkenaan.

9.3. Kebenaran khas diberikan kepada Kementerian/ Pejabat Perwakilan/ Jabatan Teknik untuk melantik *Project Management Consultant* (PMC) yang berkelayakan di negara berkenaan bagi menyokong tugasan teknikal, jika perlu.

10. Pendaftaran Syarikat Bagi Perolehan Kerja

10.1. Kontraktor di luar negara dikecualikan syarat pendaftaran syarikat dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Namun, syarikat harus berdaftar dengan badan pentauliahan setara CIDB di negara projek dilaksanakan.

10.2. Tender tempatan di luar negara boleh dipelawa dalam kalangan syarikat tempatan di mana projek dilaksanakan, tertakluk kepada pematuhan syarat pendaftaran dan undang-undang di negara berkenaan.

11. Bayaran Pendahuluan kepada Kontraktor

11.1. Kemudahan bayaran pendahuluan hanya dibenarkan untuk syarikat tempatan (Malaysia) dan negara ahli FTA sahaja.

11.2. Penetapan nilai, syarat dan kaedah pemberian adalah berdasarkan PK yang berkuat kuasa.

12. Bon Pelaksanaan

12.1. Penetapan nilai, kadar dan syarat bon pelaksanaan bagi kontrak bekalan/perkhidmatan dan kerja adalah berdasarkan PK yang berkuat kuasa.

12.2. Bagi kontrak kerja sekiranya kontraktor gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan pada tarikh milik tapak, secara automatik kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan akan diguna pakai.

12.3. Penetapan nilai, kadar dan syarat bagi Wang Jaminan Pelaksanaan adalah berdasarkan PK yang berkuat kuasa.

13. Format Jaminan Bank bagi Bon Pelaksanaan dan Bon Bayaran Pendahuluan

13.1 Format jaminan bank hendaklah mengikut format yang diamalkan oleh institusi kewangan berdaftar di negara tuan rumah.

13.2 Nilai jaminan hendaklah ditetapkan dalam mata wang yang digunakan dalam kontrak berdasarkan kadar pertukaran mata wang asing semasa jaminan tersebut dimuktamadkan.

13.3 Mana-mana format Jaminan Bank bagi Bon Pelaksanaan dan Bon Bayaran Pendahuluan yang berbeza daripada borang piawai hendaklah disemak dan diluluskan oleh Penasihat Undang-undang di peringkat Kementerian masing-masing atau Jabatan Teknik.

14. Wang Tahanan bagi Kontrak Kerja

14.1 Penetapan pengenaan Wang Tahanan kepada kontraktor adalah berdasarkan PK yang berkuat kuasa.

14.2 Sekiranya terdapat sebarang tambahan kepada syarat-syarat kontrak berkenaan Wang Tahanan, perkara tersebut hendaklah dimuktamadkan mengikut kesesuaian atau keperluan di negara berkenaan dan tertakluk kepada kelulusan Penasihat Undang-undang di peringkat Kementerian masing-masing atau Jabatan Teknik.

15. Pengecualian Khas Berkaitan Projek di Luar Negara

15.1 Pengecualian diberikan ke atas peraturan berkaitan bahan, barangan dan perkhidmatan tempatan, *Industrialised Building System* (IBS) dan *Pre-Approved Plan* (PAP).

15.2 Sekiranya projek turut melibatkan bekalan dan perkhidmatan, pengecualian Sistem ePerolehan juga diberikan.

15.3 Perolehan *loose furniture* bagi projek di luar negara diberi pengecualian Kontrak Panel Berpusat. Item *loose furniture* dibenarkan untuk diperuntukkan ke dalam kontrak utama.

PK 2.16



KERAJAAN MALAYSIA

Tatacara Perolehan Perkhidmatan Pengendalian Kursus Dan Latihan

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2.16 Tatacara Perolehan Perkhidmatan Pengendalian Kursus Dan Latihan 1

1. Pendahuluan..... 1

2. Kaedah Pelaksanaan..... 1

3. Tarikh Kuat Kuasa 1

PK 2.16 Tatacara Perolehan Perkhidmatan Pengendalian Kursus Dan Latihan

1. Pendahuluan

1.1 Perkhidmatan pengendalian kursus dan latihan adalah perkhidmatan bukan perunding. Oleh itu, perolehan perkhidmatan pengendalian kursus dan latihan hendaklah diuruskan mengikut tatacara perolehan semasa iaitu secara pembelian terus/sebut harga/tender mengikut nilai perolehan yang berkenaan. Bayaran kepada pensyarah/ penceramah atau syarikat yang mengendalikan kursus/ latihan/ seminar/ bengkel tidak boleh menggunakan kadar bayaran perunding kerana khidmat yang diberikan tidak melibatkan kerja-kerja perunding yang sebenarnya.

2. Kaedah Pelaksanaan

2.1 Agensi hendaklah memastikan peruntukan telah diluluskan dan mencukupi.

2.2 Agensi hendaklah memberi keutamaan kepada kepakaran yang sedia ada di kalangan anggota perkhidmatan awam/agensi Kerajaan dan institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan mempunyai kepakaran khusus untuk memberi syarahan/ceramah atau mengendalikan kursus/latihan yang diperlukan.

2.3 Pelawaan untuk mendapatkan perkhidmatan penceramah atau pengendalian kursus/latihan hendaklah menyatakan dengan jelas skop perkhidmatan, bidang kepakaran/kelayakan/pengalaman penceramah, jumlah masa syarahan, bilangan peserta dan sebagainya supaya harga yang ditawarkan dapat diperincikan untuk penilaian.

2.4 Agensi hendaklah memastikan harga dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah munasabah, paling menguntungkan, berkualiti dan sesuai dengan keperluan perkhidmatan awam.

2.5 Bagi penetapan kadar dan perolehan perkhidmatan kepakaran daripada kalangan bukan pegawai awam dalam program rasmi kerajaan termasuk pengendalian kursus dan latihan, Agensi hendaklah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan berkaitan Pengurusan Wang Awam (WP10.9) yang berkuat kuasa.

3. Tarikh Kuat Kuasa

Peraturan ini berkuat kuasa mulai 28 November 2022

PK 2.17



KERAJAAN MALAYSIA

Peraturan Bagi Perolehan Senggaraan Bot Kecil, Pembaikan Kecil Dan Pembaikan Kecemasan Semasa Beroperasi Bot/Kapal Kerajaan

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2.17 Peraturan Bagi Perolehan Senggaraan Bot Kecil, Pembaikan Kecil dan Pembaikan Kecemasan Semasa Beroperasi Bot/Kapal Kerajaan..... 1

1. Pendahuluan..... 1

2. Peraturan Perolehan 1

3. Kaedah Pelaksanaan..... 3

4. Surat Setuju Terima 6

5. Bon Pelaksanaan/Wang Jaminan Pelaksanaan 6

6. Pentadbiran Kontrak..... 7

7. Pesanan Kerajaan..... 7

8. Tarikh Kuat Kuasa..... 7

PK 2.17 Peraturan Bagi Perolehan Senggaraan Bot Kecil, Pembaikan Kecil dan Pembaikan Kecemasan Semasa Beroperasi Bot/Kapal Kerajaan

1. Pendahuluan

1.1 Perbendaharaan telah menetapkan peraturan bagi perolehan senggaraan bot kecil, pembaikan kecil dan pembaikan kecemasan semasa beroperasi bot/kapal Kerajaan untuk dipatuhi oleh Agensi Kerajaan.

2. Peraturan Perolehan

2.1 Skop perolehan berikut adalah tertakluk di bawah peraturan ini:

(i) senggaraan bot kecil di bawah 50 tan (berat sesaran);

(ii) pembaikan kecil bot/kapal/kapal selam sehingga had nilai RM500 ribu;

(iii) pembelian alat ganti dan bahan-bahan lain semasa senggaraan bot/kapal yang tidak terdapat dalam simpanan/stok agensi;

(iv) pembaikan kecemasan bot/kapal semasa beroperasi sehingga had nilai RM500 ribu; dan

(v) senggaraan bot/kapal di limbungan/bengkel (*workshop*) Kerajaan, tertakluk skop di luar keupayaan agensi.

2.2 Skop perolehan berikut adalah tidak tertakluk di bawah PP/PK ini dan hendaklah dilaksanakan secara saingan terbuka menerusi kaedah perolehan sedia ada yang berkuat kuasa iaitu:

(i) pembelian/pembinaan bot/kapal berdasarkan kelas dan kelayakan limbungan yang berdaftar dengan kod bidang pembuat;

(ii) pembelian bot/kapal terpakai;

(iii) senggaraan bot/kapal melebihi 50 tan (berat sesaran); dan

(iv) senggaraan bot/kapal yang tidak diliputi melalui Kontrak Panel Berpusat (KPB).

2.3 Skop perolehan senggaraan bot/kapal yang diperuntuk melalui Kontrak Panel Berpusat (KPB) hendaklah dilaksana menggunakan KPB sepenuhnya dan tidak dibenarkan mendapatkan bekalan/perkhidmatan item KPB daripada punca lain. Mana-mana pengecualian hendaklah dimohon melalui Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan dan mendapat

kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri mengikut yang mana berkenaan sebelum melaksanakan perolehan berkenaan.

2.4 Peraturan ini terpakai bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement* – FTA). Sekiranya nilai perolehan telah mencapai nilai ambang FTA bagi agensi yang tertakluk FTA, perolehan hendaklah dilaksanakan mengikut tatacara perolehan FTA yang berkuat kuasa.

2.5 Agensi hendaklah menentukan Harga Indikatif Jabatan terlebih dahulu bagi penentuan kaedah perolehan yang akan dilaksanakan sama ada merujuk:

(i) Jadual Kadar Harga (JKH) yang berkuat kuasa; dan/atau

(ii) perbandingan harga dan skop nilai kontrak lampau mengambil kira nilai inflasi; dan/atau

(iii) sebarang harga pasaran terkini.

2.6 Dalam menentukan Harga Indikatif Jabatan, agensi hendaklah mengenal pasti dan menyenaraikan keperluan alat ganti/bahan bagi kerja pembaikan/senggaraan terlibat terutama alat ganti laris (*fast moving item*) dan/atau perkhidmatan penyelenggaraan *frequent service item* (FSI).

2.7 Agensi hendaklah terlebih dahulu merancang dan mengatur keperluan alat ganti/bahan bagi kerja pembaikan/senggaraan terlibat dalam menentukan tempoh pembaikan/senggaraan bagi suatu kontrak.

2.8 Agensi adalah dilarang dari menumpukan senggaraan/pembaikan bot/kapal di bawah jagaan masing-masing ke satu limbungan/kontraktor sahaja, kecuali agensi yang berurusan di bawah program penswastaan.

2.9 Bagi agensi Kerajaan yang memiliki kemudahan limbungan sendiri dikehendaki menggunakan kemudahan tersebut secara optimum untuk penyenggaraan bot/kapal masing-masing. Sekiranya senggaraan/pembaikan bot/kapal di limbungan Kerajaan tersebut di luar keupayaan agensi, agensi dibenarkan untuk melaksanakan perolehan senggaraan/pembaikan bot/kapal mengikut tatacara di bawah PP/PK ini.

3. Kaedah Pelaksanaan

3.1 Agensi hendaklah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa perolehan berdasarkan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

3.2 Agensi hendaklah memastikan syarat perolehan berikut dipatuhi sebelum perolehan dilaksanakan:

(i) peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi;

(ii) kajian pasaran hendaklah dilaksanakan terlebih dahulu supaya harga tawaran adalah berpatutan dan menguntungkan Kerajaan; dan

(iii) perolehan hendaklah tidak tertumpu pada syarikat/limbungan tertentu selaras dengan prinsip perolehan.

3.3 Agensi hendaklah melaksanakan perolehan menerusi syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan mengikut kelayakan dan kelas, di lokasi berdekatan dengan penempatan (*home-based*)/lokasi bot/kapal semasa operasi atau semasa pembaikan kecemasan. Kelayakan limbungan mengikut kelas adalah seperti di Jadual 1:

Jadual 1 : Kelayakan limbungan mengikut kelas

Bil.	Kelayakan Syarikat/Limbungan	Kelas Bot/Kapal
1	Kelas AA / A	600 tan ke atas
2	Kelas BB / B	400 tan - 600 tan
3	Kelas CC / C	200 tan - 400 tan
4	Kelas DD / D	50 tan - 200 tan
5	Kelas EE / E	Bawah 50 tan
6	Kelas FF / F	(Tanpa Limbungan)

3.4 Sekiranya tiada syarikat/limbungan mengikut kelas/kelayakan bot/kapal yang berdekatan dan/atau tiada syarikat/limbungan pada kelas/kelayakan asal bot/kapal, perolehan boleh dipelawa tertakluk mana yang lebih memberikan nilai faedah terbaik kepada Kerajaan berdasarkan opsyen berikut:

(i) syarikat/limbungan berdaftar dengan Kementerian Kewangan di negeri berhampiran/sempadan; dan/atau

(ii) kelas/kelayakan lebih tinggi daripada kelas/kelayakan asal bot/kapal.

Kos senggaraan/pembaikan hendaklah berdasarkan kadar harga kelas/kelayakan asal bot/kapal.

3.5 Pembaikan kecil bot/kapal, termasuk pembaikan kecil di luar keupayaan anak kapal boleh dibuat terhad bagi kos pembaikan kecil sehingga RM500 ribu sahaja.

3.6 Pembelian alat ganti dan bahan-bahan lain boleh dibuat daripada limbungan/kontraktor yang sedang membaiki bot/kapal, sekiranya berlaku keadaan berikut:

(i) alat ganti dan bahan-bahan lain yang berkaitan senggaraan/pembaikan tiada dalam simpanan/stok agensi, tertakluk kepada pengeluaran Sijil Ketiadaan (*Non-Availibility* [N.A]) oleh agensi terlibat; dan/atau

(ii) pembekal kontrak pembekalan alat ganti agensi sedia ada tidak dapat membekal alat ganti dan bahan-bahan lain dalam masa yang diperlukan bagi mengelakkan kelewatan penyiapan perkhidmatan senggaraan/pembaikan bot/kapal, tertakluk kepada pengeluaran Sijil Ketiadaan (*Non-Availibility* [N.A]) oleh agensi terlibat.

3.7 Kos alat ganti dan bahan-bahan lain daripada limbungan/kontraktor yang sedang membaiki bot/kapal hendaklah dimasukkan dalam tuntutan pembaikan oleh syarikat/limbungan yang dilantik tersebut berasaskan:

(i) kadar harga JKH sekiranya ada ditetapkan melalui JKH yang berkuat kuasa; atau

(ii) harga kos alat ganti dan bahan-bahan lain yang dinyatakan melalui invois pembekal alat ganti dan bahan-bahan lain kepada syarikat/limbungan yang sedang membaiki bot/kapal, dengan mengambil kira maksimum 10% keuntungan syarikat.

3.8 Bagi agensi tertakluk FTA, sekiranya nilai pembelian alat ganti/bahan-bahan lain menyebabkan harga kontrak mencecah nilai ambang FTA, pertambahan kos ke atas pembelian alat ganti/bahan-bahan lain tidak dibenarkan diperoleh daripada limbungan/kontraktor yang sedang membaiki bot/kapal. Agensi hendaklah melaksanakan pembelian melalui pembekal kontrak pembekalan alat ganti agensi sedia ada atau baharu, tertakluk kepada tatacara yang berkuat kuasa.

3.9 Perolehan ini hendaklah dilaksanakan mengikut kaedah dan dimuktamadkan oleh Pihak Berkuasa Melulus mengikut had nilai seperti di Jadual 2 berikut:

Jadual 2 : Had Nilai dan Pihak Berkuasa Melulus Bagi Perolehan Senggaraan/Pembaikan Kecil/ Pembelian Alat Ganti

Bil.	Kaedah Perolehan	Had nilai (Suatu kontrak/ tahun)	Pihak Berkuasa Melulus
(i)	Pembelian Terus	Sehingga RM50 ribu	Pegawai Pengawal/ Pegawai Yang Diturunkan Kuasa
(ii)	Sebut Harga	(a) Melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH)
		(b) Melebihi RM500 ribu hingga RM50 juta	Lembaga Perolehan (LP) Agensi
		(c) Melebihi RM50 juta	Kementerian Kewangan

3.10 Bagi perolehan pembaikan kecemasan semasa beroperasi, pemakluman insiden kecemasan hendaklah melalui medium komunikasi yang pantas seperti telefon, faksimili, e-mel atau media baharu yang bersesuaian kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan, sebelum disusuli permohonan pemakluman rasmi secara bertulis kepada Pelulus Pembaikan Kecemasan Semasa Beroperasi seperti di Jadual 3:

Jadual 3 : Had Nilai dan Pelulus Pembaikan Kecemasan Semasa Beroperasi

Bil.	Kaedah Perolehan	Had nilai	Pelulus Pembaikan Kecemasan Semasa Beroperasi
(i)	Pembelian Terus	Sehingga RM50 ribu	Pegawai Pengawal/ Pegawai Yang Diturunkan Kuasa sehingga Ketua Jabatan
		Melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu	Pegawai Pengawal

3.11 Kelulusan perakuan kos bagi pembaikan kecemasan semasa beroperasi hendaklah diluluskan dan dimuktamadkan selewat-lewatnya dalam tujuh (7) hari bekerja selepas pembaikan selesai berdasarkan kepada perakuan Jawatankuasa Pembaikan Kecemasan Semasa Beroperasi yang dilantik oleh Ketua Jabatan. Jawatankuasa Pembaikan Kecemasan Semasa Beroperasi hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi [pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P)] dan sekurang-kurangnya dua (2) ahli yang berkepakaran. Perakuan kos pembaikan kecemasan perlu diangkat untuk kelulusan bagi pembayaran berdasarkan Jadual 4 berikut:

Jadual 4 : Pelulus Perakuan Kos Pembaikan Kecemasan Semasa Beroperasi

Bil.	Kaedah Perolehan	Had nilai	Pelulus Perakuan Kos Pembaikan Kecemasan Semasa Beroperasi
(i)	Pembelian Terus	Sehingga RM50 ribu	Pegawai Pengawal/ Pegawai Yang Diturunkan Kuasa sehingga Ketua Jabatan
		Melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu	Pegawai Pengawal

3.12 Kajian pasaran dikecualikan hanya bagi perolehan pembaikan kecemasan semasa beroperasi.

3.13 Perolehan pembaikan kecemasan semasa beroperasi terhad bagi pembaikan yang dilaksanakan dan diselesaikan dalam tempoh satu (1) minggu dengan had nilai pembaikan tidak melebihi RM500 ribu.

4. Surat Setuju Terima

4.1 Agensi hendaklah mengeluarkan Surat Setuju Terima bagi perolehan bermasa tanpa tertakluk sebarang had nilai atau perolehan bukan bermasa (*one-off*) yang melebihi RM50 ribu.

4.2 Agensi boleh mengeluarkan Pesanan Kerajaan atau Surat Setuju Terima bagi perolehan bernilai sehingga RM50 ribu.

4.3 Agensi dikecualikan daripada mengeluarkan Surat Setuju Terima bagi perolehan pembaikan kecemasan semasa beroperasi sahaja. Walau bagaimanapun, agensi boleh mengeluarkan Surat Arahan Kerja kepada syarikat/limbungan berdasarkan kelulusan oleh Pelulus Pembaikan Kecemasan Semasa Beroperasi bagi pembaikan kecemasan semasa beroperasi.

5. Bon Pelaksanaan/Wang Jaminan Pelaksanaan

5.1 Syarikat perlu menyediakan Bon Pelaksanaan (BP) mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, syarikat diberi alternatif menggunakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) bagi menggantikan BP untuk perolehan bermasa yang melebihi RM200 ribu.

5.2 Sekiranya kaedah WJP digunakan sebagai bentuk jaminan, Wang Tahanan (*Retention Sum*) daripada jumlah keseluruhan kontrak

hendaklah ditetapkan sebagai syarat bagi menggantikan bon pelaksanaan seperti di Jadual 5:

Jadual 5 : Kadar Wang Jaminan Pelaksanaan

Bil.	Nilai Perolehan	Wang Jaminan Pelaksanaan
(i)	Perolehan bermasa bernilai RM200 ribu hingga RM500 ribu	2.5% daripada nilai keseluruhan kontrak
(ii)	Perolehan bermasa melebihi RM500 ribu	5% daripada nilai keseluruhan kontrak

5.3 Pemotongan sebanyak 10% hendaklah dilaksanakan pada setiap bayaran interim/penanda aras (*milestone*) sehingga mencapai amaun kumulatif 2.5% atau 5% daripada nilai kontrak yang ditetapkan sebagai amaun WJP. Pelepasan *retention sum* hanya akan dibuat setelah semua obligasi kontrak selesai.

6. Pentadbiran Kontrak

6.1 Satu perjanjian hendaklah ditandatangani dengan syarikat/limbungan yang dilantik bagi perolehan melebihi RM500 ribu dan/atau melebihi empat (4) bulan.

6.2 Agensi dikecualikan daripada menyediakan dokumen perjanjian bagi perolehan pembaikan kecemasan semasa beroperasi sahaja.

6.3 Perubahan kontrak termasuk pelanjutan tempoh kontrak/pertambahan nilai kontrak hendaklah mengikut peraturan dan tatacara yang berkuat kuasa.

7. Pesanan Kerajaan

7.1 Pengeluaran Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan yang berkuat kuasa, atau selewat-lewatnya 14 hari selepas perkhidmatan diterima. Pegawai Pengawal hendaklah mengambil tindakan ke atas pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.

7.2 Agensi dikecualikan daripada mengeluarkan Pesanan Kerajaan bagi perolehan pembaikan kecemasan semasa beroperasi sahaja.

8. Tarikh Kuat Kuasa

8.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **15 Julai 2025 hingga 14 Julai 2027.**

PK 2.18



KERAJAAN MALAYSIA

Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 2.18 Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina 1

1. Tatacara Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina..... 1

2. Garis Panduan Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina..... 2

3. Tarikh Kuat Kuasa..... 3

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Garis Panduan Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina

PK 2.18 Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina

1. Tatacara Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina

1.1. Penentuan Pelaksanaan Projek Secara Reka Dan Bina

(i) Semua projek Kerajaan hendaklah dilaksanakan secara konvensional. Walau bagaimanapun, Agensi boleh melaksanakan projek kerja secara Reka dan Bina tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan Teknik. Asas penentuan bagi projek yang hendak dilaksanakan secara Reka dan Bina ditetapkan seperti berikut:

(a) Skop kerja yang kompleks dan melibatkan kepakaran khusus, yang mana kepakaran tersebut tidak terdapat dalam Agensi berkenaan atau Jabatan Teknik. Contohnya projek yang memerlukan kepakaran atau teknologi tinggi dalam pembinaan seperti Pusat Angkasa Negara;

(b) Reka bentuk bangunan/struktur ditentukan oleh sistem kelengkapan, perkhidmatan atau peralatan yang akan ditempatkan. Contohnya projek hangar bagi pesawat penggempur dan *bunker* bagi misil/peluru; atau

(c) Projek-projek khas untuk kepentingan dan keselamatan Negara dan perlu dilaksanakan dengan segera. Contohnya pembinaan Stesen Pusat Penggera Tsunami.

(ii) Projek-projek yang mana telah terdapat reka bentuk atau lukisan piawai adalah tidak dibenarkan untuk dilaksanakan secara Reka dan Bina.

1.2. Kaedah Perolehan

(i) Projek secara Reka dan Bina boleh dilaksanakan mengikut kaedah perolehan seperti berikut:

(a) Tender Terbuka

Projek Reka dan Bina hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka melalui proses pra-kelayakan bagi memastikan hanya kontraktor yang berkelayakan dan berkeupayaan sahaja dipelawa menyertai tender seterusnya.

(ii) Jika sekiranya anggaran nilai projek melibatkan nilai yang melebihi had nilai *threshold* dan tertakluk kepada FTA atau obligasi perjanjian Antarabangsa lain, syarikat daripada negara FTA atau negara lain hendaklah turut dijemput menyertai pelawaan tender terbuka pra-kelayakan.

2. Garis Panduan Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina

Agensi hendaklah merujuk Garis Panduan Perolehan Dan Pengurusan Projek Secara Reka Dan Bina seperti di **Lampiran 1** dalam melaksanakan projek secara Reka dan Bina.

2.1. Syarat - syarat Am

(i) Dalam melaksanakan projek secara Reka dan Bina, Agensi dikehendaki mematuhi syarat-syarat am seperti berikut:

(a) Semua Agensi yang melaksanakan projek pembangunan hendaklah mematuhi dasar dan peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa termasuk peraturan berkaitan *Industrialised Building System* (IBS);

(b) Agensi bukan teknikal hanya dibenarkan melaksanakan sendiri projek mengikut had nilai dan kuasa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, Agensi bukan teknikal yang tidak mempunyai keupayaan teknikal untuk menguruskan pelaksanaan projek secara Reka dan Bina hendaklah merujuk kepada Jabatan Teknik; (tiada had nilai);

(c) Tapak adalah bebas daripada sebarang halangan; dan

(d) Kelulusan Jawatankuasa Standard dan Kos di Unit Perancang Ekonomi hendaklah diperolehi sebelum

tender dipanggil selaras dengan Surat Pekeliling Am yang berkaitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri dari semasa ke semasa.

(ii) Agensi hendaklah memastikan semua kehendak pelanggan/pengguna telah diambil kira dalam penyediaan Kehendak Kerajaan *(Government's Requirements)* bagi mengelakkan berlakunya perubahan dalam skop kerja semasa pembinaan.

(iii) Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, Agensi boleh mendapat keterangan lanjut dengan merujuk kepada:

Ketua Pengarah Kerja Raya
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50582 KUALA LUMPUR
(u.p.: Pengarah Kanan,
Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan)

3. Tarikh Kuat Kuasa

3.1 Peraturan ini adalah berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.

3.2 Peraturan dikemaskini berkuat kuasa pada **1 Oktober 2023.**

LAMPIRAN

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN PROJEK SECARA REKA DAN BINA

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN PEMBINAAN PROJEK REKA DAN BINA

KANDUNGAN

		MUKA SURAT
BAHAGIAN I – GARIS PANDUAN PEROLEHAN		1
1.0	**PENGENALAN**	1
2.0	**KONSEP**	1
2.1	Takrif	1
3.0	**CIRI-CIRI KONTRAK**	2
3.1	Syarat-syarat Kontrak	2
3.2	Asas Harga Kontrak	2
3.3	Liabiliti dan Obligasi Kontraktor	2
3.4	Perunding Kontraktor	2
3.5	Percanggahan	3
3.6	Perubahan Kerja	3
4.0	**TATACARA PELAKSANAAN**	3
4.1	Kaedah Perolehan	3
5.0	**PEROLEHAN SECARA TENDER TERBUKA**	4
5.1	Penubuhan Jawatankuasa Pra-Kelayakan (JPK)	4
5.2	Pelawaan Pra-Kelayakan	4
5.3	Tempoh Sah Laku Pra-Kelayakan	4
5.4	Penilaian Dan Pemilihan Kontraktor Dalam Pra-Kelayakan	4
5.5	Penyediaan Kehendak Kerajaan	5
5.6	Penyediaan Dokumen *Pre-Bid*	5
5.7	Pelawaan Tender	6
5.8	Taklimat dan Lawatan Tapak	6
5.9	Tempoh Sah Laku Tender	6
5.10	Penerangan Ke Atas Dokumen *Pre-Bid*	6
5.11	Penyediaan Anggaran Harga Agensi dan Penetapan Wajaran	7
5.12	Penilaian Tender	7
5.13	Mesyuarat Penjelasan Tender (*Tender Clarification Meeting*)	9
5.14	Laporan Penilaian Tender dan Perakuan	9
5.15	Setuju Terima Tender	9
5.16	Carta Alir Perolehan Tender Terbuka Melalui Pra-Kelayakan	10

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN PEMBINAAN PROJEK REKA DAN BINA

KANDUNGAN

		MUKA SURAT
BAHAGIAN II – GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBINAAN		13
1.0	**PENDAHULUAN**	13
2.0	**PERANAN AGENSI DALAM PENGURUSAN PEMBINAAN**	13
2.1	Penyelarasan	14
2.2	Pemantauan dan Pengawalan	14
2.3	Pengauditan dan Laporan	14
2.4	Pengurusan Kontrak	15
3.0	**PERANAN KONTRAKTOR**	15
4.0	**PERINGKAT PERSEDIAAN AWALAN DAN DOKUMEN**	15
4.1	Pelantikan Pengarah Projek	15
4.2	Mesyuarat Pra-Pembinaan	16
4.3	Pemilikan Tapak	17
4.4	Bon Pelaksanaan dan Polisi-Polisi Insurans	17
4.5	Dokumen Kontrak	17

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN PEMBINAAN PROJEK REKA DAN BINA

KANDUNGAN

			MUKA SURAT
BAHAGIAN II – GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBINAAN (SAMB.)			
	PERINGKAT PERANCANGAN PEMBINAAN		18
5.0			
	5.1	Organisasi Kontraktor	18
	5.2	Program Kerja	18
	5.3	Sistem Kepastian Kualiti	19
	5.4	Spesifikasi, Reka Bentuk Terperinci & Lukisan Pembinaan	19
	5.5	Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan	19
	PERINGKAT PELAKSANAAN PEMBINAAN		20
6.0			
	6.1	Kawalan Kemajuan Kerja	20
	6.2	Penyeliaan Oleh Perunding Kontraktor	20
	6.3	Kawalan Kualiti Kerja	20
	6.4	Penetapan Penanda Aras Mutu Kerja (*Mock-Up*) dan *Performance Test*	21
	6.5	Pemantauan	21
	6.6	Pembayaran	22
	6.7	Perubahan Kerja	22
	6.8	Lanjutan Masa	23
	6.9	Perakuan Kerja Tak Siap	24
	6.10	Penamatan Kontrak	24
7.0	**PERINGKAT PENGUJIAN DAN PENTAULIAHAN**		24
8.0	**PERINGKAT PEMERIKSAAN DAN PENYERAHAN**		25
	8.1	Pemeriksaan Pra-Penyerahan	25
	8.2	Sijil Layak Menduduki (*Certificate of Fitness for Occupation* – CFO) atau Perakuan Siap Dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance* - CCC)	25
	8.3	Perakuan Siap Kerja	25
	8.4	Tindakan Selepas Pengeluaran Perakuan Siap Kerja	26

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN PEMBINAAN PROJEK REKA DAN BINA

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAHAGIAN II – GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBINAAN (SAMB.)

9.0 PERINGKAT TEMPOH LIABILITI KECACATAN DAN PENYENGGARAAN 26

9.1 Kecacatan Kerja 26
9.2 Penyenggaraan Kerja Dan Perkhidmatan 27
9.3 Penutupan Akaun Kontrak 27

SENARAI LAMPIRAN – LAMPIRAN

BAHAGIAN I – GARIS PANDUAN PEROLEHAN

Lampiran A : Contoh Syarat Dan Kriteria Utama Pra-Kelayakan & Pemilihan Kontraktor 29
Lampiran B : Contoh Iklan Pra- Kelayakan Kontraktor 32
Lampiran C : Contoh Kandungan Kehendak Kerajaan 34
Lampiran D : Contoh *Government's Requirements* 38
Lampiran E : Contoh Kaedah Penilaian Teknikal 39
Lampiran F : Contoh Surat Niat 42
Lampiran G : Contoh Surat Setuju Terima Tender 47
Lampiran H : Carta Aliran Tender Terbuka Melalui Pra-Kelayakan 53
Lampiran J1 : Permohonan Agensi 56

BAHAGIAN II – GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBINAAN

Lampiran J : Contoh Jaminan Reka Bentuk 65

GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN
PROJEK SECARA REKA DAN BINA

BAHAGIAN I

GARIS PANDUAN PEROLEHAN

BAHAGIAN I

GARIS PANDUAN PEROLEHAN

1.0 PENGENALAN

1.1 Pelaksanaan projek secara Reka dan Bina adalah salah satu kaedah pelaksanaan projek-projek Kerajaan. Ia melibatkan kerjasama pelbagai pihak seperti Agensi pelanggan, Agensi pelaksana, kontraktor, perunding kontraktor dan pembekal. Peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat dengan kaedah pelaksanaan Reka dan Bina adalah berbeza dengan pelaksanaan secara kaedah konvensional.

1.2 Garis panduan ini memberi penjelasan mengenai konsep serta tatacara perolehan dan pengurusan pembinaan projek yang dibiayai di bawah peruntukan Persekutuan. Bagi projek-projek Negeri, tatacara yang berkenaan hendaklah disesuaikan sewajarnya.

1.3 Tatacara di bawah garis panduan ini adalah hanya sesuai bagi projek-projek yang dilaksanakan keseluruhannya secara Reka dan Bina serta tidak terpakai jika hanya sebahagian komponen kerja di bawah kontrak konvensional perlu di reka bentuk oleh kontraktor.

2.0 KONSEP

2.1 TAKRIF

(a) Kaedah Konvensional

Kaedah pelaksanaan projek secara konvensional bermaksud pembinaan adalah berdasarkan reka bentuk yang telah disediakan oleh Agensi atau perunding yang dilantik oleh Agensi. Kontraktor hanya bertanggungjawab untuk membina dan menyiapkan projek berdasarkan reka bentuk tersebut. Penyeliaan projek juga dilaksanakan oleh Agensi sendiri atau perunding yang dilantik.

(b) Kaedah Reka dan Bina

Kaedah pelaksanaan projek secara Reka dan Bina bermaksud kontraktor bertanggungjawab untuk merancang, mereka bentuk, membina dan menyiapkan, menyelia, melengkapkan, menguji, mentauliah dan menyenggara keseluruhan kerja dan apa-apa perkhidmatan/peralatan selaras dengan Kehendak Kerajaan. Penyeliaan projek dilaksanakan oleh perunding profesional yang dilantik oleh kontraktor manakala peranan dan tanggungjawab Agensi adalah sebagai pengurus projek dan pentadbir kontrak.

3.0 CIRI-CIRI KONTRAK

3.1 SYARAT-SYARAT KONTRAK

Kontrak adalah berdasarkan Syarat-syarat Kontrak Reka dan Bina iaitu *Standard Form of Design and Build Contract* [PWD FORM DB (Rev. 1/2010)].

3.2 ASAS HARGA KONTRAK

Pada amnya harga kontrak adalah berasaskan harga tetap jumlah wang pukal. Walau bagaimanapun Wang Peruntukan Sementara dan/atau Kuantiti Sementara boleh diperuntukkan tetapi hanya bagi item yang tidak dapat ditentukan skop sebelum tender atau jika didapati tidak adil kepada mana-mana pihak untuk menanggung risiko yang tinggi bagi kerja yang tidak dapat ditentukan. Jumlah Wang Peruntukan Sementara yang diperuntukkan hendaklah tidak melebihi 10% daripada anggaran harga kontrak.

Kuantiti Sementara adalah tertakluk kepada pengukuran semula berdasarkan kerja sebenar yang dilaksanakan, dengan syarat pengukuran semula bukan disebabkan oleh kesilapan, kekurangan atau kecuaian dalam penyediaan Kuantiti Sementara oleh kontraktor.

3.3 LIABILITI DAN OBLIGASI KONTRAKTOR

Kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk membuat perancangan, merekabentuk, membina dan menyiapkan, menguji, mentauliah dan menyenggara kerja di bawah kontrak dan dikehendaki menjamin Kerajaan bahawa reka bentuk, bahan dan mutu hasil kerja adalah sesuai dan menepati Kehendak Kerajaan.

Kontraktor hendaklah menjamin reka bentuk dengan mengemukakan kepada Kerajaan satu Jaminan Reka Bentuk yang berkuat kuasa selama lima (5) tahun dari tarikh siap kerja daripada Bank-Bank atau Institusi Kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan.

3.4 PERUNDING KONTRAKTOR

(a) Kontraktor adalah bertanggungjawab ke atas perunding yang dilantiknya dan hendaklah memastikan perunding berkenaan berkelayakan dan kompeten serta berdaftar dengan Lembaga Profesional masing-masing dan Kementerian Kewangan.

(b) Kontraktor hendaklah mengekalkan perkhidmatan perunding yang sama sepanjang tempoh kontrak bagi kerja-kerja reka bentuk dan penyeliaan kerja. Perkhidmatan perunding tidak boleh ditukar atau ditamatkan tanpa persetujuan dan kelulusan Agensi/Pengarah Projek.

(c) Kontraktor hendaklah membenarkan bayaran terus dibuat oleh Kerajaan kepada perunding melalui Surat Ikatan Penyerahan Hak *(Deed of Assignment).*

3.5 PERCANGGAHAN

(a) Jika berlaku percanggahan di antara Kehendak Kerajaan dengan Cadangan Kontraktor, Kehendak Kerajaan adalah mengatasi Cadangan Kontraktor. Walau bagaimanapun, jika Cadangan Kontraktor didapati lebih baik daripada Kehendak Kerajaan dari segi teknikal dan/atau kualiti, maka Cadangan Kontraktor adalah mengatasi Kehendak Kerajaan. Walau apapun, harga kontrak tidak akan berubah.

(b) Jika percanggahan berlaku di dalam Kehendak Kerajaan, maka Pengarah Projek dikehendaki membuat keputusan dan mengeluarkan arahan sewajarnya.

(c) Jika berlaku percanggahan di dalam Cadangan Kontraktor, kontraktor dikehendaki memaklumkan kepada Pengarah Projek tentang cadangan pindaannya untuk keputusan Pengarah Projek. Kontraktor dikehendaki mematuhi keputusan Pengarah Projek tanpa apa-apa kos kepada Kerajaan.

3.6 PERUBAHAN KERJA

Perubahan kerja dalam Reka dan Bina hanya dibenarkan apabila Pengarah Projek mengarahkan perubahan kepada Kehendak Kerajaan. Sekiranya perubahan terhadap cadangan reka bentuk kontraktor diperlukan bagi tujuan kesesuaian, kefungsian dan keselamatan kerja, ia bukanlah satu perubahan kerja yang perlu ditanggung oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, sekiranya perubahan tersebut melibatkan kos tambahan, kos hendaklah ditanggung oleh kontraktor. Namun, jika perubahan tersebut melibatkan penjimatan kos, pengurangan kos tersebut hendaklah ditolak dari Harga Kontrak.

4.0 TATACARA PELAKSANAAN

4.1 KAEDAH PEROLEHAN

Perolehan projek Reka dan Bina boleh dilaksanakan secara:

(a) Tender Terbuka

Perolehan secara tender terbuka dibuat melalui proses pra-kelayakan bagi memastikan hanya kontraktor yang berkelayakan dan berkeupayaan sahaja dipelawa menyertai tender.

5.0 PEROLEHAN SECARA TENDER TERBUKA

Tatacara perolehan secara tender terbuka melalui pra-kelayakan adalah seperti berikut:

PERINGKAT 1 - PROSES PRA-KELAYAKAN

5.1 PENUBUHAN JAWATANKUASA PRA-KELAYAKAN (JPK)

(a) Satu Jawatankuasa Pra-Kelayakan (JPK) perlu ditubuhkan dan dilantik oleh Ketua Agensi atau pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Agensi bagi menyedia dan mencadangkan kriteria pra-kelayakan untuk kelulusan Lembaga Perolehan Agensi. Antara syarat dan kriteria pra-kelayakan utama yang boleh dijadikan panduan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

(b) Keahlian JPK hendaklah tidak kurang daripada tiga (3) orang, iaitu seorang pengerusi yang merupakan pegawai Pengurusan dan Profesional dan dua (2) orang ahli. Ahli-ahli JPK hendaklah pegawai yang mahir, berkelayakan dan mempunyai pengetahuan dalam bidang yang dikehendaki yang mana sekurang-kurangnya terdiri daripada seorang pegawai teknikal dari kumpulan Pengurusan dan Profesional.

5.2 PELAWAAN PRA-KELAYAKAN

dalam masa waktu bekerja biasa. Petender hendaklah disifatkan telah memeriksa dan berpengetahuan penuh akan semua peruntukan Kontrak Utama.
during normal working hours. The tenderer shall be deemed to have examined and have full knowledge of all the provisions of the Main Contract.

1.3 Tiap-tiap petender mestilah menyerahkan dalam satu sampul surat bertutup dan bermeteri yang dialamatkan sebagaimana ditetapkan dalam Notis Tender, suatu tender yang sah dalam Borang Tender yang diperuntukkan, bersama dengan salinan Jadual Butir-butir Artikel Yang Hendak Dibekalkan yang diisi dan ditandatangani dengan sempurnanya. Borang Tender dan/atau Jadual Butir-butir Artikel Yang Hendak Dibekalkan yang tidak lengkap atau tidak bertandatangan akan ditolak.

Each tenderer must submit, enclosed and sealed in an envelope addressed as stipulated in the Tender Notice, a genuine tender on the Form of Tender provided, together with the copy of the Schedule of Articles to be Supplied duly filled in and signed. Form of Tender and/or Schedule of Articles to be Supplied which is incomplete or unsigned shall be disqualified.

1.4 Tender dan semua dokumen yang berkaitan dengannya mestilah diserah-hantar ke tempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Notis Tender. Mana-mana tender yang diserah-hantar selepas masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

The tender and all documents in connection therewith must be delivered to the place and at or before the time stipulated in the Tender Notice. Any tender delivered after the stipulated time will not be considered.

1.5 Perubahan-perubahan atau tambahan-tambahan tak berkebenaran tidaklah boleh dibuat kepada Borang Tender dan mana-mana dokumen tender yang lain.

Unauthorised alterations or additions shall not be made to the Form of Tender and any other tender documents.

1.6 Apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh petender dalam urusan menyediakan tender ini hendaklah ditanggung olehnya.

Any expenses incurred by the tenderer in the preparation of this tender shall be borne by him.

1.7 Sebagai balasan ke atas pengakuanjanji Kerajaan untuk membayar terus kepada petender yang berjaya sebagai Pembekal Dinamakan kepada Kontraktor berkaitan dengan apa-apa amaun yang disahkan sebagai kena dibayar dalam Perakuan-perakuan Interim atau Perakuan Muktamad menurut dan tertakluk kepada peruntukan yang berkenaan dalam Kontrak Utama dan Subkontrak, petender yang berjaya sebagai Pembekal Dinamakan kepada Kontraktor tersebut hendaklah mendepositkan kepada Kerajaan satu Surat Jaminan Tanggung Rugi dalam bentuk sebagaimana yang diperuntukkan di Lampiran kepada Kerajaan.

In consideration of the Government paying direct to the successful tenderer as the Nominated Supplier to the Contractor pertaining to any amount due in the Interim Certificates or the Final Certificates in accordance with and subject to the relevant provisions of the Main Contract and Sub-Contract, the said successful tenderer as the Nominated Supplier to the Contractor shall deposit to the Government a Letter of Indemnity in the form as specified in Appendix to the Government.

1.8 Petender hendaklah memeriksa dan meneliti Tapak Bina dan kawasan sekitarnya dan hendaklah disifatkan telah berpuas hati sendiri dan membenarkan dalam tendernya tentang keadaan Tapak Bina dan Kerja Kontrak Utama, cara-cara akses ke Tapak Bina dan pada amnya hendaklah dengan sendirinya mendapatkan segala maklumat yang perlu tentang risiko, luarjangkaan dan hal-hal keadaan lain yang mungkin mempengaruhi atau menjejas tendernya.

The tenderer shall inspect and examine the Site and its surroundings and shall be deemed to have satisfied himself and allowed in his tender as to the nature of the Site and Main Contract Works, the means of access to the Site and in general shall himself obtain all necessary information as to risks, contingencies and other circumstances which may influence or affect his tender.

1.9 Tender adalah tetap sah dan tidak boleh ditarik balik selama tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan untuk mengemukakan tender.

Tenders shall remain valid and shall not be withdrawn for period of sixty (60) days from the final date fixed for submission of tenders.

1.10 Petender yang berjaya hendaklah dengan seberapa segera yang praktik tetapi sebelum menandatangani Subkontrak ini, mendepositkan dengan Kontraktor Utama suatu Bon Perlaksanaan berjumlah sebanyak 5% daripada Jumlah Harga Subkontrak.

The successful tenderer shall as soon as is practicable but before the signing of the Sub-contract, deposit with the Main Contractor a Performance Bond amounting to 5% of the Sub-contract Sum.

1.11 Semua jadual butir-butir bagi Artikel-artikel yang hendak dibekalkan hendaklah diisi dan dikemukakan oleh petender beserta dengan tendernya.

All schedule of particulars shall be completed and submitted by the tenderer together with his tender.

1.12 Jika petender tidak mematuhi Syarat-syarat tersebut di atas mengenai apa-apa jua hal maka tendernya boleh ditolak.

Non-compliance with the above conditions in any respect shall render the tender liable to rejection.

2. MAKLUMAT AM
GENERAL INFORMATION

(Cacatan : Maklumat ini tidak melepaskan petender daripada tanggungjawab untuk memeriksa dan meneliti Tapak Bina mengikut Perenggan 1.8 di atas).

(Notes : These information shall not absolve the tenderer's responsibilities to inspect and examine the Site in accordance with Paragraph 1.8 above).

2.1 Lokasi Tapak Bina.....
.....
Location of Site

2.2 Akses ke Tapak Bina.....
….....
Access to Site

2.3 *Tarikh anggaran permulaan Pesanan oleh Kontraktor Utama
.....
**Approximate date for commencement of the Orders by the Main Contractor*

2.4 Punggah-turun dll. oleh
….....
Unloading etc. by

2.5 Tempat penstoran oleh
….....
Storage accommodation by

2.6 Penjagaan dan perlindungan : Oleh .....
Caring and protection of Sub-contract Works: By

(*Catatan : Tarikh yang disebutkan dalam perenggan 2.3 hanyalah anggaran sahaja dan petender yang berjaya dikehendaki memastikan dan membuat perkiraan dengan Kontraktor Utama mengenai tarikh sebenar bagi permulaan Pesanan.)

*(*Note: The date mentioned in paragraph 2.3 is only an approximation and the successful tenderer is required to ascertain and arrange with the Main Contractor the exact date for commencement of Orders.)*

3. MAKLUMAT MENGENAI KONTRAKTOR UTAMA *INFORMATION ON MAIN CONTRACT*

Catatan: Yang berikut adalah cabutan dari Syarat-syarat Kontrak Utama tetapi cabutan-cabutan itu tidak sama sekali melepaskan tanggungjawab petender untuk memeriksa dan berpengetahuan penuh akan semua peruntukan Kontrak Utama mengikut Perenggan 1.2 di atas.

Note: The following are extracts from the Conditions of the Main Contract but they shall in no way absolve the tenderer's responsibilities to have examine and to have full knowledge of all the provisions of the Main Contract in accordance with Paragraph 1.2 above.

3.1 No. Kontrak …….. bertarikh ……..
Contract No. *dated*

3.2 Kontrak untuk ……..
Contract for
……

3.3 Tarikh Siap (Fasal 39) ……...……
Date for Completion (Clause 39)

3.4 Gantirugi Tertentu dan Gantirugi Ditetapkan kerana tak siap mengikut kadar sebanyak (Fasal 40) RM…..... tiap-tiap satu …….....
Liquidated and Ascertained Damages for non-completion at the rate of (Clause 40) RM : ..... per.....

3.5 Siap Berbahagian-bahagian (Fasal 41) ……...……..
Sectional Completion (Clause 41)

3.6 Tempoh Liabiliti Kecacatan (Fasal 48.1) ……..……
Defects Liability Period (Clause 48.1)

3.7 Pembayaran (Fasal 28)
Payment (Clause 28)

(a) Penilaian untuk Perakuan Interim Pertama (Fasal 28.1) …….....……
Valuation for Interim Certificate (Clause 28.1)

(b) Penilaian Perakuan Interim (Fasal 28.2) .....…….....
Issue of Interim Certificate (Clause 28.2)

(c) Tempoh Menunaikan Perakuan Interim (Fasal 28.3) .....
Period for honouring of Interim Certificates (Clause 28.3)

LAMPIRAN 8

(JKR 203P5 Pind. 2010)

PESANAN UNTUK MEMBEKAL DAN MENYERAH-HANTAR ARTIKEL- ARTIKEL

ORDER TO SUPPLY AND DELIVERY OF ARTICLES
(Dikeluarkan oleh Kontraktor Utama kepada Pembekal Dinamakan)
(To be issued by Main Contractor to the Nominated Supplier)

No. Pesanan ……..
Order No.

……

……
(Kontraktor Utama)
(Main Contractor)

Tarikh .....
Date :

Kepada,
To,
……

……

……
(Pembekal Dinamakan)
(Nominated Supplier)

Tuan,

Subkontrak bagi
…….....
Sub-contract for
.....

Mengikut Fasal 13 Syarat-syarat Subkontrak, tuan adalah dengan ini diarah supaya memulakan bekalan dan serah-hantaran Artikel-artikel seperti yang disenaraikan di dalam Jadual Artikel-artikel yang Dipesan untuk Dibekal dan Diserah-hantarkan (Borang JKR 203P5A Pin. 2010) yang dikepil bersama ini.
In accordance with Clause 13 of the Conditions of Sub-contract, you are hereby instructed to supply and deliver the Articles as listed in the Schedules of Articles orderd to be supplied and delivered (Form JKR 203P5A Pin. 2010) attached herewith..

2. Berasaskan kepada tempoh-tempoh permulaan dan penyiapan yang ditender, tuan hendaklah memulakan bekalan dan serah-hantaran Artikel-artikel tersebut tidak lewat dari……..... dan akan menyiapkannya pada atau sebelum.....
Based on the tendered periods for commencement and completion you shall commence the supply and deliver of the aforesaid Articles not later than ..... and to complete the same on or before .....

LAMPIRAN 8 (samb.)

3. Jadual tersebut dihantar di dalam tiga salinan. Sila kembalikan yang asal yang telah ditandatangani dan disaksikan dengan sewajarnya oleh Wakil Tapak Bina kami yang diberikuasa, beserta dengan bil-bil tuan untuk bayaran sebaik sahaja siapnya serah- hantaran Artikel-artikel itu.

The said Schedule is sent to you in triplicate. Please return to us the original, duly signed by our authorised Site Representative, together with your bills for payment upon completion of delivery of the Articles.

.....
Tandatangan Kontraktor Utama
Signature of Main Contractor

(Nama Penuh.....
Name in full

No. Kad Pengenalan .....
I/C No.

Atas sifat .....
In the capacity of

Yang diberi kuasa dengan sempurnanya untuk menandatangani untuk dan bagi pihak
Duly authorised to sign for and on behalf of

.

.....
(Meteri atau Cap Kontraktor Utama) *Main Contractor's Seal or Chop*

s.k. Pegawai Penguasa
Superintending Officer

LAMPIRAN 9

(JKR 203P5A Pind. 2010)

JADUAL ARTIKEL-ARTIKEL YANG DIPESAN UNTUK DIBEKAL DAN DISERAH-HANTAR
SCHEDULE OF ARTICLES ORDERED TO BE SUPPLED AND DELIVERED

SUBKONTRAK UNTUK ……
SUB-CONTRACT FOR
.....

NO. PESANAN ..... TARIKH .....
ORDER NO. *DATE*

Tarikh permulaan Bekalan dan Serah-hantaran .....
Date for commencement of Supply and Delivery

Tarikh penyiapan Bekalan dan Serah-hantaran .....
Date for completion of Supply and Delivery

No. Butiran *Item No.*	PERIHAL ARTIKEL *DESCRIPTION OF ARTICLES*	KUANTITI *QUANTITY*	KADAR SEUNIT *UNIT RATE*	AMAUN *AMOUNT* (RM)
			Jumlah *Total*	

NOTA : Jadual ini adalah dalam tiga (3) salinan. Pembekal Dinamakan dan Wakil Kontraktor Utama yang diberikuasa hendaklah masing-masing menyimpan satu salinan dan yang asal hendaklah dikembalikan kepada Kontraktor Utama beserta dengan bil-bil Pembekal Dinamakan sebaik sahaja siapnya serahhantaran Artikel-artikel yang disenaraikan di atas.

NOTES : This schedule is in triplicate. One copy each shall be retained by the Nominated Supplier and the Main Contractor's Authorised Representative and the Original shall be returned to the Main Contractor together with the bills for payment upon completion of Delivery of the Articles as listed above.

LAMPIRAN 9 (samb.)

Yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini mengaku penerimaan Artikel-artikel yang disenaraikan di atas dalam keadaan baik.
The undersigned hereby acknowledges receipt of the Articles listed above in good condition.

.....
Tandatangan Wakil yang diberikuasa
Signature of Authorised Representative

(Nama Penuh .....)
Name in full

No. Kad Pengenalan .....
I/C No.

Atas sifat .....
In the capacity of

Yang diberikuasa dengan sempurnanya untuk menandatangani untuk dan bagi pihak *duly authorised to sign for and on behalf*

.....
(Meteri atau Cap Kontraktor Utama)
Main Contractor's Seal or Chop

Tarikh : ……
Date:

LAMPIRAN 10

(JKR 203P7 Pind. 2010)

SURAT JAMINAN TANGGUNG RUGI
DARI PEMBEKAL DINAMAKAN KEPADA KERAJAAN
LETTER OF INDEMNITY
FROM NOMINATED SUPPLIER TO THE GOVERNMENT

Surat Tanggung Rugi ini diberi pada ..... haribulan…… 20….....…… oleh Kami, …….....…….....……... yang beralamat (atau pejabat berdaftar yang terletak di) .... kepada Kerajaan ..... (kemudian dari ini disebut "Kerajaan").
This Letter of Indemnity is given the …… day of……..……20…..…… by us, ……..…… having a registered office situated at ..... ……..…..... to the Government of …….....(hereinafter called "the Government").

(2) Kerajaan telah melalui Kontrak No.....…….....…..……yang diikat pada …..... haribulan ……..…… 20….....…(kemudian dari ini disebut "Kontrak Utama") di antara Kerajaan bagi satu pihak dan ..... ……..... (kemudian dari ini disebut "Kontraktor") sebagai pihak yang satu lagi, mengambil kerja Kontraktor bagi melaksana dan menyiapkan…….…….....……..... (kemudian dari ini disebut "Kerja Kontrak Utama").
The Government has by a contract numbered ..... entered into on the …..…..day of ……20.....(hereinafter called "the Main Contract") between the Government of the one part and..... ……..…… (hereinafter called "the Contractor") on the other part, employed the Contractor for the execution and completion of .... (hereinafter called "the Main Contract Works").

(3) Kami telah mengemukakan tender bagi ……..…….....
……
(kemudian dari ini disebut "Artikel), yang berkenaan dengan Kos Prima atau Wang Peruntukan Sementara terdapat dalam dan menjadi sebahagian dari Kontrak Utama.
We have submitted a tender for ……
……...……
(hereinafter called "the Articles"), which is the subject of a Prime Cost or Provisional Sum in and forming part of the Main Contract.

(4) Menurut peruntukan berkaitan dalam Kontrak Utama, kami telah dinamakan untuk menjalankan dan menyiapkan pembekalan Artikel ini di atas terma dan Syarat-syarat Subkontrak (kemudian dari ini disebut "Kerja Subkontrak") yang akan diikat di antara Kontraktor dan Kami.
In accordance with the relevant provisions in the Main Contract, we have been nominated to execute and complete the supply and delivery of the Articles on the terms and conditions of a sub-contract (hereinafter called "the Sub-contract" to be entered into between the Contractor and us.

(5) Sebagai balasan ke atas pengakuanjanji Kerajaan untuk membayar terus kepada Kami amaun yang disahkan sebagai kena dibayar kepada Kami dalam Perakuan-perakuan Interim atau Perakuan Muktamad menurut dan tertakluk kepada peruntukan yang berkenaan dalam Kontrak Utama dan Subkontrak ini, Kami dengan ini membuat pengakuanjanji yang tidak boleh terbatal untuk melindungi dan menanggung rugi Kerajaan terhadap dan dari :
In consideration of the Government undertaking to pay direct to us the amount certified as due to us in Interim Certificates or the Final Certificate in accordance with and subject to the relevant provisions of the Main Contract and the Sub-contract, we hereby irrevocably undertake to indemnify and save harmless the Government, against and from :

(i) sebarang tanggungan Kerajaan kepada Kontraktor berpunca dari apa jua disebabkan oleh Kerajaan membuat bayaran terus kepada kami; dan
any liability of the Government to the Contractor howsoever arising, due to the making by the Government of payments direct to us; and

(ii) sebarang tanggungan Kerajaan kepada Kontraktor berpunca dari apa jua disebabkan oleh sebarang tindakan, kecuaian atau ketinggalan, atau sebarang pecah kontrak, tidak mematuhi atau tidak melaksanakan peruntukan Syarat-syarat Subkontrak oleh Kami, pengkhidmat atau ejen Kami: dan
any liability of the Government to the Contractor howsoever arising, due to any act, neglect, or omission, or any breach, non-observance or non-performance of the provisions of the Sub-contract by us, our servants or agents; and

(iii) sebarang kerugian dan/atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan berpunca dari apa jua disebabkan oleh sebarang tindakan, kecuaian atau ketinggalan, atau sebarang pecah kontrak, tidak mematuhi atau tidak melaksanakan peruntukan Syarat-syarat Subkontrak oleh Kami, pengkhidmat atau ejen kami.

any loss and/or expense incurred by the Government howsoever arising, due to any act, neglect or omission, or any breach, non-observance or non-performance of the provisions of the Sub-contract by us, our servants or agents.

Ditandatangani oleh
Signed by

Di hadapan
In the presence of

…… ……..…..

(Tandatangan Pembekal Dinamakan) (Tandatangan Saksi)
(Signature of Nominated Supplier) (Signature of Witness)

Nama Penuh ……
Name in full

Nama Penuh ……
Name in full

No. Kad Pengenalan ……
I/C. No. I/C. No.

No Kad Pengenalan ……...…

Atas sifat ……
In the capacity of

Pekerjaan ……...
Occupation

Yang diberi kuasa menandatangani untuk dan bagi pihak
Duly authorised to sign for and on behalf of

Alamat ……..……
Address
……..……

……..

Meteri atau Cap Pembekal Dinamakan
Seal or Chop of Nominated Supplier

LAMPIRAN 11

BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/
JAMINAN INSURANS UNTUK BON PELAKSANAAN
(SUB KONTRAKTOR DINAMAKAN)

Perjanjian ini telah dibuat pada ..... haribulan ..... 200 ..... DI ANTARA *(masukkan nama bank/syarikat kewangan/syarikat insurans) (masukkan alamat utama bank/syarikat kewangan/syarikat insurans) (*kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") sebagai satu pihak dan (masukkan nama kontraktor utama) (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") sebagai satu pihak lain.

DI MANA

(i) Perjanjian ini ..... kepada Sub Kontraktor Dinamakan (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Sub Kontraktor Dinamakan") bertarikh ..... haribulan ..... 202..... dan dibuat di antara (masukkan nama Sub kontraktor Dinamakan) (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Sub Kontraktor Dinamakan") sebagai satu pihak dan Kontraktor sebagai satu pihak lain di mana Sub Kontraktor Dinamakan bersetuju dan .....

(ii) Penjamin bersetuju untuk menjamin

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan Kontraktor seperti berikut:

(i) Jika Sub Kontraktor Dinamakan (kecuali dibebaskan daripada pelaksanaan oleh mana-mana klausa 1. Apabila sahaja Kerajaan membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah dengan serta merta membayar kepada Kerajaan nilai yang ditentukan dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi sebanyak Ringgit ..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM.....) dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan di bawah Perjanjian ini tidak melebihi nilai tersebut di atas. Kerajaan berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian

itu hendaklah tidak melebihi nilai Ringgit ..... (nyatakan nilai jaminan dalam perkataan) (RM.....) dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada Kerajaan jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.

(ii) Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Sub Kontraktor Dinamakan sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Sub Kontraktor Dinamakan atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya, tetapi Penjamin hendaklah.....

(iii) Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tidak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga ..... (kemudian daripada ini disebut “Tarikh Mati Asal”) (*Initial Expiry Date)* iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat tempoh kecacatan atau dalam keadaan dimana kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date)* Jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date)* (kemudian daripada ini disebut “Tarikh Mati Lanjutan”) (*Extended Expiry Date*) apabila diminta oleh Kerajaan dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang Kerajaan berhak di bawah Perjanjian ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah Ringgit ..... (nyatakan nilai Jaminan dalam perkataan) (RM.....)

(iv) Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date)* atau Tarikh Mati Lanjutan (*Extended Expiry Date*) melainkan jika sebelumnya Kontraktor telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.

(v) SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK BANK/SYARIKAT KEWANGAN /SYARIKAT INSURANS DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA EMPAT (4) MINGGU DARI TAMATNYA TARIKH JAMINAN INI, MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.

LAMPIRAN 11 (samb.)

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk)
dan bagi pihak Penjamin)
di hapadan)
)

……..……..…
Nama : ……...……..…...
Jawatan : …….
Cop Bank/Syarikat
Kewangan/Syarikat Insurans

……
(Saksi)

Nama : ……
Jawatan : ……
Alamat : ……

Ditandatangani untuk)
dan bagi pihak Kontraktor)
Dengan Kehadiran)
)

……..……..…
Nama : ……...……..…...
Jawatan : …….
Cop Kontraktor :

……
(Saksi)

Nama : ……
Jawatan : ……
Alamat : …….

PK 2.21



KERAJAAN MALAYSIA

Kaedah Pelaksanaan Perolehan Kerajaan Tahun 2026

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK2.21 KAEDAH PELAKSANAAN PEROLEHAN KERAJAAN TAHUN 2026

1. Pendahuluan 3

2. Perancangan dan Pelaksanaan Perolehan Tahunan 2026 3

3. Kebenaran Mempakejkan Perolehan Tahunan Bagi Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja 3

4. Had Nilai dan Tatacara Perolehan 4

    Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan 4

    Perolehan Kerja 4

5. Pihak Berkuasa Melulus 8

6. Taklimat/Lawatan Tapak 8

7. Tarikh Kuat Kuasa 9

PK 2.21 Kaedah Pelaksanaan Perolehan Kerajaan Tahun 2026

1. Pendahuluan

1.1. Kementerian Kewangan sentiasa mengkaji keperluan untuk memberi beberapa kelonggaran tatacara dan peraturan perolehan bagi menyokong usaha Kerajaan merancakkan aktiviti ekonomi agar pelaksanaan perolehan dapat dipercepatkan dan seterusnya mampu memberi kesan berganda kepada ekonomi negara serta kesejahteraan Rakyat.

1.2. Kementerian Kewangan berpandangan kelonggaran yang diberikan mulai beberapa tahun yang lalu masih relevan untuk diteruskan bagi menyokong pertumbuhan dan merangsang ekonomi negara ekoran ketidaktentuan ekonomi global serta usaha berterusan Kerajaan memacu kebijakan ekonomi.

2. Perancangan dan Pelaksanaan Perolehan Tahunan 2026

2.1. Agensi hendaklah merancang dan melaksanakan proses perolehan lebih awal bagi memastikan semua perolehan dan projek dapat disiapkan dan bayaran disempurnakan menggunakan peruntukan tahunan 2026 sepertimana yang telah diluluskan oleh Parlimen.

2.2. Pelawaan perolehan lebih awal iaitu selewat-lewatnya pada suku kedua tahun 2026 akan membantu pencapaian objektif Kerajaan memberi kelonggaran tatacara ini. Kegagalan Agensi memanfaatkan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Kewangan ini akan menjejaskan bukan sahaja usaha merancakkan aktiviti ekonomi negara malah sebarang pertimbangan kelonggaran tatacara pada masa hadapan.

2.3. Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) 2026 seboleh-bolehnya mengambil kira kelonggaran had nilai yang dibenarkan di bawah Pekeliling ini.

3. Kebenaran Mempakejkan Perolehan Tahunan Bagi Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja

3.1. Selaras dengan usaha Kerajaan untuk memastikan perolehan Kerajaan dapat dilaksanakan dengan segera di samping membuka lebih banyak peluang perolehan, Agensi dibenarkan untuk mempakej perolehan tahunan kepada pakej yang lebih kecil untuk dilaksanakan secara sebut harga atau undian (bagi perolehan kerja) berbanding tender.

Namun, Agensi TIDAK dibenarkan untuk mempakejkan perolehan yang perlu dilaksanakan secara tender/sebut harga kepada pembelian terus atau lantikan terus.

3.2. Mana-mana perolehan yang telah dipecahkan kepada pakej lebih kecil dalam tempoh sehingga 31 Disember 2026, kaedah perolehan bagi baki pakej perolehan yang belum dilaksanakan selepas tarikh tersebut adalah berdasarkan had nilai perolehan sedia ada yang berkuat kuasa.

4. Had Nilai dan Tatacara Perolehan

Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan

4.1. Had nilai perolehan yang dibenarkan untuk dipakejkan adalah bagi perolehan bernilai melebihi RM50,000 sahaja bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan.

4.2. Bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan yang dipakejkan untuk dilaksanakan secara sebut harga adalah tertakluk kepada syarat berikut:

(i) perolehan sebut harga tersebut hendaklah dilaksanakan sepenuhnya melalui Sistem ePerolehan, bagi agensi yang menggunakan Sistem ePerolehan; dan

(ii) jika PPT Agensi mencatatkan perancangan pelaksanaan secara tender, PPT tersebut hendaklah dikemaskini di dalam Sistem ePerolehan dengan memilih *'Inactive*' pada perolehan yang dipinda dan *'Create'* perolehan baharu bagi mengelakkan pertindihan data (*double counting*). Kedua-dua maklumat perlu disahkan oleh Pengesah dan diluluskan oleh Pelulus yang telah ditetapkan.

4.3. Had nilai perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan adalah kekal sebagaimana PK2.1.

Perolehan Kerja

4.4. Bagi mempercepat proses perolehan dan meningkatkan aktiviti ekonomi, had nilai perolehan kerja Kerajaan dinaikkan ke nilai ambang baharu seperti dalam **Jadual 1** berikut:

Jadual 1

Bil.	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
a.	Lantikan terus	Hingga RM50,000 (Kekal had nilai seperti PK2.1)	• Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred G1 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut:

Bil.	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
			i) mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB); atau ii) mempunyai PPK dan Sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil Unit Pendaftaran Kerja dan Juruperunding (UPKJ) (di Sarawak).
b.	Kerja *requisition* secara undian	Hingga RM200,000	• Menggunakan Jadual Kadar Kerja • Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: i) mempunyai PPK, SPKK serta STB; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). • Penentuan Gred kontraktor bagi pelaksanaan kerja elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal adalah seperti PK1.1 dan PK2.1
c.	Lantikan terus/ kerja *requisition* secara undian	Hingga RM200,000	• <u>Khusus bagi pelaksanaan kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil sahaja</u> • Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: i) mempunyai PPK, SPKK serta STB; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). • Penentuan Gred kontraktor bagi pelaksanaan kerja elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal adalah seperti PK1.1 dan PK2.1 • Dibenarkan untuk pelaksanaan projek-projek kecil baharu dengan syarat tidak melibatkan struktur infrastruktur/bangunan atau kerja elektrik, dan kos projek boleh disediakan dengan merujuk Jadual Kadar Kerja yang berkuat kuasa.

Bil.	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
d.	Sebut Harga	i. Melebihi RM50,000 hingga RM200,000	• Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G1 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: i) mempunyai PPK, SPKK serta STB; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak). • Penentuan Gred kontraktor bagi pelaksanaan kerja elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal adalah seperti PK1.1 dan PK2.1
		ii. Melebihi RM200,000 hingga RM500,000	• Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G2 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: i) mempunyai PPK serta SPKK; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak) • Penentuan Gred kontraktor bagi pelaksanaan kerja elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal adalah seperti PK1.1 dan PK2.1
		iii. Melebihi RM500,000 hingga RM3,000,000	• Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G3 hingga G4 (negeri berkenaan) mengikut had nilai perolehan kerja seperti yang dinyatakan dalam PK1.1 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: i) mempunyai PPK serta SPKK; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak) • Penentuan Gred kontraktor bagi pelaksanaan kerja elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal adalah seperti PK1.1 dan PK2.1

Bil.	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Syarat Perolehan
e.	Tender	Melebihi RM3,000,000	• Kontraktor tempatan • Kontraktor berdaftar dengan CIDB Gred G5 hingga G7 mengikut had nilai perolehan kerja seperti yang dinyatakan dalam PK1.1 • Kontraktor yang dipelawa hendaklah berdaftar dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta memenuhi syarat pendaftaran seperti berikut: i) mempunyai PPK serta SPKK; atau ii) mempunyai PPK dan Sijil PUKONSA (di Sabah); atau iii) mempunyai PPK dan Sijil UPKJ (di Sarawak) • Penentuan Gred kontraktor bagi pelaksanaan kerja elektrik dan kerja mekanikal khas untuk sepuluh (10) sistem mekanikal adalah seperti PK1.1 dan PK2.1
f.	Gotong Royong	Hingga RM200,000	Pelaksanaan gotong-royong adalah tertakluk kepada tatacara yang ditetapkan dalam PK2.12

4.5. Kerja *requisition* secara undian hendaklah menggunakan Jadual Kadar Kerja. Agensi hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam PPK, SPKK atau STB sahaja boleh memohon atau berdaftar dan menghadiri proses undian dan tidak mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dinamakan dalam sijil.

4.6. Dokumen perjanjian bagi perolehan kerja secara sebut harga di bawah Pekeliling ini hendaklah ditentukan mengikut nilai kontrak dan peraturan dalam PP/PK4.2.

4.7. Agensi digalakkan untuk melaksanakan perolehan sebut harga bernilai melebihi RM500,000 menggunakan syarat-syarat kontrak JKR203/203A dalam pemerolehan kontraktor utama bagi memudahkan pentadbiran kontrak sepanjang pelaksanaan projek. Dalam hal pentadbiran kontrak perolehan kerajaan, rujukan boleh dibuat mengikut nilai kontrak dan peraturan dalam PP/PK4.1. Bagi pelantikan subkontraktor dinamakan (NSC), Agensi hendaklah memastikan perolehan dilaksanakan secara teratur serta mematuhi syarat kontrak dan peraturan sedia ada yang berkuat kuasa.

4.8. Kaedah perolehan sebut harga dalam kelonggaran ini tidak boleh digunakan bagi melantik kontraktor projek reka dan bina serta kontraktor penyiap. Dalam hal ini Pekeliling berkuat kuasa bagi perkara yang berkenaan hendaklah di rujuk.

4.9. Agensi diberi pengecualian khas kepada Arahan Perbendaharaan (AP) 182, tanpa perlu merujuk kepada Jabatan Teknik bagi projek bernilai sehingga RM3,000,000. Agensi yang telah dikenal pasti bagi sesuatu projek adalah dilantik sebagai Agensi

Pelaksana Projek dan bertanggungjawab sepenuhnya dengan mematuhi peraturan kewangan dan perolehan yang berkuat kuasa, seperti syor berikut:

(i) bagi agensi yang tidak mempunyai pegawai teknikal kompeten, hendaklah menggunakan perkhidmatan perunding terutama bagi projek baharu, kerja penyenggaraan/pembaikan yang melibatkan struktur, dan kerja elektrik yang memerlukan kepakaran khusus; dan

(ii) hendaklah merancang pelaksanaan projek sebaiknya bagi memastikan hasrat kesegeraan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dapat dipenuhi dengan mengambil kira tempoh perolehan bagi melantik perunding dan kontraktor, serta tempoh pelaksanaan projek secara keseluruhan.

5. Pihak Berkuasa Melulus

5.1. Dibenarkan kuasa memutus oleh Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) bagi had nilai sehingga RM1,000,000 bagi perolehan kerja yang tertakluk kepada Pekeliling ini. Perolehan dengan had nilai melebihi RM1,000,000 hendaklah diputuskan di peringkat Lembaga Perolehan Agensi.

5.2. Had nilai untuk memutuskan oleh JKSH adalah kekal melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan.

5.3. Mesyuarat PBM boleh dilaksanakan secara fizikal, dalam talian ataupun hibrid.

6. Taklimat/Lawatan Tapak

6.1. Tatacara taklimat/lawatan tapak bagi tender/sebut harga perolehan bekalan, perkhidmatan bukan perunding dan kerja adalah seperti berikut:

(i) taklimat atau lawatan tapak boleh dilaksanakan secara fizikal, dalam talian atau hibrid;

(ii) jika taklimat tender dilaksanakan dalam talian, maklumat berkaitan spesifikasi/terma rujukan/brif projek perlu dinyatakan dengan jelas dan terperinci untuk membantu syarikat yang menyertai tender/sebut harga dapat memahami kehendak Agensi; dan

(iii) Agensi boleh memberi satu tempoh yang munasabah bagi syarikat melawat sendiri kawasan/tapak yang dinyatakan dalam dokumen tender/sebut harga agar dapat membantu syarikat mendapat maklumat yang lebih tepat, mengetahui keadaan dan memperoleh maklumat tambahan yang berguna untuk menyediakan tawaran tender/sebut harga yang baik.

7. Tarikh Kuat Kuasa

7.1. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026**.

7.2. Pekeliling dikemaskini pada **24 Februari 2026**.

7.3. Bagi maksud pelaksanaan Pekeliling ini, Pesanan Kerajaan, Inden Kerajaan atau Surat Setuju Terima hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2026.

7.4. Sekiranya terdapat perbezaan arahan Kementerian Kewangan, peraturan dan tatacara perolehan dalam Pekeliling khusus lain, maka peraturan yang digariskan melalui Pekeliling ini adalah terpakai dan berkuat kuasa bagi tempoh yang ditetapkan.

KERAJAAN MALAYSIA

Perolehan Perkhidmatan Pengangkutan/Penghantaran Dan Perlindungan Insurans Barangan Import

KANDUNGAN

PK 2.23 PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN/PENGHANTARAN DAN PERLINDUNGAN INSURANS BARANGAN IMPORT 1

1. Pendahuluan. 1

2. Latar Belakang. 1

3. Takrifan 2

4. Perolehan Perkhidmatan Pengangkutan/Penghantaran Barangan Import 4

5. Kontrak Pusat Perolehan Perkhidmatan Perlindungan Insurans Barangan Import Kerajaan Oleh Agensi Kerajaan. 7

6. Kontrak Pusat Perolehan Perkhidmatan Pembrokeran Insurans Barangan Import Kerajaan Oleh Agensi Kerajaan. 10

7. Perolehan Perkhidmatan Perlindungan Insurans Barangan Import Bagi Kategori Takaful Marin Perlindungan Tunggal. 12

8. Tatacara Perolehan Perkhidmatan Perlindungan Insurans Barangan Import Melalui Broker Insurans.....13

9. Tatacara Tuntutan Insurans Bagi Kehilangan/Kerosakan Barangan Import 15

10. Tarikh Kuat Kuasa 17

11. Pertanyaan. 17

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Templat Permohonan Maklumat Barangan Yang Diimport Daripada Pembekal Yang Berjaya

Lampiran 2 : Templat Pelawaan Sebut Harga Perkhidmatan Pengangkutan/Penghantaran Di Luar Sistem ePerolehan

Lampiran 3 : Templat Arahan Perkapalan

Lampiran 4 : Maklumat Syarikat Insurans Yang Dilantik Oleh Kerajaan

Lampiran 5 : Maklumat Broker Insurans Yang Dilantik Oleh Kerajaan

Lampiran 6 : Templat Notis Tuntutan Kepada Pihak Ketiga

PK 2.23 PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN/PENGHANTARAN DAN PERLINDUNGAN INSURANS BARANGAN IMPORT

1. Pendahuluan

1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan dan penjelasan mengenai pengurusan perolehan pengangkutan/penghantaran dan perlindungan insurans barangan import oleh Agensi bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement* – FTA).

2. Latar Belakang

2.1. Pengurusan perolehan barangan import meliputi perolehan barangan import, pelantikan *Multimodal Transport Operator* (MTO) dan perlindungan insurans barangan import.

2.2. Sehingga 30 November 2022, perolehan barangan import dan pelantikan MTO dilaksanakan oleh Agensi mengikut kaedah perolehan yang berkuat kuasa, manakala perlindungan insurans barangan import diuruskan di bawah Akaun Amanah Kumpulan Wang Insurans Barang-Barang Kerajaan (KWIBK) oleh Kementerian Kewangan (MoF).

2.3. Akaun Amanah KWIBK yang berkuat kuasa sejak 1 Julai 1968 di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 telah diwujudkan untuk memberi perlindungan insurans barangan import bagi perolehan yang dibuat oleh Agensi.

2.4. Walau bagaimanapun, selaras dengan perkembangan industri insurans tempatan yang semakin kompetitif dan peningkatan akauntabiliti serta tadbir urus Agensi dalam perolehan barangan import, MoF telah memutuskan untuk menutup Akaun Amanah KWIBK.

2.5. Mulai 1 Disember 2022, Agensi hendaklah mendapatkan perlindungan insurans barangan import daripada Syarikat Insurans yang dilantik oleh Kerajaan melalui Kontrak Pusat Perolehan Perkhidmatan Perlindungan Insurans Barangan Import Kerajaan Oleh Agensi Kerajaan. Oleh itu, Agensi hendaklah memperolehi perkhidmatan ini melalui Broker Insurans yang dilantik oleh Kerajaan di bawah Kontrak Panel Berpusat Perolehan Perkhidmatan Pembrokeran Insurans Barangan Import Kerajaan Oleh Agensi Kerajaan.

2.6. Mulai 1 Disember 2024, Broker Insurans dilantik di bawah Kontrak Pusat Perolehan Perkhidmatan Pembrokeran Insurans Barangan Import Kerajaan Oleh Agensi Kerajaan.

3. Takrifan

3.1. Bagi maksud PP/PK:

(i) "**Agensi**" bermakna semua Kementerian, Jabatan Persekutuan di peringkat Kerajaan Persekutuan, wilayah, negeri atau daerah dalam Persekutuan dan mana-mana entiti lain dalam perkhidmatan awam Persekutuan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau entiti lain yang mewakili Agensi Kerajaan bagi melaksanakan sesuatu perolehan. Jika terdapat kekeliruan mengenai pemakaian PP/PK kepada mana-mana entiti, ia akan ditentukan oleh Perbendaharaan.

(ii) "**Arahan Perkapalan**" bermaksud dokumen arahan yang dikeluarkan oleh Agensi dan dikemukakan kepada pihak MTO yang mengandungi spesifikasi terperinci penghantaran seperti maklumat barangan, kaedah *International Commercial Terms* (*Incoterms*) dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

(iii) "**Broker Insurans**" bermaksud pembekal yang memberikan perkhidmatan pembrokeran insurans/takaful yang bertanggungjawab mewakili Agensi dalam urusan insurans/takaful dengan Syarikat Insurans termasuk untuk mendapatkan Polisi Insurans dan membuat tuntutan insurans/takaful daripada Syarikat Insurans.

(iv) "***Incoterms***" ialah panduan atau peraturan perdagangan antarabangsa standard yang menerangkan hak dan tanggungjawab penjual dan pembeli. Panduan *Incoterms* yang diterima pakai untuk tatacara ini ialah *Incoterms* yang dikeluarkan oleh *International Chamber of Commerce* (ICC).

(v) "**Kontrak Induk**" bermaksud sebut harga/tender bekalan/perkhidmatan/kerja yang telah dipersetujui/diikat di antara Agensi dengan pembekal/kontraktor.

(vi) "**Kos Barang**" bermaksud nilai kargo yang terlibat dalam setiap penghantaran tidak termasuk kos pemasangan, pentauliahan, pengujian, latihan atau kos-kos lain yang dikenakan di Malaysia.

(vii) "**Kos Tambang**" bermaksud tambang yang dikenakan oleh syarikat MTO bagi setiap penghantaran tidak termasuk kos-kos lain seperti kos dokumentasi, kos pengendalian dan kos pemunggahan.

(viii) *"**Multimodal Transport Operator*** **(MTO)**" bermaksud pembekal perkhidmatan logistik yang mengendalikan pengangkutan kargo dengan mod pengangkutan yang pelbagai.

(ix) "**Nilai Perlindungan**" bermaksud nilai liabiliti yang dilindungi oleh Syarikat Insurans ke atas barangan import.

(x) "**Polisi Insurans**" bermaksud Nota Perlindungan (*Cover Note*) insurans/takaful barangan import yang dikeluarkan oleh Syarikat Insurans yang merupakan dokumen lengkap sebagai bukti perlindungan insurans. Dokumen ini mengandungi semua maklumat berkaitan insurans/takaful barangan import seperti nama Agensi sebagai pihak yang dilindungi, butiran pengisytiharan, terma, harga premium insurans/takaful dan sebagainya.

(xi) "**Pangkalan Punggah**" bermaksud *port of discharge* yang mana barangan import dipunggah dari mod pengangkutan.

(xii) "**Pangkalan Memuat**" bermaksud *port of loading* yang mana barangan import dimuatkan ke dalam mod pengangkutan.

(xiii) "**Semua Risiko (*All Risk*s)**" bermaksud takrifan risiko sebagaimana yang ditetapkan dalam *Institute Cargo Clauses* A.

(xiv) "**Syarikat Insurans**" bermaksud penanggung insurans/takaful yang menawarkan perkhidmatan perlindungan insurans/takaful.

(xv) "**Takaful Marin Perlindungan Terbuka**" bermaksud sejenis polisi takaful marin yang mana Syarikat Insurans bersetuju untuk menyediakan perlindungan terbuka (*Open Cover*) untuk semua kargo yang dihantar dalam tempoh polisi.

(xvi) "**Takaful Marin Perlindungan Tunggal**" bermaksud sejenis polisi takaful marin yang mana Syarikat Insurans bersetuju untuk menyediakan perlindungan untuk satu (1) kargo (*Single Cover*) yang dihantar dalam tempoh polisi.

(xvii) "***Treaty***" bermaksud perjanjian antara Syarikat Insurans dengan Syarikat Insurans yang lain.

4. Perolehan Perkhidmatan Pengangkutan/Penghantaran Barangan Import

4.1. **Pelantikan MTO**

(i) Hanya satu (1) MTO perlu dilantik bagi menguruskan penghantaran di bawah satu (1) kontrak induk. Walau bagaimanapun, Agensi dibenarkan melantik lebih dari satu (1) MTO bagi satu (1) kontrak induk sekiranya didapati ianya lebih praktikal dan menjimatkan.

(ii) Permulaan operasi oleh MTO dalam menguruskan pengangkutan/penghantaran barangan import adalah tertakluk kepada kaedah *Incoterms* seperti berikut:

a. *Free On Board* (FOB) - bermula sebaik sahaja barangan dimuatkan di atas kapal;
b. *Free Carrier* (FCA) - bermula sebaik sahaja barangan dimuatkan di atas kapal/pesawat/kereta api/lain-lain pengangkutan; dan
c. *Ex Works* (EXW) - bermula dari premis yang ditetapkan oleh pembekal di luar negara.

(iii) Perolehan perkhidmatan MTO hendaklah diuruskan seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
Pembelian Terus	Sehingga RM50,000	Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan/ Pegawai Yang Diturunkan Kuasa
Sebut Harga	Melebihi RM50,000 Sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga
Tender	Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan Agensi

(iv) Agensi Persekutuan hendaklah melaksanakan perolehan perkhidmatan MTO menggunakan Sistem ePerolehan, manakala Agensi selain itu hendaklah menggunakan sistem perolehan masing-masing.

(v) Agensi hendaklah menyemak dan memastikan dasar pemilihan MTO tempatan tidak bercanggah dengan obligasi perjanjian antarabangsa sebelum melaksanakan perolehan barangan import. Peraturan ini tidak terpakai jika terdapat klausa di bawah perjanjian antarabangsa yang menghalang pelaksanaan peraturan ini.

(vi) Penilaian dan pemilihan MTO hendaklah mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:

a. Syarikat tempatan yang berdaftar dengan MoF di bawah kod bidang 221709;
b. Mempunyai prestasi perkhidmatan yang baik;
c. Menggunakan *direct call* ke mana-mana pelabuhan di Malaysia; dan
d. Tiada *transhipment* dan menawarkan harga yang berpatutan. Walau bagaimanapun, jika tidak dapat dielakkan, *transhipment* adalah dibenarkan dengan memberi keutamaan pertukaran kepada kapal atau pesawat milik syarikat perkapalan atau syarikat penerbangan tempatan.

4.2. **Tanggungjawab Agensi Dalam Urusan MTO**

(i) Agensi hendaklah meminta pembekal yang berjaya dalam perolehan pembekalan barangan melengkapkan deskripsi barangan import di **Lampiran 1**. Dokumen ini hendaklah menjadi sebahagian daripada Surat Setuju Terima (SST)/kontrak.

(ii) Agensi hendaklah melengkapkan **Lampiran 2** berdasarkan maklumat di **Lampiran 1**. Bagi Agensi Persekutuan yang melaksanakan perolehan perkhidmatan MTO dengan menggunakan Sistem ePerolehan, maklumat di **Lampiran 2** hendaklah dijadikan sebagai item dan spesifikasi serta skop perkhidmatan, manakala Agensi selain itu hendaklah membuat pelawaan perolehan perkhidmatan MTO dengan menggunakan **Lampiran 2**.

(iii) Agensi hendaklah memberikan kepada MTO yang berjaya, satu (1) salinan Pesanan Kerajaan dan sesalinan Arahan Perkapalan (**Lampiran 3**) sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh penghantaran. Satu (1) salinan Arahan Perkapalan hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan bagi penetapan penggiliran Broker Insurans di bawah Kontrak Pusat Perolehan Perkhidmatan Pembrokeran Insurans Barangan Import Kerajaan Oleh Agensi Kerajaan.

(iv) Arahan Perkapalan hendaklah dilengkapkan sepenuhnya. Nombor rujukan Arahan Perkapalan hendaklah jelas supaya dapat membezakan antara satu (1) penghantaran dengan penghantaran yang lain. Setiap satu (1) Arahan Perkapalan merujuk kepada satu (1) penghantaran dari satu (1) Pangkalan Memuat atau tempat-tempat yang dinamakan di negara asal (*country of origin*) barangan dibeli atau negara pembuat sahaja. Ini adalah untuk memudahkan proses pengesanan dan proses tuntutan insurans/takaful sekiranya terjadi kehilangan/ kerosakan/kurang bekal pada barangan import atau berlaku kerosakan/kemalangan ke atas pengangkutan yang digunakan untuk mengangkut barangan import.

(v) Tanda pengenalan (*shipping mark*) hendaklah diberi perhatian serius oleh Agensi kerana tanda yang jelas dan terang akan memudahkan barangan tersebut dikesan dengan cepat.

(vi) Agensi hendaklah berbincang bersama MTO dan pembekal/kontraktor untuk mengatur dan merancang cara penghantaran yang terbaik bagi barangan yang memerlukan penjadualan dan penjagaan yang rapi.

(vii) Agensi hendaklah memastikan segala dokumen yang dikemukakan oleh MTO untuk tujuan pelepasan barangan di Pangkalan Punggah diuruskan dengan segera bagi mengelakkan dari dikenakan membayar caj penyimpanan (*storage charges*) atau *demurrage charges*.

(viii) Agensi boleh meminta MTO menguruskan pemeriksaan penyiasatan (*survey*) sekiranya merasakan barangan yang diimport sensitif dan memerlukan penjagaan keselamatan tertentu dengan syarat telah dinyatakan dalam iklan/dokumen tender terlebih dahulu.

(ix) Bayaran perkhidmatan MTO hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan mengikut kadar yang telah dipersetujui dalam SST dan mengikut sesuatu penghantaran yang telah dilaksanakan. Dokumen-dokumen sokongan pembayaran adalah seperti berikut:

a. Invois asal daripada syarikat MTO;
b. Nota Debit/Kredit asal daripada syarikat MTO;
c. Pesanan Penghantaran asal daripada syarikat MTO;
d. Salinan Pesanan Kerajaan yang diakui sah;
e. Salinan Arahan Perkapalan yang diakui sah;

f. *Bill of Lading*/*Airway Bill*;
g. Salinan penyata bank yang diakui sah;
h. Salinan sijil MoF yang diakui sah;
i. Salinan sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang diakui sah; dan
j. Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

4.3. **Tanggungjawab MTO**

(i) MTO bertanggungjawab mematuhi obligasi dalam SST/dokumen kontrak.

(ii) Memaklumkan mengenai pergerakan penghantaran barangan import dari masa ke masa kepada Agensi.

5. Kontrak Pusat Perolehan Perkhidmatan Perlindungan Insurans Barangan Import Kerajaan Oleh Agensi Kerajaan

5.1. **Pendahuluan**

(i) MoF telah memutuskan agar perolehan perkhidmatan perlindungan insurans barangan import oleh Agensi dilaksanakan secara Kontrak Pusat.

(ii) Tempoh Kontrak Pusat Perolehan Perkhidmatan Perlindungan Insurans Barangan Import Kerajaan Oleh Agensi Kerajaan adalah selama **dua (2) tahun** iaitu mulai **1 Disember 2024 sehingga 30 November 2026**. Selepas tempoh tersebut Kerajaan berhak untuk mengekalkan atau menggugurkan item ini daripada Kontrak Pusat.

(iii) Kontrak Pusat ini adalah bagi semua perolehan barangan import yang tidak tertakluk kepada FTA.

5.2. **Maklumat Syarikat Insurans**

Maklumat Syarikat Insurans yang dilantik oleh Kerajaan di bawah Kontrak Pusat Perolehan Perkhidmatan Perlindungan Insurans Barangan Import Kerajaan Oleh Agensi Kerajaan adalah seperti di **Lampiran 4**.

5.3. **Had Nilai Perolehan**

(i) Perkhidmatan ini adalah terpakai bagi perolehan yang bernilai RM500,000 dan ke atas.

(ii) PK 1.4 Para 2.7 menetapkan bagi perolehan bernilai kurang daripada RM500,000, perkhidmatan perlindungan insurans adalah berdasarkan *Incoterms* kaedah *Cost, Insurance and Freight* (CIF) atau kaedah lain seumpamanya di dalam *Incoterms* oleh ICC. Pembida bertanggungjawab menguruskan pengangkutan/ penghantaran daripada kilang terus kepada tempat penerimaan yang ditetapkan agensi (*door-to-door delivery*). Harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua diskaun, kos tambahan yang berkaitan, fi perkhidmatan sistem ePerolehan, kos pengangkutan dan kos perlindungan insurans.

5.4. **Harga Perkhidmatan Perlindungan Insurans Barangan Import**

(i) Harga perolehan perkhidmatan perlindungan insurans barangan import adalah tertakluk kepada kadar premium insurans yang dinyatakan dalam Polisi Takaful Marin Perlindungan Terbuka di antara Kerajaan dengan syarikat-syarikat insurans/takaful yang mana Syarikat Insurans yang dilantik oleh Kerajaan adalah sebagai *Lead Co-Takaful*.

(ii) Kadar premium insurans/takaful yang dikenakan adalah 0.15% daripada nilai perlindungan barangan import tertakluk kepada premium insurans minimum RM25 bagi setiap satu (1) pengisytiharan.

(iii) Nilai perlindungan barangan import ditentukan dengan mengambil kira kos barang (nilai kargo), kos pengangkutan dan tambahan 10% daripada jumlah kos barang berserta kos pengangkutan atau diringkaskan seperti berikut:

Formula Nilai Perlindungan =
Kos Barang + Kos Pengangkutan +
[10% x (Kos Barang + Kos Pengangkutan)]

5.5. **Pesanan Kerajaan Dan Pembayaran**

(i) Agensi hendaklah mengeluarkan Pesanan Kerajaan dan membuat pembayaran kepada Broker Insurans yang dilantik

oleh Kerajaan di bawah Kontrak Pusat Perolehan Perkhidmatan Pembrokeran Insurans Barangan Import Kerajaan Oleh Agensi Kerajaan. Penetapan Broker Insurans akan dilaksanakan oleh Perbendaharaan secara penggiliran setelah menerima sesalinan Arahan Perkapalan daripada Agensi.

(ii) Bagi Agensi Persekutuan, Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan melalui Sistem ePerolehan, manakala Agensi selain daripada itu hendaklah mengeluarkan Pesanan Kerajaan dan membuat pembayaran berdasarkan peraturan dan tatacara atau melalui sistem perolehan masing-masing.

5.6. **Pemakaian *Incoterms***

Kaedah *Incoterms* yang terpakai di bawah Polisi Takaful Marin Perlindungan Terbuka ialah seperti berikut:

(i) ***Free On Board* (FOB)**

Penjual bertanggungjawab ke atas urusan eksport, kos pengangkutan dan perlindungan insurans dari kilang/gudang hingga barangan dimasukkan ke atas kapal di pelabuhan yang dinamakan. Pembeli iaitu Agensi pula bertanggungjawab ke atas kos pengangkutan dan perlindungan insurans barangan dari Pangkalan Memuat hingga ke destinasi akhir.

(ii) ***Free Carrier* (FCA)**

Penjual bertanggungjawab ke atas urusan eksport, kos pengangkutan dan perlindungan insurans barangan dari kilang/gudang sehingga terminal pengangkutan darat/laut/udara yang dinamakan. Pembeli iaitu Agensi pula bertanggungjawab ke atas kos pengangkutan dan perlindungan insurans barangan dari terminal pengangkutan darat/laut/udara yang dinamakan hingga ke destinasi akhir.

(iii) ***Ex Works* (EXW)**

Pembeli iaitu Agensi bertanggungjawab sepenuhnya ke atas urusan eksport, kos pengangkutan dan perlindungan insurans barangan dari kilang/gudang penjual hingga ke destinasi akhir. Kaedah ini lebih sesuai bagi barangan yang memerlukan pengendalian khas (*special handling*) dan pengiring keselamatan (*security escort*).

6. Kontrak Pusat Perolehan Perkhidmatan Pembrokeran Insurans Barangan Import Kerajaan Oleh Agensi Kerajaan

6.1. Pendahuluan

(i) MoF telah memutuskan agar perolehan perkhidmatan pembrokeran insurans barangan import oleh Agensi dilaksanakan secara Kontrak Pusat.

(ii) Tempoh Kontrak Pusat Perolehan Perkhidmatan Pembrokeran Insurans Barangan Import Kerajaan Oleh Agensi Kerajaan adalah selama **dua (2) tahun** iaitu mulai **1 Disember 2024 sehingga 30 November 2026**. Selepas tempoh tersebut Kerajaan berhak untuk mengekalkan atau menggugurkan item ini daripada Kontrak Pusat.

(iii) Kontrak Pusat ini adalah bagi semua perolehan barangan import yang tidak tertakluk kepada FTA.

6.2. Maklumat Broker Insurans

Maklumat Broker Insurans yang dilantik oleh Kerajaan di bawah Kontrak Pusat Perolehan Perkhidmatan Pembrokeran Insurans Barangan Import Kerajaan Oleh Agensi Kerajaan adalah seperti di **Lampiran 5**.

6.3. Harga Perkhidmatan Pembrokeran Insurans Barangan Import

(i) Kadar premium insurans/takaful yang dikenakan adalah 0.15% daripada nilai perlindungan barangan import tertakluk kepada premium insurans minimum RM25 bagi setiap satu (1) pengisytiharan.

(ii) Tiada caj lain yang dikenakan kepada Agensi bagi Perkhidmatan Pembrokeran Insurans Barangan Import.

(iii) Broker Insurans akan menerima komisen daripada Syarikat Insurans yang dilantik oleh Kerajaan.

6.4. Pesanan Kerajaan Dan Pembayaran

(i) Agensi hendaklah mengeluarkan Pesanan Kerajaan dan membuat pembayaran kepada Broker Insurans yang dilantik di bawah Kontrak Pusat Perolehan Perkhidmatan Pembrokeran Insurans Barangan Import Kerajaan Oleh Agensi Kerajaan.

Penetapan Broker Insurans akan dilaksanakan oleh Perbendaharaan secara penggiliran setelah menerima sesalinan Arahan Perkapalan daripada Agensi.

(ii) Bagi Agensi Persekutuan, Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan melalui Sistem ePerolehan, manakala Agensi selain daripada itu hendaklah mengeluarkan Pesanan Kerajaan melalui sistem perolehan masing-masing.

(iii) Pembayaran kepada Broker Insurans hendaklah dibuat dengan segera setelah Polisi Insurans diterima dengan lengkap dan sempurna daripada Broker Insurans.

6.5. **Tanggungjawab Broker Insurans**

(i) Memastikan kepentingan Kerajaan terjamin dalam melaksanakan perkhidmatan pembrokeran termasuk perundingan dengan Syarikat Insurans.

(ii) Memberi khidmat nasihat kepada Agensi merangkumi semua aspek keperluan insurans/takaful selaras dengan objektif utama bagi memastikan semua barangan import dilindungi.

(iii) Menguruskan perlindungan insurans barangan import dengan Syarikat Insurans yang telah dilantik oleh Kerajaan di bawah Polisi Takaful Marin Perlindungan Terbuka.

(iv) Bagi keadaan di mana skop perlindungan tidak tertakluk di bawah Polisi Takaful Marin Perlindungan Terbuka, Broker Insurans hendaklah berunding terlebih dahulu dengan Syarikat Insurans yang telah dilantik oleh Kerajaan agar polisi tersebut dipanjangkan perlindungannya kepada barangan import tersebut sebelum Broker Insurans berunding dengan Syarikat Insurans yang lain.

(v) Menguruskan tuntutan insurans yang dikemukakan oleh Agensi dan memastikan tawaran yang dikemukakan oleh Pelaras Tuntutan Insurans (*Insurance Claim Adjuster*) menguntungkan Kerajaan.

7. Perolehan Perkhidmatan Perlindungan Insurans Barangan Import Bagi Kategori Takaful Marin Perlindungan Tunggal

7.1. Secara amnya, perolehan perkhidmatan perlindungan insurans barangan import hendaklah menggunakan Takaful Marin Perlindungan Terbuka.

7.2. Walau bagaimanapun, Agensi adalah dibenarkan untuk melaksanakan perolehan kategori Takaful Marin Perlindungan Tunggal dan menaiktaraf perlindungan risiko daripada *Institute Cargo* (IC) *Clauses* C kepada IC *Clauses* A atau IC *Clauses* B dengan tambahan bayaran premium bagi memastikan perlindungan ke atas semua risiko untuk situasi-situasi yang berikut:

(i) Perolehan barangan import yang tidak tertakluk kepada Polisi Takaful Marin Perlindungan Terbuka di bawah Kontrak Pusat Perolehan Perkhidmatan Perlindungan Insurans Barangan Import Kerajaan Oleh Agensi iaitu:

a. Semua barangan dan barang dagangan seperti bahan radioaktif, haiwan ternakan, kontena, buah-buahan segar, sayur-sayuran, ikan, kacang soya, kacang tanah, makanan sejuk beku, bijirin, barangan kemas, simen, urea, petroleum dan produk petrokimia;
b. Barangan dari negara-negara yang dikenakan sekatan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau organisasi-organisasi antarabangsa lain yang dianggotai Malaysia. Agensi hendaklah membuat semakan senarai negara-negara tersebut melalui laman web Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI); dan
c. Nilai perlindungan barangan import melebihi RM100 Juta dalam satu (1) mod pengangkutan pada satu-satu masa.

(ii) Penghantaran ke mana-mana lokasi di luar negara untuk tujuan:

a. Pembaikan barangan yang diimport yang masih dalam tempoh jaminan;
b. Pembaikan barangan yang diimport yang telah tamat tempoh jaminan; dan
c. Pembaikan barangan import yang diisytiharkan rosak oleh Pelaras Tuntutan Insurans (*Insurance Claim Adjuster*).

(iii) Penghantaran barangan rosak yang telah dibaiki dari mana-mana lokasi di luar negara ke destinasi terakhir di Malaysia.

7.3. Broker Insurans hendaklah berunding terlebih dahulu dengan Syarikat Insurans yang dilantik oleh Kerajaan agar Takaful Marin Perlindungan Terbuka dipanjangkan kepada barangan import tersebut.

7.4. Sekiranya Syarikat Insurans yang dilantik oleh Kerajaan tidak bersetuju, Agensi adalah dibenarkan untuk melaksanakan perolehan Takaful Marin Perlindungan Tunggal daripada Syarikat Insurans tempatan yang lain.

8. Tatacara Perolehan Perkhidmatan Perlindungan Insurans Barangan Import Melalui Broker Insurans

8.1. Perlindungan insurans hendaklah diuruskan sebelum penghantaran barangan import dilaksanakan dari Pangkalan Memuat atau tempat-tempat yang dinamakan di negara asal (*country of origin*) barangan dibeli atau negara pembuat.

8.2. Agensi hendaklah mengesahkan status kesediaan penghantaran daripada pembekal bagi tujuan pemakluman kepada syarikat MTO dan perolehan perkhidmatan perlindungan insurans.

8.3. Agensi hendaklah menyediakan dan mengemukakan Arahan Perkapalan (**Lampiran 3**) kepada MTO dan salinan kepada Perbendaharaan sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh penghantaran.

8.4. Perbendaharaan akan mengeluarkan surat pemakluman penggiliran Broker Insurans kepada Agensi.

8.5. Agensi hendaklah menghubungi Broker Insurans yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan dan mengemukakan dokumen yang diperlukan oleh Broker Insurans seperti salinan Arahan Perkapalan dan dokumen-dokumen tambahan yang berkaitan untuk mendapatkan tawaran harga (*quotation*).

8.6. Broker Insurans akan mengeluarkan tawaran harga kepada Agensi. Harga tawaran adalah nilai premium insurans barangan import yang dikira berdasarkan pengiraan di perenggan 5.4.(iii).

8.7. Berdasarkan tawaran harga daripada Broker Insurans, Agensi hendaklah mengeluarkan Pesanan Kerajaan. Agensi Persekutuan hendaklah melaksanakan perolehan menggunakan Sistem ePerolehan melalui Modul Pembelian Terus dengan memilih jenis perolehan Item Khas Perlindungan Insurans Barangan Import. Agensi

selain daripada itu hendaklah mengeluarkan Pesanan Kerajaan melalui sistem perolehan masing-masing.

8.8. Broker Insurans akan mengeluarkan Polisi Insurans kepada Agensi. Agensi hendaklah membuat semakan untuk memastikan maklumat-maklumat seperti nama Agensi sebagai pihak yang dilindungi, butiran pengisytiharan, terma, harga premium insurans/takaful dan maklumat-maklumat lain yang dinyatakan adalah betul dan tepat. Polisi Insurans ini adalah bukti pengesahan perlindungan insurans.

8.9. Jika terdapat perbezaan butiran atau maklumat, Agensi perlu memaklumkan kepada Broker Insurans dengan kadar segera bagi tujuan pengesahan (*endorsement*) oleh Syarikat Insurans.

8.10. Agensi hendaklah membuat pembayaran premium insurans kepada Broker Insurans sebelum proses penghantaran dibuat oleh MTO. Dokumen-dokumen sokongan pembayaran adalah seperti berikut:

(i) Invois asal daripada Broker Insurans;
(ii) Nota Debit/Kredit asal daripada Broker Insurans (jika berkaitan);
(iii) Polisi Insurans asal;
(iv) Pesanan Penghantaran asal daripada Broker Insurans;
(v) Salinan Pesanan Kerajaan yang diakui sah;
(vi) Salinan Arahan Perkapalan yang diakui sah;
(vii) Salinan Penyata Bank yang diakui sah;
(viii) Salinan sijil MoF yang diakui sah;
(ix) Salinan sijil SSM yang diakui sah; dan
(x) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

8.11. Agensi hendaklah menyimpan dokumen pembayaran dengan teratur dan selamat sekiranya terdapat keperluan untuk membuat tuntutan insurans kelak.

8.12. Sekiranya pengisytiharan barangan import oleh Broker Insurans telah dibuat dengan Syarikat Insurans, namun terdapat perubahan tarikh penghantaran barangan import atau penghantaran barangan import tersebut tidak dapat dilaksanakan, Agensi hendaklah memaklumkan kepada Broker Insurans dengan kadar segera atau tidak lewat daripada tujuh (7) hari sebelum barangan import dijangka sampai ke destinasi terakhir seperti yang dinyatakan di dalam Arahan Perkapalan.

9. Tatacara Tuntutan Insurans Bagi Kehilangan/Kerosakan Barangan Import

9.1. Agensi bertanggungjawab untuk memeriksa keadaan barangan import sebelum membuat perakuan penerimaan pada Pesanan Penghantaran. Sebarang kerosakan dan kehilangan hendaklah dicatat pada Pesanan Penghantaran sebelum pengesahan penerimaan.

9.2. Sekiranya berlaku kerosakan/kehilangan, Agensi boleh membuat tuntutan insurans kepada pihak insurans melalui tatacara seperti berikut:

(i) Memaklumkan dengan kadar segera tidak lewat dari tempoh 24 jam setelah kerosakan atau kehilangan barangan import diketahui berserta anggaran kerugian kepada Broker Insurans bagi tujuan tuntutan insurans.

(ii) Bukti kerosakan atau kehilangan seperti gambar berwarna dan laporan pemeriksaan penyiasatan hendaklah disimpan dengan sempurna untuk rujukan.

(iii) Jika perlu, laporan polis hendaklah dibuat dengan kadar segera tidak lewat dari tempoh 24 jam dari waktu kehilangan atau kerosakan diketahui.

(iv) Broker Insurans akan memaklumkan kepada Syarikat Insurans dalam tempoh 24 jam setelah menerima aduan kerosakan atau kehilangan daripada Agensi.

(v) Pada masa yang sama, Agensi hendaklah mengemukakan tuntutan kepada pihak ketiga sama ada Pihak Berkuasa Perlabuhan, Pihak Berkuasa Lapangan Terbang, Kapal Pengangkutan, MTO atau pengurus lori (mengikut mana yang berkaitan) menggunakan format seperti di **Lampiran 6**.

(vi) Agensi hendaklah menghantar salinan dokumen-dokumen yang diakui sah untuk membuat tuntutan insurans kepada Broker Insurans seperti berikut:

a. Penyataan Tuntutan (*Statement of Claim*);
b. Polisi Insurans;
c. *Bill of Lading*/*Air Waybill*;
d. Invois barang dan *Packing List*/*Weight Note*;

e. Notis tuntutan ke atas pihak ketiga berserta maklum balas daripada pihak tersebut (**Lampiran 6**);
f. *Port Inward and Outward Survey* atau *Airlines Discrepancy/Damage Report*;
g. Pesanan Penghantaran/*Delivery Order* MTO;
h. Resit Penghantaran antaranya *Carriers' Loading and Discharge, Containers' Stuffing and Unstuffing* dan *Port Integrated Import*;
i. Borang Deklarasi Kastam;
j. Gambar berwarna yang menunjukkan kerosakan; dan
k. Dokumen-dokumen lain yang ditetapkan oleh Syarikat Insurans.

(vii) Agensi hendaklah meneliti tawaran penyelesaian tuntutan insurans daripada Syarikat Insurans.

(viii) Jika Agensi tidak bersetuju dengan tawaran penyelesaian yang dikemukakan, Agensi hendaklah mengadakan rundingan semula dengan Broker Insurans.

(ix) Jika Agensi bersetuju dengan tawaran penyelesaian yang dikemukakan, Agensi hendaklah mengembalikan *Discharge Voucher* (DV)/*Letter of Acceptance* (LOA) yang telah ditandatangan kepada Broker Insurans.

(x) Agensi hendaklah menyediakan resit sebagai bukti penerimaan setelah menerima pampasan insurans.

9.3. Agensi perlu memberikan kerjasama yang sewajarnya kepada Broker Insurans dan Penyelaras Tuntutan Insurans (*Loss Adjuster*) yang dilantik oleh Syarikat Insurans dengan memastikan dokumen sokongan yang lengkap diperoleh dan dikemukakan dengan kadar segera bagi melancarkan dan mempercepatkan proses tuntutan insurans.

9.4. Agensi hendaklah memantau pelupusan barangan import setelah Syarikat Insurans meneliti darjah kerosakan aset tersebut seperti berikut:

(i) Sekiranya aset yang rosak boleh dijual secara sekerap (*scrap*), Agensi boleh berbincang dengan Syarikat Insurans agar aset tidak dilupuskan di pasaran terbuka bagi menjamin kerahsiaan aset Kerajaan.

(ii) Sekiranya aset mengalami kerugian menyeluruh (*total loss*), aset tersebut boleh dilupuskan dengan kaedah-kaedah yang dipersetujui bersama oleh Agensi dan Syarikat Insurans.

(iii) Proses pelupusan aset-aset ini akan melibatkan pemeriksaan bersama (*joint inspection*) oleh wakil Agensi, wakil Syarikat Insurans, wakil Broker Insurans, *Loss Adjuster*, wakil Perbendaharaan dan pihak berkuasa lain yang berkaitan bagi memastikan ketelusan proses tersebut.

9.5. Agensi hendaklah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan risiko kerugian lanjut ke atas barangan import yang terlibat seperti kerosakan disebabkan pendedahan kepada cuaca atau kehilangan disebabkan kecurian.

9.6. Agensi dari masa ke masa hendaklah memantau dan mendapatkan status tuntutan insurans daripada Broker Insurans bagi memastikan tuntutan diselesaikan dalam tempoh masa yang munasabah.

10. Tarikh Kuat Kuasa

10.1. Peraturan ini berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024.

11. Pertanyaan

11.1. Sebarang pertanyaan mengenai pekeliling ini boleh dikemukakan melalui e-mel rantaianbekalan@treasury.gov.my dan/atau ke alamat seperti berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Perolehan Kerajaan
Aras 3, Blok Utara, Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Lampiran 1

[VERSI BAHASA MELAYU]

Diisi Oleh Pembekal Yang Berjaya

MAKLUMAT BERHUBUNG BARANGAN YANG DIIMPORT YANG DITAWARKAN DALAM SEBUT HARGA/TENDER ……

1. Maklumat Barangan:

Bil.	Nama Barangan	Deskripsi Barangan	Kuantiti Barang	Jenis Barangan *Bahaya/Am/Sensitif Dan Memerlukan Penjagaan Rapi/Lain-Lain (Jika Barangan Bahaya, Sila Nyatakan Kelas IMO UN No.)

2. Butir-Butir Terperinci Mengenai Barangan (Isi Ruangan Yang Berkaitan):
   2.1. Berat (Dalam Ukuran Tan Metrik):
   2.2. Dimensi (Total)(M^3):
   2.3. Tinggi:
   2.4. Panjang:
   2.5. Lebar:
   2.6. Butiran Lain (Sekiranya Berkaitan):

3. Pangkalan Memuat:
4. Lain-Lain (Nyatakan):

Tandatangan :

……

Nama Pegawai :
Jawatan :
Syarikat :
Tarikh :

Cop Syarikat :

*Potong mana yang tidak berkenaan

Lampiran 1

[VERSI BAHASA INGGERIS]

To Be Filled By Successful Supplier

PARTICULARS REGARDING IMPORTED TENDERED GOODS

……

1. Goods Information:

No.	Name of Goods	Description of Goods	Goods Quantity	Type of Goods *Please State Whether Goods Are Dangerous/ General/Sensitive and Any Requirement of Intensive Control/Etc (If It Is Dangerous Goods, Please State The Class IMO UN No.)

2. Detail Description of The Goods (Fill In The Relevant Fields):
   2.1. Weight (In Metric Tonnes):
   2.2. Dimension (Total)(M^3):
   2.3. Height:
   2.4. Width:
   2.5. Length:
   2.6. Other Details (If Necessary):

3. Port of Loading:
4. Others (Please State):

Signature :

……

Name of Officer :
Designation :
Company :
Date :

Company Stamp :

*Delete where necessary

Lampiran 2

Bila menjawab, sila
nyatakan nombor ini

NO. SEBUT HARGA:

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI …….

SEBUT HARGA UNTUK PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN/PENGHANTARAN
…….

Kepada (Nama Syarikat)

……

……

……

No. Telefon: ……

No. Faksimili: ……

Pelawaan Sebut Harga Dikeluarkan Oleh

Jabatan (Alamat Lengkap)

……

……

……

No. Telefon: ……

No. Faksimili: ……

Tarikh: ……

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan perkhidmatan penghantaran yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

   1.1. Syarat Penyerahan/Penyempurnaan …….

   1.2. Tarikh penyerahan atau tempoh penyempurnaan perkhidmatan dikehendaki ……...

   1.3. Arahan pengiriman bagi kontrak barangan ……...

   1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda No. Sebut Harga ……

   1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengahari ..... hb …….

   1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah .....hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: …….

Tandatangan: ……

Nama Pegawai: …….

Jawatan: ……

Lampiran 2

PERIHAL PERKHIDMATAN DAN SYARAT-SYARAT KHAS

A. Untuk Diisi oleh Agensi

1. Maklumat Barangan:

Bil.	Nama Barangan	Deskripsi Barangan	Kuantiti Barang	Jenis Barangan *Bahaya/Am/Sensitif Dan Memerlukan Penjagaan Rapi/Lain-Lain (Jika Barangan Bahaya, Sila Nyatakan Kelas IMO UN No.)

2. Butir-Butir Terperinci Mengenai Barangan (Isi Ruangan Yang Berkaitan):
   2.1. Berat (Dalam Ukuran Tan Metrik):
   2.2. Dimensi (Total)(M^3):
   2.3. Tinggi:
   2.4. Panjang:
   2.5. Lebar:

3. Pangkalan Memuat:
4. Pangkalan Punggah:
5. Destinasi Terakhir:
   (jika terdapat beberapa destinasi terakhir, sila nyatakan 'agihan kuantiti' mengikut destinasi di dalam lampiran)
6. Tarikh Barangan Perlu Berada Di Destinasi Terakhir Yang Dinamakan Oleh Agensi
   ……
7. Kaedah Incoterms (Tandakan (X) pada yang berkaitan):

i.	FOB		iii.	EXW	
ii.	FCA		iv.	Lain-lain (Nyatakan .....)	

8. Lain-Lain (Nyatakan): ……

Nota:
Penyebut harga hanya dibenarkan berhubung dengan kontraktor kepada kontrak induk untuk mengetahui lebih lanjut tentang keadaan barangan, tetapi dengan syarat mendapat kebenaran bertulis daripada Agensi

*Potong mana yang tidak berkenaan

Lampiran 2

B. <u>Untuk Diisi oleh Penyebut Harga</u>

Bil	Perihal Perkhidmatan	Kadar (RM)	Harga (RM)
1.	Jumlah Tambang: 1.1 Laut 1.2 Udara 1.3 Darat		
2.	Caj-caj perkhidmatan lain, sila nyatakan (sila guna lampiran)		
	Jumlah Tawaran		

3. Namakan syarikat perkapalan atau syarikat penerbangan yang digunakan:
4. Namakan syarikat pengangkutan darat yang digunakan di Malaysia:
5. Harga yang ditawarkan adalah harga bersih dan tarikh penyerahan dan penyempurnaan perkhidmatan penghantaran di atas ialah ……

Saya/kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan perkhidmatan penghantaran di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat am yang dilampirkan.

Tandatangan Penyebut Harga : ……

Nama : ……

Jawatan : ……

Alamat Syarikat : ……

……

Tarikh : ……

Lampiran 2

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. Keadaan Barangan

Semua barangan hendaklah dalam keadaan selamat.

2. Harga

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. Sebut Harga Sebahagian

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. Perkhidmatan Setara

Sebut harga boleh ditawarkan bagi perkhidmatan setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. Persetujuan

i. Kerajaan tidak terikat untuk menyetujuterima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.

ii. Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangkan sebagai suatu sebut harga yang berasingan.

6. Pemeriksaan

i. Kerajaan adalah sentiasa berhak untuk mengetahui kedudukan penghantaran barang-barang itu oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya pada bila-bila masa sebelum dan selepas barangan ke destinasi terakhir.

ii. Penyebutharga hendaklah memberi kerjasama dan kemudahan pemeriksaan apabila dikehendaki.

Lampiran 2

7. Perakuan Menyatakan Penentuan Telah Dipatuhi

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa penghantaran perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan itu.

8. Pengiklanan

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

9. Tafsiran

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

10. Insurans

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

Lampiran 3

Alamat MTO
(*Address of MTO*)

No. Kontrak MTO
(*MTO Contract No.*)

KERAJAAN MALAYSIA

ARAHAN PERKAPALAN
(*SHIPPING INSTRUCTION*)

1. No. Rujukan Arahan Perkapalan:
(*Shipping Instruction Ref. No.*)
Tarikh:
(*Date*)

2. Nama Dan Alamat Agensi:
(*Name and Address of Agency*)

3. Maklumat Kontrak MTO:
(MTO *Contract Information*)

   i. No. Kontrak:
   (*Contract No.*)

   ii. Nilai Kontrak:
   (*Contract Value*)

4. No. Pesanan Kerajaan MTO:
(MTO *Purchase Order No.*)

5. Jadual Penghantaran:
(*Delivery Schedule*)

6. Maklumat Kontrak Barangan:
(*Goods Contract Information*)

   i. No. Kontrak:
   (*Contract No.*)

   ii. Nilai Kontrak:
   (*Contract Value*)

7. No. Pesanan Kerajaan Barangan:
(*Goods Purchase Order No.*)

8. Maklumat Pembekal Tempatan:
(*Local Supplier Information*)

   i. Nama Syarikat:
   (*Company Name*)

   ii. Alamat Syarikat:
   (*Company Address*)

Lampiran 3

iii. Pegawai Yang Bertanggungjawab:
(*Person To Contact*)

iv. No. Telefon/Faksimili Dan E-mel:
(*Telephone/Fax No. And E-mail*)

9. Maklumat Pembekal Luar Negeri:
(*Oversea Supplier Information*)

i. Nama Syarikat:
(*Company Name*)

ii. Alamat Syarikat:
(*Company Address*)

iii. Pegawai Yang Bertanggungjawab:
(*Person To Contact*)

iv. No. Telefon/Faksimili dan E-mel:
(*Telephone/Fax No. and E-mail*)

10. Kaedah *Incoterms*:
(*Incoterms Method*)
Arahan: Tandakan (X) pada yang berkaitan.

i. *Free On Board* (FOB) ☐

ii. *Free Carrier* (FCA) ☐

iii. *Ex Works* (EXW) ☐

iv. Lain-lain (Nyatakan) : _____

11. Jenis Barangan:
(*Type Of Goods*)
Arahan: Tandakan (X) pada yang berkaitan.

i. Barangan Import Baharu
(*New Imported Goods*) ☐

ii. Pembaikan Barangan Yang Diimport Yang Masih Dalam Tempoh Jaminan
(*Repair Of Imported Goods That Are Still Under Warranty Period*) ☐

iii. Pembaikan Barangan Yang Diimport Yang Telah Tamat Tempoh Jaminan
(*Repair Of Imported Goods Which Warranty Period Has Been Expired*) ☐

iv. Pembaikan Barang Import Diisytiharkan Rosak Oleh Pelaras Tuntutan Insurans
(*Repairs Of Imported Goods Which Are Declared Damaged By The Insurance Claim Adjuster*) ☐

v. Lain-lain (*Others*)
Nyatakan: _____ ☐

Lampiran 3

12. Maklumat Kargo:
(*Cargo Information*)

Bil.	Perihal Barangan	IMO Kelas 1		Kuantiti Barang	Harga Barang	Harga Tambang MTO			Caj-Caj Lain	Jumlah
		Ya	Tidak			Udara	Laut	Darat		
Jumlah Keseluruhan										

13. Negara Asal Barangan Dibeli:
(*Country Of Origin Of Goods Purchased*)

14. Pangkalan Memuat:
(*Port Of Loading*)

15. Pangkalan Punggah:
(*Port Of Discharge*)

16. Destinasi Terakhir:
(*Final Destination*)

17. Tarikh Kargo Dijangka Tiba Di Destinasi Terakhir:
(*Expected Date Of Cargo Arrival At The Final Destination*)

18. Arahan Khas:
(*Special Instruction*)

19. Tanda Pengenalan:
(*Shipping Mark To Appear On Package*)

20. Tandatangan :
Nama Dan Jawatan :
Tarikh :
No. Telefon :
No. Faksimili :
Alamat E-mel :

s.k. i)

ii)

iii)

Lampiran 3

PANDUAN MENGISI ARAHAN PERKAPALAN

Bil.	Perihal	Keterangan
1.	No. Rujukan Arahan Perkapalan Dan Tarikh	Nyatakan nombor rujukan Arahan Perkapalan dan tarikh ianya dikeluarkan. Nota: ▪ Nombor rujukan Arahan Perkapalan hendaklah berlainan setiap satu penghantaran bagi memudahkan semasa proses padanan pembayaran dan dokumentasi tuntutan insurans (sekiranya ada).
2.	Nama Dan Alamat Agensi	Nyatakan nama dan alamat Agensi yang mengeluarkan Arahan Perkapalan.
3.	Maklumat Kontrak MTO	Nyatakan nombor rujukan kontrak dan nilai kontrak yang dimeterai antara Agensi dan MTO.
4.	No. Pesanan Kerajaan MTO	Nyatakan nombor Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan kepada MTO. Satu (1) salinan Pesanan Kerajaan hendaklah dilampirkan bersama.
5.	Jadual Penghantaran	Nyatakan jangkaan tarikh mula memuat kargo di Pangkalan Memuat atau tempat-tempat yang dinamakan di negara asal (*country of origin*) barangan dibeli atau negara pembuat. Nota: ▪ Tarikh mula memuat kargo akan menentukan tarikh permulaan perlindungan insurans bagi barangan yang diimport.
6.	Maklumat Kontrak Barangan	Nyatakan nombor rujukan kontrak dan nilai kontrak yang dimeterai antara Agensi dan pembekal barangan.
7.	No. Pesanan Kerajaan Barangan	Nyatakan nombor Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan kepada pembekal barangan. Satu (1) salinan Pesanan Kerajaan hendaklah dilampirkan bersama.
8.	Maklumat Pembekal Tempatan	Nyatakan nama syarikat, alamat syarikat, nama pegawai yang bertanggung jawab ke atas perolehan barangan dan nombor telefon/faksimili serta e-mel bagi pembekal tempatan yang dimeterai kontrak dengan Agensi.
9.	Maklumat Pembekal Luar Negeri	Nyatakan nama syarikat, alamat syarikat, nama pegawai yang bertanggung jawab ke atas perolehan barangan dan nombor telefon/faksimili serta e-mel bagi pembekal luar negara di mana pesanan dibuat oleh Agensi.
10.	Kaedah Incoterms	Tandakan (X) pada *Incoterms* yang telah ditetapkan oleh Agensi seperti di dalam dokumen sebut harga/tender perolehan barangan import.
11.	Jenis Barangan	Tandakan (X) pada jenis barangan yang berkaitan.

Lampiran 3

Bil.	Perihal	Keterangan
12.	Maklumat Kargo	Nyatakan perihal barangan, kelas IMO barangan, kuantiti barang, harga barang, harga tambang MTO (Udara, Laut dan/atau Darat) dan caj-caj khusus untuk Arahan Perkapalan ini seperti fi pelabuhan dan duti import.
13.	Negara Asal Barangan Dibeli	Nyatakan nama negara di mana barangan dibeli. Nota: ▪ Agensi hendaklah menyemak sama ada negara asal barangan dibeli tersenarai dalam negara yang dikenakan sekatan oleh PBB dan organisasi lain yang dianggotai oleh Malaysia.
14.	Pangkalan Memuat	Nyatakan nama pelabuhan, lapangan terbang atau tempat penghantaran (gudang/Zon Ekonomi Bebas) di mana penghantaran akan diuruskan.
15.	Pangkalan Punggah	Nyatakan nama pelabuhan, lapangan terbang atau tempat penghantaran (gudang/Zon Ekonomi Bebas) di mana barangan akan dipunggah.
16.	Destinasi Terakhir	Nyatakan tempat alamat terakhir barangan perlu dihantar oleh MTO.
17.	Tarikh Kargo Dijangka Tiba Di Destinasi Terakhir	Nyatakan tarikh kargo dijangka tiba di destinasi terakhir. Nota: ▪ Tarikh jangkaan kargo tiba di destinasi terakhir akan menentukan tarikh akhir perlindungan insurans bagi barangan yang diimport.
18.	Arahan Khas	Nyatakan arahan khas oleh Agensi kepada MTO seperti pengawasan rapi kerana barangan adalah sensitif kepada suhu tinggi, gegaran atau arahan-arahan khas lain yang patut diambil perhatian oleh MTO.
19.	Tanda Pengenalan	Tanda pengenalan di luar bungkusan seperti penggunaan lambang Agensi, alamat Agensi atau tanda-tanda pengenalan lain bagi memudahkan bungkusan dikenalpasti sebagai bungkusan Agensi tersebut.
20.	Maklumat Pegawai Yang Mengurus Pembelian Salinan Kepada (s.k.)	Pegawai yang menguruskan pembelian barangan hendaklah menandatangan Arahan Perkapalan berserta nama pegawai, jawatan pegawai, tarikh Arahan Perkapalan ditandatangan dan nombor telefon/faksimili/e-mel supaya mudah dihubungi. Pihak-Pihak lain yang patut dimaklumkan mengenai penghantaran barangan yang sedang diuruskan oleh MTO seperti Perbendaharaan dan Pembekal Tempatan.

Lampiran 4

MAKLUMAT SYARIKAT INSURANS YANG DILANTIK OLEH KERAJAAN

No. SST	Maklumat Syarikat Insurans
MOF.BPK(S)600-14/4/15 (26)	Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad Tingkat 14, Blok Annex Menara Takaful Malaysia No. 4, Jalan Sultan Sulaiman **50000 KUALA LUMPUR** Telefon: +603-22681984 No. Faks: +603-22742864 E-mel: csu@takaful-malaysia.com.my

Lampiran 5

MAKLUMAT BROKER INSURANS YANG DILANTIK OLEH KERAJAAN

Bil.	No. SST	Maklumat Broker Insurans	Maklumat Akaun Bank
1.	MOF.BPK(S)600-14/4/18 (2)	Tradewinds International Insurance Brokers Sdn. Bhd. 37th Floor, Menara AIA Cap Square No. 10, Jalan Munshi Abdullah **50100 KUALA LUMPUR** Nama Pegawai: Puan Zarina binti Mohd Sahim Telefon: +603-2380 4841/+6012-258 6889 E-mel: zarina@tradewindscorp-insbrok.com	RHB Bank Berhad Tun H.S. Lee No. Akaun: 214361 3501284 8
2.	MOF.BPK(S)600-14/4/18 (3)	Howden Takaful Brokers Sdn. Bhd. Level 27 Menara Etiqa No. 3 Jalan Bangsar Utama 1 **59000 KUALA LUMPUR** Nama Pegawai: Encik Muhammad Hazman bin Mohd Sabri Telefon: +603-9213 0606/+6013-356 4187 E-mel: hazman.sabri@my.howdengroup.com	CIMB Bank Berhad Menara CIMB KL Sentral No. Akaun: 8604 0313 89
3.	MOF.BPK(S)600-14/4/18 (4)	KSDC Insurance Brokers Sdn. Bhd. No. 30-1 Jalan 1/76C Desa Pandan **55100 KUALA LUMPUR** Nama Pegawai: Encik Mohd Sabirin bin Zainuddin Telefon: +603-9200 8172/+6017-6963554 E-mel: sabirin@ksdcbrokers.com	Bank Islam Malaysia Berhad Alor Setar, Kedah No. Akaun: 02011010032919
4.	MOF.BPK(S)600-14/4/18 (5)	MMS (Insurance Brokers) Sdn. Bhd. No.20 Jalan SS19/5B 47500 Subang Jaya Selangor Darul Ehsan Nama Pegawai: Puan Aisyah Faridah binti Md Yusof Telefon: +603-5633 7800/+6019-601 5253 E-mel: aisyah@mmsbrokers.com	Cimb Islamic Bank Berhad Subang Jaya No. Akaun: 8602016861

Lampiran 5

Bil.	No. SST	Maklumat Broker Insurans	Maklumat Akaun Bank
5.	MOF.BPK(S)600-14/4/18 (6)	Perinsuran (Brokar) Sdn. Bhd. 208, Block D, Phileo Damansara 1 9 Jalan 16/11, Off Jalan Damansara 46350 Petaling Jaya **SELANGOR DARUL EHSAN** Nama Pegawai: Puan Nuraimi Rahidah binti Rosdin Telefon: +603-7960 4921/+6012-889 9867 E-mel: nuraimi@perinsuran.com	RHB Bank Berhad Kuching, Sarawak No. Akaun: 2112 12000 30640
6.	MOF.BPK(S)600-14/4/18 (7)	PNSB Insurance Brokers Sdn. Bhd. Tingkat 17, Wisma Ehsan, BSN CUN Selangor Persiaran Dato' Menteri, Seksyen 14 40000 Shah Alam **SELANGOR DARUL EHSAN** Nama Pegawai: Puan Nur Zarith Eylia binti Mohamad Nabri Telefon: +603-7800 0360/+6019-4965546 E-mel: eylia@pnsbinsbroker.com.my	RHB Islamic Bank Berhad Seksyen 16, Shah Alam No. Akaun: 2620 54000 23185
7.	MOF.BPK(S)600-14/4/18 (8)	Protac Insurance Brokers Sdn. Bhd. No.35, Wisma Protac Jalan Mamanda 7 Ampang Point 68000 Ampang **SELANGOR DARUL EHSAN** Nama Pegawai: Encik Rizuan bin Othman Telefon: +603-4251 1636/1635/1640/ +6012-3388171 E-mel: wan@protac.com.my	Affin Islamic Bank Berhad Ampang Jaya No. Akaun: 1053 0000 0825

Lampiran 5

Bil.	No. SST	Maklumat Broker Insurans	Maklumat Akaun Bank
8.	MOF.BPK(S)600-14/4/18 (10)	SP&G Gallagher Insurance Brokers Sdn. Bhd. 4th Floor, Menara Yayasan Tun Razak No.200, Jalan Bukit Bintang **55100 KUALA LUMPUR** Nama Pegawai: Encik Zainul Hasrin bin Johari Telefon: +603-2708 2200/+6012-671 8476 E-mel: zainul@spggib.com.my	Alliance Bank Malaysia Berhad Star Boulevard KLCC No. Akaun: 1405 5001 0049 585
9.	MOF.BPK(S)600-14/4/18 (11)	Transnational Insurance Brokers (M) Sdn. Bhd. 1st & 2nd Floor, Wisma TIB 3rd Mile, Central Avenue Jalan Tan Sri Datuk Amar Kalong Ningkan 93250 Kuching **SARAWAK** Nama Pegawai: Cik Lorna Vincent Bujal Telefon: +6082-455 841 ext.206/+6013-8184549 E-mel: lornav@transnat.com.my	Maybank Islamic Berhad Kuching, Sarawak No. Akaun: 5611 1805 5088

Lampiran 6

[VERSI BAHASA MELAYU]

NOTIS TUNTUTAN KEPADA PIHAK KETIGA

(Pihak Berkuasa Pelabuhan/Kapal Pengangkutan/Lapangan Terbang/ MTO/Pengurus Lori)*

Tuan,

Perkara	**:**	**Konsainan (Butir Barangan)**	**:**
		Daripada	**:**
		Tempat Ketibaan	**:**
		***Airway Bil*/No.Bill Muatan**	**:**

Saya diarah untuk memaklumkan konsainan di atas telah diterima pada …… dan didapati rosak/kurang bekal/hilang semasa barangan tersebut di bawah jagaan tuan.

2. Dengan itu, surat ini adalah sebagai notis tuntutan Kerajaan kepada tuan agar tuan dapat menjalankan penyiasatan sewajarnya. Sila maklumkan kepada Jabatan ini dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat ini sama ada tuan akan membayar gantirugi ke atas tuntutan ini. Bersama-sama ini disertakan salinan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan tuntutan ini.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

Nama :

Jawatan :

NOTA:

* Potong/Tambah di mana berkaitan

Lampiran-lampiran yang perlu disertakan bersama-sama notis tuntutan ini ialah:

(i) Salinan Pernyataan Tuntutan yang diakui sah;
(ii) Salinan Invois Pembekal yang diakui sah;
(iii) Salinan *Bill Of Lading/Airway Bill* yang diakui sah;
(iv) Salinan Laporan Pemeriksaan MTO yang diakui sah (jika berkenaan); dan
(v) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

Lampiran 6

[VERSI BAHASA INGGERIS]

CLAIM NOTICE TO THIRD PARTY

(Port Authority/Airport Authority/Carrier/MTO/Lorry Operators)*

Dear Sir,

RE	**:**	**Consignment (Details of Goods)**	**:**
		From	**:**
		Destination	**:**
		Airway Bill/Bill Of Lading No.	**:**

We wish to advise you that the above consignment was received on ……. and found to be damaged*/short/contaminated whilst in your custody.

2. This letter is intended to serve as a notice of our claim and is sent to you so that you may proceed with the necessary investigation and advise us within 14 days whether you would accept liability. Enclosed are copies of the relevant documents.

We look forward to receiving your reply.

Yours Faithfully,

(……..)

Name :

Designation :

NOTE:

* Delete/Add where necessary

Attachments that need to be included with this claim notice are:

(i) Certified Copy Statemet of Claim;
(ii) Certified Copy of Supplier’s Invoice;
(iii) Certified Copy of Bill of Lading/Airway Bill;
(iv) Certified Copy of MTO’s Survey Note (if applicable); and
(v) Others relevant documents